

Syeikh Hamzah al-Fansuri

Sasterawan sufi agung

SYEIKH Hamzah al-Fansuri telah banyak dibicarakan orang, namun tidak dapat dinafikan perkara-perkara baru sentiasa ditemui oleh para peneliti. Pada mukadimah ini saya nyatakan bahawa tanpa diketahui siapakah yang pertama mengkhayal rupa tokoh agung sufi Nusantara itu, sehingga ditemui gambar imaginasi beliau.

Gambar Syeikh Hamzah al-Fansuri dapat dipastikan sebagai gambar imaginasi, kerana pada zaman beliau memang belum ada kamera. Sebenarnya ia berlaku bukan pada Syeikh Hamzah al-Fansuri saja, tetapi juga terjadi pada ulama-ulama lainnya, termasuk Imam al-Ghazali, Syeikh 'Abdul Qadir al-Jilani, Syeikh Nuruddin ar-Raniri, Wali Sembilan dan lain-lain. Sungguh pun dipastikan gambar Syeikh Hamzah al-Fansuri adalah gambar imaginasi, namun dalam artikel ini disiarkan juga, dan ia merupakan pertama kali disiarkan dalam media cetak secara meluas.

Hampir semua pengkaji yang membicarakan tokoh ulama ini pada zaman moden, selalu merujuk kepada karya-karya Prof. Dr. Syed M. Naquib al-Attas. Barangkali dunia memang mengakui bahawa beliaulah orang yang paling banyak memperkenalkan Syeikh Hamzah al-Fansuri ke peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun apabila kita membaca keseluruhan karya Prof. Dr. Syed M. Naquib al-Attas yang membicarakan Syeikh Hamzah al-Fansuri, bukanlah bererti kita tidak perlu mentelaah karya-karya lain lagi, kerana apabila kita mentelaah karya-karya selainnya, terutama sekali yang masih berupa manuskrip, tentu sedikit sebanyak kita akan menemukan perkara-perkara baru yang belum dibicarakan. Karya terkini tentang Syeikh Hamzah al-Fansuri ialah buku yang diberi judul Tasawuf Yang Tertindas Kajian Hermeneutik Terhadap Karya-Karya Hamzah Fansuri. Buku setebal 444 halaman itu dikarang oleh Dr. Abdul Hadi W.M. dan terbitan pertama oleh Penerbit Paramadina, Jakarta, 2001. Sama ada karya-karya Prof. Dr. Syed M. Naquib al-Attas mahupun karya Dr. Abdul Hadi W.M., sedikit pun tiada menyentuh gambar Syeikh Hamzah al-Fansuri seperti yang tersebut di atas.

Asal-usul dan pendidikan

Prof. A. Hasymi pada penyelidikannya yang lebih awal bertentangan dengan hasil penyelidikannya yang terakhir. Penyelidikan awal, ayah Syeikh Hamzah al-Fansuri nampaknya tidak ada hubungan adik beradik dengan ayah Syeikh Abdur Rauf al-Fansuri. Penyelidikan terakhir beliau mengatakan bahawa Syeikh Hamzah al-Fansuri itu adalah adik beradik dengan Syeikh Ali al-Fansuri. Syeikh Ali al-Fansuri adalah ayah kepada Syeikh Abdur Rauf al-Fansuri. Penyelidikan awal yang saya maksudkan ialah yang ditulis oleh Prof. A. Hasymi dalam Ruba'i Hamzah Fansuri yang dapat diambil pengertian daripada kalimatnya, "Ayah Hamzah pindah dari

Fansur (Singkel) ke Barus untuk mengajar, kerana beliau juga seorang ulama besar, seperti halnya ayah Syeikh Abdur Rauf Fansuri yang juga ulama, sama-sama berasal dari Fansur (Singkel)" (terbitan DBP, 1976, hlm. 11). Mengenai penyelidikan Prof. A. Hasyimi yang menyebut Syeikh Hamzah al-Fansuri saudara Syeikh Ali al-Fansuri atau Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri adalah anak saudara kepada Syeikh Hamzah al-Fansuri, dapat dirujuk kepada kata pengantar buku Hamzah Fansuri Penyair Sufi Aceh karya Abdul Hadi W.M. Dan L. K. Ara, diterbitkan oleh Penerbit Lotkala, tanpa menyebut tempat dan tarikh.

Walaupun Prof. A. Hasyimi belum memberikan suatu pernyataan tegas bahawa beliau memansuhkan tulisannya yang disebut dalam Ruba'i Hamzah Fansuri, namun kita terpaksa memakai penyelidikan terakhir seperti yang telah dijelaskan di atas. Dr. Azyumardi Azra dalam bukunya, Jaringan Ulama mengatakan bahawa beliau tidak yakin bahawa Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri itu benar-benar keponakan (anak saudara) Syeikh Hamzah al-Fansuri. "Sebab, menurutnya, tidak ada sumber lain yang mendukung hal itu." Bagi saya ia masih boleh dibicarakan dan perlu penelitian yang lebih sempurna dan berkesinambungan. Sebab yang dinamakan sumber pendukung sesuatu pendapat, bukan hanya berdasarkan tulisan tetapi termasuklah cerita yang mutawatir. Kemungkinan Prof. A. Hasyimi yang berasal dari Aceh itu lebih banyak mendapatkan cerita yang mutawatir berbanding penelitian barat yang banyak disebut oleh Azra. Diterima atau tidak oleh pengkaji selain beliau, terpulanglah ijhtihad masing-masing orang yang berkenaan.

Dalam buku Hamzah Fansuri Penyair Aceh, Prof. A. Hasyimi menyebut bahawa Syeikh Hamzah Fansuri hidup sampai akhir pemerintahan Sultan Iskandar Muda ternyata juga ada perubahan daripada tulisan beliau yang termaktub dalam Ruba'i Hamzah Fansuri selengkapnya, "Hanya yang sudah pasti, bahawa beliau hidup dalam masa pemerintahan Sultan Alaidin Riayat Syah IV Saiyidil Mukammil (997-1011 H-1589-1604 M) sampai ke permulaan pemerintahan Sultan Iskandar Muda Darma Wangsa Mahkota Alam (1016-1045 H-1607-1636 M)." Yang dimaksudkan dengan "ternyata juga ada perubahan", ialah pada kalimat, "sampai ke permulaan pemerintahan Sultan Iskandar Muda," menjadi kalimat "akhir pemerintahan Sultan Iskandar Muda."

Tarikh lahir Syeikh Hamzah al-Fansuri secara tepat belum dapat dipastikan, adapun tempat kelahirannya ada yang menyebut Barus atau Fansur. Disebut lebih terperinci oleh Prof. A. Hasyimi bahawa Fansur itu satu kampung yang terletak antara Kota Singkel dengan Gosong Telaga (Aceh Selatan). Dalam zaman Kerajaan Aceh Darussalam, kampung Fansur itu terkenal sebagai pusat pendidikan Islam di bahagian Aceh Selatan. Pendapat lain menyebut bahawa beliau dilahirkan di Syahrhun Nawi atau Ayuthia di Siam dan berhijrah serta menetap di Barus.

Drs. Abdur Rahman al-Ahmadi dalam kertas kerjanya menyebut bahawa ayah Syeikh Hamzah al-Fansuri bernama Syeikh Ismail Aceh bersama Wan Ismail dan Po Rome atau Po Ibrahim (1637- 1687 M) meninggal dunia dalam pertempuran melawan orang Yuwun (Annam) di Phanrang. Bahawa Syeikh Ismail Aceh itu pernah menjadi gabenor di

Kota Sri Banoi menggantikan Gabenor Wan Ismail asal Patani yang melepaskan jabatan itu kerana usianya yang lanjut. Drs. Abdur Rahman Al-Ahmadi berpendapat baru, dengan menambah Syahrin Nawi itu di Sri Banoi Sri Vini, selain yang telah disebutkan oleh ramai penulis bahawa Syahrin Nawi adalah di Siam atau Aceh. Dalam Patani, iaitu antara perjalanan dari Patani ke Senggora memang terdapat satu kampung yang dinamakan Nawi, berkemungkinan dari kampung itulah yang dimaksudkan seperti yang termaktub dalam syair Syeikh Hamzah al-Fansuri yang menyebut nama Syahrin Nawi itu. Kampung Nawi di Patani itu barangkali nama asalnya memang Syahrin Nawi, lalu telah diubah oleh Siam hingga bernama Nawi saja. Syahrin Nawi adalah di Patani masih boleh diambil kira, kerana pada zaman dulu Patani dan sekitarnya adalah suatu kawasan yang memang ramai ulamanya. Saya telah sampai ke kampung tersebut (1992), berkali-kali kerana mencari manuskrip lama. Beberapa buah manuskrip memang saya peroleh di kampung itu. Lagi pula antara Aceh dan Patani sejak lama memang ada hubungan yang erat sekali. Walau bagaimanapun Prof. A. Hasymi menyebut bahawa Syahrin Nawi itu adalah nama dari Aceh sebagai peringatan bagi seorang Pangeran dari Siam yang datang ke Aceh pada masa silam yang bernama Syahir Nuwi, yang membangun Aceh pada zaman sebelum Islam.

Daripada berbagai-bagai sumber disebutkan bahawa Syeikh Hamzah al-Fansuri telah belajar berbagai-bagai ilmu yang memakan masa lama. Selain belajar di Aceh sendiri beliau telah mengembara ke pelbagai tempat, di antaranya ke Banten (Jawa Barat), bahkan sumber yang lain menyebut bahawa beliau pernah mengembara keseluruh tanah Jawa, Semenanjung Tanah Melayu, India, Parsi dan Arab. Dikatakan bahawa Syeikh Hamzah al-Fansuri sangat mahir dalam ilmu-ilmu fikah, tasawuf, falsafah, mantiq, ilmu kalam, sejarah, sastera dan lain-lain. Dalam bidang bahasa pula beliau menguasai dengan kemas seluruh sektor ilmu Arabiyah, fasih dalam ucapan bahasa itu, berkebolehan berbahasa Urdu, Parsi, Melayu dan Jawa.

Karya-karyanya

Syeikh Hamzah al-Fansuri dapat digolongkan kepada peringkat awal dalam menghasilkan karya puisi/sastera dalam bahasa Melayu, sangat menonjol terutama sekali dalam sektor sufi. Lebih terserlah lagi kemasyhurannya kerana terjadi kontroversi yang dilemparkan oleh orang-orang yang tidak sependapat dengannya yang dimulai dengan karya-karya Syeikh Nuruddin ar-Raniri, berlanjutan terus hingga sampai ke hari ini karya-karya Syeikh Hamzah al-Fansuri selalu dibicarakan dalam forum-forum ilmiah. Di bawah ini saya cuba menyenaraikan karya beliau yang telah diketahui, iaitu: 1). Syarb al-'Asyiqin atau Zinatul Muwahhidin. 2). Asrar al-'Arifin fi Bayan 'Ilm as-Suluk wa at-Tauhid. 3). Al-Muntahi. 4). Ruba'i Hamzah Fansuri. 5). Kasyf Sirri Tajalli ash-Shibyan. 6). Kitab fi Bayani Ma'rifah. 7). Syair Si Burung Pingai. 8). Syair Si Burung Pungguk. 9). Syair Sidang Faqir. 10). Syair Dagang. 11). Syair Perahu. 12). Syair Ikan Tongkol. Keterangan lengkap mengenai data karya Syeikh Hamzah al-Fansuri dapat dirujuk dalam buku yang saya susun berjudul Al-Ma'rifah Pelbagai

Aspek Tasawuf Nusantara, jilid 1. Senarai yang tersebut di atas merupakan maklumat yang terlengkap buat sementara dan akan ditambah lagi jika terdapat maklumat baru yang belum termuat dalam senarai di atas.

Mengakhiri artikel ini di sini perlu dijelaskan bahawa makam Syeikh Hamzah al-Fansuri telah ditemui sebagaimana ditulis oleh Dada Meuraxa: "Di satu kampung yang bernama Obor terletak di hulu Sungai Singkil, terdapat makam ulama dan pujangga Hamzah Fansuri. Makam itu bertulis: Inilah makam Hamzah Fansuri mursit Syeikh Abdurrauf = Hamzah Fansuri guru Syeikh Abdur Rauf."

Mengenai tahun wafat Syeikh Hamzah al-Fansuri secara tepat selama ini tidak pernah disebut. Tetapi Azra dalam Jaringan Ulama menyebut bahawa ulama sufi itu wafat pada tahun 1016 H/1607 M. Disebutkan tahunnya itu disekalikannya membantah bahawa Syeikh Abdur Rauf al-Fansuri (Al-Sinkili, menurut istilahnya) "tidak mungkin bertemu dengan ulama sufi itu", menurutnya "Al-Sinkili bahkan belum lahir".

Seolah-olah Azra menolak mentah-mentah tahun kelahiran Syeikh Abdur Rauf al-Fansuri yang disebut oleh A. Hasymi tahun 1001 H/1592 M itu, kemungkinan dia berpegang pada tahun kelahiran 1024 H/1615 M, atau pendapat lain 1620 M, sedangkan tahun kewafatan Syeikh Hamzah al-Fansuri yang disebutnya 1016 H/1607 M itu belum juga tentu betul. Wallahu a'lam.

Penutup

Gambar imaginasi Syeikh Hamzah al-Fansuri yang saya sebut pada mukadimah, walaupun saya sendiri lebih mengutamakan sesuatu yang asli, namun terpaksa disiarkan juga. Pada zaman kita selain orang yang suka kepada keaslian, sebaliknya sangat ramai yang suka kepada sesuatu yang bercorak tiruan.

Bunga tiruan lebih mendapat pasaran daripada bunga yang asli. Ramai yang menyanggah ilmu yang bercorak rohani, kerana terpengaruh dengan persekitaran yang bercorak fantasi. Pembangunan fizikal lebih meluas dibicarakan berbanding pembinaan iman dan makrifat.

Syeikh Nuruddin ar-Raniri

Ulama ahli debat

PADA mukadimah dan penutup tentang Syeikh Hamzah al-Fansuri keluaran yang lalu, telah saya singgung gambar imaginasi. Dalam artikel ini disiarkan gambar imaginasi Syeikh Nuruddin ar-Raniri yang juga tiada siapa yang tahu penciptanya, seperti Syeikh Hamzah al-Fansuri juga. Sebagaimana Syeikh Hamzah al-Fansuri, nama Syeikh Nuruddin ar-Raniri cukup banyak mendapat perhatian dan ditulis orang. Jauh sebelum kedatangan Syeikh Nuruddin ar-Raniri ke Aceh, pada masa pemerintahan Sultan Husein (pengganti Sultan sebelumnya), yang mangkat tahun 975 H/1567 M, di Aceh telah ada seorang ulama yang digelar Syeikh Nuruddin. Mengenainya disebut dalam Hikayat Aceh.

Perlu dibezakan, apabila kita menulis nama lengkap Syeikh Nuruddin ar-Raniri dengan nama ayah saudaranya yang pernah datang ke Aceh. Syeikh Nuruddin ar-Raniri yang diriwayatkan ini nama lengkapnya berdasarkan kepada karya-karyanya ialah Syeikh Nuruddin Muhammad ibnu 'Ali ibnu Hasanji ibnu Muhammad Hamid ar-Raniri al-Quraisyi. Syeikh Nuruddin ar-Raniri walau pun berasal daripada keturunan Arab di India dari pihak ayahnya dan bangsa Melayu dari sebelah ibu, namun beliau lama tinggal di Pahang dan Aceh, dan banyak mengarang kitab-kitab dalam bahasa Melayu. Sebahagian besar karangannya ditujukan membantah fahaman 'Wahdatul Wujud' yang diajarkan oleh Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Syamsuddin as-Sumatra-i.

Banyak perkara menarik mengenai ulama ini, di antaranya kitab fikah dalam bahasa Melayu yang pertama sekali berjudul ash-Shirath al-Mustaqim adalah karya beliau. Demikian juga mengenai kitab hadis yang berjudul al-Fawaid al-Bahiyah fi al-Ahadits an-Nabawiyah atau judul lainnya Hidayah al-Habib fi at-Tarhib wa at-Tarhib, adalah kitab membicarakan hadis yang pertama sekali dalam bahasa Melayu.

Hampir semua penulis menyebut bahawa Syeikh Nuruddin ar-Raniri dilahirkan di Ranir, berdekatan dengan Gujarat. Asal usul beliau ialah bangsa Arab keturunan Quraisy yang berpindah ke India. Tetapi salah seorang muridnya bernama Muhammad 'Ali atau Manshur yang digelar dengan Megat Sati ibnu Amir Sulaiman ibnu Sa'id Ja'far Shadiq ibnu 'Abdullah dalam karyanya Syarab al-'Arifin li Ahli al-Washilin menyebut bahawa Syeikh Nuruddin ar-Raniri adalah "Raniri negerinya, Syafi'ie nama mazhabnya, Bakri bangsanya."

Pendidikan asasnya dipercayai diperolehnya di tempat kelahirannya Raniri atau Rander. Raniri/Rander, sebahagian riwayat mengatakan berdekatan dengan Kota Surat, dan riwayat lain mengatakan dekat Bikanir, kedua-duanya di negeri India. Syeikh Nuruddin ar-Raniri berhasil berangkat ke Mekah dan Madinah dalam tahun 1030 H/1621 M dan di sana beliau sempat belajar kepada Syeikh Abu Hafash 'Umar bin 'Abdullah Ba Syaiban atau nama lain ulama ini ialah Saiyid 'Umar al-'Aidrus. Kepada ulama ini beliau mengambil bai'ah Thariqat Rifa'iyah. Dalam sektor

Thariqat Rifa'iyah itu syeikh yang tersebut adalah murid kepada Syeikh Muhammad al-'Aidrus. Selain Thariqat Rifa'iyah, Syeikh Nuruddin ar-Raniri juga pengamal Thariqat Qadiriyyah.

Kedatangan Syeikh Nuruddin ar-Raniri buat pertama kalinya ke Aceh diriwayatkan dalam tahun 1577 M, tetapi ada juga ahli sejarah mencatat bahawa beliau sampai di Aceh pada tahun 1637 M. Ini bererti setahun setelah mangkatnya Sultan Iskandar Muda (memerintah dari tahun 1606 M hingga 1636 M). Syeikh Nuruddin ar-Raniri seakan-akan kedatangan pembawa satu pendapat baru, yang asing dalam masyarakat Aceh. Setiap sesuatu yang baru selalu menjadi perhatian dan pengamatan orang, sama ada pihak kawan atau pun pihak lawan. Fahaman baru yang dibawa masuk oleh Syeikh Nuruddin ar-Raniri itu ialah fahaman anti atau penolakan tasawuf ajaran model Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Syamsuddin as-Sumatra-i. Kedua-dua ajaran ulama sufi itu adalah sesat menurut pandangan beliau.

Syeikh Nuruddin ar-Raniri mendapat tempat pada hati Sultan Iskandar Tsani, yang walaupun sebenarnya pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda beliau tidak begitu diketahui oleh masyarakat luas.

Oleh sebab ketegasan dan keberaniannya ditambah lagi, Syeikh Nuruddin ar-Raniri menguasai berbagai-bagai bidang ilmu agama Islam, mengakibatkan beliau sangat cepat menonjol pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Tsani itu. Akhirnya Syeikh Nuruddin ar-Raniri naik ke puncak yang tertinggi dalam kerajaan Aceh, kerana beliau mendapat sokongan sepenuhnya daripada sultan. Beliau memang ahli dalam bidang ilmu Mantiq (Logika) dan ilmu Balaghah (Retorika). Dalam ilmu Fikah, Syeikh Nuruddin ar-Raniri adalah penganut Mazhab Syafie, walaupun beliau juga ahli dalam ajaran mazhab-mazhab yang lainnya. Dari segi akidah, Syeikh Nuruddin ar-Raniri adalah pengikut Mazhab Ahlus Sunnah wal Jama'ah yang berasal daripada Syeikh Abul Hasan al-Asy'ari dan Syeikh Abu Manshur al-Maturidi. Pegangannya dalam tasawuf ialah beliau adalah pengikut tasawuf yang mu'tabarah dan pengamal berbagai-bagai thariqah sufiyah. Tetapi suatu perkara yang aneh, dalam bidang tasawuf beliau menghentam habis-habisan Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Syamsuddin as-Sumatra-i. Walau bagaimanapun Syeikh Nuruddin ar-Raniri tidak pernah menyalahkan, bahkan menyokong Syeikh Muhyuddin ibnu 'Arabi, Abi Yazid al-Bistami, 'Abdul Karim al-Jili, Abu Manshur Husein al-Hallaj dan lain-lain. Perkataan yang bercorak 'syathahiyat' yang keluar daripada ulama-ulama sufi yang tersebut itu tidak pernah beliau salahkan tetapi sebaliknya perkataan yang bercorak 'syathahiyat' yang berasal daripada Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Syamsuddin as-Sumatra-i selalu ditafsirkan secara salah oleh Syeikh Nuruddin ar-Raniri. Di dalam karyanya Fath al-Mubin 'ala al-Mulhidin, Syeikh Nuruddin ar-Raniri berpendapat bahawa al-Hallaj mati syahid. Katanya: "Dan Hallaj itu pun syahid fi sabilillah jua." Padahal jika kita teliti, sebenarnya Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Syamsuddin as-Sumatra-i itu pegangannya tidak ubah dengan al-Hallaj.

Ajaran Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Syamsuddin as-Sumatra-i berpunca daripada ajaran Syeikh Muhyuddin ibnu 'Arabi, Syeikh Abi Yazid al-Bistami, Syeikh 'Abdul Karim al-Jili dalam satu sektor. Dan bahagian lain juga berpunca daripada ajaran Imam al-Ghazali, Syeikh Junaid al-Baghdadi dan lain-lain, adalah dipandang muktabar, sah dan betul menurut pandangan ahli tasawuf. Bahawa ajaran tasawuf telah berurat dan berakar di kalbi, bahkan telah mesra dari hujung rambut hingga ke hujung kaki, dari kulit hingga daging, dari tulang hingga ke sumsum pencinta-pencintanya, yang tentu saja mereka mengadakan tentangan yang spontan terhadap Syeikh Nuruddin ar-Raniri. Bahkan kepada siapa saja yang berani menyalah-nyalahkan pegangan mereka. Pengikut-pengikut Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Syamsuddin as-Sumatra-i menganggap kedua-dua guru mereka adalah wali Allah, yang faham terhadap pengetahuan syariat, tarekat, haqiqat dan makrifat. Mereka beranggapan, walaupun diakui bahawa Syeikh Nuruddin ar-Raniri sebagai seorang ulama besar, yang dikatakan juga telah mengetahui ilmu tasawuf, namun tasawuf yang diketahui oleh Syeikh Nuruddin ar-Raniri itu hanyalah tasawuf zahir belaka. Bahawa beliau hanyalah mengetahui kulit ilmu tasawuf, tetap tidak sampai kepada intipati tasawuf yang sebenar-benarnya. Bahawa beliau baru mempunyai ilmu lisan sebagai hujah belaka, tetapi belum mempunyai ilmu kalbi, yang dinamakan juga dengan ilmu yang bermanfaat. Oleh itu, wajiblah mereka membela guru mereka yang mereka sanjung tinggi itu.

Selama menetap di Pahang atau pun setelah beliau pindah ke Aceh, ramai penduduk yang berasal dari dunia Melayu belajar kepada ulama besar yang berasal dari India itu, namun sampai riwayat ini saya tulis, belum dijumpai tulisan yang menyenaraikan nama murid-murid Syeikh Nuruddin ar-Raniri. Untuk memulakan penjejakan mengenainya di sini dapat saya perkenalkan hanya dua orang, iaitu: Syeikh Yusuf Tajul Mankatsi/al-Maqasari al-Khalwati yang berasal dari Makasar/tanah Bugis. Tidak begitu jelas apakah Syeikh Yusuf Tajul Khalwati ini belajar kepada Syeikh Nuruddin ar-Raniri sewaktu beliau masih di Aceh atau pun Syeikh Yusuf datang menemui Syeikh Nuruddin ar-Raniri di negerinya, India. Sementara pendapat lain menyebut bahawa Syeikh Yusuf Tajul Khalwati benar-benar dapat berguru kepada Syeikh Nuruddin ar-Raniri sewaktu masih di Aceh lagi, dan Syeikh Yusuf Tajul Khalwati menerima bai'ah Tarekat Qadiriyyah daripada Syeikh Nuruddin ar-Raniri. Yang seorang lagi ialah Syeikh Muhammad 'Ali, ulama ini berasal dari Aceh.

Ada yang berpendapat bahawa beliau meninggal dunia di India. Pendapat lain menyebut bahawa beliau meninggal dunia di Aceh. Ahmad Daudi, menulis: "Maka tiba-tiba dan tanpa sebab-sebab yang diketahui, Syeikh Nuruddin ar-Raniri meninggalkan Serambi Mekah ini, belayar kembali ke tanah tumpah darahnya yang tercinta, Ranir untuk selama-lamanya. Peristiwa ini terjadi pada tahun 1054 H (1644 M)." Bahawa beliau meninggal dunia pada 22 Zulhijjah 1069 H/21 September 1658 M. Tetapi Karel A. Steenbrink dalam bukunya, Mencari Tuhan Dengan Kacamata Barat berpendapat lain, bahawa hingga tahun 1644 M bererti Syeikh Nuruddin masih berada di Aceh. Menurutnya terjadi diskusi yang terlalu tajam antara beberapa

kelompok pemerintah: Seorang uskup agung (ar-Raniri) di satu pihak dan beberapa hulubalang dan seorang ulama dari Sumatera Barat di pihak lain. Pihak yang anti ar-Raniri akhirnya menang, sehingga ar-Raniri dengan tergesa-gesa kembali ke Gujarat. Tulisan Karel itu barangkali ada benarnya, kerana secara tidak langsung Syeikh Nuruddin mengaku pernah kalah berdebat dengan Saiful Rijal, penyokong fahaman Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Syamsuddin as-Sumatra-i, perkara ini beliau ceritakan dalam kitab Fath al-Mubin.

Ada pun tempat meninggalnya, H.M. Zainuddin, berbeza pendapat dengan Ahmad Daudi di atas. Menurut Zainuddin dalam Tarich Atjeh Dan Nusantara, jilid 1, bahawa terjadi pertikaian di istana, dalam perebutan itu telah terbunuh seorang ulama, Faqih Hitam yang menentang tindakan Puteri Seri Alam. Dalam pada itu Syeikh Nuruddin diculik orang, kemudian mayatnya diketemukan di Kuala Aceh. Menurut H.M. Zainuddin pula, bahawa makam Syeikh Nuruddin itu dikenal dengan makam keramat Teungku Syiahdin (Syeikh Nuruddin ar-Raniri) terletak di Kuala Aceh.

Dalam masa pemerintahan Iskandar Muda, kerajaan Aceh maju, ajaran sufi tidak menghalang kemajuan yang berasaskan Islam. Sebaliknya masa pemerintahan Iskandar Tsani, ajaran sufi dianggap sesat, ternyata kerajaan Aceh mulai menurun. Bantahan terhadap sesuatu pegangan yang pernah berkembang di dunia Islam perlulah ditangani dengan penuh kebijaksanaan. Siapa saja yang memegang urusan keislaman janganlah tersalah penilaian, sering terjadi yang benar menjadi salah, atau sebaliknya yang salah menjadi benar.

Ulama tersohor di Aceh

PELBAGAI tanggapan dan persepsi mengenai bencana tsunami yang berlaku pada 26 Disember tahun lalu. Macam-macam andaian dan analisis spontan di sebalik tragedi itu. Secara umumnya kejadian itu adalah takdir Allah s.w.t. Namun ada segelintir manusia yang berpandangan lain. Ada yang menganggap kejadian itu disebabkan balasan Tuhan ke atas keingkaran dan kedegilan sebahagian hamba-Nya?

Setiap kejadian ada hikmah dan sebab musababnya. Tidak wajar kita menganggap sesuatu kejadian itu diturunkan khusus untuk 'membalas' dosa atau perbuatan mungkar sesuatu golongan. Selalunya bencana yang Allah turunkan berbentuk umum. Tuhan menurunkan sesuatu musibah ataupun nikmat untuk dijadikan iktibar oleh hamba-hamba-Nya dalam usaha mempertingkatkan kualiti keimanan dan ketakwaan seseorang.

Di Kampung Kuala, Aceh setengah masyarakat menganggap kononnya kejadian itu dikaitkan dengan karamah seorang ulama atau wali. Dikatakan kejadian itu terjadi disebabkan kedegilan dan kemungkaran manusia. Kononnya mereka melakukan kemungkaran di perkarangan makam ulama terkenal di situ. Malam sebelum bencana tsunami melanda Aceh, diadakan pesta tari menari, minum minuman keras dan sebagainya berhampiran makam ulama berkenaan. Seorang imam masjid di kampung berkenaan cuba melarang, tetapi diancam akan ditembak sekiranya terus mengganggu mereka.

Kebetulan esoknya 26 Disember, tsunami melanda Aceh. Kawasan tersebut mengalami kerosakan teruk. Kerana (kebetulan) kejadian itu, sebilangan masyarakat di situ begitu kuat meyakini ia adalah balasan Tuhan di atas kedegilan dan kejahilan manusia yang 'menceroboh' makam ulama berkenaan. Apa yang hendak dinukilkan di sini ialah mengenai serba sedikit sejarah dan riwayat kealiman ulama yang dimaksudkan, iaitu Syeikh Kuala.

Kehebatan Syeikh Kuala memang tidak boleh dinafikan di Aceh. Beliau terkenal ke seantero Indonesia malahan Nusantara dan kepulauan Melayu. Di Aceh sendiri beliau di antara beberapa ulama besar dan agung yang menjadi sebutan sepanjang masa. Dalam konteks Aceh beliau dianggap sebagai pelita yang menyalakan syiar Islam di sana khasnya pada abad ke 17. Ulama yang lain ialah Hamzah Fansuri, Nuruddin Al-Raniry dan Syamsuddin As Samathrani.

Hamka di dalam makalahnya berjudul Aceh Serambi Mekah (lihat buku Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia - Prof. A Hasjmy, Al Maarif, 1993) menyebut, "Apabila kita sebut nama dua orang ulama Aceh akan samalah erti seribu atau dua ribu orang." Kata-kata itu dirujuk kepada salah seorang ulama di atas iaitu Syeikh Kuala. Maknanya kehebatan dan kealiman Syeikh Kuala sama taranya dengan kewarakan dan kealiman seribu hingga dua ribu manusia lain.

Idola

Nama penuh Syeikh Kuala ialah Abdurrauf dan ditimangkan dengan nama Syeikh Amiruddin Syeikh Abdurrauf Al-Fansuri As-Singkly. Beliau lahir pada 1001 H (1593 M) di Singkel sebuah perkampungan di pesisir pantai di Aceh. Ayahnya bernama Ali Al-Fansuri merupakan pengasas Sekolah Agama Dayah Simpang Kanan dan seorang ulama terkenal di daerahnya.

Fansuri di hujung namanya adalah sempena nama salah seorang idola (gurunya), Hamzah Fansuri dan sekolah tempatnya mula-mula belajar. Abdurrauf berpengetahuan luas dalam serba serbi cabang ilmu. Beliau menguasai ilmu fikah, tasawuf, mantik, falsafah, hukum, kaji alam dan sebagainya. Beliau adalah gedung ilmu kepada masyarakat Aceh khususnya pada zaman Sultan Safiatuddin Johan Berdaulat (1641-1675).

Malah pada zaman pemerintahan tiga ratu yang akhir (pemerintah Raja Perempuan); Nurul Alam, Zakiatuddin dan Kamalat Syah, Abdurrauf bertindak menjadi pemerintah di belakang tabir. Atas kapasitinya sebagai Kadi Malaliku Adil (Kadi Besar) beliau yang memutuskan segala hukum dan menjadi penasihat atau tempat rujukan utama kepada pemerintah. Beliau mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri di Dayan (Madrasah) Simpang Kanan, di kawasan pedalaman Singkel. Selepas itu ke sekolah tinggi di Barus (Dayan Tengku Chik) yang dipimpin oleh Hamzah Fansuri. Di sekolah ini beliau belajar ilmu agama, sejarah, mantik, falsafah, sastera Arab/Melayu dan juga bahasa Parsi.

Setelah tamat belajar di sekolah berkenaan beliau meneruskan pengajian ke sekolah Samudra Pase yang dipimpin oleh Syeikh Syamsuddin As Samathrani, salah seorang ulama yang juga merupakan pengikut kepada Hamzah Fansuri yang beraliran atau berfahaman 'wahdatul wujud'.

Sewaktu Syamsuddin diangkat menjadi Qadli Malikul Adil (Kadi Besar) pada zaman Sultan Iskandar Muda Darma Wangsa Perkasa Alam Syah, Abdurrauf bertolak ke Mekah dan merantau ke beberapa buah negara Asia Barat lain untuk mendalami ilmu di sana. Semasa di Mekah beliau tinggal di Qusyasy dan belajar dengan Sheikh Sharifuddin Ahmad Al Dajaany Al Qusyasy (1583 - 1660) bertempat di rumah Aceh. Beliau dibantu oleh muridnya Sheikh Ibrahim Al-Kauraany (1616-1689).

Semasa di sini beliau bergaul dengan banyak ulama terkenal berasal dari Indonesia yang menuntut ilmu di sana, seperti Sheikh Nawawi Banten, Sheikh Abdul Samad Petani dan lain-lain. Beliau juga sempat belajar dengan Sheikh Nuruddin Ar-Raniry semasa ulama terkenal dengan fahaman 'wahdatul syuhud' itu berada di Mekah.

Beliau tinggal selama 19 tahun di Mekah. Pada tahun 1063 H beliau kembali semula ke Aceh. Dan apabila Nuruddin Ar-Raniry kembali ke Gujarat, India beliau

dilantik menjadi Kadi Besar menggantikan Nuruddin. Sebelum pada itu Abdurrauf menjadi mudir (guru besar) di Dayah Baiturrahman. Peranannya sebagai kadi cukup besar serta berpengaruh dan peluang ini secara tidak langsung membawa kepada kemajuan dan pengembangan Islam di Aceh, khususnya dan di Nusantara amnya. Aceh yang sudah dikenali dengan jolokan serambi Mekah terus diunggulinya.

Kombinasi beliau dengan Sutlan Iskandar Muda meletakkan Aceh di tempat tertinggi dalam peta Islam ketika itu. Keagungan ini begitu dijulang oleh warga Aceh sehingga terbetik kata di dalam bahasa Aceh berbunyi ``Adat bak peutus Merehum, syarak bak Syikeh di Kuala'' maksudnya, ``Adat di bawah kekuasaan almarhum (raja), sementara syariat (Islam) di bawah Syeikh Kuala.

Musnah

Ayat ini mejelaskan betapa besarnya kuasa, peranan dan pengaruh Abdurrauf dalam pemerintahan ketika itu yang hampir sama besar dengan kuasa sultan. Ketika gabungan antara umara dan ulama inilah juga Aceh mencapai kegemilangan. Sementara itu Hamka yang juga ahli filsofi dan ulama moden Indonesia, di dalam tulisannya pernah menurunkan sebaris kata-kata yang dinukilkan oleh Fakih Shaghir seorang ulama terkenal di zaman Perang Paderi, iaitu nenek kepada Sheikh Taher Jalaluddin az-Azhari (meninggal dunia pada tahun 1956 di Kuala Kangsar), yang berbunyi:

``Maka adalah saya Fakih Shaghir menerima ceriteria daripada saya punya bapa, sebabnya saya mengambil pegangan ilmu hakikat, kerana ceriteria ini adalah ia setengah daripada adat dan tertib waruk orang yang mengambil fatwa juga adanya. Yakni adalah seorang aulia Allah dan khutub lagi kasyaf lagi mempunyai keramat iaitu, di tanah Aceh iaitu Tuan Syeikh Abdurrauf.''

Daripada sebaris kata-kata itu dapat disimpulkan bahawa martabat dan darjat Syeikh Kuala, (Abdurrauf) itu bukan kepalang. Beliau adalah seorang ulama yang bertaraf wali dan mendapat keberkatan begitu tinggi di sisi Allah. Walaupun beliau dianggap sebagai ulama yang mempunyai karamah dan diberikan berbagai-bagai keistimewaan (maunah) oleh Allah, tidak banyak karamah yang berunsur karut marut (khurafah) atau di luar pemikiran manusia dinukil pada kanvas kehidupannya. Mungkin perkara ini disembunyikan untuk tidak menimbulkan riak dan kekeliruan kepada umum.

Habib Husein al-Qadri

Penyebar Islam Kalimantan Barat

MENGENAI Habib Husein al-Qadri, tidak terlalu sukar membuat penyelidikan kerana memang terdapat beberapa manuskrip yang khusus membicarakan biografinya. Walau bagaimana pun semua manuskrip yang telah dijumpai tidak jelas nama pengarangnya, yang disebut hanya nama penyalin. Semua manuskrip dalam bentuk tulisan Melayu/Jawi. Nama lengkapnya, As-Saiyid/as-Syarif Husein bin al-Habib Ahmad/Muhammad bin al-Habib Husein bin al-Habib Muhammad al-Qadri, Jamalul Lail, Ba`Alawi, sampai nasabnya kepada Nabi Muhammad s.a.w. Sampai ke atas adalah melalui perkahwinan Saidatina Fatimah dengan Saidina Ali k.w. Nama gelarannya ialah Tuan Besar Mempawah. Lahir di Tarim, Yaman pada tahun 1120 H/1708 M. Wafat di Sebukit Rama Mempawah, 1184 H/ 1771M. ketika berusia 64 tahun. Dalam usia yang masih muda beliau meninggalkan negeri kelahirannya untuk menuntut ilmu pengetahuan bersama beberapa orang sahabatnya.

PENDIDIKAN, PENGEMBARAAN DAN SAHABAT

Mengembara ke negeri Kulaindi dan tinggal di negeri itu selama empat tahun. Di Kulaindi beliau mempelajari kitab kepada seorang ulama besar bernama Sayid Muhammad bin Shahib. Dalam waktu yang sama beliau juga belajar di Kalikut. Jadi sebentar beliau tinggal di Kulaindi dan sebentar tinggal di Kalikut. Habib Husein al-Qadri termasuk dalam empat sahabat. Mereka ialah, Saiyid Abu Bakar al-`Aidrus, menetap di Aceh dan wafat di sana. Digelar sebagai Tuan Besar Aceh. Kedua, Saiyid Umar as-Sagaf, tinggal di Siak dan mengajar Islam di Siak, juga wafat di Siak. Digelar sebagai Tuan Besar Siak. Ketiga, Saiyid Muhammad bin Ahmad al-Qudsi yang tinggal di Terengganu dan mengajar Islam di Terengganu. Digelar sebagai Datuk Marang. Keempat, Saiyid Husein bin Ahmad al-Qadri (yang diriwayatkan ini)

Maka Habib Husein pun berangkatlah dari negeri Kulaindi menuju Aceh. Di Aceh beliau tinggal selama satu tahun, menyebarkan agama Islam dan mengajar kitab. Selanjutnya perjalanan diteruskan ke Siak, Betawi dan Semarang. Saiyid Husein tinggal di Betawi selama tujuh bulan dan di Semarang selama dua tahun. Sewaktu di Semarang beliau mendapat sahabat baru, bernama Syeikh Salim bin Hambal. Pada suatu malam tatkala ia hendak makan, dinantinya Syeikh Salim Hambal itu tiada juga datang. Tiba-tiba ia bertemu Syeikh Salim Hambal di bawah sebuah perahu dalam lumpur. Habib Husein pun berteriak sampai empat kali memanggil Syeikh Salim Hambal. Syeikh Salim Hambal datang menemui Habib Husein berlumuran lumpur. Setelah itu bertanyalah Habib Husein, ``Apakah yang kamu perbuat di situ?''

Jawabnya: ``Hamba sedang membaiki perahu.'' Habib Husein bertanya pula, ``Mengapa membaikinya malam hari begini?'' Maka sahutnya, ``Kerana siang hari, air penuh dan pada malam hari air kurang.'' Kata Habib Husein lagi, ``Jadi beginilah rupanya orang mencari dunia.'' Jawabnya, ``Ya, beginilah halnya.''

Kata Habib Husein pula, ``Jika demikian sukarnya orang mencari atau menuntut dunia, aku haramkan pada malam ini juga akan menuntut dunia kerana aku meninggalkan tanah Arab sebab aku hendak mencari yang lebih baik daripada nikmat akhirat.’’

Habib Husein kembali ke rumah dengan menangis dan tidak mahu makan. Keesokan harinya wang yang pernah diberi oleh Syeikh Salim Hambal kepadanya semuanya dikembalikannya. Syeikh Salim Hambal berasa hairan, lalu diberinya nasihat supaya Habib Husein suka menerima pemberian dan pertolongan modal daripadanya. Namun Habib Husein tiada juga mahu menerimanya. Oleh sebab Habib Husein masih tetap dengan pendiriannya, yang tidak menghendaki harta dunia, Syeikh Salim Hambal terpaksa mengalah. Syeikh Salim Hambal bersedia mengikuti pelayaran Habib Husein ke negeri Matan.

Setelah di Matan, Habib Husein dan Syeikh Salim Hambal menemui seorang berketurunan saiyyid juga, namanya Saiyyid Hasyim al-Yahya, digelar orang sebagai Tuan Janggut Merah. Perwatakan Saiyyid Hasyim/ Tuan Janggut Merah itu diriwayatkan adalah seorang yang hebat, gagah dan berani. Apabila Saiyyid Hasyim berjalan senantiasa bertongkat dan jarang sekali tongkatnya itu ditinggalkannya. Tongkatnya itu terbuat daripada besi dan berat. Sebab Saiyyid Hasyim itu memakai tongkat demikian itu kerana ia tidak boleh sekali-kali melihat gambaran berbentuk manusia atau binatang, sama ada di perahu atau di rumah atau pada segala perkakas, sekiranya beliau terpancang atau terlihat apa saja dalam bentuk gambar maka dipalu dan ditumbuknya dengan tongkat besi itu.

KEDUDUKAN DI MATAN

Setelah beberapa lama Habib Husein dan Syeikh Salim Hambal berada di Matan, pada suatu hari Sultan Matan menjemput kedua-duanya dalam satu jamuan makan kerana akan mengambil berkat kealiman Habib Husein itu. Selain kedua-duanya juga dijemput para pangeran, sekalian Menteri negeri Matan, termasuk juga Saiyyid Hasyim al-Yahya. Setelah jemputan hadir semuanya, maka dikeluarkanlah tempat sirih adat istiadat kerajaan lalu dibawa ke hadapan Saiyyid Hasyim. Saiyyid Hasyim al-Yahya melihat tempat sirih yang di dalamnya terdapat satu kacip besi buatan Bali. Pada kacip itu terdapat ukiran kepala ular. Saiyyid Hasyim al-Yahya sangat marah. Diambilnya kacip itu lalu dipatah-patah dan ditumbuk-tumbuknya dengan tongkatnya. Kejadian itu berlaku di hadapan Sultan Matan dan para pembesarnya. Sultan Matan pun muram mukanya, baginda bersama menteri-menterinya hanya tunduk dan terdiam saja. Peristiwa itu mendapat perhatian Habib Husein al-Qadri. Kacip yang berkecai itu diambilnya, dipicit-picit dan diusap-usap dengan air liurnya. Dengan kuasa Allah jua kacip itu pulih seperti sediakala. Setelah dilihat oleh Sultan Matan, sekalian pembesar kerajaan Matan dan Saiyyid Hasyim al-Yahya sendiri akan peristiwa itu, sekaliannya gementar, segan, berasa takut kepada Habib Husein al-Qadri yang dikatakan mempunyai karamah itu.

Beberapa hari setelah peristiwa di majlis jamuan makan itu, Sultan Matan serta sekalian pembesarnya mengadakan mesyuarat. Keputusan mesyuarat bahawa Habib Husein dijadikan guru dalam negeri Matan. Sekalian hukum yang tertakluk kepada syariat Nabi Muhammad s.a.w. terpulanglah kepada keputusan Habib Husein al-Qadri. Selain itu Sultan Matan mencarikan isteri untuk Habib Husein. Beliau dikahwinkan dengan Nyai Tua. Daripada perkahwinan itulah mereka memperoleh anak bernama Syarif Abdur Rahman al-Qadri yang kemudian dikenali sebagai Sultan Kerajaan Pontianak yang pertama. Semenjak itu Habib Husein al-Qadri dikasihi, dihormati dan dipelihara oleh Sultan Matan. Setelah sampai kira-kira dalam dua hingga tiga tahun diam di negeri Matan, datanglah suruhan Raja Mempawah dengan membawa sepucuk surat dan dua buah perahu akan menjemput Habib Husein untuk dibawa pindah ke Mempawah. Tetapi pada ketika itu Habib Husein masih suka tinggal di negeri Matan. Beliau belum bersedia pindah ke Mempawah. Kembalilah suruhan itu ke Mempawah. Yang menjadi Raja Mempawah ketika itu ialah Upu Daeng Menambon, digelar orang dengan Pangeran Tua. Pusat pemerintahannya berkedudukan di Sebukit Rama.

HABIB HUSEIN PINDAH KE MEMPAWAH

Negeri Matan dikunjungi pelaut-pelaut yang datang dari jauh dan dekat. Di antara ahli-ahli pelayaran, pelaut-pelaut yang ulung, yang datang dari negeri Bugis-Makasar ramai pula yang datang dari negeri-negeri lainnya. Salah seorang yang berasal dari Siantan, Nakhoda Muda Ahmad kerap berulang alik ke Matan. Terjadi fitnah bahawa dia dituduh melakukan perbuatan maksiat, yang kurang patut, dengan seorang perempuan. Sultan Matan sangat murka, baginda hendak membunuh Nakhoda Muda Ahmad itu. Persoalan itu diserahkan kepada Habib Husein untuk memutuskan hukumannya. Diputuskan oleh Habib Husein dengan hukum syariah bahawa Nakhoda Muda Ahmad lepas daripada hukuman bunuh. Hukuman yang dikenakan kepadanya hanyalah disuruh oleh Habib Husein bertaubat meminta ampun kepada Allah serta membawa sedikit wang denda supaya diserahkan kepada Sultan Matan. Sultan Matan menerima keputusan Habib Husein. Nakhoda Muda Ahmad pun berangkat serta disuruh hantar oleh Sultan Matan dengan dua buah sampan yang berisi segala perbekalan makanan. Setelah sampai di Kuala, Nakhoda Muda Ahmad diamuk oleh orang yang menghantar kerana diperintah oleh Sultan Matan. Nakhoda Muda Ahmad dibunuh secara zalim di Muara Kayang. Peristiwa itu akhirnya diketahui juga oleh Habib Husein al-Qadri. Kerana peristiwa itulah Habib Husein al-Qadri mengirimi surat kepada Upu Daeng Menambon di Mempawah yang menyatakan bahawa beliau bersedia pindah ke Mempawah.

Tarikh Habib Husein al-Qadri pindah dari Matan ke Mempawah, tinggal di Kampung Galah Hirang ialah pada 8 Muharam 1160 H/20 Januari 1747 M. Setelah Habib Husein al-Qadri tinggal di tempat itu ramailah orang datang dari pelbagai penjuru, termasuk dari Sintang dan Sanggau, yang menggunakan perahu dinamakan 'bandung' menurut istilah khas bahasa Kalimantan Barat. Selain kepentingan perniagaan mereka menyempatkan diri mengambil berkat daripada Habib Husein al-Qadri,

seorang ulama besar, Wali Allah yang banyak karamah. Beliau disegani kerana selain seorang ulama besar beliau adalah keturunan Nabi Muhammad s. a. w. Dalam tempoh yang singkat negeri tempat Habib Husein itu menjadi satu negeri yang berkembang pesat sehingga lebih ramai dari pusat kerajaan Mempawah, tempat tinggal Upu Daeng Menambon/Pangeran Tua di Sebukit Rama. Manakala Upu Daeng Menambon mangkat puteranya bernama Gusti Jamiril menjadi anak angkat Habib Husein al-Qadri. Dibawanya tinggal bersama di Galah Hirang/Mempawah lalu ditabalkannya sebagai pengganti orang tuanya dalam tahun 1166 H/1752 M. Setelah ditabalkan digelar dengan Penembahan Adiwijaya Kesuma.

Akan kemasyhuran nama Habib Husein al-Qadri/Tuan Besar Mempawah itu tersebar luas hingga hampir semua tempat di Asia Tenggara. Pada satu ketika Sultan Palembang mengutus Saiyid Alwi bin Muhammad bin Syihab dengan dua buah perahu untuk menjemput Habib Husein al-Qadri/Tuan Besar Mempawah datang ke negeri Palembang kerana Sultan Palembang itu ingin sekali hendak bertemu dengan beliau. Habib Husein al-Qadri/Tuan Besar Mempawah tidak bersedia pergi ke Palembang dengan alasan beliau sudah tua.

WAFAT

Dalam semua versi manuskrip Hikayat Habib Husein al-Qadri dan sejarah lainnya ada dicatatkan, beliau wafat pada pukul 2.00 petang, 2 Zulhijjah 1184 H/19 Mac 1771 dalam usia 64 tahun. Wasiat lisannya ketika akan wafat bahawa yang layak menjadi Mufti Mempawah ialah ulama yang berasal dari Patani tinggal di Kampung Tanjung Mempawah, bernama Syeikh Ali bin Faqih al-Fathani.

Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari

Pengarang Sabil al-Muhtadin

NAMA lengkap Syekh Muhammad Arsyad bin Abdullah bin Abdur Rahman al-Banjari bin Saiyid Abu Bakar bin Saiyid Abdullah al-'Aidrus bin Saiyid Abu Bakar as-Sakran bin Saiyid Abdur Rahman as-Saqaf bin Saiyid Muhammad Maula ad-Dawilah al-'Aidrus, dan seterusnya sampai kepada Saidina Ali bin Abi Thalib dan Saidatina Fatimah bin Nabi Muhammad s. a. w. Riwayat kedatangan datuk nenek Syekh Muhammad Arsyad ke dunia Melayu terjadi pertikaian pendapat. Ada riwayat mengatakan bahawa yang pertama datang ialah Saiyid Abdullah bin Saiyid Abu Bakar as-Sakran.

Beliau telah datang ke Filipina, dan berhasil mendirikan Kerajaan Mindano. Menurut H.M Syafie bahawa ayah Abdullah bernama Saiyid Abu Bakar (bererti datuk kepada Syekh Muhammad Arsyad) adalah Sultan Mindano.

Abdullah pula pernah sebagai pemimpin peperangan melawan Portugis, kemudian ikut melawan Belanda lalu melarikan diri bersama isterinya ke Lok Gabang (Martapura).

Dalam riwayat yang kurang jelas, apakah Saiyid Abu Bakar as-Sakran atau pun Saiyid Abu Bakar bin Saiyid `Abdullah al-'Aidrus, dikatakan berasal dari Palembang pindah ke Johor, selanjutnya ke Brunei Darussalam, Sabah dan Kepulauan Sulu.

Yang terjadi pertikaian pendapat pula nama ayah Abdullah, selain dikatakan Abdullah bin Abdur Rahman dan Abdullah bin Saiyid Abu Bakar, ada lagi riwayat yang menyebut bahawa Abdullah itu adalah anak Kerta Suta. Kerta Suta anak Muslihuddin. Muslihuddin anak Muhammad Aminuddin.

Pendidikan

Muhammad Arsyad al-Banjari lahir pada malam Khamis, pukul 3.00 (waktu sahur), 15 Safar 1122 H/17 Mac 1710 M, wafat pada 6 Syawal 1227 H/3 Oktober 1812 M. Pendidikannya ketika kecil tidak begitu jelas, tetapi pendidikannya dilanjutkan ke Mekah dan Madinah. Sangat popular bahawa beliau belajar di Mekah sekitar 30 tahun dan di Madinah sekitar lima tahun. Sahabatnya yang paling penting yang banyak disebut oleh hampir semua penulis ialah Syekh `Abdus Shamad al-Falimbani, Syekh Abdur Rahman al-Mashri al-Batawi dan Syekh Abdul Wahhab Bugis, yang terakhir ini menjadi menantu beliau. Gurunya pula yang banyak disebut ialah Syekh Muhammad bin Sulaiman al-Kurdi, Syekh `Athallah dan Syekh Muhammad bin Abdul Karim as-Sammani al-Madani. Selama belajar di Mekah Syekh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari tinggal di sebuah rumah yang dibeli oleh Sultan Banjar. Rumah tersebut terletak di kampung Samiyah yang disebut juga dengan Barhat Banjar. Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari dan kawan-

kawannya selain belajar kepada ulama-ulama bangsa Arab, juga belajar kepada ulama-ulama yang berasal dari dunia Melayu. Di antara guru mereka yang berasal dari dunia Melayu ialah: Syeikh Abdur Rahman bin Abdul Mubin Pauh Bok al-Fathani, Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh dan Syeikh Muhammad `Aqib bin Hasanuddin al-Falimbani, dan barangkali ramai lagi.

Hampir semua ilmu keislaman yang telah dipelajari di Mekah dan Madinah mempunyai sanad atau silsilah yang musalsal mulai daripada beliau hingga ke atasnya. Hal ini cukup jelas seperti yang ditulis oleh Syeikh Yasin Padang dalam beberapa buah karya beliau. Lama masa belajar di Mekah dan Madinah, dalam jumlah pelajaran dan jenis kitab yang banyak dipelajari, ditambah lagi belajar kepada ulama yang benar-benar ahli di bidangnya masing-masing, di tempat sumber agama Islam itu sendiri, serta diperoleh daripada ulama-ulama yang warak, maka tidaklah diragui bahawa Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari akhirnya menjadi seorang ulama besar tanah Jawi atau dunia Melayu. Kewarakannya diakui oleh ulama-ulama yang datang kemudian daripada beliau kerana banyak bukti-buktinya. Selain bukti berupa karya-karyanya, juga dapat diambil kira tentang jasa-jasanya mencelikkan mata terutama rakyat Banjar atau seluruh dunia Melayu melalui karangannya yang paling terkenal Sabil al-Muhtadin. Selain itu ternyata keturunan beliau sangat ramai yang menjadi ulama. Ini sebagai bukti bahawa Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari telah berhasil membasmi kejahilan selain untuk dirinya peribadi, untuk keturunannya, keluarga besar Banjar, bahkan juga pengaruhnya dirasakan di seluruh dunia Melayu. Hal ini dikeranakan memang hampir tidak ada ulama dunia Melayu yang tidak kenal dengan karyanya Sabil al-Muhtadin yang tersebut itu.

Sahabat-sahabat

Walaupun nama-nama sahabatnya yang banyak disebut oleh beberapa orang pengarang, namun untuk melengkapi maklumat ini, di bawah ini saya salin kembali senarai nama sahabatnya yang telah diketahui. Mereka ialah: 1. Syeikh `Abdus Shamad al-Falimbani. 2. Syeikh `Abdur Rahman al-Mashri al-Batawi, iaitu datuk kepada Saiyid `Utsman Mufti Betawi yang terkenal. 3. Syeikh `Abdul Wahhab Sadenreng Daeng Bunga Wardiyah berasal dari Bugis, yang kemudian menjadi menantu kepada Syeikh Muhammad Arsyad bin `Abdullah al Banjari. 4. Syeikh Ahmad Razzah orang Mesir. 5. Syeikh Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari, pengarang kitab ad-Durr an-Nafis. 6. Syeikh Mahmud bin Kinan al-Falimbani. 7. Syeikh Muhammad `Asyiquddin bin Shafiyuddin al-Falimbani. 8. Syeikh Muhammad Shalih bin `Umar as-Samarani (Semarang) yang digelar dengan Imam Ghazali Shaghir (Imam Ghazali Kecil). 9. Syeikh `Utsman bin Hasan ad-Dimyati. 10. Syeikh `Abdur Rahman bin `Abdullah bin Ahmad at-Tarmasi 11. Syeikh Haji Zainuddin bin `Abdur Rahim bin `Abdul Lathif bin Muhammad Hasyim bin `Abdul Mannan bin Ahmad bin `Abdur Rauf al-Fathani. 12. Kiyai Musa Surabaya dan ramai lagi.

Penulisan

Tradisi kebanyakan ulama, ketika mereka belajar dan mengajar di Mekah, sekaligus menulis kitab di Mekah juga. Lain halnya dengan Syeikh Muhammad Arsyad bin `Abdullah al-Banjari, walaupun dipercayai bahawa beliau juga pernah mengajar di Mekah, namun karya yang dihasilkannya ditulis di Banjar sendiri. Lagi pula nampaknya beliau lebih mencurahkan khidmat derma baktinya di tempat kelahirannya sendiri yang seolah-olah tanggungjawab rakyat Banjar terbeban di bahunya. Ketika mulai pulang ke Banjar, sememangnya beliau sangat sibuk mengajar dan menyusun segala macam bidang yang bersangkutan-paut dengan dakwah, pendidikan dan pentadbiran Islam. Walaupun begitu beliau masih sempat menghasilkan beberapa buah karangan. Karangannya yang sempat dicatat adalah seperti berikut di bawah ini:

1. Tuhfah ar-Raghibin fi Bayani Haqiqah Iman al-Mu'minin wa ma Yufsiduhu Riddah ar-Murtaddin, diselesaikan tahun 1188 H/1774 M
2. Luqtah al-'Ajlan fi al-Haidhi wa al-Istihadhah wa an-Nifas an-Nis-yan, diselesaikan tahun 1192 H/1778 M.
3. Sabil al-Muhtadin li at-Tafaquhi fi Amri ad-Din, diselesaikan pada hari Ahad, 27 Rabiulakhir 1195 H/1780 M
4. Risalah Qaul al-Mukhtashar, diselesaikan pada hari Khamis 22 Rabiulawal 1196 H/1781 M.
5. Kitab Bab an-Nikah.
6. Bidayah al-Mubtadi wa `Umdah al-Auladi
7. Kanzu al-Ma'rifah
8. Ushul ad-Din
9. Kitab al-Faraid
10. Hasyiyah Fat-h al-Wahhab
11. Mushhaf al-Quran al-Karim
12. Fat-h ar-Rahman
13. Arkanu Ta'lim as-Shibyan
14. Bulugh al-Maram
15. Fi Bayani Qadha' wa al-Qadar wa al-Waba'
16. Tuhfah al-Ahbab
17. Khuthbah Muthlaqah Pakai Makna. Kitab ini dikumpulkan semula oleh keturunannya, Abdur Rahman Shiddiq al-Banjari. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura, tanpa dinyatakan tarikh cetak.

Ada pun karyanya yang pertama, iaitu Tuhfah ar-Raghibin, kitab ini sudah jelas atau pasti karya Syeikh Muhammad Arsyad bin `Abdullah al-Banjari bukan karya Syeikh `Abdus Shamad al-Falimbani seperti yang disebut oleh Dr. M. Chatib Quzwain dalam bukunya, Mengenal Allah Suatu Studi Mengenai Ajaran Tasawuf Syeikh Abdus Samad Al-Falimbani, yang berasal daripada pendapat P. Voorhoeve. Pendapat yang keliru itu telah saya bantah dalam buku Syeikh Muhammad Arsyad (1990). Dasar saya adalah bukti-bukti sebagai yang berikut:

1. Tulisan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, ``Maka disebut oleh yang empunya karangan Tuhfatur Raghabin fi Bayani Haqiqati Imanil Mu'minin bagi `Alim al-Fadhil al-'Allamah Syeikh Muhammad Arsyad.'`
2. Tulisan Syeikh `Abdur Rahman Shiddiq al-Banjari dalam Syajaratul Arsyadiyah, ``Maka mengarang Maulana (maksudnya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, pen:) itu beberapa kitab dengan bahasa Melayu dengan isyarat sultan yang tersebut, seperti Tuhfatur Raghabin ...` Pada halaman lain, ``Maka Sultan Tahmidullah Tsani ini, ialah yang disebut oleh orang Penembahan Batu. Dan ialah yang minta karangkan Sabilul Muhtadin lil Mutafaqqihi fi Amrid Din dan Tuhfatur Raghabin fi Bayani Haqiqati Imani Mu'minin wa Riddatil Murtaddin dan lainnya kepada jaddi (Maksudnya: datukku, pen :) al-'Alim al-'Allamah al-'Arif Billah asy-Syeikh Muhammad Arsyad bin `Abdullah al-Banjari.'`
3. Pada cetakan Istanbul,

Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari

Ulama sufi dunia Melayu

ULAMA sufi berasal dari dunia Melayu yang diriwayatkan ini nama lengkapnya ialah Syeikh Muhammad Nafis bin Idris bin Husein al-Banjari. Seperti ulama-ulama sufi lain, Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari juga mendapat tentangan daripada orang-orang yang tidak sependapat dengan ajaran tasawufnya. Namun tidak sehebat tentangan terhadap Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Syamsuddin as-Sumatra-i. Dalam perkembangan mutakhir golongan sufi dunia Melayu cukup rancak dibicarakan.

Sebelum berkembangnya aliran tajdid di dunia Melayu, boleh dikatakan tidak ada ulama besar dunia Melayu menyalahkan kandungan yang termaktub dalam ad-Durr an-Nafis, iaitu sebuah kitab perbahasan yang tinggi jalan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan permulaan jalan tasawuf ketuhanan dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh ulama berasal dari Banjar yang dibicarakan ini.

Bagi ulama abad ke 18-19 dunia Melayu, ajaran semacam itu cukup mereka fahami kerana memang ada kitab-kitab tasawuf peringkat tinggi (muntahi) yang dirujuk dan mengimbangi kitab ad-Durr an-Nafis itu sebagai pegangan yang kukuh bagi kaum sufi. Yang termaktub dalam karya Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari itu adalah relevan dengan karya-karya Syeikh Abdul Karim al-Jili, Syeikh Muhyuddin Ibnu Arabi (17 Ramadan 560 H/29 Julai 1165 M-28 Rabiulakhir 638 H/21 November 1240 M) dan lain-lain. Lebih dua ratus tahun kitab ad-Durr an-Nafis itu diajarkan oleh para ulama di dunia Melayu, kemudian pada waktu akhir-akhir ini, sama ada di Indonesia mahu pun di Malaysia, ada pihak-pihak tertentu menyalahkan dan melarang mengajarkannya.

Di satu pihak kitab itu dilarang atau diharamkan menggunakannya, di pihak lain ternyata lebih banyak surau mahu pun masjid atau pun di rumah-rumah orang mengajarkannya. Bahkan K.H Haderanie H.N., seorang ulama di Surabaya berusaha melatin/merumikan kitab tersebut, yang diberi kata sambutan oleh seorang ulama dan tokoh atau ahli politik Islam Indonesia, K. H. Dr. Idham Chalid. Ad-Durr an-Nafis yang dilatin/dirumikan itu diberi judul Ilmu Ketuhanan Permata Yang Indah (Ad-Durrunnafis).

Saya, selaku penulis riwayat ini, tetap menilai bahawa Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari adalah seorang ulama besar sufi dunia Melayu. Memang tidak boleh terlalu mudah menilai beliau sebagai seorang yang tidak berilmu, zindiq, sesat dan sebagainya, seperti yang pernah dilemparkan oleh orang-orang tertentu kepada beliau. Bagi saya bertindak adil dan jujur terhadap ilmu pengetahuan itulah yang lebih baik dilakukan daripada menyalahkan orang, sedangkan kita sendiri tidak tahu dengan tepat dan pasti apa yang disalahkan itu. Apabila berbeza sistem dan penerapan sesuatu disiplin ilmu antara satu pihak dengan pihak lain, maka itu juga boleh mengakibatkan berbeza pandangan dan pendapat.

Ilmu

Oleh itu sistem dan penerapan ilmu sufi pada abad 18-19 jauh berbeza dengan pihak-pihak yang tidak pernah belajar sufi tradisional Islam pada penghujung abad 20 dan abad ini. Orang sufi memang berlapang dada, mereka berjiwa besar dan tidak suka bertengkar atau berdebat kerana agama Islam bukan bertujuan ke arah pertengkaran atau perdebatan tetapi untuk diamalkan oleh setiap insan Muslim yang berjiwa dan bercita-cita takwa. Pertengkaran atau perdebatan membawa kepada perpecahan umat. Ulama sufi dunia Melayu yang belajar di Mekah berpuluh-puluh tahun seperti Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari tidak dapat disamakan dengan peribadi-peribadi yang tiada mendalami Islam, tetapi mengaku dirinya dengan pelbagai pengakuan seperti yang terjadi pada akhir-akhir ini.

ASAL-USUL DAN PENDIDIKAN

Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari berasal dari Banjar, Kalimantan Selatan. Hidup sezaman dan seperguruan dengan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Sama-sama belajar di Mekah dan Madinah. Yang seperjuangan dengannya termasuk Syeikh Abdur Rahman al-Mashri al-Batawi (Jakarta), Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani dan lain-lain. Tentang dirinya hanya beberapa hal beliau sebut, ``Di negeri Banjar tempatnya jadi. Mekah tempat diamnya. Syafie akan mazhabnya, iaitu pada fikah. Asy`ari iktikadnya, iaitu pada ushuluddin. Junaid ikutannya, iaitu pada ilmu tasawuf. Qadiriyyah thariqatnya, Syathariyyah pakaiannya, Naqsyabandiyah amalan-nya, Khalwatiyyah makanannya, Sammaniyah minumannya``.

Para gurunya juga beliau sebut dalam karyanya ad-Durr an-Nafis yang tersebut, senarai lengkapnya adalah sebagai berikut:

1. Syeikh Abdullah bin Hijazi asy-Syarqawi.
2. Syeikh Shiddiq bin Umar Khan. Beliau adalah murid kepada Syeikh Muhammad bin Abdul Karim Samman, iaitu murid ulama sufi yang lebih dulu daripada Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari dan kawan-kawannya.
3. Syeikh Muhammad bin Abdul Karim as-Samani al-Madani.
4. Syeikh Abdur Rahman bin Abdul Aziz al-Maghribi.
5. Syeikh Muhammad bin Ahmad al-Juhuri. Dan ramai lagi yang belum disebutkan di sini.

Setelah Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari diizinkan para gurunya, terutama sekali Syeikh Muhammad bin Abdul Karim as-Samman, bahawa beliau boleh mengajar ilmu-ilmu batin dengan beberapa aspek tarekat dan furu'-furu'nya, maka berusaha Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari mengajak manusia mentauhidkan Allah daripada satu peringkat ke satu peringkat yang lebih tinggi dan mendalam. Di manakah Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari menjalankan aktiviti dakwah dan pendidikan, terjadi pertikaian pendapat daripada beberapa orang periwayat. Ada orang menceritakan bahawa beliau menyampaikan dakwah dan pendidikan Islam di Pulau

Bali, Pulau Sumbawa dan pulau-pulau yang berdekatan dengannya. Riwayat yang lain pula mengatakan bahawa Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari menyebarkan ajarannya di Pulau Laut, Kalimantan Selatan. Riwayat yang lain mengatakan di Kusan, Kota Baru, juga dalam Pulau Laut itu. Akhirnya dikatakan bahawa Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari meninggal dunia di Sigam, juga di Pulau Laut. Pendapat lain menyebut beliau wafat di Kalua, juga di Pulau Laut.

PENULISAN

Ketika artikel ini saya tulis, baru dua buah saja karangan Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari yang ditemui, selain ad-Durr an-Nafis, yang sebuah lagi masih berupa manuskrip ialah Majmu' al-Asrar li Ahlillahil Athyar. Mengenai ad-Durr an-Nafis beberapa maklumat tentangnya, bahawa selesai ditulis pada 27 Muharam 1200 H/30 November 1785 M. Cetakan pertama kitab ini ditashhih oleh Syeikh Ahmad al-Fathani, di Mathba'ah al-Miriyah bi Bulaq, Mesir al-Mahmiyah. Pada terbitan pertama tercantum syair Syeikh Ahmad al-Fathani:

``Berpeganglah kamu dengan ilmu orang sufi,

Nescaya kamu menyaksikan bagi Tuhanmu itu keesaan.

Wahai yang meninggalkan sebaik-baik teman sekedudukan,

Adalah kitab ini mengandungi maksud keseluruhan,

Seperti lautan,

daripadanya tiap-tiap yang berharga penilaian''.

Sebagai keterangan lanjut Syeikh Ahmad al-Fathani mencatatkan, ``Ketahuilah olehmu hai yang waqif atas kitab ini. Bahawa segala naskhah kitab ini sangatlah bersalah-salahan setengah dengan setengahnya, dan tiada hamba ketahuikan mana-mana yang muafakat dengan asal naskhah Muallifnya. Maka hamba ikutkan pada naskhah yang hamba cap ini akan barang yang terlebih elok dan munasabah. Dan tiada hamba kurangkan daripada salah satu daripada beberapa naskhah itu akan sesuatu kerana ihtiyat''.

Ad-Durr an-Nafis cetakan pertama Syeikh Ahmad al-Fathani telah memberi keterangan beberapa istilah seperti terdapat pada kalimat-kalimat:

1. ``... maka hendaklah lihat olehmu kepada Abi Bakar, iaitu ibarat daripada mati nafsu yang ammarah ...''. Syeikh Ahmad al-Fathani menjelaskan, bahawa nafsu ammarah, ialah ``nafsu yang cenderung kepada kejahatan''.
2. ``Bermula hasilnya segala wujud sesuatu itu dengan dinisbahkan kepada wujud Allah Taala yang haqiqi itu khayal, dan waham, dan majaz jua, kerana wujudnya antara dua `adam Bermula wujud yang antara dua `adam itu `adam

- jua adanya ...''. Keterangan Syeikh Ahmad al-Fathani, ``Dua `adam, ertinya `adam lahiq dan `adam sabiq. Pengertian `adam lahiq, ialah tiada yang mengikut. Pengertian `adam sabiq, ialah tiada yang mendahului''.
3. 3. ``Dan pada sekira-kira zahir mungkin itu lain daripada Allah Taala. Dan sekira-kira haqiqatnya wujud mungkin itu, iaitu `ain wujud Allah Taala. Dan misalnya seperti buih dan ombak...''. Keterangan Syeikh Ahmad al-Fathani, ``Katanya, ``Dan pada sekira-kira zahir dan pada sekira-kira haqiqat ...'', maka kedua (-dua) itu `athaf. Katanya, ``Pada sekira-kira wujud, dan dhamir pada haqiqatnya dan dhamir pada nyatanya. Kedua (-dua) itu kembali kepada buih, dan dhamir daripadanya itu kembali kepada air''.
 4. 4. Syeikh Ahmad al-Fathani menjelaskan istilah ma'iyah, kata beliau, ``Yakni berserta: a. ittihad = bersuatu. b. hulul = bertempat. c. khayal, yakni apabila kita lihat jauh ada sesuatu, dan kita lihat dekat tiada ada, seperti alung-alung di tengah jalan Madinah''. Ad-Durr an-Nafis setelah cetakan pertama oleh Matba'ah al-Miriyah di Bulaq, Mesir tahun 1302 H/1884 M yang diusahakan dan ditashhah oleh Syeikh Ahmad al-Fathani itu terdapat berbagai-bagai edisi.

Karya

Karya Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari yang kedua, yang masih belum diketahui umum, dalam bentuk manuskrip ialah Majmu' al-Asrar, salinan Muhammad Zain bin Hasan. Selesai menyalin pada waktu Zuhur, hari Sabtu 21 Syaaban 1355 H/1936 M. Kitab Majmu' al-Asrar ini juga membicarakan masalah tasawuf. Sampai riwayat ini ditulis kitab yang tersebut baru dijumpai dua versi, yang sebuah lagi dengan judul Majmu' as-Sarair, atau judul dalam bahasa Melayu yang diberi oleh beliau Perhimpunan Sekalian Rahasia.

Versi yang pertama, koleksi Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, dan versi yang sebuah lagi adalah koleksi peribadi saya sendiri. Yang menjadi milik saya itu terdapat tiga buah risalah lain, yang dipercayai juga karya Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari. Risalah-risalah itu ialah Penjelasan Huruf-Huruf Abjad Dalam Al-Quran, Ilmu Haqiqat Yang Sebenar-Benar dan Masalah Orang Yang Dijadikan Imam.

Pada risalah yang terakhir tercatat tahun selesai menulisnya pada waktu Dhuha, 8 Ramadan 1245 H/1829 M. Dengan dijumpai manuskrip yang terdapat tahun itu maka dapatlah diagak-agak jarak waktu sementara penulisan Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari yang telah diketahui, iaitu 1200 H/1785 M (Ad-Durr an-Nafis) hingga 1245 H/1829 M (manuskrip yang tersebut di atas). Jadi bererti sekitar 45 tahun. Dengan demikian pada jarak waktu yang demikian lama masih banyak karya Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari yang belum kita jumpai dan ketahui.

Syarif Abdur Rahman al-Qadri Sultan pertama kerajaan Pontianak

KERAJAAN Pontianak adalah salah satu di antara kerajaan Melayu yang terakhir didirikan. Pendirinya adalah seorang keturunan Arab-Melayu, zuriat Nabi Muhammad s.a.w. Kekukuhannya sebagai Sultan Pontianak yang pertama adalah dilantik oleh Raja Haji bin Upu Daeng Celak Yang Dipertuan Muda Riau.

Pendiri kerajaan Pontianak itu ialah Syarif Abdur Rahman bin al-Habib Husein al-Qadri. Habib Husein al-Qadri, ayah beliau seorang ulama besar, bahkan ramai orang meriwayatkan Habib Husein al-Qadri adalah seorang 'Wali Allah' yang dibuktikan banyak 'karamah'.

Oleh itu, anak beliau Syarif Abdur Rahman al-Qadri adalah seorang 'sultan' dan sekali gus beliau adalah seorang 'ulama'.

Riwayat di bawah ini adalah berasal dari sebuah manuskrip yang diperoleh di Pontianak yang saya ringkaskan dan di beberapa tempat disesuaikan dengan bahasa sekarang.

Pengembaraan

Apabila sampai umur Syarif Abdur Rahman 16 tahun, beliau dibawa oleh ayahnya berpindah dari negeri Matan ke negeri Mempawah. Setelah berumur 18 tahun, beliau dikahwinkan oleh ayahnya dengan Utin Cenderamidi, anak Upu Daeng Menambon.

Tatkala umurnya 22 tahun, Syarif Abdur Rahman pergi ke Pulau Tambelan selanjutnya ke Siantan dan terus ke pusat pemerintahan Riau di Pulau Penyengat. Beliau tinggal di sana selama kira-kira dua bulan. Kemudian, ke negeri Palembang dan tinggal di situ sebelas bulan. Sewaktu hendak kembali ke negeri Mempawah dihadiahkan oleh Sultan Palembang, Sultan Pelakit sebuah perahu selaf dan seratus pikul timah.

Dan pada ketika itu juga bermuafakat Tuan Saiyid dan sekelian bangsa Arab di negeri Palembang dan bersetuju memberi hadiah kepada Syarif Abdur Rahman, dua ribu ringgit. Kemudian Syarif Abdur Rahman belayar pulang ke negerinya, Mempawah.

Setelah dua bulan Syarif Abdur Rahman al-Qadri di Mempawah, beliau belayar pula ke negeri Banjar dan tinggal di sana selama empat bulan. Kemudian, belayar pula ke negeri Pasir dan berhenti di situ selama tiga bulan.

Setelah itu, kembali lagi ke negeri Banjar. Setelah dua bulan di Banjar, Syarif Abdur Rahman dikahwinkan dengan puteri Sultan Sepuh, saudara pada Penembahan Batu yang bernama Ratu Syahbanun. Sebelum berkahwin, Syarif Abdur Rahman al-

Qadri telah dilantik oleh Panembahan Batu menjadi Pangeran dengan nama Pangeran Syarif Abdur Rahman Nur Allam.

Dua tahun kemudian, Syarif Abdur Rahman al-Qadri kembali ke negeri Mempawah. Setahun kemudian, kembali lagi ke negeri Banjar. Selama empat tahun di Banjar, beliau memperoleh dua orang putera, seorang laki-laki diberi nama Syarif Alwi diberi gelar Pangeran Kecil dan yang seorang perempuan bernama Syarifah Salmah diberi gelar Syarifah Puteri.

Tarikh 11 Rabiulakhir 1185 H/24 Jun 1771 M Syarif Abdur Rahman keluar dari negeri Banjar kembali ke negeri Mempawah. Ketika sampai di Mempawah didapatinya Tuan Besar Mempawah, Habib Husein al-Qadri ayahnya, telah kembali ke rahmatullah. Syarif Abdur Rahman al-Qadri berhenti di Mempawah selama tiga bulan bermesyuarat dengan adik-beradiknya, ialah Syarif Ahmad, Syarif Abu Bakar, Syarif Alwi bin Habib Husein al-Qadri dan seorang kerabat mereka, Syarif Ahmad Ba'abud. Keputusan mesyuarat bahawa Syarif Abdur Rahman akan keluar dari negeri Mempawah hendak membuat kedudukan di mana-mana yang patut.

Mengasaskan kerajaan Pontianak

Tarikh 14 Rejab 1185 H/23 Oktober 1771 M, Syarif Abdur Rahman berangkat dari negeri Mempawah dengan 14 buah perahu kecil bernama kakab. Kemudian, sampailah ia di Sungai Pontianak yang kebetulan tempat itu dengan masjid yang ada sekarang ini. Syarif Abdur Rahman dan rombongan berhenti di tempat itu pada waktu malam.

Keesokan harinya, Syarif Abdur Rahman pun masuk ke Selat Pontianak dan berhenti di situ selama lima malam. Pada hari Rabu kira-kira pukul 4.00 pagi, Syarif Abdur Rahman memberi perintah menyerang Pulau Pontianak. Masing-masing mereka mengisi meriamnya dan menembak pulau itu. Kata Syarif Abdur Rahman, ``Berhenti perang kerana sekalian hantu dan syaitan yang berbuai pada malam hari di pulau itu telah habis lari, janganlah tuan-tuan takut, marilah kita turun menebas pulau itu''.

Semua anak buah perahu pun turun bersama-sama Syarif Abdur Rahman menebas pulau itu. Setelah habis ditebas, lalu didirikan sebuah rumah dan sebuah balai. Kira-kira lapan hari dikerjakan, di dalam antara itu Syarif Abdur Rahman kembalilah ke Mempawah mengambil sebuah kapal dan sebuah tiang sambung. Tarikh 4 Ramadhan 1185 H/11 Disember 1771 M Syarif Abdur Rahman pindah ke pulau itu.

Perang Pontianak Sanggau

Tiada berapa lama negeri itu berdiri, pada bulan Jumadilakhir 1191 H/ 10 Jun 1777 M, Syarif Abdur Rahman berangkat, mudik ke negeri Sanggau dengan 40 buah perahu kecil hendak terus ke negeri Sekadau. Setelah sampai di Sanggau, maka

ditahanlah oleh Penembahan Sanggau tiada diberikannya mudik ke hulu, jauh dari negeri Sanggau. Tetapi Syarif Abdur Rahman, berkeras hendak mudik.

Oleh sebab itu, Penembahan Sanggau sangat marah, lalu menembak perahu itu, hingga terjadi peperangan antara kedua-dua pihak. Setelah tujuh hari berperang, Syarif Abdur Rahman mengundurkan diri kembali ke negeri Pontianak, untuk persiapan membuat perahu besar.

Kira-kira lapan belas bulan sesudah itu bersamaan, 2 Muharram 1192 H/31 Januari 1778 M berangkat lagi ke negeri Sanggau dengan sebuah sekuci, dua buah kapal dan 28 buah penjajab. Ketika sampai di Tayan, bertemulah dengan angkatan Sanggau yang menanti kedatangan angkatan Pontianak di situ.

Angkatan Sanggau kalah, terus lari ke Sanggau. Tetapi ada lagi angkatan Sanggau di Kayu Tunu, angkatan Sanggau sudah siap berperang di tempat. Tarikh 26 Muharram 1192 H/24 Februari 1778 M bermulalah perang di Kayu Tunu. Sanggau kalah pada 11 Safar 1192 H/11 Mac 1778 M.

Syarif Abdur Rahman pun mudik ke Sanggau dan berhenti di situ selama 12 hari. Syarif Abdur Rahman bersama Raja Haji, Yang Dipertuan Muda Riau membuat benteng pertahanan di Pulau Simpang Labi, menempatkan enam pucuk meriam di pintunya.

Pulau itu ditukar nama dengan Jambu-Jambu Taberah. Setelah selesai pekerjaan di Pulau Jambu-Jambu Taberah itu, Sultan Syarif Abdur Rahman pulang ke Pontianak bersama-sama dengan Yang Dipertuan Muda Raja Haji.

Penabalan Sultan

Setelah sampai di Pontianak, Raja Haji, Yang Dipertuan Muda Riau memanggil semua orang di dalam negeri Pontianak untuk memeriksa hal Pa-duka Pangeran Syarif Abdur Rahman Nur Allam akan dijadikan sultan. Semua isi negeri Pontianak, bersetuju. Raja Haji mengirim utusan ke negeri Mempawah, Matan, Landak dan Kubu.

Raja-raja itu pun mengaku di hadapan Yang Dipertuan Muda Raja Haji mengatakan bahawa mereka menerima dengan gembira. Pada ketika dan tarikh yang baik, hari Isnin, 8 Syaban 1192 H/1 September 1778 M, sekalian tuan-tuan sayid, raja-raja dan rakyat negeri Pontianak berkumpul di Pontianak.

Yang Dipertuan Muda Raja Haji dengan suara yang keras, bertitah, ``Adapun kami memberitahu kepada sekalian tuan-tuan sayid, raja-raja, dan sekalian isi negeri Pontianak ini, pada hari ini, Paduka Pangeran Syarif Abdur Rahman Nur Allam kita sahkan berpangkat dengan nama Paduka Sultan Syarif Abdur Rahman al-Qadri, iaitu raja di atas takhta kerajaan Negeri Pontianak, demikianlah adanya''

Adalah pada tahun 1194 H/1780 M utusan Kompeni Belanda datang dari Betawi dengan satu sekuci dan dua buah pencalang. Utusan Belanda itu bernama Ardi William

Palam Petter dari Rembang serta berbicara meminta kepada Sultan Syarif Abdur Rahman untuk mendiami negeri Pontianak.

Bersamanya ada lagi utusan Sultan Banten hendak menyerahkan pemerintahan negeri Landak kepada Sultan Syarif Abdur Rahman. Maka Kompeni Belanda pun tetaplah duduk bersetia bersama-sama di dalam negeri Pontianak.

Pada tahun 1198 H/1784 M Kompeni Belanda bermusuh dengan Yang Dipertuan Muda Raja Ali Riau. Kompeni Belanda menyerang Yang Dipertuan Muda Raja Ali Riau di negeri Sukadana. Negeri Sukadana kalah dalam perang itu.

Pada tahun 1200 H/1785 M, Sultan Syarif Abdur Rahman bersengketa dengan saudara iparnya Raja Mempawah, Penembahan Adi Wijaya, kerana perkara Sultan Sambas.

Disingkatkan ceritanya, akhirnya Sultan Syarif Abdur Rahman terpaksa memerangi negeri Mempawah. Setelah berperang selama lapan bulan, negeri Mempawah kalah dalam peperangan itu. Setelah selesai perang, Sultan Syarif Abdur Rahman mengangkat puteranya yang bernama Pangeran Syarif Qasim berpangkat Penembahan Memerintah Diatas Takhta Kerajaan Negeri Mempawah.

Selanjutnya, terjadi perselisihan Pontianak dengan Sambas mulai 3 Rabiulakhir 1206 H/30 November 1791 M. Sultan Syarif Abdur Rahman bersama Yang Dipertuan Sayid Ali bin Utsman, Raja Siak memerangi negeri Sambas. Perang yang terjadi selama lapan bulan itu, berakhir dengan seri iaitu tiada yang kalah atau pun menang.

Wafat

Demikianlah kisah Sultan Syarif Abdur Rahman al-Qadri yang dilahirkan pada 15 Rabiulawal 1151 H/3 Juli 1738 M dan wafat pada malam Sabtu, pukul 11.00, tarikh 1 Muharram 1223 H/28 Februari 1808 M.

Pada hari itu juga, Penembahan Syarif Qasim yang berkedudukan di Mempawah, ditabalkan menjadi Sultan Pontianak dengan menggunakan nama Paduka Sultan Syarif Qasim Raja Duduk Diatas Takhta Kerajaan Negeri Pontianak.

Pada tarikh 19 Safar 1223 H/16 April 1808 M, Pangeran Mangku Negara Syarif Husein bin al-Marhum Sultan Syarif Abdur Rahman dilantik menggantikan Syarif Qasim menjadi raja kerajaan negeri Mempawah.

Pada hari Khamis, pukul 9.00, tarikh 11 Muharram 1228 H/14 Januari 1813 M, Pangeran Syarif Husein kembali ke rahmatullah.

Beliau diganti oleh Penembahan Anom, puteranya Penembahan Adi Wijaya, menjadi wakil memegang kuasa di dalam negeri Mempawah. Pada tahun 1241 H/ 1825 M, Penembahan Anom kembali ke rahmatullah. Pada tahun 1243 H/1828 M, Pangeran Adi

Pati Geram menjadi wakil menggantikan memegang kuasanya di dalam negeri Mempawah berpangkat nama Penembahan.

Demikianlah riwayat yang saya ringkaskan dan ubah bahasa dari salah satu manuskrip yang berasal dari tulisan Syarif Abu Bakar bin Syarif Umar bin Sultan Utsman bin Sultan Syarif Abdur Rahman bin Habib Husein al-Qadri yang bertarikh 28 Rabiulakhir 1350 H/9 September 1931 M.

Manuskrip tersebut telah disalin oleh Sayid Alwi bin Sayid Ahmad bin Sayid Ismail al-Qadri. Tarikh salinan, 7 Jumadilakhir 1354 H/7 Ogos 1935 M.

Saya, Wan Mohd. Shaghir Abdullah selesai mentransliterasi daripada Melayu/Jawi ke Latin/Rumi pada, 9 Muharram 1421 H/14 April 2000 M dan selanjutnya diubah bahasa dimuat dalam bahagian Agama, Utusan Malaysia, pada terbitan hari ini.

Syeikh Abdul Rahman Minangkabau Mursyid Thariqat Naqsyabandiyah

PERKEMBANGAN thariqat shufiyah di Minangkabau sudah cukup lama. Mulai Islam masuk di Minangkabau, Thariqat Syathariyah serentak berkembang sama. Penyebar Islam yang pertama di Minangkabau ialah Syeikh Burhanuddin Ulakkan, salah seorang murid Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri. Daripada Thariqat Syathariyah ia berlanjutan dengan Thariqat Naqsyabandiyah.

Ulama yang diriwayatkan ini adalah ulama Minangkabau yang sangat memahami dan mengamalkan kedua-dua thariqat tersebut. Walau bagaimanapun, setelah wafat Syeikh Abdur Rahman al-Minangkabawi dan Syeikh Ismail al-Minangkabawi, terjadi pertikaian pendapat atau khilafiah mengenai 'Thariqat Naqsyabandiyah'. Pertikaian itu dimulai daripada beberapa tulisan Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Lathif yang juga berasal dari Minangkabau tetapi mempunyai kedudukan yang tinggi sebagai imam dan khatib Mazhab Syafie di Mekah.

Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi dibantah keras oleh ulama besar lain yang berasal Minangkabau iaitu Syeikh Muhammad Sa'ad Mungka al-Minangkabawi yang berasal dari Mungkar Tua, Minangkabau. Polemik antara mereka berjalan terus hinggalah kemunculan Dr. Syeikh Jalaluddin dengan 'Persatuan Pembelaan Thariqat Islam' (singkatan PPTI).

Beliau juga mendapat tentangan. Yang agak menarik ialah golongan yang menentang beliau adalah daripada lingkungan ulama Thariqat Naqsyabandiyah juga. Yang menentang ialah Syeikh Sulaiman ar-Rasuli yang termaktub dalam karya berjudul *Tabligh al-Amanat fi Izalah al-Munkarat wa asy-Syubuhah*. Selesai penulisan pada 19 Jumadilakhir 1373 H/23 Januari 1954 M. Dicetak oleh Mathba'ah Nusantara, Bukit Tinggi, 1373 H/1954 M.

Pendidikan

Nama lengkap ulama yang dibicarakan ini ialah Syeikh Abdur Rahman bin Abdullah al-Minangkabawi. Ulama ini dilahirkan pada tahun 1192 H/1777 M di Batuhampar, Payakumbuh, Sumatera Barat. Ayahnya Abdullah bergelar Rajo Baintan dan ibunya terkenal dengan sebutan Tuo Tungga. Memperhatikan nama orang tuanya, Abdullah, negeri asal dan tahun kelahirannya ada kemungkinan Syeikh Abdur Rahman ini adalah adik-beradik dengan Syeikh Ismail bin Abdullah al-Khalidi al-Minangkabawi (wafat 1280 H/1863 M), ulama besar ahli Thariqat Naqsyabandiyah yang sangat terkenal yang dibicarakan sebelum ini.

Penelitian lanjut masih diperlukan. Pada sekitar usia 15 tahun Abdur Rahman belajar agama daripada seorang ulama di Galogandang, Batusangkar, juga di daerah

Sumatera Barat. Dari sana, dia melanjutkan pelajarannya ke Tapaktuan, Aceh Barat, selama lapan tahun.

Kemudian, dia berangkat ke Mekah untuk melaksanakan haji dan memperdalam pelajarannya selama tujuh tahun. Dipercayai sewaktu beliau berangkat ke Mekah, pada masa itu di Mekah telah terdapat ramai ulama dunia Melayu yang terkenal di antaranya ialah Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asyi, Syeikh Abdus Shamad bin Abdur Rahman al-Falimbani, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan lain-lain.

Dipercayai bahawa Syeikh Abdur Rahman Minangkabau pernah belajar daripada Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani dan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Dalam beberapa pengajian Syeikh Abdur Rahman Minangkabau bersama-sama dengan Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau menadah kitab belajar daripada ulama-ulama yang lebih tua kerana pada masa itu Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau, selain mengajar, juga belajar. Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau bertindak sebagai 'Ketua Thala'ah' (tutor) sedangkan Syeikh Abdur Rahman Minangkabau adalah di bawah kelompok tela'ahnya.

Selain belajar daripada ulama-ulama yang berasal dari dunia Melayu seperti yang disebut itu, Syeikh Abdur Rahman bin Abdullah Minangkabau dan Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau juga sempat belajar daripada ulama-ulama yang berasal daripada bangsa Arab yang terkenal pada zaman itu.

Di antara mereka ialah Syeikh Utsman Dimyathi, Syeikh Muhammad Sa'id Qudsi, Syeikh Muhammad Shalih bin Ibrahim ar-Rais, Saiyid Ahmad al-Marzuqi, Syeikh Abdullah Afandi dan ramai lagi.

Perbandingan ketokohan

Banyak cabang ilmu yang telah dikuasai oleh Syeikh Abdur Rahman Minangkabau. Yang paling digemarinya ialah tilawah al-Quran, sekurang-kurangnya tujuh qiraah dikuasainya dengan baik. Sebagaimana telah disebutkan, Syeikh Abdur Rahman Minangkabau juga adalah seorang penganut Thariqat Naqsyabandiyah dan merupakan seorang mursyid Thariqat Naqsyabandiyah, iaitu sama dengan Syeikh Ismail Minangkabau. Walau bagaimanapun, Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau lebih menyerlah dalam sejarah jika dibandingkan dengan Syeikh Abdur Rahman bin Abdullah Minangkabau.

Populariti ini mungkin disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau mengajar di rumahnya di Mekah dan Masjid al-Haram Mekah, sedang Syeikh Abdur Rahman bin Abdullah Minangkabau hanya mengajar di negerinya sendiri. Faktor lain ialah Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau menyebarkan ilmu dan Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah dalam kerajaan Riau-Lingga. Selanjutnya Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau membuka tempat suluk

di Semabok, Melaka, Pondok Upih di Pulau Pinang dan juga membina tempat suluk di Kedah dan Perak.

Faktor lain pula, walau pun Syeikh Abdur Rahman Minangkabau juga menghasilkan karangan mengenai tasawuf, namun nama yang ditulis pada karangan hanya 'Abdur Rahman' saja, bererti belum cukup jelas. Dalam simpanan saya terdapat dua buah manuskrip karya beliau, sebuah mengenai Thariqat Syathariyah dan sebuah lagi mengenai Thariqat Naqsyabandiyah. Kedua-dua karya tersebut belum pernah diterbitkan dalam bentuk cetakan. Ini jelas berbeza dengan karya-karya Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau yang nama beliau ditulis secara lengkap. Karya-karya Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau selain dijumpai dalam bentuk manuskrip, beberapa judul karyanya juga tersebar berupa bahan cetakan.

Zawiyah Suluk

Walaupun realiti perbandingan di atas, kita tidak dapat memandang kecil peranan Syeikh Abdur Rahman bin Abdullah Minangkabau kerana beliau telah menghabiskan waktu-waktu hidupnya belajar selama lebih 40 tahun, dan beliau pulang ke kampung halamannya, Batuhampar, pada usia lebih 60 tahun. Tak ubahnya seperti Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dan beberapa ulama dunia Melayu lainnya yang pulang ke kampung halaman pada usia yang sudah sangat lanjut kerana jihad menuntut ilmu demi kemuliaan Islam.

Apabila Syeikh Abdur Rahman Minangkabau tiba di kampung halamannya, beliau segera melancarkan ke

giatan dakwah dan pendidikan di lingkungan masyarakatnya yang masih sangat terbatas pengetahuan keagamaannya. Akhirnya beliau berhasil mendirikan zawiyah pendidikan menurut tradisi di Minangkabau, tak ubahnya seperti pondok di Patani atau pondok-pesantren di Jawa. Namun ada sedikit bezanya kerana di zawiyah beliau itu disediakan pula tempat untuk melakukan suluk.

Tradisi suluk di satu tempat secara dibimbing oleh seorang 'Syeikh Mursyid' sangat terkenal dalam Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah, tetapi beberapa thariqat lain tidak mempopularkan istilah itu, namun istilah yang lebih disepakati ialah 'khalwat'. Istilah 'khalwat' adalah berdasarkan hadis Nabi s.a.w. yang menyuruh Saiyidina Ali bin Abi Thalib Karramahullahu wajhah melakukan zikir dalam khalwat (maksudnya: melakukan zikrullah di tempat yang sepi seorang diri).

Lama kelamaan tempat suluk yang diasas dan dibimbing secara langsung oleh Syeikh Abdur Rahman bin Abdullah Minangkabau itu dikenali dengan nama 'Kampung Dagang' kerana ramai orang pendatang menuntut ilmu ataupun bersuluk ke tempat itu. Dikatakan antara 400 hingga 1,000 orang datang belajar thariqat dan bersuluk di zawiyah Syeikh Abdur Rahman bin Abdullah Minangkabau setiap tahun.

Generasi penerus

Apabila Syeikh Abdur Rahman bin Abdullah Minangkabau wafat pada tahun 1317 H/1899 M, lembaga pendidikannya dilanjutkan oleh anaknya Syeikh Arsyad bin Syeikh Abdur Rahman Minangkabau. Pada masa pimpinan Syeikh Arsyad bin Syeikh Abdur Rahman Minangkabau, cabaran golongan penentang thariqat sangat dirasakan. Sebagai contoh, Syeikh Amrullah (datuk pada Prof. Dr. Hamka), adalah seorang pengamal Thariqat Naqsyabandiyah, tetapi anak beliau Dr. Syeikh 'Abdul Karim Amrullah adalah seorang tokoh pembaharuan yang menolak thariqat.

Ada orang meriwayatkan bahawa Syeikh Abdur Rahman bin Abdullah Minangkabau selain aktif dalam bidang pendidikan dan dakwah Islam, beliau juga mempunyai beberapa orang keturunan yang aktif dalam bidang-bidang lainnya, termasuk politik. Menurut riwayat Dr. Muhammad Hatta yang dikenali di Indonesia sebagai tokoh 'Bapak Proklamator Kemerdekaan Republik Indonesia' bersama Soekarno adalah salah seorang keturunan Syeikh Abdur Rahman bin Abdullah Minangkabau. Selain dianggap tokoh tertinggi Indonesia, Dr. Muhammad Hatta juga pernah menjadi 'Wakil Presiden Republik Indonesia' (yang pertama sewaktu Indonesia mulai merdeka). Selain itu nama beliau ditonjolkan pula sebagai 'Bapak Koperasi Indonesia'.

Pandangan

Thariqat shufiyah, termasuk Thariqat Naqsyabandiyah, atau apa pun namanya, adalah kaedah ke arah menyuburkan kerohanian dalam Islam. Oleh itu ajaran tersebut perlu dipertahan dan dikembangkan. Para ahlinya perlu memberi penjelasan kerana ada pihak-pihak tertentu yang beranggapan bahawa thariqat shufiyah adalah termasuk dalam kategori ajaran sesat. Anggapan seperti demikian perlu dijawab bahawa ajaran thariqat shufiyah adalah merupakan 'zikrullah'.

Sedangkan 'zikrullah' adalah sangat banyak disebut dalam al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. Dengan demikian perlu ditegaskan bahawa ajaran thariqat shufiyah adalah berdasarkan al-Quran, hadis Nabi s.a.w., dan ijmak ulama sejak dulu hingga sekarang.

Sejak dulu hingga sekarang, selain para ulama mengamalkan sesuatu thariqat shufiyah, dalam masa yang sama ia juga diamalkan oleh para sultan dan pembesar dalam dunia Islam termasuk sultan dan pembesar di dunia Melayu. Memperhatikan dunia yang penuh cabaran seperti sekarang ini, sangatlah perlu bagi kita, mulai rakyat jelata hingga para pemimpin yang beragama Islam, menyisihkan sedikit waktu untuk melakukan 'zikrullah'.

Mufti Jamaluddin al-Banjari

Ahli undang-undang Kerajaan Banjar

SYEIKH Muhammad Arsyad al-Banjari memperoleh anak dan keturunan yang sangat ramai menjadi ulama. Dalam artikel ini mengungkapkan anak beliau yang bernama Jamaluddin. Ibu Jamaluddin bernama Go Hwat Nio atau sebutan popular dipanggil Tuan Guat saja. Tuan Guat adalah seorang Cina yang memeluk Islam oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari sendiri. Adik beradik daripada ibu ini ada enam orang, yang menjadi ulama besar dan terkenal di antara mereka ialah: 1. Al-`Alim al-`Allamah Khalifah Hasanuddin. 2. Al-`Alim al-`Allamah Khalifah Zainuddin. 3. Al-`Alim al-`Allamah Mufti Haji Jamaluddin. Tiga orang lagi yang perempuan, ialah 4. Aisyah 5. Raihanah 6. Hafsah.

Al-`Alim al-`Allamah Khalifah Hasanuddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (yang pertama), zuriatnya yang menjadi ulama, ialah al-`Alim al-`Allamah Mufti Haji Muhammad Khalid, al-`Alim al-Fadhil Haji Muhammad Qaim. Al-`Alim al-`Allamah Mufti Haji Jamaluddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (ketiga), zuriatnya yang menjadi ulama, ialah al-`Alim al-`Allamah Mufti Haji Muhammad Husein, al-`Alim al-Fadhil Qadi Haji Muhammad Amin, al-`Alim al-`Allamah Qadi Haji Abdus Shamad dan al-`Alim al-`Allamah Haji Muhammad Thasin. Haji Jamaluddin al-Banjari digelar juga dengan `Surgi Mukti`, lahir sekitar tahun 1780 M. Tahun wafatnya belum diketahui. Makamnya terletak di Sungai Jingah (Ku'bah), Banjar.

Adik beradik Mufti Haji Jamaluddin yang seayah tetapi berlainan ibu ialah Syarifah, ibunya bernama Tuan Bajut. Adik beradik Mufti Haji Jamaluddin daripada ibu yang lain pula ialah al-`Alim al-`Allamah Qadi Haji Abu Su`ud, al-`Alim al-`Allamah Khalifah Haji Abu Na`im, dan al-`Alim al-`Allamah Khalifah Haji Syihabuddin. Ibu mereka bernama Tuan Baiduri. Al-`Alim al-`Allamah Qadi Haji Abu Su`ud bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, sewaktu kembali daripada menunaikan haji, berkahwin lagi di Kedah dan memperoleh seorang putera, Mas`ud. Zuriatnya Tuan Husein Kedah, ulama yang terkenal di Malaysia. Mengenariesnya telah diperkenalkan di Ruangan Agama, Utusan Malaysia, dengan judul Husein Kedah Al-Banjari, Generasi Penerus Ulama Banjar pada 16 Ogos 2004. Al-`Alim al-`Allamah Haji Syihabuddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari di Mekah, belajar kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Tahun 1258 H./1842 M. raja-raja Riau di Pulau Penyengat Indera Sakti meminta kesediaannya menjadi guru di Kerajaan Riau. Adik beradik Mufti Haji Jamaluddin daripada ibu yang lain pula ialah al-`Alim al-`Allamah Haji Abdullah (wafat di Madinah) dan al-`Alim al-Fadhil Abdur Rahim. Beliau menunaikan haji dengan menaiki kapal layar, kapalnya pecah dan beliau wafat. Ibu kedua-duanya bernama Tuan Lipur. Adik beradik Mufti Haji Jamaluddin daripada ibu yang lain pula ialah al-`Alim al-`Allamah Mufti Haji Ahmad dan yang perempuan bernama Shafiyah. Ibu kedua-duanya bernama Ratu Aminah binti Pangeran Thaha bin Sultan Tahmidullah. Pada tarikh 9 Julai 2005, saya dan ahli PENGKAJI bertemu dengan keturunan Shafiyah, Kiyai Haji Muhammad Saman bin Muhammad Saleh di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur. Pertemuan yang melibatkan beberapa keturunan

tersebut yang berasal dari Sabah dan Banjar adalah atas kehendak dan diatur oleh Datuk Mohd Ainal bin Haji Abdul Fattah dan kawan-kawan. Kiyai Haji Muhammad Saman adalah guru agama dari Pesantren Yayasan Nurul Hikmah dan beliau juga aktif mengajar di Sabah. Kami merumuskan kerjasama penyelidikan dan pengembangan khazanah ulama silam dunia Melayu yang perlu diperkasakan. Disingkatkan riwayatnya bahawa semua adik beradik Mufti Haji Jamaluddin ada 30 orang daripada ibu seramai 11 orang.

Keluarga jadi mufti

Lingkungan keluarga dekat Mufti Haji Jamaluddin yang menjadi mufti disebut oleh Syeikh Abdur Rahman Shiddiq dalam Syajarah al-Arsyadiyah, ada 10 orang; 1. Al-`Alim al-`Allamah Haji Jamaluddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. 2. Al-`Alim al-`Allamah Haji Ahmad bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. 3. Al-`Alim al-`Allamah Haji Muhammad As`ad bin Utsman. 4. Al-`Alim al-`Allamah Haji Muhammad Arsyad bin Mufti Haji Muhammad As`ad. 5. Al-`Alim al-`Allamah Haji Syihabuddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. 6. Al-`Alim al-`Allamah Haji Muhammad Khalid bin `Allamah Hasanuddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. 7. Al-`Alim al-`Allamah Haji Muhammad Nur bin al-`Alim al-`Allamah Qadi Haji Mahmud. 8. Al-`Alim al-`Allamah Haji Muhammad Husein bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. 9. Al-`Alim al-`Allamah Haji Jamaluddin bin Haji Abdul Hamid. 10. Al-`Alim al-`Allamah Syeikh Abdur Rahman Shiddiq bin Haji Muhammad `Afif bin `Alimul `Allamah Qadi Abu Na`im bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Daripada yang pertama hingga kelima pada zaman pemerintahan Sultan Banjar. Sedangkan keenam hingga 10 pada zaman penjajahan Belanda.

Daripada maklumat yang lain, golongan keluarga ini yang menjadi Mufti, ialah : 1. Haji Muhammad Husein bin Mufti Haji Jamaluddin. 2. Haji Abdul Jalil bin Mufti Haji Syihabuddin. 3. Haji Muhammad Yunan bin Mufti Haji Muhammad Amin. 4. Haji Sa`id bin Haji Abdur Rahman. 5. Haji Mukhtar bin Qadi Haji Hasan. Jadi, bererti 10 orang yang di atas ditambah 5 orang, kesemuanya 15 orang. Kemungkinan masih ramai yang belum diketahui.

Keluarga jadi qadi

Keluarga ini yang menjadi qadi, yang telah diketahui sekurang-kurangnya 25 orang, ialah: 1. Al-`Alim al-`Allamah Qadi Abu Su`ud bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. 2. Al-`Alim al-`Allamah Qadi Abu Na`im bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. 3. Al-`Alim al-`Allamah Haji Mahmud bin Haji Muhammad Yasin. 4. Al-`Alim al-`Allamah Haji Muhammad Amin bin Mufti Haji Jamaluddin al-Banjari. 5. Al-`Alim al-Fadhil Haji Muhammad Ali al-Junaidi bin Qadi Haji Muhammad Amin. 6. Al-`Alim al-`Allamah Haji Muhammad Sa`id al-Jazuli bin Qadi Haji Su`ud. 7. Al-`Alim al-`Allamah Haji Muhammad Amin bin Qadi Haji Mahmud. 8. Al-`Alim al-`Allamah Haji Abdus Shamad bin Mufti Haji Jamaluddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. 9. Al-`Alim al-`Allamah Haji Muhammad Jafri bin Qadi Haji Abdus

Shamad. 10. Al-`Alim al-Fadhil Qadi Haji Bajuri. 11. Al-`Alim al-Fadhil Haji Muhammad As`ad bin Mufti Haji Muhammad Nur bin Qadi Haji Mahmud. 12. Haji Ibrahim bin Mufti Haji Jamaluddin. 13. Haji Abu Talhah bin Qadi Abdus Shamad. 14. Haji Muhammad Thaiyib bin Haji Muhammad Qasim. 15. Haji Muhammad bin Haji Muhammad Qasim. 16. Haji Zainal bin Lebai Darun. 17. Haji Abdur Rahman bin Qadi Haji Muhammad Sa`id. 18. Haji Qasim bin Mu`min. 19. Haji Muhammad Sa`id bin Mu`min. 20. Haji Muhammad Arsyad bin Qadi Haji Abdur Rahman. 21. Haji Hasan bin Mufti Haji Muhammad Sa`id. 22. Haji Abdur Rauf. 23. Haji Abdul Jalil bin Qadi Haji Muhammad Arsyad. 24. Haji Ahmad bin Abu Naim. 25. Haji Muhammad Arsyad bin Qadi Haji Abdur Rauf.

Aktivitas

Haji Jamaluddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari mendapat pendidikan Islam secara mendalam daripada ayahnya, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Selain sebagai Mufti Martapura, Haji Jamaluddin juga giat mengajar sama ada orang awam atau pun golongan istana kesultanan Banjar. Haji Jamaluddin, Mufti Martapura yang paling besar pengaruhnya pada masa pemerintahan Sultan Adam (1825 M - 1857 M), beberapa orang peneliti sejarah berpendapat bahawa Undang-Undang Sultan Adam (1251 H / 1835 M) adalah banyak dipengaruhi oleh pendapat dan pandangan Mufti Haji Jamaluddin. Sebagai bukti pada Fasal 31, terdapat nama beliau, tertulis sebagai berikut, ``Sekalian kepala-kepala jangan ada yang menyalahi pitua Haji Jamaluddin ini namun orang lain yang menyalahi apabila ikam tiada kawa manangat lekas-lekas bapadah kayah di aku.'' Fasal 31 tersebut ditulis dengan sangat panjang. Menurut kertas kerja Abdurrahman S.H. (sekarang Hakim Agung Indonesia) tertulis dalam bahasa Banjar huruf Latin / Rumi ejaan lama, seperti huruf `u' masih menggunakan `oe'. Abdurrahman S.H. juga mencantumkan dalam kertas kerjanya itu teks dalam bahasa Belanda. Beliau menyimpulkan Fasal 31 tersebut bahawa ``tentang tata pemerintahan hanyalah bagian pertama saja sedang bagian akhir adalah mengenai nazar.'' Selanjutnya Abdurrahman S.H. memberi komentar, ``Tetapi yang penting di sini adalah suatu hal yang luar biasa bagi seorang ulama kalau fatwanya dimasukkan ke dalam salah satu pasal daripada undang-undang kerajaan sehingga mempunyai otoritas tersendiri sebagai hukum negara. Suatu hal yang jarang terjadi di mana-mana.''

Selain hal-hal yang tersebut di atas, Mufti Haji Jamaluddin al-Banjari adalah seolah-olah sebagai seorang pendamai perselisihan keluarga Diraja Banjar dan pemegang ``Surat Wasiat Sultan Adam''. Dalam bulan Disember 1855 Sultan Adam menulis surat wasiat yang kandungannya bertujuan pengganti Sultan Adam sebagai sultan ialah Pangeran Hidayatullah. Kepada puteranya Pangeran Prabu Anom, dan cucunya Pangeran Tamjidillah diancam dengan hukuman mati, jika menghalangi surat wasiat itu. Surat Wasiat Sultan Adam yang tersebut juga dipegang oleh Mufti Haji Jamaluddin al-Banjari.

Penulisan

Karya Mufti Haji Jamaluddin al-Banjari yang paling terkenal di seluruh dunia Melayu ialah 'Perukunan Jamaluddin'. Pada semua cetakan 'Perukunan Jamaluddin' dapat dipastikan bahawa kitab yang tersebut memang karya beliau. Namun masih ada pendapat yang mengatakan bahawa kitab tersebut adalah karya saudara perempuannya bernama Syarifah binti Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Pendapat yang lain pula ada yang mengatakan adalah karya anak saudaranya yang bernama Fatimah. Pada pandangan saya, sebelum menghuraikan mengenai ini perlulah kita mengenali pelbagai versi kitab yang dinamakan Perukunan. Setelah kita mengenali pelbagai versi, barulah kita dapat menentukan pengarangnya. Ada yang dinamakan 'Perukunan' saja. Ada yang dinamakan Perukunan Jamaluddin. Ada yang dinamakan Perukunan Besar. Ada yang dinamakan Perukunan Melayu. Ada yang dinamakan Perukunan Jawa. Ada yang dinamakan Perukunan Sunda. Dan terakhir sekali ada yang dinamakan Perukunan Bugis. Tiga jenis 'Perukunan' yang terakhir Jawa, Sunda dan Bugis tidak perlu dibicarakan di sini kerana ketiga-tiganya hanyalah merupakan terjemahan saja daripada Perukunan Melayu. Terlebih dulu di bawah ini diambil data beberapa buah cetakan awal 'Perukunan' yang dinisbahkan sebagai karya Mufti Haji Jamaluddin al-Banjari, iaitu yang dicetak oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1315 H/1897 M. Pada kulit depan tertulis, 'Ini kitab yang bernama Perukunan karangan asy-Syeikh al-'Alim Mufti Haji Jamaluddin ibnu al-Marhum al-'Alim al-Fadhil asy-Syeikh Muhammad Arsyad Mufti Banjari.'" Karya Mufti Haji Jamaluddin al-Banjari yang lain, yang kurang diketahui umum, Bulugh al-Maram fi Takhalluf al-Muafiq fi al-Qiyam (1247 H/1831 M).

Syeikh Ismail al-Minangkabawi Penyegar al-Khalidiah pertama

KEDATANGAN Syeikh Ismail al-Minangkabawi dari Mekah ke Kerajaan Riau-Lingga dan Semenanjung Tanah Melayu, pernah diungkapkan dengan panjang lebar oleh Raja Ali Haji dalam karyanya, *Tuhfatun Nafis*. Masih dalam penyelidikan awal, pada tahun 1985 saya menyusun sebuah buku berjudul, *Syeikh Ismail Al-Minangkabawi Penyiar Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiah*, cetakan pertama C.V Ramadhani, Solo, Mac 1985. Buku tersebut dirujuk dan dipetik oleh ramai penulis. Tulisan saya yang sekarang merupakan hasil penelitian yang terkini, setelah menemui pelbagai karya Syeikh Ismail al-Minangkabawi. Beberapa kekeliruan pada penyelidikan awal diperbetulkan dalam artikel ini. Sebelum tulisan ini saya teruskan, terlebih dulu saya perlu menyatakan bahawa saya tidak sependapat dengan tahun andaian atau tahun dugaan kewafatan Syeikh Ismail al-Minangkabawi yang termaktub dalam *Ensiklopedi Islam*, 2 Indeks, cetakan pertama, 1994, hlm. 55-56.

Menurut *Ensiklopedi Islam* tersebut bahawa Syeikh Ismail al-Minangkabawi lahir pada tahun 1125 Hijrah dan wafat pada tahun 1160 Hijrah. Sanggahan saya adalah sebagai berikut, bahawa Syeikh Ismail al-Minangkabawi jauh lebih muda daripada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani (gurunya). Kelahiran Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani ada yang menyebut tahun 1133 Hijrah/ 1720 Masihi, 1153 Hijrah/1740 Masihi dan 1183 Hijrah/1769 Masihi. Yang pasti pula, sewaktu masih kanak-kanak Syeikh Ismail al-Minangkabawi dibawa oleh ayahnya berpindah ke Mekah dan belajar kepada Syeikh Utsman ad-Dimyathi. Ulama ini hidup dalam tahun 1196 Hijrah/1781-2 Masihi - 1265 Hijrah/ 1848 Masihi. Oleh sebab Syeikh Ismail al-Minangkabawi adalah murid Syeikh Utsman ad-Dimyathi, maka tahun kelahirannya dapat kita bandingkan dengan tahun kelahiran beberapa orang murid Syeikh Utsman ad-Dimyathi yang lain, seumpama Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan yang lahir tahun 1232 Hijrah/1816 Masihi, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah, lahir tahun 1233 Hijrah/ 1817 Masihi, dan lain-lain. Jadi jelaslah bahawa tahun 1125 Hijrah/1713 Masihi yang dinyatakan tahun kelahiran Syeikh Ismail al-Minangkabawi itu adalah ditolak berdasarkan fakta sejarah. Daripada semua karya Syeikh Ismail al-Minangkabawi yang ditemui, ternyata yang tercatat tahun selesai penulisan hanya sebuah saja, iaitu *Ar-Rahmatul Habithah fi Zikri Ismiz Zati war Rabithah* yang diselesaikan pada tahun 1269 Hijrah/1852 Masihi. Ini sudah cukup untuk menyanggah kenyataan bahawa Syeikh Ismail al-Minangkabawi wafat pada tahun 1160 Hijrah/1747 Masihi itu, bahkan beliau masih hidup hingga tahun 1269 Hijrah/1852 Masihi. Menurut tulisan Syeikh Muhammad Mirdad Abul Khair dalam *Nasyrun Naur waz Zahar*, bahawa Syeikh Ismail al-Minangkabawi wafat melangkaui tahun 1280 Hijrah/1863 Masihi.

Pendidikan

Syeikh Muhammad Mirdad Abul Khair meriwayatkan bahawa Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minangkabawi al-Khalidi asy-Syafi'ie lahir di Minangkabau (tanpa menyebut

tahun). Sejak kecil beliau mengikut ayahnya pindah ke Mekah al-Musyarrafah. Beliau belajar pelbagai ilmu kepada Syeikh Utsman ad-Dimyathi. Setelah ulama besar itu wafat, Syeikh Ismail Minangkabau belajar pula kepada Syeikh Ahmad ad-Dimyathi. Selain kedua-dua ulama itu, Syeikh Ismail Minangkabau juga belajar kepada ulama-ulama lain dalam Masjidil-Haram, Mekah, dan Syeikh Ismail Minangkabau sempat belajar kepada Mufti Mazhab Syafie ketika itu, iaitu Syeikh Muhammad Sa'id bin Ali asy-Syafi'ie al-Makki al-Qudsi (wafat 1260 Hijrah/1844-5 Masihi). Ulama dunia Melayu yang menjadi gurunya, yang dapat diketahui secara pasti hanyalah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Mengenai Thariqat Naqasyabandiyah al-Khalidiyah, Syeikh Ismail al-Minankabawi menerima baiah dan tawajjuh daripada Sayid Abi Abdullah bin Abdullah Afandi al-Khalidi, murid Syeikh Khalid al-'Utsmani al-Kurdi. Pada waktu yang lain, Syeikh Ismail al-Minankabawi juga menerima baiah dan tawajjuh secara langsung daripada Syeikh Khalid al-'Utsmani al-Kurdi. Dari mula nama inilah terdapat istilah al-Khalidiyah dalam Thariqat Naqasyabandi kerana Syeikh Khalid al-'Utsmani al-Kurdi adalah seorang Mujaddid (pembaharu) dalam tarekat yang sangat terkenal itu.

Tercatat dalam sejarah bahawa Syeikh Ismail al-Minankabawi adalah seorang ulama yang sangat kuat melakukan ibadah, selain aktif beramal dengan Thariqat Naqasyabandiyah Khalidiyah dan Thariqat Syaziliyah, beliau aktif mengajar, mengarang, tilawah al-Quran, pelbagai wirid dan zikir sama ada siang mahu pun malam sehinggalah beliau wafat di Mekah tahun 1280 Hijrah/1863 Masihi. Tidak tercatat sesuatu pekerjaan yang dilakukannya sepanjang siang dan malam selain yang tersebut itu.

Penulisan

Karya Syeikh Ismail al-Minankabawi berupa kitab mahu pun risalah, yang ditemui adalah sebagai berikut:

1. Ar-Rahmatul Habithah fi Zikri Ismiz Zati war Rabithah, diselesaikan pada tahun 1269 Hijrah. Kandungannya membicarakan tasawuf, khusus mengenai rabithah secara mendalam. Kitab ini merupakan terjemahan sebuah karya murid beliau sendiri, seorang Arab yang bernama Syeikh Husein bin Ahmad ad-Dausari yang meninggal dunia dalam tahun 1242 Hijrah dalam usia hanya 39 tahun. Daripada terjemahan kitab ini, kita banyak memperoleh informasi tentang diri Syeikh Ismail al-Minankabawi. Di antara petikan kalimatnya, ``Dan adalah demikian itu, dengan mengerjakan yang dia yang amat hina Ismail ibni Abdullah, yang Syafie mazhabnya, al-Asy'ari akidahanya, yang Syazili thariqatnya, kemudian lagi Naqsyabandi al-Khalidi thariqatnya juga, yang menumpang ia atas ahli ilmi di dalam tanah haram yang Makki, yang maha mulia ia. Barang ditobatkan (oleh) Allah juga atasnya dan maaf daripada-Nya oleh Tuhannya yang amat murah, lagi amat penyayang. Dan adalah demikian itu di dalam Kampung Teluk Belanga dengan pertolongan Syah

Amir yang dibesarkan dan ikutan yang dimuliakan ialah Amir Ibrahim bin al-Marhum Amir Abdur Rahman at-Tamanqum Seri Maharaja.’’ Yang dimaksudkan dengan perkataan `at-Tamanqum’ ialah Temenggung. Dicitak oleh Mathba’ah al-Miriyah, Mekah, akhir Jamadilawal 1325 Hijrah, diusahakan oleh Syeikh Abdullah al-Baz.

2. Risalah Muqaranah Sembahyang, tanpa tarikh. Kandungannya membicarakan niat sembahyang. Cetakan pertama oleh Mathba’ah al-Bahiyah al-Mashriyah, 1309 Hijrah. Dicitak atas zimmah Umar bin Khathib Abdus Shamad al-Jawi, Jiyad. Selanjutnya ada cetakan pertama yang dikombinasi cetak dengan Bulughul Maram karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani oleh Mathba’ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1310 Hijrah.
3. Kifayatul Ghulam fi Bayani Arkanil Islam wa Syurutih, tanpa tarikh. Kandungannya membicarakan fikah bahagian rubu’ ibadat. Terdapat berbagai-bagai edisi cetakan, di antaranya oleh Mathba’ah Mustafa al-Baby al-Halaby, Mesir, 1340 Hijrah. Kitab ini ditashih oleh beberapa orang di antaranya, Haji Abdullah bin Ibrahim al-Qadhi (Kedah).
4. Al-Muqaddimatul Kubra allati Tafarra’at minhan Nuskhatus Shughra, tanpa tarikh. Hanya terdapat tahun selesai penyalinan naskhah pada hari Selasa, sesudah sembahyang Zohor pada 15 Jamadilawal 1305 Hijrah di Mekah oleh `Abdus Shamad Kelantan. Kandungannya membahas ilmu akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah secara mendalam. Cetakan pertama oleh Mathba’ah al-Amiriyah, Bulaq, Mesir, tertulis di halaman depan dinyatakan tahun 1309 Hijrah, dan di halaman akhir dinyatakan Rabiulakhir 1310 Hijrah. Di bahagian tepi dicitak kitab berjudul Muqaddimatul Muhtadin oleh pengarang yang sama. Pada halaman akhir dicatat sebagai penjual ialah Syeikh Abdullah al-Baz di Kampung Babus Salam, Mekah. Kitab ini ditashih Syeikh Ahmad al-Fathani.
5. Muqaddimatul Muhtadin, diselesaikan pada hari Rabu 30 Safar, sesudah sembahyang Zohor, tanpa menyebut tahun. Kandungannya membahas ilmu akidah secara mendalam. Dicitak di bahagian tepi kitab Al-Muqaddimatul Kubra.
6. Mawabib Rabbil Falaq Syarh Binti Milaq. Kandungannya membicarakan tasawuf, merupakan terjemahan dan syarah Qashidah al-’Arif Billah al-Qadhi Nashiruddin ibni Binti Milaq asy-Syazili. Sebahagian besar kandungannya membicarakan Thariqat Syaziliyah. Kitab ini

termasuk dalam kategori kitab nadir, telah lama tidak terdapat dalam pasaran kitab. Saya memperoleh kitab ini pertama sekali daripada bekas milik Syeikh Abdul Ghani bin Abdul Hamid, Pinang Baik, Selayang, Selangor Darul Ehsan, tarikh 28 Rejab 1417 Hijrah/9 Disember 1996 Masihi. Dicitak oleh Mathba’ah Makkah al-Mahmiyah, pertengahan Zulkaedah 1306 Hijrah.

Kesimpulan

Sewaktu Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minankabawi wafat, beliau meninggalkan dua orang anak yang menjadi ulama, iaitu Syeikh Azhari (wafat 1303 Hijrah/1886 Masihi) dan Syeikh Muhammad Nur (1313 Hijrah/ 1895-6 Masihi). Syeikh Azhari bin

Syeikh Ismail al-Minankabawi ketika wafat meninggalkan dua orang anak; Salim dan Ismail. Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Ismail al-Minankabawi pula memperoleh dua anak perempuan. Salah seorang daripadanya menjadi isteri kepada Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi al-Azhari, tokoh tajdid yang sangat terkenal itu.

Kedua-dua anak Syeikh Ismail al-Minankabawi yang tersebut meneruskan aktiviti beliau, di rumah pusaka beliau yang dinamakan Rumah Waqaf Al-Khalidi di Mekah, menjadi tumpuan atau tempat berkumpul orang-orang yang berasal dari dunia Melayu, terutama Ikhwanut Thariqah dan Kerabat Diraja Riau-Lingga. Bahawa Rumah Waqaf Al-Khalidi di Mekah itu dibina, dimulai oleh Syeikh Ismail al-Minankabawi sendiri, dan sewaktu Raja Haji Ahmad bin Raja Haji ke Mekah pada tahun 1243 Hijrah/1828 Masihi, beliau menghulurkan dana wakaf yang banyak kepada Syeikh Ismail al-Minankabawi. Dana wakaf tersebut kemudian diteruskan oleh beberapa orang Kerabat Diraja Riau-Lingga, para murid beliau.

Murid Syeikh Ismail al-Minankabawi daripada golongan elit Kerajaan Riau-Lingga sangat ramai, sama ada pimpinan tertinggi kerajaan, golongan cerdik pandai mahu pun golongan lainnya. Di antara mereka seumpama Raja Haji Abdullah, Yang Dipertuan Muda Riau Lingga ke-IX, Raja Ali Haji, pengarang Melayu yang sangat terkenal dan lain-lain.

Kesimpulan dari seluruh perbincangan bahawa Thariqat Naqsyabandiyah aliran al-Khalidiyah di dunia Melayu, dimulai oleh Syeikh Ismail al-Minankabawi di Mekah, kemudian beliau sendiri datang mendirikan pusat-pusat penyebarannya di Istana Pulau Penyengat, Riau, di Istana Temenggung Ibrahim di Teluk Belanga, Singapura, di Kampung Semabok, Melaka dan Kampung Upih di Pulau Pinang dan tempat-tempat lainnya.

Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas ulama paling berpengaruh di Terengganu

TIDAK dapat dinafikan bahawa yang mewarnai corak keIslaman di Terengganu mulai peringkat awal hingga abad ke-20, terdiri daripada dua golongan ulama atau penyebar Islam. Golongan itu ialah, pertama: Berasal daripada ulama-ulama Patani, dan kedua: Daripada keturunan Rasulullah s.a.w. atau golongan `sayid'. Di antara ulama yang paling besar pengaruhnya di Terengganu ialah Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim al-Fathani atau Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas, Terengganu.

PENDIDIKAN

Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim mendapat pendidikan asas di beberapa pondok pengajian di Patani. Walaupun ditinjau dari segi pangkat, nasab beliau adalah peringkat datuk saudara kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, namun ditinjau dari segi umur pula Abdul Qadir lebih muda daripada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Menurut riwayat, Abdul Qadir dan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani pernah sama-sama belajar dalam sebuah pondok, sama ada di pondok Kuala Bekah (Patani) mahu pun di pondok-pondok lainnya. Bahkan pernah sama-sama belajar di Mekah. Dalam riwayat yang lain pula menyebut bahawa Syeikh Abdul Qadir pernah belajar kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Jadi beliau termasuk peringkat murid kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Ketika beliau melanjutkan pelajaran ke Mekah, beliau berguru kepada Syeikh Muhammad Shalih bin Abdur Rahman Pauh Bok al-Fathani, Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaludin Aceh. Kepada ulama-ulama Arab pula beliau belajar di antaranya kepada Syeikh Muhammad Shalih bin Ibrahim, Mufti Syafi'ie di Mekah, Syeikh Ahmad al-Marzuqi dan lain-lain. Setelah memperoleh ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang di Mekah dan Madinah, beliau turun ke Jawi. Pertama kali ke sana beliau tidak langsung ke negeri asalnya Patani, tetapi beliau ke Pulau Duyung, Terengganu. Langkah itu diambilnya kerana di Pulau Duyung Kecil, Terengganu itu ahli keluarganya lebih ramai dan lebih dekat daripada di Patani sendiri. Di Pulau Duyung Kecil, Terengganu beliau memulakan aktivitinya sebagai seorang ulama.

AKTIVITAS

Syeikh Abdul Qadir mulai mengorak langkah di mana sahaja beliau pergi dalam negeri Terengganu beliau memperkenalkan ajaran Islam menurut Mazhab Syafie dan iktikad Ahlus Sunnah wal Jamaah. Beliau merancang membuka sebuah institusi semacam pondok di Patani, kerana pada zaman itu pengajian pondok memang di Patani yang paling terkenal di rantau ini. Sama ada di Terengganu mahupun di tempat-tempat lainnya, pengajian pondok tidaklah sekukuh seperti di Patani sendiri. Apabila rancangannya itu telah mantap, beliau pulang ke Patani dengan tujuan mendapatkan rancangan kerja yang lebih mantap atau konteks kerjasama dalam dunia pendidikan pondok dengan beberapa orang Tok Guru mahu pun ahli

keluarga beliau yang menjadi ulama yang memimpin pondok di Patani. Setelah sampai ke Patani, niat beliau tergendala kerana pada masa itu terjadi suatu peperangan besar antara Kedah-Patani terhadap pencerobohan bangsa Siam. Peperangan besar yang melibatkan beberapa orang tokoh ulama itu diikuti pula oleh Syeikh Abdul Qadir sendiri.

Pengajian pondok

Dipercayai beliau datang ke Pulau Duyung kali kedua ini sekitar tahun 1830an M. Ketika itu beliau mulai mengajar di Kampung Paya Bunga, Duyung. Syeikh Abdul Qadir mendirikan sebuah mesjid di Bukit Bayas. Di kedua-dua tempat itu beliau membina pengajian pondok menurut tradisi di Patani. Kemudian oleh sebab beliau memusatkan aktivitinya di Bukit Bayas, maka terkenallah namanya kemudian hari dengan gelaran Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas, pengganti kepada nama terkenal sebelumnya iaitu gelaran Syeikh Abdul Qadir Duyung (Tok Duyung sahaja).

PENULISAN

At-Tarhib wat Tarhib li al-Bai'i wa Asy-Syira, diselesaikan waktu duha, hari Isnin, 2 Rabiulawal 1234 H, di negeri Terengganu. Kandungannya membicarakan tentang perniagaan menurut ajaran Islam, mengemukakan hujah-hujah berdasarkan al-Quran dan hadis mengenai terlarangnya memakan riba. Di antara salinan terbaik yang pernah ditemui ialah yang diselenggarakan oleh Mahmud ibnu Muhammad Yusuf Terengganu.

Setelah Basmalah, Hamdalah, Selawat dan Salam, pengarangnya Syeikh Abdul Qadir menyebut judul karya ini dalam bahasa Arab, iaitu Risalah fi Bayani Hukmil Bai'i war Riba. Judul terjemahan oleh pengarangnya dalam bahasa Melayu: Risalah Pada Menyatakan Hukum Jual Beli Dan Riba. Berdasarkan kenyataan ini bererti karya ini terdapat dua judul yang berbeza dalam bahasa Arab, iaitu judul yang satu lagi yang tertulis pada bahagian depan manuskrip ialah: At-Tarhib wat Tarhib li al-Bai'i wa asy-Syira.

Sebagai keterangan tambahan keseluruhan kandungannya diringkaskan oleh beliau sendiri, dengan katanya ``Ditambahi sedikit daripada dalil dan hadis pada menyatakan seksa dan azab atas tiap-tiap orang yang memakan riba, dan orang yang mengurangkan sukatan dan timbangan, dan orang yang menzalim atas harta manusia.'' Sasaran karangan beliau nyatakan, ``Supaya beroleh manfaat dengan dia oleh tiap-tiap orang yang membaca akan dia daripada segala orang yang berjual beli laki-laki dan perempuan, kecil dan besar, muda dan tua.'' (hlm. 1).

Setelah itu pengarangnya memasuki perbincangan yang merupakan subjudul awalnya, ialah Asal Yang Mengharuskan Jual Beli Dan Haram Riba. Bahagian ini mengemukakan hujah-hujah daripada al-Quran dan hadis lengkap dengan perbandingan pendapat para ulama tentang pentafsirannya. Hadis yang pertama diperkenalkan terjemahan

menurut Syeikh Abdul Qadir, ``Bermula yang terlebih afdal usaha itu berjual beli yang baik, ertinya yang tiada tipu daya padanya dan tiada khianat, dan bekerja laki-laki dengan tangannya.’’

Selanjutnya Syeikh Abdul Qadir memetik hadis-hadis yang lain, di antaranya yang dikeluarkan oleh Baihaqi daripada Muaz, hadis yang dikeluarkan oleh Ibnu Majah dan Hakim daripada Ibnu Umar, hadis yang dikeluarkan oleh Ishbahani dan Dailami, dan banyak lagi hadis yang dapat dirujuk pada bahagian ini (hlm. 2-4). Kemudian memasuki Tanbih Bersalah-salahan Ulama Pada Usaha Yang Terafdal, Syeikh Abdul Qadir memulakan kalimat bahagian ini dengan katanya, ``Telah berkata oleh beberapa ulama, yang terlebih afdal usaha itu berniaga. Dan telah berkata oleh setengah ulama yang Muhaqqiqin, bermula usaha yang terlebih afdal itu berbuat bendang, kemudian daripada itu usaha kepandaian. Seperti berbuat rumah dan perahu, menjahit dan barang sebagainya daripada segala kepandaian yang diharuskan oleh syara. Kemudian daripada itu pula berniaga.’’ Pada bahagian ini dimulai dengan khabar daripada Muslim terjemahan menurut Syeikh Abdul Qadir, ``Tiada menanam oleh orang yang Islam akan satu tanaman dan tiada berbuat bendang ia akan satu bendang, maka makan daripadanya oleh manusia, dan tiada memakan akan dia oleh binatang, dan tiada suatu yang memakan akan dia melainkan adalah baginya itu sedekah.’’ Setelah membandingkan pelbagai pendapat, lalu dimulai perbincangan mengenai jual beli, iaitu dimulakan dengan tiga macam bentuk jual beli: Pertama, berjual mata benda yang dilihat. Kedua, dijual akan mata benda yang belum lagi maujud. Ketiga, dijual mata-benda yang ghaib, yang tiada dilihat (hlm. 10-20).

Hukum riba

Setelah mengupas sesuatu barang yang sah dijual beli atau tidak sahnya secara terperinci, lalu membicarakan mengenai riba. Syeikh Abdul Qadir membuka lembaran ini dengan kata beliau, ``Syahdan hendaklah mengetahui dan belajar pula akan hukum riba kerana wajib atas tiap-tiap orang yang berniaga itu berlajar segala hukum jual beli, dan hukum riba ...’’ Menurut beliau, ``Barangsiapa berniaga dahulu daripada mengetahui hukumnya nescaya haramlah atas orang itu dengan ittifaq segala ulama...’’ Mengenai asal hukum haram riba beliau kemukakan ayat al-Quran dan beberapa hadis. Di antara hadis yang disebutkan terjemahan menurut Syeikh Abdul Qadir, ``Satu dirham riba yang memakan akan dia oleh anak Adam itu terlebih sangat besar dosanya pada Allah Taala daripada tiga puluh enam kali mengerjakan zina. Riwayat Imam Ahmad daripada Abi Hurairah.’’ Semua permasalahan riba dibicarakan mulai hlm. 20 sampai 31. Selanjutnya disambung dengan Tanbih Haram Menipu Daya Pada Berjual Beli. Di antara hadis yang dipetik pada perbincangan ini terjemahan menurut Syeikh Abdul Qadir, ``Dan barangsiapa menipudaya ia akan kami maka tiadalah ia daripada kami.’’ (hlm. 32-41). Tidak kalah juga pentingnya beliau memberi subjudul Tanbih Suatu Perjagaan Pada Menyatakan Hukum Orang Yang Mengurangkan Sukatan Dan Timbangan’’. (hlm. 46-49).

KETURUNAN DAN MURID

Syeikh Abdul Qadir ini sangat besar pengaruhnya sama ada kepada masyarakat luar mahu pun kepada pihak Kerajaan Terengganu. Sangat ramai murid beliau menjadi ulama besar dan pemimpin kerajaan Terengganu. Daripada keturunan (zuriat) beliau demikian juga adanya. Beliau meninggalkan anak 21 orang lelaki dan perempuan. Mereka ialah: 1. Wan Abdur Rahim, 2. Wan Muhammad Amin, 3. Wan Muhammad Sa'id, 4. Wan Muhammad Saleh, 5. Wan Jamilah, 6. Wan Maimunah, 7. Wan Putih, 8. Wan Hitam, 9. Wan Khatijah, 10. Wan Maryam, 11. Wan Abdullah, 12. Wan Halimah, 13. Wan Salamah, 14. Wan Abu Bakar, 15. Wan Ahmad, 16. Wan Kaltsum, 17. Wan Abdur Rahman, 18. Wan Aminah, 19. Wan Man, 20. Wan Salimah, 21. Wan Muda. Yang menjadi ulama dan pembesar di Terengganu di antaranya Wan Muhammad Saleh, iaitu berpangkat Tok Kaya Pahlawan atau Datok Sangsura Pahlawan. Cucu beliau bernama Wan Abdul Hamid bin Wan Muhammad Sa'id bin Syeikh Abdul Qadir juga sebagai Datok Sangsura Pahlawan.

Di antara murid Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas yang sangat terkenal sebagai tokoh atau pun ulama ialah Baginda Sultan Umar (Sultan Terengganu), Wan Abdullah bin Muhammad Amin al-Fathani (Syeikh Duyung), Tok Ku Tuan Besar, Tuan Guru Mahmud bin Muhammad Yusuf Kemaman (penyalin pelbagai manuskrip) dan ramai lagi.

WAFAT

Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim al-Fathani Bukit Bayas, Terengganu wafat dalam tahun 1864 M di Kampung Paya Bunga, Terengganu. Riwayat lain menyebut beliau wafat di Bukit Bayas, Terengganu.

Ahmad Khathib Sambas
Mursyid Tariqat Qadiriyyah

KESOHORAN Syeikh Ahmad Khathib Sambas di kalangan pengamal Tariqat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah, sama ada peringkat Nusantara mahu pun antarabangsa pada zamannya tidak dinafikan. Sekurang-kurangnya terdapat dua buah kitab yang ditulis dalam bahasa Arab oleh orang Arab, menceritakan kisah ulama-ulama Mekah dan nama Syeikh Ahmad Khathib Sambas juga terdapat di dalamnya. Kitab yang pertama, *Siyar wa Tarajim*, karya Umar Abdul Jabbar. Kitab kedua, *Al-Mukhtashar min Kitab Nasyrin Naur waz Zahar*, karya Abdullah Mirdad Abul Khair yang diringkaskan oleh Muhammad Sa'id al-'Amudi dan Ahmad Ali. Kita sangat berterima kasih kepada kedua-dua penulis Arab itu, walau bagaimanapun ketepatan data dan fakta termasuk tahun lahir dan wafatnya perlu ditinjau kembali.

Nama lengkapnya ialah Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi. Lahir di Kampung Dagang, Sambas. Tarikh lahirnya hanya disebut oleh Umar `Abdul Jabbar, ialah pada bulan Safar 1217 H (kira-kira bersamaan 1802 M, pen:), tidak terdapat tulisan lainnya. Wafatnya di Mekah tetapi terdapat perbezaan pendapat mengenai tahun kewafatannya antara Umar Abdul Jabbar dengan Abdullah Mirdad Abul Khair. Abdullah Mirdad Abul Khair menyebut bahawa Syeikh Ahmad Khathib wafat tahun 1280 H (kira-kira bersamaan 1863 M, pen:), tetapi menurut Umar Abdul Jabbar, pada tahun 1289 H (kira-kira bersamaan 1872 M, pen:). Tahun wafat 1280 H yang disebut oleh Abdullah Mirdad Abul Khair sudah pasti ditolak, kerana berdasarkan sebuah manuskrip *Fat-h al-'Arifin* salinan Haji Muhammad Sa'id bin Hasanuddin, Imam Singapura, menyebut bahawa `Muhammad Sa'ad bin Muhammad Thasin al-Banjari mengambil tariqat daripada gurunya, Syeikh Ahmad Khathib yang tersebut itu di dalam negeri Mekah al-Musyarrafah di dalam halwatnya, dan khatamnya pada hari Arba', yang ketujuh hari dari bulan Zulhijjah sanah 1286 Hijrah''. Jadi bererti pada 7 Zulhijah 1286 H, Syeikh Ahmad Khathib Sambas masih hidup. Oleh itu Syeikh Ahmad Khathib Sambas wafat tahun 1289 H yang disebut oleh Umar Abdul Jabbar menepati yang sebenarnya.

KEMUNCAK KEMASYHURAN

Manusia menjadi terkenal kerana berbagai-bagai sebab, Syeikh Ahmad Khathib Sambas terkenal kerana beliau sebagai Mursyid Tariqat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah. Pada zamannya, di Mekah tentang tariqat itu, Syeikh Ahmad Khathib Sambas merupakan Syeikh Mursyid yang teratas sekali. Ia bukan sahaja bagi masyarakat dunia Melayu, tetapi juga diakui oleh ulama-ulama dunia luar. Sepanjang sejarah perkembangan Tariqat Qadiriyyah di dunia Melayu dari dahulu hingga sekarang memang tidak dapat dinafikan bahawa tokoh yang terbesar dan paling berkesan bagi ulama-ulama Jawi/Nusantara dalam penyebaran Tariqat Qadiriyyah itu ialah Syeikh Ahmad Khathib Sambas. Nama beliau juga dikenal di Uzbekistan, kerana salah seorang murid beliau bernama Syeikh Abdul Murad, adalah seorang ulama Tariqat

Qadiriyyah-Naqsyabandiyah yang menerima tawajjuh kedua-dua tariqat itu daripada Syeikh Ahmad Khathib Sambas.

FAT-HUL `ARIFIN

Fat-hul `Arifin termasuk salah satu istilah yang banyak dibicarakan di kalangan sufi. Tetapi yang dimaksudkan di sini ialah sebuah risalah atau kitab yang berasal daripada imlak Syeikh Ahmad Khathib Sambas. Imlak tersebut ditulis oleh beberapa orang muridnya, dan yang sempat diterbitkan hanyalah versi catatan Syeikh Muhammad bin Ismail bin Abdur Rahim al-Bali. Manuskrip Fat-hul `Arifin yang dinisbahkan kepada Syeikh Ahmad Khathib Sambas, yang ada pada penulis ialah:

1. Judul Silsilah Tariqat Qadiriyyah wan Naqsyabandiyah yang dicatat oleh Abdul Hakim ibnu Marhum Lebai Abdul Kari Sambas, Kampung Asam. Naskhah ini merupakan satu-satunya yang ditulis oleh orang yang berasal dari Sambas sendiri.
2. Manuskrip tanpa judul, hanya dinyatakan ``Talkin, zikir dan bai'ah tariqat yang diijazahkan oleh guru kita Maulana asy-Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar Sambas yang di dalam negeri Mekah al-Musyarrifah kepada sekalian muridnya''. Pada manuskrip ini dimulai nama pencatatnya bernama Haji Muhammad Sa'id bin Hasanuddin, Imam Singapura, bahawa beliau ``... mengambil talkin, dan bai'ah, dan tawajjuh, serta ijazah daripada gurunya Sayid Muhammad bin Ali al-'Aidrus. Dia mengambil daripada Sayid Ja'afar bin Muhammad as-Saqaf Pontianak, mengambil daripada Muhammad Sa'ad bin Muhammad Thasin al-Banjari mengambil daripada Syeikh Ahmad Khathib... `` Manuskrip ini ditulis tahun 1286 H dan selanjutnya disalin oleh Sayid Ahmad bin Ismail al-'Aidrus pada hari Khamis, 4 Zulhijah 1293 H/21 Disember 1876 M, diperoleh di Pontianak pada 8 Syawal 1422 H/22 Disember 2001 M.
3. Fat-hul `Arifin, naskhah yang ditulis oleh Haji Muhammad bin Syeikh Abdus Samad al-Kalantani diselesaikan pada tahun 1294 H/1877 M. Dalam manuskrip ini dikombinasikan dengan Tariqat Syathariyah.

Tiga versi yang tersebut di atas merupakan manuskrip yang pernah diterbitkan iaitu versi catatan Syeikh Muhammad bin Ismail bin Abdur Rahim al-Bali, beliau selesai menulis kembali setelah diteliti dan bersih daripada corat-coret pada bulan Rejab 1295 H/Julai 1878 M. Naskhah tersebutlah yang ditashhah oleh Syeikh Ahmad al-Fathani, kemudian dicetak pertama kalinya oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah Mekah, 1305 H/1887 M, yang diterbitkan itu diberi judul Fat-hul `Arifin.

Walaupun Syeikh Ahmad Khathib Sambas sebagai seorang tokoh sufi, namun selain ditonjolkan karya tasawuf Fat-hul `Arifin, beliau juga menghasilkan karya dalam bidang ilmu fikah. Penulis juga memiliki manuskrip fikah karya beliau, iaitu Fatwa Syeikh Ahmad Khathib Sambas Perihal Jumaat. Naskhah tulisan tangan itu

dijumpai tahun 1986, bekas koleksi Haji Manshur yang berasal dari Pulau Subi, Kepulauan Riau. Kandungan naskhah selain membicarakan masalah Jumaat terdapat pula fatwa beliau mengenai hukum penyembelihan secara Islam. Pada bahagian akhir naskhah terdapat pula suatu nasihat beliau yang panjang, kemudian ditutup dengan beberapa amalan wirid beliau

selain amalan Tariqat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah. Sebuah karya (judul yang sebenar tidak terdapat) yang membicarakan fikah mulai taharah, sembahyang dan pengurusan mayat. Manuskrip tanpa dinyatakan tarikh, hanya terdapat tahun penyalinan dinyatakan ``... Hari Khamis, 11 Muharam 1281 H oleh Haji Ahmad ibnu al-Marhum Penggawa Nashir ahli al-Kayung jama'ah Tuan Syeikh Ahmad Khathib Sambas di Mekah al-Mukarramah ...'' Manuskrip di atas diperoleh di Kampung Mendalok, Sungai Kunyit, Kabupaten Pontianak, Kalimantan Barat, pada 6 Syawal 1422 H/20 Disember 2001 M.

MURID-MURIDNYA

Besarnya pengaruh Tariqat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah yang bersumber daripada Syeikh Ahmad Khathib Sambas di dunia Melayu, melebihi tokoh-tokoh penyebar Tariqat Qadiriyyah seperti Syeikh Nuruddin ar-Raniri, Syeikh Abdur Rauf al-Fansuri dan lain-lainnya yang lebih dahulu. Di Jawa misalnya, dapat kita semak pada beberapa lembar tulisan Zamakhsyari Dhofier dalam bukunya Tradisi Pesantren, beliau menyebut, ``Dalam abad ke-19, organisasi-organisasi tariqat di Jawa memperoleh semangat dan dukungan baru daripada masyarakat. Hal ini disebabkan oleh kedatangan para pengikut Syeikh Ahmad Khatib Sambas dan Sulaiman Effendi dari Mekah''. Seterusnya, ``Namun yang cukup menarik ialah di Jawa Syeikh Ahmad Khatib Sambas dikenal sebagai pendiri suatu tariqat baru, Tariqat Naqsyabandiyah''. Selanjutnya, ``Kedudukan Syeikh Ahmad Khatib sebagai seorang sarjana Islam perlu kita sedari betul-betul ...''. Selanjutnya, ``Adalah suatu hal yang penting bahawa seorang sarjana besar seperti Syeikh Sambas, kepada siapa hampir semua kiyai di Jawa menelusuri penealogi intelektual mereka juga dikenal sebagai seorang pemimpin tariqat''.

Kalau demikian yang diperkatakan, sekarang mari kita menjejaki kemantapan sistem pengkaderan yang dilakukan kepada murid-muridnya. Salah seorang muridnya bernama Syeikh Zainal Abidin yang berasal dari Kelantan diutus oleh Syeikh Ahmad Khathib Sambas ke Kalimantan Barat sebagai `Ketua Khalifah' di sana. Jadi bererti murid-muridnya yang lain, yang semuanya berasal dari Kalimantan Barat, adalah di bawah pengawasan Syeikh Zainal Abidin al-Kalantani. Selanjutnya semua mereka disuruh supaya mendalami pelbagai ilmu kepada ulama yang berasal dari Kelantan itu. Kebenaran untuk mentawajjuh/ membai'ah sekali-kali tidak dibenarkan kepada murid-murid yang lain selagi Syeikh Zainal Abidin al-Kalantani masih hidup, atau selagi beliau masih berada di Kalimantan Barat. Syeikh Zainal Abidin al-Kalantani meninggal dunia di Kampung Sebedang, Sambas.

Yang dilantik oleh Syeikh Ahmad Khathib Sambas sebagai khalifah nya di Mekah ialah Syeikh Abdul Karim al-Bantani, beliau mempunyai murid yang ramai sesudah Syeikh Ahmad Khatib Sambas. Untuk di Jawa terdapat tiga orang wakil khalifah, yaitu: Di Jawa Timur, Syeikh Ahmad Hasbullah bin Muhammad al-Manduri (Madura) dan lain-lain. Di Jawa Tengah, Syeikh Zarkasyi Barjan, Porwajo Syeikh Ibrahim Berumbung. Di Jawa Barat, Syeikh Asnawi Banten dan lain-lain.

Murid Syeikh Ahmad Khathib Sambas yang bernama Syeikh Muhammad bin Ismail bin Abdur Rahim berasal dari Pulau Bali. Beliau juga diberikan kebenaran mentawajjuhkan. Salah seorang muridnya yang menjadi ulama besar ialah Tuan Guru Haji Abdur Rahman yang berasal dari Ambon. Murid Syeikh Ahmad Khathib Sambas yang bernama Haji Abdul Lathif bin Haji Abdul Qadir berasal dari Sarawak. Di antara muridnya ialah Haji Muhammad Arsyad bin Abdur Rahman Pontianak. Murid Haji Abdul Lathif yang berasal dari Sarawak yang menjadi ulama besar, mengajar di Masjidil Haram, Mekah, ialah Syeikh Utsman bin Abdul Wahhab as-Sarawaqi. Tetapi selanjutnya Syeikh Utsman Sarawak ini menerima tawajjuh Tariqat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah sekali lagi daripada Syeikh Abdul Karim al-Bantani di Mekah.

Masih banyak kisah murid-murid Syeikh Ahmad Khathib Sambas yang belum sempat disebutkan di sini, penulis menyimpulkan saja bahawa institusi pengajaran Tariqat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah yang bersumber daripada Syeikh Ahmad Khatib Sambas yang masih kekal sampai sekarang ialah daripada muridnya yang bernama Syeikh Abdullah Mubarak. Pondok Pesantren yang beliau dirikan 7 Rejab 1323 H/ 5 September 1905 M masih kekal sampai sekarang, bahkan terkenal di seluruh Indonesia dan Malaysia. Sistem pelajaran Tariqat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah yang berasal daripada Syeikh Ahmad Khatib Sambas itu dikembangkan dengan penyesuaian pada zaman moden.

Syeikh Abdul Qadir al-Fathani

Khalifah Syeikh Daud al-Fathani

Kedudukan Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani dari sudut ilmu pengetahuan adalah setaraf dengan ulama-ulama besar yang berada di Mekah dan Madinah pada zaman itu. Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani menjalankan tugas ulama dengan aktiviti pengajarannya di Masjidil Haram, Mekah dan di rumahnya sendiri.

SYEIKH Ahmad al-Fathani menyebut bahawa ayahnya, Syeikh Wan Muhammad Zain al-Fathani lahir dalam tahun 1233 H/1817 M. Dirikan bahawa Syeikh Abdul Qadir al-Fathani itu lebih tua daripada Syeikh Muhammad Zain al-Fathani.

Riwayat lain menyebut bahawa usia Syeikh Abdul Qadir al-Fathani lebih tua sekitar lima tahun daripada Syeikh Wan Muhammad Zain al-Fathani. Jadi bererti Syeikh Abdul Qadir al-Fathani lahir dalam tahun 1228 H/1813 M. Dirikan pula bahawa Syeikh Abdul Qadir al-Fathani lebih tua daripada Syeikh Nawawi al-Bantani (Imam Nawawi Tsani).

Syeikh Nawawi al-Bantani lahir dalam tahun 1230 H/1814 M. Kedua-dua ulama yang berasal dari Patani dan Banten itu bersahabat ketika kedua-duanya belajar di Mekah. Kedua-duanya menerima bai`ah Thariqat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah daripada Syeikh Ahmad Khatib Sambas (1217 H/1802 M-1289 H/1872 M). Dalam beberapa hal Syeikh Nawawi Banten belajar kepada Syeikh Abdul Qadir al-Fathani, di antaranya ilmu qiraah. Dan demikian sebaliknya dalam beberapa hal Syeikh Abdul Qadir al-Fathani belajar pula kepada Syeikh Nawawi al-Bantani.

Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani telah menyelamatkan cukup banyak karya yang masih dalam bentuk tulisan tangan (manuskrip) yang dikarang oleh ulama dunia Melayu, terutama sekali karya-karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Selain memelihara manuskrip dengan rapi, Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani pula telah melakukan pentahqiqan dan pentashhihan beberapa buah kitab yang dianggap penting, yang secara tradisinya banyak diajarkan dari sebelum hingga zaman beliau.

Pertubuhan

Daripada khazanah simpanan Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani itulah menimbulkan ilham bagi Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani sehingga beliau mengasaskan suatu pertubuhan pentashhihan di Mesir, Mekah dan Turki. Munculnya istilah tashhih dan mushahhih bermula dari sini.

Pendek kata Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani ini sangat penting bagi orang-orang Melayu yang berada di Mekah pada zamannya. Beliau adalah guru

bagi seluruh ulama Asia Tenggara, pakar tempat rujukan dalam semua bidang keilmuan keislaman.

Ada beberapa ulama besar yang berasal dari Patani yang bernama Syeikh Abdul Qadir al-Fathani. Di antara mereka yang sangat terkenal ialah Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani yang dibicarakan ini. Menjalankan aktivitinya di Mekah, Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim al-Fathani, lebih dikenali dengan nama Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas, Terengganu, kerana menjalankan aktivitinya di Bukit Bayas Terengganu, Syeikh Abdul Qadir bin Mushthafa al-Fathani lebih dikenali dengan nama Tok Bendang Daya, kerana menjalankan aktivitinya di Bendang Daya Patani. Ketiga-tiga ulama besar Patani itu satu sama lainnya sempat bertemu, yang lebih tua menjadi guru kepada yang muncul kemudiannya.

Ketiga-tiga mereka masih ada kaitan keluarga pertalian nasab yang dekat, yang bersumber daripada satu datuk nenek yang sama. Syeikh Abdul Qadir al-Fathani bin Abdur Rahman adalah cucu saudara bagi Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, dan dalam sebuah manuskrip ada dinyatakan bahawa beliau merupakan Khalifah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Pendidikan dan Keluarga

Nama lengkapnya, Syeikh Wan Abdul Qadir bin Wan Abdur Rahman bin Wan Utsman bin Tok Wan Su bin Tok Wan Abu Bakar bin Tok Kaya Wan Pandak bin Tok Wan Faqih Ali. Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani adalah peringkat murid kepada Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim Bukit Bayas Terengganu dan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Beliau mendapat pendidikan asas dimulai daripada beberapa pondok di Patani, tetapi yang lebih lama tempatnya memondok adalah di Pondok Pauh Bok Patani, iaitu sebuah pondok pengajian yang pernah mendidik ramai ulama, di antaranya termasuk Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan ramai lagi.

Pada zaman itu hampir semua pondok di Patani yang menjadi Tok Guru adalah di kalangan keluarga mereka. Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani terganggu pendidikannya di Patani kerana terjadinya satu peperangan besar antara Patani dengan Siam (1828 M-1830 M). Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani termasuk keluarga besar ulama Patani Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim Terengganu yang turut berhijrah ke Pulau Duyung Kecil Terengganu.

Dalam peristiwa penghijrahan itu diriwayatkan bahawa beliau baru berusia sekitar belasan tahun saja. Walau pun hijrah yang penuh darurat itu dilakukan, namun belajar kitab terus juga dilaksanakan, masa tidak boleh dibuang dan diabaikan.

Dipercayai di Pulau Duyung Kecil itu beliau belajar kepada kedua-dua ulama yang telah disebutkan di atas.

Lebih kurang empat puluh hari setelah kelahiran saudara sepupunya, iaitu Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani/Syeikh Nik Mat Kecil al-Fathani keluarga besar ulama Patani tersebut, termasuk Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani meneruskan perjalanan ke Mekah dan sepupunya bayi yang baru dilahirkan juga dibawa bersama-sama.

Yang tinggal di Pulau Duyung Kecil itu hanya sebahagian kecil termasuk Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim al-Fathani. Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani saya katakan sepupu dengan Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani/Syeikh Nik Mat Kecil al-Fathani kerana ibunya adik beradik/saudara kandung.

Ibu Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman bernama Wan Fathimah binti Syeikh Wan Idris al-Fathani, ibu Syeikh Nik Mat Kecil bernama Wan Zainab binti Syeikh Wan Idris al-Fathani. Ada pun Syeikh Wan Idris al-Fathani tersebut, nama lengkapnya ialah Syeikh Wan Idris bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris bin Syeikh Senik al-Karisiqi al-Fathan. Syeikh Wan Idris bin Syeikh Wan Abdullah adalah saudara kandung Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Jadi dengan demikian Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani juga sempat belajar kepada datuknya, Syeikh Wan Idris bin Abdullah al-Fathani yang tersebut.

Diriwayatkan bahawa ayahnya, Syeikh Abdur Rahman bin Utsman, juga termasuk ulama. Dipercayai Syeikh Abdul Qadir juga belajar kepada ayahnya itu.

Selain belajar di lingkungan kaum keluarga sendiri Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani juga pernah belajar kepada Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki (1233 H.-1335 H), Syeikh Muhammad Haqqi Nazili (wafat di Mekah 1301 H/1884 M), Syeikh Ahmad As'ad ad-Dihan (1222 H-1294 H), Saiyid Muhammad Amin Ridhwan dan ramai lagi.

Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani merupakan kader Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, oleh itu manakala Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani meninggal dunia, beliau menjadi rujukan utama ulama-ulama yang berasal dari dunia Melayu, yang berada di Mekah. Hal ini kerana beliau adalah seorang ulama yang menguasai ilmu pengetahuan keislaman dalam berbagai-bagai bidang. Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani adalah seorang ulama ahli syariat dan haqiqat.

Pengaruh

Telah disebutkan bahawa Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani adalah keluarga dekat kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, maka Syeikh Abdul

Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani inilah yang pertama mengambil tempat kemasyhuran Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani setelah beliau meninggal dunia. Pengetahuan Islam dan predikat ulama pada peribadi Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani tidak pernah diragukan oleh para ulama yang sezaman dengan beliau.

Kedudukan Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani dari sudut ilmu pengetahuan adalah setaraf dengan ulama-ulama besar yang berada di Mekah dan Madinah pada zaman itu. Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani menjalankan tugas ulama dengan aktiviti pengajarannya di Masjidil Haram, Mekah dan di rumahnya sendiri.

Beliau mengajar kitab yang tinggi-tinggi dalam bahasa Arab, juga kitab-kitab Melayu/Jawi yang dikarang oleh ulama-ulama yang berasal dari dunia Melayu yang terkenal. Murid beliau sangat ramai.

Di antaranya yang terkenal mengarang dan menterjemah kitab-kitab ialah Syeikh Utsman bin Syeikh Syihabuddin al-Funtiani (Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia). Muridnya ini banyak meninggalkan karangan.

Di antara kitab yang diterjemahkannya berjudul Tajul `Arus). Syeikh Ahmad al-Fathani juga termasuk salah seorang murid Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani, iaitu kader yang bersambung dan berhubung dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani hingga sampai kepada kegiatan datuk nenek mereka, iaitu ulama-ulama Patani yang telah berhasil sebagai patriot-patriot penyebar ilmu pengetahuan Islam di dunia Melayu khususnya, dan dunia umumnya.

Suatu hal yang menarik disebut di sini bahawa Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani adalah seorang ulama yang besar pengaruhnya di kalangan Thariqat Syathariyah. Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani adalah seorang Mursyid dalam Thariqat Syathariyah tersebut. Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani menerima Thariqat Syathariyah adalah secara langsung kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Oleh sebab Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani telah diperbolehkan mentawajjuh, membai'ah, dan mengijazahkan Thariqat Syathariyah tersebut, maka pengaruh beliau lebih besar di kalangan masyarakat pengamal sufi Islami. Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani dipercayai telah menerima Thariqat Syathariyah daripada Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani kerana ulama yang berasal dari Kelantan itu tidak bertemu ketika dewasa dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Selain Syeikh Wan Ali Kutan, murid Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani yang menjadi ulama pula, yang menerima bai'ah Thariqat Syathariyah kepadanya di antara mereka ialah Syeikh Muhammad Shalih bin Syeikh Zainal Abidin

al-Fathani, Syeikh Muhammad Zain bin Muhammad al-Fathani Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, Syeikh Muhammad bin Ismai/Nik Mat Kecil al-Fathani dan ramai lagi.

Bagi orang yang belajar ilmu tasawuf yang mempergunakan kitab Siyarus Salikin karangan Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani pada masa dahulu, nama Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani ini tidak asing lagi bagi mereka. Kitab tersebut cetakan asalnya kemudian masih beredar sampai sekarang adalah berasal daripada naskhah tulisan, tashhah dan bekas Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani mengajarnya.

Penulisan

Syeikh Abdul Qadir al-Fathani bin Abdur Rahman al-Fathani sekurang-kurangnya telah menghasilkan 14 buah karangan, namun kerana kekurangan ruangan perbicaraan tentangnya terpaksa ditangguhkan.

Syeikh Nawawi al-Bantani

Digelar Imam Nawawi kedua

NAMA Imam Nawawi tidak asing lagi bagi dunia Islam terutama dalam lingkungan ulama-ulama Syafi'iyah. Ulama ini sangat terkenal kerana banyak karangannya yang dikaji pada setiap zaman dari dahulu sampai sekarang. Pada penghujung abad ke-18 lahir pula seorang yang bernama Nawawi di Banten, Jawa Barat. Setelah dia menuntut ilmu yang sangat banyak, mensyarah kitab-kitab bahasa Arab dalam pelbagai disiplin ilmu yang sangat banyak pula, maka dia digelar Imam Nawawi ats-Tsani, ertinya Imam Nawawi Yang Kedua. Orang pertama memberi gelaran demikian ialah Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Gelaran yang diungkapkan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani dalam seuntai gubahan syairnya itu akhirnya diikuti oleh semua orang yang menulis riwayat ulama yang berasal dari Banten itu. Sekian banyak ulama dunia Islam sejak sesudah Imam Nawawi yang pertama (wafat 676 Hijrah/1277 Masehi) sampai sekarang ini belum ada orang lain yang mendapat gelaran Imam Nawawi ats-Tsani, kecuali Syeikh Nawawi, ulama kelahiran Banten yang dibicarakan ini. Rasanya gelaran demikian memang dipandang layak, tidak ada ulama sezaman dengannya mahupun sesudahnya yang mempertikai autoritinya dalam bidang ilmiah keislaman menurut metode tradisional yang telah wujud zaman berzaman dan berkesinambungan.

Sungguhpun Syeikh Nawawi ats-Tsani al-Bantani diakui alim dalam semua bidang ilmu keislaman, namun dalam dunia at-thariqah ash-shufiyah, gurunya Syeikh Ahmad Khathib Sambas tidak melantik beliau sebagai seorang mursyid Thariqat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah, tetapi yang dilantik ialah Syeikh Abdul Karim al-Bantani, iaitu ayah saudara kepada Syeikh Nawawi al-Bantani, yang sama-sama menerima thariqat itu kepada Syeikh Ahmad Khathib Sambas. Apakah sebabnya terjadi demikian hanya diketahui oleh Syeikh Ahmad Khathib Sambas dan Syeikh Nawawi al-Bantani. Syeikh Nawawi al-Bantani mematuhi peraturan yang diberikan itu, sehingga beliau tidak pernah mentawajuh/membai'ah seseorang muridnya walaupun memang ramai murid beliau yang menjadi ulama besar yang berminat dalam bidang keshufian.

Lahir dan pendidikan

Nama lengkapnya adalah Syeikh Muhammad Nawawi bin Umar ibnu Arabi bin Ali al-Jawi al-Bantani. Beliau adalah anak sulung seorang ulama Banten, Jawa Barat, lahir pada tahun 1230 Hijrah/1814 Masehi di Banten dan wafat di Mekah tahun 1314 Hijrah/1897 Masehi. Ketika kecil, beliau sempat belajar kepada ayahnya sendiri, dan di Mekah belajar kepada beberapa ulama terkenal pada zaman itu, di antara mereka yang dapat dicatat adalah sebagai berikut: Syeikh Ahmad an-Nahrawi, Syeikh Ahmad ad-Dumyati, Syeikh Muhammad Khathib Duma al-Hanbali, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Maliki, Syeikh Zainuddin Aceh, Syeikh Ahmad Khathib Sambas, Syeikh Syihabuddin, Syeikh Abdul Ghani Bima, Syeikh Abdul Hamid Daghastani, Syeikh Yusuf Sunbulawani, Syeikhah Fatimah binti Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, Syeikh Yusuf bin Arsyad al-Banjari, Syeikh Abdus Shamad bin Abdur

Rahman al-Falimbani, Syeikh Mahmud Kinan al-Falimbani, Syeikh Aqib bin Hasanuddin al-Falimbani. Demikian saja para gurunya yang dapat dicatat daripada berbagai-bagai sumber, dan berkemungkinan banyak yang belum dapat dicatat di sini.

Dipercayai beliau datang ke Mekah dalam usia 15 tahun dan selanjutnya setelah menerima pelbagai ilmu di Mekah, beliau meneruskan pelajarannya ke Syam (Syiria) dan Mesir. Setelah keluar dari Mekah kerana menuntut ilmu yang tidak diketahui berapa lamanya, lalu beliau kembali lagi ke Mekah. Keseluruhan masa beliau tinggal di Mekah dari mulai belajar, mengajar dan mengarang hingga sampai kemuncak kemasyhurannya lebih dari setengah abad lamanya. Diriwatkan bahawa setiap kali beliau mengajar di Masjidil Haram sentiasa dikelilingi oleh pelajar yang tidak kurang daripada dua ratus orang. Kerana sangat terkenalnya beliau pernah diundang ke Universiti al-Azhar, Mesir untuk memberi ceramah atau fatwa-fatwa pada beberapa perkara yang tertentu.

Belum jelas tahun berapa beliau diundang oleh ahli akademik di Universiti al-Azhar itu, namun difahamkan bahawa beliau sempat bertemu dengan seorang ulama terkenal di al-Azhar (ketika itu sebagai Syeikhul Azhar), iaitu Syeikh Ibrahim al-Baijuri (wafat 1860 Masehi) yang sangat tua dan lumpuh kerana tuanya. Kemungkinan Syeikh Ibrahim al-Baijuri, Syeikhul Azhar yang terkenal itu termasuk salah seorang di antara guru kepada Syeikh Nawawi al-Bantani.

Murid-murid

Diriwatkan bahawa Syeikh Nawawi al-Bantani mengajar di Masjidil Haram menggunakan bahasa Jawa dan Sunda ketika memberi keterangan terjemahan kitab-kitab bahasa Arab. Barangkali ulama Banten yang terkenal itu kurang menguasai bahasa Melayu yang lebih umum dan luas digunakan pada zaman itu. Oleh sebab kurang menguasai bahasa Melayu, maka tidak berapa ramai muridnya yang berasal dari luar pulau Jawa (seperti Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu dan Patani). Tetapi Tok Kelaba al-Fathani menyebut bahawa beliau menerima satu amalan wirid daripada Syeikh Abdul Qadir bin Mustafa al-Fathani, dan Syeikh Abdul Qadir itu menerimanya daripada Syeikh Nawawi al-Bantani. Syeikh Abdul Qadir al-Fathani (Tok Bendang Daya II) sebenarnya bukan peringkat murid kepada Syeikh Nawawi al-Bantani tetapi adalah peringkat sahabatnya. Syeikh Nawawi al-Bantani (1230 Hijrah/1814 Masehi) lebih tua sekitar empat tahun saja daripada Syeikh Abdul Qadir al-Fathani (Tok Bendang Daya II, 1234 Hijrah/1817 Masehi). Adapun murid Syeikh Nawawi al-Bantani di pulau Jawa yang menjadi ulama yang terkenal sangat ramai, di antara mereka ialah, Kiyai Haji Hasyim Asy'ari, Pengasas Pondok Pesantren Tebuireng, Jawa Timur, bahkan beliau ini dianggap sebagai bapa ulama Jawa dan termasuk pengasas Nahdhatul Ulama. Murid Syeikh Nawawi al-Bantani yang terkenal pula ialah Kiyai Haji Raden Asnawi di Kudus, Jawa Tengah, Kiyai Haji Tubagus Muhammad Asnawi di Caringin, Purwokerto, Jawa Barat, Syeikh Muhammad

Zainuddin bin Badawi as-Sumbawi, Syeikh Abdus Satar bin Abdul Wahhab as-Shidqi al-Makki, Sayid Ali bin Ali al-Habsyi al-Madani dan ramai lagi.

Salah seorang cucunya, yang juga mendapat pendidikan sepenuhnya daripada beliau ialah Syeikh Abdul Haq bin Abdul Hannan al-Jawi al-Bantani (1285 Hijrah/1868 Masehi - 1324 Hijrah/1906 Masehi). Pada halaman pertama Al-Aqwalul Mulhaqat, Syeikh Abdul Haq al-Bantani menyebut bahawa Syeikh Nawawi al-Bantani adalah orang tuanya (Syeikhnya), orang yang memberi petunjuk dan pembimbingnya. Pada bahagian kulit kitab pula beliau menulis bahawa beliau adalah `sibthun' (cucu) an-Nawawi Tsani. Selain orang-orang yang tersebut di atas, sangat ramai murid Syeikh Nawawi al-Bantani yang memimpin secara langsung barisan jihad di Celegon melawan penjajahan Belanda pada tahun 1888 Masehi. Di antara mereka yang dianggap sebagai pemimpin pemberontak Celegon ialah: Haji Wasit, Haji Abdur Rahman, Haji Haris, Haji Arsyad Thawil, Haji Arsyad Qasir, Haji Aqib dan Tubagus Haji Ismail. Semua mereka adalah murid Syeikh Nawawi al-Bantani yang dikaderkan di Mekah.

Karya-karya

Berapa banyakkah karya Syeikh Nawawi ats-Tsani al-Bantani yang sebenarnya belum diketahui dengan pasti. Barangkali masih banyak yang belum masuk dalam senarai yang ditulis oleh penulis-penulis sebelum ini. Saya telah memiliki karya ulama Banten ini sebanyak 30 judul. Judul yang telah saya masukkan dalam buku berjudul Katalog Besar Persuratan Melayu, sebanyak 44 judul. Semua karya Syeikh Nawawi al-Bantani ditulis dalam bahasa Arab dan merupakan syarahan daripada karya orang lain. Belum ditemui walau sebuah pun karyanya yang diciptakan sendiri. Juga belum ditemui karyanya dalam bahasa Melayu, Jawa ataupun Sunda. Oleh sebab kekurangan ruangan di antara 44 judul di bawah ini saya catat sekadarnya saja, ialah:

1. Targhibul Musytaqin, selesai Jumaat, 13 Jamadilakhir 1284 Hijrah/1867 Masehi. Cetakan awal Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1311 Hijrah.
2. Fat-hus Shamadil `Alim, selesai awal Jamadilawal 1286 Hijrah/1869 Masehi. Dicitak oleh Mathba'ah Daril Kutubil Arabiyah al-Kubra, Mesir 1328 Hijrah.
3. Syarah Miraqil `Ubudiyah, selesai 13 Zulkaedah 1289 Hijrah/1872 Masehi. Cetakan pertama Mathba'ah al-Azhariyah al-Mashriyah, Mesir 1308 Hijrah.
4. Madarijus Su'ud ila Iktisa'il Burud, mulai menulis 18 Rabiulawal 1293 Hijrah/1876 Masehi. Dicitak oleh Mathba'ah Mustafa al-Baby al-Halaby, Mesir, akhir Zulkaedah 1327 Hijrah.
5. Hidayatul Azkiya' ila Thariqil Auliya', mulai menulis 22 Rabiulakhir 1293 Hijrah/1876 Masehi, selesai 13 Jamadilakhir 1293 Hijrah/1876 Masehi. Diterbitkan oleh Mathba'ah Ahmad bin Sa'ad bin Nabhan, Surabaya, tanpa menyebut tahun penerbitan.

6. Fat-hul Majid fi Syarhi Durril Farid, selesai 7 Ramadan 1294 Hijrah/1877 Masehi. Cetakan pertama oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1304 Hijrah.
7. Bughyatul `Awam fi Syarhi Maulidi Saiyidil Anam, selesai 17 Safar 1294 Hijrah/1877 Masehi. Dicitak oleh Mathba'ah al-Jadidah al-'Amirah, Mesir, 1297 Hijrah.
8. Syarah Tijanud Darari, selesai 7 Rabiulawal 1297 Hijrah/1879 Masehi. Cetakan pertama oleh Mathba'ah `Abdul Hamid Ahmad Hanafi, Mesir, 1369 Masehi.
9. Syarah Mishbahu Zhulmi `alan Nahjil Atammi, selesai Jamadilawal 1305 Hijrah/1887 Masehi. Cetakan pertama oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1314 Hijrah atas biaya saudara kandung pengarang, iaitu Syeikh Abdullah al-Bantani.
10. Nasha-ihul `Ibad, selesai 21 Safar 1311 Hijrah/1893 Masehi. Cetakan kedua oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1323 Hijrah.
11. Al-Futuhatul Madaniyah fisy Syu'bil Imaniyah, tanpa tarikh. Dicitak di bahagian tepi kitab nombor 10, oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1323 Hijrah.
12. Hilyatus Shibyan Syarhu Fat-hir Rahman fi Tajwidil Quran, tanpa tarikh. Dicitak oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah, 1332 Hijrah.
13. Qatrul Ghaitis fi Syarhi Masaili Abil Laits, tanpa tarikh. Dicitak oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah, 1321 Hijrah.
14. Mirqatu Su'udi Tashdiq Syarhu Sulamit Taufiq, tanpa tarikh. Cetakan pertama oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah 1304 Hijrah.
15. Ats-Tsimarul Yani'ah fir Riyadhil Badi'ah, tanpa tarikh. Cetakan pertama oleh Mathba'ah al-Bahiyah, Mesir, Syaaban 1299 Hijrah. Dicitak juga oleh Mathba'ah Mustafa al-Baby al-Halaby, Mesir, 1342 Hijrah.
16. Tanqihul Qaulil Hatsits fi Syarhi Lubabil Hadits, tanpa tarikh. Dicitak oleh Mathba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah, Mesir, tanpa tarikh.
17. Bahjatul Wasail bi Syarhi Masail, tanpa tarikh. Dicitak oleh Mathba'ah al-Haramain, Singapura-Jeddah, tanpa tarikh.
18. Fat-hul Mujib Syarhu Manasik al-'Allamah al-Khatib, tanpa tarikh. Dicitak oleh Mathba'ah at-Taraqqil Majidiyah, Mekah, 1328 Hijrah.
19. Nihayatuz Zain Irsyadil Mubtadi-in, tanpa tarikh. Diterbitkan oleh Syarikat al-Ma'arif, Bandung, Indonesia, tanpa tarikh.
20. Al-Fushushul Yaqutiyah `alar Raudhatil Bahiyah fi Abwabit Tashrifiyah, tanpa tarikh. Dicitak oleh Mathba'ah al-Bahiyah, Mesir, awal Syaaban 1299 Hijrah.

Tuan T abal

Penyebar Thariqat Ahmadiyah pertama di Nusantara

Hubungan Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman al-Kalantani dengan Tuan Tabal yang diriwayatkan sebagai saudara ipar dalam Ruangan Agama, Utusan Malaysia, Isnin, 13 September 2004/28 Rejab 1425H, masih dirasakan perlu diberi keterangan lanjut. Oleh itu pada terbitan kali ini dipilih judul mengenai ulama yang berasal dari Tabal itu. Nama sebenarnya ialah Haji Abdus Shamad bin Muhammad Saleh Tabal al-Fathani al-Kalantani. Sebelum bergelar Tuan Tabal beliau juga pernah digelar Tuan Kutan.

Oleh sebab semua tulisan yang meriwayatkan Tuan Tabal sebelum ini tidak pernah menyebut bahawa beliau adalah beripar dengan Syeikh Wan Ali Kalantani, maka sebelum meneruskan riwayat ini dirasakan perlu menulis perbandingan di bawah ini. Para penulis Kelantan selama ini menyebut bahawa isteri Tuan Tabal itu bernama Wan Tsum atau Wan Kaltsum anak Tok Semian. Maklumat daripada keluarga ini di Terengganu menyebut bahawa Tok Semian adalah nama gelar kepada Haji Abdur Rahman. Apabila kita teliti maklumat ini, maka salasilah yang diperoleh dari Terengganu ada benarnya, kerana ayah Syeikh Wan Ali Kutan dan Wan Kaltsum, adiknya memang bernama Abdur Rahman. Cuma ayah Abdur Rahman di sini bernama Abdul Ghafur, sedangkan ayah Abdur Rahman pada konteks isteri Tuan Tabal sebelum ini dikatakan bernama Lebai Muda. Kemungkinan Lebai Muda di sini adalah nama gelar juga bagi Abdur Ghafur pada konteks datuk kepada Syeikh Wan Ali Kutan dan saudaranya Wan Kaltsum tersebut. Penulis meyakini maklumat versi Terengganu ini, namun walau bagaimana pun penelitian tetap masih perlu dijalankan tanpa hentinya.

KELAHIRAN DAN PENDIDIKAN

Ada pertikaian pendapat tentang tahun kelahiran Tuan Tabal. Yang pertama mengatakan bahawa beliau lahir tahun 1816 Masihi, dan pendapat yang kedua menyebut tahun 1840 Masihi. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan dalam buku Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan menentukan bahawa Tuan Tabal lahir pada tahun 1840 Masihi, yang diikuti oleh Hamdan Hassan dalam bukunya Tarekat Ahmadiyah di Malaysia Suatu Analisa Fakta Secara Ilmiah (DBP, 1990, hlm.72). Disebabkan ada dua pendapat di atas, maka penulis masih ragu dengan kedua-dua tahun yang disebutkan itu. Kedua-dua tahun yang disebutkan penulis-penulis lain tidak menyebutkan tahun Arabiyahnya. Padahal pada zaman itu tidak ada ulama kita mencatatkan tahun kelahiran dan tahun wafat menggunakan tahun Masihi. Pemandahan dari tahun Arabiyah kepada tahun Masihi sering terjadi kekeliruan, sebagai contoh Nik Abdul Aziz dalam buku yang sama tersebut di atas (lihat hlm. 99) menyebut bahawa Syeikh Ahmad al-Fathani lahir tahun 1872, padahal hanya salah menyalinnya sahaja daripada tulisan penulis dalam majalah Dian bil. 49, 1972, yang penulis tulis tahun 1272 Hijrah bukan 1872 Masihi.

Tulisan terawal Tuan Tabal ialah *Munabbihul Ghafilin* yang beliau selesaikan dalam tahun 1285 Hijrah yang jika dijadikan tahun Masihi lebih kurang tahun 1868 Masihi, bererti ketika itu Tuan Tabal baru berusia 28 tahun. Kitab yang tersebut itu walaupun nipis sahaja, namun mencorakkan falsafah mistik peringkat tinggi, yang menurut tradisi ulama dunia Melayu, ilmu tasawuf semacam itu tidak pernah ditulis oleh orang-orang yang berumur 28 tahun. Walaupun mereka menguasai ilmu tasawuf, namun mereka lebih suka menulis ilmu-ilmu yang bercorak zahir saja. Oleh sebab hal-hal yang tersebut di atas tahun 1840 Masihi itu perlu penyelidikan lebih lanjut.

Setelah memperoleh ilmu di Patani, Tuan Tabal melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Oleh sebab ilmu Arabiyah beliau kurang kemas sewaktu di Patani, beliau diperintah oleh gurunya Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki memperdalam ilmu-ilmu Arabiyah itu daripada Syeikh Ahmad al-Fathani, walaupun Syeikh Ahmad al-Fathani sendiri jauh lebih muda daripada Tuan Tabal. Tuan Tabal lebih muda sedikit umurnya daripada Syeikh Muhammad Zain al-Fathani, ayah kepada Syeikh Ahmad al-Fathani.

Mengenai Tuan Tabal belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani itu sangat masyhur diceritakan oleh guru-guru pondok. Juga telah dirakamkan berupa tulisan oleh beberapa orang di antaranya Muhammad Uthman El-Muhammady, Hamdan Hassan (dalam buku yang sama di atas) dan lain-lain. Namun demikian tulisan Hamdan Hassan mengenai kepulangan Tuan Tabal dari Mekah sebelum tahun 1860 Masihi (lihat hlm. 74) masih meragukan. Sebab, dalam tahun 1860 Masihi itu Syeikh Ahmad al-Fathani baru berumur 4 tahun, jadi dalam tahun berapakah Tuan Tabal belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani? Sebab itu mahu tidak mahu kita terpaksa memilih salah satu daripada dua, iaitu Tuan Tabal benar pernah belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani jauh sesudah tahun 1860 Masihi, atau Tuan Tabal tidak pernah belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani kerana ketika beliau turun dari Mekah pada tahun 1860 Masihi, Syeikh al-Fathani masih kanak-kanak.

Penulis tetap masih berpegang kepada cerita yang mutawatir bahawa Tuan Tabal memang pernah belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani, namun yang perlu penelitian ialah tahun-tahun yang bersangkutan dengan Tuan Tabal kerana masih banyak yang diragui. Ada pun tahun-tahun yang melibatkan Syeikh Ahmad al-Fathani mulai lahir, aktiviti kepelbagaian dalam kehidupan dan tarikh wafat semuanya cukup jelas kerana dokumen mengenai beliau memang tercatat secara teratur.

Dalam waktu yang sama Tuan Tabal, Syeikh Wan Ali Kutan dan Syeikh Ahmad al-Fathani menerima Thariqat Ahmadiyah daripada Sidi Syeikh Ibrahim ar-Rasyidi. Sidi Syeikh Ibrahim ar-Rasyidi adalah murid kepada Sidi Ahmad Idris, iaitu daripadanya dinisbahkan Thariqat Ahmadiyah yang tersebut. Oleh sebab Tuan Tabal pulang ke Kelantan sedangkan Syeikh Wan Ali Kutan dan Syeikh Ahmad al-Fathani tetap tinggal di Mekah, maka dipercayai Tuan Tabal adalah orang pertama

menyebarkan thariqat tersebut di Kelantan dan sekitarnya, atau tempat-tempat lain di Nusantara.

Sampai artikel ini ditulis memang belum diketahui orang lain yang lebih awal menyebarkan thariqat itu di dunia Melayu, bagaimanapun penyebaran yang dilakukan oleh Tuan Tabal tidaklah secara besar-besaran seperti yang dilakukan oleh Syeikh Muhammad Sa'id Negeri Sembilan yang muncul agak terkebelakang sedikit daripada Tuan Tabal.

AKTIVITAS

Maklumat mengenai Tuan Tabal, pengamal Thariqat Ahmadiyah yang tersebut dapat disemak daripada surat Raja Kelantan ibnu Sultan Muhammad kepada Syeikh Ahmad al-Fathani tarikh 14 Ramadan 1323 Hijrah, tertulis, ''... orang yang dahulu beberapa banyak terima Thariqat Rasyidi, seperti Tuan Haji Abdus Shamad Tabal ...'' Dipercayai beliau telah mengajar thariqat yang tersebut terutama kepada anak-anak beliau.

Bagaimanapun pengajaran Thariqat Ahmadiyah yang disebarkan oleh Tuan Tabal bukanlah merupakan pengajian asas. Pengajian yang asas dan pementapan beliau mula mengajarnya di kampung Kutan, Kelantan, selanjutnya pindah ke Terengganu. Di antara muridnya di Terengganu ialah Bentara Guru Haji Wan Saleh, iaitu Dato' Bentara Guru Mufti Terengganu. Selanjutnya beliau mengajar pondok di kampung Tempoyak Tabal. Setelah berpindah ke Kota Bharu, Kelantan, pengajaran dan dakwah lebih dipergiatkan lagi. Beliau telah berhasil membangun sebuah surau tempat beribadat dan mendidik umat di Lorong Semian.

PENULISAN

Karya Tuan Tabal yang telah ditemui ialah:

1. Munabbihul Ghafilin, diselesaikan hari Sabtu, 2 Muharam 1285 Hijrah/ 1868 Masihi. Kandungannya membicarakan tasawuf, merupakan petikan daripada kitab Ihya Ulumid Din dan Masyariqul Anwar. Naskhah yang dicetak berasal daripada salinan anak beliau, Nik Abdullah pada hari Sabtu, 29 Syaaban 1320 Hijrah.
2. Jalalul Qulub bi Zikrillah, diselesaikan pada waktu Zuhur, hari Rabu, 18 Muharam 1287 Hijrah/1870 Masihi. Kandungannya juga mengenai tasawuf. Cetakan pertama oleh Majlis Ugama Islam Kelantan, 29 Zulhijjah 1254 Hijrah/ 1935 Masihi. Cetakan yang kedua, Mathba'ah al-Kamaliyah, Kota Bharu, Kelantan. Diberi kata pendahuluan oleh Tuan Guru Haji Nik Daud bin Ahmad Jambu, di Bukit Rahmah Tanah Merah, Kelantan.
3. Kifayatul `Awam fima Yajibu `alaih min Umuril Islam, diselesaikan 14 Safar 1295 Hijrah/1878 Masihi. Manuskrip kitab ini telah penulis miliki pada 3 Syawal 1411 Hijrah, dihadiahkan oleh salah seorang keturunan Tuan

Guru Haji Ahmad bin Abdul Manan (ulama Kelantan murid Syeikh Ahmad al-Fathani). Manuskrip tersebut tidak lengkap dan merupakan salinan yang dilakukan pada akhir bulan Syawal 1321 Hijrah/1903 Masihi. Selain manuskrip penulis juga memiliki cetakan batu yang diperoleh di Senggora (1991). Tempat dan tarikh cetakan tiada tersebut dalam cetakan huruf batu tersebut.

4. Mun-yatu Ahlil Auwab fi Bayanit Taubah, oleh sebab saya tidak dapat merujuk kitab asli, maka tidak dapat memastikan yang mana sebenarnya judul yang betul, apakah seperti yang penulis tulis itu atau yang satu lagi tertulis ``... al-Awbah ...'' bukan ``... Auwab ...''. Tertulis Auwab berdasarkan senarai tulisan tangan yang penulis peroleh daripada salah seorang keturunan Tuan Tabal, dalam senarai Nik Abdul Aziz juga sama demikian. Yang menulis al-Awbah ditulis oleh beberapa penulis termasuk Hamdan Hassan (lihat hlm. 238). Daripada senarai Hamdan Hassan diperoleh maklumat bahawa kitab ini pernah diterbitkan oleh Mustafa Press, Kota Bharu (tanpa tahun).
5. Bab Harap, dicetak oleh Mathba'ah al-Kamaliyah, Kota Bharu, 1359 Hijrah/1940 Masihi.
6. Bidayatu Ta'limil `Awam fi Tarafi min Arkanil Islam, tanpa menyebut tarikh. Pernah dicetak oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah, 1323 Hijrah/1906 Masihi. Cetakan kelima oleh Mathba'ah al-Kamaliyah, Kota Bharu.
7. Manhatul Qaribil Mujib wa Mughnir Raghabin fit Taqrib, diselesaikan pada Jumaat, 10 Zulhijjah 1300 Hijrah/1882 Masihi. Kandungan kitab ini ialah usuluddin, fikah dan tasawuf. Tetapi yang terpenting ialah fikah. Cetakan yang kedua oleh Mathba'ah al-Kamaliyah, Kota Bharu, 1354 Hijrah/1935 Masihi. Kitab ini adalah karya Tuan Tabal yang paling tebal, 327 halaman menurut ukuran model kitab-kitab Melayu/Jawi.
8. Mun-yatul Muridin fi Ba'dhi Ausafi Saiyidil Mursalin, kitab ini tidak sempat diselesaikan kerana beliau meninggal dunia. Kitab ini pernah diterbitkan oleh Mathba'ah al-Kamaliyah, Kota Bharu, 1345 Hijrah/1926 Masihi.

Beberapa orang anak dan keturunan Tuan Tabal yang menjadi ulama, di antaranya Mufti Haji Wan Muhammad, Mufti Haji Wan Musa dan lain-lain akan dibicarakan dalam siri-siri berikutnya.

Tok Wan Din al-Fathani

Penyalin karya Syeikh Daud al-Fathani

DUA orang adik beradik beliau telah diperkenalkan dalam Bahagian Agama, Utusan Malaysia, yang terdahulu daripada ini, kedua-duanya ialah: Syeikh `Abdul Qadir al-Fathani @ Tok Bendang Daya II dan Syeikh Abdul Lathif al-Fathani. Yang sulung di antara mereka ialah Tok Wan Din, nama yang sebenar ialah Syeikh Wan Muhammad Zainal Abidin al-Fathani, kemudian disingkat dengan Syeikh Muhammad Zain saja. Lahir dalam tahun 1233 Hijrah/1817 Masehi di Kampung Sena Janjar, Patani. Ulama dan tokoh ini selain mendapat pendidikan dari orang tuanya Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani (Tok Bendang Daya I), seterusnya Tok Wan Din mendapat pendidikan langsung dari ulama besar yang terkenal, iaitu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani di Mekah. Setelah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani wafat, Tok Wan Din al-Fathani mengikuti pengajian-pengajian yang dijalankan oleh Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki dan Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan yang kedua-duanya ulama bangsa Arab yang sebaya umur dengan beliau.

AKTIVITAS

Aktiviti sepanjang hayatnya ialah mengajar di Pondok Sena Janjar dan Pondok Bendang Daya kemudian mengajar pula di Mekah. Tok Wan Din al-Fathani merupakan orang pertama mengambil inisiatif menganjurkan penyalinan kitab-kitab Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani secara besar-besaran dan teratur. Selain aktiviti di Mekah, beliau mengasaskan Dewan Tok Bendang Daya di Pondok Bendang Daya. Di Dewan Tok Bendang Daya itulah dikumpulkan pelbagai kitab dan sekali gus dilakukan pekerjaan penyalinan pelbagai kitab. Penyalinan selain dilakukan sendiri juga dilakukan oleh beberapa orang muridnya yang dapat dipercayai keilmuannya. Di antara yang terbanyak membuat salinan pelbagai kitab ialah Haji Muhammad Husein bin Abdul Lathif Kelaba Beris al-Fathani (Tok Kelaba).

Salah sebuah khazanah penting yang membicarakan Melayu dan Islam hasil usaha Tok Wan Din al-Fathani ialah salinan Tarikh Patani. Karya tersebut adalah susunan Syeikh Faqih Ali bin Wan Muhammad bin Safiuddin. Naskhah yang asli sudah tidak dapat dikesan lagi. Yang dapat dikesan hanyalah karya tersebut pernah disalin oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dalam tahun 1228 Hijrah/1813 Masehi. Salinan oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani juga tidak dijumpai lagi. Naskhah yang ada sekarang hanyalah dua buah salinan Tok Wan Din al-Fathani yang beliau salin dari salinan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Dua buah naskhah salinan Tok Wan Din al-Fathani ialah: Sebuah pernah dimiliki oleh Dr. Sya'rani Madakakul (berasal dari Menara, Patani). Setelah beliau menyalinnya, naskhah salinan Tok Wan Din al-Fathani musnah, kerana tanpa disedarinya naskhah itu dibakar oleh salah seorang anaknya. Yang sebuah lagi adalah koleksi penulis. Dari naskhah yang saya miliki dan dibanding dengan salinan Dr. Sya'rani Madakakul itulah Tarikh Patani oleh Syeikh Faqih Ali al-Fathani versi salinan

Tok Wan Din al-Fathani telah diperbanyak berupa transliterasi dari tulisan Melayu/Jawi kepada tulisan Latin/ Rumi.

Selain salinan Tarikh Patani karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani yang pernah beliau salin ialah Manhalus Shafi fi Bayani Ramzi Ahlis Shufi. Manhalus Shafi termasuk kitab Melayu/Jawi tentang tasawuf yang banyak ditemui salinannya, tetapi kebanyakan salinan tidak terdapat nama Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani sebagai pengarangnya. Walau bagaimanapun salinan Tok Wan Din al-Fathani adalah karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Karangan ulama-ulama yang berasal dari Aceh juga tidak luput dari perhatian Tok Wan Din al-Fathani. Di antara kitab karangan ulama Aceh yang pernah beliau salin ialah Bidayatul Hidayah karangan Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asyi. Kitab ini juga sangat banyak ditemui salinan, namun yang ditashhih oleh Syeikh Ahmad al-Fathani untuk dicetak ialah berasal dari salinan Tok Wan Din al-Fathani (ayah kepada Syeikh Ahmad al-Fathani). Bidayatul Hidayah yang sudah ditashhih oleh Syeikh Ahmad al-Fathani itulah yang beredar berupa cetakan sejak tahun 1303 Hijrah hingga sekarang 1426 Hijrah/2005 Masehi. Bidayatul Hidayah yang tersebut ialah ilmu akidah yang tertua yang masih berada di pasaran kitab (selesai ditulis tahun 1170 H). Ada pun kitab akidah yang lebih awal atau pun yang berdekatan tahun selesai penulisan dengannya sudah tidak diterbitkan lagi. Perlu juga saya sentuh di sini bahawa Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh itu menurut keterangan ibu saya Hajah Wan Zainab bin Syeikh Ahmad al-Fathani masih ada pertalian kekeluargaan dengan Syeikh Muhammad Zain al-Fathani (Tok Wan Din al-Fathani). Kedua-duanya serupa nama bukanlah satu kebetulan tetapi ada riwayat yang tersendiri. Selain karya salinan, Tok Wan Din al-Fathani juga meninggalkan beberapa buah karangan sendiri di antaranya sebuah bahasan perkara haji dan sebuah lagi membicarakan Thariqat Syathariyah.

KETURUNAN DAN MURID

Tok Wan Din al-Fathani berkahwin dengan Hajah Wan Cik binti Wan Muhammad Saleh al-Fathani bin Abdul Lathif al-Fathani salah seorang keturunan Syeikh Safiuddin al-Abbasi (Tok Raja Faqih). Tok Raja Faqih inilah yang diriwayatkan mengIslamkan Raja Antira, iaitu Raja Patani. Dari riwayat ini bererti, Tok Wan Din al-Fathani berbiras dengan Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan al-Kalantani, kerana adik Hajah Wan Cik bernama Hajah Wan Aisyah kahwin dengan ulama yang berasal dari Kelantan itu. Perkahwinan Tok Wan Din al-Fathani dengan Hajah Wan Cik memperoleh anak bernama Syeikh Wan Ahmad al-Fathani. Syeikh Ahmad al-Fathani memperoleh beberapa orang anak, tetapi yang meninggalkan keturunan hanya tiga orang saja. Anak beliau yang pertama ialah Qadhi Haji Wan Ismail al-Fathani yang pernah diperkenalkan dalam Bahagian Agama, Utusan Malaysia, terbitan Isnin, 31 Ogos 2004. Hingga artikel ini saya tulis masih ramai keturunan Tok Wan Din al-Fathani yang bergerak dalam kepentingan Islam, masih ada yang menjadi ulama.

Murid Tok Wan Din al-Fathani yang menjadi ulama dan tokoh yang terkenal yang dapat dikesan juga ramai, sebagai contoh dalam artikel ini saya sebut beberapa orang di antara mereka, ialah: Pertama; Datuk Abdullah bin Musa (1279 Hijrah/1863 Masehi - 1325 Hijrah/1907 Masehi). Datuk Abdullah bin Musa pernah menjadi Mufti dan Hakim Besar Kerajaan Johor (1889-1907 M). Murid Tok Wan Din al-Fathani yang kedua, ialah Haji Ismail bin Mustafa al-Fathani atau lebih dikenali dengan Cik Doi Kedah (Cik Dol). Beliau inilah yang mengasas Pondok Gajah Mati, Pendang, Kedah yang pondok tersebut kemudian diserahkan kepada menantu beliau Syeikh Wan Ibrahim/Pak Cu Him (anak saudara Tok Wan Din al-Fathani). Salah seorang anak Cik Doi Kedah (Cik Dol) yang sangat terkenal ialah Tuan Guru Haji Husein Cik Dui. Pusat pendidikan beliau ialah Pondok Guar Cempedak, Kedah. Murid Tok Wan Din al-Fathani yang ketiga, ialah Haji Muhammad Husein bin Abdul Lathif al-Fathani/Tok Kelaba (1280 Hijrah/1863 Masehi - 1367 Hijrah/1948 Masehi). Beliau ini menghasilkan beberapa buah karya. Salah seorang murid beliau yang berasal dari Terengganu ialah Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Fadhlullah (tok kepada Datuk Idris Yusuf, Menteri Besar, Terengganu sekarang). Murid Tok Wan Din al-Fathani yang keempat, ialah Qadhi Haji Muhammad Sa'id Umar Kedah, pengarang Tafsir Nur al-Ihsan. Ulama yang berasal dari Kedah ini dimuat dalam Bahagian Agama, Utusan Malaysia, hari Isnin, 13 Disember 2004. Murid Tok Wan Din al-Fathani yang kelima, ialah adik beliau yang bongsu, bernama Syeikh Daud bin Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani atau lebih dikenali dengan nama Tok Cik Wan Daud al-Fathani. Beliau ini termasuk ulama besar Mekah pada zamannya, sangat ramai ulama dunia Melayu adalah murid beliau. Ulama-ulama Mekah yang bukan bermazhab Syafie seumpama Syeikh Ali al-Maliki dalam membicarakan fiqh Syafie selalu merujuk kepada Tok Cik Wan Daud al-Fathani.

100 TAHUN KEWAFATAN

Beliau wafat seminggu setelah kewafatan anak beliau, iaitu Syeikh Ahmad al-Fathani. Syeikh Ahmad al-Fathani wafat pada 11 Zulhijjah 1325 Hijrah/14 Januari 1908 Masehi. Tok Wan Din wafat pada 18 Zulhijjah 1325 Hijrah/21 Januari 1908 Masehi. Secara kebetulan sekurang-kurangnya ada 4 orang keluarga ini wafat pada bulan Zulhijjah. Yang dua orang lagi ialah Tok Bendang Daya II wafat pada hari Ahad, 16 Zulhijjah 1312 Hijrah/10 Jun 1895 Masehi dan yang bongsu Syeikh Daud bin Mustafa al-Fathani (Tok Cik Wan Daud) di Mekah pada hari Selasa, 23 Zulhijjah 1354 Hijrah/17 Mac 1936 Masehi). Beliau ini juga seorang ulama besar di Mekah pada zamannya. Oleh sebab Tok Wan Din al-Fathani dan anak beliau Syeikh Ahmad al-Fathani sama-sama wafat pada bulan Zulhijjah 1325 Hijrah maka pada bulan Zulhijjah 1425 Hijrah yang baru berlalu genap 100 tahun.

Syeikh Ahmad al-Fathani adalah seorang tokoh pemikir yang besar, sama ada peringkat dunia Melayu atau pun antarabangsa, maka akan diadakan pelbagai bentuk peringatan 100 tahun kewafatan beliau. Pemikiran lengkap pelbagai aspek dapat dalam 3 jilid buku berjudul, Syeikh Ahmad al-Fathani Pemikir Agung Melayu dan Islam. Buku tersebut diterbitkan oleh Khazanah Fathaniyah, dan Persatuan

Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara yang akan dilancarkan pada tarikh 5 Mac 2005 dalam ``Wacana Syeikh Ahmad Al-Fathani Pemikir Agung Melayu Dan Islam'' di Wisma Sejarah, Persatuan Sejarah Malaysia. Wacana ini adalah anjuran bersama Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) dan Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara (PENGKAJI). Selanjutnya pihak PENGKAJI akan bergerak aktif dalam peringatan ``100 Tahun Kewafatan Syeikh Ahmad Al-Fathani Pemikir Agung Melayu Dan Islam'' yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 1426 Hijrah/2005 Masehi di beberapa tempat serta bekerja sama dengan pelbagai pihak. Pada 25 Jun 2005 akan diadakan di Kota Bharu, Kelantan. Manakala pada April 2005 di Mempawah dan Pontianak, Kalimantan Barat. Pada 23 - 25 September 2005 Nadwah Ulama Nusantara III: Ketokohan dan Sumbangan Ulama Tanah Melayu (Sempena Memperingati 100 Tahun Kewafatan Syeikh Ahmad Al-Fathani) Fakulti Pengajian Islam (UKM) akan melaksanakan satu seminar peringkat antarabangsa. Dan lain-lain PENGKAJI sedang menyusun jadual pelaksanaan dan masih menunggu permintaan pihak-pihak yang berminat kepada kegiatan tersebut di atas.

Artikel ini ditutup dengan bait ke-27 puisi Syeikh Ahmad al-Fathani untuk Sultan Zainal Abidin III, Terengganu, terjemahannya:

``Ayuhai segala cerdik pandai !

Hidupkan sejarah bangsa mu !

Dengan itu, kamu akan disebut dalam sejarah dan namamu akan harum sepanjang masa.''

Syeikh Abdul Qadir al-Fathani

Tok Bendang Daya II

NAMA Tok Bendang Daya pada satu ketika dulu cukup popular bagi masyarakat Patani, Kedah, Kelantan, Perak, Terengganu dan lain-lain. Walau bagaimanapun orang jarang dapat membezakan siapakah sebenarnya Tok Bendang Daya itu. Tok Bendang Daya sebenarnya ada dua orang, iaitu Tok Bendang Daya I, beliau ialah Syeikh Haji Wan Mustafa bin Muhammad al-Fathani. Yang seorang lagi ialah Tok Bendang Daya II, beliau ialah Syeikh Abdul Qadir al-Fathani, iaitu anak kepada Tok Bendang Daya I yang tersebut. Syeikh Haji Wan Mustafa (Tok Bendang Daya I) adalah salah seorang panglima atau hulubalang Fathani Darus Salam, juga sebagai pengasas Pondok Pengajian Bendang Daya. Pondok tersebut kemudian menjadi pondok pengajian yang paling banyak pelajarnya di dunia Melayu setelah dipimpin oleh anak beliau, iaitu Syeikh Abdul Qadir (Tok Bendang Daya II). Memang pada zaman itu sistem pengajian pondok di Patani paling menonjol dari tempat-tempat lainnya di dunia Melayu. Oleh itu pelajar-pelajarnya berdatangan daripada berbagai-bagai tempat di dunia Melayu.

Terkenal

Yang sangat menarik tentang sejarah hidup ulama ini bahawa sangat ramai muridnya yang membuka pondok di tempat-tempat lain di dunia Melayu, ramai juga yang menjadi tokoh-tokoh besar terkenal dalam masyarakat, ditambah lagi dua orang anak beliau yang menjadi ulama besar yang terkenal. Kedua-duanya ialah Syeikh Wan Ismail al-Fathani atau lebih terkenal dengan sebutan Pak De El Makkah dan yang seorang lagi ialah Syeikh Wan Ibrahim al-Fathani atau lebih terkenal dengan sebutan Pak Cu Him Kedah. Aktiviti Pak De El mengajar di Mekah menjadi pakar rujuk ulama-ulama dunia Melayu pada zamannya terutama dalam bidang akidah dan ilmu-ilmu `Arabiyah. Pak Cu Him pula terkenal dengan Pondok Gajah Mati di Kedah. Pendek kata kedua-dua ulama itu masih banyak diperkatakan orang, kerana sampai artikel ini saya tulis masih ramai murid kedua-duanya yang masih hidup, bahkan beberapa orang di antara mereka masih aktif dalam pelbagai bidang keIslaman.

PENDIDIKAN DAN AKTIVITAS

Syeikh Abdul Qadir (Tok Bendang Daya II) yang lahir di Sena Janjar tahun 1234 H/1817 M adalah adik kepada Syeikh Wan Muhammad Zain al-Fathani (1233 H/1817M - 1325 H/1908 M). Sejak kecil lagi Abdul Qadir dididik oleh ayah dan ibunya menghafal berbagai-bagai matan terutama matan ilmu tauhid, nahu dan saraf. Seiringan dengan itu ditekankan menghafal ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang dipandang sebagai asas untuk membolehkannya meningkat lebih maju pada masa-masa akan datang. Oleh sebab Pondok Bendang Daya yang dipimpin sendiri oleh ayahnya Syeikh Mustafa al-Fathani (Tok Bendang Daya I) dipandang sebagai pondok yang berautoriti pada zaman itu, maka dipercayai Syeikh Abdul Qadir al-Fathani tidak belajar ke pondok-pondok lainnya. Walau bagaimanapun beliau hanya pergi

menziarahi beberapa pondok terkenal yang masih masuk keluarga Sena, iaitu Pondok Teluk Manuk, Pondok Wadi Husien, Pondok Cenak dan Pondok Pauh Bok. Pondok-pondok tersebut letaknya sangat berjauhan. Pada zaman itu perjalanan ditempuh dengan berjalan kaki dan masih melalui hutan tebal. Sekurang-kurangnya dalam dua tahun sekali acara ziarah mesti dilakukan kerana untuk mendekatkan hubungan kekeluargaan dan informasi dalam berbagai-bagai hal dan peristiwa. Perkara-perkara yang tersebut di atas sangat ditekankan oleh Syeikh Wan Mustafa al-Fathani, hal ini selain beliau sebagai bekas hulubalang Fathani Darus Salam, beliau juga dipandang sebagai orang tua dan berpengaruh di kalangan keluarga besar Sena dan Bendang Daya di mana saja mereka berada. Sebaliknya dari pondok-pondok yang tersebut hampir setiap bulan ada saja utusan ke Pondok Bendang Daya.

Mengirim

Oleh sebab Syeikh Wan Mustafa (Tok Bendang Daya I) memandang kedua-dua orang anaknya; Wan Muhammad Zain dan Wan Abdul Qadir sudah cukup memadai ilmu-ilmu yang diterima langsung daripadanya, maka beliau mengirim kedua-dua anaknya itu ke Mekah. Dipercayai kedua-dua orang anak beliau itu sempat belajar kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, walaupun tidak begitu lama namun melebihi lima tahun. Pada tahun-tahun terakhir Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani sibuk dengan penulisannya. Syeikh Abdul Qadir al-Fathani belajar juga kepada beberapa ulama lain, di antara mereka ialah Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki dan Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan. Kedua-dua ulama berbangsa Arab itu usianya hanya lebih beberapa tahun daripada beliau.

Atas kehendak kedua-dua ulama yang besar pengaruhnya di Mekah ketika itu, Syeikh Abdul Qadir Bendang Daya al-Fathani diminta mengajar di Masjidil Haram dan di rumahnya sendiri. Dalam masa belajar dan mengajar itulah beliau bersahabat dengan ulama-ulama yang berasal dari tanah Jawi (dunia Melayu) lainnya, di antara mereka ialah Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman al-Kalantani dan lain-lain. Sama ada kepada Syeikh Nawawi al-Bantani mahupun Syeikh Wan Ali al-Kalantani, terjadi tukar menukar ilmu pengetahuan dengan Syeikh Abdul Qadir.

Oleh sebab ayahnya, Syeikh Mustafa (Tok Bendang Daya I) memikirkan bahawa kedua-dua anaknya sudah cukup lama belajar di Mekah, sedangkan anaknya yang bernama Wan Abdul Lathif dirasakan perlu pula mendalami ilmunya di Mekah, maka beliau memanggil kedua-dua anaknya supaya kembali ke Jawi untuk memimpin Pondok Bendang Daya. Tok Bendang Daya I bersama anaknya Abdul Lathif berangkat ke Mekah, alangkah terkejut dan gembiranya beliau setelah sampai di Mekah kerana baru diketahuinya kedua-dua anaknya telah dibenarkan mengajar di Masjidil Haram, Mekah. Selama ini beliau tidak mendengar khabar itu, disangkanya kedua-dua anaknya itu hanyalah sebagai pelajar saja.

AKTI VITAS DI PON DOK BENDANG DAYA

Setelah Tok Bendang Daya I memandang bahawa anaknya Abdul Qadir lebih tinggi nilai keulamaannya daripada Muhammad Zain, maka beliau menyerahkan kepercayaan untuk memimpin Pondok Bendang Daya itu kepada Abdul Qadir. Syeikh Abdul Qadir mengevaluasi sistem pengajian pondok pada keseluruhan sektornya, dari sehari ke sehari Pondok Bendang Daya bertambah terkenal, nama beliau sendiri menjadi harum ke seluruh tanah Patani, ke seluruh tanah semenanjung Melayu, bahkan hingga ke peringkat sejagat dunia Melayu yang membentang demikian luasnya. Berduyun-duyun orang datang menghantar anakmereka memasuki Pondok Bendang Daya itu.

Seluruh waktu beliau digunakan untuk mengajar, dimulai dari sesudah sembahyang Subuh hingga istirahat sekitar jam 11.00. Sesudah Zuhur pelajaran disambung lagi hingga waktu Asar. Sesudah Asar merupakan jam istirahat bagi Tok Bendang Daya II, waktu itulah digunakan untuk bersukan. Tetapi sukannya bukan seperti sekarang, sukannya digunakannya untuk menanam sirih dan menyiram tanaman sirih yang telah hidup. Dalam waktu yang sama digunakan juga untuk menternak lembu. Dalam kedua-dua pekerjaan itu beliau sekali-kali tidak membenarkan murid-murid menolongnya, kerana pekerjaan itu dianggap untuk mengeluarkan peluh menjaga kesihatannya.

Berwibawa

Tok Bendang Daya II adalah seorang tok guru pondok yang berwibawa kerana sangat banyak keramatnya yang nyata. Doanya sangat dikabulkan Allah. Menurut riwayat, pada suatu malam bulan Ramadan beliau juga pernah mendapat Lailatul Qadar di perigi Bendang Daya sebagaimana yang berlaku terhadap ayahnya. Ketika itulah beliau berdoa, meminta dalam tujuh keturunannya mesti ada yang menjadi ulama. Salah satu di antara keramatnya, jika orang akan menyabung ayam ataupun berlaga lembu/kerbau, melalui kawasan rumahnya ataupun kira-kira masih kelihatan bumbung rumahnya, maka orang yang menyabung ataupun berlaga itu tidak akan menang. Bahkan pelaku pekerjaan itu akan ditimpa pelbagai musibah. Apa saja jenis bunyi-bunyian seumpama gendang, gong dan lain-lain, jika dibunyikan, kedengaran di rumahnya ataupun di kawasan Pondok Bendang Daya, nescaya alat bunyi-bunyian itu akan pecah ataupun rosak. Oleh hal-hal yang tersebut itulah bagaimana jahat

dan bengisnya manusia pada zaman itu tidak berani membantah, apatah lagi berbuat jahat kepada Tok Bendang Daya II itu. Di manakah letaknya rahsia kehebatan Tok Bendang Daya II itu, mudah saja jawabnya, bahawa tiada lain hanyalah ketaqwaannya kepada Allah jua segala peristiwa keredhaan Allah boleh berlaku. Allahlah yang mengurniakan kekeramatan yang dikehendaki-Nya.

KARYA-KARYA

Tok Bendang Daya II banyak meninggalkan karangan, selain itu juga kegiatannya dalam penyalinan pelbagai kitab yang dikarang oleh ulama-ulama yang terdahulu

daripadanya. Di antara karyanya yang sempat disalin dan ditahqiqkan oleh muridnya Tok Kelaba ialah Syarabatul Washilin al-Muflihinal Maqbulin, tarikh salinan tahun 1314 H/1896 M. Pada manuskrip kitab ini Tok Kelaba menyebut bahawa Tok Bendang Daya II itu adalah seorang al-'Arif ar-Rabbani, iaitu seorang yang telah mencapai martabat 'Wali Allah'. Sebutan yang sama juga pernah beliau tulis di bahagian kulit luar karyanya, Hidayatus Sail fi Bayanil Masail. Manuskrip tersebut menjadi milik penulis, keadaan manuskrip uzur sekali. Pada saya juga terdapat sebuah manuskrip Tok Bendang Daya II yang membicarakan tasawuf dan kumpulan amalan-amalan ilmu hikmah karangan beliau. Manuskrip yang tersebut adalah asli tulisan tangan beliau. Oleh sebab karangan-karangan beliau ada yang tinggal di Bendang Daya yang tidak teruruskan, ada juga yang dibawa ke Mekah oleh saudara kandungnya Syeikh Daud bin Mustafa al-Fathani, dan oleh anaknya Syeikh Ismail al-Fathani sehingga karangan-karangan beliau banyak belum diketahui. Pengumpulan ke arah menyelamatkannya sedang saya jalankan.

MENINGGAL DUNIA

Tok Kelaba mencatat tahun meninggal dunia gurunya Tok Bendang Daya II di dalam karyanya Hidayatus Sail fi Bayanil Masail, 'Diwafatkan dia pada Mekah al-Mukarramah pada tahun seribu tiga ratus sepuluh dua (1312 H, pen) dari Hijrah Nabi s.a.w. pada hari Ahad enam belas hari bulan Zulhijjah. Syahid akhirat, dengan sebab sakit muntah jerah, kadar sehari semalam. Dikuburkan dia pada penjiratan Ma'ala di hilir kubur Saiyidatina Khadijah al-Kubra, zaujah (isteri, pen:) Saiyidina al-Mustafa Muhammad s.a.w., 1312 H' (1894 M, pen). Adalah kepergian beliau ke Mekah pada tahun yang tersebut kerana menjunjung perintah Sultan Fathani Darus Salam untuk menghajikan beberapa orang keluarga Diraja Fathani Darus Salam. Daripada lima orang anaknya, tiga lelaki dan dua perempuan, Tok Bendang Daya II telah menurunkan zuriat yang ramai. Di antara mereka ramai yang menjadi ulama besar dan tokoh masyarakat yang bertebaran di pelbagai negara.

Muhammadiyah Khalil al-Maduri

Guru ulama Jawa, Madura

PULAU Madura yang terletak di Jawa Timur ramai melahirkan ulama besar sejak zaman dulu hingga sekarang. Salah seorang di antara mereka yang diriwayatkan ini, nama lengkapnya ialah Kiyai Haji Muhammad Khalil bin Kiyai Haji Abdul Lathif bin Kiyai Hamim bin Kiyai Abdul Karim bin Kiyai Muharram bin Kiyai Asrar Karamah bin Kiyai Abdullah bin Sayid Sulaiman.

Yang terakhir ini (Sayid Sulaiman) dikatakan adalah cucu Syarif Hidayatullah atau Sunan Gunung Jati yang terkenal itu. Salasilah selanjutnya, adalah Syarif Hidayatullah itu putera Sultan Umdatuddin @ Umdatullah @ Abdullah yang memerintah di Cam (Campa). Ayahnya pula ialah Sayid Ali Nurul Alam bin Sayid Jamaluddin al-Kubra (wafat di Tuwajok, Sulawesi), dan seterusnya hingga ke atas.

Memperhatikan salasilah di atas, maka bererti ulama yang berasal dari Pulau Madura yang diriwayatkan ini, adalah daripada asal salasilah dengan Syeikh Nawawi al-Bantani atau Imam Nawawi ats-Tsani ulama yang berasal dari Banten, Jawa Barat, yang riwayatnya telah dimuatkan dalam Ruang Agama, Utusan Malaysia, 7 Februari 2005. Dalam salasilah Syeikh Nawawi al-Bantani, Sayid Ali Nurul Alam itu bernama Ali Nuruddin, disebutkan al-mutawaffa fil Anam bis Shin (maksudnya wafat di Anam, negeri China).

Dalam salasilah ulama Patani, Ali Nurul `Alam itu bernama Ali al-Masyhur al-Laqihi. Pada masa mudanya pernah ke Jawa, kemudian menyebarkan Islam ke Madura dan Sumbawa, kemudian pulang ke Cam/ Campa dan seterusnya ke Patani memperoleh beberapa orang anak. Di antaranya bernama Wan Muhammad Shalih al-Laqihi al-Fathani. Beliau ini memperoleh seorang anak, iaitu Zainal Abidin @ Faqih Wan Musa al-Fathani, kuburnya telah ditemui di Kampung Tok Diwa, Sena, Patani. Beliau adalah ulama yang membuka Kampung Sena, Patani. Memperhatikan catatan ini bererti bahawa Wan Muhammad Shalih al-Laqihi adalah saudara seayah dengan Sultan Umdatuddin di Cam/Campa itu kerana kedua-duanya putera Ali Nurul `Alam. Bererti pula bahawa Faqih Wan Musa al-Fathani adalah saudara sepupu dengan Syarif Hidayatullah/Sunan Gunung Jati, salah seorang Wali Sembilan (di Jawa) yang sangat terkenal itu, kerana kedua-duanya adalah cucu Ali Nurul `Alam. Wan Muhammad Shalih al-Laqihi keturunan lurus ke bawah, iaitu Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Ali Nurul `Alam yang tersebut itu wafat di Cam/Campa, yang oleh kebanyakan penulis, terutama penulis-penulis Indonesia, mengatakan di Anam itu. Dalam catatan ulama Patani disebut bahawa jenazah Ali Nurul `Alam itu telah dipindahkan di Binjal Lima Patani.

Daripada apa yang disebutkan di atas, salasilah Kiyai Khalil al-Maduri (Madura) selain satu salasilah dengan Syeikh Nawawi al-Bantani, bererti juga satu salasilah dengan Syeikh Ahmad al-Fathani. Catatan ini saya nyatakan di sini

adalah hasil penyelidikan terkini, dan keterangan selengkapnya saya bicarakan dalam *Tabaqat Ulama Asia Tenggara* jilid 1.

Pendidikan

Kiyai Muhammad Khalil dilahirkan pada 11 Jamadilakhir 1235 Hijrah/27 Januari 1820 Masihi di Kampung Senenan, Desa Kemayoran, Kecamatan Bangkalan, Kabupaten Bangkalan, Pulau Madura, Jawa Timur. Kiyai Haji Muhammad Khalil berasal daripada keluarga ulama. Pendidikan dasar agama diperolehnya langsung daripada keluarga. Menjelang usia dewasa, beliau dikirim ke berbagai-bagai pondok pesantren. Sekitar 1850-an, ketika usianya menjelang tiga puluh, Kiyai Muhammad Khalil belajar kepada Kiyai Muhammad Nur di Pondok-pesantren Langitan, Tuban, Jawa Timur. Dari Langitan beliau pindah ke Pondok-pesantren Cangaan, Bangil, Pasuruan. Kemudian beliau pindah ke Pondok-pesantren Keboncandi. Selama belajar di pondok-pesantren ini beliau belajar pula kepada Kiyai Nur Hasan yang menetap di Sidogiri, 7 kilometer dari Keboncandi. Kiyai Nur Hasan ini, sesungguhnya, masih mempunyai pertalian keluarga dengannya. Dalam masa masih menjadi santer/pelajar di beberapa pondok-pesantren di Jawa lagi Muhammad Khalil telah menghafal beberapa matan, yang pasti ialah Matan Alfiyah Ibnu Malik (1,000 bait) mengenai ilmu nahu yang terkenal itu. Selanjutnya beliau juga seorang hafiz al-Quran tiga puluh juzuk. Beliau berkemampuan dalam qiraah tujuh (tujuh cara membaca al-Quran). Tidak jelas apakah al-Quran tiga puluh juzuk telah dihafalnya sejak di Jawa atau pun setelah menetap di Mekah berpuluh-puluh tahun.

Pada 1276 Hijrah/1859 Masihi, Kiyai Muhammad Khalil melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Di Mekah Kiyai Muhammad Khalil al-Maduri bersahabat dengan Syeikh Nawawi al-Bantani. Ulama-ulama dunia Melayu di Mekah yang seangkatan dengan Syeikh Nawawi al-Bantani (lahir 1230 Hijrah/1814 Masihi), Kiyai Khalil al-Manduri (lahir 1235 Hijrah/1820 Masihi), Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa al-Fathani (lahir 1233 Hijrah/1817 Masihi), Syeikh Abdul Qadir bin Mustafa al-Fathani (lahir 1234 Hijrah/1818 Masihi), Kiyai Umar bin Muhammad Saleh Semarang dan ramai lagi. Di antara gurunya di Mekah ialah Syeikh Utsman bin Hasan ad-Dimyathi, Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Mustafa bin Muhammad al-Afifi al-Makki, Syeikh Abdul Hamid bin Mahmud asy-Syarwani dan ramai lagi. Beberapa sanad hadis yang musalsal diterima daripada sahabatnya Syeikh Nawawi al-Bantani dan Abdul Ghani bin Subuh bin Ismail al-Bimawi (Bima, Sumbawa). Walau pun Syeikh Ahmad al-Fathani jauh lebih muda daripadanya, iaitu peringkat anaknya, namun kerana tawaduknya, Kiyai Muhammad Khalil al-Maduri pernah belajar kepada ulama yang berasal dari Patani itu. Kiyai Muhammad Khalil al-Maduri termasuk generasi pertama mengajar karya Syeikh Ahmad al-Fathani berjudul *Tashilu Nailil Amani*, tentang nahu dalam bahasa Arab, di pondok-pesantrennya di Bangkalan. Karya Syeikh Ahmad al-Fathani yang tersebut kemudian berpengaruh dalam pengajian ilmu nahu di Madura dan Jawa sejak itu, bahkan hingga sekarang masih banyak pondok-pesantren tradisional di Jawa dan Madura diajarkan kitab itu.

Saya tidak sependapat dengan tulisan yang menyebut bahawa Kiyai Muhammad Khalil teman seangkatan dengan Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau dan Syeikh Muhammad Yasin Padang (majalah Amanah 42 dan Ensiklopedia Islam Indonesia), kerana sewaktu Kiyai Muhammad Khalil ke Mekah tahun 1276 Hijrah/1859 Masihi, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau baru dilahirkan (1276 Hijrah/1859–1860 Masihi). Syeikh Muhammad Yasin Padang pula belum dilahirkan, beliau jauh kebelakang daripada Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau. Syeikh Yasin Padang meninggal dunia sekitar tahun 1990an. Kemungkinan ayah Syeikh Yasin Padang, iaitu Syeikh Isa bin Udik Padang itulah yang bersahabat dengan Syeikh Muhammad Khalil al-Maduri.

Mengenai ilmu thariqat, Kiyai Muhammad Khalil al-Maduri belajar kepada beberapa orang ulama thariqat yang terkenal di Mekah pada zaman itu, di antaranya daripada Syeikh Ahmad Khatib Sambas diterimanya bai'ah dan tawajjuh Thariqat Qadiriyyah dan Naqsyabandiyah. Thariqat Naqsyabandiyah juga diterimanya daripada Sayid Muhammad Shalih az-Zawawi, dan selainnya ramai lagi, di antaranya termasuk kepada Syeikh Utsman Dimiyathi juga.

Sewaktu berada di Mekah untuk perbelanjaannya sehari-hari, Kiyai Muhammad Khalil bekerja mengambil upah sebagai penyalin risalah-risalah yang diperlukan oleh para pelajar. Diriwayatkan bahawa pada waktu itulah timbul ilham antara mereka bertiga, iaitu: Syeikh Nawawi al-Bantani, Kiyai Muhammad Khalil al-Maduri dan Syeikh Saleh as-Samarani (Semarang) menyusun kaedah penulisan huruf Pegon. Huruf Pegon ialah tulisan Arab yang digunakan untuk tulisan dalam bahasa Jawa, Madura dan Sunda. Huruf Pegon tidak ubahnya tulisan Melayu/Jawi yang digunakan untuk penulisan bahasa Melayu.

Murid-muridnya yang terkenal

Oleh sebab Kiyai Muhammad Khalil cukup lama belajar di beberapa pondok-pesantren di Jawa dan Mekah, maka sewaktu pulang dari Mekah, beliau terkenal sebagai ahli/pakar nahu, fikah, thariqat ilmu-ilmu lainnya. Untuk mengembangkan pengetahuan keislaman yang telah diperolehnya, Kiyai Muhammad Khalil selanjutnya mendirikan pondok-pesantren di Desa Cengkebuan, sekitar 1 kilometer arah Barat Laut dari desa kelahirannya. Pondok-pesantren tersebut kemudian diserahkan pimpinannya kepada anak saudaranya, sekali gus adalah menantunya, ialah Kiyai Muntaha. Kiyai Muntaha ini berkahwin dengan anak Kiyai Muhammad Khalil bernama Siti Khatimah. Adapun beliau sendiri (Kiyai Khalil) mendirikan pondok-pesantren yang lain di Kota Bangkalan, letaknya sebelah Barat kota tersebut dan tidak berapa jauh dari pondok-pesantrennya yang lama.

Kiyai Muhammad Khalil al-Maduri adalah seorang ulama yang bertanggungjawab terhadap pertahanan, kekukuhan dan maju-mundurnya agama Islam dan bangsanya. Beliau sedar benar bahawa pada zamannya, bangsanya adalah dalam suasana terjajah oleh bangsa asing yang tidak seagama dengan yang dianutnya. Beliau dan keseluruhan suku bangsa Madura seratus peratus memeluk agama Islam, sedangkan

bangsa Belanda, bangsa yang menjajah itu memeluk agama Kristian. Sesuai dengan keadaan beliau sewaktu pulang dari Mekah telah berumur lanjut, tentunya Kiyai Muhammad Khalil tidak melibatkan diri dalam medan fizik, memberontak dengan senjata tetapi mengkaderkan pemuda di pondok pesantren yang diasaskannya. Kiyai Muhammad Khalil sendiri pernah ditahan oleh penjajah Belanda kerana dituduh melindungi beberapa orang yang terlibat melawan Belanda di pondok pesantrennya. Sama ada tokoh ulama mahu pun tokoh-tokoh lainnya yang terlibat memperjuangkan kemerdekaan Indonesia tidak sedikit yang pernah mendapat pendidikan daripada Kiyai Muhammad Khalil al-Maduri itu.

Di antara sekian ramai murid Kiyai Muhammad Khalil al-Maduri yang tidak asing lagi, yang cukup umum diketahui, dalam sejarah perkembangan agama Islam dan bangsa Indonesia ialah Kiyai Haji Hasyim Asy'ari (pendiri Pondok-pesantren Tebuireng, Jombang, dan pengasas Nahdhatul Ulama atau singkatannya NU); Kiyai Haji Abdul Wahhab Hasbullah (pendiri Pondok-pesantren Tambakberas, Jombang); Kiyai Haji Bisri Syansuri (pendiri Pondok-pesantren Denanyar); Kiyai Haji Ma'shum (pendiri Pondok-pesantren Lasem, Rembang, adalah ayahanda Kiyai Haji Ali Ma'shum), Kiyai Haji Bisri Mustofa (pendiri Pondok-pesantren Rembang); dan Kiyai Haji As'ad Syamsul `Arifin (pengasuh Pondok-pesantren Asembagus, Situbondo). Salah seorang muridnya yang menyebarkan Islam melalui Thariqat Naqsyabandiyah Ahmadiyah Muzhariyah ialah Kiyai Haji Fathul Bari. Kiyai Haji Fathul Bari yang tersebut sangat ramai muridnya di Madura, Jawa dan Kalimantan Barat. Sebagaimana gurunya, Kiyai Haji Fathul Bari juga dikatakan banyak melahirkan kekeramatan. Kubur beliau terletak di Kampung Peniraman, Kecamatan Sungai Pinyuh, Kabupaten Pontianak, Kalimantan Barat. Dan masih ramai murid Kiyai Muhammad Khalil al-Maduri yang muncul sebagai tokoh-tokoh besar yang belum sempat dicatat dalam artikel ringkas ini.

Kiyai Muhammad Khalil al-Maduri, wafat dalam usia yang lanjut, 106 tahun, pada 29 Ramadan 1341 Hijrah/14 Mei 1923 Masihi.

Ulama Besar Jawa Tengah
Kiyai Muhammad Saleh Darat

ADA orang meriwayatkan bahawa tiga orang ulama yang berasal dari Pulau Jawa adalah sangat masyhur, sama ada tentang pencapaian keilmuan, ramai murid menjadi ulama, mahu pun nyata karamah dan barakah. Tiga orang ulama yang bersahabat, yang dimaksudkan ialah Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantani @ Imam Nawawi ats-Tsani (lahir 1230 H/1814 M, wafat 1314 H/1896 M), Muhammad Khalil bin Kiyai Abdul Lathif (lahir 1235 H/1820 M) dan Kiyai Haji Saleh Darat yang lahir di Kedung Cemplung, Jepara, tahun 1235 H/1820 M, wafat di Semarang, hari Jumaat, 29 Ramadhan 1321 H/18 Disember 1903 M) ulama yang diriwayatkan ini.

Ketiga-tiga ulama yang berasal dari Jawa itu juga hidup sezaman dan seperguruan di Mekah dengan beberapa ulama yang berasal dari Patani seumpama Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa al-Fathani (lahir 1233 H/1817 M, wafat 1325 H/1908 M), Syeikh Abdul Qadir bin Mustafa al-Fathani (lahir 1234 H/1818 M, wafat 1312 H/1895 M) dan lain-lain. Mereka juga seperguruan di Mekah dengan Syeikh Amrullah (datuk kepada Prof. Dr. Hamka) yang berasal dari Minangkabau, Sumatera Barat.

PENDIDIKAN

Ayahnya adalah seorang ulama besar dan pejuang Islam yang pernah bergabung dengan pasukan Pangeran Diponegoro dalam perjuangan jihad melawan penjajah Belanda. Beliau ialah Kiyai Haji Umar. Oleh itu Saleh Darat memperoleh ilmu asas daripada ayahnya sendiri. Sesudah itu beliau belajar kepada Kiyai Haji Syahid, ulama besar di Waturoyo, Pati, Jawa Tengah. Kemudian, dibawa ayahnya ke Semarang untuk belajar kepada beberapa ulama, di antara mereka ialah Kiyai Haji Muhammad Saleh Asnawi Kudus, Kiyai Haji Ishaq Damaran, Kiyai Haji Abu Abdillah Muhammad Hadi Banguni (Mufti Semarang), Kiyai Haji Ahmad Bafaqih Ba'alawi, dan Kiyai Haji Abdul Ghani Bima.

Ayahnya Kiyai Haji Umar sangat berhajat menjadikan anaknya itu seorang ulama yang berpengetahuan sekali gus berpengalaman. Ke arah ilmu pengetahuan telah dilaluinya di pendidikan pengajian pondok. Untuk memperoleh pengalaman pula mestilah melalui pelbagai saluran. Seseorang yang berpengetahuan tanpa pengalaman adalah kaku. Sebaliknya seseorang yang berpengalaman tanpa pengetahuan yang cukup adalah ibarat tumbuh-tumbuhan hidup di tanah yang gersang. Seseorang yang berjaya menghimpunkan pengetahuan dan pengalaman hidup yang demikianlah yang diperlukan oleh masyarakat Islam sepanjang zaman. Oleh hal-hal yang tersebut itu, ayahnya telah mengajak Saleh Darat merantau ke Singapura. Beberapa tahun kemudian, bersama ayahnya, beliau berangkat ke Mekah untuk menunaikan ibadah haji.

Bertawakal

Ayahnya wafat di Mekah. Saleh Darat mengambil keputusan dengan bertawakal kepada Allah untuk tinggal di Mekah kerana mendalami pelbagai ilmu kepada beberapa orang ulama di Mekah pada zaman itu. Di antara gurunya ialah: Syeikh Muhammad al-Muqri, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Ahmad Nahrawi, Sayid Muhammad Saleh bin Sayid Abdur Rahman az-Zawawi, Syeikh Zahid, Syeikh Umar asy-Syami, Syeikh Yusuf al-Mishri dan Syeikh Jamal Mufti Hanafi.

Setelah beberapa tahun belajar, di antara gurunya yang tersebut memberi izin beliau mengajar di Mekah sehingga ramai pelajar yang datang dari dunia Melayu menjadi muridnya. Di antara muridnya sewaktu beliau mengajar di Mekah ialah Kiyai Haji Hasyim, Kiyai Haji Bisri Syansuri, dan ramai lagi.

Beberapa ulama yang tersebut itu, iaitu Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, dan Syeikh Umar asy-Syami adalah ulama-ulama yang mengajar di Masjid al-Haram, Mekah dalam tempoh masa yang sangat lama, sejak ulama yang sebaya dengan Syeikh Nawawi al-Bantani, Kiyai Haji Saleh Darat, Syeikh Muhammad Zain al-Fathani dan lain-lain, hinggalah ulama-ulama peringkat Syeikh Ahmad al-Fathani. Kiyai Saleh Darat sebaya umurnya dengan ayah Syeikh Ahmad al-Fathani, namun sama-sama seperguruan dengan ulama-ulama Arab yang tersebut di atas.

PONDOK PESANTREN

Setelah menetap di Mekah beberapa tahun belajar dan mengajar, Kiyai Saleh Darat terpanggil pulang ke Semarang kerana bertanggungjawab dan ingin berkhidmat terhadap tanah tumpah darah sendiri. 'Hubbul wathan minal iman' yang maksudnya, 'kasih terhadap tanah air sebahagian daripada iman' itulah yang menyebabkannya mesti pulang ke Semarang. Sebagaimana tradisi ulama dunia Melayu terutama ulama Jawa dan Patani pada zaman itu, bahawa setelah pulang dari Mekah mestilah mengasaskan pusat pengajian pondok. Kiyai Saleh mengasaskan pondok pesantren di daerah Darat yang terletak di pesisir pantai kota Semarang. Sejak itulah beliau dipanggil orang dengan gelaran Kiyai Saleh Darat Semarang.

Terkenal

Dengan mengasaskan pondok pesantren itu nama Kiyai Haji Saleh Darat menjadi lebih terkenal di seluruh Jawa terutama Jawa Tengah. Ramai murid beliau yang menjadi ulama dan tokoh yang terkenal, di antara mereka ialah: Kiyai Haji Hasyim Asy'ari (ulama besar di Jawa, beliau termasuk salah seorang pengasas Nahdhatul Ulama), Kiyai Haji Muhammad Mahfuz at-Tarmasi (seorang ulama besar dalam Mazhab Syafie yang sangat ahli dalam bidang ilmu-ilmu hadis), Kiyai Haji Ahmad Dahlan (pengasas organisasi Muhammadiyah), Kiyai Haji Idris (pengasas Pondok Pesantren

Jamsaren, Solo), Kiyai Haji Sya'ban (ulama ahli falak di Semarang) dan Kiyai Haji Dalhar (pengasas Pondok Pesantren Watucongol, Muntilan, Magelang). Raden Ajeng Kartini yang menjadi simbol kebangkitan kaum perempuan Indonesia juga adalah murid Kiyai Saleh Darat.

Tiga orang di antara murid beliau adalah disahkan sebagai Pahlawan Nasional Indonesia, iaitu; Kiyai Haji Ahmad Dahlan (1868 M - 1934 M), dengan Surat Keputusan Pemerintah RI, No. 657, 27 Disember 1961, dianugerahi Gelar Pahlawan Kemerdekaan Nasional. Hadhratusy Syeikh Kiyai Haji Hasyim Asy'ari (1875 M - 1947 M), dengan Surat Keputusan Presiden RI, No. 294, 17 November 1964 dianugerahi Gelar Pahlawan Kemerdekaan Nasional dan Raden Ajeng Kartini (1879 M - 1904 M), dengan Surat Keputusan Presiden RI, No. 108, 12 Mei 1964 dianugerahi Gelar Pahlawan Kemerdekaan Nasional.

Murid Kiyai Haji Saleh Darat yang sangat terkenal di peringkat antarabangsa kerana karangannya menjadi rujukan ialah Kiyai Haji Muhammad Mahfuz at-Tarmasi atau menggunakan nama lengkap Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah at-Tarmasi (1285 H/1868 M - 1358 H/1939 M). Dua buah karyanya yang besar dan sangat terkenal dalam bahasa Arab ialah Muhibah Zawin Nazhar syarah Kitab Ba Fadhil merupakan kitab fikah Mazhab Syafie yang ditulis dalam empat jilid tebal. Dan sebuah lagi Manhaj Zawin Nazhar merupakan syarah kitab hadis membicarakan ilmu mushthalah dan lain-lain yang ada hubungan dengan hadis.

PENULISAN

Di antara karangan Kiyai Haji Syeikh Saleh Darat as-Samarani yang telah diketahui adalah seperti berikut:

1. Kitab Majmu'ah asy-Syari'ah al-Kafiyah li al-'Awam, kandungannya membicarakan ilmu-ilmu syariat untuk orang awam
2. Kitab Munjiyat, kandungannya tentang tasawuf, merupakan petikan perkara-perkara yang penting dari kitab Ihya' `Ulum ad-Din karangan Imam al-Ghazali
3. Kitab al-Hikam, kandungannya juga tentang tasawuf, merupakan petikan perkara-perkara yang penting daripada Kitab Hikam karangan Syeikh Ibnu `Athallah al-Askandari.
4. Kitab Latha'if at-Thaharah, kandungannya membicarakan tentang hukum bersuci
5. Kitab Manasik al-Hajj, kandungannya membicarakan tatacara mengerjakan haji
6. Kitab ash-Shalah, kandungannya membicarakan tatacara mengerjakan sembahyang
7. Tarjamah Sabil al-`Abid `ala Jauharah at-Tauhid, kandungannya membicarakan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, mengikut pegangan Imam Abul Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Manshur al-Maturidi.
8. Mursyid al-Wajiz, kandungannya membicarakan tasawuf atau akhlak.

9. Minhaj al-Atqiya', kandungannya juga membicarakan tasawuf atau akhlak.
10. Kitab Hadis al-Mi'raj, kandungannya membicarakan perjalanan Nabi Muhammad s.a.w. dari Mekah ke Baitul Maqdis dan selanjutnya hingga ke Mustawa menerima perintah sembahyang lima kali sehari semalam. Kitab ini sama kandungannya dengan Kifayah al-Muhtaj karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.
11. Kitab Faidhir Rahman, kandungannya merupakan terjemahan dan tafsir al-Quran ke dalam bahasa Jawa. Kitab ini merupakan terjemahan dan tafsir al-Quran yang pertama dalam bahasa Jawa di dunia Melayu. Menurut riwayat, satu naskah kitab tafsir tersebut pernah dihadiahkan kepada Raden Ajeng Kartini ketika berkahwin dengan R.M. Joyodiningrat (Bupati Rembang).
12. Kitab Asrar as-Shalah, kandungannya membicarakan rahsia-rahsia sembahyang.

Hampir semua karya Kiyai Haji Saleh Darat ditulis dalam bahasa Jawa dan menggunakan huruf Arab (Pegon atau Jawi); hanya sebahagian kecil yang ditulis dalam bahasa Arab. Di tangan saya hanya terdapat sebuah yang ditulis dalam bahasa Melayu. Yang ditulis dalam bahasa Melayu menggunakan nama Syeikh Muhammad Shalih bin Umar as-Samarani. Sebahagian besar kitab-kitab yang tersebut sampai sekarang terus diulang cetak oleh beberapa percetakan milik orang Arab di Surabaya dan Semarang. Ini kerana ia masih banyak diajarkan di beberapa pondok pesantren di pelbagai pelosok Jawa Tengah.

Ada orang berpendapat bahawa orang yang paling berjasa menghidupkan dan menyebarkan tulisan Pegon (tulisan Arab bahasa Jawa) ada tiga orang, ialah Syeikh Nawawi al-Bantani, Kiyai Khalil al-Maduri dan Kiyai Haji Saleh Darat Semarang. Pada pandangan saya, Kiyai Haji Saleh Darat adalah yang lebih dapat diakui, kerana apabila kita pelajari karya-karya Syeikh Nawawi al-Bantani semuanya dalam bahasa Arab bukan dalam bahasa Jawa. Kiyai Khalil al-Maduri pula hingga kini saya belum mempunyai karya beliau sama ada dalam bahasa Jawa, atau pun bahasa Melayu mahu pun dalam bahasa Arab.

Saiyid Utsman Betawi

Mufti paling masyhur

SAIYID Utsman Betawi seorang mufti di dunia Melayu yang paling banyak dipercakapkan orang. Realiti tersebut tidak dapat kita nafikan kerana memang banyak sebab orang bercakap mengenainya, sama ada orang yang suka mahu pun yang kontroversi. Setiap langkah kebijaksanaan seseorang ulama atau tokoh besar memang demikianlah yang akan berlaku.

Nama lengkap beliau ialah Saiyid Utsman bin Abdullah bin Aqil bin Umar bin Yahya al-Alawi, yang dipopularkan dengan "Habib Utsman Mufti Batawi". Lahir di Pekojan Betawi (Jakarta), 17 Rabiulawal 1238 Hijrah/2 Disember 1822 Masihi. Ibunya bernama Aminah anak Syeikh Abdur Rahman al-Mashri. Saiyid Utsman termasuk seorang ulama keturunan Nabi Muhammad s.a.w, masih asli darah Arab mengalir ditubuhnya. Beliau adalah sahabat ulama besar yang terkenal, ialah Saiyid Yusuf an-Nabhani, Mufti di Beirut.

Karangan Saiyid Utsman sangat banyak berbentuk naskhah, risalah-risalah dan kitab kecil. Kitab yang tebal kurang diketahui, namun keseluruhan karyanya, berjumlah 109 buah. Selain aktiviti mengarang, beliau adalah mufti di Betawi, di samping itu, di bidang bisnes Saiyid Utsman membuka perusahaan cetak sendiri. Dalam memutuskan sesuatu hukum Saiyid Utsman sangat tegas sekali, tanpa pandang siapapun sehingga mungkin kurang mendapat tempat dalam perkembangan kebudayaan asli di dunia Melayu, jika kebudayaan itu bertentangan dengan hukum-hukum syarak. Ini dapat dibuktikan daripada beberapa karya beliau.

Hampir semua ulama asli Jakarta yang ada sekarang merupakan pertalian daripada Saiyid Utsman turun ke murid, tidak ubah seumpama Syeikh Abdul Azhim dengan ulama-ulama Madura, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau dengan ulama-ulama Minangkabau; Tok Kenali dengan ulama-ulama Malaysia dan lain-lain seumpama mereka.

Kelicikan seorang Belanda, Snouck Hurgronje kepada Saiyid Utsman mengakibatkan melunturkan namanya di kalangan ahli gerakan nasional Indonesia. Kekeliruannya dalam bidang politik, seolah-olah ia telah tertipu dengan berbagai-bagai pujuk rayu daripada sarjana Belanda itu. Tentang ini tidak saya ceritakan dalam artikel ini, kerana telah diriwayatkan oleh Mr. Hamid Alqadri dalam bukunya, C. Snouck Hurgronje Politik Belanda Terhadap Islam dan Keturunan Arab, diterbitkan oleh Sinar Harapan, cetakan pertama 1984.

Walau bagaimanapun, Saiyid Utsman tetap termasuk salah seorang yang dicurigai Belanda. Deliar Noer menulis, "Sedang Saiyid Utsman bin Yahya al-Alawi, yang disebut sebagai "seorang Arab yang berserikat dengan pemerintahan Hindia Belanda" dan yang menafsirkan perang jihad semata-mata sebagai peperangan melawan "nafsu-nafsu jahat". Jadi bukan perang fizik terhadap orang kafir, tidak

mendapat kepercayaan penuh daripada kalangan Belanda. Ketika ia berdoa untuk keselamatan Ratu Belanda pada 1898, ia dituduh "mengelabui mata orang-orang Eropah dengan perbuatannya itu." (Gerakan Modern Islam di Indonesia, LP 3ES, 1997, hlm. 2).

Saya meragui tulisan Chaidar, "... terjadilah di sana yang agak meruncing di antara Syeikh Nawawi al-Bantani (ketika itu masih kanak-kanak) dengan Saiyid Utsman al-Alawi." (Sejarah Pujangga Islam Syeikh Nawawi Al-Bantani, CV. Sarana Utama, 1978, hlm..60). "... bahawa ketika peristiwa itu terjadi Syeikh Nawawi al-Bantani belum dewasa lagi." (hlm. 62). Padahal Syeikh Nawawi al-Bantani lebih tua lapan tahun daripada Saiyid Utsman al-Batawi. Syeikh Nawawi al-Bantani lahir tahun 1230 Hijrah, wafat 1314 Hijrah. Sedangkan Saiyid Utsman al-Batawi lahir 17 Rabiulawal 1238 Hijrah/2 Disember 1822 Masihi, wafat tahun 1333 Hijrah.

Saiyid Utsman al-Batawi ketika hidup seringkali mengadakan komunikasi melalui surat-menyurat dengan Saiyid Yusuf an-Nabhani di Beirut. Saiyid Utsman al-Batawi sependapat dalam berbagai-bagai jalan pemikiran dengan ulama Beirut yang terkenal itu, sama-sama bermazhab Syafie dan sama-sama menentang pemikiran Syeikh Muhammad Abduh dan Saiyid Rasyid Ridha, ulama pembaharuan yang muncul di Mesir itu.

Atas pengakuan Saiyid Utsman al-Batawi sendiri, bahawa beliau pernah belajar kepada ulama-ulama di Mekah iaitu; Syeikh Ahmad ad-Dimyathi, Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Saiyid Muhammad bin Husein al-Habsyi dan Syeikh Rahmatullah. Di Hadhramaut, beliau belajar kepada Saiyid Abdullah bin Husein bin Thahir, Saiyid Abdullah bin Umar bin Yahya, Saiyid Hasan al-Bahr dan lain-lain. Di Tunisia, beliau belajar kepada Syarif Muhammad bin Abdul Jawad al-Qabisi.

PENULISAN

Karya-karyanya ditulis dalam bahasa Arab, Melayu Jakarta, Jawa dan Sunda. Di antara yang dapat disenaraikan ialah;

1. Jawazu Ta'addudil Jumu'ah, ditulis tahun 1286 H.
2. Manhaj al-Istiqamah fi ad-Dini bi as-Salamah, selesai pada 5 Zulkaedah 1307 H/1890 H.
3. Mazil al-Auham wa at-Taraddud fi Amri Shalah al-Jumu'ah Ta'addud, ditulis tahun 1312 H.
4. Taftih al-Maqallatain wa Tabyin al-Mufsidin al-Makhba-ataini fi ar-Risalah al-Ma'mati bi Shulhi al-Juma'atani, ditulis tahun 1313 H.
5. Al-Qawanin asy-Syar'iyah, ditulis tahun 1317 H.
6. Perhiasan Bagus.
7. Shifat Dua puluh.
8. Samth asy-Syuzur wa al-Jawahir fi Hilli Takhshish an-Nuzur li as-Sadah.
9. Kitab al-Faraidh.

10. Hadits Keluarga.
11. Maslak al-Akhyar.
12. Abadul Insan.
13. Iqazhuniyah fi ma Yata'allaqu bi Lahillah wa Shiyam.
14. Az-Zahrul Basim.
15. I'anah al-Mustarsyidin.
16. Thariq as-Salamah.
17. Salam al-Muslimin.
18. Terjemah Hukum Islam.
19. Sa'adah al-Anam.
20. Tamyiz al-Haq.
21. Perihal Hukum Azan.
22. Irsyad al-Anam.
23. Taftih al-'Uyun.
24. Miftah as-Sa'adah.
25. Tafsir Surah Kahfi.
26. As-Silsalah an-Nabawiyah.
27. Qamus Tiga Bahasa.
28. Qamus Kecil.
29. Hukum Gambar.
30. Hikam ar-Rahman.
31. Hadits Empat Puluh.
32. Bab al-Minan.
33. Mukhtashar al-Qamus.
34. Tujuh Faidah.
35. Dan lain-lain.

BAHASAN

Menurut riwayat, seluruh karangan Sayid Utsman berjumlah 109 judul besar dan kecil, tetapi yang terbanyak merupakan risalah-risalah kecil. Bahasan tentang karya beliau dituangkan di sini sekadarnya sahaja iaitu, yang dianggap perlu dan penting-penting saja. Terjadi peristiwa sedikit pertikaian faham antara Saiyid Utsman Betawi dengan Syeikh Ahmad Khatihb bin Abdul Lathif al-Minankabawi, pada beberapa aspek hukum mengenai solat Jumaat. Ada beberapa kitab karya keduanya, yang bercorak "polemik" yang memakan waktu agak lama.

Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Lathif Minangkabau diperkirakan umurnya jauh lebih muda dari Saiyid Utsman Betawi. Salah satu bukti bahawa Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau jauh lebih muda daripada Saiyid Utsman Betawi bahawa dalam tahun 1286 Hijrah Saiyid Utsman Betawi telah mengarang kitab, Jawazu Ta'addudi Juma'atain, Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau waktu itu, baru berusia 10 tahun saja (beliau lahir pada 1276 Hijrah).

Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau menyusun sebuah kitab berjudul, Shulhul Juma'atain bi Jawazi Ta'addudil Juma'atain yang merupakan suatu penjelasan atas

beberapa kesamaran sebuah kitab Saiyid Utsman Betawi yang ditulis pada 1312 Hijrah. Tulisan Syeikh Ahamad Khatib Minangkabau itu sebahagian sependapat dengan tulisan Saiyid Utsman Betawi dan di antaranya ada yang berlawanan. Tulisan Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau itu mengundang kemarahan Saiyid Utsman Betawi sehingga beliau menyusun kitab berjudul, Taftih al-Maqalatain wa Tabyin al-Mufasidatain (ditulis pada 1313 Hijrah). Untuk menyanggah kitab Saiyid Utsman Betawi itu, Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau menyusun kitab berjudul, Istbat az-Zain li Shulhil Juma'atain bi Jawazi Ta'addud al-Jumu'atain fi Raddi 'alal Kitabil Musamma Taftih al-Maqalatain (ditulis pada 1313 Hijrah). Kitab-kitab polemik kedua-dua ulama besar dunia Melayu itu ditulis dengan bahasa Arab.

Sebenarnya sebelum terjadi peristiwa tersebut telah terjadi terlebih dahulu pertikaian di antara Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau dengan "Al-'Allamah Syeikh Salim bin Samir al-Hadhrami" sahabat Saiyid Utsman Betawi. Saiyid Utsman Betawi menyebut bahawa, karya beliau telah disambut dan diakui oleh beberapa ulama besar yang terkenal, iaitu selain Syeikh Nawawi al-Bantani dan Syeikh Junaid Betawi terdapat nama-nama Syeikh Muhammad Sa'id Ba Bashail, Mufti Syafi'iyah di Mekah, Saiyid Ahmad bin Zainal Dahlan Mufti Syafi'iyah Mekah, Saiyid al-'Allamah Abdur Rahman bin Muhammad al-Masyhur, penyusun kitab fikah terkenal berjudul, Bughyatul Mustarsyidin, pujiannya atas kitab Saiyid Utsman Betawi judul, I'ahatul Mustarsyidin dan al-'Allamah as-Saiyid Muhammad Shalih az-Zawawi. Satu fenomena yang aneh, kerana semua ulama yang membenarkan karangan Saiyid Utsman Betawi adalah para guru Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau.

Karya

Dalam karyanya berjudul, a-Qawanin asy-Syar'iyah li Ahli al-Majalis al-Hukmiyah wa al-Iftaiyah (ditulis pada 1317 Hijrah) banyak juga perkara yang belum pernah dibahas oleh ulama dunia Melayu sebelumnya. Di antaranya, Saiyid Utsman Betawi mengemukakan pedoman untuk memilih perkara-perkara 'yang muktamad dan 'yang tidak muktamad' menurut Mazhab Syafie, contohnya:

1. Qaul (pendapat, pen:) yang muktamad dalam Mazhab Syafie, iaitu yang dii'timadkan (diperpegangi) oleh Imam an-Nawawi dan Imam ar-Rafie.
2. Jika kedua-duanya bertikai, maka yang muktamad ialah pendapat Imam an-Nawawi.
3. Jika ada qaul yang disebut oleh salah seorang daripada kedua-duanya, maka itu juga dihitung muktamad.
4. Jika tidak terdapat qaul daripada kedua-duanya, maka yang muktamad ialah mengikut 'Ahli at-Tarjih'.
5. Jika bertentangan satu sama lain yang dikarang oleh Imam Nawawi sendiri, maka yang muktamad adalah yang dikarang terkemudiannya. Sebagaimana tertib satu-satunya Tahqiq, Majmu', Tanqih, Raudhah Minhaj dan lain-lain.

Demikian pula didahulukan qaul yang mufakat pada banyak kitabnya atas yang mufakat pada yang sedikit. Dan didahulukan qaul yang tersebut di 'Bab'nya atas yang tersebut pada bukan 'Bab'nya.

6. Sekalian qaul muktamad Imam Nawawi dan Imam Rafie, yaitu yang dii'timadkan oleh Syeikh Ibnu Hajar di dalam Tuhfah dan Syeikh ar-Ramli di dalam Nihayah. Tuhfah dan Nihayah dipandang yang paling muktamad daripada lainnya.
7. Jika bersalahan kitab Ibnu Hajar sendiri, maka didahulukan Tuhfah, kemudian Fath al-Jawad, kemudian al-Imdad, kemudian, Fatawa, dan seterusnya kitab-kitab yang lain.

Pada fasal yang kelima al-Qawanin asy-Syar'iyah, Saiyid Utsman Betawi memperkenalkan aturan mengenal susunan-susunan Minhaj dan Tuhfah.

Syeikh Abdul Wahhab Rokan

Mursyid tarekat yang berwibawa

BABUSSALAM, Langkat, Sumatera Timur adalah merupakan pusat penyebaran Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang terbesar di Sumatera sesudah aktiviti Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minankabawi. Mursyid Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Babussalam tersebut pada satu ketika sangat terkenal hingga ke Semenanjung Tanah Melayu terutama Johor dan Singapura. Namanya ketika kecil ``Abul Qasim'', digelar juga dengan ``Faqih Muhammad''. Nama lengkap Syeikh Abdul Wahhab bin `Abdul Manaf bin Muhammad Yasin bin Maulana Tuanku Haji Abdullah Tembusai. Lahir 10 Rabiulakhir 1242 H/11 November 1826 M). Wafat di Babussalam, Langkat, pada hari Jumaat, 21 Jamadilawal 1345 H/26 Disember 1926 M. Moyangnya Maulana Tuanku Haji Abdullah Tembusai adalah seorang ulama besar dan golongan raja-raja yang sangat berpengaruh pada zamannya.

PENDIDIKAN

Selain pendidikan dari lingkungan keluarga sendiri Abdul Wahhab belajar kepada Tuan Guru Haji Abdul Halim di Tembusai. Dalam 1846 M - 1848 M Abdul Wahhab merantau ke Semenanjung, pernah tinggal di Johor dan Melaka. Dalam tempoh lebih kurang dua tahun itu digunakannya kesempatan mengajar dan belajar. Di antara gurunya ketika berada di Malaya (Malaysia Barat) ialah Tuan Guru Syeikh Muhammad Yusuf seorang ulama yang berasal dari Minangkabau. Masih dalam tahun 1848 itu juga Abdul Wahhab meneruskan pengembaraannya menuju ke Mekah dan belajar di sana hingga tahun 1854 M. Di antara gurunya sewaktu di Mekah ialah Syeikh Muhammad Yunus bin Syeikh Abdur Rahman Batu Bara, Asahan, dan lain-lain. Pelajaran tasawuf khusus mengenai Thariqat Naqsyabandiyah Abdul Wahhab dididik oleh seorang ulama besar yang cukup terkenal, beliau ialah Syeikh Sulaiman Zuhdi di Jabal Abi Qubis, Mekah.

PULANG DAN AKTIVITI

Tuan Guru Syeikh Abdul Wahhab Rokan pulang ke tanah air dalam tahun 1854 M dan dalam tahun itu juga mengajar di Tanjung Mesjid, daerah Kubu Bagan Siapi-api, Riau. Dalam tahun 1856 M beliau juga mengajar di Sungai Mesjid, daerah Dumai, Riau. Selanjutnya mengajar di Kualuh, wilayah Labuhan Batu tahun 1860 M. Mengajar di Tanjung Pura, Langkat tahun 1865 M. Mengajar di Gebang tahun 1882 M, dan dalam tahun itu juga berpindah ke Babussalam, Padang Tualang, Langkat. Di Babussalamlah dijadikan sebagai pusat seluruh aktiviti, sebagai pusat tarbiyah zhahiriyah, tarbiyah ruhaniyah dan dakwah membina umat semata-mata mengabdikan kepada Allah s.w.t.

Sungguh pun demikian Tuan Guru Syeikh Abdul Wahhab Rokan tidak mengabaikan perjuangan duniawi kerana beliau bersama-sama dengan Sultan Zainal Abidin, Sultan Kerajaan Rokan dan Haji Abdul Muthallib, Mufti Kerajaan Rokan pernah

mengasaskan ``Persatuan Rokan``. ``Persatuan Rokan`` bertujuan secara umumnya adalah untuk kemaslahatan dan kebajikan Rokan. Walau bagaimana pun tujuan utamanya adalah perjuangan kemerdekaan untuk melepaskan Kerajaan Rokan dari penjajahan Belanda. Pembahagian kerja ``Persatuan Rokan`` ialah Sultan Zainal Abidin sebagai pelaksana segala urusan luar negeri. Haji Abdul Muthallib menjalankan pekerjaan-pekerjaan dalam negeri dan Tuan Guru Syeikh Abdul Wahhab sebagai menerapkan pendidikan memberi semangat pada masyarakat.

PERKAMPUNGAN BABUSSALAM

Dalam tarikh 12 Syawal 1300 H/12 Ogos 1883 M Tuan Guru Syeikh Abdul Wahhab Rokan bersama 160 orang pengikutnya dengan menggunakan 13 buah perahu memudiki Sungai Serangan menuju perkampungan peribadatan dengan undang-undang atau peraturannya tersendiri yang dinamakan Babussalam. Pendidikan mengenai keislaman diterapkan setiap hari dan malam, sembahyang berjemaah tidak sekali-kali diabaikan. Tilawah al-Quran, selawat, zikir, terutama zikir menurut kaedah Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah dan lain-lain sejenisnya semuanya dikerjakan dengan teratur di bawah bimbingan ``Syeikh Mursyid`` dan ``khalifah-khalifah``nya. ``Syeikh Mursyid`` adalah Tuan Guru Syeikh Abdul Wahhab Rokan sendiri. ``Khalifah`` ada beberapa orang, pada satu ketika di antara ``khalifah`` terdapat salah seorang yang berasal dari Kelantan. Beliau ialah khalifah Haji Abdul Hamid, yang masih ada kaitan kekeluargaan dengan Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan al-Kalantani.

Pada tahun 1342 H/1923 M Asisten Residen Belanda bersama Sultan Langkat menyematkan ``Bintang Emas`` untuk Tuan Guru Syeikh Abdul Wahhab Rokan. Wakil pemerintah Belanda menyampaikan pidatonya pada upacara penyematan bintang itu, ``Adalah Tuan Syeikh seorang yang banyak jasa mengajar agama Islam dan mempunyai murid yang banyak di Sumatera dan Semenanjung dan lainnya, dari itu kerajaan Belanda menghadihkan sebuah ``Bintang Emas`` kepada Tuan Syeikh. Seorang sufi sebagai Tuan Guru Syeikh Abdul Wahhab Rokan penyematan bintang seperti itu bukanlah merupakan kebanggaan baginya, mungkin sebaliknya bahawa bisa saja ada maksud-maksud tertentu daripada pihak penjajah Belanda untuk memperalatkan beliau untuk kepentingan kaum penjajah yang sangat licik itu. Oleh itu, dengan tegas Tuan Guru Syeikh Abdul Wahhab Rokan berkata ketika itu juga, ``Jika saya dipandang seorang yang banyak jasa, maka sampaikanlah pesan (amanah) saya kepada Raja Belanda supaya ia masuk Islam.``

KARYA

Tidak banyak diketahui hasil penulisan Tuan Guru Syeikh Abdul Wahhab Rokan. Setakat ini yang dapat dikesan ialah:

1. Munajat, merupakan kumpulan puji-pujian dan pelbagai doa.
2. Syair Burung Garuda, merupakan pendidikan dan bimbingan remaja .

3. Wasiat, merupakan pelajaran adab murid terhadap guru, akhlak, dan 41 jenis wasiat.

Petikan 41 wasiat yang dimaksudkan beliau antaranya; Wasiat yang pertama, ``Hendaklah kamu sekalian masyghul dengan menuntut ilmu Quran dan kitab kepada guru-guru yang mursyid. Dan hinakan diri kamu kepada guru kamu dan perbuat apa-apa yang disuruhnya. Jangan bertangguh. Dan banyak-banyak bersedekah kepadanya. Dan seolah-olah diri kamu itu hambanya. Dan jika sudah dapat ilmu itu maka hendaklah kamu ajarkan kepada anak cucu, kemudian kepada orang lain. Dan kasih sayang kamu akan muridmu seperti kasih sayang akan cucu kamu. Dan jangan kamu minta upah dan makan gaji sebab mengajar itu, tetapi minta upah dan gaji itu kepada Tuhan Esa lagi Kaya Murah, iaitu Allah Ta'ala.''

Wasiat yang kedua, ``Apabila kamu sudah baligh hendaklah menerima Thariqat Syaziliyah atau Thariqat Naqsyabandiyah supaya sejalan kamu dengan aku. ``Wasiat yang kedua ini jelas bahawa Tuan Guru Syeikh Abdul Wahhab Rokan sangat menekankan amalan tarekat. Mengenai ini juga ada hujah-hujah yang kuat di kalangan penganut-penganut sufi, walau pun ada golongan yang tidak sependapat dengan yang demikian itu. Pada pandangan saya mempertikaikannya adalah merupakan pekerjaan yang sia-sia, kerana bermujadalah adalah termasuk salah satu sifat mazmumah (dicela) oleh syarak Islam.

Wasiat yang ketiga, ``Jangan kamu berniaga - maksudnya jika terdapat penipuan atau pun riba. Jika hendak mencari nafkah hendaklah dengan tulang empat kerat seperti berhuma dan berladang dan menjadi amil (orang yang bekerja, pen:). Dan di dalam mencari nafkah itu hendaklah bersedekah tiap-tiap hari supaya segera dapat nafkah. Dan jika dapat ringgit sepuluh, maka hendaklah sedekahkan satu dan taruh sembilan. Dan jika dapat dua puluh, sedekahkan dua. Dan jika dapat seratus, sedekahkan sepuluh dan taruh sembilan puluh. Dan apabila cukup nafkah kira-kira setahun maka hendaklah berhenti mencari itu dan duduk beramal ibadat hingga tinggal nafkah kira-kira empat puluh hari maka boleh mencari.''

Wasiat yang keempat, ``Maka hendaklah kamu berbanyak-banyak sedekah sebilang hari istimewa pada malam Jumaat dan harinya. Dan sekurang-kurang sedekah itu empat puluh duit pada tiap-tiap hari. Dan lagi hendaklah bersedekah ke Mekah pada tiap-tiap tahun.''

Wasiat yang kelima, ``Jangan kamu bersahabat dengan orang yang jahil dan orang fasik. Dan jangan bersahabat dengan orang kaya yang bakhil. Tetapi bersahabatlah kamu dengan orang alim-alim dan ulama-ulama dan salih-salih.''

Wasiat yang keenam, ``Jangan kamu hendak kemegahan dunia dan kebesarannya seperti hendak menjadi kadi, imam dan lain-lainnya istimewa pula hendak jadi penghulu-penghulu dan lagi jangan hendak menuntut harta benda banyak-banyak. Dan jangan dibanyakkan memakai pakaian yang halus.''

Wasiat yang ketujuh, ``Jangan kamu menuntut ilmu sihir seperti kuat, dan kebal dan pemanis serta lainnya kerana sekalian ilmu telah ada di dalam al-Quran dan kitab.’’

Wasiat yang kelapan, ``Hendaklah kamu kuat menghinakan diri kepada orang Islam, dan jangan dengki khianat kepada mereka itu. Dan jangan diambil harta mereka itu melainkan dengan izin syarak.’’

Demikianlah 8 wasiat yang dipetik dari 41 wasiat Syeikh Abdul Wahhab Rokan, semuanya masih perlu perbahasan atau pentafsiran yang panjang. Kerana jika tidak ditafsirkan kemungkinan orang-orang yang berada di luar lingkungan sufi akan beranggapan bahawa wasiat beliau itu sebagai penghalang terhadap kemajuan dunia moden. Sebelum anda sempat mengikuti pentafsirannya, saya berpendapat bahawa jalan menuju takwa kepada Allah sekali-kali adalah tidak menghalang kemajuan dunia moden jika kemajuan itu tidak bertentangan dengan perintah Allah dan Rasul-Nya.

MURID

Murid Syeikh Abdul Wahhab Rokan sangat ramai: Di antara muridnya yang dianggap mursyid dan khalifah dan yang sangat giat menyebarkan Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Batu Pahat, Johor ialah Syeikh Umar bin Haji Muhammad al-Khalidi. Muridnya yang lain ialah Syeikh Muhammad Nur Sumatera. Murid Syeikh Muhammad Nur Sumatera ialah Haji Yahya Laksamana al-Khalidi an-Naqsyabandi, Rambah, Sumatera. Beliau ini adalah penyusun buku berjudul Risalah Thariqat Naqsyabandiyah Jalan Ma'rifah, cetakan pertama tahun 1976 di Malaysia, diterbitkan oleh pengarangnya sendiri.

Syeikh Wan Ali Kutan – Guru para ulama Melayu

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

RIWAYAT ini masih dalam rangkaian ulama yang mempunyai hubungan dengan pengajian pondok di Sungai Dua, Seberang Perai, Syeikh Jalaluddin bin Muhammad Yusya' bin Abdul Ghafur al-Jawi al-Kalantani yang dipercayai adalah saudara sepupu ulama yang dibicarakan ini. Nasab ke atas sampai kepada nama Wan Abdul Ghafur yang dianggap sah kerana tercantum dalam salah sebuah karangan Syeikh Wan Ali al-Kalantani. Penyelidikan penulis yang terkini mendapati bahawa ada orang meriwayatkan ayah Wan Abdul Ghafur itu bernama Syeikh Wan Ali bin Syeikh Wan Izzuddin. Syeikh Izzuddin ini mempunyai dua nama, yang satu lagi ialah Syeikh Wan Taqiyuddin. Tentang ini masih belum dipandang sah.

Keluarga Besar

Sebagaimana Syeikh Jalaluddin al-Kalantani mempunyai hubungan keturunan yang luas, demikian pula halnya Syeikh Wan Ali al-Kalantani, kerana Syeikh Wan Ali al-Kalantani mempunyai beberapa orang adik beradik. Mereka ialah: 1. Haji Wan Seman, 2. Wan Bulat, 3. Wan Hawa, 4. Wan Kaltsum, 5. Wan Siti Hajar, dan yang bungsu ialah Syeikh Wan Ali. Haji Wan Seman bin Wan Abdur Rahman mendapat tiga orang anak, iaitu Nik Sah, Wan Timun dan Nik Wan Zainab. Melalui anaknya Wan Timun, anak perempuan Wan Timun bernama Wan Embong, anak perempuan Wan Embong bernama Nik Wan Zainab kahwin dengan Tengku Hamzah Tengku Setia Maharaja, anaknya bernama Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li).

Wan Hawa binti Wan Abdur Rahman berkahwin dengan Wan Muhammad bin Wan Musa, memperoleh 4 orang anak. Salah seorang di antaranya Wan Salamah yang berkahwin dengan Wan Ya'qub bin Wan Sulaiman, memperoleh anak bernama Wan Kaltsum yang kahwin dengan Wan Ahmad Hakim bin Ibrahim (Hakim di Besut, Terengganu), keturunannya di Terengganu. Di antara anaknya ialah Wan Muhammad Ali, ayah kepada Haji Wan Abdur Rahim Kamil, salah seorang tokoh perbankan Islam.

Wan Kaltsum binti Wan Abdur Rahman berkahwin dengan ulama bernama Haji Abdus Shamad Kutan, yang kemudian dikenali dengan gelar Tuan Tabal. Beliau adalah guru kepada Bentara Guru Haji Wan Saleh, iaitu Dato' Bentara Guru Mufti Terengganu. Mengenai Tuan Tabal yang bererti saudara ipar kepada Syeikh Wan Ali Kutan diperoleh maklumat daripada keluarga ini di Terengganu, secara terperinci akan diceritakan pada siri-siri berikut dalam judul yang tersendiri.

Wan Siti Hajar binti Wan Abdur Rahman mempunyai anak iaitu Haji Muhammad Sa'id. Beliau berhijrah ke Langkat, belajar dan berkhidmat kepada Mursyid Thariqat Naqsyabandiyah yang terkenal, iaitu Syeikh Abdul Wahhab Rokan di Besilam. Akhirnya Haji Muhammad Sa'id menjadi murid kesayangan dan orang kanan ulama yang terkenal itu. Haji Muhammad Sa'id memperoleh enam orang anak, di antaranya ialah

Khalifah Haji Abdul Hamid. Anak beliau ialah Haji Muhammad Saleh Hamid, Ketua Majlis Ulama Indonesia, Kabupaten Langkat dan Drs. Haji Usman Hamid, bekas dosen/pensyarah FPOK, IKIP, Medan, Sumatera Utara.

Kelahiran

Wan Ali bin Wan Abdur Rahman adalah saudara bungsu enam beradik yang diriwayatkan ini, oleh itu dalam surat menyurat Syeikh Ahmad al-Fathani memanggil ulama Kelantan tersebut dengan panggilan `Pak Cu Wan Ali'. Syeikh Wan Ali adalah ayah saudara sepupu kepada Syeikh Ahmad al-Fathani. Syeikh Wan Ali al-Kalantani pula berkahwin dengan saudara sepupunya bernama Wan Aisyah binti Wan Muhammad Saleh al-Fathani, adik beradik dengan Wan Cik binti Wan Muhammad Saleh al-Fathani, ibu kepada Syeikh Ahmad al-Fathani.

Syeikh Wan Ali lahir dekat Kota Kubang Labu, di tepi Sungai Kelantan. Ismail Awang dalam majalah Pengasuh menyebut bahawa beliau lahir tahun 1253 Hijrah/1837 Masihi, tarikh inilah yang diikuti oleh kebanyakan penulis. Penulis sendiri tetap mempertikaikan tahun yang disebutkan itu, jika ditulis tahun 1235 Hijrah/1820 Masihi, barangkali lebih mendekati kebenaran. Hujah-hujah penulis adalah bahawa di kalangan keluarga telah popular cerita tentang Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan al-Kalantani adalah sebaya umurnya dengan Syeikh Wan Muhammad Zain bin Mustafa al-Fathani.

Selain itu, antara beliau terjadi tukar menukar ilmu pengetahuan dengan Syeikh Abdul Qadir bin Mustafa al-Fathani (adik Syeikh Muhammad Zain al-Fathani). Adapun hubungan Syeikh Muhammad Zain al-Fathani dengan Syeikh Wan Ali Kutan itu adalah berbirasan, kerana isteri kedua-duanya adalah adik beradik. Isteri Syeikh Wan Ali Kutan bernama Wan Aisyah binti Wan Muhammad Saleh al-Fathani dan isteri Syeikh Wan Muhammad Zain al-Fathani bernama Wan Cik binti Wan Muhammad Saleh al-Fathani. Syeikh Ahmad al-Fathani mencatat tahun kelahiran ayahnya itu pada tahun 1233 Hijrah/ 1817 Masihi dan ibunya lahir pada tahun 1241 Hijrah/1825 Masihi. Sedangkan dalam riwayat bahawa Wan Cik al-Fathani itu walaupun menjadi kakak ipar kepada Syeikh Wan Ali Kutan, namun Syeikh Wan Ali Kutan lebih tua daripada Wan Cik. Wan Aisyah adik Wan Cik pula dilahirkan pada tahun 1243 Hijrah/1827 Masihi, sedangkn Wan Ali Kutan adalah lebih tua daripada isterinya itu.

Dengan fakta-fakta tersebut di atas, penentuan tarikh lahir Syeikh Wan Ali Kutan adalah pada tahun 1253 Hijrah/1837 Masihi (yang bererti lebih muda sekitar sepuluh tahun daripada isterinya) itu adalah suatu kekeliruan. Diharapkan kepada para pengkaji sejarah dapat meneliti kembali tahun-tahun yang tersebut itu, mudah-mudahan sejarah yang tepat dapat menjadi pegangan yang tidak menjadi keraguan lagi.

Pendidikan

Pendidikan ketika di Kelantan tidak jelas, yang dapat dikaji dimulai dari umur 12 tahun, kerana ketika usia itulah beliau dibawa ke Mekah untuk belajar di sana. Pendidikan di Mekah itu merupakan penentuan bahawa Syeikh Wan Ali al-Kalantani dapat dikategorikan sebagai ulama besar yang lengkap dengan pelbagai ilmu pengetahuan keIslaman. Di antara gurunya di Mekah dapat dicatat ialah Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, Syeikh Muhammad Haqqi an-Nazili an-Naqsyabandi. Kedua-dua ulama ini sangat terkenal.

Selain itu, Syeikh Wan Ali al-Kalantani belajar pula kepada Syeikh Ahmad As'ad ad-Dihan, Syeikh Abdus Shamad Pulau Condong, Kelantan dan lain-lain. Di Madinah Syeikh Wan Ali belajar kepada Syeikh Muhammad Amin bin Sayid Ridhwan al-Madani, terutama sekali menerima ijazah Shalawat Dalailul Khairat dengan sanad yang bersambung sampai kepada pengasasnya Syeikh Sulaiman al-Jazuli.

Dalam karangannya Lum'atul Aurad, Syeikh Wan Ali al-Kalantani menyebut bahawa beliau menerima ijazah Hizbul Bahri kepada Syeikh Ahmad bin As'ad ad-Dihan juga kepada Syeikh Abdus Shamad Pulau Condong, Kelantan. Syeikh Abdus Shamad Pulau Condong menerima daripada Syeikh Abdullah bin Muhammad Saleh, beliau menerima daripada ayahnya Syeikh Muhammad Saleh bin Abdur Rahman al-Fathani, beliau pula menerima daripada Syeikh Muhammad Saleh bin Ibrahim Mufti Syafi'ie di Mekah pada zamannya. Silsilah ini bersambung terus hingga kepada pengamal pertama Hizbul Bahri, iaitu Wali Allah Syeikh Abil Hasan asy-Syazili. Syeikh Wan Ali al-Kalantani termasuk pengikut Thariqat Syaziliyah yang sanad/silsilahnya bersambung daripada Syeikh Abil Hasan asy-Syazili hingga kepada Rasulullah s. a. w.

Syeikh Wan Ali al-Kalantani juga belajar berbagai-bagai ilmu kepada Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani termasuk beliau menerima Thariqat Syathariyah kepada ulama Patani itu. Syeikh Wan Ali al-Kalantani juga termasuk pengamal Thariqat Ahmadiyah yang dinisbahkan kepada Sayid Ahmad bin Idris. Dipercayai Syeikh Wan Ali al-Kalantani telah menerima talqin bai'ah Thariqat Ahmadiyah itu daripada Syeikh Ibrahim ar-Rasyidi.

Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman, Kutan al-Kalantani meninggalkan beberapa karangan, yang senarai lengkapnya adalah sebagai berikut:

1. Al-Jauharul Mauhub wa Munabbihatul Qulub, 1306 Hijrah/1888 Masihi. Kandungannya merupakan terjemahan dan syarah Lubabul Hadits. Matan Lubabil Hadits adalah karya Imam Jalaluddin as-Suyuthi. Cetakan pertamanya ditashih oleh Syeikh Ahmad al-Fathani. Pada cetakan pertama tercantum puisi dalam bahasa Arab gubahan Syeikh Ahmad al-Fathani yang terdiri daripada 27 bait, dua-dua rangkap.
2. Zahratul Murid fi `Aqaidit Tauhid, 1310 Hijrah/1892 Masihi. Kandungannya membicarakan perkara tauhid menurut pegangan Ahlus Sunnah wal Jama'ah. Cetakan pertama, juga ditashih oleh Syeikh Ahmad al-Fathani. Di bahagian muka dan

belakang cetakan Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1315 Hijrah terdapat keterangan Syeikh Ahmad al-Fathani. Kitab ini terdapat beberapa edisi cetakan di antaranya dicetak oleh Mathba'ah al-Kamaliyah, Kota Bharu, Kelantan.

3. Lum'atul Aurad, 1311 Hijrah/1894 Masihi. Kandungannya mengenai selawat, wirid dan pelbagai doa. Terdapat pelbagai edisi cetakan, di antaranya oleh Matba'ah al-Miriyah, Mekah, cetakan kedua 1314 Hijrah. Edisi cetakan Matba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura, 1346 Hijrah. Dan edisi yang terakhir ialah yang diusahakan oleh cucunya, Haji Wan Abdul Qadir Daud al-Kalantani. Edisi yang terakhir ini dicetak terus menerus dan masih beredar di pasaran kitab sampai sekarang ini. Lum'atul Aurad ini sangat banyak diamalkan oleh para ulama dan orang awam dunia Melayu, bagi pengamal-pengamalnya selalu menceritakan akan keberkesanan amalan tertentu yang termaktub dalam kitab itu setelah mereka mengamalkannya secara teratur dan rutin.

4. Majma'ul Qashaid wal `Awaid, 1320 Hijrah/1902 Masihi. Kandungannya merupakan kumpulan pelbagai qasidah. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah, Mekah, 1321 Hijrah.

5. Ilmu Perubatan, ditulis dalam bahasa Arab, masih dalam bentuk manuskrip.

6. Ilmu Perubatan, ditulis dalam bahasa Melayu, masih dalam bentuk manuskrip.

7. Catatan-catatan, masih dalam bentuk manuskrip.

Disebabkan kekurangan ruangan, keturunan Syeikh Wan Ali al-Kalantani tidak dapat dimuat dalam artikel ini, insya-Allah akan dibicarakan pada kesempatan dan waktu yang lain.

(Artikel Utusan Malaysia 27.09.04)

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani - Ulama jihad di Banten

Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani - Ulama jihad di Banten

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

ULAMA yang berasal dari Banten, Jawa Barat, yang paling terkenal ialah Syeikh Nawawi al-Bantani, yang banyak menulis syarah kitab yang semuanya ditulis dalam bahasa Arab. Oleh kerana banyak menghasilkan karya, maka beliau digelar sebagai Imam Nawawi Tsani (Imam Nawawi Kedua).

Mengenai Syeikh Nawawi al-Bantani telah diperkenalkan dalam Ruangan Agama, Utusan Malaysia pada 7 Februari 2005. Artikel ini pula memperkenalkan dua orang ulama Banten yang lain. Yang pertama, Syeikh Muhammad Arsyad bin As'ad bin Mustafa bin As'ad al-Bantani al-Jawi. Nama popularnya ialah Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani.

Dinamakan Thawil yang bererti panjang kerana ada seorang sahabatnya bernama Syeikh Arsyad Qashir al-Bantani. Qashir bererti pendek. Syeikh Arsyad Thawil dilahirkan di Banten pada Zulkaedah 1255 Hijrah/Januari 1840 Masihi. Riwayat lain menyebut bahawa beliau lahir tahun 1263 Hijrah/1847 Masihi.

Pendidikan

Ayahnya tinggal di Mekah kerana ketika kecil beliau diasuh oleh beberapa orang ayah saudaranya. kepadanya diberi pengenalan tentang bacaan al-Quran. Dalam usia 8 tahun mengikut orang tuanya ke Mekah. Beliau mendapat pendidikan asas khatam mengaji al-Quran daripada beberapa orang ayah saudara dan ayahnya sendiri. Beberapa buah matan terutama matan nahu, saraf, fikah dan tauhid juga dipelajarinya daripada ayahnya. Di Masjid al-Haram, Arsyad Thawil sentiasa mengikuti pengajian yang diberikan oleh Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Mufti Mekah, terutama mengenai nahu, fikah dan sirah. Selain belajar kepada Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani juga belajar kepada beberapa ulama, di antaranya Syeikh Nawawi al-Bantani yang terkenal, Sayid Abu Bakri Syatha, di bawah bimbingan dua orang anak ulama itu, iaitu Sayid Umar Syatha dan Sayid Utsman Syatha. Syeikh Arsyad Thawil mendalami ilmu hadis daripada Habib Muhammad bin Husein al-Habsyi al-Makki di bawah bimbingan anak ulama itu, iaitu Mufti al-Muhaddits al-Habib Husein bin Muhammad al-Habsyi al-Makki (wafat 1330 Hijrah/1911 Masihi). Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani memperdalam ilmu fikah pula daripada Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki. Mengenai ilmu hadis selain belajar kepada ulama yang telah disebutkan tadi, Syeikh Arsyad Thawil sewaktu berkali-kali berulang-alik ke Madinah mempelajarinya juga daripada Syeikh Abdul Ghani bin Abi Sa'id al-Mujaddidi, di bawah bimbingan beberapa orang murid ulama itu, iaitu Sayid Ali bin Zhahir al-Watri, Syeikh Shalih bin Muhammad az-Zhahiri, dan Syeikh Abdul Jalil Barradah. Daripada semua ulama yang tersebut, Syeikh Arsyad Thawil menerima ijazah dalam ilmu hadis. Guru-guru beliau yang lain pula, yang pernah dicatatkan ialah: Syeikh Ibrahim al-Saqa asy-Syabrabakhumi (wafat 1298 Hijrah/1880 Masihi), Saiyid Ja'afar bin Idris al-Kattani, al-'Allamah Abi Jaiyidah bin Abdul Kabir al-Fasi, al-'Allamah Abdullah bin Darwisy asy-Syakri, Sayid Muhammad ibnu Muhammad Murtadha az-Zabidi al-Hanafii (wafat 1305 Hijrah/1887 Masihi), Sayid Muhammad bin Ali as-Sanusi (wafat 1276 Hijrah/1859 Masihi). Syeikh Arsyad Thawil, dalam usia 14 tahun, bersama-sama datuknya, Syeikh Mustafa al-Bantani, ketika itu berusia hampir seratus tahun, pergi ke Mesir. Di sana pernah mendapat berkat (tabarruk) daripada Syeikh Syinwani dan Syarqawi, kedua-dua ulama Mesir yang sangat terkenal ketika itu.

Jihad di Banten

Dalam tahun 1311 Hijrah/1893 Masihi, Syeikh Arsyad Thawil pergi ke Banten. Pada ketika itu terjadi peristiwa pertentangan antara orang-orang Islam dengan penganut agama Budha di Banten. Pemerintah Belanda mencampuri perselisihan itu dengan alasan untuk mendamaikan dua golongan yang sedang bermusuhan. Tetapi kolonial Belanda menjalankan hukuman yang tidak adil, bahawa Belanda memihak kepada golongan agama Budha. Oleh yang demikian pemimpin-pemimpin Muslimin sepakat untuk mengadakan perang total terhadap semua golongan yang bukan Islam termasuk terhadap pemerintah kolonial Belanda juga. Secara serentak kaum Muslimin mengangkat senjata ikut dalam pemberontakan jihad itu, termasuk Syeikh Arsyad Thawil. Beliau termasuk salah seorang pemimpin mereka. Jihad terhadap golongan kafir itu dipersetujui oleh Syeikh Nawawi al-Bantani di Mekah dan beberapa orang ulama lainnya. Namun Sayid Utsman Betawi tidak merestuinnya, kerana beliau mempunyai pandangan siasah yang tersendiri pula. Kaum Muslimin berhasil membunuh ramai golongan kafir, pihak kolonial Belanda mengerahkan segala kekuatannya untuk mematahkan perang jihad itu, kemudian pihak kolonial Belanda berhasil menangkap pemimpin-pemimpin Islam Banten termasuklah Syeikh Arsyad Thawil sendiri lalu mereka dibuang ke Manado (Sulawesi Utara). Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani berkali-kali mencuba untuk kembali ke Mekah atau ke negerinya Banten namun tidak berhasil. Berbagai-bagai bencana dan cubaan menimpa Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani pada masa pembuangan itu, di antaranya salah seorang anak beliau yang menjadi Syeikh Haji di Mekah meninggal dunia (tahun 1328 Hijrah/1910 Masihi).

Mengajar dan wafat

Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani selain pernah terlibat dalam jihad yang terjadi di Banten itu, akhirnya beliau ditangkap oleh Belanda dan dibuang ke Manado, Sulawesi Utara. Di negeri pembuangannya Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani aktif mengajar masyarakat di Manado. Beliau mengajar dalam bidang ilmu-ilmu keislaman. Di antara ilmu-ilmu yang pernah dicurakkannya kepada murid-muridnya ialah: fikah, nahu, saraf, tasawuf, hadis dan lain-lain. Ramai alim-ulama dunia Melayu yang bersanad ilmu (musalsal) mulai daripada Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani hingga ke atas. Mereka ialah: al-'Allamah as-Sayid Ahmad bin Husein bin Salim Ba Jindan al-'Alawi dan anaknya yang terkenal sebagai Musannid Indonesia, iaitu as-Sayid Salim bin Ahmad bin Husein Ba Jindan. Selain itu ialah al-'Allamah as-Sayid `Alawi bin Abdur Rahman bin Semit. Daripada sanad ini pula akan menurunkan Syeikh Muhammad Yasin bin Muhammad `Isa al-Fadani (Padang) al-Makki.

Syeikh Arsyad Thawil al-Bantani dirahmati dengan umur yang panjang, wafat di Manado (Sulawesi Utara), pada malam Isnin, 14 Zulhijjah 1353 Hijrah/19 Mac 1935 Masihi, dalam usia 98 tahun. Yang menjadi imam sembahyang jenazahnya ialah al-Habib Hasan bin Abdur Rahman Maula Khailah al-'Alawi.

Generasi penerus

Ulama Banten yang kedua ialah al-'Allamah Tubagus Bakri bin Tubagus Sid bin Tubagus Arsyad al-Syafi'ie al-Bantani al-Jawi. Lahir sekitar tahun 1268 Hijrah/1851 Masihi, di daerah Peleret, Porwokerto, Jawa Barat. Sejak kecil dipelihara oleh Raden Raji Ghanim. Sejak berumur enam tahun diberi pelajaran membaca al-Quran dan tajwid. Dalam masa itu pula beliau telah mulai menghafal matan-matan: fikah, tauhid dan mengenal lughat Arabiyah. Dalam masa pertumbuhan umur menjelang baligh beliau mulai memasuki pondok-pesantren, berpindah-pindah dari satu pondok-pesantren ke satu pondok-pesantren yang lain. Beliau belajar dengan cara demikian hingga sampai umurnya 40 tahun. Di antara ulama yang berada di Jawa yang beliau pernah belajar kepadanya ialah: Syeikh Khalil al-Bankalani al-Manduri (Madura), Kiyai Hasan Mustafa Sukabumi, dan Syeikh Saleh as-Samarani (Semarang), iaitulah ulama yang digelar dengan Imam al-Ghazali as-Tsani (Imam Ghazali Kedua) sebagaimana Syeikh Nawawi al-Bantani digelar dengan Imam Nawawi as-Tsani. Sungguh pun sudah demikian banyak ilmu pengetahuan yang diterima daripada ulama-ulama di Jawa dan Madura yang cukup terkenal itu, namun Tubagus Bakri sentiasa terus menerus haus dan laparkan ilmu pengetahuan, sentiasa ingin menambahnya. Oleh itu beliau berangkat ke Mekah dan tinggal di sana dalam masa yang agak lama. Selama di Mekah belajar lagi kepada beberapa orang ulama yang terkenal dan ulama-ulama itu ada yang berumur lebih muda daripada beliau, mereka ialah: Syeikh Muhammad Mukhtar bin Atharid al-Bughri (Bogor, lahir 1278 Hijrah/1861 Masihi), Sayid Abdul Hamid Kudus (lahir 1280 Hijrah/1863 Masihi), Syeikh Mahfuz at-Tarmasi (lahir Muhammad Mahfuzh bin Abdullah at-Tarmasi/ Termas (lahir 1285 Hijrah/1868 Masihi) Syeikh Abdul Haq al-Bantani (cucu Syeikh Nawawi al-Bantani), Syeikh Ahmad al-Fathani (lahir 1272 Hijrah/1856 Masihi), Mufti Syafi'iyah Mekah Syeikh Umar bin Abi Bakar Ba Junaid, Mufti Hanafiyah Mekah Syeikh Shalih bin Shiddiq Kamal al-Hanafi, Syeikh Shalih bin Muhammad Ba Fadhal al-Hadhrami, dan ramai lagi. Daripada ulama-ulama tersebut diterima ijazah dan riwayat-riwayat baik yang bercorak falsafah, pemikiran dan lain-lain, lebih-lebih lagi yang dibangsakan kepada dalil-dalil al-Quran, hadis, ijma' ulama dan qias yang sahih.

Perkhidmatan sebagai ulama

Setelah demikian lama tinggal di Mekah, ilmu dan pengalaman dirasakan cukup memadai, ditambah lagi umurnya yang sudah agak lanjut, maka Tubagus Bakri pulang ke negerinya. Kemudian menetap di Kampung Sempura. Pada mulanya beliau hanya membina sebuah rumah kecil sebagai tempat tinggalnya, sungguh pun demikian beberapa orang datang belajar kepadanya. Dalam masa yang agak lama sesudah itu rumahnya penuh sesak dikunjungi pelajar yang datang daripada pelbagai jurusan, maka beliau berhasil mendirikan pondok-pesantren. Di pondok-pesantren itu Tubagus Bakri mengutamakan ilmu-ilmu Arabiyah, tafsir, hadis, fikah dan ilmu-ilmu asas yang lain. Pelajaran diberikan tanpa berhenti siang dan malam. Setiap hari, siang dan malam perjalanan hidup beliau hanyalah mengajar dan beribadat.

Apabila bukan waktu mengajar beliau terus melakukan peribadatan. Secara spontan apabila berhenti pada jam pelajaran beliau langsung masuk ke tempat peribadatannya. Hampir-hampir tidak diketahui bila waktu beliau tidur. Salah satu kebiasaan peribadinya bahawa setiap malam Selasa awal setiap bulan Arabiyah beliau menghidupkannya dengan memberikan limpahan ilmu kepada murid-muridnya mulai awal malam hingga terbit fajar. Kemudian sesudah Subuh disambung lagi hingga waktu Dhuha. Bererti semalam-malaman itu beliau dan murid-muridnya yang khusus memang tidak tidur. Pada malam itu diajarkan tujuh kitab yang besar-besar pada persekitaran ilmu-ilmu: tafsir, hadis, fikah, nahu, saraf, akidah dan tasawuf. Pada malam tersebut hampir semua ulama-ulama terkenal di Jawa Barat datang mengambil barakah daripada beliau.

Mengasihani

Salah satu akhlak mulia yang ada pada peribadi Tubagus Bakri al-Bantani ialah bahawa beliau sangat mengasihi zuriat Rasulullah s.a.w. serta sangat hormat kepada mereka. Tradisi demikian kemungkinan merupakan fitrah semulajadinya atau pun memang dipusakai daripada datuk-neneknya dan ada kemungkinan bahawa beliau sendiri termasuk keturunan Syarif Hidayatullah @ Sunan Gunung Jati yang riwayat datuk-nenek mereka diperkenalkan dalam buku saya Tabaqat Ulama Asia Tenggara, jilid 1. Tubagus Bakri al-Bantani wafat pada malam Isnin, 27 Zulkaedah 1395 Hijrah/30 November 1975 Masihi, dalam usia 128 tahun di Kampung Sampura, Jawa Barat.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Tuanku Kisa-i al-Minankabawi lahirkan tokoh besar Hamka

Tuanku Kisa-i al-Minankabawi lahirkan tokoh besar Hamka

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

NAMA lengkap Tuan Kisa-i ialah Syeikh Muhammad Amrullah Tuanku Abdullah Saleh. Beliau inilah yang melahirkan dua orang tokoh besar di dunia Melayu. Yang seorang ialah anak beliau sendiri, Dr. Syeikh Haji Abdul Karim Amrullah. Dan yang seorang lagi ialah cucu beliau, Syeikh Abdul Malik Karim Amrullah. Cucunya sangat terkenal walaupun tanpa melalui pendidikan tinggi formal dan diberi gelaran Professor Doctor (Prof. Dr.). Cucunya itu lebih dikenali sebagai Prof. Dr. Hamka atau nama mesra yang dipanggil orang, Buya Hamka.

Saya sempat bertemu Buya Hamka pada Februari 1971 di rumahnya di Kemayoran Baru, Jakarta. Selain hampir semua karangan beliau sempat dibaca, saya juga berpeluang mendengar ucapan lisan beliau secara berdepan.

Apabila kita menyelusuri karakter ketiga-tiga mereka, bermula dengan perjuangan datuk (Tuan Kisa-i), ayah (Syeikh Haji Abdul Karim Amrullah) dan cucu (Buya Hamka) secara global dalam penyebaran Islam, kita akan menemui persamaan.

Walau bagaimanapun, pegangan dalam pemahaman dan langkah-langkah perjuangan mereka terdapat perbezaan-perbezaan yang begitu ketara. Tuan Kisa-i tetap mengamal Thariqat Naqsyabandiyah, istiqamah mengikut Mazhab Syafie. Pemahaman Islam Tuan Kisa-i sama dengan pegangan Kaum Tua, tetapi pada zaman beliau istilah Kaum Tua dan Kaum Muda belum tersebar luas.

Anak beliau, Syeikh Haji Abdul Karim Amrullah, adalah seorang pelopor dan termasuk tokoh besar dalam perjuangan ڤڤڤڤKaum Mudaڤڤڤڤ. Syeikh Haji Abdul Karim Amrullah menolak amalan Thariqat Naqsyabandiyah, sekali gus menolak ikatan ڤڤڤڤtaqlidڤڤڤڤ, tetapi lebih cenderung kepada pemikiran Syeikh Muhammad Abduh.

Buya Hamka sukar dinilai orang, kerana dalam beberapa tulisan kadang-kadang mengecam Kaum Tua, kadang-kadang membenarkannya. Demikian halnya dengan Kaum Muda. Bahkan dalam penilaian tasawuf,

Buya Hamka adalah bersifat sederhana. Buya Hamka sebagai seorang ilmuwan perlu ditempatkan pada tempat baik dan bijak, namun tidak dapat dinafikan ada golongan Kaum Tua menyetujuinya di tengah-tengah ramai ulama yang mengecam beliau. Demikian halnya pihak Kaum Muda lebih ramai yang menyetujuinya terutama setiakawan dalam satu organisasi Muhammadiyah. Sungguhpun demikian, pihak Kaum Muda ada juga yang tidak bersetuju dengan jalan pemikiran Buya Hamka.

Asal usul

Artikel ini tidak memfokuskan kepada Dr. Syeikh Haji Abdul Karim Amrullah dan Buya Hamka tetapi menjurus kepada kisah Tuan Kisa-i atau Syeikh Muhammad Amrullah yang lahir pada malam Khamis 6 Rejab 1256 H/4 September 1840 M. Beliau wafat pada 1327 H/1909 M. Sebagaimana telah disebut di atas, nama ayahnya ialah Tuanku Abdullah Saleh. Tuanku Abdullah Saleh digelar "Tuanku Syeikh Guguk Katur" dan digelar juga "Ungku Syeikh Tanjung". Beliau ialah seorang alim murid Abdullah Arif. Abdullah Arif digelar juga dengan nama "Tuanku Pariaman" dan "Tuanku Nan Tuo di Koto Tuo, IV Koto".

Buya Hamka menulis, yang didengar daripada ayahnya, tentang Tuanku Abdullah Saleh: "Kata ayah saya: 'Engku Syeikh Suku Tanjung atau Tuanku Guguk Katur itu adalah seorang ulama yang sangat besar perhatiannya kepada Ilmu Tasawuf sehingga kitab Hikam Ibnu 'Athallah beliau hafal di luar kepala. Beliau pun seorang cerdas ahli adat, sehingga bukan saja urusan agama yang ditanyakan orang kepada beliau, bahkan juga urusan adat'. Tambah ayahku pula: 'Pelajaran Imam al-Ghazali tentang khalawat sangat termakan oleh beliau Tuanku Syeikh Guguk Katur atau Engku Suku Tanjung itu. Lantaran itu beliau lebih suka berkhalawat di suraunya

di Guguk Katur'." (Lihat Ayahku cetakan ketiga, Djajamurni, Jakarta, 1963, hlm. 46.)

Selanjutnya Buya Hamka menulis, "Kepada murid yang soleh inilah tertarik hati gurunya Tuanku Syeikh Pariaman, sehingga setelah anaknya Siti Saerah menjadi gadis remaja, beliau ambillah Tuanku Suku Tanjung itu menjadi menantu." (Lihat Ayahku, hlm. 46-47.)

Daripada petikan di atas dapat disimpulkan bahawa kedua-dua belah pihak, sama ada daripada pihak ibu mahupun daripada pihak ayah, Syeikh Muhammad Amrullah adalah ulama dan tokoh yang terkenal dalam masyarakat. Datuk beliau, atau ayah ibunya, Abdullah Arif atau "Tuanku Pariaman" atau "Tuanku Nan Tuo di Koto Tuo, IV Koto" adalah salah seorang yang menyebarkan Islam di beberapa tempat di Minangkabau dan merupakan pahlawan yang gigih melawan Belanda dalam Perang Paderi yang dipimpin oleh Tuanku Imam Bonjol.

Hendaklah diperhatikan bahawa Abdullah Arif yang disebut di sini bukan Syeikh Abdullah Arif pengarang kitab Bahr al-Lahut, penyebar Islam di Aceh pada abad ke-12 dan 13 M. Belum diketahui apakah Abdullah Arif (datuk Syeikh Muhammad Amrullah) keturunan Syeikh Abdullah Arif (di Aceh). Yang dapat dipastikan nama itu serupa bagi mengambil sempena daripada nama Syeikh Abdullah Arif (di Aceh). Ibu Muhammad Amrullah bernama Siti Saerah yang merupakan anak kepada Abdullah Arif, ulama dan pahlawan yang terkenal itu.

Hanya sampai pada Abdullah Arif (daripada pihak sebelah ibu) datuk Syeikh Muhammad Amrullah saja yang dapat diketahui. Daripada sebelah pihak laki-laki pula hanya diketahui nama ayahnya, iaitu Tuanku Abdullah Saleh. Nama lebih atas daripada yang tersebut belum diketahui. Sungguhpun demikian sudah cukup diketahui bahawa kedua-dua ayah dan ibunya itu memang ulama dan tokoh yang cukup besar pengaruh pada zamannya.

Pendidikan

Mendapat pendidikan awal daripada datuk atau nenek sendiri secara tradisi di Minangkabau, Buya Hamka menulis, "Setelah cucunya itu berusia 14 tahun, setelah khatam mengaji al-Quran dengan ayahnya, Tuanku Syeikh Pariaman memesankan supaya cucunya itu dihantarkan ke Koto Tuo, kerana beliau sendiri yang hendak mengajarnya ilmu-ilmu agama. Bersama saudara sepupunya Tuanku Sutan, Muhammad Amrullah belajar Nahwu, Sharaf, Manthiq, Ma'ani, Tafsir dan Fiqh kepada neneknya." (Lihat Ayahku, hlm. 42.)

Yang disebut oleh Buya Hamka dalam tulisan beliau hanya enam jenis mata pelajaran yang dipelajari daripada datuknya Syeikh Muhammad Amrullah. Saya tidak pasti apa sebab ada dua mata pelajaran yang mesti diajar dalam metod tradisional

dunia Melayu dan dunia Islam lainnya pada zaman itu yang tidak disentuh oleh Buya Hamka.

Kedua-dua mata pelajaran yang saya maksudkan itu ialah "Ilmu Akidah" dan "Ilmu Tasawuf". Saya tidak yakin Syeikh Muhammad Amrullah tidak menguasai kedua-dua ilmu yang tersebut kerana pada zaman itu kedua-dua ilmu tersebut merupakan perkara Fardu Ain. Selain itu oleh kerana Syeikh Muhammad Amrullah adalah termasuk salah seorang pengamal Thariqat Naqsyabandiyah, setiap pengamal thariqat mestilah faham ilmu tasawuf dalam erti kata yang syumul. Kerana thariqat adalah bahagian kecil daripada tasawuf.

Apakah kedua-dua mata pelajaran itu memang kurang mendapat perhatian di Minangkabau ataupun datuk beliau Syeikh Muhammad Amrullah telah mempelajari kedua-dua itu daripada ayahnya Tuanku Abdullah Saleh? Tuanku Abdullah Saleh diakui oleh Buya Hamka sendiri dan ayahnya Syeikh Abdul Karim Amrullah tentang beliau hafal kitab Hikam Ibnu 'Athailah dan suka berkhawatir mengikut anjuran Imam al-Ghazali. Perlu saya tambah bahawa "khalawat" di sini bukan pendapat Imam al-Ghazali, tetapi ulasan lanjut Imam al-Ghazali daripada sabda Nabi Muhammad s. a. w. .

Mengenai guru-gurunya di Mekah, Buya Hamka menulis, "Beliau berguru kepada Sayid Zaini Dahlan, ulama Mekah yang terkenal, dan berguru juga kepada Syeikh Muhammad Hasbullah dan beberapa ulama yang lain. Beliau juga belajar dengan Syeikh Ahmad Khatib dan Syeikh Tahir Jalaluddin yang usianya lebih muda daripada beliau. Sayang sekali ayahku tidak memberikan catatan tahun berapa beliau ke Mekah yang pertama itu." (Lihat Ayahku, hlm. 49.)

Kedua-dua ulama bangsa Arab, Sayid Ahmad Zaini Dahlan dan Syeikh Muhammad Hasbullah, yang disebutkan oleh Buya Hamka di atas adalah guru bagi hampir semua ulama dunia Melayu. Selain Syeikh Ahmad Khatib Abdul Lathif al-Minangkabawi termasuk juga Syeikh Ahmad Muhammad Zain al-Fathani. Saya masih meragui tulisan Buya Hamka yang menyebut nama Syeikh Tahir Jalaluddin kerana dalam catatan Syeikh Tahir Jalaluddin beliau hanya menyebut berguru kepada Sayid Umar Syatha. Tentang Syeikh Tahir Jalaluddin belajar daripada Syeikh Ahmad Khatib memang ada banyak sumber.

Kedudukan Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai murid Syeikh Ahmad al-Fathani dapat diketahui daripada surat menyurat timbal balik antara Syeikh Ahmad al-Fathani (di Mekah) dengan Syeikh Tahir Jalaluddin (di Al-Azhar, Kaherah, Mesir). Baik Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi mahupun Syeikh Ahmad al-Fathani, kedua-duanya memang jauh lebih muda daripada Syeikh Muhammad Amrullah (Tuan Kisa-i).

Pada usia 26 tahun (1282 H/1864 M), Syeikh Muhammad Amrullah telah diberi ijazah dan tugas mengajar oleh datuknya, Abdullah Arif atau Tuanku Pariaman atau Tuanku Nan Tuo di kampungnya. Ilmu-ilmu yang diajarkan, menurut Buya Hamka, ialah Ilmu

Tafsir, Fiqh, Tasawuf, dan ilmu-ilmu alat, iaitu Nahwu, Sharaf, Manthiq, Ma'ani, Bayan, Badi`. (Lihat Ayahku, hlm. 48.)

Pandangan

Syeikh Muhammad Amrullah (Tuan Kisa-i) mengalami lapan kali perkahwinan, dan bilangan kesemua anak beliau ialah seramai 46 orang. Anak beliau adik-beradik seibu sebapa dengan Dr. Syeikh Abdul Karim Amrullah yang disebut oleh Buya Hamka dalam buku beliau, Ayahku, ada seramai tujuh orang. Adik-beradik daripada satu ayah disebut ada 10 orang.

Sungguhpun antara anak dan cucu beliau terdapat beberapa orang yang masyhur namanya, saya tinggalkan saja kerana sudah cukup diwakili oleh Dr. Syeikh Abdul Karim Amrullah (anak) dan Prof. Dr. Hamka (cucu) yang kemasyhurannya sangat diketahui ramai pada zamannya.

Kekeluargaan yang sedang dibicarakan ini bukanlah merupakan satu-satunya keluarga ulama dunia Melayu yang dapat mempertahankan beberapa generasi menjadi ulama, tetapi turut berlaku dalam keluarga Syeikh Daud Abdullah al-Fathani, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dan lain-lain. Bahawa sangat berbahagia dunia dan akhirat bagi seseorang ulama yang berhasil mendidik anak, cucu, dan keturunannya menjadi ulama pula.

Saya berpendapat walaupun Syeikh Muhammad Amrullah, ayahnya Tuanku Abdullah Saleh dan datuknya (ayah kepada ibunya) Syeikh Abdullah Arif berpegang mengikut aliran Kaum Tua, sedangkan anak beliau Dr. Syeikh Abdul Karim Amrullah dan cucunya Prof. Dr. Hamka dikatakan orang sebagai pelopor Kaum Muda atau di pihak yang lain dikatakan pembawa fahaman Wahabi, namun mereka adalah jauh lebih baik jika dibandingkan anak atau cucu ulama yang tidak berjuang untuk kepentingan Islam.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Imam Ya'qub al Kalantani - Penyebar Islam di Brunei dan Sabah

Imam Ya'qub al Kalantani - Penyebar Islam di Brunei dan Sabah

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Dalam ruangan ini pula penulis perkenalkan seorang lagi ulama perantau Kelantan yang menyebarkan Islam di beberapa tempat dan berakhir perantauannya di Brunei Darussalam dan Sabah. Beliau yang dimaksudkan ialah Imam Haji Ya'qub bin Haji Ali bin Haji Abdullah al-Kalantani.

Beliau lahir di Kampung Chetok, Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1257 Hijrah/1841 Masihi, dan meninggal dunia di rumahnya, di Bukit Dia Sako', Jesselton, Sabah pada hari Rabu, 16 Muharam 1360 Hijrah/12 Februari 1941 Masihi dalam usia 103 tahun menurut tahun hijrah.

Beliau merupakan ulama yang muncul agak kemudian sedikit dengan beberapa orang ulama Kelantan yang terkenal, mereka ialah Syeikh Abdul Muthallib bin Isa al-Kalantani (di Mekah), Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan (di Mekah), Tuan Tabal (di Kota Bharu, Kelantan) dan ramai lagi. Bererti Haji Ya'qub adalah peringkat guru kepada Tok Kenali, ulama Nusantara yang sangat terkenal. Adik beradik Haji Ya'qub ada empat orang; Abdul Aziz, Haji Ya'qub, Muhammad Saleh dan Zulaikha.

PENDIDIKAN

Dipercayai mulai ayahnya Haji Ali, datuknya Haji Abdullah hingga beberapa lapis ke atas adalah ulama yang mewakili zamannya. Oleh itu pendidikan ke-Islaman dan bekalan hidup untuk kepentingan duniawi telah diterima dari lingkungan rumah tangga dan kalangan keluarga sendiri. Pendidikan yang mendalam yang membolehkan beliau diakui sebagai seorang ulama besar adalah di Mekah.

Antara ulama berbangsa Arab yang menjadi guru-gurunya ialah: Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Utsman Dimyathi, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki dan ramai lagi. Antara ulama yang berasal dari dunia Melayu pula ialah Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani dan Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar as-Sambasi. Selain itu, yang lain belum dapat dikesan.

Menurut riwayatnya, walaupun Syeikh Ahmad al-Fathani jauh lebih muda daripada Haji Ya'qub al-Kalantani, namun dalam beberapa ilmu tertentu Haji Ya'qub belajar daripada ulama yang berasal dari Patani itu. Bahkan Haji Ya'qub juga mengajarkan kitab karangan Syeikh Ahmad al-Fathani, antaranya ialah Faridatul Faraid mengenai akidah, Tashil Nail al-Amani mengenai nahu.

PERANTAUANNYA

Sekembalinya dari Mekah, Haji Ya'qub mengembara ke beberapa negeri dalam Semenanjung, antaranya ialah Selangor, Melaka dan Kedah. Barangkali di Kedah beliau tinggal agak lama dari tempat-tempat lainnya kerana beliau pernah mengajar Kerabat Diraja dalam istana Sultan Kedah.

Haji Ya'qub selanjutnya pindah ke Brunei Darussalam. Di sana beliau mendapat kedudukan yang layak kerana beliau adalah seorang ulama, ramai yang mempelajari pengetahuan Islam daripada beliau. Walau pun Haji Ya'qub telah beristeri dan memperoleh enam orang anak di Kampung Muara, Brunei, hal itu tiada menghalang beliau untuk merantau lagi. Perantauan dilanjutkan dan kemudian Haji Ya'qub

pindah ke Putatan, Sabah pada 16 Syawal 1335 Hijrah/4 Ogos 1917 Masihi. Sedangkan keluarganya masih tinggal di Brunei.

Di Putatan, Sabah, Haji Ya'qub dilantik menjadi Imam Masjid Putatan dan beberapa tahun kemudian beliau dilantik pula menjadi Imam di Jesselton. Bererti di kedua-dua masjid itu beliau memegang peranan yang paling penting, selain bertugas sebagai imam sekali gus beliau mengajar masyarakat di beberapa tempat. Maka terkenallah namanya sebagai seorang ulama di seluruh pesisir pantai Sabah atau kawasan-kawasan penduduk Sabah yang beragama Islam lainnya.

PENGAJARAN MELALUI KITAB

Oleh sebab Haji Ya'qub adalah seorang ulama besar yang berpengalaman dalam bidang dakwah dan pendidikan sistem pondok, sistem yang pernah diikutinya di Kelantan dan sekitarnya mahu pun di Mekah, maka sistem yang paling berkesan adalah dengan jalan murid-murid menadah kitab. Ertinya guru membaca kitab, sedangkan murid menyemak kitab yang sedang mereka pelajari. Murid-murid diberi kesempatan membaca kitab di hadapan guru, jika salah maka guru menegur dan membetulkannya.

Dipercayai Haji Ya'qub telah menyebarkan sistem demikian di tempat-tempat beliau mengajar sama ada di Brunei mahu pun di Sabah. Untuk masyarakat yang tidak mempunyai persiapan memahami kitab-kitab bahasa Arab, Haji Ya'qub hanya mengajar kitab-kitab bahasa Melayu terutama kitab-kitab karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Dengan demikian kitab-kitab Melayu/Jawi sangat sehati dalam kehidupan masyarakat Islam Brunei Darussalam dan Sabah seperti kawasan-kawasan kediaman orang-orang Melayu di tempat-tempat lain juga.

KETURUNAN

Sewaktu Haji Ya'qub tinggal di Kampung Muara, Brunei Darussalam, beliau berkahwin dengan Dayang Fatimah binti Awang Tarip. Hasil perkahwinan itu beliau memperoleh enam orang anak; Dayang Zauyah, Dayang Badariah, Muhammad Syarbaini, Muhammad Ali, Muhammad Seruji dan Haji Suhaili.

Awang Sahari Abdul Latif dalam satu artikel yang dimuat dalam ``Islam Di Sarawak dan Sabah'' menulis bahawa, Dayang Zauyah berkahwin dengan Ma'asom Juragan Ahmad yang tinggal di Bintulu, Sarawak. Anak kedua, Dayang Badariah berkahwin dengan Awang Abdul Latif Awang Mohd. Taha, Kerani Kastam di Brunei Darussalam.

Sewaktu Haji Ya'qub pindah dari Muara, Brunei ke Putatan, Sabah, kedua-dua anaknya yang disebutkan tadi tidak ikut serta kerana mengikut suami mereka. Nampaknya yang meneruskan perjuangan Haji Ya'qub sebagai ulama pendakwah dan pendidik masyarakat Islam ialah anaknya yang bongsu, iaitu Haji Muhammad Suhaili. Beliau dilahirkan di Kampung Sungai Biawak, Muara, Brunei Darussalam

pada tahun 1336 Hijrah/1918 Masihi dan meninggal dunia di Kuala Belait pada 14 Jamadilawal 1405 Hijrah/4 Februari 1985 Masihi.

Anak Haji Ya'qub yang bongsu, Haji Muhammad Suhaili, berkahwin dua kali. Perkahwinan yang pertama pada tahun 1933 dengan Siti Zalekha binti Majinggang. Melalui isteri pertamanya ini Haji Muhammad Suhaili memperoleh lapan orang anak. Setelah isteri pertamanya meninggal dunia, beliau berkahwin pada tahun 1954 dengan Dayang Salmah binti Pehin Dana Laila Radin Mas Hanafi di Brunei. Dengan isteri keduanya ini, Haji Muhammad Suhaili memperoleh tiga orang anak. Daripada maklumat yang tersebut ini dapat diketahui bahawa Haji Ya'qub mempunyai ramai keturunan mulai dari Sarawak, Brunei Darussalam hinggalah ke Sabah.

GENERASI PENERUS

Sudah lumrah pada zaman itu bahawa seseorang yang dicalonkan menjadi ulama penerus mestilah mampu membaca kitab turas Islam dari peringkat yang paling rendah hingga peringkat yang paling tinggi. Oleh itu Haji Ya'qub telah memberi pendidikan yang cukup kepada anaknya Haji Muhammad Suhaili kerana menurut firasat, anaknya itu berbakat sebagai pengganti beliau.

Dipercayai Haji Ya'qub telah mendidik Muhammad Suhaili menurut tradisi pengajian kitab-kitab yang beliau pernah belajar daripada guru-gurunya, sama ada di pondok pengajian di Kelantan mahu pun di Mekah. Kitab-kitab turas Islam dalam bahasa Melayu yang mesti diajarkan dalam bidang akidah ialah Faridatul Faraid oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, `Aqidatun Najin oleh Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathani dan Ad-Durruts Tsamin oleh Syeikh Daud bin `Abdullah al-Fathani dan lain-lain.

Bidang fikah ialah Mathla'ul Badrain oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fathani, Mun-yatul Mushalli oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, Sabilul Muhtadin oleh Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dan lain-lain. Bidang tasawuf ialah Hidayatus Salikin dan Siyarus Salikin, kedua-duanya oleh Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, Minhajul Abidin terjemahan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan lain-lain.

Oleh sebab sama ada Haji Ya'qub sendiri mahu pun anak beliau Haji Muhammad Suhaili kedua-duanya adalah sebagai `Imam', bererti kedua-duanya ahli dalam bidang ilmu tajwid. Antara kitab tajwid dalam bahasa Melayu yang dianggap sebagai turas ialah Al-Mawahibul Makkiyah oleh Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani dan Mauriduz Zhamaan oleh Syeikh Abdullah bin Qasim as-Sanquri (Senggora).

Selain keempat-empat bidang ilmu yang tersebut, juga diajarkan kitab-kitab dalam bahasa Arab menurut jenjang atau kurikulum yang telah umum diketahui oleh ulama dunia Melayu pada zaman itu. Dipercayai Haji Muhammad Suhaili telah khatam

banyak kitab dan pelbagai ilmu selain yang tersebut itu daripada ayahnya sendiri, Haji Ya'qub, ulama besar gigih yang berasal dari Kelantan itu.

Ismail Mat (sekarang Dr.) dalam satu artikel yang dimuat dalam Ulama Silam Dalam Kenangan, menulis bahawa Haji Muhammad Suhaili di Sabah dikenali sebagai 'Imam Suhaili', manakala di Brunei dikenali dengan 'Qadhi Suhaili'. Menurut Ismail Mat pula bahawa Imam Haji Suhaili sempat menghasilkan dua buah karangan, iaitu Risalatut Tauhid, diselesaikan pada hari Rabu 27 Muharam 1378 Hijrah, di Kuala Belait, Brunei Darussalam. Dan yang sebuah lagi ialah Risalatus Shalah. Menurut Ismail Mat pula, risalah kedua ini telah disemak oleh dua orang ulama Mekah, iaitu Syeikh Abdur Rahim bin Idris al-Kalantani dan Syeikh Hasan Sa'id al-Yamani pada tahun 1381 Hijrah/1961 Masihi, sewaktu Imam Suhaili menunaikan haji pada tahun tersebut.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Muhammad Saleh Al Minankabawi Syeikhul Islam Perak Darul Redzuan

Syeikh Muhammad Saleh Al Minankabawi Syeikhul Islam Perak Darul Redzuan

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Syeikh Muhammad Saleh dilahirkan di Kampung Tungkar, Luak Tanah Datar, Minangkabau, Sumatera Barat. Muridnya bernama Muhammad Saleh Mandahiling, penulis buku biografinya yang menyebut bahawa Syeikh Muhammad Saleh lahir kira-kira pada tahun 1266 Hijrah. Penulis masih meragui tahun andaian itu, kerana beberapa fakta bertentangan dengan jalan sejarah yang ada hubungan dengannya. Syeikh Muhammad Saleh meninggal dunia pada 17 Zulkaedah 1351 Hijrah/12 Mac 1933 Masihi di Kuala Lumpur.

Dalam buku muridnya itu diceritakan bahawa Syeikh Muhammad Saleh bersahabat dengan Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau (lahir 1276 Hijrah), Syeikh Mukhtar Jawa/Bogor (lahir 1278 Hijrah) dan Syeikh Nawawi Bantan (1230 Hijrah). Berdasarkan perbandingan tahun kelahiran ulama-ulama yang tersebut dengan kelahiran Syeikh Muhammad Saleh (1266 Hijrah) itu, penulis berkesimpulan bahawa Syeikh Muhammad Saleh bukan sahabat Syeikh Nawawi Bantan tetapi beliau adalah muridnya. Kelahirannya yang diandaikan tahun 1266 Hijrah itu masih perlu dikaji semula, sekurang-kurangnya agak berdekatan dengan tahun kelahiran Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau (1276 Hijrah) dan Syeikh Mukhtar Jawa/Bogor (1278 Hijrah) itu.

PENDIDIKAN

Syeikh Muhammad Saleh berangkat ke Mekah sejak berumur 6 tahun mendapat pendidikan daripada orang tuanya, Syeikh Muhammad Thaiyib @ Syeikh Abdullah, seorang Syeikh haji di Mekah. Beliau sempat belajar kepada ulama-ulama besar Mekah yang terkenal, iaitu Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Abu Bakar Syatha, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, Syeikh Abdul Hamid asy-Syarwani, Saiyid Umar Ba Junaid, Saiyid Muhammad Said Babshail dan Saiyid Abdullah Zawawi.

Dalam buku biografinya tidak disebut seorang pun gurunya yang berasal dari dunia Melayu secara jelas, tetapi memperhatikan jalan ceritanya, Syeikh Muhammad Saleh juga belajar kepada ulama-ulama dunia Melayu yang terkenal di Mekah pada zaman itu. Diceritakan dalam buku itu bahawa sewaktu Syeikh Muhammad Saleh akan memperdalam ilmu falak bersama beberapa orang kawannya. Kawan-kawannya hanya belajar empat kali saja kerana guru tersebut terlalu keras. Nama guru falak yang diceritakan dalam buku itu tidak dinyatakan. Syeikh Muhammad Saleh sempat khatam belajar kepada guru yang keras itu. Demi lebih memperoleh kefahaman, beliau belajar pula kepada seorang pemuda yang berusia 16 tahun, juga tidak disebut namanya.

Daripada cerita di atas penulis berpendapat kemungkinan yang dimaksudkan guru falak yang terlalu keras itu ialah Syeikh Ahmad al-Fathani. Sedangkan pemuda ahli falak yang berusia 16 tahun itu, ialah Syeikh Muhammad Nur al-Fathani.

PENGEMBARAAN DAN AKTIVITI

Setelah belajar selama 17 tahun di Mekah, Syeikh Muhammad Saleh pulang ke Minangkabau. Selama kira-kira empat tahun di Minangkabau, digunakan untuk mengembara ke segenap pelosok wilayah itu, dan pada waktu-waktu tertentu membantu gurunya, Syeikh Muhammad Jamil mengajar. Pengembaraan di Minangkabau dimanfaatkannya pula berdakwah dan mengajar melalui pembacaan kitab, sama ada kitab bahasa Arab mahu pun bahasa Melayu.

Sewaktu berada di Minangkabau selama empat tahun itu, Syeikh Muhammad Saleh berkesempatan pula belajar ilmu persilatan dan beberapa jenis ilmu hikmat untuk pertahanan diri yang diperlukan pada zaman itu. Diceritakan bahawa dalam ilmu persilatan, beliau telah mencapai martabat seorang pendekar. Dalam ilmu perubatan beliau berkemampuan pula mengubati berjenis-jenis penyakit.

Syeikh Muhammad Saleh berangkat lagi ke Mekah kerana masih dirasakan kekurangan ilmunya dalam bidang-bidang tertentu, seperti ilmu falakiyah, ilmu manthiq, ilmu tafsir dan lain-lain. Setelah beberapa tahun belajar dan mengajar di Mekah, sahabat dan muridnya, Engku Kudin, putera Raja Deli-Serdang mengajak beliau menyebarkan Islam di kerajaan di Sumatera Timur itu. Selesai menunaikan haji tahun 1309 Hijrah/1892 Masihi, Syeikh Muhammad Saleh bersama jemaah haji menaiki kapal dari Jeddah ke Pulau Pinang.

Selanjutnya Syeikh Muhammad Saleh mengembara di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, mulai Pulau Pinang, Perak, Selangor, Pahang, Terengganu dan Johor. Di mana saja beliau pergi, beliau terus mendapat sambutan bukan hanya rakyat jelata tetapi juga para sultan setiap kerajaan yang tersebut itu.

Daripada pergaulan dengan sultan-sultan Melayu, Syeikh Muhammad Saleh berkesimpulan bahawa Sultan Abdur Rahman Mu'azzam Syah, Sultan Riau-Lingga adalah sultan yang paling garang. Beliau mementingkan keindahan pakaian dan perhiasan serta menyukai kelazatan makanan dan minuman. Sultan Abu Bakar, Sultan Johor, adalah sultan yang cerdik, mengasihi rakyat dan mengutamakan kepentingan kerajaannya. Sultan Zainal Abidin III, Sultan Terengganu, adalah sultan yang sangat alim pengetahuan Islamnya dan sangat bertakwa kepada Allah.

HAKIM DI KERAJAAN RIAU-LINGGA

Sebelum Syeikh Muhammad Saleh menjadi Syeikh al-Islam Perak, beliau pernah memegang jawatan Hakim di kerajaan Riau-Lingga. Pelantikan beliau sebagai Hakim Riau-Lingga adalah atas kehendak Yam Tuan Muda Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi.

Sebab-sebab Syeikh Muhammad Saleh diminta oleh Yam Tuan Muda Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi menjadi Hakim Riau-Lingga adalah untuk menjaga kewibawaan putera baginda, Sultan Abdur Rahman Mu'azzam Syah, Sultan Riau-Lingga ketika itu. Yam Tuan Muda Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi dalam beberapa tahun merasa gelisah kerana beberapa perkara di mahkamah banyak yang tidak dapat diselesaikan. Ada yang tertangguh sekurang-kurangnya tiga tahun. Syeikh Muhammad Saleh dapat menyelesaikannya, beliau adalah seorang ulama yang bijaksana, amanah. Semuanya dapat beliau selesaikan.

Syeikh Muhammad Saleh terpaksa berpindah dari Riau, Pulau Penyengat ke Pulau Lingga untuk menjalankan tugasnya sebagai Hakim. Sewaktu Syeikh Muhammad Saleh memegang jawatan Hakim Riau-Lingga itulah salah seorang Kerabat Diraja Kerajaan Perak bernama Engku Raja Mahmud atau digelar dengan Imam Paduka Tuan Perak mengenalinya.

Engku Raja Mahmud mengkagumi kebijaksanaan Syeikh Muhammad Saleh dalam menyelesaikan pelbagai isu, apatah lagi ulama yang berasal dari Minangkabau itu dapat menggabungkan pengetahuan yang bercorak duniawi dan ukhrawi. Dengan bermacam-macam cara Engku Raja Mahmud memujuk ulama itu supaya berkhidmat di negerinya di Perak Darul Redzuan.

MENJADI SYEIKH AL-ISLAM

Engku Raja Mahmud akhirnya berhasil mengajak Syeikh Muhammad Saleh berpindah ke Perak setelah dua tahun beliau bertugas sebagai Hakim di Riau-Lingga. Manakala

Engku Raja Mahmud kembali ke Perak, beliau dilantik menjadi Kadi Besar Kerajaan Perak.

Syeikh Muhammad Saleh mulai mengajar pelbagai kitab-kitab Islam terutama kitab-kitab Melayu/Jawi di Kuala Kangsar pada tahun 1318 Hijrah/1900 Masihi. Sejak awal kedatangannya di Kuala Kangsar, beliau telah mendapat restu daripada Sultan Idris, Sultan Perak Darul Redzuan ketika itu.

Selain mengajar kitab untuk pengajian orang tua-tua, Syeikh Muhammad Saleh juga berhasil mendirikan Madrasah Ihsaniyah yang menurut sistem pendidikan persekolahan di Teluk Anson.

Cita-cita Sultan Perak untuk melantik seorang Syeikh al-Islam bermula tahun 1922 Masihi, namun secara rasminya Syeikh Muhammad Saleh al-Minankabawi memegang jabatan itu pada 6 Jamadilakhir 1343 Hijrah/1 Januari 1925 Masihi.

KARYA-KARYA

1. Mawa'izhul Badi'ah, diselesaikan pada 24 Muharam 1335 Hijrah. Dicitak Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 1344 Hijrah. Kandungannya merupakan nasihat dan akhlak yang diringkaskan daripada Mawa'izhul Badi'ah karya Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri.
2. Kasyful Asrar, diselesaikan pada hari Selasa, 27 Safar 1344 Hijrah. Cetakan yang pertama hingga cetakan yang ke 29 oleh Maktabah wa Mathba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura. Kandungannya membicarakan tentang tasawuf haqiqat atau tasawuf falsafi. Karya ini pernah ditahqiq oleh Syeikh Haji Muhammad Wali al-Khalidi dengan judul Tanwirul Anwar fi Izhhari Khalal ma fi Kasyfil Asrar, diterbitkan oleh Al-Maktabatut Taufiqiyah, JalanPerdagangan No. 4 Atas, Banda Aceh. Kasyful Asrar juga pernah diubahsuai ke dalam bahasa Indonesia dengan judul Menyingkap Rahsia Agama Dan Tasawuf, diterbitkan oleh Yayasan Dakwah Islam, Surabaya.
3. Jalan Kematian, diselesaikan 14 Jamadilakhir 1344 Hijrah. Dicitak pada bahagian akhir Kasyfur Asrar oleh Maktabah wa Mathba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura.
4. Nashihatul Muftadi, tanpa tarikh. Cetakan yang pertama Maktabah wa Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 1346 Hijrah/1927 Masihi. Kandungannya merupakan berbagai-bagai nasihat ke arah keteguhan pegangan dalam beragama Islam dan iman.

MURID-MURID

Murid beliau sangat ramai di seluruh Semenanjung, di antaranya termasuk Sultan Iskandar Syah, Sultan Perak. Yang pernah menulis riwayat hidup beliau ialah murid yang lama bergaul dengannya, beliau ialah Muhammad Saleh Mandahiling, Tapanuli. Buku tersebut diberi judul Izalatul Hairan fi Qshshah Syaikhil Islam

Darir Ridhwan, judul bahasa Melayu ialah Menghilangkan Kehairanan Pada Menyatakan Cerita Syeikhul Islam Perak Darul Redzuan.

[waqaf.net](http://www.waqaf.net) >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Utsman Senik - Mufti Pahang selama 20 tahun

Utsman Senik - Mufti Pahang selama 20 tahun

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Nama lengkapnya ialah Tuan Guru Haji Utsman bin Haji Senik bin Haji Ibrahim bin Haji Salim. Dirwayatkan bahawa beliau adalah keturunan Bugis. Tetapi jika diperhatikan nama ayahnya Haji Senik, menurut lazimnya nama Senik digunakan oleh masyarakat di Patani dan tidak pernah digunakan oleh orang Bugis. Namun, dengan pasti dapat diketahui bahawa Haji Senik mahupun ayahnya Haji Ibrahim meninggal dunia di Kampung Gaung Pendik, Kelantan. Sedangkan yang bernama Haji Salim pula meninggal dunia di Singapura. Tahun kelahiran Haji Utsman belum diketahui dengan pasti. Beliau meninggal dunia di Kampung Ketapang, Pahang pada 12 Ramadan 1336 Hijrah/21 Jun 1918 Masihi)

PENDIDIKAN

Utsman dipercayai mendapat pendidikan awalnya di Kelantan, terutama daripada ayahnya atau datuknya. Pendidikan tentang keIslaman secara mendalam dilanjutkan ke Pondok Bendang Daya, Patani daripada Syeikh Abdul Qadir (Tok Bendang Daya II) bin Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani. Selain itu beliau mempelajari ilmu Arabiyah seumpama nahwu, sharaf dan lain-lain, asas tauhid, fikah dan tasawuf. Beliau juga mempelajari ilmu hikmat yang dibangsakan kepada Imam al-Buni seperti tersebut dalam Syamsul Ma'arif al-Kubra, Mujarrabat dan lain-lain.

Dipercayai bahawa Utsman belajar langsung kepada Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani, pengasas Pondok Bendang Daya, dan beliau pula adalah seorang hulubalang Patani yang sangat handal. Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani adalah sahabat Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Kedua-duanya bersama Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani ikut dalam satu peperangan besar ketika Kedah dan Patani melawan Siam.

Ilmu hikmat tersebut sangat berguna untuk menghadapi cabaran zamannya, kerana pada zaman itu orang ramai masih menghandalkan kekuatan fizikal berupa pencak silat untuk menghadapi pergaduhan. Permusuhan seringkali terjadi bukan sahaja terhadap sesama manusia tetapi juga dengan haiwan seumpama harimau, ular besar, buaya dan sebagainya.

Ilmu hikmat itulah yang telah dipergunakan oleh Tuan Guru Haji Utsman Pahang sewaktu beliau membuka hutan membuat perkampungan. Kampung yang dibuka itulah yang dikenali dengan nama Kampung Ketapang yang terletak di Pekan, Pahang. Menurut ceritanya, ketika membuka hutan tersebut binatang buas memang tunduk kepada beliau.

Seiring dengan mempelajari ilmu hikmat, Utsman juga mendalami ilmu perubatan tradisional. Beliau pandai membuat berbagai-bagai jenis makjun. Semua ilmu tersebut diperoleh daripada Tok Bendang Daya II al-Fathani tersebut. Setelah itu beliau melanjutkan pelajarannya ke Mekah dan belajar kepada Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani, guru thala'ah kitabnya di bawah bimbingan Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani dan Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman al-Kalantani. Sungguhpun Syeikh Ahmad al-Fathani jauh lebih muda daripadanya, Utsman mendalami nahwu dengan menggunakan kitab Tashil Nailil Amani kepada pengarangnya, iaitu ulama Patani tersebut. Kitab Tashil Nailil Amani itulah yang beliau ajar hinggalah beliau menjadi Mufti di Pahang.

AKTIVITI DI PAHANG

Dari Mekah Utsman langsung menuju ke Pulau Tawar, Pahang. Sewaktu di Pulau Tawar beliau tidak memperlihatkan dirinya sebagai seorang ulama kerana beliau bergaul dengan orang-orang kebanyakan. Pada peringkat awal dakwahnya, beliau hanya memperlihatkan kebolehan dalam bidang ilmu hikmat. Pada suatu ketika Utsman pernah mengeluarkan sebuah kapal yang telah karam. Pada kesempatan lain beliau pernah didatangi buaya ganas yang telah memakan manusia sehingga buaya tersebut dapat dibunuhnya. Pada kali yang lain pula beliau pernah menangkap harimau buas yang selalu mengancam ketenteraman manusia dan binatang ternakan.

Melihat hal-hal pelik yang menyalahi adat itulah, maka Mat Kilau sejak kecil diserahkan oleh kedua-dua orang tuanya kepada Tuan Guru Haji Utsman untuk diajar berbagai-bagai ilmu fardu ain. Umur Mat Kilau sama dengan anak sulungnya, Haji Juned.

Setelah masyarakat mengetahui bahawa Utsman adalah seorang ulama, maka ramai yang berminat untuk menuntut ilmu kepada beliau. Sehingga Sultan Pahang ketika itu, Sultan Ahmad berkenan melantik beliau sebagai Mufti Kerajaan Pahang Darul Makmur. Sekali gus beliau menjadi orang terkemuka di Kerajaan Pahang, mengajar kaum keluarga Diraja Pahang di istana, selain mengajar orang awam. Beliau menjadi Mufti Pahang selama 20 tahun hingga meninggal dunia dalam tahun 1918 Masihi.

Diriwayatkan bahawa Utsman menjadi mufti selama itu dalam tiga pemerintahan Sultan Pahang iaitu Sultan Ahmad, Sultan Mahmud dan Sultan Abdullah. Selain sebagai mufti, Utsman juga mengasaskan pengajian pondok. Lokasi pondok pengajian, surau dan rumah Utsman terletak di Kampung Ketapang Tengah. Setelah

Utsman meninggal dunia pada tahun 1918 Masihi dalam usia hampir 100 tahun, pondok tersebut diteruskan oleh dua orang anaknya.

Perlu juga dicatat bahawa pondok yang diasaskan oleh Utsman di Kampung Ketapang Tengah, Pekan Pahang tersebut adalah pondok pengajian menurut sistem pondok cara Patani yang pertama sekali dalam Kerajaan Pahang Darul Makmur. Pada tahun 1922 Masihi, pondok tersebut berubah sistem menjadi pengajian madrasah. Setelah berbentuk madrasah, bantuan pembiayaan diterima daripada seorang saudagar Arab bernama Habib Hasan al-Attas dan madrasah tersebut dinamakan Madrasatul `Arabiyah Islamiyah Al-Attas. Pada tahun 1966 Masihi, pondok pengajian bekas peninggalan Mufti Haji Utsman itu dijadikan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Pahang. Guru Besarnya yang pertama ialah Ustaz Abdul Qadir Kamaluddin, cucu beliau.

Sewaktu Utsman menjadi Mufti Pahang, beliau bergerak cergas membawa ulama-ulama terkenal dari luar dengan tujuan menambah semangat anak tempatan mempelajari agama Islam. Antara ulama besar terkenal yang pernah dijemput datang ke Pahang ialah gurunya Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani. Menurut riwayatnya, ulama tersebut datang ke Terengganu pada tahun 1912 Masihi atas permintaan muridnya, Sultan Zainal Abidin III, Sultan Terengganu. Kedatangan beliau ke Terengganu itu dimanfaatkan oleh semua kerajaan di Semenanjung termasuk Pahang atas kehendak Mufti dan Sultan Pahang sendiri.

Utsman sangat mengasihi gurunya dan bersikap tawaduk kepadanya sehingga beliau mengerahkan murid-muridnya menandu dan mengayuh sampan ketika menjemput dan menghantar pulang Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani itu. Ketika itu perjalanan masih banyak menggunakan perjalanan darat dengan berjalan kaki dan mengharung sungai. Syeikh Nik Mat Kecil al-Fathani berada di Pekan Pahang kira-kira sebulan sahaja, namun dalam waktu singkat itu telah dipergunakan oleh Utsman untuk mempelajari ilmu tafsir al-Quran bagi dirinya sendiri. Sedangkan ilmu-ilmu fardu ain lainnya beliau bukakan kepada masyarakat untuk bertanya langsung kepada ulama besar dunia Melayu yang datang dari Mekah itu.

MURID-MURIDNYA

Adapun murid-murid Utsman yang menjadi tokoh terkenal antaranya ialah:

1. Tuan Guru Haji Daud, ketika hidupnya banyak mengajar masyarakat. Beliau berasal dari Patani dan ayah kepada ibu Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia yang kedua).
2. Haji Mat Daud bin Zainal Abidin. Beliau pernah menjadi Qadi Besar Pahang.
3. Lebai Yusof pernah menjadi Qadi Kuantan.
4. Haji Abu Bakar (Datuk Seri Penggawa) bin Haji Abdul Halim (Imam Perang Indera Mahkota).

5. Mat Kilau, Pahlawan Melayu yang terkenal sangat memusuhi penjajah Inggeris.

Dengan mengetahui bahawa Haji Utsman bin Haji Senik, Mufti Pahang ini adalah guru kepada sebahagian besar para tokoh di Pahang termasuk Mat Kilau, ia dapat menambah pengetahuan kita betapa hebatnya peranan ulama silam dalam membina umat di negara ini. ia juga menambah maklumat sejarah, terutama mengenai Mat Kilau yang selama ini kebanyakan para penulis tidak menyebut peranan guru dan ayah angkatnya, iaitu Utsman bin Haji Senik, Mufti Pahang yang sangat berpengaruh dalam lingkungan masyarakat Pahang.

PENULISAN

Utsman bin Haji Senik tidak banyak menghasilkan karangan, yang diketahui hanya dua buah, iaitu: 1. Majliatul Mushalli yang pernah dicetak dengan huruf batu di Singapura. Penulis hanya diperlihatkan oleh Ustaz Haji Abdul Qadir bin Kamaluddin, beberapa lembaran sahaja kerana halaman yang beliau miliki ternyata banyak yang hilang.

2. Kitab Perubatan. Kitab perubatan secara tradisional susunan beliau ini tidak dijumpai lagi. Namun sebagai kesan peninggalan beliau, terkenal suatu makjun yang dinamakan Makjun Telor. Beberapa orang anak cucu beliau masih mengusahakan pembuatan makjun tersebut.

KETURUNAN

Utsman bin Haji Senik berkahwin dua kali. Perkahwinan pertamanya dengan Syarifah berasal dari Kelantan. Perkahwinan ini dianugerahkan beberapa orang anak; 1. Haji Juned. Beliau adalah sahabat Mat Kilau ketika kecilnya. 2. Haji Jamaluddin (meninggal dunia di Mekah) dan 3. Haji Kamaluddin.

Haji Juned pula memperoleh beberapa orang anak. Antaranya, yang menjadi tokoh masyarakat ialah: Abdul Basit, menjadi guru Kulliyatul Lughah wad Din Sultan Abu Bakar (sekarang Sekolah Tinggi Agama), Dr. Su'udi yang ketika hidupnya menjadi Pensyarah Bahagian Syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Haji Kamaluddin pula memperoleh anak bernama Ustaz Haji Abdul Qadir, bekas guru Kulliyatul Lughah wad Din Sultan Abu Bakar. Beliau pula pernah bertugas sebagai Pemeriksa Hal Ehwal Agama Pahang.

Utsman bin Haji Senik berkahwin kali kedua dengan seorang wanita berasal dari Pahang bernama Naubah, iaitu anak saudara kepada isteri Khatib Rasu atau Imam Perang Indera Gajah. Perkahwinan keduanya ini bererti menjalin tali persaudaraan antara keluarga pembesar Pahang dengan ulama.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Raja Muhammad Sa'id - Cendekiawan Istana Riau

Raja Muhammad Sa'id - Cendekiawan Istana Riau

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

RAJA Muhammad Sa'id bin Raja Muhammad Tahir bin Tengku Abdullah, Yang Dipertuan Muda Riau ke IX. Datuk neneknya sebelah lelaki adalah Upu Daeng Celak yang berasal dari Luwuk, negeri Bugis, Sulawesi. Datuk nenek sebelah perempuan berasal daripada kaum Diraja Riau. Sama ada dari pihak sebelah ayah mahu pun dari pihak sebelah ibu, beliau adalah golongan elit dan intelektual Islam dalam pemerintahan Kerajaan Riau-Lingga. Ayahnya Raja Muhammad Tahir seorang ulama besar ahli falak dan menjadi Hakim Riau-Lingga.

Datuknya, Tengku Abdullah, kedudukannya adalah seorang Yang Dipertuan Muda Riau-Lingga IX, sedang dalam bidang kerohanian adalah seorang ulama, Mursyid Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah yang dilantik oleh gurunya, Syeikh Ismail bin Abdullah al-Khalidi al-Minankabawi. Ayah saudaranya pula, abang pada ayahnya, iaitu Raja Muhammad Tengku Nong, juga seorang ulama, ahli ekonomi dan pernah menjadi Kelana (calon Yang Dipertuan Muda). Anak Raja Muhammad Tengku Nong, iaitu Raja Ali Tengku Selat, adalah saudara sepupu Raja Haji Muhammad Sa'id. Raja Ali Tengku Selat tersebut yang pernah digelar ``Gembala Perniagaan Melayu``.

Raja Muhammad Sa'id bin Raja Muhammad Tahir dan saudara perempuannya Tengku Badariah binti Raja Muhammad Tahir, kedua-duanya adalah intelektual Riau-Lingga zamannya, kedua-duanya cucu Marhum Mursyid al-Khalidi yang menghasilkan penulisan ilmu. Dalam artikel ini hanya memfokuskan Raja Muhammad Sa'id saja, sedang adiknya Tengku Badariah akan dibicarakan dalam artikel tersendiri. Tahun lahir Raja Muhammad Sa'id belum diketahui, mengenai wafatnya dicatat oleh Ja'afar bin Abu Bakar Lingga, bahawa Raja Muhammad Sa'id wafat di Singapura, pada hari Selasa, 11 Safar 1338 H/4 November 1919 M.

Pendidikan

Pendidikan asasnya mula-mula diperolehnya di lingkungan alim ulama Riau sendiri, sebahagian besar termasuk dalam lingkungan kerabat Diraja. Pengetahuan yang paling banyak dipelajarinya daripada orang tuanya sendiri, Raja Muhammad Tahir, terutama ilmu falakiyah, ilmu hisab dan ilmu-ilmu Arabiyah. Dia juga menerima bai'ah Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah daripada orang tuanya itu. Setelah ilmu yang dipelajari daripada ayahnya cukup banyak, dia melanjutkan pelajarannya

ke Mekah. Di Mekah dia bergaul rapat dengan dua orang anak Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau, iaitu Syeikh Muhammad Nur dan Syeikh Azhari. Di Mekah dia belajar kepada ramai guru, di antara mereka ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Syeikh Ahmad al-Fathani mengirinya belajar ke Mesir bersama murid-murid beliau yang lain. Syeikh Ahmad al-Fathani memberikan kepercayaan kepada muridnya, Syeikh Tahir Jalaluddin Minangkabau sebagai mengetuai pelajar-pelajar putera Diraja Riau-Lingga di Mesir.

Selain mendapat pendidikan pelbagai bidang ilmu, Raja Muhammad Sa'id mendapat pendidikan khusus dalam disiplin ilmu falak. Memandangkan perkembangan semasa, akhir-akhir ini telah diadakan berkali-kali seminar tentang ilmu falak, sebagai contoh pada tarikh 1 Syaaban 1426 H/5 September 2005 M, Jabatan Mufti Pulau Pinang, Unit Penyelidikan Ilmu Falak & Sains Atmosfera, USM dan Pusat Islam USM menganjurkan Seminar Ilmu Falak Sheikh Tahir Jalaluddin dan Sheikh Abdullah Fahim: Perintis Ilmu Falak Moden. Oleh itu pada pandangan saya, Raja Muhammad Sa'id dan ayahnya Raja Muhammad Tahir, yang telah muncul mendahului dalam penyebaran ilmu falak daripada Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syeikh Abdullah Fahim, perlu mendapat liputan media dan kajian para cerdik pandai ilmu falak Nusantara.

Penglibatan falak

Di bawah ini petikan dan tambahan daripada kandungan kertas kerja yang saya bentang dalam seminar yang tersebut di atas untuk lebih luas pengenalan sejarah penyebaran ilmu falak di dunia Melayu. Aliran ilmu falak di Riau bermula daripada Syeikh Abdur Rahman al-Mashri Betawi (Jakarta), turun kepada Raja Ali Haji, turun kepada beberapa orang intelektual Riau, Johor dan Singapura.

Raja Ali Haji di antaranya turun kepada Raja Muhammad Tengku Nong bin Marhum Mursyid, turun kepada adiknya, Raja Muhammad Tahir bin Marhum Mursyid, turun kepada anaknya Raja Muhammad Sa'id. Selain melalui sanad ulama Betawi, kedua-duanya juga bersanad kepada ulama Mekah, di antaranya Syeikh Ahmad al-Fathani. Naik ke atas kepada Saiyid Abu Bakri Syatha, naik kepada Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan, dan seterusnya hingga ke atas.

Raja Muhammad Sa'id telah menyalin dan memperbaharui tulisan ilmu falak ayahnya, lalu dalam tahun 1335 H/1917 M beliau menyebarkan pengetahuan falak tersebut dalam Natijah yang diterbitkan oleh Mathba'ah al-Usrah, 2-5 Palembang Road Singapura. Hasil hisab dua beranak itu, untuk persamaan tarikh, hari, bulan dan tahun 1339 H/1920-1921 M disebarkan pula oleh anak saudaranya Raja Ali Tengku Selat (Ketua Syarikat AI-Ahmadiyah) bin Raja Muhammad Tengku Nong dalam Natijah yang diterbitkan oleh Mathba'ah AI-Ahmadiyah, 50 Minto Road Singapura, 1339 H/1920-1921 M. Natijah untuk persamaan tarikh, hari, bulan dan tahun 1341 H/1922-1923 M.

Kerana eratnya hubungan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Minankabawi dengan kedua-dua ulama Riau di atas, selanjutnya barulah diperkenalkan hisab dan falak Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Minankabawi yang diterbitkan oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road Singapura, 1341 H/1922-1923 M. Pengenalan tersebut diusahakan oleh Raja Umar (Mudir Mathba'ah Al-Ahmadiyah), bin Raja Hasan Riau. Raja Umar adalah saudara Raja Muhammad Tahir atau saudara sepupu pada Raja Muhammad Sa'id. Kerana ibu Raja Umar, iaitu Raja Maimunah binti Tengku Abdullah Yang Dipertuan Muda Riau-Lingga IX adalah adik beradik Raja Muhammad Tahir. Ayah Raja Umar, iaitu Raja Hasan adalah anak Raja Ali Haji.

Natijah untuk persamaan tarikh, hari, bulan dan tahun 1343 H/ 1924- 1925 M diperkenalkan hisab dan falak Syeikh Thahir Jalaluddin al-Minankabawi sekali lagi diterbitkan oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura, 1343 H/1924-1925 M. Pengenalan tersebut diusahakan oleh Raja Muhammad `Arif/Engku Cik bin Raja Mahmud Riau, iaitu dalam lingkungan keluarga dekat tokoh-tokoh Riau yang telah disebutkan. Raja Muhammad `Arif/ Engku Cik adalah murid Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi dalam bidang ilmu falak.

Mulai Raja Muhammad `Arif/ Engku Cik, maka terjadi perubahan silsilah/sanad ilmu hisab-falak Kerabat Diraja Riau. Silsilah/sanad pertama melalui Raja Ali Haji yang belajar ilmu hisab-falak kepada Syeikh `Abdur Rahman al-Mashri di Betawi dan sewaktu ke Mekah tahun 1243 H menerima sanad berbagai-bagai ilmu termasuk ilmu hisab-falak kepada Syeikh Daud bin `Abdullah al-Fathani. Daripada Raja Ali Haji menurunkan beberapa orang tokoh hisabiyah-falakiyah kerajaan Riau yang diawali pendokumentasian oleh Raja Muhammad Tahir bin al-Marhum Mursyid. Selanjutnya Raja Muhammad Tahir bin al-Marhum Mursyid sewaktu ke Mekah tahun 1321 H/1903 M menerima sanad berbagai-bagai ilmu termasuk ilmu hisab-falak daripada Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani yang sebaya dengan beliau.

Putera beliau, iaitu Raja Muhammad Sa'id, dan Raja Umar bin Raja Hasan belajar asas ilmu hisab-falak kepada beliau dan memperdalam berbagai-bagai ilmu termasuk ilmu hisab-falak kepada Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Ada pun Raja Muhammad `Arif/Engku Cik belajar asas ilmu hisab-falak kepada ayah saudaranya Raja Ali bin Raja Muhammad Tengku Nong yang belajar kepada saudara sepunya Raja Muhammad Sa'id bin Raja Muhammad Tahir dan sempat pula belajar kepada ayah saudaranya, Raja Muhammad Tahir bin al-Marhum Mursyid.

Raja Muhammad `Arif/Engku Cik kemudian memperdalam ilmu itu kepada Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Minankabawi. Raja Ali bin Raja Muhammad Tengku Nong pula adalah sahabat ulama yang berasal dari Minangkabau itu. Dalam beberapa hal Raja Ali bin Raja Muhammad Tengku Nong selalu merujuk kepada Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi. Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi juga murid Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani tetapi lebih banyak belajar kepada Saiyid `Umar Syatha (saudara kandung Saiyid Abi Bakri Syatha) dan Syeikh Ahmad

Khatib bin `Abdul Lathif al-Minankabawi. Syeikh Ahmad Khathib bin `Abdul Lathif al-Minankabawi adalah saudara sepupu Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi.

Terakhir sekali Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi memasuki Al-Azhar di Mesir dan sempat belajar kepada Syeikh Muhammad Abduh. Dalam masa Raja Muhammad `Arif/Engku Cik sebagai manager/mudir Mathba'ah Al-Ahmadiyah Cawangan Singapura, hisab-falak Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi terus diperkenal dan disebarluaskan melalui natijahnya yang pada terbitan tahun 1346 H/1927-1928 M judul Natijah diganti dengan judul Natijah Al-Ahmadiyah.

Penulisan

Raja Muhammad Sa'id termasuk di antara ulama Riau yang banyak menghasilkan karangan, yang pernah diterbitkan adalah sebagai berikut:

1. Wa'izh li Nafsi wa li Ikhwani, diselesaikan 9 Safar 1316 H, hari Selasa di Riau, Pulau Penyengat Indera Sakti. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura.
2. Jalan Kesatuan atau Al-Irsyad ila Thariq at-Taallufi wa al-Ittihad, diselesaikan pada 25 Syawal 1325 H/1 Oktober 1907 M, hari Ahad di Riau Pulau Penyengat, Kampung Baru. Diterbitkan oleh Maktabah wa Mathba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura, 1345 H/1927 M atas usaha Raja Umar bin Raja Hasan Riau.
3. `Iqdul Jauhar fi Maulid an-Nabi al-Azhar, ditulis di Pulau Penyengat, Riau, pada malam Ahad, 11 Ramadan 1327 H/23 September 1909 M. Cetakan yang pertama Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan Singapura, 1327 H/1909 M. Kandungan mengenai sejarah kelahiran Nabi Muhammad s.a.w, merupakan terjemah daripada karya Saiyid Ja'afar al-Barzanji.
4. Syair Nazham Tajwid al-Quran, diselesaikan pada 26 Jamadilawal 1328 H/30 Mei 1910 M. Cetakan yang kedua Mathba'ah Al-Ahmadiyah, nombor 82 Jalan Sultan Singapura, 1346 H/1927 M. Kandungan mengenai ilmu tajwid yang ditulis dalam corak syair (puisi).
5. Panduan Kanak-Kanak, diselesaikan pada 4 Muharam 1335 H/31 Oktober 1916 malam Selasa. Diterbitkan oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah atas kehendak Ketuanya Raja `Ali bin Raja Muhammad Tengku Nong dan Raja Umar bin Raja Hasan.
6. Simpulan Islam, tidak disebut tahun selesai penulisan. Dicitak 1339 H/1921 M, oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura.
7. Naskhah Hisab, ditulis di Singapura, pada 1 September 1910 M. 8. Adabul Fata, dulu saya memiliki karya judul ini, namun ketika menyusun artikel ini naskhah tersebut hilang daripada simpanan.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Ulama Minangkabau – Kadi Kuala Lumpur yang pertama

Ulama Minangkabau – Kadi Kuala Lumpur yang pertama

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

ULAMA yang berasal dari Minangkabau ini adalah termasuk di antara orang yang pertama tinggal di Kuala Lumpur awal-awal Bandar Kuala Lumpur diterokai. Riwayat penting ini kemungkinan jadi kabur sekiranya kita tidak mendapat catatan salah seorang murid beliau yang bernama Haji Abdullah Hukum. Walaupun hanya sedikit sekali Haji Abdullah Hukum dalam Warta Ahad, 27 Oktober 1935, hlm. 7 dan 8 menyebut nama Haji Utsman bin Abdullah namun dapat dipanjangkan dengan pelbagai sumber yang lain. Kita tidak dapat menafikan peranan yang dimainkan oleh orang-orang Minangkabau di Malaysia, khususnya di Negeri Sembilan, selanjutnya termasuk juga Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur sebelum kemerdekaan Malaya 1957 adalah dalam Kerajaan Selangor, oleh itu ulama yang akan dibicarakan di bawah ini juga dimasukkan dalam senarai ulama-ulama yang berkhidmat di Kerajaan Selangor Darul Ehsan atau setelah merdeka bererti beliau adalah ulama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Beliau adalah Imam, Khatib dan Kadi Kuala Lumpur yang pertama. Haji Utsman bin Abdullah dilahirkan di Batu Sangkar, Minangkabau, Sumatera Barat tahun 1267 H/1850 M. Wafat di Kuala Lumpur, Rabiulawal 1337 H/Januari 1919 M. Dimakamkan di Perkuburan Islam Ampang, bersebelahan dengan saudaranya Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah al-Minangkabawi (nama orang tuanya ketika menjadi Syeikhul Islam Perak bernama Muhammad Thaiyib).

PENDIDIKAN

Pendidikan asas diperoleh di Batu Sangkar yang pada zaman itu sangat terkenal sebagai pusat penyebaran Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang dimulai oleh Syeikh Ismail bin Abdullah al-Khalidi, ulama besar Minangkabau yang sangat terkenal, yang kemungkinan termasuk ada hubungan dengan beliau. Pelajaran dilanjutkan di Mekah, di antara guru-gurunya di Mekah ialah: Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani, Syeikh Muhammad bin Ismail @ Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani, Syeikh Wan `Ali Kutan al-Kalantani, Syeikh Nawawi al-Bantani, dan ramai lagi.

Gurunya dari kalangan ulama-ulama yang bukan bangsa Melayu pula di antaranya ialah Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, Syeikh Abdul Hamid asy-Syarwani dan ramai lagi. Penghujung tahun 1884 M Haji Utsman bin Abdullah pulang ke Minangkabau. Memperhatikan kepulangannya ke Minangkabau penghujung tahun 1884 M bererti Haji Utsman bin `Abdullah sempat belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani sekitar dua tahun saja, kerana ulama

Patani itu mulai mengajar di Mekah sewaktu sesudah pulang dari Mesir tahun 1300 H/1882 M.

AKTIVITI DI KUALA LUMPUR

Catatan Haji Abdullah Hukum tentang Kuala Lumpur mula-mula diterokai sangat menarik juga, sebagai contoh bahawa hubungan dari Kelang ke Kuala Lumpur ketika itu masih menggunakan jalan sungai. Kalau musim kemarau bergalah menggunakan perahu dari Kelang ke Kuala Lumpur ditempuh antara 10 sampai 15 hari. Pada musim hujan, kerana air penuh, ditempuh hanya tiga hari saja. Menurut Haji Abdullah Hukum pula, bahawa jalan keluar masuk Kuala Lumpur ketika itu belum ada. Orang-orang keluar masuk ikut jalan perahu atau jalan jejak orang. Rumah-rumah kedai Kuala Lumpur atap daun. Dinding rumah pula dari tanah liat. Jambatan di Jawa Street diperbuat daripada buluh. Jambatan dekat pasar diperbuat daripada dua batang kayu. Ketika Kuala Lumpur mulai berkembang, masyarakat Minangkabau ramai berhijrah ke Kuala Lumpur. Akan kealiman Haji Utsman bin Abdullah mulai terserlah maka pada waktu itulah orang-orang Minangkabau sepakat mengajak beliau pindah ke Kuala Lumpur kerana ingin mendalami lagi ilmu-ilmu tentang Islam. Untuk jaminan hidupnya tinggal di Kuala Lumpur masyarakat telah menghibahkan untuk beliau sebidang tanah. Tanah itu ialah sepanjang pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Kelang iaitu tanah yang dimulai dari Masjid Jamik Kuala Lumpur sampai ke kawasan yang berhampiran bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sekarang.

Pengusaha

Haji Abdullah Hukum salah seorang murid Haji Utsman bin Abdullah dalam Warta Ahad, Oktober - November, 1935 mencatatkan bahawa Haji Utsman bin Abdullah yang diriwayatkan ini adalah mula-mula menjadi Imam dan kemudian menjadi Kadi Kuala Lumpur yang pertama. Beliau termasuk golongan orang kaya di Kuala Lumpur pada zaman itu.

Sungguhpun Haji Utsman bin Abdullah seorang ahli sufi, pengamal Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah dalam masa yang sama beliau juga tidak ketinggalan di tengah-tengah masyarakat yang bukan Islam di Kuala Lumpur pada zamannya, kekayaannya adalah setanding dengan orang-orang yang bukan Islam. Haji Abdullah Hukum murid beliau mencatatkan orang-orang kaya yang berasal dari Minangkabau yang sezaman dengan Haji Utsman bin Abdullah di Kuala Lumpur peringkat awal ialah Haji Abdus Samad, Haji Abdul Majid Panjang, Haji Abdus Samad Panjang, Haji Abdus Samad Kecil, Haji Muhammad Ali, Haji Utsman (Imam kemudian Kadi Kuala Lumpur), Haji Zainal Abidin, Hajah Fatimah, Haji Abdullah Panjang, Hasyim, Banginda Kaya Haji Arsyad dan Datuk Maharaja. Dari kalangan orang Mandailing pula ialah Sutan Puasa. Orang Kerinci ialah Haji Arsyad. Orang Melaka ialah Datuk Abdullah dan mentua Haji Abdullah Hukum. Orang Pulau Pinang ialah Che' Din, Encik Baki. Orang Aceh ialah Haji Saleh dan ada seorang orang Linggi. Dan orang Terengganu ialah Che' Soh.

Selain sebagai seorang Imam dan Khatib Kuala Lumpur, kadi, serta terlibat sebagai seorang pengusaha, beliau juga giat mengajar. Di antara muridnya ialah Sultan Abdus Shamad Selangor, Raja Mahmud, Sutan Puasa, Haji Abdullah Hukum, dan ramai lagi. Sutan Puasa yang tersebut diriwayatkan berasal dari Mandailing, Sumatera Timur, beliau adalah Ketua Melayu (Dato' Dagang) yang pertama di Kuala Lumpur

Berdasarkan catatan Haji Abdullah Hukum, bahawa masjid yang pertama di Kuala Lumpur ialah yang didirikan oleh ayah mentua beliau bernama Encik Baki. Masjid tersebut didirikan di Kampung Melaka (Batu Lane), dinamakan dengan ``Masjid Melaka'' selanjutnya dinamakan juga dengan ``Masjid Keling'' juga Masjid ``Chulia''. Masjid Melaka didirikan oleh pakatan orang-orang Melaka, tukangnyanya juga berasal dari Melaka. Oleh itu semua pegawai masjid tersebut adalah ditangani oleh orang-orang yang berasal dari Melaka. Selanjutnya mendirikan sebuah masjid baru yang terletak dekat gedung Gian Singh di Jawa Street.

Oleh sebab terdapat dua masjid yang berdekatan, iaitu Masjid Melaka dan Masjid Minangkabau, maka telah terjadi perselisihan sesama orang Melayu kerana masing-masing akan mendirikan sembahyang Jumaat dalam masjidnya. Menurut Mazhab Syafie bahawa tidak dibenarkan mendirikan sembahyang Jumaat yang berbilang-bilang dalam satu negeri kecuali apabila darurat. Sekiranya terjadi sembahyang Jumaat yang terdapat dua masjid atau lebih, maka yang sah sembahyangnya ialah di mana masjid yang lebih dulu takbiratul ihram, imam dalam masjid itu. Perselisihan sesama Islam dan sebangsa Melayu itu dapat di atasi secara bijaksana oleh Sultan Abdul Samad dengan cara supaya mendirikan sembahyang Jumaat secara bergiliran. Sekali Jumaat didirikan di Masjid Melaka, Jumaat yang berikutnya didirikan di Masjid Minangkabau, demikianlah seterusnya.

Peranan

Perselisihan sesama Islam dan sama-sama bangsa Melayu yang pernah terjadi ketika Kuala Lumpur mula-mula dibangun, serta peranan Sultan Abdul Samad seperti tersebut di atas patut dijadikan iktibar. Selain peranan Sultan Abdul Samad, yang termasuk salah seorang murid Haji Utsman bin Abdullah, dapat diambil kesimpulan bahawa tentu ada peranan yang dimainkan oleh Haji Utsman bin Abdullah sendiri. Nampaknya walaupun beliau berasal dari Minangkabau namun beliau tidak memihak kepada sesuatu pihak mana pun. Sebagai seorang ulama yang sekali gus seorang imam, khatib dan kadi ketika itu, beliau hanya terdiam, kemudian berfikir.

Buah fikirannya tidak disampaikan secara langsung kepada dua belah pihak yang sedang berselisih kerana kemungkinan pada pandangan beliau akan sia-sia belaka. Adalah langkah yang sangat bijak, buah fikirannya itu dipersembahkan kepada Sultan Abdul Samad. Demikianlah langkah yang kita perlukan pada semua penguasa (umara) dan ulama sepanjang zaman, sekiranya terjadi perselisihan sesama Islam

dan sebangsa Melayu atau serumpun Melayu hendaklah diselesaikan secara bijaksana dan dapat diterima oleh semua pihak yang berselisih. Hendaklah kita sedar bahawa menyelesaikan sesuatu masalah secara tidak adil, apatah lagi berpihak kepada yang salah, adalah ibarat api di dalam sekam, padam pada satu ketika dan akan membakar pada ketika yang lain. Saya berpandangan bahawa Islam wajib bersatu padu, dan demikian juga bangsa Melayu juga wajib bersatu walau di negara mana pun mereka berada.

KETURUNAN

Haji Utsman bin Abdullah al-Minankabawi memperoleh 7 orang anak iaitu;

1. Saodah binti Haji Utsman kahwin dengan Haji Abdur Rauf bin Syeikh Yusuf al-Minankabawi. Syeikh Yusuf al-Minankabawi adalah seorang ulama besar Minangkabau yang tinggal di Semenanjung. Salah seorang muridnya ialah Syeikh Abdul Wahhab Rokan yang sangat terkenal.
2. Haji Abdur Rahman bin Haji Utsman, salah seorang guru bahasa Melayu. Beliau mendapat pendidikan bahasa Melayu di Penyengat, Riau. Tahun 1903 menjadi Pengawas Sekolah-Sekolah Melayu di Singapura. Salah seorang muridnya ialah Tan Sri Mubin Sheppard. Haji Abdur Rahman bin Haji Utsman meninggal dunia pada 6 Februari 1975 M.
3. Haji Abdur Rahim bin Haji Utsman pengasas Majalah Guru. Beliau meninggal dunia pada 27 Ogos 1948 M.
4. Haji Abdul Jalil bin Haji Utsman, meninggal dunia tahun 1974 M.
5. Maimunah binti Haji Utsman, meninggal dunia tahun 1927 M.
6. Ahmad bin Haji Utsman, meninggal dunia tahun 1980 M.
7. Datuk Abu Bakar bin Haji Utsman, Datuk Syahbandar Sungai Ujong, Negeri Sembilan, meninggal dunia 24 Disember 1982 M.

Dari maklumat anak-anak beliau yang tersebut di atas dapat diambil kesimpulan bahawa ramai keturunan Haji Utsman bin Abdullah al-Minankabawi tersebar di pelbagai negeri. Saya berterima kasih kepada Syahril salah seorang keturunan Syeikh Muhammad Nur, Kadi Langkat, yang ada hubungan kekeluargaan dengan ulama ini kerana banyak memberikan maklumat dalam penulisan artikel ini.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Muhammad Sa'id Umar Kedah - Pengarang Tafsir Nur al-Ihsan

Muhammad Sa'id Umar Kedah - Pengarang Tafsir Nur al-Ihsan

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

JIKA kita teliti penulisan pelbagai ilmu pengetahuan Islam zaman klasik yang menggunakan tulisan Melayu/Jawi di dunia Melayu, maka penterjemahan dan pentafsiran al-Quran secara lengkap tiga puluh juzuk adalah termasuk dalam kategori yang paling sedikit dilakukan oleh ulama kita. Terjemahan dan tafsir al-Quran klasik yang lengkap tiga puluh juzuk yang tersebar menggunakan media cetak hanya dua buah saja, iaitu Turjuman al-Mustafid atau Tafsir Baidhawi Melayu oleh Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri (abad ke 16-17 M), dan yang sebuah lagi ialah Tafsir Nur al-Ihsan oleh Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar yang berasal dari Kedah.

Biografi ulama yang berasal dari Kedah ini belum pernah ditulis orang, oleh itu dalam artikel ini akan membicarakan tentang beliau terutama tentang dua buah karangannya; Fatawa al-Qadhi fi Ahkam an-Nikah dan Tafsir Nur al-Ihsan. Hendaklah diperhatikan bahawa pada zaman yang sama di Kedah terdapat dua orang yang bernama serupa, yang pertama ialah Muhammad Sa'id Yan, yang telah diperkenalkan dalam Ruangan Agama, Utusan Malaysia pada hari Isnin, 19 Julai 2004. Yang seorang lagi ialah ulama yang dibicarakan ini.

Tafsir

Dalam Fatawa al-Qadhi beliau menggunakan nama Muhammad Sa'id bin Umar Khathib. Dalam Tafsir Nur al-Ihsan pula beliau menggunakan nama lengkap dengan keterangannya iaitu Sa'id bin Umar al-Qadhi Baladan, asy-Syafi'ie Mazhaban, an-Naqsyabandi al-Ahmadi Thariqatan, al-Qadhi Syar'iyen. Nama lain yang diletakkan orang pada halaman depan Tafsir Nur al-Ihsan ialah Al-'Alim Al-Fadhil Al-Haji Muhammad Sa'id bin Umar Qadhi Jitra Kedah.

Yang dimaksudkan dengan al-Qadhi Baladan, ialah negeri asalnya ialah Kedah. Jawatan beliau pula ialah al-Qadhi Syar'iyen, maksudnya ialah sebagai Kadi Syar'ie di Jitra. Beliau mengaku pula asy-Syafi'ie Mazhaban, maksudnya bermazhabkan Mazhab Syafi'ie. Dengan jelas diakuinya pula an-Naqsyabandi al-Ahmadi Thariqatan, iaitu beramal dengan Thariqat Naqsyabandiyah Ahmadiyah. Thariqat Naqsyabandiyah aliran ini dinamakan Naqsyabandiyah Ahmadiyah Muzhharayah kerana berpegang dengan Mujaddidnya yang bernama Sayid Ahmad al-Muzhhar. Ada lagi yang dinamakan Naqsyabandiyah al-Khalidiyah kerana berpegang dengan Mujaddidnya yang bernama Syeikh Khalid al-Kurdi. Kedua-dua Thariqat Naqsyabandi yang tersebut diamalkan oleh ramai ulama di seluruh dunia termasuk ulama di dunia Melayu juga. Oleh itu tuduhan melulu yang mengatakan ``semua thariqat adalah sesat'' adalah tidak berasas sama sekali.

LAHIR DAN PENDIDIKAN

Ada riwayat yang menyebut bahawa Haji Muhammad Sa'id bin Umar lahir sekitar tahun 1270 H/1854 M di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah. Dan wafat pada tahun 1351 H/1932 M. Walau bagaimana pun penulis masih ragu dengan tahun kelahiran yang

diriwayatkan itu, kerana berdasarkan tulisan beliau sendiri pada penutup Tafsir Nur al-Ihsan, juzuk keempat, ada menyebut bahawa Syeikh Wan Sulaiman, Syeikh al-Islam Kedah, adalah guru beliau. Sedangkan Syeikh Wan Sulaiman, Syeikh al-Islam Kedah, yang lahir 1291 H/1874 M bererti lebih muda daripada Haji Muhammad Sa'id bin Umar sekitar 20 tahun.

Mengenai pendidikannya pula ada riwayat yang menyebut bahawa Haji Muhammad Sa'id bin Umar pernah belajar di Pondok Bendang Daya, Patani, sempat belajar kepada pengasasnya Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani (Tok Bendang Daya pertama), tetapi yang lebih banyak beliau belajar ialah kepada Syeikh Abdul Qadir bin Mustafa al-Fathani (Tok Bendang Daya ke-2). Memperhatikan riwayat ini berertilah Haji Muhammad Sa'id bin Umar seangkatan dengan Haji Ismail bin Mustafa al-Fathani atau lebih terkenal sebutan di Kedah dengan ``Cik Doi @ Cik Dol'', iaitu ayah kepada Tuan Guru Haji Husein Cik Doi, Tok Kelaba dan ramai lagi. Haji Muhammad Sa'id bin Umar juga melanjutkan pendidikannya di Mekah seperti ulama-ulama lainnya.

PENULISAN

Hanya dua judul karangan Haji Muhammad Sa'id bin Umar Kedah yang telah diketahui, judul yang pertama ialah Fatawal Qadhi fi Ahkam an-Nikah. Judul ini bermaksud Fatwa-Fatwa Kerajaan Kedah Tentang Hukum-Hukum Nikah Kahwin, diselesaikan di Negeri Kedah Darul Aman, hari Khamis, 25 Syaaban 1320 H (27 November 1902 M, pen:), kandungannya membicarakan pelbagai aspek tentang nikah kahwin.

Dinyatakan pada muqaddimah, ``Ada pun kemudian daripada itu, maka tatkala adalah tahun dua puluh, kemudian daripada seribu dan tiga ratus daripada Hijrah (1320 H, pen:) telah bertitah akan hamba oleh Sultan yang mu'azzam dan haqqan, yang mukarram, yang me[ng]hamburkan panji-panji keadilan atas segala rakyatnya, iaitu Maulana Sultan Abdul Hamid Halim Syah ibni al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukrim Syah, Yang Maha Mulia, yang khalifah ia pada melakukan hukum Tuhannya Yang Mannan pada Negeri Kedah Darul Aman.

Qahirah

Telah dikekal oleh Allah s.w.t. kiranya akan daulatnya yang qahirah. Dan [di]tinggikan kiranya akan martabatnya di dalam dunia dan akhirat. Dan dipelihara kiranya daripada segala seterusnya zahir dan batin. Dan dipalingkan kiranya daripadanya kejahatan tiap-tiap yang mempunyai hasad pada sekarang dan ke hadapan ...``. Pada akhir karangan dinyatakan, ``Maka telah selesailah barang yang dikashad oleh faqir ilallahil qarib Muhammad Sa'id bin Umar Khatib daripada mentaswidkan Fatawa Kedah pada menyatakan masalah nikah, dan talaq, dan raj'ah, dan diyat, dan hudud, dan qadha, atas jalan ikhtishar pada hari Khamis, dua puluh lima Syaaban di dalam negeri Kedah Darul Aman tahun seribu tiga ratus dua

puluh. Serta faqir hantar kepada Tuan Haji Ahmad Hakim bin Tuan Haji Muhammad Zain, dan Tuan Haji Idris bin Tuan Jamal, dan Tuan Haji Muhammad Amin bin Tuan Ismail, Anak Bukit, pintak ipa tashhihkan. Maka sudahlah ipa tashhih ... ``
Dicetak oleh Mathba' tempat cetak Kerajaan Kedah, Alor Setar, pada 7 Syaban 1348 H.

Tafsir Nur al-Ihsan merupakan terjemah dan tafsir al-Quran dalam bahasa Melayu yang lengkap tiga puluh juzuk, ia merupakan yang kedua sesudah Turjuman al-Mustafid atau Tafsir al-Baidhawi. Penulisan dilakukan mulai tahun 1344 H/1925/6 M dan selesai pada 1 Rabiulakhir 1346 H/27 September 1927 M. Terdiri daripada empat juzuk. Juzuk yang pertama, mulai surah al-Fatihah hingga surah al-Maidah. Tebal 296 halaman. Juzuk yang kedua, mulai surah al-An'am hingga surah al-Isra'. Tebal 429 halaman. Juzuk yang ketiga, mulai surah al-Kahfi hingga surah az-Zumar. Tebalnya 432 halaman.

Pada juzuk yang ketiga ini ada dinyatakan selesai menulis pada hari Isnin, 27 Zulhijjah 1345 H. Juzuk yang keempat, mulai surah al-Mu'min hingga surah an-Nas. Diselesaikan 1 Rabiulakhir 1346 H. Tebal 387 halaman.

Pada akhir Tafsir Nur al-Ihsan, Haji Muhammad Sa'id bin Umar menyatakan, ``Telah selesailah bi `aunillah wa husnit taufiq daripada mentaswid Tafsir Nur al-Ihsan ini oleh faqir ilallahi Subhanahu wa Ta'ala Sa'id bin Umar al-Qadhi baladan, asy-Syafi'ie Mazhaban, an-Naqsyabandi al-Ahmadi Thariqatan, al-Qadhi Syar'iyah, pada pagi hari Arba', sehari bulan Rabi'uts Tsani, tahun seribu tiga ratus empat puluh enam, zaman Hadhrat Maulana Al-Mu'azzam Sultan `Abdul Hamid Halim Syah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukrim Syah, Negeri Kedah Darul Aman, dan hadhra najal (anak laki-laki, pen:)nya Maulana Al-Mu'azzam Tunku Ibrahim Raihin Banghasa, dan hadhrat syaqiq (saudara laki-laki, pen:) nya Maulana Tunku Mahmud Wais Presiden. Ialah asbab pada menyuratnya, dengan isyarat Syeikhul Waqti wat Thariqah, Mursyidi wa Ustazi Syeikh Sulaiman, Syeikh al-Islam bi Qadhi Daril Aman.

Maka barang yang didapati berbetulan itu, maka itu daripada Allah kurnia-Nya. Dan yang khatha' (salah, pen:) atau silap qalam itu daripada hamba taqshirnya, diharap tolong perbetul kemudian daripada im'an an-nazhar. Mudah-mudahan dapat manfaat dan dapat ketahui kehendak Allah dalam al-Quran oleh ahli membaca daripada perempuan, dan kanak-kanak sekolah yang membawa jadi tauhid Allah yang melepas daripada kaum asyqiya' (orang-orang yang celaka, pen:) masuk kepada kaum su'ada' (orang-orang yang bahagia, pen:) yang dapat bahagia selama-lamanya ... ``
Dari kenyataan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa penterjemahan dan pentafsiran al-Quran yang dilakukan oleh Haji Muhammad Sa'id bin Umar ada kaitannya dengan pihak istana kerajaan Kedah Darul Aman ketika itu. Semua juzuk cetakan pertama Tafsir Nur al-Ihsan dicetak Mathba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah, Mesir 1349 H. Dinyatakan hak mencetak tertentu bagi Haji Muhammad

bin Haji Muhammad Saleh, guru agama Alor Setar, Kedah. Cetakan pertama dengan nafqah Haji Muhammad bin Muhammad Ali Rawa.

PERBANDINGAN

Untuk mengetahui gaya bahasa, terjemah dan tafsir al-Quran menurut Melayu klasik di sini penulis kemukakan contoh satu ayat dalam surah Muhammad, ayat 22 berdasarkan terjemah dua orang ulama, yang terdahulu dan dibandingkan dengan Tafsir Nur al-Ihsan. Syeikh Abdur Rauf al-Fansuri dalam Turjuman al-Mustafid, terjemahannya, ``Maka mudah-mudahan kamu, jika berpaling kamu daripada iman, bahawa binasa di dalam bumi, dan kembali kamu kepada pekerjaan jahiliah daripada derhaka dan membunuh, dan kamu putus daripada berkasih-kasih dengan segala kerabat kamu'' (ayat 22). Terjemah Syeikh Ahmad al-Fathani dalam Bisyarah al-'Amilin, ``Maka hampir kamu, jikalau berpaling kamu daripada iman, bahawa membinasa kamu di dalam bumi, dan memutus kamu akan segala rahim kamu.''

Terjemah

Kedua-dua contoh di atas lebih bercorak terjemah, sedang Haji Muhammad Sa'id Kedah dalam Tafsir Nur al-Ihsan, lebih bercorak tafsir, ialah ``Maka adakah barangkali kamu, jika kamu berpaling daripada iman atau perang itu, bahawa kamu berbuat fasid dalam bumi, dengan binasa tanaman dan bunuh anak-anak lembu, dan kamu putus rahim kamu, dengan balik pada kerjaan jahiliah daripada zalim dan bunuh orang''. Perkataan atau kalimat yang bercorak tafsir dalam Nur al-Ihsan ialah, ``atau perang itu'', ``dengan binasa tanaman dan bunuh anak-anak lembu'', ``dengan balik pada pekerjaan jahiliah daripada zalim dan bunuh orang''.

Ketiga-tiga ulama di atas dalam menterjemahkan perkataan ``in tawallaitum'', kepada bahasa Melayu adalah sama, ialah ``jika kamu berpaling daripada iman'', tetapi berbeza dengan kebanyakan terjemahan al-Quran sekarang, ialah ``jika kamu berkuasa''.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Ahmad Yunus Lingga - Pakar bahasa Melayu di Mekah

Syeikh Ahmad Yunus Lingga - Pakar bahasa Melayu di Mekah

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

HANYA seorang ulama berasal dari Kepulauan Riau yang mengajar di Masjidil Haram, Mekah yang diakui sebagai ulama besar. Ulama berasal dari Pulau-Lingga,

Kepulauan Riau ini pada mulanya dapat dikesan melalui sebuah karyanya berjudul Daqaiqul Akhbar.

Kitab Daqaiqul Akhbar merupakan sebuah kitab Melayu/Jawi yang tersebar luas di seluruh dunia Melayu. Hasil penyelidikan awal yang saya laksanakan dijumpai hanya beberapa buah karya beliau selain Daqaiqul Akhbar. Sekitar tahun 1970an, salah sebuah majalah yang diterbitkan di Jakarta mengupas kitab Daqaiqul Akhbar itu dengan agak panjang lebar tetapi mengatakan bahawa pengarangnya berasal dari Lanka atau Sri Lanka atau Ceylon.

Nampaknya penulis artikel dalam majalah itu tidak pernah tahu tentang Pulau Lingga. Padahal sejarah kerajaan-kerajaan Melayu cukup jelas meriwayatkan wujudnya sebuah kerajaan Melayu yang pernah berpusat di Lingga. Nama lengkap kerajaan itu ialah kerajaan Riau-Lingga-Johor dan Pahang dan sekalian daerah takluknya.

Pengasas kerajaan itu ialah Sultan Mahmud, yang makamnya masih ada sampai sekarang terletak di belakang Masjid Lingga. Selanjutnya di Lingga adalah tempat bersemayamnya Sultan, sedangkan di Pulau Penyengat tempat kedudukan Yamtuan Muda atau Yang Dipertuan Muda melaksanakan pentadbiran ulama yang diriwayatkan dalam artikel ini, yang kemuncak namanya di Mekah, berasal daripada bekas pusat kerajaan Melayu itu.

Tiada siapa tahu riwayat ulama yang berasal dari Lingga tersebut secara terperinci. Namun pada tahun 1979 di Mekah saya berjumpa dengan salah seorang murid ulama tersebut, iaitu Abdur Rahman bin Syeikh Yahya Raman al-Fathani dalam usia hampir 100 tahun; dia termasuk orang Melayu tertua Mekah yang masih hidup dalam tahun 1979 itu. Abdur Rahman bercerita tentang riwayat hidup Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga itu dengan jelas termasuk beberapa ulama dunia Melayu lainnya. Cerita yang bersumber daripada Abdur Rahman bin Syeikh Yahya Raman itu didokumentasikan seperti berikut: Nama lengkapnya ialah al-'Alim al-'Allamah asy-Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga. Asal usulnya dari Pulau Lingga di Kepulauan Riau.

Riwayat terkini setelah saya pergi ke Lingga ada yang meriwayatkan bahawa datuk nenek ulama yang diriwayatkan ini berasal dari Kelantan. Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga mempunyai dua orang adik bernama Abdul Hamid dan Ibrahim. Abdul Hamid adalah seorang ulama yang mempunyai dua orang anak, iaitu Ahmad dan Muhammad, manakala Ibrahim tidak mempunyai anak.

Yang berupa bahan bertulis pula hanya sedikit tentang Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga disentuh oleh Syeikh Muhammad Zainuddin bin Syeikh 'Utsman Sarawak dalam Nafahat ar-Ridhwan. Sungguh pun demikian sekurang-kurangnya dua maklumat yang cukup mengagungkan nama ulama yang berasal dari Pulau Lingga itu.

Keagungan pertama ditonjolkan bahawa Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga sebagai "Qus bahasa Melayu, iaitu satu istilah yang sangat terpendang di kalangan orang-orang Arab." Bukti keagungan ilmunya pula sehingga Syeikh 'Utsman Sarawak dan anaknya Syeikh Muhammad Zainuddin Sarawak, kedua-duanya adalah ulama besar bekas murid Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga. Sekiranya Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga bukan seorang ulama besar atau pengetahuannya sedikit atau dangkal, tidaklah ulama besar yang sangat terkenal seperti Syeikh 'Utsman Sarawak belajar kepadanya.

Seorang ulama besar yang berasal dari Muar, Johor, Qadhi Abu Bakar bin Hasan lebih banyak menulis catatan tentang Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga. Hampir semua kitab yang dipelajari dan dikhatamnya daripada Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga terdapat catatan tarikh mulai belajar dan tarikh selesai belajar. Di antara kitab hadis yang diajar oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga ialah kitab Sahih Bukhari dan kitab-kitab hadis selainnya yang dikenali dengan Kitab as-Sittah. Sekiranya tidak dijumpai catatan Abu Bakar bin Hasan Muar, akan hilanglah sejarah sebenar bahawa Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga adalah seorang ulama ahli dalam bidang ilmu hadis di Mekah pada zamannya. Abu Bakar bin Hasan Muar sendiri sempat mengkhatamkan kitab Shahih Bukhari daripada Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga.

PENDIDIKAN

Pada abad ke-19 Masihi, Kerajaan Riau-Lingga merupakan pusat tamadun Melayu dan Islam. Perkembangan budaya, bahasa dan sastera di Riau-Lingga tersebar ke serata ceruk dan rantau dunia Melayu. Ketokohan beberapa orang pengarang yang berasal dari sana, terutamanya Raja Ali begitu ketara sepanjang zaman itu. Raja Abdullah yang terkenal dengan gelaran Marhum Mursyid, Yamtuan Muda Riau yang ke-9 (1857-1858 M), memimpin Thariqat Naqsyabandiyah begitu menggalakkan pengajian dalam bidang Islam. Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga lahir pada zaman pemerintahan baginda. Dipercayai bahawa Syeikh Ahmad Lingga mendapat pendidikan asas sistem pendidikan Riau-Lingga yang bersifat terbuka dalam segala bidang. Pada peringkat awal beliau lebih mendalami kaedah bahasa Melayu dan sejarah. Menurut cerita Abdur Rahman Raman, bahawa pendidikan agama secara mendalam diperolehnya di Pondok Bendang Daya, Patani. Selepas itu dilanjutkan di Mekah. Di Mekah beliau belajar dengan Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan (1231 H/1815 M-1304 H/1886 M), Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki (wafat 10 Jamadilawal 1335 H), Saiyid Ahmad an-Nahrawi dan ramai lagi.

PENULISAN

Karya Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga yang telah dijumpai hanya empat iaitu:

1. Daqaiq al-Akhbar fi Zikri al-Jannah wa an-Nar. Kandungannya merupakan karya terjemahan kitab Daqaiq al-Akhbar fi Zikri al-Jannah wa an-Nar dalam bahasa Arab yang pertama sekali diterjemahkan ke bahasa Melayu. Kitab ini menceritakan kejadian alam ghaib terutama tentang syurga dan neraka. Masyarakat Melayu zaman dulu jika membaca kitab ini cukup mengasyikkan kerana mempunyai gaya seni yang tersendiri. Membaca kitab Daqaiq al-Akhbar boleh menyebabkan kita lebih rajin menyiapkan bekal untuk akhirat dan meninggalkan pelbagai bentuk dosa yang dilarang oleh Allah dan rasul-Nya. Diselesaikan hari Selasa, 20 Muharam 1312 H, di Mekah. Cetakan yang pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, Jamadilakhir 1312 H, dicetak atas usaha Syeikh Ismail Aceh. Cetakan yang ketiga oleh percetakan yang sama tahun 1320 H. Cetakan yang keempat oleh percetakan yang sama tahun 1322 H. Hingga sekarang terdapat pelbagai edisi cetakan.
2. Ats-Tsimar al-Lazizah 'ala ar-Riyadh al-Badi'ah). Judul terjemahan oleh pengarangnya, Segala Buah Kayu Yang Sedap-Sedap Atas Segala Kebun Yang Indah-indah. Kandungannya mulai dengan pembicaraan akidah. Kandungan utama ialah fikah bahagian ibadat menurut Mazhab Syafie. Pada bahagian akhir membicarakan perkara sumpah dan nazar. Kemudian dilanjutkan dengan ziarah Rasulullah s.a.w. dan terakhir sekali mengenai zikrullah. Diselesaikan 21 Safar 1312 H. Cetakan yang ketiga Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1322 H. Dicitak juga oleh Mathba'ah Dar Ihya' Kutub al-'Arabiyah, Safar 1344 H.
3. Nasihat al-Ahli al-Wafa ila Washiyat al-Mushthafa. Kandungannya merupakan terjemahan hadis wasiat Nabi Muhammad s.a.w. kepada Saidina Ali k.w. Memperhatikan pengkhususan hadis hanyalah wasiat untuk Saidina Ali k.w., dalam perkembangan sekarang ada golongan tertentu terlalu mudah menuduh bahawa hadis yang demikian terlalu memihak atau terdapat pengaruh Syiah. Pada pandangan saya, tuduhan yang tidak berasaskan penelitian dan keadilan dalam menilai serta berpegang pelbagai aspek ilmu tidak perlu dilayani. Seseorang yang tidak sampai pada sesuatu tahap keilmuan tiadalah layak menilai keilmuan seseorang ulama. Diselesaikan hari Sabtu, pukul 9.30, 11 Syawal 1312 H, di Mekah. Cetakan yang kedua oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, akhir Zulhijjah 1323 H.
4. Hadiqah ar-Raihan fi Qishshah Saidina Sulaiman. Kandungannya mengenai kisah Nabi Sulaiman a.s. Karya ini dapat dikategorikan dalam sastera klasik Melayu-Islam. Diselesaikan pada 24 Jamadilawal 1313 H di Mekah. Cetakan yang kedua Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, awal Muharam 1324 H.

AKTIVITI

Oleh sebab Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga seorang yang dianggap pakar dalam bahasa Melayu, dia digelar "Qus Bahasa Melayu".

Syeikh Muhammad Zainuddin as-Sarawaqi menulis, "...Asy-Syeikh yang alim, yang sampai kepada kepandaiannya ialah seperti Qus pada masanya tentang bahasa Melayu, iaitu seorang yang cerdik pada orang-orang Arab yang memegang tali lagam segala ilmu adab. Orang yang berkhidmat akan Tuhannya terlampau cermat dan jaga, iaitu Asy-Syeikh Ahmad orang Lingga ..." Oleh kerana kepakarannya Syeikh Ahmad al-Fathani memasukkannya sebagai ahli pentashhah kitab Melayu/Jawi. Dalam perbahasan tentang pemakaian bahasa Melayu untuk kitab-kitab yang akan diterbitkan, telah terjadi muzakarah antara kedua-dua ulama itu secara terus-menerus. Keterlibatan Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga dalam dunia pentashhahan kitab Melayu/Jawi seolah-olah tidak diketahui orang kerana namanya memang tidak tercatat dalam semua cetakan kitab Melayu/Jawi. Mengenai Syeikh Ahmad Lingga hanya sedikit saja disentuh oleh Syeikh Zainuddin Sarawak dalam kitabnya Nafahat ar-Ridhwan.

Selain menjadi seorang penulis, Syeikh Ahmad Lingga juga seorang ulama yang aktif mengajar, sama ada di rumahnya mahu pun di Masjidil Haram, Mekah. Beliau bersahabat dengan ulama-ulama lain, di antaranya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani (1272 H/ 1856 M-1325 H-1908 M), Syeikh Ahmad Khatib bin Lathif Minangkabau (1276 H/1860 M-1334 H/1916 M), Syeikh 'Utsman bin Syihabuddin al-Funtiani dan ramai lagi.

Di antara murid Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, yang menjadi ulama besar ialah Abu Bakar bin Hasan (1875 M-1938 M), beliau adalah Kadi Muar, Johor, Syeikh 'Utsman bin 'Abdul Wahhab as-Sarawaqi (1281 H/1863 M-1339 H/1921 M). Termasuk juga Abdullah Fahim, Tok Kenali, Kiyai Hasyim Asy'ari dan semua ulama yang sezaman dengan mereka, yang belajar di Mekah ketika itu adalah murid Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga.

Selain yang disebutkan, Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga juga seorang Syeikh Haji. Sebahagian besar jemaah haji dari Kepulauan Riau, Johor, Pahang, Terengganu dan Selangor yang menunaikan haji pada zaman itu diurus oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Pengembaraan dan pengubatan Muhammad Umar

Pen g e m b a r a a n d a n p e n g u b a t a n M u h a m m a d U m a r

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

SETELAH kejatuhan kerajaan Melaka ke tangan Portugis pada 1511 Masihi, ramai pembesar Melaka bertempiran ke pelbagai tempat di seluruh pelosok dunia Melayu.

Yang diriwayatkan ini adalah salah seorang daripada keturunan pembesar Melaka yang nama lengkapnya ialah Muhammad Umar bin Encik Harun bin Malim Bungsu.

Ibunya bernama Ruqaiyah binti Haji Abdul Qadir bin Haji Abdul Ghani bin Wan Muhammad Daram bin Encik Wan Mat Thalib bin Encik Wan Jermat bin Umar (Megat Laksamana) bin Utsman (Dato' Kaya Megat Patan Pahang) bin Tuan Kadi Haji Ahmad. Tuan Kadi Haji Ahmad inilah yang berasal dari Melaka.

Beliau melalui penderitaan yang panjang sebagai orang buruan Portugis. Mula-mula beliau berhijrah dari Melaka ke Johor, dan terus ke Bintan. Selanjutnya ke Minangkabau dan terakhir di Kampar. Setelah itu keturunan beliau bertebaran di mana-mana. Selain kembali ke Semenanjung, ada juga yang sampai ke Champa.

Daripada waris keluarga ini telah muncul berbagai-bagai keilmuan dan penulisan. Ada yang muncul sebagai pembesar dalam pemerintahan, pentadbir, dan lain-lain sejenisnya. Ada yang menjadi ulama.

Ada yang muncul sebagai saudagar, pengusaha, perkebunan, dan banyak lagi. Muhammad Umar bin Encik Harun yang dibicarakan ini adalah salah seorang daripada keturunan keluarga di atas yang muncul sebagai 'Nakhoda Pelayaran' dan 'Pakar Perubatan Tradisional'.

Muhammad Umar bin Encik Harun lahir di Kampung Tambelan, Pontianak, pada malam Khamis 3 Jumadilawal 1275 H/9 Disember 1858 M. Wafat pada usia 73 tahun pada malam Ahad, jam 12.00 lebih sedikit, 28 Safar 1348 H/4 Ogos 1929 M. Mendapat pendidikan asas daripada lingkungan keluarga sendiri di Kampung Tambelan, Pontianak.

Selain itu, Muhammad Umar bin Encik Harun juga belajar daripada beberapa orang ulama yang datang ke Pontianak pada zaman itu.

Ulama bangsa Arab pada zaman itu sangat ramai, di antara mereka ialah Saiyid Shalih az-Zawawi dan anaknya, Saiyid Abdullah az-Zawawi. Muhammad Umar bin Encik Harun sempat belajar dengan kedua-dua ulama Arab itu. Selain itu, ulama juga datang dari Banjar, Bugis, Patani, Kelantan, Terengganu dan tempat-tempat lain. Daripada pelbagai sumber yang dikumpulkan dapat dipercayai bahawa Muhammad Umar bin Encik Harun telah menguasai banyak bidang ilmu, terutama sekali ilmu tauhid dan tasawuf. Kemudian Muhammad Umar bin Encik Harun, mempraktikkan pelayaran dan perubatan iaitu hasil daripada usaha yang gigih melalui pengembaraan di beberapa negeri di seluruh dunia Melayu.

Jika kita menoleh ke belakang dan membandingkan dengan masa sekarang, ia mencerminkan Muhammad Umar bin Encik Harun adalah seorang yang benar-benar hebat dalam dunia pelayaran. Pengembaraannya semuanya ditempuh dengan perahu layar, sedangkan dunia Melayu yang dilayari cukup luas.

ILMU PELAYARAN

Tidak ramai tokoh ulama dunia Melayu menulis tentang ilmu pelayaran, oleh itu sangat menarik sebuah manuskrip karya Muhammad Umar bin Encik Harun diperkenalkan dalam artikel ini.

Manuskrip tersebut diberi judul Jurnal Pelayaran dan Petua Melayu, diselesaikan antara tahun 1291 H/1874 M hingga 1293 H/1876 M. Kandungannya dicatatkan hadiah daripada Muhammad Umar bin Harun kepada Haji Muhammad Arsat yang dinyatakan pada halaman akhir, "Bahawa ini surat daripada kekanda Muhammad Umar bin Harun datang ke hadapan adinda al-Haji Muhammad Arsat bin al-Marhum Tuan al-Haji Mahmut... di dalam negeri Kotaringin (nama sekarang Kotawaringin, pen:) adanya.

Antara topik penting yang ditulisnya ialah:

1. Perkara Jurnal Pelayaran Dari Pontianak Mau Pergi Di Tanah Jawa Dan Kotaringin.
2. Perkara Jurnal Pelayaran Dari Kuala Sambas Mau Pergi Singapura Hendak Tahu Duduknya Pulau-Pulau Di Sebelah Barat Adanya.
3. Perkara Jurnal Menyusul Dari Tanah Jawa Sampai Di Tanah Barat Maka Tersebut Satu-Satu Pelayaran Adanya.

Selanjutnya tentang pelayaran dinyatakan juga ukuran-ukuran perahu.

Dalam 'Jurnal Pelayaran dan Petua Melayu, disebut juga tentang pelangkahan. Dapat dipastikan Muhammad Umar bin Encik Harun adalah seorang yang sangat berpengalaman dalam pelayaran, oleh itu ilmu pelangkahan yang beliau sebut dipraktikkannya.

Di antara tulisan beliau tentang pelangkahan berbunyi, "Fasal ini pelangkahan manca lima sahaya terima kepada Haji Muhammad Ali bin Nakhoda Mu'alim Kecil di Pontianak kepada sanah 1293, dan kepada 15 hari bulan Rabiulawal hari Isnin (15 Rabiulawal 1293 H/10 April 1876 M, pen:), adanya."

Khazanah

Dalam khazanah peninggalan Muhammad Umar bin Encik Harun juga dapat kita ketahui bahawa dalam dunia pelayaran yang menggunakan perahu layar pada zaman dulu juga sangat diperlukan ilmu tentang taqwim.

Mengenai taqwim beliau menyebut, "Fasal ini taqwim Arab di Pontianak tarikh sanah 1291, dan kepada 14 hari bulan Rabiulawal (14 Rabiulawal 1291 H/1 Mei 1874 M, pen:), hari Jumaat sahaya terima kepada Haji Umar bin Samsudin adanya."

Beliau sebut pula tentang taqwim Jawa, "Fasal ini taqwim Jawa sahaya terima kepada Haji Ali bin Nakhoda Mu'alim Kecil di Pontianak kepada tarikh sanah 1293,

dan kepada 15 Rabiulawal hari Isnin (15 Rabiulawal 1293 H/10 April 1876 M, pen:), adanya." Memperhatikan tarikh dan nama guru, bererti serentak dengan ilmu pelangkahan.

PENULISAN

Salah satu karyanya yang lain ialah Sya'ir Negeri Tambelan, selesai penulisan tercatat pada halaman akhir, "Tamatlah syair hari Ahad, bulan Muharam tahun lebih empat" (hari Ahad, Muharam 1304 H). Kandungannya membicarakan asal usul keturunan Dato' Kaya Tambelan yang ditulis dalam bentuk puisi/syair. Kedua-dua manuskrip di atas diperoleh di Pontianak pada 6 Syawal 1422 H/20 Disember 2001 M di persekitaran Keraton Qadriyah (Istana Kesultanan Pontianak).

Buku Perubatan Muhammad Umar Bin Harun Pontianak adalah sebuah lagi karya beliau. Kandungannya secara garis besar ialah catatan bermacam-macam jenis penyakit yang beliau kenal pasti dan cara menangani pengubatannya. Setiap penyakit ada ubatnya, oleh itu dicatatnya pula cara-cara mengubati pelbagai penyakit.

Catatan ini rasanya kurang sempurna, oleh itu setiap sesuatu ubat Muhammad Umar bin Harun mencatat pula nama seseorang yang mengajarnya sesuatu ubat, tarikh penerimaan dan lengkap nama tempat atau negeri yang dirantauinya. Di antara kandungan Buku Perubatan Muhammad Umar Bin Harun Pontianak saya senaraikan sebagai berikut:

1. Ubat Sakit Cacar, mengenai penyakit ini ada catatan beliau bahawa di Pontianak dan sekitarnya pernah ditimpa bala dan wabak sakit cacar, ramai orang mati akibat penyakit tersebut.

Oleh itu, Muhammad Umar bin Harun telah belajar mengubati penyakit cacar itu daripada beberapa orang guru, di antaranya ialah Encik Muhammad Ali, Kampung Sampit, Pontianak.

Selain itu beliau terima ilmu ini pada 7 Muharam 1313 H daripada Haji Abdus Shamad di Pontianak. Juga daripada Saiyid Husein bin Saiyid Syaikh yang berasal dari Riau, Pulau Penyengat.

2. Ubat Kudis Gatal, 6 halaman, pada bahagian ini Muhammad Umar bin Harun menyatakan bahawa beliau belajar mengubati penyakit tersebut daripada orang yang beliau panggil 'ayahanda Encik Unus', tahun 1293 H.
3. Ketumbuhan Dalam Mata Atau Sakit Mata.
4. Pelbagai Doa. Banyak doa yang nadir dibicarakan pada bahagian ini, dibicarakan juga tentang sembahyang sunat kifayah al-baul yang sering dipercakapkan oleh ahli sufi.

Amalan sembahyang sunat kifayah al-baul, Muhammad Umar bin Harun menyatakan beliau menerima daripada Haji Khathib Razi Palembang, Kampung Tabing Garinting diperhuluan Palembang, Sumatera Selatan. Menurutnya, beliau bersusah payah mudik (menyusuri sungai hingga jauh ke perhuluan), satu hari dari Marugan.

5. Penyakit Buruk ialah satu bala yang pernah terjadi di Pontianak. Penyakit tersebut berbau sangat busuk, seluruh badan tumbuh seperti kudis yang disebut pekung yang mengandungi nanah.

Belajar

Untuk mengubat penyakit tersebut Muhammad Umar bin Harun menyebut bahawa beliau telah belajar daripada Haji Ali bin Haji Abdur Rahman Tok Kaya, Encik Wan Muhammad Juling. Tahun 1305 H/1888 M, Muhammad Umar bin Harun mengambil ilmu yang dibicarakan daripada Wa'na Rasa Wan Muhammad.

Di sini juga terdapat catatan bahawa beliau berada di Siantan, Midai, Tambelan dan Pulau Bunguran kerana mengubati orang sakit biri-biri, puru dan lain-lain.

Penyakit biri-biri oleh masyarakat Melayu disebut juga 'penyakit kebas', iaitu sejenis penyakit pada tubuh kita, terutama pada bahagian tangan ataupun kaki, ditekan mula-mula cekung ke dalam, secara beransur-ansur cekung akan hilang dengan agak lambat kembali seperti sebelum ditekan.

Ketika itu sangat ramai orang sakit. Dicatatkan pula bahawa ilmu perubatan ini diterima daripada Encik Aji bin Yusuf Siak di Kotaringin, yang menerimanya daripada Saiyid Muhammad, menantu Sultan Abdul Jalil Sukudana.

Catatan

Mengenai penyakit yang tersebut juga, terdapat dalam catatan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi, bahawa beliau akan ke Siantan, tetapi manakala sampai di Jemaja beliau dapat satu khabar dan beliau terpaksa kembali ke Singapura.

Selain membicarakan perubatan seperti tersebut di atas, Buku Perubatan Muhammad Umar Bin Harun Pontianak juga membicarakan tentang melihat rasi jodoh yang baik ataupun sebaliknya. Petua ini diterima daripada Haji Husein Kotaringin tahun 1304 H/1887 M.

Untuk menghadapi permusuhan atau perkelahian, sihir dan lain-lain, Muhammad Umar bin Harun juga mengamal dua ayat akhir surah at-Taubah seperti yang pernah disebut oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dalam beberapa buah kitabnya.

Selain menghasilkan karangan, Muhammad Umar bin Encik Harun juga pernah menyalin sebuah karya Raja Ali Haji yang berjudul Sya'ir Bab an-Nikah, selesai penyalinan

tercatat pada halaman akhir, "Tersurat di negeri Tambelan pada 24 hari bulan Zulkaedah, malam Khamis pukul dua belas kepada tahun sanah 1313 (24 Zulkaedah 1313 H, pen:). Dan menyalin surat Bab an-Nikah Dato' Petinggi Tambelan, dan dia menyalin surat Raja Ali Riau, Pulau Penyengat. Ada pun yang empunya surat ini hamba, Muhammad Umar orang Pontianak, Kampung Tambelan, itulah adanya."

PENUTUP

Daripada semua yang telah dipaparkan di atas saya berkesimpulan dari segi pengubatan dan berhadapan dengan pelbagai penyakit yang sangat berbahaya, Muhammad Umar bin Harun berani bertarung dengan penyakit-penyakit itu.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi - Imam dan khatib Masjid al-Haram Mekah

Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi - Imam dan khatib Masjid al-Haram Mekah

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

PERANAN ulama yang berasal dari dunia Melayu di Masjid al-Haram Mekah sudah berjalan begitu lama dan bersambung daripada satu generasi ke generasi berikutnya. Sebagai contoh ulama dunia Melayu yang pernah menjadi imam dan khatib dalam Mazhab Syafie di Masjid al-Haram Mekah yang dapat diketahui ada tiga orang, iaitu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Lebih kurang seratus tahun kemudian ialah Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi (lahir Isnin, 6 Zulhijjah 1276 H/26 Jun 1860 M, wafat 9 Jamadilawal 1334 H/13 Mac 1916 M) dan Syeikh Abdul Hamid Muhammad Ali Kudus (lahir 1277 H/1860 M, riwayat lain dinyatakan lahir 1280 H/1863 M, wafat 1334 H/1915 M).

Ketiga-tiga ulama yang tersebut sangat terkenal dalam pelbagai bidang yang mereka ceburi.

Nama lengkap ulama yang diriwayatkan ini ialah Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Lathif bin Abdullah al-Minankabawi. Beliau dilahirkan di Minangkabau, Sumatera Barat dan wafat di Mekah pada tarikh yang tersebut di atas. Mendapat pendidikan awal memasuki sekolah pemerintah Belanda di Minangkabau selain menerima pendidikan agama daripada keluarga sendiri.

Setelah berada di Mekah barulah beliau mendapat pendidikan agama yang mendalam daripada ulama Mekah terutama Sayid Bakri Syatha, Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki dan lain-lain.

Dalam penelitian yang saya lakukan, didapati Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi adalah seorang ulama yang paling banyak melakukan polemik dalam pelbagai bidang. Sebagai catatan ringkas di antaranya ialah polemik dengan golongan pemegang adat Minangkabau, terutama tentang hukum pusaka.

Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi menyanggah beberapa pendapat Barat tentang kedudukan bumi, bulan dan matahari, serta peredaran planet-planet lainnya yang beliau anggap bertentangan dengan pemikiran sains ulama-ulama Islam yang arif dalam bidang itu.

Sehubungan ini, Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi sangat menentang ajaran Kristian terutama tentang `trinititi'. Dalam permasalahan mendirikan masjid untuk solat Jumaat, Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi berkontroversi dengan Sayid Utsman (Mufti Betawi) dan beberapa ulama yang berasal dari Palembang dan ulama-ulama Betawi lainnya.

Polemik yang paling hebat dan kesan yang berkesinambungan ialah pandangannya tentang Thariqat Naqsyabandiyah. Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi telah disanggah oleh ramai ulama Minangkabau sendiri terutama oleh seorang ulama besar, sahabatnya. Beliau ialah Syeikh Muhammad Sa'ad Mungka yang berasal dari Mungkar Tua, Minangkabau.

Sehubungan dengan sanggahannya terhadap thariqat Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau menyanggah pula teori `Martabat Tujuh' yang berasal daripada Syeikh Muhammad bin Fadhlullah al-Burhanfuri.

Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau adalah seorang yang berpendirian keras dan radikal, sungguhpun beliau menguasai banyak bidang ilmu, namun beliau masih tetap berpegang (taklid) pada Mazhab Syafie dalam fikah dan penganut Ahli Sunnah wal Jamaah mengikut Mazhab Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi dalam akidah.

Sebagai contoh, dalam pertikaian dua orang muridnya yang berbeza pendapat. Yang seorang berpihak kepada `Kaum Tua', beliau ialah Syeikh Hasan Ma'sum (1301 H/1884 M-1355 H/1974 M) yang berasal dari Deli, Sumatera Utara. Dan seorang lagi berpihak kepada `Kaum Muda', beliau ialah Haji Abdul Karim Amrullah (ayah kepada Prof. Dr. Hamka).

Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau berpihak kepada Syeikh Hasan Ma'sum (Kaum Tua). Bahkan dalam satu kenyataannya Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau menolak sumber asal pegangan Haji Abdul Karim Amrullah (Kaum Muda) yang menurut beliau telah

terpengaruh dengan pemikiran Ibnu Taimiyah (661 H/1263 M - 728 H/1328 M), yang ditolak oleh golongan yang berpegang dengan mazhab.

Sanggahan Thariqat

Sungguhpun Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau sangat terkenal menyanggah thariqat, namun dalam penelitian saya didapati bahawa yang beliau sanggah ialah beberapa perkara yang terdapat dalam Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah. Belum ditemui sanggahannya terhadap thariqat yang lain seumpama Thariqat Syathariyah, Thariqat Qadiriyyah, Thariqat Ahmadiyah dan lainnya.

Mengenai Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah, catatan sejarah yang diperoleh ternyata Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau yang mendahului pertikaian. Mengenainya dimulai sepucuk surat yang menanyakan kepadanya, Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau pun menulis:

``Maka adalah pada tahun 1324 daripada hijrah Nabi kita alaihis shalatu was salam datang kepada yang faqir Ahmad Khathib bin Abdul Lathif, Imam Syafie di Mekah, satu masalah dari negeri Jawi menyatakan beberapa ehwal yang terpakai pada Thariqat Naqsyabandiyah pada masa kita ini. Adakah baginya asal pada syariat Nabi kita ? Atau tiada ? Kerana telah bersalah-salahan orang kita Jawi padanya. Maka hamba lihat, menjawab soal ini ialah terlampau masyaqqah atas hamba, kerana pekerjaan itu telah menjadi pakaian pada negeri hamba hingga menyangka mereka itu akan bahawasanya segala itu thariqat Nabi kita. Dan orang yang mungkir akan dia ialah memungkiri akan agama Islam. Padahal sangka itu adalah tersalah, tiada muthabaqah dengan waqi'...'``

Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau menuangkan sanggahan terhadap thariqat. Beliau menulis dalam kitab yang berjudul *Izhharu Zaghilil Kazibin fi Tasyabbuhihim bish Shadiqin* yang selesai ditulis pada malam Ahad, 4 Rabiulakhir 1324 H/1906 M.

Kitab tersebut telah mengundang kemarahan seluruh penganut Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah dan penganut-penganut tasawuf daripada pelbagai thariqat yang lainnya. Akibatnya, Syeikh Muhammad Sa'ad Mungka menanggapi karangan tersebut dengan mengarang sebuah kitab berjudul *Irghamu Unufi Muta'annitin fi Inkarihim Rabithatil Washilin* yang beliau selesaikan pada akhir bulan Muharam tahun 1325 H/1907 M.

Kemunculan kitab Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau berjudul *Izhharu Zaghilil Kazibin* itu hanya beberapa bulan saja mendahului kitab *Mir-atul A-'ajib* karya Syeikh Ahmad al-Fathani menjawab pertanyaan Sultan Kelantan, iaitu sama-sama dikarang dalam tahun 1324 H/1906 M.

Syeikh Muhammad Sa'ad bin Tanta' Mungka itu tidak membantah karya gurunya Syeikh Ahmad al-Fathani, tetapi secara serius karya Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau

dipandang sangat perlu ditanggapi dan beliau membantah dengan hujah-hujah berdasarkan al-Quran, hadis dan pandangan para ulama shufiyah.

Dengan terbitnya kitab *Irghamu Unufi Muti'annitin* oleh Syeikh Muhammad Sa'ad Mungka itu, Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau menyerang lagi dengan kitabnya yang berjudul *Al-Ayatul Baiyinat lil Munshifin fi Izalati Khurafati Ba'dhil Muta'ashshibin*.

Kitab ini disanggah pula oleh Syeikh Muhammad Sa'ad Mungka dengan karyanya berjudul *Tanbihul `Awam `ala Taqirirati Ba'dhil Anam*. Sesudah karya ini tidak terdapat sanggahan Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau.

Penulisan

Karya Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau yang telah ditemui hanya 17 judul. Ada yang ditulis dengan bahasa Arab dan ada juga dengan bahasa Melayu. Kerana kekurangan ruangan, yang dapat disenaraikan dalam artikel ini hanya lapan judul iaitu:

1. *Al-Jauharun Naqiyah fil A'mali Jaibiyah* (bahasa Arab), diselesaikan pada hari Isnin, 28 Zulhijjah 1303 H. Kandungannya membicarakan ilmu miqat. Dicitak oleh Mathba'ah al-Maimunyah, Mesir, Rejab 1309 H.
2. *Hasyiyatun Nafahat `ala Syarhil Waraqat* (bahasa Arab), diselesaikan pada hari Khamis, 20 Ramadan 1306 H. Kandungannya mengenai ilmu ushul fiqh. Dicitak oleh Mathba'ah Darul Kutub al-'Arabiyah al-Kubra, Mesir, 1332 H.
3. *Raudhatul Hussab fi A'mali `Ilmil Hisab* (bahasa Arab), diselesaikan peringkat pertama hari pada Ahad, 19 Zulkaedah 1307 H di Mekah. Kandungannya mengupas dengan mendalam perkara matematik. Dicitak oleh Mathba'ah al-Maimunyah, Mesir, Zulkaedah 1310 H.
4. *Ad-Da'il Masmu' fir Raddi `ala man Yuritsul Ikhwah wa Auladil Akhawat ma'a Wujudil Ushl wal Furu'* (bahasa Melayu). Diselesaikan pada 14 Muharam 1309 H. di Mekah. Kandungannya mengenai pembahagian pusaka menurut agama Islam dan membantah pusaka menurut ajaran adat Minangkabau. Dicitak oleh Mathba'ah al-Maimunyah, Mesir, Zulkaedah 1311 H. Bahagian tepi dicitak karya beliau berjudul *Al-Manhajul Masyru' Tarjamah Kitab Ad-Da'il Masmu'* (bahasa Melayu).
5. *`Alamul Hussab fi `Ilmil Hisab* (bahasa Melayu), diselesaikan pada 6 Jamadilakhir 1310 H. di Mekah. Kandungannya mengupas dengan mendalam perkara matematik. Dicitak oleh Mathba'ah al-'Amirah al-Miriyah, Mekah, akhir Zulkaedah 1313 H. Bahagian tepi dicitak karya beliau berjudul *An-Nukhbatun Nahiyah Tarjamah Khulashatil Jawahirin Naqiyah fil A'malil Jabiyah* (bahasa Melayu), selesai mengarang pada malam Sabtu, 6 Jamadilakhir 1313 H.
6. *Al-Manhajul Masyru' Tarjamah Kitab Ad-Da'il Masmu'* (bahasa Melayu), diselesaikan pada hari Khamis, 26 Jamadilawal 1311 H. di Mekah.

Kandungannya mengenai pembahagian pusaka menurut agama Islam dan membantah pusaka menurut ajaran adat Minangkabau. Dicitak oleh Mathba'ah al-Maimunyah, Mesir, Zulkaedah 1311 H. Bahagian tepi dicitak karya beliau berjudul Ad-Da'il Masmu' fir Raddi `ala man Yuritsul Ikhwah wa Auladil Akhawat ma'a Wujudil Ushul wal Furu'.

7. Dhau-us Siraj (bahasa Melayu), diselesaikan pada malam 27 Rabiulakhir 1312 H. di Mekah. Kandungannya membicarakan Isra dan Mikraj. Dicitak oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1325 H.
8. Shulhul Jama'atain bi Jawazi Ta'addudil Jum'atain (bahasa Arab), diselesaikan pada malam Selasa, 15 Rejab 1312 H. di Mekah. Kandungannya membicarakan Jumaat, merupakan sanggahan sebuah karya Habib `Utsman Betawi. Cetakan pertama oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1312 H.

Hanya lapan judul yang dapat dimuat dalam artikel ini, judul-judul yang lain dapat dirujuk dalam buku saya berjudul Katalog Besar Persuratan Melayu yang insya-Allah satu ketika nanti akan dapat diterbitkan.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Abdul Hamid Kudus pakar Ilmu Arudh, Qawafi

Syeikh Abdul Hamid Kudus pakar Ilmu Arudh, Qawafi

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DENGAN rasa rendah hati artikel ini memberi sedikit informasi dan jawapan beberapa persoalan yang masih belum diketahui umum tentang ulama besar yang berasal dari Kudus ini. Sebagai contoh dalam buku berjudul Intelektual Pesantren oleh Dr. Abdurrahman Masud, terbitan LKIS Yogyakarta, cetakan pertama 2004, hlm. 107, tertulis, ``Adalah benar bahwa jumlah penulis di lingkungan pesantren dapat dihitung dengan jari, seperti Nawawi sendiri dan pendahulu-pendahulunya, Arsyad al-Banjari, Abd al-Hamid bin Muhammad Ali Kudus (penulis Latif al-Isyarat).'' Pada nota kaki mengenai ini tertulis pula, ``Sejauh ini tidak terdapat sumber untuk mengungkap secara pasti tanggal daripada biografi Abd al-Hamid bin Muhammad Ali Kudus.'' Sebenarnya ulama besar yang asal-usulnya dari Kudus, Jawa Tengah, kelahiran Mekah yang diriwayatkan ini sekurang-kurangnya ada tiga sumber karangan orang Arab dalam bahasa Arab dan dapat dibandingkan 22 buah karangan beliau sendiri. Sebenarnya Syeikh Nawawi al-Bantani (lahir 1230 H/1814 M), adalah guru dan jauh lebih tua daripada Syeikh Abdul Hamid Kudus. Syeikh Abdul Hamid Kudus lahir di Mekah, dalam Mukhtashar Nasyrun Naur waz Zahar dinyatakan lahir 1277 H/1860 M, dan dalam Siyar wa Tarajim dinyatakan lahir 1280 H/1863 M. Beliau juga wafat di Mekah tahun 1334 H/1915 M. Nama lengkap ialah Syeikh Abdul Hamid bin Muhammad Ali Qudus / Kudus bin Abdul Qadir al-Khathib bin Abdullah bin Mujir Qudus / Kudus.

Syeikh Abdul Hamid Kudus mendapat pendidikan asas pertama sekali dari lingkungan keluarganya yang ramai menjadi ulama. Sejak kecil menghafaz al-Quran dan terlatih dengan banyak matan pelbagai bidang ilmu. Matan-matan yang dihafalnya sejak kecil ialah Matn al-Ajrummyah, Matn al-Alfiyah, Matn ar-Rahbiyah, semuanya dalam bidang ilmu nahu. Matn as-Sanusiyah tentang ilmu akidah. Matn as-Sullam dan Matn az-Zubad, kedua-duanya meliputi akidah, fikah dan tasawuf. Para ulama besar yang terkenal dan menjadi guru beliau ialah Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Sayid `Utsman Syatha dan saudaranya Sayid Abu Bakri Syatha. Dalam bidang khusus mengenai ushul fiqh, hadis, tafsir dan tasawuf Syeikh Abdul Hamid Kudus memperdalamkannya kepada Sayid Husein al-Habsyi. Syeikh Abdul Hamid Kudus pula adalah orang kepercayaan Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki dalam bidang keilmuan setelah Syeikh Ahmad al-Fathani. Hubungan antara Syeikh Abdul Hamid Kudus dengan Syeikh Ahmad al-Fathani sangat rapat. Syeikh Abdul Hamid Kudus selain dilantik sebagai salah seorang pentashih kitab beliau seringkali diutus oleh Syeikh Ahmad al-Fathani ke Mesir dalam urusan cetak mencetak kitab, terutama hubungan dengan Syeikh Mushthafa al-Halaby, pemilik syarikat cetak kitab yang terbesar di Mesir pada zaman itu.

Daripada ulama-ulama tersebut, Syeikh Abdul Hamid Kudus memperoleh ijazah khusus dan umum, dan mereka pula memberikan keizinan kepada beliau mengajar di Masjidil Haram dan di rumahnya. Manakala Syeikh Ahmad al-Fathani merintis jalan mulai belajar di Masjid Jamik Al-Azhar (tahun 1290 H/1872 M) Syeikh Abdul Hamid Kudus mengikuti langkah Rais thala'ah (Ketua tela'ah atau tutor)nya itu belajar di tempat yang sama (1300 H/1882 M). Syeikh Abdul Hamid Kudus merupakan generasi kedua mahasiswa dunia Melayu yang belajar di al-Azhar sesudah Syeikh Ahmad al-Fathani, sejak itu beliau sentiasa pulang pergi antara Mekah dan Mesir dalam urusan tertentu yang ada kaitannya dengan kerja-kerja Syeikh Ahmad al-Fathani.

Sebenarnya Syeikh Abdul Hamid Kudus telah mengarang pelbagai judul dalam banyak disiplin ilmu, semuanya dalam bahasa Arab. Walau bagaimana pun pada judul artikel ini saya sebut bahawa beliau adalah `pakar ilmu arudh dan qawafi`. Kedua-duanya termasuk dalam bidang ilmu kesusasteraan Arab. Dengan ilmu ini dapat diketahui bagaimana timbangan-timbangan syair dan nazam dalam bahasa Arab. Setakat ini informasi yang ada hanya dua orang ulama yang berasal dari dunia Melayu yang menulis dalam kedua-dua ilmu tersebut. Seorang lagi ialah Syeikh Ahmad al-Fathani `Rais Thala'ah' bagi Syeikh Abdul Hamid Kudus. Karangan Syeikh Abdul Hamid Kudus yang ada pada saya adalah sebagai berikut:

1. Irsyadul Muhtadi ila Syarh Kifayatil Muhtadi, diselesaikan sesudah Zuhur, hari Khamis, 3 Muharam 1306 H. Kandungannya membicarakan akidah dan ia merupakan syarah daripada karya ayahnya, Syeikh Muhammad Ali Kudus. Dicitak oleh Mathba'ah al-Maimuniyah, Mesir, Ramadan 1309 H. Di bahagian tepinya dicitak matan karya ayahnya, Syeikh Muhammad Ali Kudus tersebut. Ditashih oleh Muhammad az-Zahari al-Ghamrawi.

2. Al-Anwarus Saniyah `alad Duraril Bahiyah, diselesaikan pertengahan Rabiulakhir 1311 H. Kandungannya membicarakan akidah, fikah dan tasawuf. Merupakan syarah daripada karya gurunya Sayid Abi Bakar Syatha. Cetakan pertama, Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah Mekah, 1313 H.
3. Fat-hul Jalilil Kafi bi Mutammimati Matnil Kafi fi `Ilmayil `Arudh wal Qawafi, diselesaikan pada hari Isnin, 19 Rabiulawal 1313 H. Kandungannya membicarakan ilmu arudh dan qawafi atau kesusasteraan Arab. Dicitak oleh Mathba'ah al-Husainiyah al-Mashriyah, milik Muhammad Abdul Lathif Khathib, 1325 H. Kata pujian oleh Sayid Ahmad Bik al-Huseini, Muhammad Musa al-Bujiraimi as-Syafi'ie di al-Azhar, Muhammad al-Halaby as-Syafi'ie di al-Azhar dan Ahmad ad-Dalbasyani al-Hanafi di al-Azhar. Ditashih oleh Muhammad az-Zahari al-Ghamrawi.
4. Al-Futuhatul Qudsiyah fi Syarhit Tawassulatis Sammaniyah, diselesaikan pada Zuhur, akhir Muharam 1322 H. Kandungan pada muqaddimahnya pengarang menyebut bahawa beliau adalah penganut Mazhab Syafie dalam fikah, Mazhab Abu Hasan al-Asy'ari dalam akidah, dan penganut Thariqat Khalwatiyah. Sebab-sebab beliau menulis kitab ini adalah atas permintaan Qadhi Muslimin Negeri Surakarta ibu kota Jawa, beliau ialah Al-'Allamah al-Hamam asy-Syeikh Raden Tabshirul Anam, supaya menulis syarah matan Al-Qashidatur Rajziyah yang bernama Jaliyatul Kurbi wa Manilatu `Arabi. Pada awal perbincangan pengarang menyebut tentang sanad-sanad thariqat, di antaranya beliau juga mempunyai hubungan dengan Syeikh Abdus Shamad bin Abdur Rahman al-Falimbani. Dicitak oleh Mathba'ah al-Hamidiyah al-Mashriyah, 1323 H. Taqriz dinyatakan ramai ulama tetapi yang dapat disebut pada akhir karangan hanya dua orang ulama saja ialah Syeikh Jami' Al-Azhar, bernama Syeikh Abdur Rahman asy-Syarbaini asy-Syafi'ie dan Syeikh Muhammad Thumum al-Maliki Al-Azhari. Kitab ini dimiliki pertama oleh Muhammad Thaiyib bin Sulaiman ahli Pekalongan pada 7 Rejab 1323 H. Sesudah itu dimiliki oleh Tuan Guru Haji Abu Bakar bin Haji Hasan, Qadhi Muar, Johor dan pada hari Isnin, 13 Rabiulakhir 1420 H/26 Julai 1999 M diserahkan kepada saya oleh Haji Muhammad bin Haji Abu Bakar bin Haji Hasan, Qadhi Muar, Johor.
5. Lathaiful Isyarat ila Syarhi Tashilit Thuruqat li Nazhamil Waraqat fil Ushulil Fiqhiyah, diselesaikan pada hari Isnin, 12 Rabiulawal 1326 H. Kandungannya membicarakan ilmu ushul fiqh. Terdapat berbagai-bagai edisi cetakan, di antaranya Mathba'ah Dar at-Thiba'ah al-Mashriyah, 54-60 Baserah Street Singapura (tanpa tahun).
6. Kanzun Najahi was Surur fil Ad'iyatil lati ila Tasyarruhis Shudur, diselesaikan pada hari Jumaat, bulan Safar 1328 H. Kandungannya membicarakan berbagai-bagai amalan wirid, doa, zikir dan lain-lain. Cetakan pertama oleh Mathba'ah At-Taraqqil Majidiyah al-'Utsmaniyah, Mekah, 1330 H. Kata pujian oleh Syeikh Muhammad Sa'id bin Muhammad Ba Bashail, Mekah, Sayid Husein bin Muhammad bin Husein al-Habsyi, Sayid Umar bin Muhammad Syatha, Sayid Muhammad ibnu Sayid Muhammad ibnu al-Faqih Sayid Idris al-Qadiri al-Maghrabi al-Hasani, Syeikh Muhammad bin Syamsuddin, Syeikh Yusuf bin Ismail an-Nabhani, dan Syeikh Umar Hamdan.

Karangan Syeikh Abdul Hamid Kudus yang belum saya miliki ialah:

7. Risalah fi al-Basmalah min Nahiyah al-Balaghah.
8. Manzhumah fi al-Adab wa al-Akhlaq li al-Islamiyah.
9. Thali'us Sa'di ar-Rafi' fi Syarh Ilm al-Badi', kitab ini membicarakan ilmu badi'.
10. Fiqh Rubu' `Ibadat.
11. Nubzah fi at-Tashauwuf.
12. Ad-Durrah ats-Tsaminah fi al-Mawadhi' allati tusannu fiha ash-Shalah `ala Shahib as-Sakinah.
13. Tasythir al-Mudharriyah fi ash-Shalah `ala Khairil Bariyah.
14. Majmu' Bulugh al-Maram fi Maulid an-Nabiyyi Shallallahu `alaihi wa Sallam.
15. Raja' Nail al-As'ad wa al-Qabul fi Madah Saiyidatina az-Zahra' al-Batul.
16. Bulughus Sa'di wa al-Amniyah fi Madah Umm al-Mu'minin al-Mabra-ah ash-Shiddiqiyah.
17. al-Jawahir al-Wadhiyah fi al-Adab wa al-Akhlaq al-Mardhiyah.
18. az-Zakhir al-Qudsiyah fi Ziyarah Khairil Bariyah.
19. At-Tuhfah al-Mardhiyah fi Tafsir al-Quran al-'Azhim bi al-'Ajamiyah.
20. Dhiyausy Syamsi ah-Dhahiyah.
21. Maulidun Nabiyyi Shallallahu `alaihi wa Sallam.
22. Kanzul `Atha fi Tarjamah al-'Allamah as-Saiyid Bakri Syatha.

Syeikh Abdul Hamid Kudus adalah seorang ulama yang sangat bertuah kerana melahirkan seorang anak yang menjadi ulama besar yang warak, yang meneruskan perjuangannya, iaitu Syeikh Ali bin Syeikh Abdul Hamid Kudus as-Samarani. Beliau dilahirkan tahun 1310 H/1892 M dan wafat pada hari Isnin, 14 Syawal 1363 H/1 Oktober 1944 M.

Syeikh Ali anak Syeikh Abdul Hamid Kudus mendapat pendidikan langsung daripada ayahnya. Selanjutnya juga belajar kepada Syeikh Muhammad Mahfuz Termas, Syeikh Muhammad Mukhtar bin Atharid al-Bughri (Bogor), kedua-duanya adalah ulama yang

berasal dari dunia Melayu yang pengetahuannya setaraf dengan ulama-ulama bangsa Arab yang berada di Mekah pada zaman itu. Syeikh Ali Kudus selain mempusakai martabat ulama seperti ayahnya, Syeikh Abdul Hamid Kudus sekali gus beliau juga menghasilkan karangan, di antaranya ialah ar-Raddu `ala ar-Rawafidh. Kandungannya merupakan penolakan pegangan golongan Rafidhiyah, iaitu salah satu firqah golongan Syiah yang dianggap menyeleweng daripada ajaran Islam. Selain itu beliau juga menulis banyak artikel yang dimuat dalam majalah. Dalam tahun 1343 H/1925 M Syeikh Ali Kudus bersama keluarganya pindah dari Mekah ke Jawa Timur mendirikan sebuah madrasah di sana. Selanjutnya pindah pula ke Sulawesi, di sana juga menyebarkan ilmu-ilmu demi memartabat agama Islam yang dianutnya.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Tuan Mukhtar Bogor - `Ulama' ahli syari'at dan haqiqat

Tuan Mukhtar Bogor - `Ulama' ahli syari'at dan haqiqat

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DI MEKAH pada satu ketika dulu sekurang-kurangnya ada tiga orang ulama yang berasal dari dunia Melayu yang menguasai banyak bidang disiplin ilmu. Ketigatiganya pula adalah merupakan yang paling ramai muridnya, terutama bagi masyarakat dunia Melayu.

Yang pertama, ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani (1272 H/1856 M - 1325 H/1908 M). Mengajar di Masjid al-Haram selama lebih kurang 25 tahun, mulai 1300 H/1882 M hingga tahun 1325 H/1908 M. Yang kedua Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minankabawi (1276 H/1860 M - 1334 H/ 1916 M). Mengajar di Masjid al-Haram selama lebih kurang 29 tahun, mulai 1305 H/1888 M hingga tahun 1334 H/1916 M. Yang ketiga ialah ulama yang diriwayatkan ini, nama lengkap beliau ialah Syeikh Muhammad Mukhtar bin Atharid al-Bughri al-Batawi al-Jawi. Lahir di Bogor, Jawa Barat, pada hari Khamis, 14 Syaaban 1278 H/14 Februari 1862 M, wafat di Mekah, petang Ahad, 17 Shafar 1349 H/13 Julai 1930 M. Mengajar di Masjid al-Haram selama lebih kurang 28 tahun, mulai 1321 H/ 1903 M hingga tahun 1349 H/1930 M.

Sungguh pun Tuan Mukhtar Bogor menguasai banyak bidang disiplin ilmu termasuk ilmu-ilmu hadis, yang sering dibicarakan terutama oleh golongan tajdid, namun beliau tetap berpegang dengan Mazhab Syafie, pengikut setia Mazhab Ahlis Sunnah wal Jamaah aliran Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Manshur al-Maturidi. Dalam tasawuf tetap berpegang kukuh dengan imam-imam kaum sufi yang muktabar seperti Imam Abu Qasim Juneid al-Baghdadi, Imam al-Ghazali, dan lain-lain.

Pendidikan

Beliau memperoleh pendidikan dari orang tuanya sendiri, terutama tentang al-Quran sekali gus beliau hafiz kitab suci Islam itu. Dalam tahun 1299 H/1881 M melanjutkan pelajarannya di Betawi/Jakarta, belajar kepada al-Allamah al-Habib Utsman bin Aqil bin Yahya, Mufti Betawi. Melalui ulama Arab keturunan Rasulullah s. a. w tersebut Tuan Mukhtar Bogor hafal matan-matan ilmu yang pelbagai. Matan-matan itu ialah: Matn al-Milhah, Matn al-Alfiyah dan Matn al-Qathar semuanya dalam bidang ilmu nahu. Matn al-Ghayah wa at-Taqrīb, Matn al-Irsyad, Matn az-Zubad semuanya dalam fikh dan termasuk juga akidah. Ketika belajar di Betawi juga, Tuan Mukhtar telah mahir dalam riwayat-riwayat ilmu Qiraat.

Ulama-ulama yang pernah mengajar Tuan Mukhtar, yang bersanad, yang beliau sebut dalam tulisannya, ialah: Sayid Muhammad Amin bin Sayid Ahmad ar-Ridhwan al-Madani, Sayid Abu Bakri Syatha dan saudaranya Sayid Umar Syatha, Sayid Abdul Karim an-Naji ad-Daryandi, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, Syeikh Mushthafa Afifi dan Syeikh Muhammad Zainuddin al-Jawi as-Sumbawi. Ulama yang berasal dari Pulau Sumbawa, Indonesia ini menghasilkan beberapa buah karangan di antaranya yang masih diajarkan sampai sekarang ialah Sirajul Huda (akidah) dan Minhajus Salam (fikh). Guru-guru yang lain beliau sebut pula Syeikh Muhammad al-Minsyawi, Sayid Umar as-Syami, Sayid Husein al-Habsyi, Sayid Yusuf an-Nabhani, Sayid Muhammad bin Ja'afar al-Kattani dan Syeikh Abdul Qadir al-Halabi.

Ada beberapa buah kitab yang dikhatamkan Tuan Mukhtar di bawah bimbingan Syeikh Ahmad al-Fathani, kitab-kitab itu ialah Fathul Mu'in dan syarahnya I' anatuth Thalibin. Kedua-dua kitab itu adalah mengenai fikh yang sekali gus Tuan Mukhtar belajar juga kepada Sayid Abu Bakri asy-Syatha, iaitu pengarang kitab I' anatuth Thalibin itu. Kitab fikh Mazhab Syafi'ie yang besar-besar Tuhfah dan Nihayah, Tuan Mukhtar juga belajar kepada Sayid Abu Bakri asy-Syatha. Tuan Mukhtar Bogor juga secara langsung khatam dua buah kitab karya Syeikh Ahmad al-Fathani sendiri. Yang sebuah dalam bahasa Arab, iaitu Tashil Nail al-Amani tentang nahu. Yang bahasa Melayu ialah Faridatul Faraid tentang akidah Ahlis Sunnah wal Jamaah. Mengenai ilmu hadis terutama kitab Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim, Tuan Mukhtar belajar dari awal hingga akhir kedua-dua kitab itu kepada Sayid Husein bin Sayid Muhammad al-Habsyi. Mengenai ilmu tafsir pula Tuan Mukhtar belajar kepada Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki. Sayid Husein bin Sayid Muhammad al-Habsyi dan Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki juga adalah guru kepada Syeikh Ahmad al-Fathani.

Mengajar

Dalam catatan sejarah Tuan Mukhtar Bogor adalah seorang yang sangat rajin belajar, mengajar, membaca dan sangat kuat beramal. Praktik mengajar dilakukan di Masjid al-Haram dan di rumah beliau sendiri. Mengajar di Masjid al-Haram

dilakukan antara Maghrib dan Isyak. Dan sesudah Isyak disambung lagi. Yang hadir ketika beliau mengajar di dalam Masjid al-Haram sekitar 400 orang yang terdiri dari para pelajar dan termasuk para ulama.

Biasanya beliau mengajar sesudah Subuh, jika di rumah, ialah ilmu nahu, ilmu sharaf dan balaghah. Sesudah Asar mengajar kitab Ihya' Ulumid Din karangan Imam al-Ghazali. Pelajaran yang singkat tentang ilmu falak dan miqat dilaksanakan pada hari Selasa, iaitu mengajar kitab susunan beliau sendiri.

Setiap malam Jumaat, Tuan Mukhtar Bogor mengadakan majlis zikir dan doa yang ramai manusia menyertai majlis itu. Setiap selesai melakukan zikir dan doa diiringi dengan jamuan makan secara berjemaah.

Selain melakukan zikir dan doa berjemaah Tuan Mukhtar Bogor memang dikenali sebagai seorang yang zahid, banyak melakukan ibadat, banyak membaca selawat atas Nabi s.a.w, banyak membaca al-Quran dan lain-lain sejenisnya. Sungguhpun Tuan Mukhtar Bogor berkekalan membaca al-Quran sebagai amalan, namun beliau masih mampu mengamalkan zikir-zikir jenis Thariqat Qadiriyyah dan Thariqat Naqsyabandiyah.

Selain hal-hal yang tersebut di atas Tuan Mukhtar Bogor juga dikenali sebagai seorang yang pemurah, beliau menampung para pelajar yang tiada berkemampuan dengan bimbingan pelimpahan ilmu, sekali gus diberi makan dan pakaian seperti yang beliau lakukan terhadap keluarganya sendiri.

Di antara murid-murid Tuan Mukhtar Bogor yang menjadi ulama besar yang mendapat tempat dalam masyarakat ialah: Haji Abdullah Fahim, Mufti Pulau Pinang, Tengku Mahmud Zuhdi, Syeikh al-Islam Selangor, Sayid Muhsin bin Ali al-Masawi, pengasas Madrasah al-Ulumid Diniyah, Mekah, Kiyai Ahmad Dimyathi bin Abdullah at-Tarmasi (adik Syeikh Muhammad Mahfuz at-Tarmasi yang sangat terkenal), Kiyai Haji Hasyim al-Asy'ari, pengasas Nahdhatul Ulama Indonesia, Kiyai Haji Manshur bin Abdur Rahman Bogor al-Batawi, Sayid Muhammad Ahyad bin Idris Bogor, ulama ini adalah menantu kepada Tuan Mukhtar Bogor, Syeikh Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani (Padang), Tuan Guru Haji Muhammad Zain bin Tama Kajang (1324 H/1908 M - 1413 H/1992 M) dan ramai lagi. Sewaktu artikel ini saya tulis masih ramai murid Tuan Mukhtar Bogor yang masih hidup, di antaranya di Malaysia ialah Tuan Guru Haji Hasyim (Pimpinan Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan), Tuan Guru Haji Abdullah bin Abdur Rahman (Pimpinan Pondok Lubuk Tapah, Kelantan). Selain yang masih hidup di Malaysia juga masih ramai di Patani, Indonesia dan di Mekah. Semua murid Tuan Mukhtar Bogor yang masih hidup pukul rata yang berusia melebihi usia 80 tahun ke atas.

Penulisan

Syeikh Muhammad Mukhtar Bogor menghasilkan karya yang tersebar berupa cetakan ada yang ditulis dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Yang telah diketahui dan dijumpai adalah sebagai yang tersebut di bawah ini:

1. Taqribul Maqshad fil Amali bir Rub'il Mujaiyab, diselesaikan hari Khamis, 15 Syaaban 1308 H. Kandungan membicarakan ilmu falakiah. Cetakan kedua Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1331 H. Dicitak juga oleh Mathba'ah Mushthafa al-Baby al-Halaby, Jumadil Awwal 1347 H. Selain cetakan sebuah manuskrip salinan yang ditemui, pada akhir salinan dinyatakan, ``Saidi wa Ihsan Haji Abdur Rahman bin al-Haji Ibrahim Khathib Melabuh al-Jawi min ahali al-Juhur Baharu''. Maksudnya Saidi dan Ihsan bin Haji Abdur Rahman bin Haji Ibrahim, Khathib Melabuh yang berasal dari kekeluargaan Johor Bahru. Salinan telah dilakukan pada tengah hari Rabu, 15 hari terakhir bulan Rejab 1313 H.
2. Ushulud Din I'tiqad Ahlis Sunnah wal Jamaah, diselesaikan hari Khamis, 24 Zulkaedah 1323 H. Kandungan membicarakan akidah, sifat dua puluh. Dicitak oleh Mathba'ah At-Taraqqil Majidiyah al-Utsmaniyah 1330 H.
3. Ar-Risalatul Wahbatil Ilahiyah fi Bayani Itsqati ma'alal Maiyiti minal Huquqi was Shiyam was Shalati, diselesaikan malam Ahad, 2 Muharram 1327 H. Kandungan membicarakan fidiyah sembahyang, puasa dan lain-lain. Dicitak oleh Mathba'ah At-Taraqqil Majidiyah al-Utsmaniyah 1330 H. Ditashhah oleh Syeikh Idris bin Husein al-Kalantani.
4. As-Shawa'iqul Muhriqah lil Auhamil Kazibah fi Bayani Hillil Baluti war Raddu `ala man Harramahu, diselesaikan: Malam Isnin, 8 Muharram 1329 H. Kandungan membicarakan hukum boleh makan belut. Dicitak oleh Mathba'ah At-Taraqqil Majidiyah al-Utsmaniyah 1329 H
5. It-hafus Sadatil Muhadditsin bi Musalsalatil Ahaditsil Arba'in, diselesaikan: 8 Rabiulawal 1345 H. Kandungan membicarakan berbagai-bagai sanad/silsilah keilmuan dan amalan. Dicitak oleh Mathba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah, Mesir, Jumadilawal 1345 H Ditashhah oleh Syeikh Muhammad az-Zahari al-Ghamrawi.
6. Khutbah al-Jumaat, tidak terdapat kenyataan tahun penulisan. Kandungan Khutbah Jumaat, khutbah yang pertama dan khutbah yang kedua. Dicitak tidak terdapat nama percetakan.
7. Kitab ad-Durril Munif fi Syarhil Wirdil Lathif, tidak terdapat kenyataan tahun penulisan. Kandungan membicarakan wirid, zikir, doa, dan lain-lain. Cetakan yang pertama Mathba'ah at-Taraqqil Majidiyah al-'Utsmaniyah, atas perbelanjaan pemiliknya Muhammad Majid al-Kurdi al-Makki, 1330 H.
8. Mukhtashar Kitab ad-Durril Munif fi Syarhil Wirdil Lathif, tidak terdapat tahun penulisan. Kandungan membicarakan wirid, zikir, doa, dan lain-lain. Dicitak oleh Mathba'ah al-'Arabiyah, Mekah, 13/2/1352. Pada halaman 7 pengarang mencatatkan bahawa syarah kitab ini dicetak pertama kali di Mekah tahun 1330 H dan cetakan yang kedua, tahun 1345 H di Mesir. Bahawa beliau telah mencantumkan 30 hadis berserta dengan syarahnya di dalam kitab tersebut.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Datuk Abdullah Musa - Mufti dan Hakim Besar Johor

Dat uk A bdul lah M usa - Mufti dan Hak im B esar Joh or

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DALAM Ruangan Agama, Utusan Malaysia minggu lalu terdapat artikel mengenai budi bahasa. Budi bahasa yang dibicarakan adalah surat daripada seorang ulama kepada seorang raja. Artikel ini dimulai dengan membicarakan surat daripada seorang pembesar kepada seorang ulama. Pembesar yang dimaksudkan ialah Datuk Mufti dan Hakim Besar Johor, beliau ialah Datuk Paduka Mahkota Johor Abdullah bin Musa.

Dalam koleksi catatan dan surat-surat Syeikh Ahmad al-Fathani terdapat maklumat mengenai beliau.

Sepucuk surat daripadanya ditujukan kepada Syeikh Wan Muhammad Zain bin Mustafa al-Fathani dan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, surat tersebut bertarikh 25 Safar 1321 H/22 Mei 1903 M. Beliau menyebut Syeikh Muhammad Zain al-Fathani sebagai Hadhrat Ayahanda dan untuk Syeikh Ahmad al-Fathani dengan panggilan Hadhrat Al-Fadhil Kakanda. Sama ada Syeikh Wan Muhammad Zain bin Mustafa al-Fathani mahu pun Syeikh Ahmad al-Fathani (yang disurati), keduanya adalah tokoh yang banyak berjasa dalam pembentukan watak Abdullah bin Musa. Pergaulan antara mereka memakan masa yang agak panjang, iaitu sama ada mereka berada di Patani dan Kelantan sehinggalah mereka berpindah ke Mekah. Hubungan pertalian kekeluargaan dan rangkaian ilmu, sama ada yang bercorak zahiri mahu pun yang bercorak batini tiada dapat dipisahkan. Oleh itu ilmu-ilmu yang berasal daripada ayah dan anaknya itu dipegang kejam-kejam oleh Abdullah dari sejak muda hinggalah beliau memperoleh kedudukan yang demikian tinggi di Kerajaan Johor.

Abdullah sungguhpun mendapat kedudukan yang tinggi di Johor, sebenarnya berasal dari Kelantan. Nampaknya memang ramai ulama Kelantan yang pernah menjadi mufti di luar Kelantan, di antaranya Wan Muhammad menjadi Mufti Perak yang pertama. Ismail bin Abdul Majid pernah menjadi Mufti Kerajaan Pontianak, Abdur Rahman bin Husein pernah menjadi Mufti Kerajaan Mempawah, dan ramai lagi.

PENDIDIKAN

Abdullah berasal dari Kelantan, kelahiran Pasir Pekan, Syawal 1279 H/April 1863 M. Biografi Abdullah juga belum banyak ditulis orang, maka riwayat ringkas mengenai beliau dijelaskan sebagai yang berikut: Pendidikan awalnya di beberapa

pondok di Patani, merupakan kader Pondok Bendang Daya. Syeikh Muhammad Zain (Tok Wan Din) al-Fathani yang tersebut adalah salah seorang gurunya sewaktu berada di Pondok Bendang Daya, dan Abdullah belajar lagi kepada beliau sewaktu di Mekah.

Di antara yang seangkatan dengan Abdullah sewaktu belajar di Bendang Daya ialah Ismail bin Mustafa al-Fathani (Cik Doi Kedah), Muhammad Husein bin Abdul Lathif al-Fathani/Tok Kelaba, Kadi Muhammad Sa'id Umar Kedah, Syeikh Daud bin Mustafa al-Fathani (Tok Cik Wan Daud al-Fathani), dan ramai lagi.

Sewaktu melanjutkan pelajaran di Mekah Abdullah belajar kepada ramai ulama. Ulama-ulama yang berasal dari dunia Melayu di antaranya: Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani, Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani, Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani, dan gurunya yang terakhir adalah Syeikh Ahmad al-Fathani.

Selain belajar kepada ulama-ulama yang berasal dari dunia Melayu, Abdullah juga belajar kepada ulama-ulama bangsa Arab yang terkenal pada zaman itu, di antara mereka ialah Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, Syeikh Abu Bakri Syatha, dan lain-lain. Ilmu khusus dalam bidang pentadbiran, siasah (politik), dan lain-lain yang bersangkutpaut pada kemaslahatan dunia, Abdullah hanyalah menerima pelajaran daripada Syeikh Ahmad al-Fathani bukan kepada ulama-ulama lainnya.

Mengajar

Abdullah pulang ke Kelantan mendapat arahan daripada Syeikh Ahmad al-Fathani supaya menyebarkan ilmu ke Tanah Jawi, lalu berpindah pula ke Johor pada 22 Disember 1882 M. Di Johor beliau mulai mengajar kitab secara berpindah-pindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Banyak masjid dan surau tempat beliau mengajar. Pada 22 Mac 1886 M. beliau pulang ke Kelantan dan pada 10 April 1886 M. atas permintaan murid-muridnya di Johor, maka Abdullah kembali ke Johor lagi.

Pelantikan Abdullah sebagai Hakim Besar Johor dan berikutnya sebagai Datuk Mufti Johor di sebut oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi dalam buku, Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali diterbitkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, 1983, hlm. 47 - 48 bahawa pada 22 Jun 1887 dilantik oleh Sultan Johor sebagai Hakim Besar Kerajaan Johor. Bererti jawatan sebagai Hakim Besar Johor lebih dulu disandangnya daripada Mufti Datuk Kerajaan Johor. Kariernya terus naik, dua tahun kemudian tepatnya pada 9 Mac 1889 dilantik pula sebagai Mufti Kerajaan Johor. Walau bagaimanapun tarikh ini berbeza dengan tulisan Othman Ishak dalam bukunya, Fatwa Dalam Perundangan Islam, terbitan Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 31 bahawa Abdullah berkhidmat dari tahun 1899 hingga 1907, sebagai mufti yang kedua. Mufti Johor yang pertama ialah Datuk Syed Salim bin Ahmad al-Attas yang berkhidmat dari tahun 1896 hingga tahun 1899. Yang disebut oleh Othman Ishak ada persamaan dengan Buletin Majlis, terbitan Majlis Agama Islam Johor, bil. 18, 1424 H./ 2003 M., hlm. 7, yang menyebut tentang Mufti Johor 1895

- 2004 M., bahawa mufti yang pertama Datuk Syed Salim bin Ahmad al-Attas tahun 1895 - 1899 M. Mufti yang kedua, ialah Abdullah tahun 1899 - 1907 M. Daripada pertikaian penulisan yang tersebut di atas saya berpendapat bahawa kemungkinan Abdullah dilantik menjadi Mufti Johor dua kali. Yang pertama ialah 9 Mac 1889 M hingga tahun 1895 M. Sesudahnya ialah Datuk Syed Salim bin Ahmad al-Attas, sesudah itu Abdullah dilantik lagi untuk menjadi Mufti Johor untuk yang kedua kali pada tahun 1899 - 1907 M. Oleh sebab terjadinya maklumat yang berbeza seperti yang tersebut di atas, penelitian yang lebih kemas perlu dijalankan. Mufti Kerajaan Johor sesudah Abdullah (pelantikan kedua) ialah Datuk Syed Abdul Kadir bin Mohsin al-Attas tahun 1907 - 1933 M. dan seterusnya sehinggalah Mufti Johor yang sekarang Datuk Nooh bin Gadot yang dilantik tahun 1999 M. hingga sekarang. Jika kita perhatikan pelantikan kedua Abdullah (1899 - 1907 M) hingga pelantikan Datuk Nooh bin Gadot (1999 - 2005 M) mengambil jarak waktu sekitar lebih kurang 100 tahun.

Abdullah wafat pada malam Jumaat, 19 Ramadan 1325 H./25 Oktober 1907 M. mendahului gurunya Syeikh Muhammad Zain dan Syeikh Ahmad al-Fathani sekitar lebih kurang tiga bulan.

BUDI BAHASA PERSURATAN

Pada mukadimah telah disentuh perkara 'budi bahasa'. Oleh sebab budi bahasa baru-baru ini termasuk anjuran kerajaan, maka beberapa contoh kalimat yang mengandungi unsur budi bahasa dirasakan perlu memperkenalkannya. Di antara kalimat Abdullah yang berunsurkan budi bahasa seperti kata beliau, "Sangatlah lama adinda tiada menulis kepada Hadhrat Ayahanda al-Haji Wan Muhammad Zain, demikian jua kepada Hadhrat Kakanda (maksudnya Syeikh Ahmad al-Fathani, pen:), maka iaitu semata-mata menunjukkan atas kebebalaan dan kurang budi adinda jua. Daripada sebab itu haraplah adinda kiranya yang demikian itu dimaafkan."

Tawaduk

Daripada kalimatnya "...maka iaitu semata-mata menunjukkan atas kebebalaan dan kurang budi adinda jua ..." mencerminkan bahawa Abdullah seorang yang tawaduk dan tidak membesarkan diri. Sifat tawaduk, tidak membesarkan diri termasuk dalam kategori sifat mahmudah (sifat terpuji) yang dalam hal ini termasuk dalam golongan budi bahas. Beliau lama tidak berkirim surat kepada kedua-dua gurunya, melambangkan terputusnya hubungan silaturahim. Putus hubungan silaturahim bererti adalah sangat dicela oleh agama Islam. Secara terus terang mengaku kelemahan dan kesalahan dirinya, dengan kalimatnya, "...menunjukkan atas kebebalaan dan kurang budi adinda jua ..." Jika kita bandingkan dengan kebanyakan orang pada zaman kita apabila mereka tidak dapat menghubungi keluarga atau pun teman dekat atau lainnya, mereka akan memberi alasan 'kerana sibuk', atau pun beribu-ribu macam dalih. Sebenarnya kerana rendahnya budi bahasa sangat ramai orang sanggup mengabaikan hubungan dengan kedua-dua ibu bapanya.

Kalimat di bawah ini juga mencerminkan kehalusan budi bahasa Abdullah, kata beliau, ``Dan lagi adinda harapkan kiranya kakanda berbuat kasihan dan tolong memberi sedikit kenyataan beberapa lagi baki hutang al-Haji Ya'qub Kangkung, Kelantan kepada ayahanda dahulu itu kerana hutang itu adinda telah sanggup hendak membayarkan ...'' Daripada kalimat ini dapat diambil beberapa kesimpulan bahawa Abdullah seorang yang pengasih terhadap sesama Islam, kerana mungkin meresapnya ajaran tentang sesama Islam itu adalah bersaudara. Langkah membayar hutang orang lain, yang telah meninggal dunia pernah diamalkan oleh para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. Perkara yang lain pula, Abdullah kemungkinan dapat membayangkan bahawa orang yang tidak mahu membayar hutang ancamannya sangat keras, di antara amalannya tidak diterima oleh Allah s.w.t., amalan itu tergantung di antara bumi dan langit. Orang-orang yang berbudi bahasa apabila dia berhutang, di dalam hati tetap berazam untuk membayar hutang. Hanya orang-orang yang tidak berbudi bahasa saja yang senantiasa berbelit-belit mengelak membayar hutang.

Daripada contoh budi bahasa dalam persuratan yang dilakukan oleh Abdullah di atas, memandangkan kedudukan beliau sebagai seorang Hakim Besar dan Mufti sangat menarik untuk diberi sedikit komentar.

Hampir semua orang tahu bahawa seorang hakim kerjanya ialah memutuskan sesuatu perkara di mahkamah atau pengadilan. Dalam ajaran Islam seorang hakim wajib menghukum dengan adil. Hakim yang tidak adil ancamannya adalah neraka. Pengertian mufti pula ialah orang yang dapat memberi fatwa dengan tepat dan betul menurut al-Quran, hadis, ijma' dan qiyas. Seseorang mufti yang memberi fatwa sesuai dengan kehendak syarak diberi pahala. Sebaliknya fatwa yang tidak betul juga diancam dengan hukuman keras di akhirat kelak. Daripada budi bahasa yang terdapat pada surat tersebut, kita dapat membayangkan Abdullah sama ada kedudukan beliau sebagai Hakim Besar mahu pun sebagai mufti, beliau berpegang teguh kepada ajaran Islam. Oleh itu kita wajib berbaik sangka, bukan sebaliknya. Kita berbaik sangka bahawa Abdullah menjalankan tugas dan memenuhi tanggungjawab yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Sangatlah kita harapkan terhadap semua orang yang berkedudukan seumpamanya berbuat demikian, mudah-mudahan kita terhindar daripada tindakan seseorang yang tidak berbudi bahasa sama ada dalam ucapan, persuratan mahu pun dalam tindakan kerana padah dan akibatnya sangat merugikan masyarakat.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Tok Kelaba al-Fathani - Menyalin pelbagai manuskrip Melayu

Tok Kelaba al-Fathani - Menyalin pelbagai manuskrip Melayu

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

ULAMA dan tokoh yang diperkenalkan dalam artikel ini ialah orang yang paling banyak menyalin pelbagai karya yang dihasilkan oleh ulama-ulama terdahulu daripadanya. Beliau ialah Muhammad Husein bin Abdul Lathif al-Fathani atau lebih popular dengan gelaran Tok Kelaba Beris al-Fathani. Beliau bukan hanya menyalin karya ulama yang berasal dari Patani tetapi meliputi karya ulama-ulama Aceh, Banjar, Palembang dan lain-lain. Tidak juga setakat menyalin, tetapi menambah komentar di bahagian tepi dan bawah sesuatu kitab yang disalinnya dan selanjutnya disebut dhabith, atau boleh juga disebut nota tepi dan nota kaki. Pada nota tepi dan nota kaki sentiasa disebut nama kitab yang dirujuk dan nama pengarangnya serta banyak menyebut nama guru yang diutamakannya iaitu: Syeikh Abdul Qadir bin Mustafa al-Fathani. Bukan hanya sebagai penyalin, tetapi beliau juga meninggalkan beberapa buah karangan yang berharga, namun yang sempat dicetak hanya lima buah. Bukan hanya mengarang dalam bahasa Melayu, tetapi juga meninggalkan karya yang dikarang dalam bahasa Arab.

Ada dua macam perkhidmatan dalam bidang penulisan dan keilmuan yang dicontohi oleh Tok Kelaba, iaitu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani yang menulis terus menerus sehingga tertidur di hadapan sesuatu karya yang sedang dikerjakan, tidak pernah tidur di atas tempat tidur yang khusus seperti kita sekarang ini. Syeikh Ahmad al-Fathani yang membaca dan menulis terus menerus sehingga mengantuk. Jika mengantuk beliau tidak langsung tidur tetapi terus berdiri dan menghafal kalimat yang sedang dibaca atau kalimat terakhir yang ditulisnya. Hal ini dilakukan hingga hilang mengantuk atau terus terjatuh kerana mengantuk, pada waktu itulah beliau tertidur sebentar. Lain halnya dengan Tok Kelaba, beliau mencuba meniru kedua-dua ulama asal Patani yang beliau kagumi itu sehingga pada siku beliau berbekas hitam menebal (membelulang) kerana bertekan sewaktu melakukan penulisan yang terlalu banyak.

Sumber ilham pertama sehingga Tok Kelaba terjun ke bidang penyalinan manuskrip merupakan wasiat daripada gurunya, Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa al-Fathani (saudara kandung Syeikh Abdul Qadir) kerana Syeikh Muhammad Zain al-Fathani tersebut yang pertama sekali mengambil inisiatif supaya semua karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani mesti diabadikan dengan cara membuat sekurang-kurangnya dua salinan. Sumber kedua adalah suatu penekanan daripada gurunya yang terakhir, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, dan Tok Kelaba sendiri mengikuti perkembangan hampir seluruh aktiviti Syeikh Ahmad al-Fathani mulai proses penyalinan hingga penerbitan pelbagai kitab Melayu/Jawi dan penyebarannya secara meluas.

Daripada hal-hal tersebut, Tok Kelaba mencurahkan fikiran, menggandakan kekuatan tenaga dan menghabiskan masa semata-mata berkhidmat kepada ilmu pengetahuan dengan jalan mengarang kitab, menyalin karya orang lain, menyebarkannya kepada masyarakat, mengajar dan menambah ilmu yang belum diketahuinya

Asal usul

Setelah saya mengetahui daripada maklumat yang masih mentah berupa catatan-catatan, manuskrip-manuskrip dan pelbagai bahan bercetak, saya mulai mengadakan penelitian tentang ulama ini sejak tahun 1972 Masihi, dan terakhir sekali menemui seorang anak beliau dan beberapa cucunya, maka dapat diambil data-datanya yang boleh dianggap lengkap. Datuk-neneknya berasal dari negeri Khurasan. Yang pertama datang ke dunia Melayu bernama Syarif Zainal Abidin. Beliau merantau ke Pulau Jawa lalu berkahwin dengan seorang wanita berasal dari Minangkabau. Oleh sebab terjadi peperangan di Jawa, Syarif Zainal Abidin bersama salah seorang Raja Jawa keluar dari Pulau Jawa lalu terdampar di Kelaba, iaitu sebuah negeri dalam Daulah Islam Patani Darus Salam. Syarif Zainal Abidin adalah seorang ulama, sebab itu mudah baginya mendapat pengaruh di Kelaba. Beliau meninggal dunia di Kelaba. Anak kepada Syarif Zainal Abidin yang bernama Abu Bakar, berpindah ke Kelantan dan menetap di Kampung Laut. Di Kampung Laut, Kelantan beliau memperoleh anak bernama Abdullah. Abdullah memperoleh anak bernama Abdus Shamad. Abdus Shamad berpindah pula ke Kelaba. Beliau mendapat anak bernama Abdul Mu'min. Abdul Mu'min mendapat anak bernama Abdul Lathif. Abdul Lathif mendapat anak bernama Muhammad Husein (Tok Kelaba) yang diriwayatkan ini.

Berdasarkan tulisan Tok Kelaba sendiri yang tercatat di bahagian tepi manuskrip Fat-hul Mannan karya Syeikh Daud bin Abdullah, salinan beliau adalah Muhammad Husein, kunyahnya Abu Bakar. Dan namanya Abdullah. Kemudian digelar Muhammad Husein oleh isteri gurunya. Dengan dialah makruf antara manusia yang kemudian-kemudian. Dan segala manusia yang dahulu-dahulu dimakrufkan dengan Abdullah, hanyalah cicit bagi abid Abdul Karim, iaitu bapa kepada Nik Mik, iaitu ibu bagi Abdul Latif yang tersebut dahulu itu.''

Abdul Karim yang disebutkan itu bersabit keluarga antara beliau dengan keluarga besar Sena Janjar dan Bendang Daya, iaitu keluarga besar Syeikh Ahmad al-Fathani, Syeikh Ismail bin Abdur Qadir al-Fathani dan ulama-ulama Patani yang terkenal lainnya. Dalam salah sebuah salinan manuskrip Ghayatut Taqrib karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, pada bahagian tepi halaman terakhir Tok Kelaba mencatat, ``... Muhammad Husein bin Abdul Lathif, dan adalah Abdul Lathif itu mati pada Khamis delapan hari bulan Rejab (8 Rejab) pada sanah 1307 (Hijrah). Beliau dikuburkan di Kubur Tanjung, Bukit Kecil bersama bapanya, ibunya dan lain-lainnya. Dan diperanakkan Muhammad itu pada sanah 1280 (Hijrah). Maka umurnya hingga sampaikan sanah 1340 (Hijrah) ini 69 tahun. Telah putih segala bulunya dan tanggal giginya.''

Nampaknya catatan Tok Kelaba itu ada sedikit perbezaan dengan catatan Abdul Lathif, anak beliau yang pernah saya tulis riwayatnya sebelum ini, iaitu, ``Pada sanah 1330 maka umur Haji Muhammad Husein 52 tahun pada waktu itu (iaitu lahir pada sanah 1278) jumlah umurnya 89 tahun. Peringatan ! Tuan guru Muhammad Husein Tok Kelaba ke rahmatullah pada hari Selasa 21 Syaaban, pukul 4 sanah 1367.''

Oleh sebab tahun kelahiran

daripada catatan beliau sendiri ditemui, maka yang lebih dapat dipegang ialah catatan beliau sendiri, iaitu tahun 1280 Hijrah/1863 Masihi itu, bukan tahun 1278 Hijrah/1861 Masihi seperti yang diperkenalkan sebelum ditemui catatan ini. Oleh kerana Tuan Guru Haji Muhammad Husein berasal dari Kelaba, Beris, maka terkenallah sebutan beliau dengan Tok Kelaba saja. Kerana beliau banyak menghafal hadis dan pakar dalam ilmu tersebut, digelar juga Tok Hadis. Setelah kerajaan Patani Darus Salam dijajah, Kelaba dimasukkan dalam pemerintahan Saiburi atau nama pada zaman dahulu disebut Selindung Bayu. Pada zaman mutakhir nama Selindung Bayu dipakai untuk nama negeri Teluban, iaitu Teluban yang namanya masih digunakan sampai sekarang. Dalam catatan Tok Kelaba, beliau tidak menggunakan nama Teluban tetapi masih menggunakan Selindung Bayu, seperti kata beliau, ``Mula saya Haji Muhammad Husein duduk di Selindung Bayu pada hari Sabtu 15 bulan Zulkaedah pada sanah 1323 Hijrah.''

Pendidikan

Keterangan anak beliau, Abdul Lathif, bahawa Tok Kelaba pertama sekali belajar membaca al-Quran kepada abang sepupunya Abdur Rahman Pancor, Kelaba. Sejak berumur tujuh tahun telah memondok di Semala (Patani). Pengetahuan yang sangat mendalam diperolehnya di Pondok Bendang Daya. Beliau merupakan kader tertua dalam pondok itu. Di peringkat awal belajar kepada Syeikh Haji Wan Mustafa bin Muhammad al-Fathani (Tok Bendang Daya I). Tok Kelaba hanya sedikit memperoleh ilmu daripada hulubalang tersebut, kerana umur beliau yang ketika itu sudah sangat tua dan tidak berapa lama setelah Tok Kelaba datang ke Bendang Daya, hulubalang itu meninggal dunia dalam usia 120 tahun. Pimpinan Pondok Bendang Daya sesudah itu diserahkan kepada anak beliau bernama Syeikh Wan Abdul Qadir yang selanjutnya digelar dengan Tok Bendang Daya II. Dalam tahun 1312 Hijrah/1895 Masihi, Tok Bendang Daya II mendapat tugas daripada Sultan Patani Darus Salam untuk menghaji dan mengumrahkan beberapa orang keluarga diraja yang telah meninggal dunia, maka beberapa murid kesayangannya dibawa serta, terutama sekali Tok Kelaba. Keberangkatan ke Mekah itu merupakan panggilan ajal bagi gurunya Tok Bendang Daya II, beliau wafat di Mekah. Dengan demikian Tok Kelaba tidak langsung pulang ke Kelaba, beliau mendekati keluarga besar gurunya termasuk Syeikh Muhammad Zain al-Fathani yang telah lama berpindah ke Mekah. Pada waktu itu sahabatnya Syeikh Daud bin Mustafa al-Fathani (saudara bongsu Syeikh Muhammad Zain al-Fathani dan Tok Bendang Daya II) telah menjadi seorang ulama di Mekah tetapi masih juga belajar kepada anak saudaranya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Maka Tok Kelaba pun ikut belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani yang lebih tua daripadanya sekitar lapan tahun saja (Syeikh Ahmad al-Fathani lahir 1272 Hijrah, Tok Kelaba lahir 1280 Hijrah). Ketika belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani di Mekah, Tok Kelaba bersahabat dengan beberapa orang terkenal di antaranya Tok Kenali Kelantan, Syeikh Abdur Rahman Gudang al-Fathani, dan lain-lain. Tok Kelaba belajar juga kepada Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani. Ketika belajar di Mekah itu Tok Kelaba juga menyempatkan diri menadah ilmu kepada ulama-ulama Arab yang terkenal iaitu Syeikh Muhammad

bin Sulaiman Hasbullah al-Makki. Walau bagaimanapun yang sangat berkesan bagi Tok Kelaba ialah Tok Bendang Daya II, hampir semua kitab yang beliau tulis mahupun salinan karya orang lain sentiasa menyelitkan fatwa atau pendapat yang berasal daripada Tok Bendang Daya II. Demikian juga dalam setiap kali mengajar selalu menyebut nama Tok Bendang Daya II tak ubahnya dengan Tok Kenali Kelantan yang sentiasa menyebut nama gurunya Syeikh Ahmad al-Fathani.

Karya

Karya-karya Tok Kelaba dibahagi kepada dua bentuk; Karya Asli dan Karya Salinan. Disebabkan kekurangan ruangan yang dapat diperkenalkan di sini hanyalah Muqaddimatul Athfal fi Shifatillahi zil Jalal saja, diselesaikan di Patani pada 8 Rabiulawal 1305 Hijrah. Semua halaman kitab ini penuh dengan nota atas, nota tepi kiri-kanan dan nota kaki. Dua muka setengah di bahagian dalam pula terdapat judul baru yang disebut Faedah yang membicarakan pelbagai wirid dan doa. Tentang ini diselesaikan pada tahun 1322 Hijrah. Di bahagian tepi juga beliau memperkenalkan beberapa pemikiran gurunya, Syeikh Abdul Qadir al-Fathani yang beliau sebut dengan Syaikhuna saja. Juga terdapat rujukan kitab-kitab Syeikh Ahmad al-Fathani, Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Nuruddin ar-Raniri, Syeikh Umar Makkah dan lain-lainnya. Kitab ini diterbitkan oleh Abdul Mubin bin Muhammad Thaiyib al-Fathani dicetak oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah, 1331 Hijrah/1912 Masihi.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Husein Kedah al-Banjari - Generasi penerus ulama Banjar

Husein Kedah al-Banjari - Generasi penerus ulama Banjar

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

APABILA kita membicarakan keturunan ulama yang terlibat dalam penulisan kitab-kitab pengetahuan Islam di dunia Melayu, maka saham atau andel terbesar ialah keluarga besar ulama Patani, yang melibatkan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathani, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani dan ramai lagi. Sesudah ulama Patani, demikian juga keluarga besar ulama Banjar. Mengenainya dimulai oleh Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dan keturunan beliau.

Salah seorang keturunan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari yang menyatu darah dengan orang Kedah ialah Tuan Husein Kedah al-Banjari. Nama lengkapnya ialah Tuan Haji Husein Kedah bin Muhammad Nashir bin Syeikh Muhammad Thaiyib bin Syeikh Mas'ud bin Qadhi Abu Su'ud bin Syeikh Muhammad Arsyad al-

Banjari bin Abdullah. Tuan Husein lahir di Titi Gajah, Alor Setar, Kedah, hari Ahad, 20 Jamadilawal 1280 Hijrah/2 November 1863 Masihi dan meninggal dunia pada hari Isnin, 18 Zulkaedah 1354 Hijrah/10 Februari 1936 Masihi).

Pendidikan

Tuan Husein Kedah al-Banjari sebaya umur dengan Haji Muhammad Saleh, Pulau Pisang, Darul Qiyam, Kedah (Ulama Nusantara, Utusan Malaysia, Isnin, 31 Mei 2004) kerana sama-sama lahir dalam tahun 1280 Hijrah/1863/4 Masihi. Barangkali ada hubungan erat antara kedua-dua ulama itu kerana ibu Tuan Husein bernama Tengku Fatimah binti Tengku Mahmud, juga berasal dari daerah Kubang Pasu.

Tuan Husein Kedah mendapat pendidikan asas sistem pondok daripada datuknya Haji Muhammad Thaiyib Kedah al-Banjari, seorang ulama besar yang juga menghasilkan beberapa buah karangan. Pelajaran dilanjutkan di Patani, di Pondok Bendang Daya dan sempat belajar kepada pengasasnya, Haji Wan Mushthafa bin Muhammad al-Fathani (Tok Bendang Daya I) dan selanjutnya kepada anak beliau, Syeikh Abdul Qadir (Tok Bendang DayaII). Ketika di Bendang Daya dipercayai beliau bersahabat dengan Wan Ismail bin Mushthafa (Cik Doi) dan Tok Kelaba. Selain di Bendang Daya Tuan Husein juga pernah belajar di Pondok Semela.

Untuk lebih memantap dan memperdalam pelbagai ilmu Tuan Husein melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Sewaktu di Mekah dipercayai Tuan Husein Kedah al-Banjari bersahabat dengan Haji Muhammad Saleh, Pulau Pisang. Di antara guru kedua-duanya ialah Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani, Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Sayid Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki dan ramai lagi. Di antara guru kedua-duanya yang paling muda ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, dan yang lebih tua antara tujuh atau lapan tahun saja daripada kedua-duanya.

Sungguhpun tulisan ini pada mulanya adalah untuk memfokuskan penulisan kitab yang telah dihasilkan oleh Tuan Husein Kedah al-Banjari, namun perlu juga disentuh bahawa perjuangan beliau dalam segi mengajar sama ada di pondok pengajian yang diasaskannya mahupun mengajar kitab di tempat-tempat tertentu adalah sejalan, seimbang dan sama berat dengan penulisan. Oleh itu Tuan Husein Kedah dapat kita klasifikasikan sebagai seorang ulama besar yang sangat gigih dalam perjuangan menggunakan kalam (perkataan) dan qalam (pena/ penulisan) demi penyebaran ilmu pengetahuan Islam.

Penulisan

1. An-Nurul Mustafid fi Aqaidi Ahlit Tauhid, diselesaikan pada tahun 1305 Hijrah/1888 Masihi. Kandungannya membicarakan tentang tauhid, akidah Ahlis Sunnah wal Jamaah.

2. Tamrinush Shibyan fi Bayani Arkanil Islam wal Iman, diselesaikan pada hari Sabtu, 1 Syaaban 1318 Hijrah. Menggunakan nama Husein Nashir bin Muhammad Thaiyib al-Mas'udi al-Banjari. Kandungannya membicarakan tauhid, akidah Ahlis Sunnah wal Jamaah dinyatakan rujukannya ialah Ummul Barahin, Syarah Hudhudi, karya as-Suhaimi, Hasyiyah Syarqawi dan Dhiyaul Murid. Dicitak oleh Mathba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah, Mesir, Zulkaedah 1346 Hijrah, ditashhah oleh Ilyas Ya'qub al-Azhari.
3. Hidayatus Shibyan fi Ma'rifatil Islam wal Iman, menggunakan nama Abi Abdullah Husein Nashir bin Muhammad Thaiyib al-Mas'udi al-Banjari. Diselesaikan pada hari Isnin, 18 Muharam 1330 Hijrah. Kandungannya membicarakan tentang tauhid dan fikah. Cetakan yang pertama Mathba'ah At-Taraqqil Majidiyah al-'Utsmaniyah 1330 Hijrah. Dicitak pula oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan Singapura, 1345 Hijrah/1927 Masihi. Ditashhah oleh Syekh Idris bin Husein al-Kalantani.
4. Kisarul Aksir lish Shaghir `indal Kabir li Ma'rifatillahil `Alimil Khabir, diselesaikan pada hari Khamis, 25 Rabiulakhir 1336 Hijrah. Kandungannya membicarakan tentang tasauf dan thariqat. Cetakan yang ketiga, Al-Huda Press, Pulau Pinang, Safar 1356 Hijrah/April 1937 Masihi. Kitab ini baru diperoleh di Kampung Pulau Pisang, Kedah, pada 26 Jamadilawal 1425 Hijrah/14 Julai 2004 Masihi.
5. Hidayatul Athfal, diselesaikan pada 1336 Hijrah. Kandungannya pelajaran tauhid untuk kanak-kanak.
6. Hidayatul Mutafakkirin fi Tahqiqi Ma'rifati Rabbil `Alamin, diselesaikan pada 3 Rabiulakhir 1337 Hijrah. Kandungannya membicarakan tentang tauhid, menurut akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Cetakan yang pertama Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan Singapura, 1345 Hijrah/1927 Masihi. Cetakan yang kelima, Mathba'ah Persama, 83-85, Achen Street, dekat Masjid Melayu, Pulau Pinang, 1377 Hijrah/1957 Masihi.
7. Tafrihus Shibyan fi Maulidin Nabi min Waladi `Adnan, diselesaikan pada hari Selasa 3 Rabiulawal 1341 Hijrah. Kandungannya mengenai sejarah kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. Dicitak oleh Mathba'ah Persama, 83-85, Achen Street, dekat Masjid Melayu, Pulau Pinang, 1382 Hijrah/1962 Masihi.
8. Tazkiru Qabailil Qadhi, diselesaikan pada 1343 Hijrah. Kandungannya merupakan Terjemahan Hadits Jawahir al-Bukhari, terdiri daripada dua juzuk, yang telah dijumpai hanya juzuk yang pertama saja. Cetakan yang pertama, Al-Maktabah Zainiyah, Taiping Perak, 1350 Hijrah. Dicitatkan, ``Titah membenarkan dicetak dari bawah Duli Yang Maha Mulia as-Sultan Perak atas minit paper Qadhi Kuala Kangsar nombor 149/30''.
9. Bidayatut Thalibin ila Ma'rifati Rabbil `Alamin, diselesaikan 1344 Hijrah. Kandungannya membicarakan ilmu tauhid. Cetakan yang kedua The United Press, No. 3 Dato' Keramat Road, Pulau Pinang, 1357 Hijrah. Ditashhah oleh Ilyas Ya'qub al-Azhari.
10. `Alaqtul Lamiyah wash Sharfiyah, diselesaikan 1345 Hijrah. Kandungannya membicarakan ilmu sharaf atau perubahan perkataan dalam bahasa Arab.

11. Ushulut Tauhid fi Ma'rifati Thuruqil Iman lir Rabbil Majid, diselesaikan 6 Syawal 1346 Hijrah. Kandungannya membicarakan falsafah ilmu tauhid dan ilmu fikah. Dicitak oleh Mathba'ah Az-Zainiyah, Taiping, Perak, hari Jumaat, 4 Jamadilakhir, 1347 Hijrah (cetakan kedua). Cetakan ulangan oleh percetakan yang sama tahun 1355 Hijrah (cetakan ketiga). Dicitak semula dengan kebenaran anak pengarangnya Tuan Guru Haji Ahmad bin Tuan Husein, Qadi Besar Pulau Pinang dan Seberang Perai kepada The United Press, Pulau Pinang, selesai cetak 11 Jamadilawal 1393 Hijrah.
12. Hidayatun Nikah, diselesaikan 1347 Hijrah. Kandungannya membicarakan perkara-perkara mengenai nikah kahwin.
13. Qathrul Ghaitsiyah fi `Ilmish Shufiyah `ala Syari'atil Muhammadiyah, diselesaikan 25 Jamadilawal 1348 Hijrah. Kandungannya membicarakan tasawuf. Cetakan yang kedua, Mathba'ah Persama, 93 Achen Street, Pulau Pinang. Kitab ini baru diperoleh di Kampung Pulau Pisang, Kedah, pada 26 Jamadilawal 1425 Hijrah/14 Julai 2004 Masihi.
14. Majmu'ul La-ali lin Nisa' wal Athfaliyi, juzuk yang pertama, diselesaikan pada hari Jumaat, 5 Jamadilakhir 1350 Hijrah. Kandungan mukadimahny menyatakan bahawa judul ini terdiri daripada sepuluh juzuk. Juzuk yang pertama, membicarakan hukum taharah dalam bentuk soal-jawab. Cetakan yang ketiga The United Press, Pulau Pinang, Jamadilakhir 1360 Hijrah. Kitab ini baru diperoleh di Kampung Pulau Pisang, Kedah, pada 26 Jamadilawal 1425 Hijrah/14 Julai 2004 Masihi.
15. Majmu'ul La-ali lin Nisa' wal Athfaliyi, juzuk ke-2, diselesaikan petang Isnin, 20 Rejab 1350 Hijrah. Kandungannya membicarakan tentang sembahyang dalam bentuk soal-jawab. Tidak terdapat nama percetakan. Dicitak pada 22 Jamadilakhir 1352 Hijrah (cetakan kedua), dinyatakan bahawa terdapat tambahan daripada cetakan yang pertama. Cetakan yang ketiga The United Press, Pulau Pinang, 3 Jamadilakhir 1360 Hijrah.
16. Tabshirah li Ulil Albab, diselesaikan tahun 1351 Hijrah. Kandungannya membicarakan tentang akidah/tauhid.
17. Hidayatul Ghilman, diselesaikan pada tahun 1351 Hijrah. Kandungannya membicarakan tentang akidah/tauhid yang ditulis dalam bahasa Arab.
18. Bunga Geti, diselesaikan pada tahun 1354 Hijrah. Kandungannya membicarakan tentang sembahyang qada atau mengganti sembahyang yang ketinggalan.
19. Nailul Maram fi ma Yujabu Husnul Khitam, diselesaikan pada hari Ahad, 6 Syaaban 1354 Hijrah. Kandungannya membicarakan tentang beberapa amalan zikir dan wirid untuk mendapatkan husnul khatimah. Dicitak oleh The United Press, dikeluarkan oleh Haji Ahmad bin Tuan Husein dengan catatan, ``Dicap risalah ini untuk mendapat khairat bagi Al-Madrasah Al-Khairiyah Al-Islamiyah, Pokok Sena, Kepala Batas, Seberang Perai.''
20. Tanbihul Ikhwan fi Tadbiril Ma'isyah wat Taslikil Buldan, diselesaikan pada tahun 1354 Hijrah. Kandungannya membicarakan tentang penghidupan dan pendatbiran pe-merintahan.

Gambaran ketekunan mengajar dan menulis ulama besar yang berasal dari Banjar dan Kedah yang sangat dikasihi oleh umat Islam di mana saja beliau menginjakkan kakinya. Selain itu beliau telah mewakafkan tanah miliknya di beberapa tempat beliau membina pondok pengajian, masjid, perkuburan Muslim dan lain-lain. Di antaranya yang dapat disaksikan sekarang ialah Sekolah Agama di Padang Lumat, Kedah, Sekolah Agama di Pokok Sena, Seberang Perai dan lain-lain. Tulisan ini masih ada kekurangan kerana keturu-nannya belum dapat disentuh, insya-Allah akan ditulis dalam sebuah buku yang lebih lengkap.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Sayid Syeikh Al-Hadi - Penyebar ilmu yang gigih

Sayid Syeikh Al-Hadi - Penyebar ilmu yang gigih

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Terdapat pertikaian pendapat tentang tarikh dan tempat lahir Sayid Syeikh al-Hadi. Pendapat pertama menyebut bahawa beliau lahir di Kampung Hulu, Melaka, pada hari Jumaat, 25 Rejab 1281 Hijrah/24 Disember 1864 Masihi. Dalam buku Sayid Syeikh Al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu karya Talib Samat, hari lahirnya ialah hari Selasa (lihat hlm. 1), buku Jadwal Tarikh, Bulan dan Tahun Hijri-Masihi, jilid 14 karya Raja Haron bin Raja Mohammad Salleh (manuskrip) tarikh 25 Rejab 1281 Hijrah bukannya hari Selasa, tetapi adalah hari Jumaat. Maklumat di Muzium Islam Melaka pula dinyatakan bahawa beliau lahir pada tahun 1278 Hijrah/1862 Masihi. Selain itu ada lagi yang menyebut bahawa Sayid Syeikh al-Hadi lahir pada tahun 1867 Masihi.

Dalam buku Pendokumentasian Naskah Kuno Melayu dan Kajian Khusus, Hasan Junus menyebut bahawa Sayid Syeikh al-Hadi ``lahir di Pulau Penyengat pada akhir tahun 1860-an atau awal tahun 1870-an.'' (hlm. 128). Beliau meninggal dunia di rumahnya No. 410, Jalan Jelutong, Mukim Jelutong, Pulau Pinang pada 6 Zulkaedah 1352 Hijrah/20 Februari 1934 Masihi.

Ayahnya Sayid Ahmad bin Sayid Hasan as-Saqaf al-Hadi lahir pada hari Khamis, di Kampung Hulu Melaka, 1 Syawal 1253 Hijrah/29 Disember 1837 Masihi dan meninggal dunia di Penyengat, Riau pada Sabtu, 15 Zulhijjah 1312 Hijrah/9 Jun 1895 Masihi. Sayid Syeikh al-Hadi termasuk dalam golongan kerabat diraja Riau-Lingga kerana ayah saudaranya, Sayid Muhammad al-Hadi berkahwin dengan Syarifah Hasyimah binti Sayid Utsman as-Saqaf. Sebelah ibu Syarifah Hasyimah ini adalah keturunan Upu Daeng Celak, iaitu jalur ke atas golongan Diraja Riau-Lingga.

PENDIDIKAN

Jika kita ikuti perkembangan pada masa kanak-kanak dan remaja Sayid Syeikh al-Hadi, maka kita peroleh data pendidikannya dimulai di Kampung Hulu Melaka, Pulau Penyengat (Riau), Kuala Terengganu, Mekah al-Mukarramah dan Cairo (Mesir). Pendidikan terawal dan asas diperolehnya daripada orang tuanya sendiri, sekali gus memasuki sekolah agama dan Sekolah Melayu Settlements di Melaka. Pendidikan di Penyengat Riau pula adalah pendidikan khusus bersama-sama golongan elit Kerabat Diraja Riau-Lingga kerana Sayid Syeikh al-Hadi sendiri tinggal bersama Raja Ali Kelana, saudara kandung Sultan Abdur Rahman Mu'azzam Syah, iaitu Sultan Riau-Lingga yang terakhir.

Di Penyengat, Riau, selain belajar kepada Raja Ali Kelana, beliau juga belajar kepada Raja Haji Muhammad Tahir bin Marhum Mursyid, Hakim Kerajaan Riau-Lingga, juga kepada Al-'Alim Al-'Allamah Al-Ustaz Tuan Guru Haji Husein. Antara sahabat Sayid Syeikh al-Hadi dalam pengajian tersebut ialah Raja Haji Muhammad Sa'id bin Raja Haji Muhammad Thahir, Raja Ali bin Raja Muhammad/Tengku Nong, dan ramai lagi.

Sayid Syeikh al-Hadi juga dikirim ke pengajian pondok di Terengganu. Setelah menimba ilmu pengajian pondok, tetapi kurang mendalam di Terengganu, Sayid Syeikh al-Hadi berpatah balik ke Penyengat, Riau untuk lebih memantapkan dan memperdalam ilmunya terutama ilmu bahasa Melayu dan bahasa Arab untuk komunikasi kerana Raja Ali Kelana akan membawa Sayid Syeikh al-Hadi berangkat ke Mekah. Selain menunaikan ibadah haji, sekali gus Raja Ali Kelana akan menemui gurunya Syeikh Ahmad al-Fathani untuk membicarakan pelbagai persoalan termasuk politik yang begitu tertekan oleh kaum penjajah.

Dalam tahun 1312 Hijrah/1895 Masihi sewaktu Raja Ali Kelana dibawa oleh gurunya Syeikh Ahmad al-Fathani ke Turki, Sayid Syeikh al-Hadi menemani Raja Ali Kelana, sama-sama berangkat dari pelabuhan Singapura ke Jeddah. Dalam perjalanan itulah Sayid Syeikh al-Hadi tinggal di Mesir dan sempat belajar kepada Syeikh Muhammad Abduh.

AKTIVITI

Aktiviti Sayid Syeikh al-Hadi secara garis besarnya dapat dibahagikan kepada empat kelompok ialah: a) Aktiviti organisasi, b) Aktiviti menolong Raja Ali Kelana, c) Aktiviti pendidikan. d) Aktiviti penulisan. Organisasi yang pertama didirikan oleh orang Melayu ialah Jam'iyatul Fathaniyah oleh Syeikh Ahmad al-Fathani di Mekah (1290 Hijrah/1873 Masihi) yang diikuti oleh Jam'iyatul Rusydiyah atau Rusydiyah Klab, 1298 Hijrah/1880 Masihi, oleh murid-murid beliau di Riau-Lingga.

Sayid Syeikh al-Hadi aktif dalam Rusydiyah Klab yang di-nyatakan sebagai Timbalan di Mekah ketika beliau masih seorang pelajar. Hingga tahun 1896 Masihi, Sayid Syeikh al-Hadi masih memegang jawatan pertubuhan itu di Mekah.

Sayid Syeikh al-Hadi adalah orang kepercayaan Raja Ali Kelana mengurus Syarikat Batam Bricks Works Limited yang bergerak dalam pemprosesan batu-bata di Pulau Batam, Riau. Syarikat itu mempunyai cawangan dan beribu pejabat di Singapura. Apabila kita bercerita tentang Raja Ali Kelana dalam bidang usahawan, ia melibatkan sekurang-kurangnya dua tokoh usahawan Riau-Lingga, iaitu Raja Haji Ahmad bin Raja Haji `Umar dan Raja Ali bin Raja Muhammad/Tengku Nong. Bererti kedua-dua tokoh ini juga bersahabat karib dengan Sayid Syeikh al-Hadi. Sayid Syeikh al-Hadi telah berkhidmat kepada Raja Ali Kelana dalam perusahaan batu-bata mulai tahun 1325 Hijrah/1907 Masihi hingga berakhirnya syarikat itu pada tahun 1329 Hijrah/1911 Masihi.

Raja Ali Kelana pindah ke Johor, lalu dilantik sebagai Syaikhul Islam Kerajaan Johor. Disebabkan Raja Ali Kelana sangat besar pengaruhnya di dalam Kerajaan Johor, ia memberi kesempatan kepada Sayid Syeikh al-Hadi mendapat kedudukan dalam Kerajaan Johor pada tahun 1909 - 1915 Masihi. Sayid Syeikh al-Hadi menjadi peguam di Mahkamah Syariah Johor Bahru.

Dalam bidang pendidikan, pada tahun 1907 Masihi, Sayid Syeikh al-Hadi mengasaskan Madrasah Al-Iqbal di Seligie Road, Singapura. Oleh kerana madrasah itu tidak mendapat sambutan, maka ia dipindahkan ke Penyengat, Riau. Sayid Syeikh al-Hadi mendirikan Madrasah Al-Hadi di Bandar Kaba, Melaka pada tahun 1917 Masihi tetapi hanya bertahan setahun saja. ia ditutup pada tahun 1918 Masihi. Kemudian ia diteruskan di Pulau Pinang pada tahun 1919 Masihi dengan nama Madrasah al-Masyhur al-Islamiah di Tek Soon Street, Pulau Pinang. Hanya madrasah yang didirikan terakhir inilah perjuangan Sayid Syeikh al-Hadi dalam dunia pendidikan meninggalkan kesan yang tidak dapat dinafikan.

Pada tanggal 22 Julai 1906, Sayid Syeikh al-Hadi bersama Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalali, Syeikh Tahir Jalaluddin dan Abbas Taha menerbitkan majalah Islam yang dinamakan Al-Imam. Dalam terbitan-terbitannya dinyatakan pada halaman depan dalam bahasa Melayu, ``Al-Imam Majalah Perajaran Pengetahuan Perkhawaran''. Pada bahagian bawahnya tertulis, ``Dikeluarkan di Singapura pada tiap-tiap sehari bulan Arabi oleh mudirnya Asy-Syeikh Muhammad Salim al-Kalali, nombor 19 Wailid Road''. Daripada kalimat ini jelas bahawa mudir Al-Imam adalah Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalali bukan Sayid Syeikh al-Hadi.

Menghairankan, kerana beberapa jilid Al-Imam yang ada pada penulis tidak terdapat nama Sayid Syeikh al-Hadi dalam Bibliografi, sedangkan nama Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalali hampir semua terbitan terpampang namanya pada halaman kulit.

Beberapa orang pengkaji menyebut bahawa Al-Imam adalah majalah Melayu-Islam yang pertama dalam bahasa Melayu. Mengenai ini juga tercatat dalam salah satu terbitan Al-Imam. Tetapi dalam buku yang diterbitkan tahun 2002, berjudul Sultan Abd Al-Hamid II Dan Kejatuhan Khilafah Islamiah karangan Dr. Eeman Mohamed Abbas

dinyatakan bahawa dalam tahun 1318 Hijrah/1900 Masihi telah wujud majalah-majalah Jajahan Melayu, Lengkongan Bulan dan Cahaya Pulau Pinang. Maklumat ini memberikan pengetahuan baru bagi kita, bahawa majalah-majalah tersebut telah mendahului Al-Imam sekitar enam tahun.

Al-Imam yang mulai terbit tahun 1906 itu tidak bertahan lama, setakat hingga tahun 1908 Masihi. Selanjutnya Sayid Syeikh al-Hadi menerbitkan majalah Al-Ikhwān di Pulau Pinang. Terbitan pertama pada 16 September 1926 Masihi dan berakhir dengan terbitan September 1931 Masihi. Terbit pula Akhbar Saudara mulai 29 September 1928 Masihi. Sayid Syeikh al-Hadi menulis dalam akhbar tersebut hingga Februari 1934 Masihi.

Selain majalah, pengkaryaan Sayid Syeikh al-Hadi dikategorikan kepada tiga kelompok iaitu, a). Mengenai Agama Islam, b). Novel/Sastera, dan c). Penulisan Kewartawanan. Penulisan keislaman ialah

1. At-Tarikhul Islami, cetakan pertama Al-Imam Printing Press, Singapura, 1922.
2. Tafsir Juz Amma, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1927.
3. Tafsir Al-Fatihah, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1928.
4. Alam Perempuan, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1930.
5. Kitab Agama Islam dan Akal, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1931.
6. Kitab Agama Islam, I'tiqad dan Ibadat, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1931.
7. Hadiah Kebangsaan, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1933.

Penulisan yang bercorak novel/sastera ialah Hikayat Faridah Hanum, cetakan pertama, 1925. Di Penyengat, Riau penulis menemui karangan-karangan Sayid Syeikh al-Hadi yang beliau kirim sebagai hadiah kepada sahabatnya bernama Raja `Abbas bin Raja `Abdul Muthallib. Pada halaman pertama terdapat tanda tangan Raja `Abbas bertarikh 1 Mac 1929. Data hadiah pengarang Sayid Syeikh al-Hadi di antaranya ialah: Angan-Angan Kehidupan/The Moral Trainer. Bilangan Yang Pertama, Bagi Bulan Disember 1927, Tahun Yang Pertama. Penggal Yang Kedua. Tempat Penulisan: 555 Jelutong Road, Penang. Kandungan: Menceritakan kisah percintaan Mahir Afandi dan Iqbal Hanim. Tulisan huruf Melayu/Jawi. Cetakan pertama The Jelutong Press, Penang, 1927.

Angan-Angan Kehidupan/The Moral Trainer. Bilangan Yang Kelima, 25 Februari 1928, Tahun Yang Pertama. Penggal Yang Kedua. Kandungan: Menceritakan kisah anak dara

Ghassan atau Hammad dan Hindun. Tulisan huruf Melayu/Jawi. Cetakan pertama The Jelutong Press, Penang, 1928. Dan yang lain-lain penulis tinggalkan sahaja.

Demikianlah tentang Sayid Syeikh al-Hadi pada konteks penyebaran ilmu, ketokohnya yang mengundang kontroversi yang pernah hangat dibicarakan tentang Kaum Tua dan Kaum Muda penulis tinggalkan sahaja. Ini kerana perkara khilafiyah jika dibicarakan tidak akan ada penghujungnya. Oleh itu sebaik-baiknya tidak dibicarakan kecuali jika tidak dapat dielakkan.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Sultan Zainal Abidin III - Umara bertaraf dunia

Sul tan Z ain al A bidi n II I - U mar a be rtar af d unia

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

SULTAN Zainal Abidin III, Sultan Terengganu, diakui oleh beberapa orang ulama Mekah dan para cerdik cendekiawan bahawa baginda adalah di antara Sultan Melayu yang paling alim dan ahli ilmu pada zamannya. Dua ulama yang berasal dari dunia Melayu di Mekah yang paling dekat dan menjadi rujukan pelbagai masalah baginda, ialah Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani (Syeikh Nik Mat Kecil) dan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani.

Sesuatu permasalahan yang sukar diselesaikan oleh Sultan Zainal Abidin III akan sentiasa dirujuk kepada kedua-dua ulama di Mekah itu. Kadang-kadang dengan cara mengirim surat atau adakalanya mengirim utusan yang khusus. Sewaktu Syeikh Ahmad al-Fathani datang ke Kota Bharu, Kelantan, Sultan Zainal Abidin III berserta beberapa pembesar Terengganu datang menjemput beliau supaya sudi mengunjungi Kuala Terengganu. Syeikh Ahmad al-Fathani telah mengubah puisi 33 bait dalam bahasa Arab yang bercorak memuji Sultan Zainal Abidin III yang diiringi dengan pengharapan agar baginda memperkukuh kedudukan agama Islam, bahasa dan bangsa Melayu, diiringi pula sejarah bangsa Melayu yang lengkap. Sultan Zainal Abidin III yang dibicarakan ini lahir pada 1281 H/1865 M dan mangkat hari Selasa, 22 Safar 1337 H/26 November 1918 M.

Sekurang-kurangnya terdapat dua buah puisi mengenai Sultan Zainal Abidin III. Satu lagi ialah dalam judul Syair Tuan Hampris karya Hajah Wok Aisyah binti al-Haji Nik Idris Terengganu yang dikarang jauh kemudian daripada puisi Syeikh Ahmad al-Fathani. Pada beberapa bait ada persamaan maksudnya. Sebagai contoh beberapa bait untuk perbandingan dapat disemak di bawah ini:

Puisi Syeikh Ahmad al-Fathani

``Itulah Sultan Terengganu, Raja yang berani

Bermurah, dan bertuah.’’ (bait yang ke-11)

Syair Tuan Hampris pula,

``Negeri khabarnya itu

seorang raja memerintah tentu

adil dan murah bukan suatu

sangatlah alim paduka ratu.’’ (bait yang ke-18)

``Perangainya halim tangannya murah

sekalian kasih memandang wajah ... `` (bait yang ke-22, dua baris awal)

Kesimpulannya daripada petikan kedua-dua puisi di atas ialah memunculkan watak Sultan Zainal Abidin III itu sebagai seorang yang pemurah. Mengenai sifat pemurah itu disebut oleh Syeikh Ahmad al-Fathani pada bait yang lain, iaitu bait yang ke-8, katanya,

``Bagaikan laut, pemurah tiada tepi

Bagaikan hujan, penolong tiada beza

Memberi sebelum diminta.’’

Watak seorang sultan yang berilmu pengetahuan juga terdapat pada Syair Tuan Hampris, disebut juga oleh Syeikh Ahmad al-Fathani pada bait ke-12 dan 13, katanya,

``Raja yang agung lagi bijaksana

Pandai mentadbir

Banyak berilmu

Petunjuk jalan bahagia.

Kemuncak usahanya ialah menggali ilmu, menyelami makrifah

menunjuk jalan hidayah.’’

Pada Syair Tuan Hampris yang sama maksudnya dengan puisi di atas terdapat pada bait yang ke-20, 21 dan 22, iaitu:

``Rajanya alim lagi jauhari
kitab Quran sangat pelajari
alimnya tidak lagi terperi
termasyhurlah khabar ke sana ke mari.
Saleh dan warak lagi pendeta
bijak laksana jangan lagi dikata
masyhurlah khabar di dalam warta
di alam Melayu sekalian rata.
Perangainya halim tangannya murah
sekalian kasih memandang wajah
cukup fahamnya ilmu Arabiyah
baginda nan gemar ilmu falakiah.''

Setelah kita membandingkan beberapa contoh di atas yang perlu diberi ulasan ialah pada Bahagian II. Bahagian ini merupakan pujian khusus untuk Sultan Zainal Abidin III, kerana ia mengandungi unsur sejarah dan asal-usul Sultan Terengganu. Ada tiga bait yang perlu dibicarakan di sini, iaitu pada bait yang ke-18, 19 dan 20 ialah:

``Baginda adalah orang yang mulia,
bahkan kemuliaan itu, warisan daripada datuk neneknya keturunan mulia dari
dahulu sampai sekarang.
Memang raja putera raja
Keturunan yang mempunyai rantai kemuliaan yang tiada pernah putusya
Keturunan Saidina Ali
Saiyid anak Saiyid
Keturunan yang tak melahirkan,
kecuali hanya kemuliaan.''

Pada bait yang ke-18 dan 19, Syeikh Ahmad al-Fathani menyatakan bahawa baginda adalah seorang raja yang mulia yang diwarisi daripada datuk neneknya. Yang diriwayatkan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani ini adalah benar, namun walau bagaimana pun silsilah yang telah ditemui masih terdapat perbezaan pendapat. Yang disebut oleh Syeikh Ahmad al-Fathani pada bait di atas relevan dengan tulisan Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang (MISBAHA) dalam bukunya, Mengkaji Sejarah Terengganu, jilid ke-2, beliau menulis, ``... maka Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja ialah Sultan yang pertama dilantik bagi negeri Terengganu, keturunan beliaulah Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Terengganu memerintah hingga ke hari ini bagi negeri Terengganu dan jajahan takluknya. Yang demikian jadinya keturunan Sultan Zainal Abidin itu Kerabat-Kerabat Diraja Terengganu kiranya disusuli sehingga kepada Bendahara Melaka yang pertama Tun Perpatih Besar (bapa saudara Sultan Muhammad Syah) sudah turun temurun dari semenjak kurun Masihi yang keempat belas lagi. Sultan Zainal Abidin ini adalah seorang daripada putera Bendahara Paduka Raja Abdul Majid Bendahara Padang Saujana, Bendahara Johor yang kesembilan belas, lahir di Johor kira-kira pada tahun 1089 Hijrah ...''

Puisi Syeikh Ahmad al-Fathani pada bait yang ke-25 dan ke-26 adalah penting untuk ditafsirkan. Namun di sini saya mulai daripada bait yang ke-24, maksudnya ialah:

``Dan yang lebih besar lagi, aku berharap,

semoga baginda berkenan menyuruh ulama dan cendekiawan yang memahami petunjuk

Agar mereka dapat membukukan bahasa Melayu

Kerana aku bimbang ia akan hilang atau dirosak oleh perubahan yang berlaku dari masa ke masa

Begitu pula hendaklah mereka itu mengarang Sejarah Melayu yang meliputi segala perihal Melayu

Kalau tidak, mereka nanti akan hilang, dalam lipatan sejarah.''

BUDI BAHASA

Surat menyurat antara Sultan Zainal Abidin III dengan Syeikh Ahmad al-Fathani sesuai dijadikan contoh `budi bahasa' untuk persuratan. Setelah Syeikh Ahmad al-Fathani menerima sepucuk surat daripada Sultan Zainal Abidin III lalu beliau menjawabnya. Di antara kalimat-kalimat yang halus, lunak dan berkesan, kata beliau, ``Bahawasa marqum yang mulia, yang Hadhrat Duli Tuanku kurnia kepada patik itu, telah patik sambuti akan dia, serta junjung ihtiram dan syukur''. Maksudnya bahawa surat daripada sultan itu adalah surat mulia, oleh itu Syeikh Ahmad al-Fathani memandang perlu mencurahkan rasa hormat (ihtiram) dan rasa

terima kasih terhadap sultan, itulah maksud perkataannya `serta junjung ihtiram dan syukur`.

Syeikh Ahmad al-Fathani membangsakan surat Sultan Zainal Abidin III kepada beliau itu sebagai `nuran lil bashar wa syifa-an lima fish sadhri`, mengandungi maksud `cahaya bagi pandangan mata dan ubat bagi penyakit yang tersembunyi di dalam hati`. Sepintas kilas jika kita perhatikan kalimat Syeikh Ahmad al-Fathani nampaknya beliau merendah diri, namun dalam masa yang sama ada sasaran untuk kepentingan memartabatkan Islam dan bangsa Melayu sebagaimana kata beliau, `Dan dilimpahi dengan nikmat, dan rahmat, dan kekayaan, yang ada padanya berkat yang memberi manfaat bagi agama Islam. Dan terangkat dengan dia oleh sebutan jenis Melayu`. Jika kita tafsirkan sepotong pertama kalimatnya, iaitu `... dan kekayaan, yang ada padanya berkat yang memberi manfaat bagi agama Islam`.

Walau pun surat Syeikh Ahmad al-Fathani itu ditujukan kepada Sultan Zainal Abidin III tetapi sasarannya boleh saja kepada semua sultan, semua pemimpin yang beragama Islam, semua orang Islam (Muslim/ Muslimat) yang memiliki `kekayaan`. Pada pandangan Syeikh Ahmad al-Fathani, `kekayaan` tiada bererti sekiranya pemiliknya tiada memanfaatkannya untuk kepentingan agama Islam. Jika menggunakan perkataan yang kasar atau `tidak berbudi bahasa`, bahawa `Raja atau pemimpin yang beragama Islam yang memiliki kekayaan, yang kekayaan itu tiada manfaat bagi agama Islam, maka raja atau pemimpin itu adalah tidak bertanggungjawab terhadap Islam`.

Kalimat ini pun masih lunak, kerana masih banyak bahasa yang lebih kasar daripada itu, boleh saja dianggap sebagai `bakhil`, `kedekut` dan lain-lain sejenisnya. Pada sepotong kalimat keduanya pula, iaitu `Dan terangkat dengan dia oleh sebutan jenis Melayu`.

Kalimat ini jelas berbicara tentang Melayu. Tafsirannya juga sama, jika kita menggunakan perkataan yang kasar atau `tidak berbudi bahasa`, bahawa `Raja atau pemimpin Melayu, yang tiada manfaat bagi bangsa Melayu, maka raja atau pemimpin itu adalah pengkhianat terhadap bangsa Melayu, bangsanya sendiri.` Daripada contoh di atas terbuktilah bahawa ulama perlu bijak dan `berbudi bahasa` dalam menyampaikan dakwah dan pendidikan melalui surat terhadap golongan tinggi seperti tersebut di atas. Sebaliknya umara (pemerintah) yang bijak perlu mendekati ulama ikhlas dan jujur.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Sultan Sulaiman Selangor - Sultan yang mengasihi ulama

Sul tan S ula iman Sel ango r - S ult an y ang m eng asih i ul ama

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

ANTARA sekian ramai sultan di dunia Melayu, terdapat beberapa orang sultan yang terlibat secara langsung dalam aktiviti Islam. Ada yang mengasihi ulama, bahkan ada yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang agama Islam. Ada juga yang menghasilkan karangan berupa risalah atau pun kitab. Sultan Sulaiman, Sultan Selangor Darul Ehsan dapat dikategorikan seorang sultan yang mengasihi ulama. Mengenainya dapat dibaca dalam riwayat Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, Syaikhul Islam Selangor, dalam Ruang Agama, Utusan Malaysia, terbitan Isnin, 22 Mac 2004, Seksyen 3, halaman 9.

Nama lengkapnya ialah Sultan Alauddin Sulaiman Syah bin Raja Muda Musa bin Sultan Abdul Samad bin Raja Abdullah bin Sultan Ibrahim Syah bin Raja Lumu (Sultan Salehuddin Syah, Sultan Selangor yang pertama) bin Upu Daeng Celak (Yamtuan Muda Riau yang kedua). Sultan Sulaiman lahir pada 19 Rabiul Akhir 1282 Hijrah/11 September 1865 Masihi dan mangkat pada 30 Muharam 1357 Hijrah/31 Mac 1938 Masihi. Baginda Sultan Sulaiman merupakan Sultan Selangor ke-5, yang bertahta pada tahun 1898 Masihi - 1938 Masihi, memerintah dalam masa lebih kurang 40 tahun.

Keturunan

Memperhatikan jalur keturunan di atas dapat dipastikan bahawa dari sebelah ayah baginda, Sultan Sulaiman adalah keturunan anak Raja Bugis yang berasal dari Luwuk, Sulawesi dan dari sebelah ibu baginda adalah keturunan puteri Kerajaan Riau. Datuk neneknya, Raja Lumu adalah adik beradik dengan pahlawan Melayu yang terkenal, iaitu Raja Haji asy-Syahid fi Sabilillah yang meninggal dunia dalam peperangan melawan Belanda di Teluk Ketapang, Melaka pada 18 Jun 1784 Masihi. Raja Haji secara rasminya dianugerah sebagai Pahlawan Nasional Indonesia yang disertai dengan Piagam dan Tanda Kehormatan Bintang Mahaputera Adipradana pada 11 Ogos 1997 oleh Presiden Republik Indonesia yang ditandatangani oleh Soeharto.

AKTIVITI ISLAM

Atas rasa kewajipan dan tanggungjawab menyebar dan mempertingkatkan pengetahuan Islam di Kerajaan Selangor, Sultan Sulaiman telah mendatangkan beberapa orang ulama besar dalam kerajaan yang diperintahnya. Antara ulama yang paling dekat dengannya ialah Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman al-Fathani.

Sultan Sulaiman sangat mesra dan kasih kepada Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman al-Fathani dalam Selangor sendiri hinggalah ketika beliau satu ketika pergi ke luar negara (terutama ke London), ulama yang berasal dari Patani itu ikut bersama-sama dalam rombongan beliau. Peristiwa ini mencerminkan bahawa Sultan Sulaiman berusaha sedemikian rupa menggabungkan kerjasama, kesepaduan dan

keserasian antara umara dan ulama sebagaimana yang disuruh oleh Rasulullah s. a. w. -

Dalam penyebaran Islam di negeri lain selain Selangor, Sultan Sulaiman juga mempunyai rasa tanggungjawab. Sebagai buktinya, walaupun baginda kasih terhadap Tengku Muhammad bin Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, namun kerana masyarakat Jambi sangat memerlukan ulama, baginda merestui keberangkatan Tengku Muhammad dari Klang ke Jambi.

Sebagai bukti bahawa Sultan Sulaiman mementingkan pembangunan keIslaman, beliau juga membina sebuah masjid yang diberi nama dengan nama baginda iaitu Masjid Alauddin di Kuala Langat, Selangor. Di masjid tersebutlah Sultan Alauddin Sulaiman Syah selalu membaca khutbah Jumaat, khutbah kedua-dua hari raya; Aidilfitri dan Aidiladha. Dalam gambar kelihatan bahawa baginda sedang menyampaikan khutbah. Ini sebagai bukti bahawa baginda adalah seorang sultan yang mampu dan aktif dalam kegiatan-kegiatan Islam.

PENULISAN

1. Kitab Pohon Ugama Bahagian Rukun Iman, diselesaikan 1337 H/1919 M. Cetakan ketiga, Mathba'ah New Klang Press, Klang, 15 Jamadilakhir 1349 H/1930 M. Kandungan, setelah ``Pendahuluan'' oleh baginda sendiri, Rahman al-Fathani. Antara pandangan Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, ``Terlihatlah hamba yang daif atas kitab ini, Pohon Ugama, karangan bagi Yang Maha Mulia Sultan Selangor Maulana al-Mu'azzam Sir Alauddin Sulaiman Syah ... Maka patut dijadikan pelajaran kanak-kanak yang muftadi pada tiap-tiap sekolah ugama supaya berkekalan manfaatnya istimewa pula ...'' Kandungan yang menjadi topik perbincangan keseluruhan ialah mengenai akidah. Pada halaman 25 terdapat gambar baginda sedang duduk di atas mimbar Masjid Alauddin dalam rangka membaca khutbah.

Ilmu Tauhid

2. Kitab Melatih Kanak-Kanak Laki-Laki Perempuan, Agama Islam 1, diselesaikan di Istana Mahkota Puri, Klang 3 Zulhijjah 1348 H. Dicitak oleh The Boon Hua Press, Klang, 1349 H/1930 M. Kandungan, antara kalimat baginda yang bersajak pada pendahuluan, ``... pada bicarakan ilmu tauhid pangkal agama Islam. Yang sangat hampir fahamnya dan mengertinya bagi segala awam. Dicapangkan dia bagi mereka yang berkehendak kemenangan lama. Daripada kanak-kanak yang baharu belajar di dalam sekolah agama ...'' Pada halaman 27 terdapat satu judul yang agak menarik, ialah ``Nasihat Guru Pada Murid''. Mengenai ini baginda menulis dalam bentuk puisi yang terdiri daripada 22 bait empat-empat rangkap. Sebagai contoh, beberapa bait antaranya ialah:

_ ``Tuntutlah ilmu akhirat dunia,

hidup matimu dapat bahagia.

Ke manamu pergi jadi mulia,

tidaklah hidup sia-sia

Pergi sekolah janganlah segan,

ilmu agama jangan dilupakan

Sama dituntut sama amalkan,

dua-duanya sama muliakan.

Agama Islam amat sebenar,

peraturannya cukup benar.

Tetaplah padanya jangan nanar,

beroleh kebajikan yang bersinar ... ``

*Puisi yang mengandungi pemantapan pengenalan terhadap Nabi Muhammad s.a.w. di atas baginda tutup dengan beberapa bait, katanya,

``Sekadar ini rencananya disurat,

supaya ingat jangan melarat.

Menghafaz membaca janganlah berat,

iman di dada akar berurat.

Cinta ibu harus diingat,

bapa berharap beserta sangat

Anak yang soleh jadi semangat,

setiap waktu setiap saat.

Harap ibu orang yang cinta,

bapa dan kaum pula serta.

Anak berilmu alim pendeta,

biarlah habis wang harta ``._

Karya di atas juga telah disemak oleh Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani. Selain memuji kandungan karya, Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani juga memuji baginda sultan, katanya, ``... padahal ia daripada karangan orang yang mempunyai akal yang sempurna. Dan tinggi hemah pada meneguhkan tiap-tiap pekerjaan yang berguna. Iaitu mereka yang menghamparkan atas rakyatnya naung kurnia. Dan aman hadhrat yang mentadbirkan dan memerintahkan negeri Selangor Darul Ehsan Yang Maha Mulia Maulana as-Sultan Sir Alauddin Sulaiman Syah ibni al-Marhum Maulana al-Mu'azzam Raja Musa ...''

KETURUNAN

Sultan Sulaiman berkahwin beberapa kali dan mempunyai keturunan yang ramai. Yang dipaparkan dalam artikel ini sekadarnya sahaja, kerana ketiadaan cukup ruangan. Perkahwinan pertamanya dengan Tengku Ampuan Maharum binti Tunku Dhiyauddin/Tengku Kudin Kedah, memperoleh seorang putera dan empat puteri. Putera baginda ialah Sultan Ghiatuddin Riayat Syah, Sultan Selangor yang ke-7 (1942 M- 1945 M).

Baginda berkahwin pula dengan Cik Hasnah/Cik Aminah binti Pelong Makam Bandar, memperoleh dua putera dan dua puteri. Putera yang menjadi sultan ialah Sultan Hisamuddin Alam Syah, Sultan Selangor yang ke-6 (1938 M- 1942 M dan 1945 M - 1960 M). Baginda sempat menjadi Yang Dipertuan Agong Malaysia ke-2 tetapi tidak sempat mengakhiri jabatannya kerana baginda mangkat (1960 M).

Selanjutnya Sultan Sulaiman berkahwin dengan Tengku Ampuan Zabedah binti Sultan Abdul Jalil Syah, Perak, memperoleh dua putera dan empat puteri. Baginda berkahwin lagi dengan Tengku Ampuan Fatimah binti Sultan Idris, Perak, memperoleh empat putera dan dua puteri. Perkahwinan seterusnya dengan Raja Bulat binti Raja Ahmad, memperoleh empat putera. Berkahwin dengan Raja Cik Rogayah binti Mohd. Amin, memperoleh dua putera. Berkahwin dengan Che Bidayah binti Ahmad, memperoleh empat putera dan dua puteri.

Sultan Sulaiman berkahwin dengan Che Maimun binti Abdullah, memperoleh lima putera dan seorang puteri. Puteri baginda bernama Tengku Raihani (lahir 1911 M) berkahwin dengan Sultan Sir Ahmad Tajuddin ibni Sultan Jamalul Alam, Sultan Brunei, memperoleh putera Pangiran Anak Puteri Nor Ehsan. Nor Ehsan berkahwin dengan Tengku Pangiran bin Tengku Abdul Aziz Syah memperoleh tiga putera di Brunei, ialah Tengku Putera Pawzy, Tengku Putera Amir Farouk dan Tengku Putera Muhd. Harris Fadzillah. Salah seorang putera daripada isteri ini bernama Tengku Mahmud (lahir 1925 M) berkahwin (yang pertama) dengan Raja Habsyah binti Raja Muhammad Bai, Riau. Raja Habsyah masih mempunyai hubungan keluarga dengan penulis, beliau belajar al-Quran dan ilmu-ilmu fardu ain kepada Hajah Wan Zainab binti Syeikh Ahmad al-Fathani, ibu penulis. Oleh itu selain ada hubungan

kekeluargaan, pada tahun 1970 dan tahun 1976, dalam rangka penelitian sejarah penulis pernah tinggal di rumah Tengku Mahmud di Jalan Mawar, Klang. Daripada mereka sangat banyak diperoleh maklumat dalam penulisan artikel ini.

Penulisan

Terakhir sekali dua orang lagi isteri Sultan Sulaiman, ialah Che Chik binti Abdullah, memperoleh tiga putera dan empat puteri. Isteri terakhirnya ialah Che Johari binti Abdullah, memperoleh dua putera.

Memperhatikan penulisan baginda dan perkataan Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, penulis berkesimpulan bahawa baginda Sultan Sulaiman sangat memperhatikan soal pendidikan sejak kanak-kanak lagi. Dan yang paling

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Tengku Ali Tengku Selat - Gembala perniagaan Melayu

Tengku Ali Tengku Selat - Gembala perniagaan Melayu

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DATUKNYA ialah Tengku Abdullah, Yang Dipertuan Muda Kerajaan Riau-Lingga ke-9. Ayahnya Raja Haji Muhammad atau Tengku Nong hanya sempat menyandang gelar 'Kelana'. Oleh sebab beberapa faktor tertentu, tidak sempat menjadi Yang Dipertuan Muda Kerajaan Riau-Lingga. Ayah saudaranya pula Raja Haji Muhammad Tahir adalah Hakim Kerajaan Riau-Lingga. Semua nama yang tersebut itu dan beliau sendiri, iaitu Tengku Ali atau digelar juga dengan Tengku Selat adalah tokoh-tokoh Melayu yang bertaraf ulama, bersepadu dengan kearifan perkara-perkara yang bercorak duniawi.

Mereka beramal dan mendalami pengetahuan Islam, sekali gus bijak mengatur kemaslahatan kepentingan kehidupan peribadi, keluarga besar, umat Islam di persekitaran dan zamannya melalui perniagaan, pentadbiran jabatan dan pemerintahan yang mereka tangani.

Memperjuangkan

Hanya dua orang tokoh besar yang pernah berperanan dalam kerajaan Riau-Lingga, sewaktu penulis masih kanak-kanak dan pemuda, yang sempat penulis temui pada akhir hidupnya, ialah Tengku Ali dan Raja Haji Ahmad bin Raja Haji Umar Endut. Tengku Ali adalah seorang tokoh besar kerajaan Riau-Lingga kerana pernah menjadi Ketua Setiausaha Riau-Lingga. Rakyat Riau-Lingga juga pernah memperjuangkan beliau untuk menjadi Sultan Riau-Lingga, namun beliau menolaknya.

Tidak sedikit orang yang pernah memegang sesuatu jabatan tinggi atau berkuasa, mereka berpengaruh dan bijak, tetapi setelah tiada kuasa, mereka menjadi orang yang bodoh kerana hilang pegangan dan pedoman. Berlainan dengan Tengku Ali, sewaktu kerajaan Riau-Lingga dihapuskan oleh penjajah Belanda (1911), beliau sangat tekun beribadah, bertawakal kepada Allah. Sebahagian besar Kerabat Diraja Riau-Lingga berhijrah ke Singapura, namun Tengku Ali mempunyai pandangan tersendiri.

Kerajaan Riau-Lingga yang demikian besar pengaruhnya ketika itu telah hapus, perniagaan Raja Ali Kelana dan Raja Haji Ahmad mengalami krisis kehancuran tiada terkawalkan lagi, ketika itulah Tengku Ali muncul dengan kebijaksanaannya. Di dunia Melayu hanya beliau seorang yang diberi gelar 'Gembala Perniagaan Melayu' oleh pemerintah Belanda ketika itu.

Dalam artikel ini penulis cuba mengungkapkan kisah ulama Riau-Lingga ini membina perniagaan yang benar-benar berdasarkan syariah Islam dan menggunakan sistem persahaman yang banyak persamaan dengan yang digunapakai dunia moden sekarang ini. Kemuncak niaga yang diusahakannya ialah Al-Ahmadiyah Press, 101 Jalan Sultan Singapura yang berjasa mencetak dan menerbitkan pelbagai jenis kitab, buku, majalah dan lain-lain yang melibatkan pelbagai disiplin keilmuan, budaya dan warisan Melayu dan Islam.

Tengku Ali lahir tercatat pada 1286 H/1869 M, tetapi dalam Surat Keterangan Yang Berlaku Laksana Pasport No. 21441 yang dikeluarkan di Singapura pada 10/8/1950 oleh Republik Indonesia Serikat dinyatakan bahawa Tengku Ali lahir di Pulau Penyengat (Riau) tahun 1874 M. Wafat di Pulau Midai, Kepulauan Riau, 9 Rejab 1374 H/ 3 Mac 1955 M.

PENUNJANG EKONOMI

Untuk pengukuhan ekonomi, Tengku Ali memasuki pelbagai sektor penunjang sebagai benteng pertahanan supaya ekonomi tetap stabil. Sektor-sektor itu ialah, memiliki tanah perkebunan, memiliki tempat-tempat perniagaan sendiri, bukan menyewa kepada pihak lain, memiliki alat pengangkutan sama ada di darat mahu pun di laut, menjalankan permodalan bersama sama ada sesama keluarga atau kerabat mahu pun seluruh kaum Muslimin. Dalam hal ini perlu penentuan saham atau sher. Untuk kemaslahatan umat Islam, rangka pendek, perlu menyediakan tempat-tempat pendidikan. Untuk rangka panjang, umat Islam perlu mempunyai hak milik sendiri. Dalam hal ini perlu menyediakan perkebunan wakaf dan tanah wakaf. Menurut Tengku Ali modal yang paling utama seseorang insan Muslim ialah 'tawakkal 'alallah', mendahulukan pembayaran yang wajib, iaitu zakat daripada sedekah yang sunat. Mengenai ini termasuk juga mendahului pembayaran upah pekerja daripada lain-lainnya. Semua yang tersebut ini termasuk dalam kerangka pembinaan ekonomi sistem Islam Tengku Ali, yang menghendaki huraian yang sangat panjang, sekelumit di antaranya saja yang dapat diperkenalkan dalam artikel ini.

Sebagai bukti aktiviti Tengku Ali dalam sektor perkebunan di antaranya ditemui tulisan tangan beliau sendiri, bahawa beliau membuka perkebunan di Pulau Kemili, Riabu, Kepulauan Siantan. Surat yang dikeluarkan oleh Mahkamah Siantan, hari Isnin, 2 Rejab 1319 H bersamaan dengan tahun 1901 M yang ditandatangani oleh Orang Kaya Dewa Perkasa Muhammad Usman dan Amir Serta Bakal Pangeran Siantan yang diberikan izin kepada Raja Ali bin Raja Haji Muhammad Kelana/Tengku Nong membuat kebun getah dan lainnya di tanah Pulau Siantan Darat, Teluk Tarempa. Pemilikan tanah dan perkebunan Raja Ali di sekitar Kepulauan Siantan bukan untuk keperluan peribadinya saja, tetapi untuk umat Islam.

Luas

Tanah yang disebut dalam surat di atas, adalah sangat luas, separuh gunung Tarempa, Siantan, beliau wakafkan untuk Masjid Jamik Tarempa. Selain yang tersebut Tengku Ali juga mewakafkan beberapa tanah dan perkebunan kelapa di tempat-tempat lainnya, di antaranya tanah dan kebun kelapa untuk Masjid Baitur Rahman di Pulau Midai. Masjid tersebut beliau sebagai ketua, yang peralatannya dikerjakan dan didatangkan dari Terengganu. Selain itu ada lagi tanah wakaf dan kebun wakafnya untuk masjid di Jemaja. Tengku Ali juga adalah perintis pengurusan kebun-kebun wakaf untuk guru-guru yang mengajar di Mekah dan Madinah, kerana ulama yang mengajar di kedua-dua tanah haram pada zaman itu tiada bergaji atau mempunyai penghasilan tetap seperti sekarang ini. Pengiriman wang hasil wakaf ke Mekah dilakukan sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun. Wakil Tengku Ali dalam urusan tersebut di Mekah ialah Syeikh Abdullah Shamad al-Filfulani (Pulau Pinang).

PERNIAGAAN DAN PERCETAKAN

Perniagaan Kerabat Diraja Riau-Lingga dicetuskan oleh Raja Haji Ahmad bin Raja Haji Umar, dimulai di Pulau Midai tahun 1324 H/ 1906 M. Tahun 1330 H/1912 M Raja Ali/Tengku Selat menerima penyerahan pimpinan Syarikat Ahmadi & Co. Midai daripada Raja Haji Ahmad, kerana Raja Haji Ahmad akan berangkat pindah ke Mekah. Tanggal 28 Rejab 1332 H/1913 M surat nombor 91 dan nombor 92 Raja Ali mengirimi surat kepada Raja Haji Ahmad di Mekah, bahwa beliau akan mengembangkan perniagaan Syarikat Ahmadi & Co. Midai di Singapura. Dengan Akta, Midai 1 Syaaban 1333 H/14 Jun 1915 M ditetapkanlah untuk membuka cawangan Ahmadiyah Pulau Tu-juh di Singapura yang berpejabat di Palembang Road 18 B. Aktiviti perniagaannya merupakan agensi pengumpulan hasil bumi dan laut, selanjutnya aktif dalam eksport dan import pelbagai jenis barangan.

Kemudian pindah ke Minto Road 50. Pada hari Jumaat, 22 Rabiulawal 1339 H/3 Disember 1920 M mufakat pula mendirikan percetakan. Perusahaan di Minto Road 50 itu berkembang terus dan pada tahun 1926 M Ahmadiyah membeli sebuah rumah nombor 82 Jalan Sultan Singapura, kemudian nombornya diganti menjadi nombor 101 Jalan Sultan. Grant List Governement nombor 2650 lamanya dianggarkan 99 tahun. Telah

dibeli oleh orang lain sebelumnya pada 12 Julai 1873 M. Jadi Syarikat Ahmadi & Co. Midai di Singapura hanya memilikinya sampai 12 Julai 1972 Masihi saja.

Dokumen

Selain sebagai Ketua Al-Ahmadiyah, Raja Ali/Tengku Selat adalah sebagai sponsor dan sesepuh daripada berbagai-bagai perusahaan niaga di Pulau Tujuh, Sumatera, Singapura dan Malaya. Di antara yang sempat penulis jumpai dokumennya ialah: 1. Natuna Syarkah Sedanau, sekurang-kurangnya telah wujud tahun 1318 H/1900 M, enam tahun mendahului Ahmadi & Co. Midai. Pendirinya Raja Haji Idris bin Raja Haji Umar/Tengku Endut. 2. Syarikat Air Putih (Midai). 3. Syarikat Kampar-Kuantan di Midai dan Sumatera. 4. Syarikat Semuafakat/ Moefakat (seluruh Pulau Tujuh). 5. Syarikat Subi-Pulau Panjang 6. Syarikat Letung-Jemaja. 7. Syarikat Terempa. 8. Syarikat Usaha Tenun Terengganu di Singapura. Semua syarikat tersebut ada ketua, tetapi hanya sebagai simbolik. Kuasa tertinggi sebagai penentu adalah Raja Ali/Tengku Selat. Lambang pada surat peribadi Raja Ali/Tengku Selat berbentuk tangan bersalaman dengan cogan kata (motto) di atasnya 'Tawakkalna `ala Allah.' Di kanan 'Bersetia Jaya', dan di kiri 'Bercerai Merbahaya'.

Untuk menjadi anggota salah satu syarikat itu adalah dengan cara membeli lembaran sher atau saham. Ternyata yang paling banyak diminati oleh masyarakat Melayu ialah saham Ahmadi & Co. Midai mahu pun saham Mathba'ah Al-Ahmadiyah Cawangan Singapura. Dalam penyelidikan yang penulis jalankan, penulis belum menemui sesebuah syarikat milik Melayu pada zaman itu yang mempunyai anggota yang bercorak sejagat. Orang-orang Melayu yang membeli saham syarikat itu selain Kerabat Diraja Riau-Lingga, termasuk beberapa orang ulama Melayu di Mekah yang berasal dari Patani, Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan tempat-tempat lainnya. Saham juga dibeli oleh golongan terpelajar, di antara mereka ada yang berasal dari Padang dan Betawi (Jakarta). Saham anugerah pula di antaranya pernah diberikan kepada ulama Arab bernama Syekh Abdul Hamid al-Firdausi, bekas Mufti Riau-Lingga. Surat Raja Ali di Singapura, tarikh 8 Safar 1347 H, memperlihatkan niat baik atau tujuan Al-Ahmadiyah dituliskannya, ``... segala perjalanan kita dari dahulu hingga ini semata-mata atas jalan pemeliharaan dan bantu membantu atas tiap-tiap kesusahan, keberatan kerabat yang jauh apa lagi yang hampir ... ``. Dalam surat ini juga dinyatakan bahawa ``yang empunya harta benda yang dipegang oleh Ahmadi itu, laki-laki yang cerdik pandai berhitung dan lainnya''.

Hubungan perniagaannya juga sangat luas, surat Tengku Ali di Singapura tarikh 26.9.1925 M membuktikan bahawa Al-Ahmadiyah 50 Minto Road, Singapura ada hubungan langsung kepada Company Robin di Amsterdam (Negeri Belanda). Surat Tengku Ali di Singapura kepada Raja Kaluk dan Raja Hasnan di Ahmadi Midai, tarikh 2 Jamadilawal 1344 H/18 November 1925 M membuktikan Al-Ahmadiyah Singapura memesan langsung alat-alat percetakan dari Mesir, Beirut dan Amerika. Selain itu surat yang sama juga membuktikan kemajuan Mathba'ah Al-Ahmadiyah Singapura.

WASIAT

Ketika Tengku Ali mencecah usia lebih kurang 93 tahun, pada tarikh Midai 35 Julai 1954, ketika itulah beliau membuat Surat Wasiat untuk orang-orang yang meneruskan usahanya. Ada 13 perkara yang termaktub dalam surat wasiat itu. Surat wasiat ditandatangani oleh yang berwasiat, juga ditanda tangani oleh tiga orang yang menerima wasiat, ialah Haji Abdullah bin Haji Wan Abdur Rahman, Raja Haji Muhammad Arif bin Raja Haji Mahmud dan Raja Muhammad Nazir bin Raja Haji Mahmud. Pada tarikh, Midai, 7 Ogos 1954 dibuat penambahan, yang beliau tanda tangani, juga ditanda tangani oleh dua orang saksi ialah Haji Abdullah bin Haji Wan Abdur Rahman dan Raja Ali bin Raja Mohd. Sa'id.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Raja Ahmad Thabib

Raja Ahmad doktor kerajaan Riau

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

ULAMA dan tabib atau doktor perubatan yang diriwayatkan dalam artikel ini adalah cucu daripada tokoh besar dalam sejarah Melayu. Dari sebelah ayah beliau adalah cucu Raja Ali Haji, ahli bahasa dan sejarah yang cukup terkenal. Dari sebelah ibunya pula ialah keturunan daripada Raja Abdullah atau al-Marhum Mursyid, Yang Dipertuan Muda Riau-Lingga ke IX. Ulama dan tabib yang dimaksudkan ialah Raja Ahmad Thabib bin Raja Hasan bin Raja Ali Haji Riau. Ibunya Raja Maimunah adalah puteri Raja Abdullah atau al-Marhum Mursyid. Berdasarkan tulisan Raja Muhammad Yunus Ahmad, dalam Peringatan dinyatakan bahawa Raja Ahmad Thabib lahir tahun 1282 H/1865 M. Dari sumber yang lain diriwayatkan beliau lahir di Pulau Penyengat Indera Sakti.

Berdasarkan sebuah buku catatan tulisan Raja Muhammad Sa'id bin Raja Jaafar dengan lengkap bahawa adik beradik Raja Ahmad Thabib ada 12 orang. Mereka ialah: 1. Raja Abdullah Hakim (seorang ulama besar, Hakim Kerajaan Riau-Lingga), 2. Raja Khalid Haitami (ulama dan tokoh politik, meninggal dunia di Jepun sewaktu menjalankan urusan rahsia/sulit demi memerdekakan seluruh dunia Melayu yang sedang dijajah), 3. Raja Ahmad Thabib (yang sedang diriwayatkan dalam artikel ini), 4. Raja Manshur, 5. Raja Mariyah, 6. Raja Qamariah, 7. Raja Umar (Mudir Mathba'ah Al-Ahmadiyah yang pertama), 8. Raja Ali Andi, 9. Raja 'Abdur Rasyid, 10. Raja Kaltsum, 11. Raja Rahah, dan 12. Raja 'Amimah

Sumber terawal tentang Raja Ahmad Thabib ditulis agak ringkas oleh Raja Muhammad Yunus bin Raja Ahmad dalam Peringatan, No.1, th.1, Mei 1939, dicetak oleh Al-Ahmadiyah Press, 101 Jalan Sultan, Singapura. Dalam tulisan tersebut terdapat gambar Raja Ahmad Thabib ketika berusia 77 tahun. Di sini saya salin

selengkapnya tanpa perubahan bahasa, kecuali ejaan lama diganti dengan ejaan sekarang, adalah sebagai berikut, "Yang Mulia Raja Haji Ahmad bin Raja Hasan, bekas Thabib Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdur Rahman al-Muazzam Syah, bekas Sultan Riau. Yang Mulia ini diputerakan tahun 1282 H (1865 M, pen:). Dalam tahun 1299 H (1881 M, pen:) berangkat ke Mekah. Setelah mengerjakan haji dan melawat seluruh Tanah Arab baharu kembali ke Penyengat, iaitu dalam tahun 1300 H (1882 M, pen:).

''Dalam tahun 1301 H (1883 M, pen:) setelah Yang Mulia ini dapat akuan daripada tabib yang masyhur di Penyengat mulai menjadi Thabib patikuler (maksudnya: swasta, pen:). Dan dalam tahun 1319 H (1901 M, pen:) diangkat menjadi tabib kerajaan dan bagi Duli Yang Mulia Sultan dengan besluit (maksudnya: pengesahan menjadi pegawai kerajaan) bertarikh 25 Rabiulawal 1319 H, No. 6/8. Kemudian setelah terpecat Sultan Riau dari tahta kerajaannya maka Yang Mulia dikurnia oleh Governement Belanda pensiun (pencen, pen:) dimulai dari tahun 1911 M hingga sampai sekarang (maksudnya hingga tahun 1939, sewaktu Raja Haji Muhammad Yunus Ahmad, riwayat dalam Peringatan, pen:).

''Di Penyengat rupanya dahulu telah menjadi satu negeri yang mempunyai beberapa orang tabib yang masyhur di antaranya banyak orang masih ingat akan kebijakan Thabib Engku Haji Daud P'', demikianlah tulisan Raja Haji Muhammad Yunus Ahmad dalam Peringatan.

Daripada beberapa maklumat yang telah dikumpulkan, Raja Ahmad Thabib menghasilkan beberapa buah karangan, di antaranya ialah: 1. Syair Nasihat Pengajaran Untuk Memelihara Diri, 2. Syair Tuntutan Kelakuan, 3. Risalah Rumah Ubat Raja Haji Ahmad Pulau Penyengat Riau.

Praktik penelitian langsung di lokasi yang saya lakukan di rumah Raja Abdullah Hakim (adik beradik Raja Ahmad Thabib), di Pulau Penyengat, Riau, pada 2 Syaaban 1418 H/2 Disember 1997 M ternyata lebih banyak bahan untuk dibicarakan. Penelitian saya lakukan bersama salah seorang waris tersebut bernama Tengku Fuad bin Tengku Muhammad Yusuf dapat mengesan beberapa buah risalah ilmu perubatan yang ditinggalkan oleh Raja Ahmad Thabib masih dalam bentuk manuskrip dan catatan tersimpan dalam rumah saudaranya itu.

Sebenarnya jauh sebelum tarikh tersebut di atas, dalam tahun 1962 rumah tersebut memang tempat saya berulang alik. Beberapa buah kitab dalam koleksi Raja Abdullah Hakim tamat saya baca, namun ketika itu saya belum tahu membuat penilaian. Beberapa perkara mengenai perubatan Raja Ahmad Thabib saya perkenalkan sebagai berikut: Khasiat Dan Kaifiat Guna Ubat Tuan Brokdes Dan Tuan Setman Napal Negeri Belanda.

Walaupun karya ini disusun oleh Raja Sa'id bin al-Marhum Raja Ahmad, namun ia merupakan dokumen yang terdapat dalam Rumah Ubat Raja Ahmad Thabib Riau. Hanya

ditemui berupa lembaran-lembaran, tetapi tarikh penulisan dapat dikesan ialah pada, 1 Muharam 1323 H bersamaan 7 Mac 1905 M sampai 29 Jamadilakhir 1336 H bersamaan 11 April 1918 M. Penulisan dilakukan di Penyengat Riau. Kandungan nama-nama ubat dalam bahasa asing dan kegunaannya.

Beberapa lembar membicarakan perubatan selain yang tersebut di atas, dapat dipastikan karangan Raja Ahmad Thabib, judul sebenar belum diketahui. Kandungannya membicarakan tentang nadi. Manuskrip yang tidak lengkap tersebut dijumpai dalam kitab Thaiyib al-Ihsan fi Thibb al-Insan karya Syeikh Ahmad al-Fathani. Dari sini dapat dipastikan bahawa Raja Ahmad Thabib sempat belajar kitab Thaiyib al-Ihsan fi Thibb al-Insan kepada Syeikh Ahmad al-Fathani kerana mulai kulit depan kitab tersebut hingga akhir terdapat catatan-catatan tulisan tangan Raja Ahmad Thabib. Sebagaimana manuskrip Raja Ahmad Thabib membicarakan nadi dan pemeriksaan penyakit melalui air kencing, dalam karya Syeikh Ahmad al-Fathani juga terdapat bahasan mengenainya.

Untuk mengetahui sedikit pengetahuan perubatan tradisional, untuk kita bandingkan dengan perubatan moden dan jalan bahasa klasik menurut gaya bahasa Melayu Riau, kiranya baik juga saya transliterasikan di antara kandungannya, ialah: "Sebermula jika orang laki-laki nadinya itu besar sebelah kanan, alamat sakit. Dan jika besar sebelah kiri, alamat sihat. Dan jika perempuan besar nadinya itu pada tangan kiri, alamat sakit. Dan jika besar tangan kanan, alamat sihat.

Tulisan Raja Ahmad Thabib selanjutnya, "Fasal Yang Pertama Pada Menyatakan Nadi Yang Bernama Zahabi: Jika ditekan perlahan-lahan, maka keras pukulnya di atas, alamat banyak angin panas dalam anggotanya.

Dan jika ditekan perlahan-lahan, maka ada pukulnya jatuh, barangkali terasa sedikit-sedikit, alamatnya paru-parunya kembang, banyak sejuk.

Dan jika ditekan perlahan-lahan, maka tidak ia memukul di atas, maka ada ia memukul di dalam sedikit-sedikit, alamat banyak balghamnya (balgham = lendir atau dahak, pen:) bercampur angin dan ketul balghamnya itu.

Dan Fasal Yang Kedua Pada Menyatakan Nadi Yang Bernama Turabi: Jika ditekan perlahan-lahan, maka ada pukulnya perlahan-lahan di atas, alamat ada angin sejuk, maka menjadi lesu tubuhnya. Dan jika ditekan keras, maka pukulnya pun keras, alamat ada angin panas pada tubuh.

Dan jika ditekan perlahan-lahan, maka pukulnya itu keras, alamat dalam perutnya terlalu sangat panas.

Dan jika ditekan perlahan-lahan, maka tiada sekali-kali ia memukul...' (naskhah rosak, tidak dapat dibaca, pen:).

Ada pun pemeriksaan melalui air kencing Raja Ahmad Thabib menulis sebagai berikut, "Fasal Yang Ketiga Pada Menyatakan Melihat Kepada Air Kencing: Bermula jika warna air kencingnya itu kuning pertengahan alamat tabiatnya itu sederhana. Dan jika sangat kuningnya, hampir kepada merah, alamat panas tubuhnya.

Dan jika warna itu sangat merahnya, alamat sakitnya itu di dalam dada, tetapi sejuk. Dan jika warnanya merah bercampur kuning, alamat panas sekalian badan, dan angin, dan demam, dan terkadang yang demikian itu lendir dan darah, maka bisa, serba salah. Tidur pun tidak boleh. Jika tidak boleh, panas, kencing sakit, hualp semuanya sampai ke hati.

Dan jika warnanya merah semua, lagi cair, alamat hangus segala badan, darah dan tulang di dalam badan semuanya buruk. Dan tempat kencing sudah luka, ke sungai kecil sakit dan terkadang keluar nanah, atau darah, atau keluar kura kuning-kuning. Dan tiada boleh tidur dan bisa ari-ari. Dan jika warnanya merah atau pekat, alamat luka tempat kencing dan demam siang malam, dan kurus badannya. Tiada boleh tidur, dan hatinya rosak. Lagi tabiatnya ketakutan sentiasa seperti gila. Dan batuk selama-lamanya kemudian keluar darah ... "

Di antara jenis ubat yang dicipta oleh Raja Ahmad Thabib yang paling mujarab dan pada satu ketika dulu pernah terkenal di Riau, Singapura dan Johor terutama dalam lingkungan masyarakat Melayu ialah dinamakan Syarbat Zanjabil. Syarbat Zanjabil ialah sejenis ubat berupa cairan yang dibuat daripada bahan rempah-rempah, berbau agak harum dan dijual dalam botol. Ubat tersebut telah banyak bukti boleh menyembuhkan pelbagai penyakit dalaman seumpama sakit jantung, sakit tulang, sakit kuning dan lain-lain. Selain Syarbat Zanjabil dalam koleksi Raja Ahmad Thabib juga dikenali dua jenis minyak yang dipusakai turun temurun oleh keluarga tersebut, kedua-dua minyak itu ialah Minyak Mengkasar dan Minyak Bau. Kedua-dua jenis minyak tersebut berfungsi untuk jenis sakit luar, seumpama kembung perut, disengat binatang berbisa, bahkan kedua-duanya juga berfungsi untuk ubat kerasukan, kekejangan dan lain-lain.

Ada lagi satu kepakaran Raja Ahmad Thabib yang mungkin tidak dialami oleh pakar perubatan moden sekarang ini, kerana pada satu peristiwa Raja Ahmad Thabib pernah membedah pesakit hanya dengan sembilu (buluh yang ditajamkan seperti pisau). Peristiwa tersebut ketika itu di Pulau Penyengat dan Tanjungpinang belum terdapat peralatan perubatan moden. Diriwayatkan bahawa sebelum melakukan pembedahan yang mendesak dan mendadak Raja Ahmad Thabib menggambarkan pembedahan itu hanyalah untuk pertolongan sementara saja, kerana ketahanan pesakit hanya sekitar antara tujuh sampai sepuluh jam saja.

Untuk menyelamatkannya mesti dibawa ke Singapura supaya diberi ubat-ubat yang lebih sesuai. Pelayaran dari Tanjungpinang ke Singapura ketika itu memakan masa tujuh jam, bererti mesti memburu baki waktu tiga jam yang dikatakan beliau itu. Ternyata pesakit selamat ketika dibedah dan selanjutnya selamat pula dalam

perawatan moden di Singapura. Cerita ini saya catat daripada ramai Kerabat Diraja Riau sejak tahun 1962, dan hingga sekarang yang menceritakan masih ada yang hidup, yang telah berumur melebihi 90 tahun.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Abdur Rahman Shiddiq Al-Banjari - Mufti Kerajaan Inderagiri

Syeikh Abdur Rahman Shiddiq Al-Banjari - Mufti Kerajaan Inderagiri

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

ULAMA yang diriwayatkan ini adalah keturunan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, sama dengan Tuan Husein Kedah al-Banjari yang diriwayatkan minggu lalu. Jalur keturunan dari sebelah ayahnya ialah Mufti Syeikh Haji Abdur Rahman Shiddiq bin Haji Muhammad Afif bin Haji Anang Mahmud bin Haji Jamaluddin bin Kiyai Dipa Santa Ahmad bin Fardi bin Jamaluddin bin Ahmad al-Banjari.

Jalur keturunan yang menyentuh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, ulama dunia Melayu yang sangat terkenal, ialah bahawa ibunya bernama Shafura binti Mufti Haji Muhammad Arsyad bin Mufti Haji Muhammad As'ad. Ibu Mufti Haji Muhammad As'ad bernama Syarifah binti Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, iaitu daripada perkahwinan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dengan Tuan Bajut. Dari jalur yang lain pula bahawa ibu Muhammad Afif bernama Sari binti Khalifah Haji Zainuddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, iaitu daripada perkahwinan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dengan Tuan Guat.

Berdasarkan catatannya sendiri yang penulis peroleh daripada keturunan beliau di Sapat dan Tembilahan, Inderagiri Hilir (1982) bahawa Haji Abdur Rahman Shiddiq lahir bulan Rabiulakhir, malam Khamis, sebelum Subuh, 1284 Hijrah/Ogos 1867 Masihi. Beliau memadamnya dan diganti dengan 1288 Hijrah/Jun/Julai 1871 Masihi. Penulis tidak sependapat dengan beberapa orang penulis yang menyebut bahawa Haji Abdur Rahman Shiddiq lahir pada tahun 1857 Masihi. Mengenainya barangkali satu kekeliruan menyesuaikan tahun 1284 Hijrah atau 1288 Hijrah ke tahun Masihi saja. Bahawa 1284 Hijrah bukan bersamaan dengan tahun 1857 Masihi tetapi yang betul ialah tahun 1867 Masihi. Catatan tambahan yang dilakukan oleh anaknya bahawa beliau wafat pada hari Isnin, jam 5.40, 4 Syaaban 1358 Hijrah/18 September 1939 Masihi, dalam usia 70 tahun.

PENDIDIKAN

Pendidikan asasnya diperoleh dari lingkungan keluarga ulama Banjar yang ada hubungan dengan beliau. Sama ada kedua-dua orang tuanya, mahu pun Abdur Rahman Shiddiq sendiri berhasrat untuk memperoleh ilmu yang banyak di Tanah Suci Mekah, namun beliau menempuh jalan yang berliku-liku. Abdur Rahman Shiddiq banyak memperoleh ilmu di alam terbuka, bumi dipijak, langit dijunjung di beberapa tempat yang dirantaunya. Mulai Banjar berlayar ke Jawa, ke Sumatera, sambil berlayar, di rantau orang mengajar dan berusaha untuk memperoleh wang untuk sampai ke Tanah Suci Mekah. Perjuangannya adalah suci untuk memperoleh ilmu memartabatkan Islam, semangatnya adalah teguh kukuh tidak akan terabai dan tergugahkan. Sempat belajar dengan beberapa orang ulama di Padang, sambil berdagang emas dan perak di Padang. Beliau juga merantau ke daerah Tapanuli. Pernah mengajar kitab Sabilul Muhtadin, karangan Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari, datuk neneknya di Barus dan Natal di daerah Tapanuli. Berdasarkan catatan Abdur Rahman Shiddiq bahawa dalam musim haji tahun 1306 Hijrah yang bererti bersamaan dengan Julai 1889 Masihi barulah cita-cita Abdur Rahman Shiddiq sampai ke Mekah, dan tinggal di sana hingga tahun 1312 Hijrah/1894 Masihi.

Oleh sebab Haji Abdur Rahman Shiddiq sampai di Mekah pada tahun tersebut di atas dinyatakan oleh beliau sendiri, maka penulis tidak sependapat dengan kenyataan Imran Effendy Hs dalam buku Pemikiran Akhlak Syekh Abdurrahman Shiddiq al-Banjari, halaman 16, 18 dan 63 yang menyebut bahawa Haji Abdur Rahman Shiddiq berangkat ke Mekah pada 1882/3 Masihi. Catatan tulisan tangan Haji Abdur Rahman Shiddiq penulis miliki sejak tahun 1982 di Sapat daripada salah seorang keturunan beliau. Dalam catatan itu jelas bahawa sejak dilahirkan, catatannya berada di Padang pada 10 Zulhijjah 1305 Hijrah/18 Ogos 1888 Masihi, bahawa beliau bernama Abdur Rahman Shiddiq. Oleh sebab catatannya ditulis jauh sebelum beliau berada di Mekah, maka penulis juga tidak sependapat dengan buku di atas (halaman 18) yang menyebut bahawa gelar 'Shiddiq' diberikan oleh gurunya, al-Syata (maksudnya Sayid Abu Bakri asy-Syatha) di Mekah.

Sewaktu belajar di Mekah, beliau bersahabat dengan beberapa orang, di antara mereka ialah Tuan Husein Kedah al-Banjari, keturunan Banjar yang dilahirkan di Kedah ini (lahir 1280 Hijrah/1863 Masihi) usianya lebih tua beberapa tahun daripada Haji Abdur Rahman (lahir 1288 Hijrah/1871 Masihi). Sahabatnya yang lain ialah Haji Abdullah Fahim (lahir 1286 Hijrah/1869 Masihi), Tok Kenali (lahir 1287 Hijrah/1871 Masihi) dan ramai lagi. Mengenai guru-guru yang mengajar di Masjid al-Haram pada zaman itu telah banyak disebut pada siri-siri yang lalu, oleh itu tidak perlu dibicarakan lagi.

AKTIVITI

Sudah cukup jelas dan tidak perlu diragukan bahawa Haji Abdur Rahman Shiddiq pulang dari Mekah ialah tahun 1312 Hijrah/1894 Masihi. Oleh itu pendapat Imran Effendy Hs dalam bukunya (halaman 20) yang menyebut Haji Abdur Rahman Shiddiq

pulang dari Mekah pada tahun 1890/1 dan pendapat Syafei Abdullah dalam bukunya *Riwayat Hidup dan Perjuangan Ulama Syeikh H. A. Rahman Shiddiq*, Mufti Inderagiri, menyebut tahun 1897 Masihi penulis tidak sependapat dan perlu penelitian yang lebih kemas lagi.

Pulang dari Mekah terus ke Martapura, kemudian pindah ke Bangka dilanjutkan pengembaraan di seluruh Semenanjung menziarahi teman-temannya, di antaranya Tok Kenali. Beberapa sultan, di antaranya sultan Johor meminta beliau menjadi mufti, semuanya beliau tolak. Akhirnya Syeikh Haji Abdur Rahman Shiddiq membuka perkampungan sendiri yang kemudian diberi nama Parit Hidayat di Inderagiri Hilir. Di sanalah beliau membina umat membuka pengajian sistem pondok. Dalam masa kejayaannya membuka perkampungan untuk perkebunan kelapa dan pengajian itulah Syeikh Haji Abdur Rahman Shiddiq dilantik sebagai Mufti Kerajaan Inderagiri.

PENULISAN

Karya-karya Mufti Haji Abdur Rahman Shiddiq al-Banjari yang telah ditemui penulis senaraikan sebagai berikut:

1. *Asrarus Shalah*, diselesaikan pada bulan Rejab 1320 Hijrah. Kandungannya membicarakan mengenai sembahyang. Cetakan yang pertama Mathba' Haji Muhammad Sa'id bin Haji Arsyad, Kampung Silong, Jalan Arab Street, Kedai Surat No, 82 Singapura, akhir Zulhijjah 1327 Hijrah. Cetakan selanjutnya oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan, Singapura, 1348 Hijrah/1929 Masihi (cetakan ketiga).
2. *Fat-hul `Alim*, diselesaikan pada 10 Syaaban 1324 Hijrah. Kandungannya membicarakan akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah secara lengkap. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan, Singapura, 28 Syaaban 1347 Hijrah/8 Januari 1929 Masihi.
3. *Risalatut Tazkirah li Nafsi wa lil Qashirin Mitsli*, diselesaikan pada 20 Syaaban 1324 Hijrah. Kandungannya merupakan tazkirah dan nasihat yang dipetik daripada *Majmu' karangan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari*. Cetakan pertama, Tempat Cap Haji Muhammad Amin, Singapura, 1324 H.
4. *Risalah Amal Ma'rifat*, diselesaikan di Sapat, Inderagiri, 8 Rabiulawal 1332 Hijrah. Kandungannya membicarakan akidah menurut pandangan tasawuf. Cetakan yang kedua, 30 Muharam 1344 Hijrah oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura.
5. *Syair Ibarat dan Khabar Kiamat*, diselesaikan 25 Zulhijjah 1332 Hijrah. Kandungannya menceritakan peristiwa Hari Kiamat ditulis dalam bentuk syair. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura, 9 Syaaban 1344 Hijrah.
6. *Risalah Kecil Pelajaran Kanak-kanak Pada Agama Islam*, diselesaikan 1 Safar 1334 Hijrah. Kandungannya merupakan pelajaran fardu ain untuk kanak-kanak.

- Cetakan yang ketiga oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan, Singapura, 1348 Hijrah/1929 Masihi.
7. Aqaidul Iman, diselesaikan di Sapat, Inderagiri, 16 Rabiulawal 1338 Hijrah. Kandungannya membicarakan tentang akidah. Cetakan baru oleh Toko Buku Hasanu, Jalan Hasanuddin Banjarmasin atas izin Mahmud Shiddiq, Pagatan, Kota Baru, Pulau Laut, Kalimantan Selatan, 1405 Masihi. Diterbitkan daripada salinan tulisan tangan oleh Hasan Bashri Hamdani.
 8. Syajaratul Arsyadiyah, diselesaikan 12 Syawal 1350 Hijrah. Kandungannya membicarakan asal-usul Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dan keturunan-keturunannya. Cetakan pertama oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan, Singapura.
 9. Risalah Takmilah Qaulil Mukhtashar, diselesaikan 10 Safar 1351 Hijrah. Kandungannya menceritakan tanda-tanda Hari Kiamat dan mengenai kedatangan Imam Mahdi. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan, Singapura, dicetak kombinasi dengan Syajaratul Arsyadiyah (103 halaman) oleh pengarang yang sama, dan Risalah Qaulil Mukhtashar fi `Alamatil Mahdil Muntazhar (55 halaman) karya Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari.
 10. Mau'izhah li Nafsi wa li Amtsali minal Ikhwan, diselesaikan 5 Rejab 1355 Hijrah. Kandungannya merupakan kumpulan pengajaran akhlak. Cetakan yang pertama oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan, Singapura, 1355 Hijrah.
 11. Beberapa Khuthbah Pakai Makna Karangan Jaddi as-Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, tanpa dinyatakan tarikh selesai penulisan. Kandungannya merupakan kumpulan khutbah yang pernah diucapkan oleh Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 101 Jalan Sultan, Singapura, tanpa dinyatakan tahun cetakan.
 12. Majmu'ul Ayat wal Ahadits fi Fadhailil `Ilmi wal `Ulama' wal Muta'allimin wal Mustami'in, tanpa dinyatakan tarikh selesai penulisan. Kandungannya merupakan kumpulan hadis serta terjemahannya dalam bahasa Melayu. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan, Singapura, 1346 Hijrah/1927 Masihi.
 13. Catatan, tanpa tarikh, ditulis dalam bahasa Arab dan Melayu. Kandungannya merupakan beberapa catatan Syeikh Abdur Rahman Shiddiq mulai lahir malam Khamis, sebelum Subuh 1288 Hijrah/ Jun/Julai 1871 Masihi. Wafat hari Isnin, jam 5.40, pada 4 Syaaban 1358 Hijrah/18 September 1939 Masihi, dalam usia 70 tahun. Tahun 1306 Hijrah beliau ke Mekah. Tinggal di sana hingga tahun 1312 Hijrah. Selain itu terdapat catatan kelahiran dan wafat anak-anaknya dan lain-lain.

Syeikh Mahfuz at-Tarmasi - Ulama ha dis duni a Melayu

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DALAM Ruangan Agama, Utusan Malaysia, 21 Mac 2005, telah diperkenalkan [Kiyai Muhammad Saleh Darat](#), ulama besar Jawa Tengah. Kali ini diperkenalkan pula salah seorang murid beliau yang menjadi ulama besar di Mekah, iaitu Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah bin Abdul Mannan bin Abdullah bin Ahmad at-Tarmasi/Termas. Gurunya banyak menghasilkan penulisan dalam bahasa Jawa, dan hanya sebuah dalam bahasa Melayu. Berbeza dengan muridnya ini. Beliau yang banyak menghasilkan karya yang menjadi rujukan ulama peringkat antarabangsa, hanya menulis dalam bahasa Arab. Oleh itu beliau tidak banyak dikenali oleh masyarakat awam dunia Melayu. Syeikh Muhammad Mahfuz Termas lahir di Termas, Pacitan, Jawa Tengah, pada 12 Jamadilawal 1285 H/31 Ogos 1868 M, wafat di Mekah pada 1 Rejab 1338 H/20 Mac 1920 M.

PENDIDIKAN

Untuk mengetahui latar belakang pendidikannya, nama para guru dan jenis ilmu pengetahuan yang dipelajari oleh Syeikh Muhammad Mahfuz Termas tidaklah terlalu sukar kerana dalam peringkat pengenalan tercatat dalam beberapa buah karya beliau. Di bawah ini saya terjemahkan dan petik sebahagian daripada riwayat yang tercantum dalam karya Muhibah zil Fadhli jilid ke-4. Kitab-kitab yang dipelajari daripada ayahnya sendiri, Syeikh Abdullah bin Abdul Mannan at-Tarmasi, ialah Syarh al-Ghayah li Ibni Qasim al-Ghuzza, al-Manhaj al-Qawim, Fat-h al-Mu'in, Fat-h al-Wahhab, Syarh Syarqawi `ala al-Hikam dan sebahagian Tafsir al-Jalalain hingga sampai Surah Yunus saja. Semua kitab yang tersebut adalah dalam bahasa Arab. Sekurang-kurangnya dalam rangkaian ilmu fikah, tasawuf dan tafsir al-Quran.

Setelah memperoleh ilmu yang banyak daripada orang tuanya sendiri, Syeikh Muhammad Mahfuz Termas berpindah ke Semarang dan belajar kepada Kiyai Muhammad Saleh Darat. Kitab-kitab yang dipelajari ialah Syarh al-Hikam (dua kali khatam), Tafsir al-Jalalain (dua kali khatam), Syarh al-Mardini dan Wasilah ath-Thullab. Kitab yang terakhir ini mengenai ilmu falak. Perlu juga saya sebutkan bahawa kitab ini yang disebarkan berupa cetakan adalah ditashhah dan ditahqiq oleh Syeikh Ahmad al-Fathani.

Syeikh Muhammad Mahfuz Termas dari Semarang berpindah pula ke Mekah. Gurunya di Mekah ialah Syeikh Ahmad al-Minsyawi yang dikenali sebagai Muqri kepada ulama ini, beliau belajar Qiraah `Ashim dan tajwid, sebahagian Syarh Ibni al-Qashih `ala asy-Syathibiyah (tidak sempat khatam). Dalam masa yang sama belajar kepada Syeikh `Umar bin Barakat asy-Syami, kitab yang dipelajari ialah Syarh Syuzur az-Zahab li Ibni Hisyam, kitab ini disusun oleh gurunya. Juga kepada Syeikh Mustafa al-'Afifi, kitab yang dipelajari ialah Syarh Jam'il

Jawami' lil Mahalli dan Mughni al-Labib. Juga kepada Sayid Husein bin Sayid Muhammad al-Habsyi, kitab yang dipelajari ialah Sahih al-Bukhari. Juga kepada Syeikh Muhammad Sa'id Ba Bashail, kitab yang dipelajari ialah Sunan Abi Daud. Sunan Tirmizi dan Sunan Nasai. Juga kepada Sayid Ahmad az-Zawawi, kitab yang dipelajari ialah Syarh `Uqud al-Juman, karangan gurunya itu, dan sebahagian kitab asy-Syifa' lil Qadhi al-'Iyadh. Juga kepada Syeikh Muhammad asy-Syarbaini ad-Dimyathi, kitab yang dipelajari ialah Syarh Ibni al-Qashih, Syarh ad-Durrah al-Mudhi-ah, Syarh Thaibah an-Nasyr fi al-Qiraat al-'Asyar, ar-Raudh an-Nadhir lil Mutawalli, Syarh ar-Ra-iyah, Ithaf al-Basyar fi al-Qiraat al-Arba'ah al-'Asyar, dan Tafsir al-Baidhawi bi Hasyiyatihi. Juga kepada Sayid Muhammad Amin bin Ahmad Ridhwan al-Madani, kitab yang dipelajari ialah Dalail al-Khairat, al-Ahzab, al-Burdah, al-Awwaliyat al-'Ajluni dan Muwaththa' Imam Malik. Ulama yang paling banyak mengajarnya pelbagai ilmu secara keseluruhannya ialah Sayid Abi Bakr bin Sayid Muhammad asy-Syatha.

Setiap guru yang tersebut bersambung kepada ulama yang lebih ke atas yang dinamakan sanad atau salasilah. Mengenainya Syeikh Muhammad Mahfuz Termas mencatatnya dengan lengkap dalam karyanya Kifayatul Mustafid. Memperhatikan tulisan Syeikh Muhammad Mahfuz Termas yang menyebut bahawa ilmu terbanyak diperolehnya ialah daripada Sayid Abi Bakr asy-Syatha, pada masa beliau berada di Mekah, maka dapat disimpulkan sahabat-sahabat seperguruan dengannya ialah Syeikh Wan Daud bin Mustafa al-Fathani (1283 H/1866 M - 1355 H/1936 M). Ulama Patani ini lebih tua sekitar dua tahun daripada Syeikh Muhammad Mahfuz Termas (1285 H/1868 M - 1338 H/1920 M), Mufti Pulau Pinang [Haji Abdullah Fahim](#), lebih muda setahun (lahir 1286 H/ 1869 M), Tok Kenali, lebih muda dua tahun (lahir 1287 H/ 1871 M) dan lain-lain. Saya berkesimpulan sungguh pun nama-nama para guru telah disebut oleh Syeikh Muhammad Mahfuz Termas sendiri, namun masih banyak ulama lain gurunya yang belum beliau sebut. Di antara mereka seumpama Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, [Syeikh Nawawi al-Bantani](#), Syeikh Ahmad al-Fathani dan lain-lain. Berdasarkan banyak maklumat saya pastikan bahawa Syeikh Muhammad Mahfuz Termas juga pernah pernah belajar kepada Syeikh Nawawi al-Bantani.

Hubungan dan kedudukan Syeikh Ahmad al-Fathani dengan Sayid Abi Bakr asy-Syatha adalah sangat erat, kerana sebuah karangan Sayid Abi Bakr asy-Syatha yang berjudul I' anatut Thalibin Syarh Fat-hil Mu'in yang selesai ditulis bulan Syawal 1300 H. Sebelum cetakan pertama kitab tersebut ditashih dan ditahqiq oleh Syeikh Ahmad al-Fathani atas kehendak Sayid Abi Bakr asy-Syatha sendiri dan Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki. Sama ada sebelum dicetak (masih manuskrip) mahu pun setelah cetakan pertama, yang mula-mula mengajar kitab I' anatut Thalibin di dalam Masjid al-Haram ialah Syeikh Ahmad al-Fathani, semua murid Sayid Abi Bakr asy-Syatha pada zaman itu termasuk Syeikh Muhammad Mahfuz Termas hadir dalam halaqah atau majlis pengajian Syeikh Ahmad al-Fathani itu.

PENULISAN

Syeikh Muhammad Mahfuz Termas termasuk salah seorang ulama yang berasal dari dunia Melayu yang menghasilkan karangan dalam bahasa Arab dan dikenali ulama antarabangsa sesudah Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Ahmad al-Fathani, [Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau](#) dan [Syeikh Abdul Hamid Kudus](#). Semua karangan beliau dalam bahasa Arab disenaraikan sebagai berikut:

1. As-Siqayatul Mardhiyah fi Asamil Kutubil Fiqhiyah li Ashabinas Syafi'iyah, diselesaikan pada hari Jumaat, Syaaban 1313 H, risalah ini terdiri daripada tiga bahagian tetapi yang saya miliki hanya sebuah saja. Kandungannya membicarakan senarai kitab karya-karya dalam Mazhab Syafie serta nama-nama ulamanya. Dicitak oleh Mathba'ah at-Taraqil Majidiyah al-'Utsmaniyah, Mekah (tanpa tahun).

2. Muhibah zil Fadhli `ala Syarh al-'Allamah Ibnu Hajar Muqaddimah Ba Fadhal), kitab ini empat jilid dan tebal. Jilid pertama diselesaikan pada 25 Safar 1315 H, tebal 556 halaman. Jilid kedua diselesaikan pada hari Jumaat, 27 Rabiulakhir 1316 H, tebal 504 halaman. Jilid ketiga diselesaikan pada malam Ahad, 7 Rejab 1317 H, tebal 544 halaman. Jilid keempat, diselesaikan pada malam Rabu, 19 Jamadilakhir 1319 H, tebal 733 halaman. Keseluruhan halaman jilid pertama sampai empat ialah 2437 halaman. Kandungannya membicarakan fikah lengkap berupa syarah dan hasyiah dalam Mazhab Syafie yang dibahas secara mendalam, ilmiah dan terperinci. Kitab khazanah keilmuan yang demikian tinggi dihasilkan oleh putera dunia Melayu yang penting tersebut dicitak Mathba'ah al-'Amirah asy-Syarfiyah, Mesir, 1326 H.

3. Kifayatul Mustafid lima `ala minal Asanid, diselesaikan pada hari Selasa, 19 Safar 1320 H. Kandungannya membicarakan pelbagai sanad keilmuan Muhammad Mahfuz bin Abdullah at-Tarmasi/at-Tirmisi. Dicitak oleh Mathba'ah al-Masyhad al-Husaini, No. 18 Syari' al-Masyhad al-Husaini, Mesir (tanpa tahun). Kitab ini ditashhah dan ditahqiq oleh Syeikh Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani al-Makki, al-Mudarris Daril `Ulumid Diniyah, Mekah.

4. Manhaj Zawin Nazhar fi Syarhi Manzhumati `Ilmil Atsar, diselesaikan pada tahun 1329 H/1911 M. Kandungannya membicarakan Ilmu Mushthalah Hadits merupakan Syarh Manzhumah `Ilmil Atsar karangan Imam Jalaluddin as-Suyuthi. Daripada kitab ini dapat kita buktikan bahawa ulama yang berasal dari dunia Melayu berkemampuan menulis ilmu hadis yang demikian tinggi nilainya kerana kitab ini menjadi rujukan ramai ulama antarabangsa terutama ulama-ulama hadis. Dicitak oleh Mathba'ah Mushthafa al-Baby al-Halaby wa Auladuhu, Mesir, 1352 H/1934 M. Cetakan dibiayai oleh Syeikh Salim bin Sa'ad bin Nabhan wa Akhihi Ahmad, pemilik Al-Maktabah An-Nabhaniyah Al-Kubra, Surabaya, Jawa Timur, Indonesia.

5. Al-Khal'atul Fikriyah fi Syarhil Minhatil Khairiyah, belum diketahui tarikh penulisan. Kandungannya juga membicarakan hadis merupakan Syarh Hadits Arba'in (Hadits Empat Puluh) berdasarkan yang disyairkan oleh Syeikh al-Qasthallani dalam Hadis Bukhari yang berasal daripada perkataan al-Hafizh Abi Bakr al-

Burqani. Yang ada di tangan saya masih dalam bentuk manuskrip merupakan salinan Haji Ahmad Dahlan bin Muhammad Minhaj, tokoh ulama Selangor. Menurutny disalin daripada yang pernah dicetak oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1315 H. Menurut riwayat bahawa kitab ini terdiri daripada 13 bahagian.

Selain yang ada dalam koleksi saya seperti tersebut di atas, masih terdapat karangan Syeikh Muhammad Mahfuz Termas yang ditulis oleh Sayid `Abdullah bin Shadaqah bin Zaini Dahlan, ialah sebagai berikut:

6. Al-Badrul Munir fi Qira-ati Ibni Katsir.
7. Tanwirus Shadr fi Qira-ati Ibni `Amr.
8. Insyirahul Fawaid fi Qira-ati Hamzah.
9. Ta'mimul Manafi' fi Qira-ati Nafi'.
10. Al-Fawaidut Tarmasiyah fi Asamil Qira-ati `Asyariyah, Syeikh Yasin Padang menyebut bahawa kitab ini pernah diterbitkan oleh Mathba'ah al-Majidiyah, Mekah, tahun 1330 H.
11. Is'aful Mathali' Syarhul Badril Lami'.

Masih banyak judul yang belum dapat diperkenalkan, menurut riwayat bahawa karangan Syeikh Muhammad Mahfuz Termas semuanya sekitar 20 judul atau pun lebih.

KESIMPULAN

Daripada semua yang dipaparkan di atas saya berkesimpulan bahawa daripada sekian banyak ilmu, yang paling menonjol untuk Syeikh Muhammad Mahfuz Termas ialah dalam semua bidang ilmu hadis, seumpama ilmu Dirayah Hadits atau Mushthalah Hadits, Rijal Hadits dan lain-lain. Beliau juga seorang yang hebat dalam fikah Syafi'iyah dan pelbagai jenis ilmu qiraat dan tajwidnya.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Abu Bakar al-Funtiani Ulama pengembara

Abu Bakar al-Funtiani Ulama pengembara

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DI DALAM ruangan Agama, Utusan Malaysia minggu lalu penulis menyentuh bahawa salah seorang keturunan Syeikh Jalaluddin al-Kalantani ada yang berkahwin dengan keluarga ulama Pontianak. Tanpa penulis menduga bahawa ulama yang akan diriwayatkan ini pernah menjadi sahabat dan guru kepada orang tua penulis dan

mempunyai keluarga di Seberang Perai. Dalam tahun 1949 – 1950 di beberapa pulau di Pulau Tujuh, Kepulauan Riau didatangi oleh seorang ulama besar dari Singapura.

Masyarakat menyebutnya Pak Tuan Alim Haji Abu Bakar. Raja Ali bin Raja Muhammad Tengku Nong, Ketua Syarikat Al-Ahmadi & Co. Midai dan cawangannya Mathba'ah Al-Ahmadiyah Singapura mengarahkan orang tua penulis, Haji Abdullah bin Haji Wan Abdur Rahman, supaya mengeluarkan dana syarikat itu untuk mendirikan sebuah rumah wakaf sebagai kediaman ulama tersebut. Rumah wakaf tersebut masih ada hingga sekarang. Ia terletak di sebelah kanan Masjid Baiturrahman di Pulau Midai, Pulau Tujuh, Kepulauan Riau.

Sejak tahun 1950, Pak Tuan Haji Abu Bakar yang berasal dari Pontianak itu mempunyai kesan tersendiri dalam ingatan penulis, sungguhpun penulis lama tinggal di Pontianak namun sedikit sahaja memperoleh data mengenainya. Tokoh yang diriwatkan ini diperoleh di Seberang Perai dalam rangka menjejaki asal-usul ulama yang berada di kawasan itu, tepatnya pada 5 Rejab 1425 Hijrah/21 Ogos 2004 Masihi dan 6 Rejab 1425 Hijrah/22 Ogos 2004 Masihi. Di antara yang terpenting yang diperoleh di Pematang Bertam, bahawa ayah saudara Pak Tuan Haji Abu Bakar bernama Haji Ali bin Haji Muhammad Nur Pontianak meninggalkan keturunan yang ramai di Seberang Perai. Ayah Pak Tuan Haji Abu Bakar bernama Haji Abdul Ghani bin Haji Muhammad Nur adalah adik beradik kepada Haji Ali bin Haji Muhammad Nur. Adik beradiknya seramai 27 orang yang menetap di banyak tempat di dunia Melayu. Beberapa orang yang menjadi ulama besar di antaranya akan disentuh serba ringkas dalam artikel ini.

Riwayat

Setelah penulis menggabungkan hasil penyelidikan terkini yang diperoleh di Seberang Perai dengan dokumen Riau dan Pontianak yang ada pada penulis, maka dapatlah dipastikan bahawa Haji Abdul Ghani (ayah Haji Abu Bakar) itu adalah seorang penyandang gelaran Dato' Kaya Lela Pahlawan. Ada pun Haji Muhammad Nur atau Haji Muhammad Nur Putih itu ketika berada di Kemboja bernama Wan Muhammad Daram. Oleh itu nama lengkap ulama yang berasal dari Pontianak yang diriwatkan ini ialah Haji Abu Bakar bin Dato' Kaya Lela Pahlawan Haji Abdul Ghani bin Haji Muhammad Nur Putih @ Wan Muhammad Daram bin Encik Wan Mat Thalib bin Encik Wan Jeramat bin Umar (Megat Laksamana) bin Utsman (Dato' Kaya Megat Patan Pahang) bin Tuan Qadhi Ahmad. Tuan Qadhi Ahmad, datuk neneknya berasal dari Melaka yang terpaksa berpindah ke Bentan, seterusnya ke Kampar dan Minangkabau dalam peristiwa kedatangan Portugis.

Haji Muhammad Nur Putih @ Wan Muhammad Daram setelah mengembara ke pelbagai tempat di dunia Melayu akhirnya membuka kampung yang dinamakan Kampung Kemboja di Pontianak. Seluruh kampung itu adalah milik beliau. Berdampingan dengan Kampung Kemboja dinamakan Kampung Saigon dimiliki oleh Haji Yusuf Saigon adalah

keturunan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Haji Muhammad Nur Putih berkahwin banyak kali dan dikatakan mempunyai anak 27 orang. Setakat ini yang dapat dikesan hanya 10 orang.

Sebar

Anak-anak beliau ialah: 1. Haji Sulaiman bin Muhammad Nur, beliau menyebarkan Islam di Lombok. Menurut riwayat, sampai sekarang masih terdapat pondok pesantren yang diasaskannya. Salah seorang anak beliau yang menjadi ulama besar ialah Syeikh Husein bin Sulaiman al-Funtiani. Beliau menghasilkan beberapa buah karya iaitu Babul Jum'ah, 28 Jamadilawal 1316 Hijrah, cetakan pertama oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1317 Hijrah. Tuhfatur Raghabin fi Taqlidil Qauli bi Shalatil Jum'ati bi Dunil Arba'in, 27 Syawal 1319 Hijrah, cetakan yang pertama oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1319 Hijrah. Nuzhatut Tharaf fi Auzani Ilmis Sharfi, 6 Syawal 1321 Hijrah, cetakan pertama, Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 16 Safar 1322 Hijrah.

2. Haji Husein bin Muhammad Nur. 3. Haji Shalih bin Muhammad Nur. 4. Haji Ali bin Muhammad Nur, berkahwin dengan Hajah Sa'diyah binti Haji Abdullah bin Syeikh Jalaluddin al-Kalantani, anak-anaknya ialah: Aisyah, Abdur Razaq, Azizah dan Jamil. 5. Hajah Kaltsum binti Muhammad Nur. 6. Haji Abdul Ghani bin Muhammad Nur, anaknya Haji Abu Bakar Pontianak, yang sedang diriwayatkan. 7. Haji Mushtafa bin Muhammad Nur. 8. Haji Abdul Hamid bin Muhammad Nur, 9. Haji Abdul Aziz bin Muhammad Nur, termasuk salah seorang ulama besar Pontianak, menghasilkan di antaranya, Risalah Kitabish Shalah, bulan Zulhijjah 1316 Hijrah, dicetak di Tempat Cap Haji Muhammad Amin, Singapura, 6 Safar 1317 Hijrah, dengan huruf batu (litografi). Karyanya yang lain ialah Isnadul Ghulam fi Bayanil Imani wal Islam, atau judul dalam bahasa Melayu oleh pengarangnya, Persandaran Budak-Budak Yang Baharu Belajar Pada Menyatakan Iman dan Islam, 12 Jamadilawal 1325 Hijrah, dicetak di Tempat Cap Haji Muhammad Amin bin Abdullah, Kampung Gelam Singapura, 1325 Hijrah. Dicetak dengan huruf batu (litografi). Dan anak Haji Muhammad Nur Putih yang ke-10. Haji Abdul Wahhab bin Muhammad Nur tinggal di Mekah, tidak pernah pulang ke dunia Melayu sehingga meninggal dunia di sana.

Daripada karyanya yang berjudul Rajaul Mustarhim fit Takhtim wat Taslim wat Tarhim dapat diketahui nama guru-guru beliau seperti ditulis pada halaman 26, ``Adalah tarhim yang dianjurkan oleh datuk guru kami, al-'Allamah Husein Pontianak'' seperti yang ditulis akan datang. Adalah Tok Guru Husein bin Sulaiman ini satu masa dengan guru kami asy-Syeikh Mukhtar bin `Atharid al-Batawi al-Bughri, dan guru kami al-'Allamah `Utsman Sarawak, dan guru kami asy-Syeikh `Abdul Qadir (bin Shabir] Mandailing, dan asy-Syeikh Ahmad Khathib Min[ang]kabau. (Syeikh) Husein (bin) Sulaiman ini hafiz al-Quran, cantik parasnya, al-'amil ash-shalih. Ia mengambil ilmu daripada ulama Mekah al-Musyarrifah, seperti: (Syeikh Sayid) Husein al-Habsyi dan lain-lain. Aku tidak tahu ahli Pontianak yang lebih alim daripadanya, berkata guru kami asy-Syeikh

Abdul Qadir (bin Shabir) Mandailing, ``Kalau Husein bin Sulaiman tidak selalu turun ke Jawi nescaya boleh ia mengajar di Masjid al-Haram pada waktu Daulah al-Utsmaniyah itu. Asy-Syeikh Abdul Qadir (bin Shabir) berkata bagiku''.

Pengetahuan

Daripada beberapa maklumat dapat dipastikan bahawa Syeikh Husein bin Sulaiman al-Funtiani (Pontianak) yang tersebut dalam tulisan di atas adalah saudara sepupu beliau sendiri, kerana sama-sama cucu kepada Haji Muhammad Nur Putih. Oleh itu dapat dipercayai bahawa Haji Abu Bakar bin Abdul Ghani al-Funtiani lebih banyak memperoleh pengetahuan daripadanya jika dibandingkan dengan ulama-ulama lainnya. Walaupun kedua-duanya saudara sepupu tetapi umur Syeikh Husein bin Sulaiman al-Funtiani jauh lebih tua daripada Haji Abu Bakar kerana Haji Sulaiman (ayah Syeikh Husein) adalah anak daripada isteri pertama Haji Muhammad Nur Putih. Sedangkan Haji Abdul Ghani (ayah Haji Abu Bakar) adalah anak Haji Muhammad Nur Putih daripada isteri beliau yang kemudiannya.

Tuan Guru Haji Abu Bakar bin Abdul Ghani al-Funtiani pernah mengajar di Masjidil Haram, Mekah, Pontianak dan tempat-tempat lain di Kalimantan Barat, Singapura, Tembilahan dan tempat-tempat lain di Riau Daratan, juga Kepulauan Riau di antaranya pernah tinggal di Pulau Midai dan Pulau Bunguran/ Natuna.

Barangkali sudah jadi sehati dengan keperibadiannya bahawa Tuan Guru Haji Abu Bakar mengajar dengan cara berpindah dari satu tempat ke tempat lain. Pada akhir hayatnya atau beberapa tahun sebelum beliau meninggal dunia beliau mengajar di beberapa kampung di Seberang Perai dan sekitarnya.

1. Tafrihul Murid wal Ikhwan fi Tahshil Tajwidil Quran, diselesaikan pada 1 Jamadilakhir 1375 Hijrah/14 Januari 1956 Masihi. Kandungannya membicarakan berbagai-bagai aspek tajwid al-Quran, termasuk perbandingan beberapa qiraah. Cetakan yang pertama oleh Al-Ahmadiyah Press, 101 Jalan Sultan, Singapura, 1377 Hijrah.
2. Al-Muna fi Asbabil Ghina, diselesaikan pada hari Khamis, 21 Syawal 1359 Hijrah. Kandungannya membicarakan berbagai-bagai amalan tilawah surah-surah tertentu dalam al-Quran, selawat, wirid, doa dan lain-lain sebagai ikhtiar mendapatkan kemudahan rezeki dan kekayaan. Cetakan pertama, Mathba'ah al-'Umariyah, 768, North Bird Road, Singapura, 1359 Hijrah.
3. Rajaul Mustarhim fit Takhtim wat Taslim wat Tarhim, judul dalam bahasa Melayu oleh penyusunnya ialah Harapan Orang-Orang Yang Menuntut Kelebihan Khatam Al-Quran Dan Taslim Dan Tarhim, diselesaikan malam Sabtu, jam 12.20, 2 Zulhijjah 1379 Hijrah/28 Mei 1960 Masihi. Kandungannya membicarakan cara-cara melakukan khatam al-Quran, tarhim yang dibaca menjelang Subuh, taslim yang dibaca bulan Ramadan ketika akan melakukan sembahyang terawih. Selain itu terdapat beberapa amalan lainnya seperti

ayat lima, selawat Syeikh Ahmad al-Badawi. Cetakan yang pertama Al-Ahmadiyah Press, Singapura, 1379 Hijrah.

Penutup

Demikianlah riwayat Tuan Guru Haji Abu Bakar bin Abdul Ghani al-Funtiani, yang meninggal dunia di Singapura pada tahun 1967 Masihi. Pada hari beliau meninggal dunia secara kebetulan saya berada di Singapura, dapat menyaksikan bahawa sangat ramai orang yang hadir menziarahinya, sama ada jenazah masih di rumah mahu pun hingga menghantar ke perkuburannya.

Sebagai penutup artikel ini penulis berpendapat bahawa: ``Ulama perlu dekat kepada pemerintah yang adil supaya kebaikan dapat dikekalkan. Ulama perlu dekat kepada pemerintah yang zalim untuk memberi nasihat terhadap mereka. Ulama perlu dekat kepada hartawan yang bertakwa dan dermawan untuk memudahkan pembiayaan pendidikan dan dakwah Islam. Ulama perlu dekat kepada orang miskin supaya timbul rasa belas kasihan. Ulama perlu dekat kepada sesama ulama supaya dapat bermuzakarah dan menambah ilmu pengetahuan. Ulama perlu dekat kepada orang yang jahil supaya dapat memberi pendidikan Islam terhadap mereka. Mudah-mudahan kita tetap berpandangan bahawa manusia yang paling mulia di sisi Allah ialah insan Muslim, mukmin, ahlul Makrifatullah yang bertakwa kepada Allah s.w.t., bukan lainnya.'`

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Tahir Jalaluddin

Syeikh Tahir Jalaluddin Al-Azhari - Ahli falak dunia Melayu

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Biografi Syeikh Tahir Jalaluddin agak banyak ditulis orang. Walau bagaimanapun artikel ini merujuk sumber-sumber asli berupa catatan Syeikh Tahir Jalaluddin sendiri, surat-surat Syeikh Ahmad al-Fathani tahun 1323-1325 Hijrah dan lain-lain. Nama lengkapnya ialah Syeikh Muhammad Tahir bin Muhammad bin Jalaluddin Ahmad bin Abdullah al-Minangkabawi al-Azhari. Ayahnya meninggal dunia di Cangking, Minangkabau pada hari Ahad 27 Jamadilawal 1288 Hijrah/14 Ogos 1871 Masihi. Ibunya juga meninggal dunia di Cangking pada 1295 Hijrah/1878 Masihi.

Syeikh Tahir lahir di Cangking, Minangkabau pukul 4.45 pada hari Selasa, 4 Ramadan 1286 Hijrah/8 Disember 1869 Masihi. Meninggal dunia di Kuala Kangsar, Perak, sesudah sembahyang Subuh pada hari Jumaat, 22 Rabiulawal 1376 Hijrah/26 Oktober 1956 Masihi.

Sungguh pun Syeikh Tahir dalam catatannya menyebut tarikh lahirnya 4 Ramadan 1286 Hijrah/8 Disember 1869 Masihi tetapi dalam buku Ulama Silam Dalam Kenangan, halaman 20, dinyatakan bahawa beliau lahir pada 7 November 1869 Masihi. Tarikh yang diberikan ini adalah bertentangan dengan catatan Syeikh Tahir sendiri. Tarikh 7 November 1869 Masihi adalah bersamaan 2 Syaaban 1286 Hijrah, hari Sabtu, bukannya bersamaan 4 Ramadan 1286, hari Selasa.

PENDIDIKAN

Pada tahun 1296 Hijrah/1879 Masihi, dalam usia 10 tahun beliau ke Mekah bersama Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Lathif. Sampai di Mekah beliau dipelihara oleh Syeikh Muhammad Saleh al-Kurdi. Beliau mengaji al-Quran kepada Syeikh Abdul Haq di Madrasah Asy-Syaikh Rahmatullah serta belajar kitab kepada Syeikh Umar Syatha, Syeikh Muhammad al-Khaiyath dan Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi.

Syeikh Ahmad al-Fathani juga termasuk salah seorang guru kepada Syeikh Tahir Jalaluddin. Setelah Syeikh Ahmad al-Fathani pulang dari Mesir dan ke Mekah pada akhir tahun 1299 Hijrah/1881 Masihi atau awal 1300 Hijrah/ 1882 Masihi, beliau mempengaruhi pemuda-pemuda Melayu dan murid-murid beliau di Mekah mengenai kelebihan pendidikan di Masjid Al-Azhar, Mesir. Maka pemuda Melayu peringkat pertama yang dikirim oleh Syeikh Ahmad al-Fathani belajar di Mesir ada beberapa orang, antaranya termasuklah Syeikh Tahir Jalaluddin.

Sewaktu Syeikh Tahir berada di Mesir, terdapat banyak surat timbal-balik antara kedua-duanya. Syeikh Ahmad al-Fathani memberikan kepercayaan kepadanya dalam kepengurusan putera-putera DiRaja Riau yang beliau kirim ke Mesir, termasuk juga anak Syeikh Ahmad al-Fathani yang bernama Haji Ismail, Muhammad Zain bin Ahmad Kelantan dan lain-lain. Dalam suratnya Syeikh Ahmad al-Fathani menyebut Syeikh Tahir Jalaluddin dengan panggilan ``waladuna'' ertinya ``anak kami'' atau maksudnya ``anaknda''. Sebaliknya Syeikh Tahir Jalaluddin menyebut Syeikh Ahmad al-Fathani dengan panggilan ``waliduna'' ertinya ``ayah kami'' atau maksudnya ``ayahnda''.

CATATAN PERKAHWINAN

Syeikh Tahir Jalaluddin berkahwin beberapa kali. Catatan beliau sendiri dinyatakan bahawa: kahwin di Mekah pada hari Sabtu, 26 Zulkaedah 1305 Hijrah/4 Ogos 1888 Masihi dengan Aisyah binti Syeikh Muhammad bin Syeikh Ismail al-Khalidi. Diadakan oleh Sayid Bakri Syatha yang menerima wakil daripada Syeikh Ismail bin Syeikh Muhammad di hadapan Sayid Umar Syatha, Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Ismail, Syeikh Muhammad Saleh al-Kurdi, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau dan Syeikh Ismail bin Syeikh Muhammad, saudara Aisyah. Perkahwinan yang pertama ini adalah dengan cucu Syeikh Ismail al-Khalidi al-Minankabawi, ulama besar yang terkenal dan penyebar Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah.

Kemudian Syeikh Tahir Jalaluddin berkahwin lagi dengan Kaltsum binti Haji Ibrahim, pada malam Jumaat, 9 Rejab 1310 Hijrah/27 Januari 1893 Masihi. Selanjutnya pada malam Jumaat 13 Ramadan 1310 Hijrah/31 Mac 1893 Masihi, berkahwin pula dengan Jamilah binti Haji Abdul Karim. Pada malam Khamis, 20 Jamadilawal 1317 Hijrah/23 September 1899 Masihi berkahwin dengan Aisyah binti Haji Mustafa bin Datuk Menteri Sati yang dihadiri oleh Syeikh Muhammad al-Khaiyath, Haji Hasyim Kelantan dan lain-lain. Selain yang tersebut masih ada lagi.

PENGEMBARAAN

Syeikh Tahir juga mencatat siri pengembaraan dan pengalamannya di beberapa kerajaan Nusantara, iaitu beliau pertama kali menginjakkan kakinya di Singapura pada 9 Ramadan 1305 Hijrah/20 Mei 1888 Masihi. Pada 15 Safar 1310 Hijrah/8 September 1892 Masihi pergi ke Riau, Pulau Penyengat. Di sana beliau berjumpa dengan Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Ismail al-Khalidi al-Minankabawi. Raja Muhammad Tahir Hakim bin al-Marhum Mursyid, Hakim Riau, menyarankan supaya Syeikh Tahir tidak meneruskan perjalanan kerana cerdik pandai Riau bermaksud bermuzakarah kitab falak berjudul ``At-Thal'us Said'', maka beliau tinggal di Pulau Penyengat itu hingga bulan Rabiulakhir.

Dari Penyengat, Syeikh Tahir kembali ke Singapura. Kemudian dengan menumpang sebuah kapal layar beliau menuju ke Siantan, Kepulauan Anambas bersama Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Ismail al-Khalidi al-Minankabawi. Oleh sebab ketika itu kepulauan tersebut diserang wabak sakit biri-biri (sakit kebas), mereka terpaksa pulang ke Singapura pada bulan Syaaban 1316 Hijrah/Januari 1899 Masihi, dengan menumpang sebuah tongkang yang membawa kelapa kering (kopra).

Pada 5 Ramadan 1321 Hijrah/24 November 1903 Masihi, Syeikh Tahir ke Surabaya dan singgah di Bali, Boleleng dan Ampenan. Pada 9 Ramadan 1321 Hijrah/28 November 1903 Masihi, beliau sampai di Pulau Sumbawa. Pada 13 Ramadan 1321 Hijrah/2 Disember 1903 Masihi hari Rabu, Syeikh Tahir Jalaluddin berhenti di rumah Tuan Qadhi Haji Muhammad Saleh. Sultan Muhammad Jalaluddin ibni Sultan Muhammad Daimuddin, Sumbawa, mempelawa supaya beliau tinggal di Sumbawa. Pada 7 Zulhijjah 1321 Hijrah/23 Februari 1904 Masihi, Syeikh Tahir dari Sumbawa menuju ke Bima. Tiba di Bima pada 25 Februari beliau berhenti di rumah Imam Haji Thalib dan mengadakan Sultan Ibrahim bin Sultan Abdullah bin Sultan Ismail bin Sultan Abdul Hamid.

Pada 16 Zulhijjah 1321 Hijrah/3 Mac 1904 Masihi, Syeikh Tahir Jalaluddin dari Bima menuju ke Makasar. Sampai di Makasar pada 16 Mac 1904 beliau berhenti di rumah Haji Ahmad Rifa'ie dan berkenalan dengan Haji Muhammad Saleh Palembang dan Raden Haji Abdul Ghani Palembang. Pada 17 Mac beliau ke Goa menemui Haji Daud Daeng Manabi' bin Yusuf. Kemudian menghadap Sultan Husein bin Sultan Idris bin Sultan Abdul Qadir bin Al-Amir Mahmud Goa.

PENULISAN

1. Irsyadul Khaidhi li `Ilmil Faraidhi, penggal yang pertama, diselesaikan pada hari Khamis, 12 Jamadilakhir 1348 Hijrah. Cetakan pertama, Mathba'ah Al-Ahmadiyah 82 Jalan Sultan, Singapura, 10 Rejab 1348 Hijrah/11 Disember 1929 Masihi. Kandungannya membicarakan masalah membahagi pusaka. Penggal yang kedua, diselesaikan pada hari Jumaat, 9 Safar 1371 Hijrah. Cetakan pertama, oleh percetakan yang sama, 1371 Hijrah/1952 Masihi.
2. Huraian Yang Membakar, Taman Persuraian Haji, diselesaikan pada tahun 1349 Hijrah. Kandungannya merupakan polemik, membantah karangan Tuan Guru Haji Abu Bakar bin Haji Hasan, Qadhi Muar yang berjudul Taman Persuraian. Pokok perbincangan ialah sembahyang sunat sebelum sembahyang Jumaat. Kitab di atas dibantah lagi oleh Haji Abu Bakar Muar dengan karangannya Taufan Yang Memalui Atas Huraian Haji Thahir Al-Minkabawi, ditulis pada 10 Rabiulawal 1351 Hijrah/1932 Masihi.
3. Perisai Orang Beriman Pengisai Mazhab Orang Qadyan, diselesaikan pada 4 Rabiulawal 1349 Hijrah/30 Julai 1930 Masihi, di Singapura. Dicatatkan umur pengarang 62 tahun Qamariyah, 6 bulan genap. Atau 60 tahun Syamsiyah, 7 bulan, 23 hari. Kandungannya membantah ajaran Qadyani. Cetakan pertama oleh Setia Press, 32 Lorong 21 Geylang Singapura.
4. Ithaful Murid fi Ahkamit Tajwid, tanpa disebut tarikh selesai penulisan. Kandungan pelajaran tajwid al-Quran. Cetakan yang ketiga, Jelutong Press, Pulau Pinang, 1349 Hijrah/1931 Masihi. Cetakan yang keempat, Mathba'ah Persama, Pulau Pinang, 1352 Hijrah/1933 Masihi.
5. Ta'yidu Tazkirah Mutba'is Sunnah fir Raddi `alal Qa-ili bi Saniyati Raka'ataini Qablal Jum'ah, dalam bahasa Arab. Diselesaikan di Pulau Pinang pada 12 Syawal 1349 H. Kandungannya membahas perkara khilafiyah sembahyang sunat dua rakaat sebelum sembahyang Jumaat. Dicitak oleh The United Press, 55 Achen Street, Penang, 1372 Hijrah/1953 Masihi.
6. Natijatul `Umur, diselesaikan: 1355 Hijrah/1936 Masihi. Kandungannya mendapatkan perkiraan/perhitungan pada taqvim tarikh hijri dan miladi, arah Kiblat dan waktu-waktu sembahyang yang boleh digunakan selama hidup. Dicitak oleh Penang Printer Press, Pulau Pinang, 1355 Hijrah/ 1936 Masihi.
7. Jadawil Pati Kiraan Pada Menyatakan Waktu Yang Lima Dan Hala Qiblat Dengan Logharitma, diselesaikan 15 Syaaban 1356 Hijrah. Kandungan perhitungan falakiyah. Pada halaman 13 ada dicatat bahawa gurunya al-'Allamah Syeikh Muhammad bin Yusuf al-Khaiyath, ulama al-Haramul Makki yang mengajar berbagai-bagai ilmu di Masjidil Haram khusus `ilmul hisab dan `ilmul falak. Kemudian ulama tersebut dilantik menjadi Syeikh al-Islam Kedah yang meninggal dunia di Batuban, Pulau Pinang, pada malam Rabu, 17 Rejab 1333 Hijrah. Cetakan yang pertama oleh Al-Ahmadiyah Press Singapura, 1357 Hijrah/1938 Masihi. Dicitak dalam bentuk kombinasi Melayu/Jawi dan Latin/Rumi.
8. Nukhbatut Taqrirat fi Hisabil Auqat wa Sammatil Qiblat bil Lugharitmat, tanpa dinyatakan tahun selesai penulisan. Kandungannya membicarakan kaedah

ilmu falak. Huraiannya ditulis dalam bahasa Arab sedang jadual yang menggunakan angka ditulis dalam angka Rumi/Latin. Cetakan yang pertama, Royal Press, 745 North Bird Road, Singapura, 1356 Hijrah/1937 Masihi.

9. Al-Qiblah fi Nushushi `Ulamais Syafi'iyah fi ma Yata'allaqu bi Istiqbalil Qiblatis Syar'iyah Manqulah min Ummuhut Kutubil Mazhab, tanpa dinyatakan tarikh selesai penulisan. Kandungannya membicarakan falak. Dicitak oleh Mathba'ah Az-Zainiyah, Taiping 1951, atas kebenaran Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Perak, No. (18) dlm. Pk. Red. Dept 110/50, bertarikh 21 September 1950. Terdapat lapan nama ulama yang mengesahkan, ialah Haji Abdullah Pak Him, Mufti Pulau Pinang, Haji Ahmad bin Tuan Husein Kedah, Guru Besar Sekolah Arab Pokok Sena Seberang Perai, Haji Syihabuddin bin Abdus Shamad Sungai Dua, Haji Hamzah bin Haji Muhammad Ali Pak Jak Sung, Seberang Perai, Haji Muhammad Saleh al-Masri, Sekolah Arab Bukit Martajam, Haji Muhammad Sa'ad al-Masri, Sekolah Arab Bukit Martajam, Abdul Halim Utsman Mudir Al-Ma'had al-Mahmud Alor Setar dan Muhammad Nawawi bin Muhammad Tahir, Guru Agama Perak.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Abdullah Fahim

Abdullah Fahim - Ulama mahir ilmu falak

Oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah

ABDULLAH bin Ibrahim bin Tahir dipanggil dengan nama Haji Abdullah Pak Him. Pak Him ialah singkatan nama ayahnya, Ibrahim. Nama atau gelaran yang diketahui umum ialah Syeikh Abdullah Fahim.

Fahim yang dimaksudkan di sini ialah `Fahim' yang berasal daripada bahasa Arab, yang bererti `orang yang faham'.

Beliau lahir di Mekah pada tahun 1286 Hijrah/1869 Masihi, dan wafat pada tanggal 12 Zulkaedah 1380 Hijrah/ 27 April 1961 Masihi di Seberang Perai, Pulau Pinang.

Abdullah Fahim mendapat pendidikan asas tradisional daripada ayahnya sendiri, Haji Ibrahim bin Tahir di Mekah.

Ayahnya seorang yang alim mengenai bacaan al-Quran. Datuknya pula, Haji Tahir berasal dari Patani. Dikatakan juga bahawa beliau memahami ilmu-ilmu Islam tradisional cara Patani.

Ilmu yang dikuatkan adalah tiga jenis; ilmu yang berkaitan dengan fardu ain, iaitu menurut akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, berimamkan Imam Abu Hasan al-Asy`ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.

Kedua, ilmu fikah mengikut Mazhab Syafie, dan ketiga, ilmu tasawuf berimamkan Syeikh Junaid al-Baghdadi.

Selanjutnya Abdullah Fahim mendapat pendidikan pelbagai bidang ilmu juga di Mekah. Beliau menuntut ilmu daripada kira-kira 50 orang ulama.

Di antara gurunya yang berbangsa Arab ialah Syeikh Muhammad Said Babsail (Mufti Mazhab Syafie), Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, Sayed Abu Bakri Syatha (penyusun kitab I'anah at-Thalibin)

Ulama dari dunia Melayu yang menjadi gurunya yang paling berpengaruh baginya ialah [Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fathani](#) (penyusun kitab Mathla' al-Badrain), [Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutun, al-Kalantani](#) (penyusun Al-Jauhar al-Mauhub dan Lum'ah al-Aurad) dan Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani (pengasas pengkaderan ulama dunia Melayu di Mekah yang dikatakan mempunyai kemahiran sekurang-kurangnya 47 disiplin ilmu).

Sewaktu menuntut ilmu di Mekah, Abdullah Fahim bersahabat dengan beberapa orang yang berasal dari dunia Melayu, yang kemudian menjadi ulama dan tokoh-tokoh yang cukup terkenal.

Di antara mereka ialah: Tuan Guru Haji Umar, Sungai Keladi Kelantan (1284 H/1867 M -1366 H/1947 M), [Syeikh Tahir Jalaluddin](#), Minangkabau (1286 H/1869 M-1376 H/1956 M), K.H. Hasyim Asy'ari, Jawa Timur (1287 H/1871 M-1366 H/1947 M), Tok Kenali, Kelantan (1287 H/1871 M-1352 H/1933 M) dan ramai lagi.

Abdullah Fahim seorang yang gigih mengajar kepada masyarakat dan menyebarkan ilmu-ilmu keIslaman, sama ada ketika menjawat jawatan Mufti Pulau Pinang atau sebelumnya.

Beliau pernah mengajar di beberapa tempat di Kedah, Kuala Kangsar, Perak dan Pulau Pinang. Selanjutnya beliau berhasil mendirikan sekolah agama di Seberang Perai Utara.

Kepakaran ilmunya:

Abdullah Fahim termasuk salah seorang ulama yang mahir dalam ilmu falak. Oleh kerana itu pendapatnya telah diminta untuk menentukan waktu yang sesuai bagi kemerdekaan Malaya.

Berdasarkan hisab dan falak Syeikh Abdullah Fahim, ditentukanlah bahawa hari kemerdekaan Malaya jatuh pada tanggal 31 Ogos 1957.

Mengenai ilmu hisab dan falak, beliau mempelajarinya daripada Syeikh Ahmad al-Fathani dan kemudian memahirkannya daripada Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Muhammad/ Syeikh Nik Mat Kecik bin Ismail Daudi al-Fathani, sahabatnya.

Ulama dunia Melayu yang seangkatan dengannya yang mahir dalam ilmu hisab dan falak tidak begitu ramai. Di antaranya yang berasal dari Malaysia ialah: Haji Umar, Sungai Keladi Kelantan, Haji Abu Bakar bin Haji Hasan, Qadhi Muar, Johor.

Sementara mereka yang berasal dari Indonesia pula ialah Syeikh Jamil Jambek dan Syeikh Tahir Jalaluddin.

Mereka yang berasal dari Patani ialah Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani dan Syeikh Abdur Rahman Gudang al-Fathani.

Ilmu langka, selain ilmu hisab dan falak yang dikuasai oleh Abdullah Fahim, ialah ilmu sastera Arab, yang dinamakan juga ilmu `arudh dan qawafi.

Termasuk juga di dalamnya ialah ilmu isti`arah dan ilmu balaghah. Pengkaderan ilmu yang tersebut juga dimulai dengan kebangkitan Syeikh Ahmad al-Fathani.

Kader dan murid Syeikh Ahmad al-Fathani yang mahir mengubah syair dalam bahasa Arab secara profesional hanya beberapa orang, di antara mereka ialah: Syeikh Abdullah Fahim, Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani dan Syeikh Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman al-Fathani, Syeikh al-Islam Selangor.

Karya dan pemikirannya:

Karya-karya hasil tulisan Abdullah Fahim yang paling dapat ditonjolkan hanyalah melalui syair-syairnya dalam bahasa Arab, yang ditulis di dalam beberapa buah kitab yang diterbitkan oleh Persama Press Pulau Pinang, terutama sekali di dalam kitab-kitab mengenai ilmu hadis.

Di antaranya dalam kitab al-Hadiqah an-Nadiyah fi al-Hadits an-Nabawiyah yang disusun oleh Abi Abdil Hay Muhammad Isa bin Ibrahim ar-Rawa al-Filfulani (Rabiulakhir 1352 H).

Ada yang mengatakan bahawa Abdullah Fahim pernah menyusun sebuah kitab tafsir dan kitab mengenai ilmu falak tetapi tidak sempat diselesaikannya.

Walau bagaimanapun di atas selembor kertas dapat disemak jalan pemikirannya, di antaranya beliau beliau menulis:

Tuan-tuan sedia maklum, beratus-ratus tahun bahawa orang-orang bangsa Melayu se Malaya ini dari peringkat ke bawah hingga peringkat ke atas, awam-awam, qadhi-qadhi, ulama-ulama, menteri-menteri, hingga raja-raja, sekalian mereka itu

bermazhab dengan Mazhab al-Imam asy-Syafie ijma'an. Tiada seorang pun yang bermazhab lain daripada Mazhab Syafie ...

Abdullah Fahim menyebut nama kitab-kitab Arab yang dipegang di dalam Mazhab Syafie ialah, Ambil mereka itu hukum fikah Syafie daripada kitab Tuhfah, dan kitab Nihayah hingga kitab al-Umm dan mukhtasharatnya ...

Walaupun ilmu pengetahuan Arabiyahnya luas melaut, namun beliau juga merujuk kitab-kitab bahasa Melayu yang dikarang oleh ulama-ulama dunia Melayu yang terkenal.

Kitab-kitab yang beliau sebut ialah, Dan terjemahannya kepada bahasa Melayu, seperti Sabil al-Muhtadin, Bughyah at-Thullab, Mathla' al-Badrain dan lainnya

Mengenai pegangan akidahnya, Abdullah Fahim menulis, Usuluddin atas perjalanan Abi al-Hasan al-Asy'ari. Diambil dari syuruh dan hawasyi Umm al-Barahin, dan Jauharah ...

Pegangan akidah dalam bahasa Melayu pula beliau sebut, Dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu.

Yang dimaksudkan di sini semua kitab Melayu/Jawi yang membicarakan akidah yang dikarang oleh ulama-ulama dunia Melayu muktabar.

Beliau pernah belajar dan mengajar kitab berkenaan, di antaranya Faridah al-Faraid oleh guru beliau, Syeikh Ahmad al-Fathani, Aqidah an-Najin juga oleh guru beliau yang bernama Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathani dan ad-Durr ats-Tasamin oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, dan kitab-kitab akidah lainnya.

Mengenai pegangannya di dalam tasawuf, beliau menulis, Ilmu tasawuf atas perjalanan al-Imam al-Ghazali diambilkan daripada Minhaj al-Abidin, Ihya' Ulumid Din ...

Di dalam tasawuf beliau juga memartabatkan pengkaryaan ulama Melayu. Katanya, Dan terjemahnya kepada bahasa Melayu, seperti Siyar as-Salikin.

Abdullah Fahim menegaskan, Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya, segala hukum dalamnya kesemuanya mengistinbat daripada al-Quran dan hadis yang dihalusi dan ditapis oleh ulama-ulama ajilla', diamal dengan dia sudah lebih dari seribu tahun dan terjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun.

Keturunannya:

Di antara anak Syeikh Abdullah Fahim ialah Datuk Haji Ahmad Badawi. Beliau adalah seorang alim yang bertanggungjawab menangani sekolah agama yang didirikan oleh ayahnya.

Di antara anak Datuk Haji Ahmad Badawi pula ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang secara rasmi dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia pada hari Jumaat, 31 Oktober 2003 Masihi bersamaan 5 Ramadan 1424 Hijrah oleh Yang Dipertuan Agong Malaysia.

(Artikel Utusan Malaysia 19.02.04)

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Sheikh Fadhil Banten - Penyebar wirid Khaujakan di Johor

Sheikh Fadhil Banten - Penyebar wirid Khaujakan di Johor

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Daripada hasil wawancara, sebuah buku berjudul Amalan Wirid Khaujakan dan Huraianya, susunan Ustaz Haji Ahmad Tunggal diterbitkan oleh Badan Kebajikan Jamaah Khaujakan Johor Darul Takzim, serta beberapa catatan. Maka ulama berasal dari Banten yang menaburkan baktinya di Johor dapat diperkenalkan. Beliau lahir di Banten, Jawa Barat sekitar tahun 1287 Hijrah/1870 Masihi dan meninggal dunia di Bakri, Muar, Johor pada 29 Jamadilawal 1369 Hijrah/18 Mac 1950 Masihi, dikebumikan di Batu 28 Langa, Muar.

Sebelum riwayat ini diteruskan, dirasakan perlu menjelaskan nama `Banten' kerana ada orang memperkatakan bahawa ulama yang diceritakan ini berasal dari `Bentan'. Hal ini terjadi hanyalah kerana ada orang yang tidak dapat membezakan antara Banten dengan Bentan. Banten, kadang-kadang disebut juga dengan Bantan, kadang-kadang Bantam. Banten pada zaman dulu mempunyai kerajaan sendiri. Setelah Indonesia merdeka ia dimasukkan ke dalam Propinsi Jawa Barat dan setelah reformasi, menjadi propinsi sendiri yang dinamakan Propinsi Banten.

Ada pun Bentan adalah sebuah pulau di Kepulauan Riau, yang kedua terbesar sesudah Pulau Natuna. Bentan sangat penting dalam sejarah dan geografi, sama ada zaman kerajaan Melaka mahu pun zaman pembentukan kerajaan Riau-Lingga-Johor dan Pahang dan takluknya, zaman Riau-Johor dan terakhir sekali menjadi Riau-Lingga.

Ulama yang dikisahkan ini berasal dari Banten bukan dari Bentan. Banten memang ramai melahirkan ulama yang terkenal, antara yang terkenal di seluruh dunia Islam ialah Syeikh Nawawi al-Bantani yang diakui oleh dunia Islam dengan gelar

Imam Nawawi ats-Tsani (Imam Nawawi yang ke-2). Sedang dari Banten hingga kini belum diketahui nama ulamanya, yang ada hanyalah ulama Riau yang berasal dari pulau-pulau lainnya. Antara ulama Riau yang mengajar di Mekah peringkat guru pada Fadhil ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga .

PENDIDIKAN

Selain mendapat pendidikan dari kalangan keluarga sendiri, Fadhil juga memasuki pelbagai pondok pengajian di Banten. Sekitar usia tiga puluhan, barulah beliau melanjutkan pendidikannya di Mekah.

Sewaktu masih berada di Banten lagi, Fadhil telah mengenal beberapa thariqat yang berada di Banten, antaranya ialah Thariqat Qadiriyyah yang tersebar di seluruh Jawa yang dibawa oleh murid-murid Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar Sambas (lahir 1217 Hijrah/ 1802 Masihi, wafat 1289 Hijrah/1872 Masihi). Salah seorang khalifahnyanya yang paling terkenal, yang berasal dari Banten ialah Syeikh Abdul Karim al-Bantani (wafat 18 Safar 1315 Hijrah/19 Julai 1897 Masihi). Thariqat Naqsyabandiyah yang tersebar di Banten juga berasal daripada ulama Sambas tersebut melalui Syeikh Abdul Karim al-Bantani. Oleh itu dipercayai bahawa Fadhil telah ditawajjuh dengan kedua-dua thariqat tersebut oleh Syeikh Abdul Karim al-Bantani, ulama Banten yang sangat terkenal itu.

Setelah berada di Mekah, Fadhil menerima pula Thariqat Tijaniyyah, walau bagaimana pun tidak jelas daripada siapa beliau menerima thariqat itu. Selain belajar, di Mekah beliau membantu saudara sepupunya Hajjah Halimah mengurus jemaah haji.

DATANG KE JOHOR

Penghulu Mukim Langa bernama Haji Daud sangat tertarik pada keperibadian, keilmuan dan kerohanian yang ada pada Fadhil, maka penghulu itu berusaha memujuk ulama yang berasal dari Banten ini supaya datang ke Johor. Akhirnya hasrat Daud tercapai juga. Maka dalam tahun 1915 Masihi, Fadhil Banten sampai di Johor. Beliau mengajar di Kampung Langa, Muar. Selain pelbagai ilmu Islam yang asas seperti fardu ain, Fadhil lebih menekankan Wirid Khaujakan atau Khatam Khaujakan yang sangat terkenal dalam ajaran Thariqat Qadiriyyah dan Thariqat Naqsyabandiyah.

Fadhil melebarkan sayap dakwahnya bukan hanya di Kampung Langa tetapi juga termasuk dalam Bandar Maharani (Muar), Bakri, Bukit Kepong dan tempat-tempat lainnya. Pendek kata banyak surau dan masjid yang menjadi tempat beliau mengajar. Ajaran beliau dapat diterima oleh semua pihak termasuk Sultan Johor.

SULTAN JOHOR PERLU PERTOLONGAN

Perang dunia kedua meletus antara tahun 1939 hingga tahun 1945. Dalam masa darurat itulah Sultan Ibrahim, Sultan Johor merasa perlu menyelamatkan Kerajaan Johor, termasuk diri peribadi dan keluarganya dengan apa cara sekali pun. Atas nasihat beberapa insan yang arif, baginda mendekati seorang ulama sufi yang sangat mustajab doanya. Ulama yang dimaksudkan Syeikh Fadhil. Beliau tidak perlu didatangkan dari luar kerana beliau memang telah bermustautin di Johor. Baginda menitahkan Datuk Othman Buang, Pegawai Daerah Muar ketika itu untuk mencari dan menjemput ulama sufi itu datang ke istana baginda.

Hajat Sultan Ibrahim itu dipersetujui oleh Syeikh Fadhil, namun walaupun sultan telah menyediakan sebuah rumah dekat dengan istana di Pasir Pelangi tetapi beliau lebih suka tinggal di Masjid Pasir Pelangi. Pada waktu malam beliau hadir di sebelah bilik peraduan Sultan Ibrahim membaca wirid untuk menjaga keselamatan sultan. Walau bagaimana pun untuk lebih mudah melakukan pelbagai amalan wirid dan munajat kepada Allah, beliau memilih masjid yang lebih banyak berkatnya dari rumah. Oleh itu Fadhil lebih banyak melakukannya di dalam masjid.

Akhirnya Sultan Ibrahim memperoleh ketenangan jiwa kerana keberkesanan dan keberkatan doa Syeikh Fadhil. Selanjutnya perang dunia kedua selesai dan baginda memberikan anugerah kepada ulama sufi tersebut. Ustaz Haji Ahmad Tunggal dalam bukunya menyebut, ``Sultan telah menganugerahkan pangkat kepada Haji Fadhil, iaitu ia dilantik sebagai Mufti Peribadi Sultan. Jawatan ini berbeza dengan Mufti Kerajaan. Mufti Peribadi adalah bertanggungjawab kepada sultan. Ia memberi nasihat dan fatwa jika dikehendaki oleh sultan.’’

Selain anugerah yang berupa kedudukan itu, Sultan Ibrahim juga membiayai Fadhil dan isterinya menunaikan ibadah haji, dan memberikan hadiah-hadiah yang tidak terkira besar dan banyaknya. Sumbangan yang tiada terhingga besarnya kepada Sultan Ibrahim ialah beliau telah membuka pintu kebebasan seluas-luasnya kepada Kiyai Syeikh Fadhil untuk menubuhkan kumpulan-kumpulan Wirid Khaujakan di seluruh Kerajaan Johor tanpa sebarang halangan.

Berdasarkan tulisan Ustaz Haji Ahmad Tunggal, peringkat awal pembentukan kumpulan tersebut di Pontian diketuai oleh Haji Ahmad Syah. Di Batu Pahat oleh Kiyai Saleh. Di Muar oleh Haji Abdul Majid dan di Mersing oleh Haji Siraj bin Marzuki.

KETURUNAN DAN MURID

Daripada isteri yang pertama, Syeikh Fadhil memperoleh empat orang anak; seorang lelaki dan tiga perempuan. Anak lelakinya ialah Orang Kaya Penghulu Haji Abdul Hamid. Setelah isteri pertamanya meninggal dunia, beliau pindah ke Bandar Muar dan berkahwin lagi dengan seorang janda beranak dua. Kedua-duanya ialah Haji Othman bin Haji Azhari dan Haji Ali bin Haji Azhari yang meneruskan perjuangan Syeikh Fadhil.

Antara murid Syeikh Fadhil ialah Sahibus Samahah Haji Ahmad Awang yang pernah menjadi Mufti Kerajaan Johor. Murid dan anak tirinya, Haji Othman Azhari, dalam buku Amalan Wirid Khaujakan dan Huraianya, pada tahun 1994 adalah sebagai Yang Dipertua Badan Kebajikan Jamaah Khaujakan, dan ramai lagi.

Daripada buku Amalan Wirid Khaujakan dan Huraianya oleh Ustaz Ahmad Tunggal yang memperoleh pendidikan di Universiti Al-Azhar, Mesir itu banyak perkara yang dapat kita ketahui. Antaranya bahawa terasasnya Badan Kebajikan Jamaah Khaujakan yang sangat meluas di seluruh Johor adalah bermula daripada Syeikh Fadhil. Amalan Wirid Khaujakan masih subur dan berkesinambungan di Johor seperti juga di beberapa tempat lain di seluruh dunia Islam.

Pada pandangan penulis, walaupun ada golongan anti amalan sufi yang menuduh bahawa orang-orang sufi mengamalkan perkara-perkara bidaah dan khurafat, tuduhan melulu seperti itu tidak berasas sama sekali kerana Wirid Khaujakan dan beberapa amalan golongan sufi selainnya juga bersumberkan al-Quran dan as-sunah. Mereka yang beramal dengannya bukan terdiri daripada golongan awam saja tetapi juga termasuk ulama-ulama besar terkenal yang mampu membahas al-Quran dan hadis. Ia bukan diamalkan oleh orang-orang di dunia Melayu sahaja tetapi juga di tempat-tempat dalam belahan dunia.

Penulis tidak sependapat dengan beberapa pandangan yang menuduh bahawa apabila beramal mengikut sufi mengakibatkan ketinggalan dalam membina kemajuan duniawi, kerana ternyata tidak sedikit golongan sufi yang menghasilkan karya, mencetuskan pemikiran yang bernas maju, menghasilkan sesuatu pemikiran baru pada setiap zaman dan lain-lain.

Kebijakan Sultan Ibrahim yang memahami keadaan zaman darurat menghadapi huru-hara perang dunia kedua yang sukar diatasi dalam bentuk zahiri semata-mata, sehingga baginda memerlukan insan takwa seperti Syeikh Fadhil, patut dicontohi oleh pemimpin-pemimpin kita masa kini dan zaman-zaman yang akan datang. Setelah kita mengetahui dalam dunia sekarang bahawa nyawa seolah-olah tiada harganya, situasi dunia yang tiada ketentuannya, termasuk dunia Melayu juga, maka patutlah umat Islam Melayu memperbanyak zikir, wirid, selawat dan lain-lain sejenisnya demi kebaikan dan ketahanan diri Muslimin dan dunia Melayu sejagat.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Sulaiman ar-Rasuli pahlawan Mazhab Syafie

Sye ikh S ula iman ar-R asu li p ahla wan M azh ab S yafi e

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

AKHIR-akhir ini, baik dalam percakapan mahupun dalam siaran akhbar, banyak dibicarakan tentang Wahabi. Sebenarnya kadang-kadang orang yang menggunakan istilah tersebut ataupun mereka yang menulis mengenainya sendiri tidak mengerti apa yang mereka perkatakan. Ketika pertama kali perkara 'khilafiyah' melanda dunia Melayu, terutama di Jawa dan Sumatera pada 1912 dan hangat dibicarakan tahun 1930-an, istilah Wahabi belum begitu popular. Yang popular ialah istilah 'Kaum Muda'. Kaum Muda sangat kontroversi dengan 'Kaum Tua'.

Yang dimaksudkan dengan istilah 'Kaum Muda' ialah golongan yang terpengaruh dengan pemikiran Syeikh Muhammad Abduh dan muridnya, Sayid Rasyid Ridha, keduanya pemikir Islam terkenal di Mesir. Istilah 'Kaum Muda' disebut juga dengan istilah 'Tajdid' (pembaharuan) atau juga istilah 'Reformis'. Dalam konteks ketiga-tiga istilah tersebutlah, muncul apa yang akhir-akhir ini diistilahkan orang dengan Wahabi atau Wahabiyah.

Istilah tersebut digunakan oleh orang yang tidak menyukai mereka, namun golongan yang dipanggil Wahabi itu lebih suka kepada istilah 'Salafi' atau 'Salaf'. Istilah 'Salafi' banyak dibicarakan di Indonesia, dan belum begitu dikenali di Malaysia dan Patani.

Istilah 'Kaum Tua' adalah golongan ulama yang tetap mengikut salah satu mazhab yang empat dalam fiqh. Dalam konteks dunia Melayu ialah Mazhab Syafie. Dalam akidah pula ialah Ahlus Sunnah wal Jamaah yang berpedomankan dua orang imam iaitu Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi. Dalam tasawuf Kaum Tua berimamkan Syeikh Junaid al-Baghdadi.

Tokoh yang diriwayatkan dalam rencana kali ini adalah seorang ulama besar Indonesia yang berasal dari Minangkabau, Sumatera Barat. Beliau adalah golongan Kaum Tua yang sangat gigih mempertahankan Mazhab Syafie.

Nama beliau ialah Syeikh Sulaiman ar-Rasuli al-Minankabawi, lahir di Candung, Sumatera Barat, 1287 H/1871 M, wafat pada hari Sabtu, 29 Jumadilawal 1390 H/1 Ogos 1970 M.

Pendidikan

Pendidikan terakhir Syeikh Sulaiman ar-Rasuli al-Minankabawi adalah di Mekah. Ulama Malaysia yang seangkatan dengan beliau dan sama-sama belajar di Mekah di antaranya ialah Syeikh Utsman Sarawak (1281 H/1864 M - 1339 H/1921 M), Tok Kenali (1287 H/1871 M - 1352 H/1933 M) dan ramai lagi. Yang berasal dari Indonesia pula di antaranya ialah Kiyai Haji Hasyim Asy'ari, Jawa Timur (1287 H/1871 M - 1366 H/1947 M), Syeikh Hasan Maksum, Sumatera Utara (wafat 1355 H/1936 M), Syeikh Khathib Ali al-Minankabawi, Syeikh Muhammad Zain Simabur al-Minankabawi (bersara menjadi Mufti Kerajaan Perak tahun 1955 dan wafat di

Pariaman pada 1957), Syeikh Muhammad Jamil Jaho al-Minankabawi, Syeikh Abbas Ladang Lawas al-Minankabawi dan ramai lagi.

Ketika tinggal di Mekah, Syeikh Sulaiman ar-Rasuli al-Minankabawi selain belajar dengan Syeikh Ahmad Khatib Abdul Lathif al-Minankabawi, beliau juga mendalami ilmu-ilmu daripada ulama Kelantan dan Patani. Antaranya, Syeikh Wan Ali Abdur Rahman al-Kalantani, Syeikh Muhammad Ismail al-Fathani dan Syeikh Ahmad Muhammad Zain al-Fathani.

Perjuangan

Jalan cerita Syeikh Sulaiman ar-Rasuli kembali ke Minangkabau sama dengan kisah kepulangan sahabatnya Tok Kenali ke Kelantan, iaitu setelah kewafatan Syeikh Ahmad al-Fathani (11 Zulhijjah 1325 H/14 Januari 1908 M). Tok Kenali sesampainya di Kelantan langsung memulakan penyebaran ilmunya melalui sistem pendidikan pondok yang dinamakan 'Jam'iyah al-'Ashriyah' (nama ini adalah maklumat terkini yang saya peroleh melalui telefon daripada Zaidi Hasan di Kota Bharu, Kelantan).

Demikian juga dengan Syeikh Sulaiman ar-Rasuli. Sesampainya beliau di Bukit Tinggi, Sumatera, beliau mula mengajar menurut sistem pondok. Walau bagaimanapun, pengajian sistem pondok secara halaqah iaitu bersila di lantai dalam pendidikan Syeikh Sulaiman ar-Rasuli berubah menjadi sistem persekolahan duduk di bangku pada 1928, namun kitab-kitab yang diajar tidak pernah diubah.

Pada tahun 1928 itu juga, Syeikh Sulaiman ar-Rasuli bersama sahabat-sahabatnya Syeikh Abbas Ladang Lawas dan Syeikh Muhammad Jamil Jaho mengasaskan Persatuan Tarbiyah Islamiyah. Kemudian persatuan tersebut menjadi sebuah parti politik yang mempunyai singkatan nama PERTI. Baik dalam sistem pendidikan mahupun perjuangan dalam parti politik, Syeikh Sulaiman ar-Rasuli dan kawan-kawannya secara tegas dan berani mempertahankan dan berpegang dengan satu mazhab, iaitu Mazhab Syafie.

Ini bererti PERTI agak berbeza dengan Nahdhatul Ulama (NU) yang diasaskan oleh Kiyai Haji Hasyim Asy'ari dan kawan-kawan di Jawa Timur. Dasar Nahdhatul Ulama (NU) adalah berpegang pada salah satu mazhab yang empat (Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali). Ia tidak menegaskan mesti berpegang pada Mazhab Syafie seperti PERTI.

Kiyai Haji Sirajuddin Abbas dalam bukunya, Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafie, menulis, "Beliau seorang ulama besar yang tidak menerima faham Muhammad Abduh dan Rasyid Ridha." (Lihat cetakan kedua, Aman Press, 1985, hlm. 298.) Di antara ulama Minangkabau yang gigih menyokong pemikiran kedua-dua ulama Mesir itu ialah Dr. Haji Abdul Karim Amrullah dan Syeikh Thahir Jalaluddin al-Azhari. Ini bermakna, kedua-dua ulama yang sama-sama berasal dari Minangkabau dan semuanya

seperguruan itu adalah musuh polemik Syeikh Sulaiman ar-Rasuli dan ulama-ulama dalam PERTI lainnya.

Prof. Dr. Hamka dalam bukunya yang berjudul Ayahku menulis, "Cuma beliau (maksudnya Dr. Haji Abdul Karim Amrullah) berselisih dalam satu perkara, iaitu Syeikh Sulaiman ar-Rasuli mempertahankan Thariqat Naqsyabandiyah, dan salah seorang di antara Syeikhnya (mungkin maksudnya Syeikh Saad Mungka, musuh polemik Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau, pen:), sedangkan pihak Dr. Haji Abdul Karim Amrullah dan Syeikh Jambek tidak suka kepada tarekat itu. 不对

Demikian juga dalam hal puasa dengan hisab. Syeikh Sulaiman ar-Rasuli lebih menyetujui rukyah. Pernah beliau berkata, "Bagaimana tuan-tuan Kaum Muda! Kata tuan hendak kembali kepada sunah, tetapi dalam hal puasa yang nyata-nyata diperintahkan rukyah, tuan-tuan kembali mengemukakan ijtihad." (Lihat cetakan ketiga, Djajamurni, Jakarta, 1963, hlm. 247.)

Pertikaian pendapat yang disebut oleh Buya Hamka antara beliau (Dr. Haji Abdul Karim Amrullah) dengan Syeikh Sulaiman ar-Rasuli berdasarkan petikan tulisan di atas tidak banyak. Sebenarnya pertikaian pendapat antara 'Kaum Tua' dengan 'Kaum Muda' pada peringkat awal sangat banyak. Sekurang-kurangnya ada 19 perkara. Contohnya perkara 'muqaranah niat sembahyang' dan 'menjiharkan lafaz niat', Syeikh Sulaiman ar-Rasuli dan semua ulama Kaum Tua mewajibkan 'muqaranah niat sembahyang' dan 'menjiharkan lafaz niat' adalah sunat.

Berdasarkan sepakat semua ulama, 'zakat fitrah' wajib dibayar dengan makanan yang mengenyangkan. Tidak sah dibayar dengan nilai berupa wang. Perkara ini tetap dipertahankan Syeikh Sulaiman ar-Rasuli, semua ulama dalam PERTI, di samping ulama dalam Nahdhatul Ulama (NU), dan semua ulama di seluruh dunia Islam yang masih tetap berpegang teguh kepada Mazhab Syafie. Perdebatan mengenai zakat gaji atau zakat pendapatan tidak pernah muncul pada zaman Syeikh Sulaiman ar-Rasuli kerana ia baru muncul pada awal 1990-an, bertitik mula daripada pendapat Syeikh Yusuf al-Qardhawi.

Mengenai sembahyang tarawih dalam bulan Ramadan, Syeikh Sulaiman ar-Rasuli dan Kaum Tua mempertahankan 20 rakaat atau 23 rakaat dengan witr. Kaum Muda mengerjakan tarawih 8 rakaat atau 11 dengan witr. Sungguhpun ramai orang melemparkan segala yang dipertikaikan adalah berasal daripada golongan yang mereka namakan Wahabi, ternyata di Masjid al-Haram, Mekah, sembahyang tarawih dan witr juga dilakukan 23 rakaat, bukan 11 rakaat tarawih dengan witr.

Bahkan Syeikh Abdul Aziz Abdullah Baz (ulama kerajaan Arab Saudi) dalam menjawab perkara tersebut berfatwa bahawa sembahyang tarawih dan witr 23 rakaat adalah sepakat para sahabat Nabi Muhammd s.a.w.. Terlalu banyak perkara khilafiyah untuk dibicarakan, rasanya contoh ini sudah cukup memadai.

Kenyataan Buya Hamka yang menyebut bahawa "Syeikh Sulaiman ar-Rasuli mempertahankan Thariqat Naqsyabandiyah, dan salah seorang di antara Syeikhnya" memang benar, tetapi dalam satu riwayat lain, Syeikh Sulaiman ar-Rasuli membantah Thariqat Naqsyabandiyah yang diperkenalkan oleh Dr. Syeikh Jalaluddin. Bantahan Syeikh Sulaiman ar-Rasuli tersebut dituangkan dalam *Tabligh al-Amanat fi Izalah al-Munkarat wa asy-Syubuhah*, bertarikh 19 Jumadilakhir 1373 H pada 23 Januari 1954 M. Buku ini dicetak oleh Mathba'ah Nusantara, Bukit Tinggi pada 1373 H/1954 M.

Pengaruh

Pada tahun 1950-an Indonesia pernah mengadakan pilihan raya membentuk sebuah badan atau lembaga yang dinamakan 'Konstituante'. Tujuan Konstituante ialah untuk menentukan Indonesia sama ada membentuk negara Islam ataupun negara nasional. Syeikh Sulaiman ar-Rasuli, salah seorang anggota Konstituante dari PERTI, telah dilantik mengetuai sidang pertama badan itu. Konstituante dibubarkan oleh Presiden Soekarno dengan Dekri Presiden 5 Julai 1959. Jadi Indonesia sebagai negara nasional bukan ditentukan oleh Sidang Konstituante tetapi ditentukan oleh Presiden Soekarno.

Beberapa orang ahli sejarah telah mencatatkan bahawa Syeikh Sulaiman ar-Rasuli adalah memang seorang ulama besar yang berpengaruh terhadap kawan dan lawan. Sejak zaman pemerintah Belanda, pembesar-pembesar Belanda datang menziarahi beliau. Demikian juga pemimpin-pemimpin setelah kemerdekaan Indonesia. Soekarno sejak belum menjadi Presiden Indonesia hingga setelah berkuasa memang sering berkunjung ke rumah Syeikh Sulaiman ar-Rasuli. Pada hari pengkebumian beliau, dianggarkan 30,000 orang hadir termasuk ramai pemimpin dari Jakarta, bahkan juga dari Malaysia.

Pandangan

Paparan mengenai khilafiyah yang saya sentuh dalam artikel ini tiada bermaksud untuk berpihak kepada sesuatu pihak. Kita yang hidup pada zaman sekarang sewajarnya cukup matang untuk membuat penilaian. Pertikaian pendapat (khilafiyah) jika ditinjau dari satu segi, adalah merugikan umat Islam kerana ia boleh mengakibatkan permusuhan sesama Islam yang dilarang oleh agama Islam itu sendiri. Ditinjau dari segi yang lain, ia mungkin menguntungkan kerana dengan adanya khilafiyah bererti mencambuk mereka yang rajin membuat penelitian.

Orang-orang yang jujur dalam penilaian ilmu, yang berdepan dengan khilafiyah, mestilah rajin membaca banyak kitab dan buku berbagai-bagai ilmu.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Abdul Lathif Tambi - Ulama, gigih, dermawan

Syeikh Abdul Lathif Tambi - Ulama, gigih, dermawan

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Datuk neneknya (lima lapis ke atas) berasal dari India yang beragama Islam. Haji Abdul Lathif berasal dari Melaka, tinggal di Kampung Teluk Mas, Melaka. Nama lengkapnya, Haji Abdul Lathif bin Haji Muhammad Nuruddin (Haji Tambi) bin Muhammad Shalih al-Malakawi at-Tankirawii. Gelarannya ialah Bahauddin. Gelaran ini diberikan oleh Syeikh Ahmad bin Abdur Rauf, ulama besar dan Mufti Melaka yang hidup sezaman dengan beliau.

Abdul Lathif lahir di Melaka pada tahun 1288 H/1872 M. dan meninggal dunia pada hari Jumaat pukul 2.30 tengah malam, 17 Rejab 1358 H/1 September 1939 M. Dikebumikan di Perkuburan Tengker, Melaka.

Beliau dibesarkan di Singapura. Ketika berusia lapan tahun, beliau dikirim oleh ayahnya ke Mekah. Pendidikan di Mekah dilaluinya kira-kira 20 tahun, iaitu dari tahun 1880 M. hingga tahun 1900 M.

Kebangkitan

Di antara ulama-ulama dunia Melayu yang menjadi guru-gurunya di Mekah ialah: Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani, Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan al-Kalantani, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, Syeikh Abdul Qadir bin Shabir Mandailing, Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau dan ramai lagi.

Kehadirannya di Mekah bersamaan dengan tahun kebangkitan Syeikh Ahmad al-Fathani yang mencetuskan Jam'iyatul Fathaniyah dalam gerakannya di Mekah, Mesir dan Turki. Oleh kerana itu tidak ragu-ragu lagi bahawa Abdul Lathif Tambi adalah termasuk salah seorang kader Syeikh Ahmad al-Fathani dan barisan ulama yang bersamanya.

Beliau mulai giat mengajar pada tahun 1318 H/1900 M di Singapura. Di sebuah ruangan kecil di dalam kedai menjual kain ayahnya di Arab Street, Singapura digunakannya untuk tempat mengajar. Selain itu Abdul Lathif Tambi juga mengajar di rumah kediamannya di North Bird Road, Singapura. Beliau juga giat berdakwah dan mengajar di tempat-tempat lain, di antaranya di Melaka, Pulau Pinang, Medan (Sumatera Utara), Surabaya, Bandung dan Tanjung Pinang (Kepulauan Riau).

Selain mengajar beliau juga aktif dalam perniagaan kain di Arab Street, Singapura. Beliau memiliki perniagaan mesin cetak, Lathifiyah Press, 768 di North Bird Road, Singapura dan Mathba'ah Al-Lathifiyah Al-Malakawiyah di Terenggera, Melaka. Hubungan perniagaannya yang dapat dikesan ialah Singapura,

Melaka, Pulau Pinang, Medan, Tanjung Pinang (Kepulauan Riau), Surabaya dan Bandung.

Beliau terkenal sebagai seorang ulama yang gigih berjuang sekali gus sebagai seorang saudagar (hartawan) yang dermawan pada zamannya.

Di antara perwatakan peribadinya yang pernah disebut di dalam majalah Qalam pula, ``Almarhum ialah seorang hartawan dan dermawan, iaitu selain sebagai seorang ulama yang terbilang pada zamannya. Almarhum sepanjang hayatnya adalah sentiasa mengajar dan banyak daripada murid-murid almarhum hingga sekarang ini masih ada lagi. Dan banyak pula di antaranya yang termasuk golongan yang terbilang.’’

Selanjutnya, ``... Beliau membuat syarahannya dengan gaya dan cara yang menarik terutamanya pula almarhum seorang yang pandai membuat jenaka. Dengan cara itu syarahan beliau menjadi perhatian dan sangat menarik. Beliau terkadang-kadang memakai serban tetapi yang terbanyak beliau memakai tharbusy.’’

Disebutkan pula, ``Demikianlah sebagai satu suluh, almarhum telah menyebarkan syiar Islam dengan kemahuan dan tenaga sendiri, berjihad pada jalan Allah, bukan sahaja dengan ilmunya tetapi dengan harta dan tenaga ...’’

Di antara murid-muridnya yang terkenal ialah: Ustaz Hasyim Yunus yang pernah menjadi pengarang Warta Malaya, A. Hassan Bandung, Haji Junaid bin Imam Haji Ibrahim, Ustaz Muhammad bin Muhammad Sa'id dan ramai lagi.

Abdul Lathif Tambi termasuk ulama Kaum Tua yang berpegang teguh mengikut Mazhab Syafie dan Ahlus Sunnah wal Jamaah. Sebaliknya A. Hassan Bandung adalah anak saudara dan muridnya, merupakan pelopor Kaum Muda yang paling terkenal dan mengundang kontroversi di Nusantara.

Di antara karyanya yang telah ditemui atau yang telah diketahui judulnya ialah:

1. Hidayatur Rahman, diselesaikan pada hari Isnin, 15 Jamadilawal 1318 H/1900 M. Cetakan yang ketiga dilakukan di percetakan miliknya sendiri, iaitu Mathba'ah al-Lathifiyah al-Malakawiyah, Melaka pada akhir Syawal 1348 H. Kandungannya membicarakan akidah menurut Mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah. Pada halaman 86 kitab ini Abdul Lathif Tambi menegaskan, ``...Iktikad Ahlus Sunnah wal Jamaah inilah iktikad yang betul, lagi sempurna daripada segala iktikad yang lain. Dan iktikad inilah, wahai thalib, yang dipegang oleh ulama yang besar-besar. Maka wajiblah di atas tiap-tiap mukalaf berpegang dengan iktikad mereka itu ...’’.

Ada pun yang dimaksudkan dengan Ahlus Sunnah wal Jamaah, iaitu Abdul Lathif Tambi sama pendapatnya dengan jumur ulama. Beliau menegaskan pada bahagian tepi kitab ini dengan katanya, ``Qauluhu, Ahlus Sunnah wal

Jamaah, iaitu mengikut iktikad (Imam) Abil Hasan al-Asy'ari dan (Imam) Abil Manshur al-Maturidi'.

2. Tazkiratus Sunnatil Basyar bi Ahkami Itsna `Asyar (Rangkaian), diselesaikan pada malam Sabtu, 13 Rabiulakhir 1343 H/1924 M. Dicetak oleh Mathba`ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura, 25 Jamadilakhir 1344 H.

Kandungan ringkas: Membicarakan beberapa masalah dan berbagai-bagai disiplin ilmu Islam terutama sekali beberapa pertikaian pendapat atau khilafiyah dalam Islam.

Pada setiap perbahasan di beberapa tempat disebut kitab-kitab rujukan dalam bahasa Arab dan demikian juga kitab-kitab Melayu/Jawi lengkap dengan tahun cetakan dan halaman permasalahan yang dipetik.

Di antara kitab Melayu/Jawi yang disebut seperti pada halaman 7 disebut kitab berjudul Bidayatul Hidayah oleh Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh cetakan tahun 1333 H dan Ad-Durruts Tsamin oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani (halaman 7 dan 12) cetakan tahun 1338 H mengenai perbahasan akidah.

Fikah

Pada halaman 40 disebut Mathla'ul Badrain oleh Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani mengenai perbahasan fikah dan kitab yang sama disebut lagi pada halaman 84 pada perbahasan tasawuf. Pada halaman 74 disebut Furu`ul Masail jilid kedua oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani cetakan tahun 1307 H juga mengenai perbahasan fikah.

Pada halaman 76 dan 81 disebut Siyarus Salikin jilid ketiga oleh Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani cetakan tahun 1309 Hijrah mengenai perbahasan tasawuf. Pada halaman disebut Hidayatus Salikin oleh Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani cetakan tahun 1340 Hijrah juga mengenai perbahasan tasawuf.

Pada halaman 96 juga disebut Hidayatus Salikin mengenai ilmu yang memberi manfaat. Di antara kitab bahasa Arab yang dikarang oleh ulama dunia Melayu yang dirujuk ialah Shulhul Juma'atain (hlm. 60) cetakan tahun 1312 Hijrah dan Itsbatuz Zain (hlm. 71) cetakan tahun 1315 H, kedua-duanya oleh Syeikh Ahmad Khathib Minangkabau. Juga Miraqil 'Ubudiyah (hlm. 97) cetakan tahun 1328 H, oleh Syeikh Muhammad Nawawi bin Umar al-Bantani.

3. Risalah Buat Sementara Yang Sebenarnya Kelak Ketara, diselesaikan pada hari Jumaat, 23 Jamadilawal 1354 H/26 Ogos 1935 M). Dicetak oleh Melaka Lathifiyah Press, Singapura, tanpa tarikh.

Kandungannya membicarakan perkara khilafiyah merupakan sanggahan terhadap karangan Syeikh Muhammad Ali bin Husein al-Maliki, yang dicetak di Jeddah, 18 Rabiulawal 1353 H tentang haram memukul ketuk-ketuk (beduk).

Karangan ini adalah lanjutan atau memperkukuh sebuah karya yang ditulis oleh al-Alim al-'Allamah Syeikh Abdul Muhaimin bin Abdul Aziz al-Lasami (Lasem).

4. Dalailul Khairat. Kandungannya belum diketahui, kerana judul ini diketahui melalui iklan Al-Ahmadiyah Press pada halaman belakang risalah Ibu Di Dalam Rumahnya oleh Raja Haji Umar bin Raja Haji Hasan Riau, cetakan tahun 1926 M.

5. Qiblah Dalail al-Hairan fi Jawazi Hadmi Masjid as-Sulthan. Judul ini diketahui melalui karya beliau berjudul Tazkiratus Sunnatil Basyar bi Ahkami Itsna `Asyar (Rangkaian). Mengenainya disebut beberapa halaman dalam kitab tersebut di antaranya halaman 83.

Judul ini ditulis barangkali ada kaitan dengan peristiwa perombakan Masjid Sultan Singapura yang diungkapkan dalam majalah Qalam, ``Apabila terbit perbahasan mengganti bangunan Masjid Sultan yang lama dengan Masjid Sultan yang ada sekarang ini, maka almarhum banyak mengambil bahagian di dalam perbahasan yang hebat dan panjang di antara ulama itu. Iaitu tentang boleh merobohkan sebuah masjid menggantikannya dengan yang baru, ertinya memutuskan amal jariah seseorang yang telah terbina di situ.''

Tulisan ini diringkaskan daripada artikel berjudul Syeikh A. Latif Tamby Dan Pembelaannya Terhadap Akidah Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah yang akan dibentang dalam Majlis Tazkirah Tokoh Islam, anjuran Jabatan Agama Johor, yang akan berlangsung pada 23 Mac 2004, bertempat di Dewan Besar Kompleks Islam Johor, insya-Allah.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin Raja Mempawah terakhir

Gus ti M uham mad T auf iq A qamu ddi n Raj a Me mpaw ah t erak hir

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Dua siri keluaran yang terdahulu telah diceritakan dua orang keturunan Upu Daeng Celak, iaitu Sultan Alauddin Sulaiman Syah, Selangor dan Raja Ali Kelana Riau. Keluaran kali ini diperkenalkan pula keturunan Upu Daeng Menambon. Nama lengkapnya ialah Pangeran Muhammad Taufiq Aqamuddin bin Gusti Ibrahim, raja terakhir yang memerintah Mempawah (yang ke-13). Upu Daeng Celak dan Upu Daeng Menambon adalah adik beradik. Dalam penulisan sejarah yang dilakukan oleh Raja Ali Haji dan penulis-penulis lain pada masa dulu, selalu menyebut hubungan kekeluargaan antara Mempawah dan negeri-negeri Melayu di Riau, Johor, Pahang,

Terengganu, Selangor dan lain-lain. Oleh itu tulisan ini mengingatkan kembali hubungan kekeluargaan yang pernah wujud pada masa silam itu.

Sebelum melanjutkan kisah yang termaktub pada judul di atas, terlebih dulu dirasakan perlu menyebut nama raja-raja yang memerintah Mempawah dari awal hingga ditutup dengan Pangeran Muhammad Taufiq Aqamuddin (Raja yang ke-13). Raja yang pertama ialah Raja Dayak, iaitu Patih Gumantar pada tahun 1380 Masihi. Raja kedua, iaitu Kerajaan Mempawah Hulu yang berpusat di Pukan Raja ialah Raja yang bernama Penembahan Kudung dengan isterinya, Puteri Burkalim pada tahun 1610 Masihi-1680 Masihi. Raja ketiga pada tahun 1680 Masihi, Penembahan Sepauk/Senggauk memerintah kerajaan di Sepauk di Perhuluan Mempawah. Semua raja yang tersebut belum menganut sesuatu agama (animisme)

Raja keempat, Upu Daeng Menambon, iaitu raja Islam yang pertama di Mempawah pada tahun 1740, berasal dari negeri Bugis. Raja kelima, putera kepada Gusti Jamiril bergelar Penembahan Adiwijaya Kesuma yang terkenal anti penjajah Belanda. Baginda adalah saudara sepupu dengan Raja Ali Haji (Riau), Raja Lumu (Selangor) dan lain-lain. Raja keenam pada tahun 1804, Gusti Jati yang bergelar Sultan Muhammad Zainal Abidin Putera Mahkota. Raja ketujuh pada tahun 1831, Gusti Amin. Raja kelapan pada tahun 1839, Penembahan Mu'min. Raja kesembilan pada tahun 1855 yang terkenal dengan gelaran Penembahan Mahmud. Raja kesepuluh pada tahun 1858, Gusti Utsman. Raja kesebelas, Gusti Ibrahim yang bergelar Penembahan Ibrahim Saifuddin pada tahun 1872. Raja kedua belas iaitu Puteri Raja Gusti Intan dengan gelaran Ratu Permaisuri pada tahun 1887. Raja ketiga belas yang diriwayatkan ini, ialah Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin, lahir pada tahun 1288 Hijrah/1871 Masihi dan meninggal dunia pada tahun 1944 Masihi. Beliau memerintah Mempawah pada tahun 1322 Hijrah/1904 Masihi - 1363 Hijrah/1944 Masihi.

ULAMA DI MEMPAWAH

Mulai pemerintahan Upu Daeng Menambon di Mempawah, beliau mendatangkan seorang ulama berbangsa Arab, Sayid Husein bin Sayid Ahmad al-Qadri. Putera Upu Daeng Menambon yang bernama Gusti Jamiril mendapat pendidikan daripada ulama ini dan dilanjutkan dengan Syeikh Ali bin Faqih yang datang dari Patani. Diriwayatkan bahawa Gusti Jamiril mendapat pendidikan Islam yang mendalam daripada kedua-dua ulama Arab dan Patani itu.

Pendatang

Sampai pada zaman pemerintahan Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin, tradisi menampung ulama pendatang di Mempawah berjalan terus. Ulama yang datang dari Semenanjung ke Mempawah ketika baginda memerintah antaranya ialah Syeikh Muhammad Yasin yang berasal dari Kedah, Haji Abdur Rahman bin Husein berasal dari Kelantan dan Haji Muhammad Saleh Sarawak. Ulama yang datang dari Patani ialah Haji Wan Nik al-Fathani dan Syeikh Abdul Lathif al-Fathani. Selain ituada

juga dari Arab seperti Syeikh Yusuf al-Manshuri. Dari Banjar Haji Abdul Qadir bin Ahmad al-Banjari.

Antara guru Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin dalam bidang agama yang dapat dikesan ialah Haji Abdul Fattah, Haji Wan Nik al-Fathani dan Syeikh Abdul Lathif al-Fathani, Haji Ali bin Sulaiman dan ramai lagi. Daripada data ini dapatlah diketahui latar pendidikan Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin, bahawa beliau memperoleh pendidikan Islam seimbang dengan pendidikan kenegaraan yang diperoleh dalam lingkungan Istana Kerajaan Mempawah sendiri.

Ulama yang berkhidmat dalam masa pemerintahan Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin yang paling akhir meninggal dunia ialah Haji Ahmad dan Haji Abdur Rahman bin Husein al-Kalantani. Haji Ahmad berasal daripada keturunan Pulau Pinang. Jawatan yang disandangnya ialah Maharaja Imam Mempawah. Sementara Haji Abdur Rahman Kelantan pula, jawatan yang disandangnya ialah Maharaja Imam Mempawah. Penulis sempat mewawancara kedua-dua ulama tersebut pada tahun 1968 -1970.

Penulis mempunyai beberapa buah kitab bahasa Arab bekas milik Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin. Sungguh mengkagumkan kerana beberapa judul, antaranya adalah kitab yang besar berjilid-jilid. Ada pula yang tidak diterbitkan lagi dan sukar mendapatkannya. Kitab yang besar antaranya ialah Fathul Bari, iaitu kitab syarah Shahih Bukhari yang terkenal oleh Syeikh Ibnu Hajar al-Asqalani. Memperhatikan kitab-kitab yang ditinggalkan dandirujuk dalam dua buah karangannya yang telah dijumpai, dapatlah diyakini bahawa Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin adalah seorang raja Melayu yang mampu memahami kitab-kitab bahasa Arab yang tinggi dan mendalam huraiannya.

PENULISAN

Nasihat Kepada Anak Buah Kerajaan Mempawah Yang Beragama Islam, diselesaikan pada 25 Syawal 1351 Hijrah/21 Februari 1933 Masihi. Kandungannya merupakan nasihat seorang raja kepada rakyatnya supaya hidup menurut panduan Islam dan menghindari hidup yang bermegah-megah dengan kemewahan. Tidak terdapat nama pencetak. Dalam koleksi ini terdapat tanda tangan Pangeran Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin, Penambahan Kerajaan Mempawah lengkap dengan cop mohornya. Naskhah ini diperoleh dari dalam Istana Kerajaan Mempawah.

Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin memulakan nasihatnya dengan kalimat, ``Waktu sekarang dikatakan orang musim Malaise, iaitu segala harga barang tanaman seperti kelapa, getah dan lainnya ada terlalu amat turun harganya. Ialah tiada menurut seperti harga penjualan pada tahun yang telah lalu. Oleh sebab demikian semua orang yang hidup daripada hasil berkebun kelapa, getah, dan lain tanaman ada berasa amat berkurang menerima keuntungan daripada hasil harga kebunnya itu. Sebab biasanya orang itu menerima banyak dari pendapatan hasil kebunnya tetapi pada waktu sekarang ia cuma menerima hasil yang terlalu sedikit.'' Istilah

‘‘Malaise’’ yang digunakan oleh beliau barangkali boleh kita samakan dengan ‘kemelesetan ekonomi’ iaitu sama ada disukai atau pun tidak, diundang atau datang dengan sendirinya, senantiasa datang dan pergi dalam sesuatu pemerintahan atau pun dunia secara keseluruhannya.

Insaf

Daripada mukadimah nasihat di atas dapat kita ketahui bahawa Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin, Raja Mempawah, adalah seorang raja yang faham keadaan ekonomi dan mengambil perhatian terhadap rakyat yang diperintahnya. Dapat dibuktikan pula dengan nasihat beliau, katanya, ‘‘Maka sepatutnya orang yang pemboros itu waktu sekarang banyak menaruh insaf akan dirinya kerana waktu Malaise ini ialah menjadi satu pengajaran kepadanya. Maka hendaklah ia membanyakkan berhemat, jangan lagi suka membuang-buang harta jikalau tiada amat fardu ...’’

Baginda menganjurkan berusaha supaya wang dapat digandakan, baginda menyambung kalimat di atas, ‘‘Jika sekiranya mereka itu ada kelebihan daripada nafkah yang wajib baginya pada masa ini lebih baik diperbanyakkan berusaha menuntut jalan kemajuan bagi dunia dan akhirat atau pun apa sahaja yang mendatangkan keuntungan baginya. Jauhkan sifat pemboros yang mengecewakan hidup kita ...’’

Sikap Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin tidak terikat dengan sesuatu adat kuno, tetapi beliau lebih mengutamakan ajaran yang berlandaskan kepada ajaran Islam. Mengenainya dapat kita pelajari daripada kalimat, ‘‘Maka kerana demikian terasalah pada fikiran, hati kita, akan memberi nasihat kepada bangsa Islam anak buah kerajaan Mempawah supaya mengubah adat kuno itu (adat zaman dahulu) yang kiranya pada fikiran kita tiada sekali merosakkan pada hukum agama Islam...’’ Yang dimaksudkan dengan kalimat ini ialah pembaziran kewangan dalam upacara perkahwinan, berkhatan dan lain-lain. Menurut baginda dalam masa krisis ekonomi cukuplah dikerjakan hal-hal yang diwajibkan oleh syarak saja.

Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin, Raja Mempawah, ketika menyusun nasihatnya, baginda menyebut beberapa kitab rujukannya dalam bahasa Arab iaitu I’anatut Thalibin oleh Saiyid Bakri Syatha. Rujukan dalam bahasa Melayu ialah Sabilul Muhtadin oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari.

KETURUNAN

Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin, Raja Mempawah yang terakhir ini meninggal dunia akibat korban pembunuhan kejam tentera Jepun sewaktu perang dunia kedua. Hingga sekarang tidak diketahui di manakah tempat pembunuhan itu sebenarnya terjadi. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 1944 Masihi.

Sewaktu pembunuhan terjadi, Gusti Muhammad Taufiq Aqamuddin meninggalkan tiga orang putera dan seorang puteri, iaitu Pangeran Muhammad yang kemudian dikenali

dengan nama Drs. Jimmy Ibrahim, seorang tokoh yang terkenal dalam pemerintahan Propinsi Kalimantan Barat. Putera-puteri beliau yang lain ialah Pangeran Faishal, Pangeran Taufiqiyah dan Pangeran Abdullah.

Kesimpulan dan penutup artikel ini, penulis berpendapat bahawa hubungan Mempawah dan negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Brunei sejak Upu Daeng Menambon telah terjalin kekeluargaan yang sangat erat. Oleh itu masa kini hubungan silaturahmi perlu diikat dan dijalin kembali. Mengenai hal ini dirasakan perlu diikatkan dengan penelitian sejarah, kebudayaan, pelancongan, kerjasama ekonomi dan lain-lain yang dirasakan perlu. Mempawah dan Kalimantan Barat khususnya atau Kalimantan/Borneo umumnya adalah berpotensi untuk kekukuhan ekonomi rakyat Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam pada masa-masa yang akan datang. Rakyat mengharapkan mudah-mudahan para pemimpin tiga negara yang memerintah Kalimantan/Borneo sekarang mengambil berat untuk menangani perkara-perkara yang tersebut di atas.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Tok Selehor Kelantani - Berdakwah lewat puisi

Tok Selehor Kelantani - Berdakwah lewat puisi

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

TOK Selehor atau Tok Selehong, nama lengkapnya ialah Abdur Rahman bin Utsman bin Senik. Ulama yang berasal dari Kelantan ini lahir di Kampung Lubuk Jong, tahun 1289 H/1872 M, wafat malam Khamis, 18 Zulkaedah 1353 H/20 Februari 1935 M. Beliau adalah sahabat Tok Kenali, yang juga berasal dari Kelantan dan lebih tua sedikit daripada Tok Selehor. Tok Kenali lahir pada tahun 1287 H/1871 M, wafat pada hari Ahad, 2 Syaaban 1352 H/19 November 1933 M. Sahabatnya pula ialah Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman al-Fathani, Syeikh al-Islam Selangor (lahir di Ban Sim Dip, Bangkok, tahun 1293 H/1876 M, wafat di Mekah al-Mukarramah, hari Rabu, 6 Rabiulawal 1376 H/10 Oktober 1956 M), Utsman bin Haji Muhammad bin Haji Abdul Wahhab atau Tok Bacok (lahir tahun 1277 H/1860 M, wafat pada malam Ahad, 15 Zulkaedah 1372 H/27 Julai 1953 M), dan ramai lagi yang belum dibicarakan dalam artikel ini.

Tok Selehor memulai jihad keilmuannya belajar kepada Tuan Guru Haji Abdul Malik, Sungai Pinang Kelantan. Kemudian memondok di Patani selama tujuh tahun, belajar kepada Tuan Guru Haji Abdur Rasyid di Kuala Bekah dan Tuan Guru Haji Abdulah di Tok Jum. Tok Selehor belajar di Mekah selama 18 tahun. Di antara gurunya ialah Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Setelah Syeikh Ahmad al-Fathani wafat, beliau masih tetap belajar kepada ayah saudara Syeikh Wan Ahmad al-

Fathani, iaitu Syeikh Wan Daud bin Mustafa al-Fathani (Tok Cik Wan Daud al-Fathani), mendalami ilmu-ilmu alat Arabiyah, ilmu fikah Mazhab Syafie, dan ilmu qiraat yang berbagai-bagai. Tok Selehor mulai membuka pengajian pondok tahun 1340 H/1921 M.

TOK SELEHOR DAN KITAB HIKAM

Salah sebuah kitab ilmu tasawuf yang diajar oleh Tok Selehor ialah Kitab al-Hikam. Sebelum membicarakan keterlibatan Tok Selehor dalam pengajaran Kitab al-Hikam karya Syeikh Ibnu Atha'ullah as-Sakandari yang sangat terkenal itu, saya dulukan cerita tentang Kitab al-Hikam terlebih dulu, bahawa terdapat dua buah Kitab al-Hikam versi bahasa Melayu, yang sebuah dalam bentuk matan dan yang sebuah lagi dalam bentuk syarah. Penerbitan awal kedua-dua versi dalam bahasa Melayu itu ditashih dan diusahakan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani. Selain yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, Kitab al-Hikam yang dalam bahasa Arab pula terdapat berbagai-bagai syarah. Syeikh Ahmad al-Fathani dipercayai telah mengajar kitab tersebut kepada murid-muridnya, sama ada di rumahnya di Mekah mahu pun di Masjid al-Haram. Menurut Syeikh Ahmad al-Fathani dalam Hadiqah al-Azhar wa ar-Rayahin, istilah `hikam', beliau takrifkan sebagai jamak daripada perkataan `hikmah', yakni `perkataan yang diteguhkan'. Ada pun istilah hikmah/hikmat mengandungi pengertian yang berbagai-bagai, di antaranya ialah: `pandai menyurat/menulis, ilmu yang dapat melahirkan sesuatu yang luar biasa/menyalahi adat kebiasaan, kata-kata nasihat yang mantap, dan lain-lain lagi. Tok Kelaba al-Fathani menyebut bahawa perkataan `hikmah', ditafsir oleh Ibnu Abbas r.a. yang terdapat dalam al-Quran ialah, ``dengan belajar halal dan haram''. Yang lain berpendapat, ``ditinjau dari segi lughah ialah ilmu serta amal''. Pendapat yang lain, ``hikmah itu diambil faedah daripadanya, iaitu yang sebenar pada diri pekerjaan dengan sekira-kira kuasa manusia''. Pendapat yang lain, ``tiap-tiap kalam yang muafakat akan hak, maka iaitu hikmah''.

Sanad

Jika kita jejak sanad pengajian Kitab al-Hikam mulai pengarangnya, iaitu Syeikh Ibnu Atha'ullah as-Sakandari hingga turun sampai kepada Tok Selehor, ialah Tok Selehor merupakan yang ke-17. Untuk lebih jelasnya dapat diperhatikan sanad sebagai berikut:

1. Tok Selehor, Kelantan, belajar kepada (2)
2. Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, belajar kepada (3)
3. Saiyid Abi Bakri Syatha, belajar kepada (4)
4. Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan, belajar kepada (5)
5. Syeikh Utsman bin Hasan ad-Dimyathi, belajar kepada (6)
6. Syeikh Abdullah bin Hijazi asy-Syarqawi, beliau telah menulis syarah kitab yang dibicarakan ini. Syeikh Abdullah bin Hijazi asy-Syarqawi belajar kepada (7)

7. Syeikh asy-Syamsu Muhammad bin Salim al-Hifni, belajar kepada (8)
8. Syeikh `Id an-Namrisi, belajar kepada (9)
9. Syeikh `Abdullah bin Salim al-Bashri, belajar kepada (10)
10. Syeikh Muhammad bin `Ala' al-Babli, belajar kepada (11)
11. Syeikh Abi an-Naja Salim bin Ahmad as-Sanhuri, belajar kepada (12)
12. Saiyid an-Naju Muhammad bin Ahmad al-Ghaithi, belajar kepada (13)
13. Syeikh al-Islam Zakaria al-Anshari, belajar kepada (14)
14. Saiyid al-'Izzu Abdur Rahim bin al-Farrat, belajar kepada (15)
15. Syeikh at-Taju `Abdul Wahhab bin `Ali bin `Abdul Kafi, belajar kepada ayahnya (16)
16. Syeikh at-Taqiyy `Ali bin `Abdul Kafi as-Subki, belajar kepada (17)
17. Syeikh al-Imam Tajuddin Ahmad bin Muhammad bin `Abdul Karim bin Ibnu `Atha'ullah as-Sakandari atau disingkat namanya dengan Ibnu `Atha'ullah as-Sakandari, iaitu pengarang Kitab al-Hikam yang sedang dibicarakan ini. Ulama yang aktif beramal dengan Thariqat asy-Syaziliyah ini menghasilkan beberapa buah kitab, selain Kitab al-Hikam ialah Tajul `Arus fil Washaya wal Mawa'izh, Lathaiful Minan fi Manaqib al-Mursi wa Abi al-Hasan, dan lain-lain. Syeikh Ibnu Atha'ullah as-Sakandari, ulama besar sufi yang sangat besar pengaruhnya di seluruh dunia Islam, termasuk dunia Melayu, tersebut wafat di Kaherah, tahun 709 H/1309 M.

Ustaz Ismail Awang, dalam majalah Pengasuh menyebut: ``Tok Selehor mempunyai kebolehan dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan, tetapi yang sangat diminatinya ialah bidang tasawuf. Kitab Hikam oleh Ibnu Ataillah merupakan kitab paling suka diajarkan kepada orang ramai, mungkin kerana kitab ini mendorong manusia membaiki diri dan mendampingi diri kepada Allah, serta menjauhi sifat-sifat terkeji seperti sombong, hasad dengki, riak, sum`ah dan sebagainya.'' Oleh sebab Tok Selehor adalah murid Syeikh Ahmad al-Fathani, maka bererti sanad Tok Selehor dan murid-murid beliau dalam pengajian Kitab al-Hikam dan kitab-kitab lain karangan Syeikh Ibnu `Atha'ullah as-Sakandari dapat disambung seperti sanad yang telah disebutkan di atas.

Tasawuf

Kitab pengetahuan tasawuf selain Kitab al-Hikam secara umum juga dipelajari di seluruh dunia Melayu, termasuk dalam pondok yang diasaskan oleh Tok Selehor. Keseluruhan karangan Imam al-Ghazali, dalam hal ini yang paling ditekankan dan dimantapkan di antaranya ialah Minhajul Abidin dan Ihya' Ulumid Din. Sanad yang sampai kepada Imam al-Ghazali mulai nombor 1 sampai nombor 7 (Syeikh asy-Syamsu Muhammad bin Salim al-Hifni) pada sanad Kitab al-Hikam adalah sama, tetapi untuk sampai kepada Imam al-Ghazali adalah belajar kepada (8)

8. Syeikh Muhammad bin Muhammad al-Budairi, belajar kepada (9)
9. Syeikh Mullah Ibrahim al-Kuarni, belajar kepada (10)

10. Syeikh Muhammad Syarif, belajar kepada (11)
11. Syeikh Abi Ishaq at-Tanukhi, belajar kepada (13)
13. At-Ta'iq Sulaiman bin Hamzah, belajar kepada (14)
14. Syeikh `Umar bin Karam ad-Dainuri, belajar kepada (15)
15. Syeikh al-Hafiz Abi al-Faraj `Abdul Khaliq bin Ahmad bin Yusuf al-Baghdadi, belajar kepada (16)
16. Al-Imam Hujjah al-Islam Abi Hamid bin Muhammad bin al-Ghazali yang ditingkatkan panggilan dengan Imam al-Ghazali saja. Sebagaimana yang tertulis dalam sanad yang tersebut di atas jelaslah bahawa ulama dunia Melayu yang diriwayatkan ini adalah sanadnya bersambung sampai kepada pengarang Minhajul `Abidin dan Ihya' Ulumid Din, iaitu Imam al-Ghazali yang sangat masyhur namanya itu.

BERZANJI DAN BURDAH

Ustaz Ismail Awang menulis, ``Tok Selehor pernah mengadakan Maulid an-Nabi secara besar-besaran dan dialah ulama Kelantan yang mempelopori perayaan itu. Berzanji dibaca dengan penuh perasaan. Perarakan besar-besaran di adakan. Pernah berpuluh-puluh ribu orang datang ke majlis perayaan Maulid Nabi anjurannya. Hal ini pernah dikritik oleh akhbar-akhbar pada zaman itu, tetapi beliau tidak juga berhenti kerana beliau ingin menanam rasa cinta umat kepada Rasulullah s.a.w. yang penuh tenaganya berjuang menyebarkan Islam. Dengan cara itu anak-anak pondok lebih cepat bermesra dengan Rasulullah s.a.w. daripada hanya menyampaikan kisah tanpa diadakan gerak kerja.'`

Praktik memperingati Maulid Nabi, membaca Barzanji, dan lain-lain sejenisnya, sama ada dalam dunia Arab sendiri, mahu pun dalam dunia Melayu telah berjalan sejak lama, oleh itu yang dilakukan oleh Tok Selehor seperti yang tercatat di atas adalah tidak dapat dimasukkan dalam klasifikasi bidaah dhalalah seperti yang pernah dilemparkan oleh hanya sekelompok kecil orang. Kitab Berzanji yang disyarah dalam bahasa Arab banyak dilakukan oleh ulama. Ulama yang berasal dari dunia Melayu yang mensyarah kitab Maulid Nabi pernah dilakukan oleh Syeikh Nawawi al-Bantani. Beliau termasuk salah seorang guru kepada Syeikh Ahmad al-Fathani. Yang bererti ada pertalian keilmuan dengan murid-murid Syeikh Ahmad al-Fathani termasuk Tok Kenali, Tok Selehor dan lain-lain.

Lima

Syeikh Nawawi al-Bantani telah menulis tentang Maulid Nabi dalam lima judul karyanya, bahkan mengenai Maulid Nabi merupakan karyanya yang terawal. Karya tersebut ialah Targhibul Musytaqin li Bayani Manzhumatis Saiyid Barzanji Zainal

`Abidin fi Maulidil Awwalin wal Akhirin, yang diselesaikan pada hari Jumaat, 13 Jumadilakhir 1284 H. Dicitak oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 23 Rejab 1311 H. Semua karya Syeikh Nawawi al-Bantani dengan judul-judul yang lain adalah ditulis kemudian daripada kitab mengenai Maulid Nabi yang tersebut. Syeikh Ahmad al-Fathani juga memulakan penulisannya mengenai Maulid Nabi ketika beliau berusia 15 tahun, ditulis dalam bentuk puisi. Karya Syeikh Ahmad al-Fathani yang pertama itu diberi judul Nazham Nuril Anam, diselesaikan pada hari Rabu, 15 Syaaban 1287 H/10 Oktober 1870 M. Transliterasi lengkap dapat dibaca dalam buku Syeikh Ahmad Al-Fathani Pemikir Agung Melayu dan Islam, jilid 2, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, lihat hlm. 3 - 46.

Kitab Berzanji dapat dikategorikan dalam bidang sastera Arab, demikian juga Burdah Bushiri. Burdah Bushiri pernah diterjemah oleh Tok Kenali, sahabat Tok Selehor, yang diberi judul Risalatud Durril Mantsur, selesai beliau tulis pada bulan Jumadilakhir 1310 H/Disember 1892 M. Kandungannya merupakan terjemahan dan penjelasan fadilat Burdah Bushiri. Dicitak dalam bentuk huruf batu/litografi oleh Syeikh Abdullah Mujallid, Meah, Jumadilakhir 1310 H. Selain itu juga oleh guru kedua-duanya, iaitu Syeikh Wan Ali Kutan yang diberi judul Risalah Majma' al-Qashaid wa al-'Awa'id yang selesai ditulis pada bulan Zulkaedah 1320 H/Februari 1903 M.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Muhammad Nur Al-Fathani pembesar dua pemerintah Mekah

Sye ikh M uha mmad Nur Al-F athani p emb esar dua pem erin tah M eka h

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

RIWAYAT Syeikh Muhammad Nur al-Fathani agak berbeza dengan ulama-ulama lainnya kerana beliau satu-satunya ulama di Mekah yang dapat menjadi orang besar dalam dua pemerintahan. Beliau menjadi orang besar pada zaman pemerintahan Syarif Husein. Apabila pemerintahan bertukar kepada Ibnu Sa`ud, yang terkenal dengan era pemerintahan Wahabi, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani masih tetap dengan kedudukannya.

Ketika bertukar pemerintahan, ramai ulama tidak dapat hidup aman di Mekah. Mereka terpaksa berhijrah ke tempat-tempat lain. Antara ulama yang berhijrah ialah Saiyid Abdullah az-Zawawi, Mufti Mekah, yang berhijrah ke Riau, kemudian terus ke Pontianak, lalu menjadi Mufti di kerajaan Pontianak. Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani berhijrah ke Jambi, kemudian menjadi Syeikh al-Islam di kerajaan Selangor.

Dalam beberapa siri lalu, kita telah mengetahui bahawa ada ulama yang terlalu keras dalam mempertahankan pegangan Kaum Tua dan ada pula ulama terlalu aktif dan agresif memperjuangkan Kaum Muda.

Berbeza dengan Syeikh Muhammad Nur al-Fathani, beliau berusaha menyeimbangkan antara kedua-dua golongan itu. Syeikh Muhammad Nur al-Fathani mendapat pendidikan mendalam dalam ilmu tradisi Kaum Tua dan mendapat pendidikan mendalam pula daripada pencetus "Kaum Muda" (Tajdid) itu sendiri. Oleh sebab hingga kini kita belum mengetahui ada seseorang ulama yang berpendirian demikian, dapatlah kita anggap Syeikh Muhammad Nur al-Fathani adalah satu-satunya ulama besar yang berani dengan caranya yang tersendiri.

Satu keanehan pula baik Kaum Tua ataupun Kaum Muda tidak terdapat kecaman terhadap Syeikh Muhammad Nur al-Fathani. Bererti baik ditinjau dari segi perbincangan dan penyampaian ilmu mahupun dalam pergaulan masyarakat luas, bangsa Melayu, Arab dan antarabangsa di Mekah ketika itu, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani dapat diterima oleh semua pihak. Beliau dikasihi oleh golongan awam dan suaranya dipakai oleh golongan tertinggi penguasa Mekah baik pada zaman pemerintahan Syarif Husein mahupun pada zaman pemerintahan Wahabi.

Penyusun

Nama lengkapnya ialah Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Muhammad Shaghir bin Ismail bin Ahmad al-Fathani. Ayah beliau adalah seorang ulama besar, iaitu Syeikh Muhammad Shaghir al-Fathani yang dinamakan juga Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani, penyusun kitab *Mathia` al-Badrain* yang terkenal.

Syeikh Muhammad Nur al-Fathani lahir di Mekah pada tahun 1290 H/1873 M, bererti sama dengan kelahiran Tok Bermin, ulama yang dimuat dalam Halaman Agama Utusan Malaysia pada Isnin lalu. Syeikh Muhammad Nur al-Fathani juga wafat di Mekah pada tahun 1363 H/1944 M.

Syeikh Muhammad Nur al-Fathani adalah keturunan ulama penyebar Islam yang datang ke Patani. Sehingga ke zaman beliau sebahagian besar ahli keluarganya adalah ulama besar belaka. Beliau mendapat pendidikan daripada ayahnya sendiri Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani, Syeikh Ahmad al-Fathani, dan lain-lain. Hubungannya dengan Syeikh Ahmad al-Fathani sangat dekat kerana isteri Syeikh Ahmad al-Fathani bernama Hajah Wan Saudah al-Fathani adalah saudara sepupu pada Syeikh Muhammad Nur al-Fathani. Ibu Hajah Wan Saudah al-Fathani bernama Hajah Wan Maryam al-Fathani (wafat di Skudai, Johor) adalah adik pada Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani. Syeikh Muhammad Nur al-Fathani pula kahwin dengan saudara sepupu Syeikh Ahmad al-Fathani bernama Hajah Wan Shafiyah binti Syeikh Wan `Ali Kutan al-Kalantani. Ibu Hajah Wan Shafiyah bernama Hajah Wan Aisyah adalah adik-beradik dengan Wan Cik, ibu pada Syeikh Ahmad al-Fathani.

Daripada maklumat di atas dapat disimpulkan bahawa Syeikh Muhammad Nur al-Fathani mendapat pendidikan di kalangan keluarga yang menjadi ulama besar sekurang-kurangnya dengan tiga orang, iaitu ayahnya sendiri, Syeikh Wan 峇峇 Ali Kutan dan Syeikh Ahmad al-Fathani. Sebelum Syeikh Muhammad Nur dihantar belajar ke Universiti Al-Azhar, Mesir beliau telah menguasai pelbagai bidang ilmu dan memang sudah menjadi ulama.

Ketika belajar di Mesir, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani belajar daripada ramai ulama dalam berbagai-bagai bidang ilmu. Antara gurunya ialah Syeikh Bakhit, ulama dalam Mazhab Hanafi. Sewaktu di Universiti Al-Azhar, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani secara langsung belajar kepada Syeikh Muhammad Abduh, iaitu tokoh yang dianggap pelopor pertama kebangkitan "Tajdid" atau "Reformis" atau disebut juga dengan nama Kaum Muda. Beliau juga pernah belajar dengan Saiyid Rasyid Ridha, iaitu murid dan orang kanan Syeikh Muhammad Abduh.

Antara sahabatnya ialah Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi yang kedua-duanya adalah ahli falak. Walau bagaimanapun, karakter kedua-dua ulama tersebut adalah tidak sama. Syeikh Muhammad Nur al-Fathani daripada satu segi tetap mengikut Mazhab Syafie dan Ahlus Sunnah wal Jamaah dan selalu berlapang dada dalam menghadapi pelbagai isu yang ditimbulkan masyarakat. Apabila Kaum Tua datang menyalahkan Kaum Muda, beliau sambut dengan tersenyum, demikian sebaliknya Kaum Muda datang membidaah dan mengkhurafatkan Kaum Tua juga beliau sambut dengan bermanis muka. Cara ini nampaknya ada persamaan dengan yang dilakukan oleh Tok Kenali Kelantan.

Dengan cara demikian akhirnya kedua-dua pihak (Kaum Tua dan Kaum Muda) dengan sendirinya berasa segan kepada Syeikh Muhammad Nur al-Fathani. Dari sini dapat kita pelajari bahawa memang ada perbezaan antara Syeikh Muhammad Nur al-Fathani dengan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi. Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi menjadi pelopor Kaum Muda yang berhaluan keras sehingga beliau banyak dikecam dan dipertikaikan oleh golongan yang tidak sependapat dengannya.

Aktiviti

Sebagaimana ayahnya menjadi orang besar Islam di Mekah pada zamannya, demikianlah akhirnya dapat dipusakai oleh anak beliau, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani yang diriwayatkan ini. Bahkan lebih jauh daripada itu, kebesaran mereka adalah dipusakai daripada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, datuk saudara dan moyang saudara kedua-duanya. Syeikh Nik Mat Kekik al-Fathani, ayah beliau, adalah satu-satunya orang Melayu yang menjadi "Hakim Syarie Mekah" pada zamannya, bahkan beliau adalah orang Melayu yang pertama dalam jabatan tinggi yang sangat penting itu.

Syeikh Muhammad Nur al-Fathani pula adalah seorang "Kadi Mahkamah al-Kubra Mekah" dan beliau pernah menjadi ketua dalam jabatan itu. Selain itu Syeikh

Muhammad Nur al-Fathani pernah menjadi "Ketua Syeikh Haji Al-Jawi Mekah". Jawatan ini kembali ke tangan beliau kerana "Syeikh Haji" adalah dicetuskan oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan sekali gus beliau sebagai ketuanya pada zaman pemerintahan Turki Uthmaniyah.

Di tengah-tengah kesibukan sebagai penguasa tertinggi Islam di Mekah pada zamannya, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani juga menyempatkan diri mengajar baik di rumah mahupun di Masjid al-Haram, Mekah. Pada zamannya hampir-hampir tidak ada ulama yang datang dari dunia Melayu ke Mekah yang tidak kenal kepada Syeikh Muhammad Nur al-Fathani. Banyak perkara tentang Islam yang datang dari dunia Melayu dirujuk kepada beliau terutama sekali dalam permasalahan ilmu falak.

Syeikh Muhammad Nur al-Fathani adalah seorang ulama yang paling mudah dijumpai dan terlalu lekas mesra dengan orang yang berjumpa dengannya. Salah satu kebaikannya ialah orang yang meminta pertolongan daripadanya jika ada kemampuan padanya pasti beliau beri pertolongan. Jika beliau menyanggupi untuk memberi pertolongan, beliau akan mengurusnya sendiri hingga selesai walaupun beliau sendiri akan terkorban masa dan kewangannya sendiri. Beliau suka memberi pertolongan kepada orang bukanlah muncul dengan begitu saja, tetapi sekurang-kurangnya diwarisi daripada tiga orang, iaitu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, Syeikh Nik Mat Kekik al-Fathani dan Syeikh Ahmad al-Fathani.

Dalam satu kes, Syeikh Ahmad al-Fathani dan Syeikh Muhammad Nur al-Fathani pernah memberi pertolongan kepada orang lain secara serentak. Peristiwa yang dimaksudkan ialah kedua-duanya telah memberi banyak kemudahan kepada Haji Wan Muhammad (Mufti Perak) dan keluarganya sewaktu musim haji. Ketika itulah Syeikh Ahmad al-Fathani berwasiat kepada Syeikh Muhammad Nur al-Fathani supaya kelakuan yang terpuji itu diterap dan diajarkan kepada murid dan terutama kepada keturunannya.

Selain itu, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani juga menerbitkan karya-karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan karya-karya Syeikh Nik Mat Kekik al-Fathani.

Penulisan

Sebagai seorang ulama besar yang bijak dalam penilaian ilmu, satu perkara yang berbeza antara Syeikh Muhammad Nur al-Fathani dengan ulama lain ialah beliau telah menulis tentang ilmu tradisional, fiqh Mazhab Syafie (Kaum Tua) dan beliau juga menulis tentang ilmu yang dibangsakan kepada Wahabi (Kaum Muda). Mengenai sumbangan ini, belum ada orang lain melakukannya. Sehingga artikel ini saya tulis, ia hanya dilakukan oleh Syeikh Muhammad Nur al-Fathani. Saya tidak menaruh jahat sangka terhadap beliau, tetapi saya yakin bahawa Syeikh Muhammad Nur al-Fathani sangat bijak dalam siasah. Tentu ada sasaran-sasaran tertentu yang belum dapat saya bicarakan dalam artikel yang singkat ini.

Karya perjalanan Kaum Muda telah mendahului karyanya pada perjalanan Kaum Tua. Karya tentang akidah Wahabiyah (Kaum Muda) tersebut adalah merupakan terjemahan bukan asli daripada pemikiran beliau. Terjemahan tersebut pula adalah atas titah perintah Raja Abdul Aziz, Raja Arab Saudi ketika itu. Kitab tersebut diberi judul al-Hadiyah as-Saniyah fi al- $\text{ﺍﻗﯿﺪﺍ\text{ﺔ}}$ Aqidah as-Salafiyah yang diselesaikan pada hari Isnin, 3 Zulhijjah 1344 H/13 Jun 1926.

Pada akhir kitab itu terdapat kenyataan beliau, "Dan lagi pula kerana masa yang dapat disalinkan padanya itu terlampau sempit, iaitu dalam masa tiga puluh tiga hari jua, kerana Yang Maha Mulia Raja Abdul Aziz itu berkehendak kepada menaburkan lima rencana ini di seluruh tanah Melayu dengan cepat dan segera." Walau bagaimanapun, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani memberi peringatan, "Maka besarlah harapan hamba daripada pembaca-pembaca yang arif bijaksana, dan segala pendeta-pendeta yang ia sudi membacakan segala rencana yang lima ini bahawa diperbaiki akan segala kesalahan faham fatwa kalam hamba itu, dengan bahawa ia menimbangkan kesalahan itu dengan neraca fikirannya yang adil...."

Kalimat yang bercorak merendah diri itu kemungkinan memberitahu bahawa apa yang beliau tulis itu bukanlah pegangannya tetapi ia terpaksa diterjemahkan juga kerana memenuhi perintah raja yang sedang berkuasa. Lebih kurang tujuh tahun kemudian barulah beliau tulis pegangan 'Kaum Tua', pegangan ayahnya, Syeikh Nik Mat Kecil al-Fathani, pegangan moyang saudaranya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, dan lain-lain. Kitab tersebut ialah Kifayah al-Muhtadi bi Syarh Sullam al-Muhtadi. Penulisan dimulai di Mekah dan diselesaikan di Madinah al-Munawwarah pada hari Jumaat, 9 Rabiul Akhir 1351 H/11 Ogos 1932

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Tok Bermin al-Fathani cergas, cermat dan kemas

Tok Bermin al-Fathani cergas, cermat dan kemas

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

TOK Kenali, Tok Kelaba dan Tok Bermin ialah tiga serangkai yang bersahabat dan seperguruan. Mereka adalah tiga gandingan nama ulama yang sering diperkatakan oleh masyarakat dalam lingkungan jalur mulai Kemboja, Bangkok, Patani, Semenanjung hinggalah di Sumatera pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Ada faktor-faktor tertentu kenapa masyarakat selalu memuji mereka.

Faktor yang pertama ialah ketiga-tiganya mempunyai banyak ilmu yang pada zamannya memang pada kedudukan yang paling atas. Tentang Tok Kenali, orang

sering mengisahkan tentang "karamah" beliau. Sebenarnya jika hal itu diceritakan tak kurang juga kedua-dua sahabat beliau iaitu Tok Kelaba dan Tok Bermin.

Artikel Ulama Nusantara yang diperkenalkan dalam ruangan Agama Utusan Malaysia sudah berjumlah 97 judul termasuk artikel ini. Nampaknya kita tidak cukup ruang untuk menceritakan tentang "karamah" kerana kisah yang bercorak zahir berdasarkan fakta terlalu padat.

Mungkin satu ketika nanti masyarakat menjadi bosan terhadap kisah zahir lalu "rohani" mereka memberontak menuju kepada yang bercorak batin. Ketika itu kisah "karamah" para Wali Allah atau ulama sangat perlu diperkenalkan. Kekosongan jiwa dan keruntuhan moral, terutama para remaja, akhir-akhir ini adalah akibat tidak diajar pengetahuan Islam secara bersepadu iaitu yang zahir (syariat) dan yang batin (tasawuf).

Ketiga-tiga ulama yang bersahabat tersebut telah berjasa dalam menyepadukan kedua-dua perkara tersebut sehingga sangat ramai murid mereka yang menjadi ulama.

Dalam artikel ini kita akan memperkatakan mengenai latar belakang Tok Bermin.

Nama lengkapnya ialah Al-Fadhil Al- فدح Alim Haji Wan Muhammad bin Haji Wan Idris Bermin al-Fathani. Nama popularnya ialah Tok Bermin saja. Nama singkat itu lebih popular seperti juga nama Tok Kenali. Beliau lahir di Kampung Jambu, Patani pada tahun 1290H/1873M dan wafat di Bermin, malam Khamis 29 Zulkaedah 1376H/27 Jun 1957M.

Datuk nenek beliau adalah dalam lingkungan keluarga besar Syeikh Ahmad al-Fathani dan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Pendidikan

Sebelum melanjutkan pelajaran ke Mekah, Tok Bermin telah memperoleh banyak ilmu di Patani, sekurang-kurangnya di pondok terkenal iaitu Pondok Bendang Daya. Tok Bermin tidak sempat belajar dengan Tok Bendang Daya yang pertama (Syeikh Haji Wan Mustafa) tetapi sempat belajar dengan Tok Bendang Daya yang kedua (Syeikh `Abdul Qadir bin Mustafa, yang dicatat oleh Tok Kelaba sebagai Wali Allah di Patani pada zamannya).

Tok Bermin belajar juga di Pondok Tok Raja Haji, Jambu. Pondok ini diasaskan oleh Haji Wan Idris (Tok Raja Haji) iaitu murid dan menantu pada Syeikh Abdul Qadir bin Mustafa al-Fathani. Kedua-dua guru Tok Bermin tersebut ada hubungan kekeluargaan yang erat. Sampailah pada zaman Tok Bermin yang menjadi ulama dan mengasaskan pondok dalam Patani, sekolah pondok didominasi oleh keluarga mereka.

Ketika Tok Bermin belajar di Mekah, beliau belajar dengan ramai ulama, tetapi paling banyak pengetahuan diperoleh daripada Tok Cik Wan Daud bin Mustafa al-Fathani dan Syeikh Ahmad al-Fathani. Sama halnya dengan Tok Kenali, Tok Bermin adalah murid yang paling dikasihi oleh Syeikh Ahmad al-Fathani.

Tok Bermin adalah seorang yang tegas, cermat dan kemas. Banyak persamaan antara Tok Kenali dengan Tok Bermin, tetapi tiga perkataan yang tersebut lebih mencerminkan syariat sedangkan Tok Kenali mempraktikkan tasawuf dengan cara-cara yang tersendiri.

Tok Bermin sangat tegas menentang kemasukan Kaum Muda di Patani. Tok Kenali pula kadang-kadang hadir di tempat perdebatan Kaum Tua dan Kaum Muda di Kota Bharu tetapi beliau hanya diam saja.

Ketika membaca kitab atau mendengar murid membaca kitab bahasa Arab, Tok Bermin sangat cermat. Beliau sangat terikat dengan kaedah ilmu, terutama dalam ilmu nahu dan ilmu sharaf, sedikit pun tidak boleh tersilap atau salah.

Jika tersalah baca, Tok Bermin menegurnya secara spontan langsung memberi keterangan dengan "tegas". Tok Kenali sungguhpun beliau seorang ahli dalam ilmu-ilmu itu tetapi beliau membaca dengan laju tidak seperti Tok Bermin membaca perkataan satu demi satu dengan jelas.

Tok Bermin selalu kemas dalam berpakaian sama ada ketika mengajar atau berjalan. Pakaian yang dipakainya sentiasa tegang kerana berkanji menurut tradisi zaman itu. Ini juga berbeza dengan Tok Kenali yang selalu berpakaian menurut caranya tersendiri, atau pakaian 𠵼𠵼 ahli ash-shufi 𠵼𠵼 setiap zaman yang selalu tidak sama dengan kebanyakan orang.

Tok Bermin jika berjalan ke mana-mana menunggang kudanya sendiri dengan tongkat kebesaran seperti yang biasa dipakai para Nabi atau ulama ash-sufi sentiasa tersedia pada tangannya. Jika menunggang kuda Tok Bermin selalu berdisiplin, mencerminkan kewibawaan, kebesaran ulama dan kelihatan gagah. Dielakkannya menunggang seperti ada kelemahan atau menanggung sesuatu penyakit.

Bijak

Tok Kenali pula tidak pernah kita dengar menunggang kuda, tetapi beliau lebih suka berjalan kaki. Kesimpulan cerita ini bukan bererti ada kecelakaan salah seorang daripada kedua-dua ulama yang tersebut, tetapi kedua-duanya bijak menyesuaikan keadaan atau tempat di mana mereka berada. Sekiranya Tok Bermin tinggal di Kota Bharu, Kelantan kemungkinan beliau juga bertindak seperti Tok Kenali.

Sebaliknya jika Tok Kenali tinggal di Bermin, Patani, kemungkinan beliau berkelakuan seperti Tok Bermin. Seluruh kelakuan, bergerak dan diam ulama pada

peringkat kedua-duanya adalah bertujuan mendidik masyarakat bukan memuaskan kepentingan hawa nafsu peribadi semata-mata.

Dalam beberapa siri artikel tentang ulama Minangkabau yang lalu, kita telah mengetahui tentang pergolakan Kaum Tua dan Kaum Muda yang cukup hebat di negeri itu. Pergolakan itu akhirnya menyeberang ke Semenanjung, sampai ke Legor. Dari Legor turun ke Patani.

Pada tangan saya ada manuskrip atau tulisan tangan asli Tok Bermin yang meriwayatkan peristiwa kedatangan dua orang dari Minangkabau ke Legor menyebarkan ajaran Kaum Muda. Beberapa petikan saya perturunkan dalam artikel ini untuk dapat dikaji oleh pihak-pihak yang berkepentingan apakah ia daripada golongan Kaum Tua atau Kaum Muda.

Penulisan yang berdasarkan data dan fakta bukanlah bererti berpihak dengan sesuatu pihak. Untuk berpihak, itu adalah penilaian setiap individu itu sendiri, berdasarkan keintelektualan, pengalaman dan lainnya, tetapi perlulah ada kejujuran. Apa-apa yang tersembunyi dalam hati itulah yang perlu dikongsi dengan masyarakat.

Mukadimah tulisan Tok Bermin adalah sebagai berikut: "Dan adalah pada hari Sabtu, 26 Syawal, dan hari Isnin, 28 Syawal juga, pada tahun [atau] sanah 1347 [Hijrah], perhamba al-Haji Wan Muhammad Bermin, Jambu, periksa dan tanya akan Abdullah dan Burhan orang Minangkabau. Yang keduanya setengah daripada Kaum Muda yang duduk berjalan menyesatkan orang-orang. Di dalam negeri Legor diperiksa di dalam Masjid al-Haji Mat, Kampung Baru. Dan di dalam Masjid al-Haji Mahmud di hadapan Imam Shiddiq, dan Penghulu Hamzah, dan al-Haji Mat sendiri dan al-Haji Mahmud, dan beberapa banyak daripada manusia."

Tarikh kejadian yang disebut oleh Tok Bermin iaitu 26 dan 28 Syawal 1347H itu adalah bersamaan dengan 6 dan 8 April 1929M.

Kenal

Memperhatikan tarikh ini bererti masih dalam lingkungan tahun-tahun yang sama dengan pertentangan Kaum Tua dan Kaum Muda di Sumatera. Tok Bermin lahir pada tahun 1290H/1873M, bererti dia lebih tua sekitar enam tahun daripada Syeikh Abdul Karim Amrullah, pelopor Kaum Muda di Minangkabau yang lahir pada 1296H/1879M.

Kemungkinan Abdullah dan Burhan yang berasal dari Minangkabau yang disebut oleh Tok Bermin pada petikan di atas adalah termasuk murid Syeikh Abdul Karim Amrullah. Tidak dapat dinafikan bahawa Tok Bermin dan Syeikh Abdul Karim Amrullah telah kenal sejak di Mekah kerana kedua-duanya adalah belajar dengan para ulama Mekah yang sama.

Selanjutnya Tok Bermin menulis: "Maka telah nyata bahawasanya `Abdullah dan Burhan bukan daripada orang yang mengikut Imam Syafie. Bahkan bukan daripada mazhab yang empat. Dan keduanya bawa bercakap dengan kitab bagi Imam Syafie itu kerana menipu dan supaya menyangka orang yang mendengar akan kedua-duanya itu orang yang mengikut Syafie, padahal bukan Syafie.

"Dan jika tiada keduanya bawa bercakap-cakap dengan "Kitab Umm" itu, nescaya tiada seorang pun mengikut akan keduanya daripada permulaan masuk Abdullah dan Burhan ke dalam negeri Legor."

Tulis Tok Bermin selanjutnya: "Dan sebab keluar keduanya dari mazhab itu, kerana menafi oleh keduanya akan ijmak dan qiyas. Dan keduanya ikut nas Quran dan hadis sahaja. Dan padahal ijmak dan qias itu, keduanya adalah setengah daripada dalil-dalil yang buat menghukum ulama' dengan dia."

Tok Bermin membahaskan perkara tersebut dengan panjang lebar dan mendalam menggunakan hujah-hujah yang mantap ditinjau daripada pelbagai ilmu sebagaimana yang digunakan oleh jumhur ulama. Oleh sebab Tok Bermin memang pakar dalam banyak bidang ilmu, terutama ilmu alat, iaitu nahu dan sharaf. Abdullah dan Burhan kurang mengetahui tentang kedua-dua ilmu itu terpaksa diam saja.

Dalam masa yang sama pertikaian khilafiyah menjalar terus termasuk peristiwa Mufti Haji Wan Musa di Kota Bharu, Kelantan, yang terkenal dengan masalah "jilatan anjing". Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau yang menjadi Imam dan Khatib Mazhab Syafie di Masjid al-Haram, Mekah sendiri pernah dilawan oleh muridnya Syeikh Abdul Karim Amrullah.

Hal ini berbeza dengan Syeikh Ahmad al-Fathani kerana beliau tidak pernah dilawan oleh muridnya. Sewaktu pergolakan pemikiran khilafiyah di dunia Melayu, Syeikh Ahmad al-Fathani telah wafat. Bagaimanapun sewaktu permulaan khilafiyah di Asia Barat, iaitu pergolakan pemikiran antara Saiyid Yusuf an-Nabhani (pembantah pertama pemikiran Kaum Tua) di Beirut dengan Syeikh Muhammad Abduh di Mesir (pencetus pemikiran Kaum Muda), muncul peranan Syeikh Ahmad al-Fathani.

Para ulama Mekah telah mengutus Syeikh Ahmad al-Fathani ke Beirut dan Kaherah untuk mendamaikan pertikaian pendapat kedua-dua ulama besar itu. Dalam pertemuan dengan Saiyid Yusuf an-Nabhani mahupun Syeikh Muhammad Abduh tidak terjadi perdebatan antara Syeikh Ahmad al-Fathani dengan kedua-duanya tetapi telah berlaku peristiwa sejarah yang panjang dan menarik.

Penulisan

Tidak banyak dijumpai tulisan Tok Bermin. Beliau lebih banyak mencurahkan dan menghabiskan masanya mengajar di pondok. Dalam koleksi saya terdapat beberapa judul tulisan beliau, iaitu mengenai Kaum Muda yang segelintir daripada

kandungannya diperkenalkan di atas. Karya beliau yang lain ialah yang diberi judul *Jawahir al-Kalamiyah*, diselesaikan pada Isnin, 11 Zulkaedah 1349H/29 Mac 1931M. Kandungannya mengenai akidah. Cetakan pertama oleh Perkatapan, Kota Bharu, Kelantan, tanpa tahun. Cetakan Patani Press, 15 November 1937 dengan beberapa tambahan. Karya Tok Bermin yang lain ialah *al-Qaul al-Mubin*, tanpa tarikh. Kandungannya membicarakan fikah.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Abu Bakar Muar - Benteng pertahanan kaum tua

Abu Bakar Muar - Benteng pertahanan kaum tua

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

NAMA lengkapnya ialah Haji Abu Bakar bin Haji Hasan al-Muari bin Haji Ahmad bin Anggak bin Datuk Sijo Bukit Moh, Muar Bandar Maharani, Johor. Beliau dilahirkan pada tahun 1292 Hijrah/1875 Masihi, dan meninggal pada tahun 1357 Hijrah/1938 Masihi. Selama 34 tahun beliau berada di Mekah untuk menuntut ilmu, iaitu ketika usianya enam tahun (1881 M/1299 H.) dan pulang ke tanah air pada tahun 1915 Masihi.

GURU-GURUNYA:

Semua ulama yang telah disebut dalam riwayat Syeikh Abdullah Fahim dan Abdul Lathif Melaka, adalah juga guru kepada Abu Bakar. Ulama yang paling rapat dengannya ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga.

Kepada ulama yang berasal dari Lingga, Riau itu beliau mendalami hadis Bukhari. Sementara Ilmu Qiraat dipelajarinya dan menerima ijazah daripada Syeikh Abdullah bin Qasim as-Sanquri, iaitu ulama yang berasal dari dunia Melayu yang menjadi ketua qiraat tujuh di Hijaz pada zaman itu.

Seperti Abdullah Fahim, beliau juga mendalami Ilmu Falak dan menerima ijazah daripada Syeikh Muhammad Nur al-Fathani. Selain itu ada dua orang ulama, gurunya yang banyak disebut dalam tulisannya, iaitu Syeikh Muhammad Mukhtar bin Atharid Bogor dan Syeikh Umar bin Abdur Rasyid as-Sumbawi.

AKTIVITI:

Abu Bakar al-Muari adalah Qadi Muar dan pernah menjadi Mufti Johor, selama seminggu sahaja. Bersama-sama Abdullah bin Isa, Syed Abdul Qadir bin Muhammad, Abdus Syukur bin Ismail, Yusuf bin Muhammad, Syed Muhammad bin Othman bin Yahya, Haji Muhammad Yunus bin Haji Ibrahim dan Haji Abu Bakar bin Haji Hasan, mereka menggubal 'Undang-Undang Jam'iyah Percadangan' (Bandar Maharani Muar, Mac 1925, dicetak oleh Mathba'ah al-Khairiyah Muar 1925).

Abu Bakar al-Muari adalah pengasas Madrasah Al-Arabiyah Al-Khairiah di Muar. Beliau bukan hanya mendirikan madrasah, tetapi keterlibatannya di Bandar Muar meliputi keseluruhan aspek pembangunan di Muar, terutama sekali yang melibatkan urusan keIslaman.

MURID-MURIDNYA:

Murid-muridnya sangat ramai, bukan hanya murid di madrasah tetapi termasuk murid-murid yang menadah kitab di masjid, surau dan di rumahnya, sehingga beliau dikenali dengan nama 'Haji Abu Bakar Alim'.

Di antara tokoh yang pernah mendapat pendidikan di Madrasah Al-Arabiyah Al-Khairiah ialah saudara sepupu beliau yang bernama Tan Sri Mohamed Noah. Setelah Mohamed Noah menerima pendidikan di madrasah tersebut, Abu Bakar lalu menghantarnya belajar ke Timur Tengah. Mohamed Noah adalah ayah mertua kepada alahyarham Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia yang kedua).

Murid Abu Bakar yang lain ialah Ustaz Muhammad Yasin. Beliaulah yang meneruskan perjuangan pendidikan madrasah yang diasaskan oleh gurunya itu. Muhammad Yasin adalah ayah kepada Tan Sri Muhyiddin Yasin (sekarang Menteri Pertanian Malaysia).

Murid Abu Bakar yang lain ialah Datuk Haji Mohd. Noor. Di antara anak beliau ialah Datuk Haji Juma'at, bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, (sekarang Bendahari) Persatuan Sejarah Malaysia. Menurut keterangan Mohammad, anak kepada Abu Bakar Muar, kedua-dua tokoh di atas sangat memuji dan mengenang jasa orang tuanya (Abu Bakar).

Mohamed Noah pernah berkata, ``Kalaulah aku tidak dididik oleh sepupuku, Abu Bakar, tiadalah aku dapat ke Timur Tengah. Barangkali aku pun hidup dalam kejahilan tiada kenal hukum-hakam Islam ... ``.

Muhammad Yasin pula pernah berkata, ``Ketika aku akan belajar ilmu kemegahan dunia di Sumatera, setelah diketahui oleh Abu Bakar Alim, aku lalu dinasihatinya supaya belajar kepada beliau sahaja. Sekiranya aku melanggar nasihat beliau, mungkin aku menjadi seorang yang jahat.''

KARYA-KARYANYA:

Abu Bakar al-Muari menghasilkan karangan dalam jumlah yang banyak. Ia ditulis dalam bahasa Arab dan Melayu. Oleh sebab ruangan yang disediakan sangat terbatas, semua karangannya tidak dapat disenaraikan di ruangan ini.

Keterangan ringkas hanyalah sebagai berikut, bahawa beberapa karyanya merupakan polemik dengan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi al-Azhari. Walaupun Syeikh Tahir Jalaluddin adalah sahabatnya yang sama-sama belajar di Mekah, namun pendapat kedua-duanya adalah berbeza.

Abu Bakar merupakan benteng pertahanan Kaum Tua, sedangkan Syeikh Tahir Jalaluddin adalah pelopor pergerakan Kaum Muda. Abu Bakar juga mengarang risalah menolak pendapat Hasan Bandung. Sebuah lagi karyanya di dalam bahasa Arab juga menolak beberapa pendapat Sayid Rasyid Ridha, ulama Mesir, tokoh reformis yang sangat terkenal. Karya-karya Abu Bakar Muar yang bercorak polemik dengan Syeikh Tahir Jalaluddin yang telah ditemui ialah Taman Persuraian, ditulis pada 6 Ramadan 1346 Hijrah/1927 Masihi di Muar, Bandar Maharani.

Kandungannya menyatakan tentang sunat sembahyang ba'diyah Jumaat dan qabliyahnya. Ia membatalkan perkataan Syeikh Thahir Jalaluddin al-Minankabawi, guru Madrasah Al-Haji Taib Parit Jamil Muar yang mengatakan sembahyang qabliyah itu bidaah. Dan menyatakan sembahyang sunat Tahiyatul Masjid, rumuz-rumuz ulama fikah, tarikh Imam ar-Rafi'ie, Imam an-Nawawi dan Ibnu Hajar al-Haitami. Dicitak oleh Mathba'ah al-Khairiyah, Muar (tanpa tarikh). Dicitak dengan perbelanjaan ahli-ahli al-khair Johor, Muar, Segamat, Kota Tinggi dan Kukup.

Salah satu sebab penyusunan karya ini ialah pertanyaan Haji Utsman bin Haji Muhammad Said, guru agama Bandar Maharani, 14 Syaaban 1346 Hijrah. Surat dilampirkan pada halaman awal dan setelah pada halaman akhir dilampirkan surat Haji Utsman bin Haji Muhammad Said, tarikh, Bandar Maharani, 18 Zulhijjah 1346 Hijrah yang menyambut baik kitab ini.

Judul selanjutnya ialah Taufan Yang Memalui Atas Huraian Haji Thahir Al-Minankabawi. Diselesaikan 10 Rabiulawal 1351 Hijrah/1932 Masihi dalam Bandar Maharani, Muar. Cetakan yang pertama Mathba'ah al-Jamilyah, Muar, 1351 Hijrah/1932 Masihi. Kandungannya merupakan polemik dengan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi, sebagai tanggapan atas karya yang berjudul Huraian Yang Membakar.

Di dalam Taman Persuraian Haji Bakar, yang dipersoalkan ialah mengenai sembahyang qabliyah Jumaat. Ia merupakan kelanjutan judul Taman Persuraian. Polemik dengan Hasan Bandung pula, Abu Bakar Muar menyusun risalah berjudul Majlis Uraian Muar-Johor. Diselesaikan 20 April 1932 Masihi dalam Bandar Maharani, Muar, Johor. Kandungannya menjawab dan membatalkan fatwa pengarang Al-Fatwa Persatuan Islam Bandung yang mengatakan babi itu najis dimakan bukan najis disentuh, dan mulut anjing pun belum tentu najisnya. Salah satu sebab disusun

karangan ini atas permintaan anggota Gubahan Setia Kelab Muar yang ditandatangani oleh ketuanya, Abdus Syukur bin Ismail bertarikh 2 April 1932. Surat tersebut dicetak pada halaman 1-2.

Mengenai sanggahan pendapat Sayid Rasyid Ridha selain dalam bahasa Arab, terdapat terjemahannya dalam bahasa Melayu yang diberi judul Sanggamara Dalam Perkara Menolak dan Membatalkan Perkataan Sayid Muhammad Rasyid Ridha Yang Berkata Dengan Niat Ushalli Itu Bid'ah. Sama ada yang dalam bahasa Arab atau pun yang dalam bahasa Melayu hingga kini belum ditemui.

Cogan Perikatan. Diselesaikan pada 3 Zulkaedah 1346 Hijrah/1928 Masihi, dalam Muar, Bandar Maharani, Johor. Cetakan yang pertama Mathba'ah al-Khairiyah, Muar, 15 Syawal 1346 Hijrah/1928 Masihi. Kandungan risalah ini juga merupakan polemik kerana mempertahankan pendapat golongan Mazhab Syafie daripada serangan Kaum Muda yang menolak mengucapkan lafaz 'Ushalli'.

Karya Abu Bakar Muar selain yang bercorak polemik, dilengkapi pula dengan pelbagai disiplin ilmu, di antaranya tentang Ilmu Falak, ditulis dalam bahasa Arab. Ia masih dalam bentuk manuskrip dan belum diberi judul, diselesaikan pada 28 Rabiulakhir 1323 Hijrah/1905 Masihi di Mekah. Kandungan ilmu falakiah merupakan syarah nazam al-Fadhil Abil Hasan Ali bin Abi ar-Rijal al-Katib al-Qairuani.

Ilmu Wafaq, juga dalam bahasa Arab. Ia masih dalam bentuk manuskrip dan belum diberi judul. Diselesaikan pada 1 Zulhijjah 1323 Hijrah/1905 Masihi di Mekah. Tentang faraid (cara-cara membahagi pusaka) ditulis kitab berjudul Nihayatut Taqrib fi Ma'rifatil Irtsi wat Ta'shib, juga dalam bahasa Arab. Ia masih dalam bentuk manuskrip dan diselesaikan pada 28 Jamadilawal 1324 Hijrah/1906 Masihi di Mekah.

Tentang kelahiran Nabi Muhammad s.a.w., disusun risalah bernama Peringatan. Diselesaikan pada 2 Rabiulawal 1338 Hijrah/1919 Masihi dalam Bandar Maharani, Muar, Johor. Kandungannya menyatakan kalimah-kalimah yang ada di dalam kitab Kisah Maulid an-Nabi bagi karangan Sayid Ja'far al-Barzanji yang harus diubah-ubah bacaannya, cetakan yang pertama, Mathba'ah al-Khairiyah, Bandar Maharani, Muar, 1938.

Juga tentang kelahiran Nabi s.a.w. beliau susun Mastika Ajaib. Diselesaikan pada 9 Safar 1350 Hijrah/26 Jun 1931 Masihi, dalam Bandar Maharani, Muar, Johor. Kandungannya menyatakan hukum dan kelebihan membaca Maulid an-Nabi s.a.w., cetakan yang pertama Mathba'ah al-Jamiliyah, Parit Jamil, Muar, 1350 Hijrah/1931 Masihi. Sebab disusun risalah ini memenuhi pertanyaan anggota Gubahan Setia Kelab Muar.

Tentang tajwid, Abu Bakar Muar menyusun risalah Pertinjauan, Penggal Pertama. Diselesaikan pada 1 Syaaban 1342 Hijrah dalam Bandar Maharani, Muar. Cetakan yang pertama, Mathba'ah al-Khairiyah, Muar, 1342 Hijrah/1924 Masihi. Pada halaman pertama sesudah halaman kulit terdapat salinan ijazah daripada gurunya, Syeikh Abdullah bin Muhammad Qasim Senggora yang dikeluarkan pada hari Jumaat, 25 Zulhijjah 1334 Hijrah di Mekah.

Hikayat Qadhi Dengan Harami, diselesaikan pada 12 Rabiulawal 1343 Hijrah dalam Bandar Maharani, Muar. Cetakan yang pertama, Mathba'ah al-Khairiyah, Muar, 1343 Hijrah/1924 Masihi. Kandungannya merupakan sastera Islam, menceritakan kisah seorang qadi pada zaman pemerintahan Harun ar-Rasyid.

Abu Bakar juga menyusun buku-buku pengetahuan lain, seperti buku mengenai masakan yang terkumpul dalam judul Jangka Rampaian yang terdiri daripada tiga jilid. Saya simpulkan saja bahawa Abu Bakar Muar telah melakukan penulisan sejak tahun 1323 Hijrah/1905 Masihi hingga 18 Muharam 1357 Hijrah/20 Mac 1938 Masihi. Judul terakhir karyanya ialah Jadwal Tarikh Antara Nabi Adam Dengan Nabi Muhammad s.a.w. Dan Lainnya.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Ismail al-Kalantani - Mufti Kerajaan Pontianak

Ismail al-Kalantani - Mufti Kerajaan Pontianak

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

ULAMA yang berasal dari Kelantan ini pernah penulis riwayatnya di dalam Majalah Pengasuh yang diperlengkapkan oleh Ismail Awang. Selanjutnya dimuat dalam buku Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (jilid 1), yang diselenggarakan oleh Ismail Che Daud dan diterbitkan oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, cetakan pertama, 1988. Beberapa tahun kemudian penulis menemui data-data baru mengenai ulama Kelantan yang pernah menjadi Mufti Kerajaan Pontianak di Kalimantan Barat ini, oleh itu riwayat mengenainya ditulis kembali di dalam ruangan Agama, Utusan Malaysia ini.

Nama lengkapnya ialah Ismail bin Haji Abdul Majid bin Haji Abdul Qadir al-Kalantani. Lahir di Kampung Labok, Macang, Kelantan. Mengenai tahun lahir dan wafatnya masih perlu dikaji kembali. Pendapat awal menyebut bahawa Ismail Kelantan lahir pada tahun 1293 Hijrah/1876 Masihi. Ismail Che' Daud menjelaskan pada notanya bahawa ulama tersebut lahir pada awal tahun 1300 Hijrah/1882 Masihi. Demikian tentang wafatnya bahawa pendapat awal menyebut tahun 1365

Hijrah/1946 Masihi, Ismail Che' Daud menyebut kemungkinan pada tahun 1370 Hijrah/1951 Masihi atau terkemudian lagi.

PENDIDIKAN

Ismail dan abangnya Muhammad Nuh (yang kemudian dikenali sebagai Haji Nuh Kaya) setelah memperoleh pendidikan asas di Kelantan, dihantar belajar ke Mekah. Di Mekah, Ismail sempat mengikuti majlis pengajian Syeikh Ahmad al-Fathani, sama ada di rumah mahu pun di Masjid al-Haram. Ada orang meriwayatkan bahawa Ismail Kelantan pulang ke Kelantan sesudah haji pada tahun 1325 Hijrah/1908 Masihi, iaitu tahun kewafatan Syeikh Ahmad al-Fathani (wafat 11 Zulhijjah 1325 Hijrah/18 Januari 1908 Masihi). Riwayat lain menyebut bahawa setelah Syeikh Ahmad al-Fathani meninggal dunia, Ismail Kelantan meneruskan pengajiannya kepada beberapa orang ulama besar Mekah, antaranya Saiyid Abdullah az-Zawawi (lahir 1266 Hijrah/1850 Masihi, wafat 1343 Hijrah/1924 Masihi), Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah at-Tarmasi dan ramai lagi. Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah at-Tarmasi berasal dari Termas (Jawa) adalah seorang ulama besar Mazhab Syafie dan ahli dalam ilmu hadis. Beliau mempunyai beberapa karangan yang besar, antaranya *Muhibah Zawin Nazhar* yang tebalnya empat jilid.

Hubungan mesra antara Ismail Kelantan dengan Saiyid Abdullah az-Zawawi sejak beliau belajar di Mekah lagi, yang ketika itu Saiyid Abdullah az-Zawawi adalah seorang Mufti Mazhab Syafie di Mekah. Ketika pergolakan Wahhabi di Mekah, beberapa orang ulama tidak aman tinggal di Mekah, termasuklah Saiyid Abdullah az-Zawawi. Haji Ismail Kelantan mengikut gurunya Saiyid Abdullah az-Zawawi itu berhijrah dari Mekah ke Riau dan selanjutnya ke Pontianak. Sewaktu Saiyid Abdullah az-Zawawi menjadi Mufti Pontianak, Ismail Kelantan terus bersama gurunya itu, belajar pelbagai bidang ilmu tiada henti-hentinya walau pun ilmu yang dikuasainya cukup banyak dan memadai. Riwayat lain menyebut bahawa Ismail Kelantan pulang ke Kelantan lebih awal (1325 Hijrah/1908 Masihi), dan selanjutnya pergi ke Cam/Kemboja.

Ilmu falak

Ismail Kelantan tidak sempat menamatkan ilmu falak yang dipelajarinya daripada Syeikh Ahmad al-Fathani. Oleh itu setelah Syeikh Ahmad al-Fathani meninggal dunia, beliau meneruskan pendidikan khusus tentang ilmu falak itu daripada Syeikh Muhammad Nur bin Muhammad bin Ismail al-Fathani. Ketika mempelajari ilmu falak daripada Syeikh Muhammad Nur al-Fathani, beliau bersama Syeikh Haji Abu Bakar bin Haji Hasan Muar.

Mengenai ketokohan Ismail Kelantan dalam ilmu falak dapat dibuktikan dalam karyanya *Pedoman Kesempurnaan Manusia*. Menurut cerita Ustaz Abdur Rani Mahmud (ketika masih hidup sebagai Ketua Majlis Ulama Kalimantan Barat), bahawa Ismail

Kelantan adalah orang pertama yang menyebarluaskan ilmu falak di Pontianak, khususnya atau Kalimantan Barat umumnya.

KE PONTIANAK SEBAGAI MUFTI

Selain bersama gurunya Saiyid Abdullah az-Zawawi di Pontianak, Ismail Kelantan pernah menziarahi Syeikh Muhammad Yasin, seorang ulama yang berasal dari Kedah, yang tinggal di Kuala Secapah, Mempawah. Pada tahun kedatangan Ismail Kelantan ke Kuala Secapah, Mempawah itulah Syeikh Muhammad Yasin Kedah meninggal dunia. Ismail Kelantan juga menziarahi Wan Nik, seorang ulama sufi yang berasal dari Patani. Beliau tinggal dalam bandar Mempawah.

Dalam waktu yang relatif singkat, kealiman Ismail Kelantan tersebar di sekitar Mempawah dan Pontianak. Oleh sebab itu Adam, seorang hartawan Bugis di Sungai Itik, Pontianak, iaitu seorang yang sangat haus dengan ilmu pengetahuan, menjemput Ismail Kelantan mengajar di rumahnya. Bukan itu saja, atas kehendak Adam dan Mu'minah binti Haji Muhammad Thahir, mereka menjodohkan anak perempuannya dengan Ismail Kelantan. Perkahwinan dengan anak Adam itu merupakan perkahwinan Ismail Kelantan yang pertama di Pontianak. Detik-detik terakhir akan kepulangannya ke Kelantan, Ismail berkahwin lagi dengan Jamaliah yang berasal dari Tasik Malaya, Jawa Barat. Perkahwinan kedua ini adalah atas kehendak dan perintah Sultan Muhammad, Sultan Pontianak.

Daripada sepucuk surat Ismail Kelantan kepada Syarif Muhammad bin Syarif Yusuf, Sultan Pontianak, tarikh Pontianak: 28 Februari 1924, dapatlah diketahui bahawa mula-mula beliau dilantik sebagai Naib Hakim di Rad Agama Pontianak mulai tarikh 12 Ogos 1920 Masihi. Pada tarikh penulisan surat 28 Februari 1924, kedudukan Ismail Kelantan adalah sebagai Mufti di Kerajaan Pontianak.

Sewaktu Ismail Kelantan menjadi Mufti Pontianak, ada tiga orang ulama yang bernama Ismail. Dua orang lagi ialah Ismail bin Abdul Lathif (lebih dikenali dengan Ismail Jabal) dan Ismail bin Abdul Karim (lebih dikenali sebagai Ismail Mundu). Ismail bin Abdul Lathif berpangkat Adviseur Penasihat Rad Agama Kerajaan Pontianak. Ismail bin Abdul Karim (wafat pada hari Khamis, 15 Jamadilakhir 1376 Hijrah/16 Januari 1957 Masihi) pula adalah Mufti Kerajaan Kubu, sebuah kerajaan kecil di bawah naungan Kerajaan Pontianak. Ketiga-tiga ulama tersebut sangat terkenal di dalam Kerajaan Pontianak. Bahkan kerajaan-kerajaan lain di seluruh Kalimantan/Borneo.

PULANG KE KELANTAN

Ismail Kelantan pulang ke Kelantan sekitar tahun 1937. Di Kota Bharu beliau menjadi guru di Jami' Merbau yang berstatus sebagai pendidikan tinggi Islam ketika itu. Murid-murid yang diterima di Jami' Merbau adalah orang-orang yang

telah mendapat pendidikan yang cukup memadai, yang datang dari seluruh Semenanjung dan Patani.

Semangat

Selain mengajar di Jami' Merbau, Ismail Kelantan juga menjadi guru dan imam di Istana Sultan Kelantan. Ismail Kelantan adalah hafiz al-Quran tiga puluh juzuk, fasih ketika berpidato dan berkhotbah di atas mimbar. Kelebihannya pula dapat mempengaruhi dan membakar semangat pendengar. Dalam satu peristiwa pergaduhan yang didalangi Bintang Tiga yang terjadi di Kota Bharu, Ismail Kelantan telah berpidato sehingga menaikkan semangat juang orang Melayu

PENULISAN

1. Fatwa Daripada as-Saiyid Abdullah Ibnu Almarhum as-Saiyid Muhammad Shalih az-Zawawi Jawab Soal Dari Tanah Jawa, diselesaikan pada 25 Syawal 1330 Hijrah. Kandungannya mengenai ayat-ayat al-Quran dalam piring hitam. Diberi gantungan makna dalam bahasa Melayu daripada karya asalnya yang ditulis dalam bahasa Arab, Rejab tahun 1326 Hijrah. Dicitak dengan kehendak as-Saiyid Ja'far bin Pangeran Syarif Abdur Rahman al-Qadri Pontianak. Dicitak di Mathba' Haji Muhammad Sa'id bin al-Marhum Haji Arsyad, No. 82 Arab Street Singapura, pada 25 Syawal 1330 Hijrah oleh Muhammad bin Haji Muhammad Sa'id, Basrah Street, No. 49 Singapura.
2. Risalah Pada Bicara Jum'at dan Sembahyang Zhuhur Mu'adah, tanpa dinyatakan tarikh selesai penulisan. Tarikh salinan 3 Rabiulawal 1345 Hijrah. Manuskrip disalin oleh Khathib Peniti Kecil, diperoleh di Pontianak pada 8 Syawal 1422 Hijrah/22 Disember 2001 Masihi. Kandungan perbincangan khilafiah mengenai sembahyang Jumaat dan sembahyang Zuhur atau mu'adah.
3. Pedoman Kemuliaan Manusia, kandungannya membicarakan rampaian berbagai-bagai ilmu, termasuk falakiah. Cetakan yang pertama Mathba'ah al-Ma'arif, Kota Bharu, Kelantan. Taqriz/pujian: Tuan Guru Ahmad Mahir bin Haji Ismail Kemuning, Kadi Besar Negeri Kelantan (ditulis pada 22 Januari 1938), Tuan Guru Nik Muhammad Adib bin Syekh Muhammad Daud, Jawatan Tinggi Kadi Pelawat atau Pemeriksa Kadi-kadi Dalam Kelantan (ditulis 22.11.37), Tuan Guru Abdullah Tahir bin Ahmad, Guru Besar Ugama Dalam Kelantan dan Anggota Ulama Dalam Majlis Ugama Islam Kelantan (ditulis 14 Zulkaedah 1356 Hijrah).

KETURUNAN DAN MURID

Sewaktu Ismail Kelantan pulang ke Kota Bharu, Kelantan, tiga orang anaknya dengan isteri pertama telah berumah tangga, ketiga-tiganya tidak ikut pulang ke Kelantan. Anak-anaknya yang pernah ditemui penulis ialah anaknya yang tinggal di Parit Sungai Keluang, Peniti, Kecamatan Siantan, Kabupaten Pontianak. Suaminya bernama Arif. Seorang anak Ismail Kelantan yang perempuan lainnya tinggal di

Pontianak. Dipercayai ketiga-tiga anak Ismail Kelantan melahirkan keturunan yang ramai di Pontianak atau pun telah berpindah ke tempat-tempat lainnya.

Antara sekian ramai murid Ismail Kelantan di Pontianak yang sangat rapat dengan penulis ialah Ustaz Abdur Rani Mahmud. Beliau termasuk salah seorang guru penulis. Jawatan terakhir beliau ialah Ketua Majlis Ulama Kalimantan Barat. Beliau adalah tempat rujukan segala kemusykilan mengenai Islam bagi masyarakat umum dan pihak pemerintah di Kalimantan Barat.

Cerita-cerita mengenai kelebihan atau keistimewaan Ismail Kelantan banyak penulis dengar dan catat daripada Abdur Rani Mahmud. Menurut Abdur Rani Mahmud, Ismail Kelantan adalah orang pertama menyebarkan ilmu falak secara meluas di Pontianak. Katanya, ``Kemungkinan Haji Ismail Kelantan hafal Quran tiga puluh juzuk kerana di mana saja beliau duduk, mulutnya sentiasa membaca ayat-ayat al-Quran. Tangannya senantiasa memegang tasbih. Kalau mengajar mata pelajaran apapun yang diajarkannya semuanya secara hafal walau pun kitab ada di depannya.'`

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Tengku Mahmud Zuhdi - Syeikhul Islam Selangor

Tengku Mahmud Zuhdi - Syeikhul Islam Selangor

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

NAMA lengkapnya ialah Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdur Rahman bin Tuanku Nur bin Raja Belat ibnu Raja Datu al-Fathani al-Jawi. Ayahnya adalah Raja Jambu, Patani yang ditangkap oleh Siam dan ditempatkan di istana tersendiri di Ban Sim Dip, Bangkok. Ibunya bernama Kalsum binti Haji Sa'ad, berasal dari India.

Tengku Mahmud lahir di Ban Sim Dip, Bangkok, pada tahun 1293 Hijrah/1876 Masihi. Beliau meninggal dunia di Mekah pada tanggal 6 Rabiulawal 1376 Hijrah/10 Oktober 1956 Masihi.

PENDIDIKAN

Walaupun berada di dalam keadaan sangat darurat di dalam tahanan, namun ayahnya sempat mengajar Tengku Mahmud ilmu-ilmu asas Islam tradisi Patani dan pengetahuan adab raja-raja Melayu. Tengku Mahmud juga sempat belajar kepada Syeikh Abdul Latif bin Mustafa al-Fathani di Thait (pinggiran Bangkok). Ketika berusia antara 8 - 9 tahun (1302 Hijrah/1885 Masihi), dalam keadaan sukar, Tengku Mahmud berhasil dikirim ke Mekah. Di Mekah, diserahkan sekalian urusannya

kepada Syeikh Ahmad al-Fathani. Syeikh Ahmad al-Fathani mendidiknya sendiri dan memasukkannya ke Maktab Saulatiah, yang diasaskan oleh orang India. Dengan demikian Tengku Mahmud memperoleh dua sistem pendidikan, iaitu sistem tradisional pondok dan sistem persekolahan.

Beliau adalah murid yang paling cemerlang di sekolah itu. Oleh kerana itu beliau diminta mengajar di sekolah tersebut pada tahun 1895. Syeikh Ahmad al-Fathani mendesak Tengku Mahmud supaya melanjutkan pelajarannya ke Mesir bersama Syeikh Muhammad Nur al-Fathani, Syeikh Tahir Jalaluddin Minangkabau dan lain-lain pada tahun 1900.

Di Mesir beliau hanya memperdalam pelbagai ilmu yang telah dipelajarinya di Mekah, terutama ilmu falakiah dan ilmu khat. Pada tahun 1905, Tengku Mahmud lulus peperiksaan Hasyimiyah (Syarif Husein) dengan memperoleh Syahadah al-Kubra dan memperoleh kebenaran mengajar di Masjidil Haram, Mekah.

Sungguhpun Tengku Mahmud telah mengajar di Maktab Saulatiah dan Masjidil Haram, namun beliau sentiasa memperdalam ilmu kepada Syeikh Ahmad al-Fathani terutama ilmu sastera Arab. Beliau juga menerima bai`ah Thariqat Syathariyah dan Thariqat Syaziliyah daripada Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani. Selain pendidikan yang telah disebutkan, agak kebelakangan Tengku Mahmud juga belajar kepada Syeikh Mukhtar `Atharid Bogor.

KERABAT DIRAJA SELANGOR

Tengku Mahmud berhijrah dari Mekah ke Jambi, Sumatera. Beliau sampai di Jambi pada hari Khamis, 6 Rabiulawal 1344 Hijrah/23 Oktober 1925 Masihi. Di sana beliau mendirikan sekolah Arab di sebuah tempat yang bernama Tahtul Yaman. Apabila Sultan Sulaiman Syah mendengar ulama tersebut berada di Jambi, baginda sendiri datang ke Jambi mengajak Tengku Mahmud supaya pindah ke Selangor.

Tengku Mahmud berangkat ke Klang pada tahun 1929. Pada mulanya beliau dilantik sebagai Penasihat Agama Selangor, selanjutnya menjadi Syeikhul Islam Setia Diraja Selangor. Di Selangor Tengku Mahmud berkahwin dengan Tengku Hajah Safiah, puteri Sultan Abu Samah bersama isterinya Tengku Kubis. Tengku Mahmud berkahwin beberapa kali, isterinya di Kelantan bernama Tengku Maryam. Di Kedah beliau berkahwin dua kali dan di Patani sekali.

Anak perempuannya yang bernama Tengku Aminah (tidak jelas daripada isterinya yang mana) berkahwin dengan Tengku Badli Syah (Tengku Laksamana Selangor) ibni Sultan Hisyamuddin Alam Syah.

MURID-MURIDNYA

Di kalangan kerabat Diraja Selangor termasuk Sultan Sulaiman (mangkat 1937), putera baginda Tengku Haji Ibrahim Syah (Tengku Sri Wangsa) adalah murid Tengku Mahmud Zuhdi.

Selain itu, Tengku Mahmud telah mencetuskan idea sehingga berdirinya madrasah di Klang yang bernama Marta' al-Ulum ad-Diniyah (1933 sampai tahun 1945). Pada tahun 1945, madrasah ini terpaksa ditutup kerana perang dunia ke-II. Setelah peperangan selesai madrasah tersebut dibuka kembali dengan mudirnya Hj. Abdul Ghani bin Hj. Othman. Selanjutnya ia dipimpin oleh Sayid Abdul Aziz asy-Syami al-Masri dan nama madrasah tersebut diganti dengan Darul Ulumid Diniyah. Kemudian setelah pimpinannya beralih kepada Sayid Mahmud `Arif Bukhari, madrasah tersebut kembali kepada nama asalnya, iaitu Marta' al-Ulum ad-Diniyah.

Seorang ulama besar berbangsa Arab dan berasal dari Mekah yang pernah belajar kepada Tengku Mahmud sewaktu di Klang, ialah Sayid Mahmud `Arif al-Bukhari. Ramai para pentadbir Islam di dalam Selangor yang menjadi murid kepada Tengku Mahmud, di antara mereka ialah Ustaz Ahmad Dahlan bin Abdul Mannan, bekas Pembantu Pelajaran Agama di Jabatan Agama Islam Selangor, Ustaz Hj. Abdul Jalil Safwan bin Hj. Abdul Rahman, bekas Yang Dipertua Persatuan Guru-Guru Islam Selangor (PEGUAM) dan ramai lagi.

Murid Tengku Mahmud Zuhdi yang mempunyai hubungan dengan golongan korporat pula, seperti Haji Abdullah bin Faqih, ayah kepada Dato' Hj. Shahrani, D.P.M.S, J.P, F.C.I.T, Group Executive Chairman, Shapadu Corporation Sdn. Bhd. Dato' Hj. Shahrani Hj. Abdullah adalah salah seorang usahawan yang berjaya, berasal dari Selangor dan beliau berminat terhadap khazanah dunia Melayu.

KARYA-KARYANYA

Tengku Mahmud dapat dikategorikan sebagai ulama dunia Melayu yang mampu mengarang dalam dwi bahasa; bahasa Arab dan bahasa Melayu. Di antara karangannya yang telah ditemui disenaraikan sebagai berikut:

1. Al-Faridatus Saniyah wal Khuthbatul Bahiyah, diselesaikan pada hari Isnin, akhir Muharam 1321 Hijrah. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah 1331 Hijrah. Kata pujian oleh Syeikh Abdullah Daud al-Fathani dan saudaranya Syeikh Muhammad Nur Daudi al-Fathani. Kandungannya mengenai khutbah Jumaat. Pada halaman akhir terdapat puisi Syeikh Abdullah Daud Fathani dan puisi pe-ngarangnya. Kedua-duanya dalam bahasa Melayu.
2. Janiyatus Tsamarat fi Ta'rifi Ba'dhil Kalimat, diselesaikan di Mekah, Subuh Jumaat, awal Rabiulawal 1325 Hijrah. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah 1325 Hijrah. Kandungannya membicarakan nahu dalam bahasa Arab dan merupakan syarah Matan al-Ajrumiyah. Pada cetakan ini terdapat juga tentang ilmu isti'arah karya gurunya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani.

3. Syarh Tadrijish Shibyan ila Tasywiqil Bayan, diselesaikan di Mekah, 1330 Hijrah. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1332 Hijrah. Pada bahagian tepi dicetak juga matan ilmu tersebut yang disusun oleh gurunya, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Kata pujian oleh Saiyid Abdullah bin Saiyid Muhammad Shalih az-Zawawi (Mufti Mekah al-Mukarramah). Kandungannya membicarakan ilmu isti'arah (bahagian ilmu bayan), ditulis dalam bahasa Arab dan merupakan syarah karya gurunya, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani.
4. Tsimarul Khutbah al-Mahbarah al-Minbariyah, diselesaikan Muharam 1335 Hijrah. Dicetak oleh Mathba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyah. Kandungannya merupakan kumpulan khutbah dan terdapat berbagai-bagai amalan.
5. Tazkiyatul Anzhar wa Tashfiyatul Afkar, diselesaikan pada hari Jumaat, 7 likur Muharam 1339 Hijrah. Dicetak oleh Mathba'ah Dar at-Thiba'ah al-Islamiyah, Patani. Kata pujian oleh Syeikh Muhammad Mukhtar bin `Atharid Bogor, Syeikh Abdul Qadir bin Shabir Mandailing, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani, Syeikh Muhammad bin Abdul Qadir al-Fathani, Syeikh Yahya Legih ar-Ramani al-Fathani, Syeikh Ismail/Pak De `El bin Abdul Qadir al-Fathani, Syeikh Muhammad Nashir al-Fathani, bertarikh 16 Zulkaedah 1339 Hijrah dan Syeikh Abdul Haq, tahun 1341 Hijrah. Pentashihnya adalah Syeikh Abdullah bin Ibrahim Langgar al-Qad-hi. Kandungannya menolak beberapa pemikiran Kaum Muda terutama karangan Mufti Haji Wan Musa Kelantan.
6. Pemudahan Yang Disayang, diselesaikan pada hari Jumaat, 7 Muharam 1343 Hijrah. Dicetak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan Singapura, 1345 Hijrah /1927 Masihi. Kandungannya mengenai melakukan fidiyah menurut Mazhab Hanafi yang boleh dipakai dalam Mazhab Syafie.
7. Pegangan Yang Terutama Pada Sedikit Daripada Pangkal Ugama, diselesaikan pada 10 Syaaban 1352 Hijrah. Dicetak pada hari Rabu, 2 Safar 1353 Hijrah/16 Mei 1934 Masihi, tanpa disebut tempat mencetaknya. Kandungannya membicarakan akidah.
8. Tamhidul Manahij al-Adabiyah fi I'rabi Mabanil Ajrumiyah, diselesaikan pada hari Isnin, 10 Zulkaedah 1352 Hijrah. Jilid 1 dan 2 dicetak oleh The New Klang Press, Klang, pada hari Isnin, 11 Rejab 1352 Hijrah/30 Oktober 1933 Masihi. Jilid 4, dicetak oleh Persama Press, Penang. Kandungannya mengenai ilmu nahu dan merupakan huraian Matan Ajrumiyah.
9. Dua Khutbah Bagi Dua Hari Raya Fitrah Dan Adha, tidak terdapat tahun selesai penulisan. Cetakan yang pertama Mathba'ah al-Ishlah, Jeddah. Dicetak atas perbelanjaan pengarang sendiri. Kandungannya mengenai khutbah, doa khatam al-Quran untuk khanduri/kenduri, talqin mayat dan doa Nisfu Syaaban.

KETURUNAN

Anak Tengku Mahmud yang meninggalkan keturunan ada empat orang; Haji Muhammad, keturunannya di Jambi, Sumatera, Haji Ahmad keturunannya di Jambu, Patani,

Tengku Abdul Hamid dan Tengku Aminah, keturunan dua orang yang terakhir ini di Selangor.

Anak Tengku Mahmud yang menjadi ulama besar dua orang; Haji Muhammad, sangat terkenal di Jambi. Digelar oleh masyarakat sebagai 'Ulama Jubah Hitam'. Yang menjadi ulama pula ialah Haji Ahmad, Imam Masjid Jambu, Patani dan guru mengajar pelbagai kitab. Semua anak Tengku Mahmud Zuhdi yang tersebut telah meninggal dunia.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Muhammad Said Yan - Ulama yang berdikari

Muhamma d Sa id Y an - U la ma y ang b erd i kar i

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

NAMA lengkapnya, Haji Muhammad Said bin Penghulu Muhammad Thaiyib Yan, Kedah. Lahir di Kampung Anak Bukit, Alor Setar, Kedah pada 1294 Hijrah/1877 Masihi, meninggal di Titi Bakong, Yan, Kedah, 1382 Hijrah/ 1962 Masihi.

PENDIDIKAN

Muhammad Said mendapat pendidikan awal di Pondok Haji Mat Tamin, Kampung Anak Bukit. Ada juga diriwayatkan bahawa beliau sempat belajar kepada Syeikh Jarum. Diriwayatkan juga bahawa selain mendapat pendidikan pondok, beliau juga pernah memasuki Sekolah Agama al-Hamidiah di Limbong Kapal, Alor Setar, Kedah. Walau bagaimanapun mengenai Muhammad Said pernah memasuki sekolah tersebut penulis sangat meragukannya, kerana sekolah tersebut didirikan pada tahun 1916 Masihi oleh Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Siddiq. Sedangkan selisih umur antara Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Siddiq dengan Muhammad Said hanya lebih kurang tiga tahun. Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Siddiq lahir pada 1291 Hijrah/1874 Masihi, sedangkan Muhammad Said lahir 1294 Hijrah/1877 Masihi.

- Sekiranya benar Muhammad Said pernah memasuki Sekolah Agama al-Hamidiah di Limbong Kapal, bererti pada tahun 1916 Masihi itu beliau berusia sekitar 20tahun. Pada usia seperti demikian itu, memasuki sekolah rendah jarang berlaku. Lain halnya dengan sistem pendidikan pondok yang tidak terikat dengan umur seseorang. Kemungkinan Muhammad Said memang benar murid Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Siddiq, tetapi adalah menurut sistem pondok bukan sistem persekolahan. Dalam karyanya Anak Kunci, Muhammad Said menyebut bahawa beliau murid Syeikh Sulaiman. Tidak jelas Syeikh Sulaiman mana yang dimaksudkan kerana penulisan nama tidak lengkap.

Penulis lebih meyakini bahawa Muhammad Said setelah melalui jalur pendidikan pondok di Kedah, kemungkinan juga di Patani, lalu berangkat ke Mekah. Antara gurunya di Mekah ialah Syeikh Daud bin Mustafa al-Fathani, Syeikh Ali al-Maliki dan ramai lagi.

AKTIVITI

Aktiviti Muhammad Said dapat dibahagikan kepada empat kelompok: 1. Guru Agama, 2. Kadi 3. Pengarang 4. Tabib. Sebagai seorang ulama, Muhammad Said membuka pengajian sistem pondok dan penadahan pelbagai kitab di rumahnya di Titi Bakong, Yan, Kedah. Ramai orang berkunjung ke rumahnya setiap hari, siang dan malam. Murid-muridnya selain daripada Titi Bakong juga datang dari tempat-tempat lainnya. Bahkan ada yang datang dari Sumatera Utara terutama dari Mandailing.

Kemungkinan Muhammad Said dilantik menjadi kadi adalah atas kehendak Syeikh Wan Sulaiman. Isteri Muhammad Said yang pertama bernama Che' Dun adalah anak saudara Syeikh Wan Sulaiman. Muhammad Said pernah menjadi kadi di beberapa daerah, antaranya di Kuala Nerang, Kuala Muda dan Yan. Nampaknya Muhammad Said lebih yakin kehidupan wira swasta atau berdikari daripada bekerja sebagai kadi. Oleh itu beliau mohon berhentidaripada pekerjaan itu.

Manfaat

Pada zaman Muhammad Said, perubatan melalui doktor moden belumlah banyak seperti sekarang. Oleh itu ilmu tabib tradisional Islam dan Melayu dimanfaatkan oleh beliau untuk hidup berwira swasta. Muhammad Said mampu mengubati pelbagai penyakit dengan menggunakan tumbuh-tumbuhan yang berkhasiat, akar kayu, daun kayu, pembuatan minyak untuk disapu, makjun dan lain-lain. Wirid-wirid yang termaktub dalam al-Quran dan doa-doa juga digunakan. Ramai orang yang mengidap penyakit berhasil disembuhkannya. Ada juga yang tidak sembuh, yang demikian sama saja antara perubatan tradisional dengan perubatan moden. Akidah Islam mengajarkan kita bahawa ketentuan sembuh atau tidak adalah dengan izin Allah belaka, bukan manusia yang menentukannya.

Selain aktiviti yang tersebut di atas, Mathba'ah Al-Ahmadiyah Singapura pernah menyenaraikan dalam beberapa buah buku terbitannya bahawa Muhammad Said bin Penghulu Muhammad Thaiyib, Alor Bakong, Yan, Kedah termasuk salah seorang agen penjual buku-buku terbitan syarikat itu. Dari sini dapat diambil kesimpulan bahawa beliau adalah seorang yang aktif dalam keseluruhan aspek yang ada hubungannya dengan penulisan dan penerbitan.

PENULISAN

1. Anak Kunci, diselesaikan 5 Zulhijjah 1332 Hijrah. Kandungan pelajaran adab untuk kanak-kanak. Muhammad Said telah membaca karya tersebut di hadapan

- Syeikh Muhammad Khaiyat, Syeikh al-Islam Kedah pada zaman itu, dan ulama besar bangsa Arab itu memuji karya tersebut. Cetakan ulangan dimuat secara keseluruhan dalam Ath-Thabib, juzuk yang pertama, cetakan pertama Tian Tek Printers, Alor Setar, Kedah, 1374 Hijrah, halaman 10 - 14.
2. Buah Putik Bagi Kanak-Kanak Pada Permulaan Tumbuhnya. Judul ini beliau sebut dalam karyanya Ath-Thabib, juzuk yang pertama, katanya ``... peringatan kemudian daripada hamba telah tulis dan sudah cap kepada Anak Kunci yang tersebut itu, kemudian hamba pun karangkan pula sambungannya, hamba namakan dia Buah Putik Bagi Kanak-Kanak Pada Permulaan Tumbuhnya. Dan sudahlah hamba cap akan dia kali yang pertama banyaknya seribu naskah. Sekarang ini sudah habis ...''
 3. Adabul Katib, juzuk yang pertama, tahun 1335 Hijrah/1917 Masihi. Pada halaman depan dinyatakan kandungannya bahawa pada menyatakan adab menulis dan rencana surat-surat kirim syair- syair. Pada halaman pertama dan kedua terdapat taqriz atau pujian-pujian daripada Muhammad Ihsan bin Haji Abdul Mannan, ulama Surabaya dan Haji Muhammad bin Muhammad Ali, ulama Sambas. Kata-kata pemberi semangat da-ripada ulama Sambas itu termaktub, ``Mudah-mudahan dengan sebab kerajinan dan jasa Tuan pada mengadakan beberapa karangan bertimbunan pula kelak beberapa laki-laki Melayu berusaha bagi mengadakan karangan- karangan supaya memberi faedah dan jadi pengenalan bagi roh kanak-kanak bangsa benih Islam.'' Pada mukadimah Muhammad Said, perhatian diberikan terhadap bahasa Melayu yang sudah mulai diabaikan daripada ucapan dan penulisan yang betul. The Critarian Press Limited, Pulau Pinang, 1335 Hijrah/1917 Masihi.
 4. Punca Kesukaan, juzuk yang pertama, diselesaikan 1336 Hijrah/1918 Masihi. Pada halaman depan dinyatakan kandungannya bahawa ``pada bicara khutbah nikah dengan bahasa Jawi, dan kaedah surat panggilan, dan nasihat pengajaran.'' Pada halaman akhir terdapat dua bait syair bahasa Arab oleh Haji Abdullah Pak Him. Cetakan pertama The Critarian Press Limited, Pulau Pinang, 1336 Hijrah/1918 Masihi.
 5. An-Nashihah Asy-Syabaniyah, diselesaikan 1343 Hijrah/1921 Masihi. Kandungannya membicarakan wirid malam Jumaat. Cetakan pertama The Teruna Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 1355 Hijrah.
 6. Majalah Nun, diselesaikan pada hari Selasa, 11 Syaaban 1344 Hijrah/23 Februari 1926 Masihi. Majalah ini hanya mampu bertahan hingga bulan November 1932 Masihi.
 7. Ath-Thabib, juzuk yang pertama, diselesaikan pada bulan Muharam 1374 Hijrah. Kandungannya dimulai dengan mukadimah oleh pengarangnya dengan disambung kata pujian daripada Haji Abdullah Pak Him. Sekali gus Muhammad Said menjelaskan identiti Haji Abdullah Fahim, katanya, ``Ini sepucuk surat pujian daripada Tuan Guru Besar al-Fadhil Tuan Haji Abdullah Pak Him al-Makki yang jadi guru Mursyid ath-Thalibin di dalam Madrasah al-Ulya al-Idrisiah as-Sultaniah yang didirikan di dalam benua Kuala Kangsar, di Bukit Candan ...'' Ia mencerminkan hubungan kekeluargaan dan kemesraan Haji Abdullah Fahim memanggil Muhammad Said dengan `adinda' dan sebaliknya

Muhammad Said memanggil Haji Abdullah Fahim dengan `kekanda'. Muhammad Said menterjemahkan tulisan Haji Abdullah Fahim daripada bahasa Arab ke Melayu, katanya, ``... telah saya lihat dan baca kepada makna-makna perkataan yang ada tersebut di dalam ini majalah yang keluar akan dia oleh satu orang yang mempunyai ghairah cemburu di atas jenis bangsanya ...'' Pandangan Haji Abdullah Fahim pula, ``Maka sangatlah dukacita sekiranya tiada menaruh sudi pada menerima ini majalah oleh anak watan bangsa tanah air kita. Dan Tuhanlah juga kiranya memberi hidayah petunjuk kepada sebetul-betul jalan.'' Cetakan pertama Tian Tek Printers, Alor Setar, Kedah, 1374 Hijrah.

KEKELUARGAAN

Diriwayatkan bahawa Muhammad Said sepanjang hayatnya pernah berkahwin enam kali. Perkahwinan pertama dengan Che' Dun, anak saudara Syeikh Wan Sulaiman. Daripada perkahwinan ini beliau memperoleh enam orang anak. Perkahwinan kedua dengan Hajah Aisyah binti Haji Kecik, memperoleh seorang anak lelaki, Haji Ismail. Perkahwinan ketiga kalinya di Kuala Muda dengan Che' Lin, memperoleh seorang anak perempuan. Perkahwinan keempat di Pulau Pinang dengan Che' Aisyah, tidak memperoleh anak. Perkahwinan kelima dengan Hajah Aisyah berasal dari Kampung Tok Keling, Alor Setar, tidak memperoleh anak. Perkahwinan keenam dengan Hajah Latifah, berasal dari Tandop, Alor Setar. Sewaktu Muhammad Said meninggal dunia, yang masih bersamanya hanyalah isteri yang keenam ini. Ada pun isteri-isteri yang lain ada yang meninggal dunia mendahului beliau dan ada juga yang bercerai ketika beliau masih hidup.

Muhammad Said adalah seorang yang teguh mengikut ajaran Islam. Oleh itu dalam lingkungan keluarga, bersama isteri, anak-anak dan cucu-cucunya sangat ditekankan melakukan sembahyang berjemaah bersama beliau. Diriwayatkan bahawa Muhammad Said adalah seorang yang warak. Setiap kali selesai mengerjakan sembahyang beliau membaca wirid yang banyak, doa yang panjang dengan penuh khusyuk dan syahdu serta bercucuran air mata membasahi mukanya.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Imam Haji Mursyidi - Tokoh pentadbir Islam Sarawak

Imam Haji Mursyidi - Tokoh pentadbir Islam Sarawak

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DI DALAM ruangan Agama, Utusan Malaysia, terbitan 29 Mac 2004, Seksyen 3, halaman 9 telah diperkenalkan riwayat Syeikh Usman, seorang ulama besar yang

berasal dari Sarawak. Kali ini diperkenalkan pula titihan keilmuan ulama Sarawak itu, yang dimaksudkan di sini ialah Datuk Hakim Imam Abang Haji Mursyidi bin Abang Haji Nuruddin bin Datuk Bandar Bolhasan. Nasab dari sebelah ibunya pula, bahawa ibunya bernama Dayang Aisyah binti Abang Pata bin Temenggong Marsal.

Abang Mursyidi dilahirkan di tengah-tengah Bandar Kuching, iaitu dekat Masjid India, Jalan Gambir, Kuching. Kerana beliau dilahirkan berhampiran dengan tempat peribadatan Islam, maka tidak diragukan bahawa Abang Mursyidi sejak kecil lagi telah berjinak-jinak dan mesra dengan tatacara hidup tradisi umat Islam. Dengan demikian ia membentuk keperibadiannya sepanjang hayat hinggalah beliau menemui ajalnya. Abang Mursyidi lahir pada tahun 1294 Hijrah/1877 Masihi, wafat pada hari Ahad, 29 Jamadilawal 1358 Hijrah/16 Julai 1939 Masihi.

PENDIDIKAN

Abang Mursyidi melanjutkan pengajiannya di Mekah. Dipercayai beliau belajar kepada beberapa orang ulama yang mengajar di Masjidul Haram, Mekah terutama Syeikh Usman bin Abdul Wahhab Sarawak kerana sama-sama berasal dari tempat yang sama.

Abang Mursyidi juga sempat mengikuti pelajaran yang diberikan oleh guru kepada gurunya, Syeikh Usman bin Abdul Wahhab Sarawak seperti Syeikh Ahmad al-Fathani, Sayid Bakri Syatha dan lain-lain. Beliau belajar kepada ulama-ulama yang tersebut dipercayai di bawah dua orang ketua tela`ah, iaitu Syeikh Usman bin Abdul Wahhab Sarawak dan Tok Kenali Kelantan.

Ulama yang telah diceritakan riwayatnya di dalam ruangan ini yang sebaya dengan Abang Mursyidi (lahir 1294 Hijrah/1877 Masihi), yang sama-sama belajar di Mekah ialah Syeikh Muhammad Sa'id, Negeri Sembilan (lahir 1292 Hijrah/1875 Masihi), Haji Abu Bakar bin Haji Hasan Muar, Johor (lahir pada tahun 1292 Hijrah/1875 Masihi), Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani (1293 Hijrah/1876 Masihi), Haji Muhammad Sa'id Yan, Kedah (lahir 1294 Hijrah/1877 Masihi), Haji Umar Besut (lahir 1295 Hijrah/1878 Masihi).

Memperhatikan tahun kelahiran ulama-ulama yang tersebut, maka yang benar-benar sama tahun lahir dengan Abang Mursyidi Sarawak ialah Haji Muhammad Sa'id Yan, Kedah. Kedua-duanya lahir pada tahun 1294 Hijrah/1877 Masihi.

Abang Mursyidi ketika di Mekah lebih banyak belajar kepada Syeikh Usman bin Abdul Wahhab Sarawak (lahir 1281 Hijrah/1864 Masihi) dan ulama-ulama sebaya dengannya, antaranya ialah Syeikh Daud bin Mustafa al-Fathani (lahir 1283 Hijrah/1866 Masihi), dan ramai lagi.

Selain belajar kepada dua orang ulama dunia Melayu yang sebaya umurnya, Abang Mursyidi juga belajar kepada ulama dunia Melayu yang lebih tua, yang sangat

masyhur namanya ialah Syeikh Muhammad Mukhtar bin Atarid Bogor (lahir 1278 Hijrah/1862 Masihi). Beliau juga belajar kepada ulama-ulama bangsa Arab, antaranya Syeikh Muhammad Sa'id Babshail, Mufti Mazhab Syafie di Mekah pada zaman itu.

AKTIVITI

Setelah memperoleh ilmu-ilmu teras keIslaman di Mekah, Abang Mursyidi pulang ke Kuching. Peringkat awal kepulangannya, beliau dilantik menjadi imam, khatib dan guru agama. Ketiga-tiga jawatan itu dilaksanakannya di Masjid India, iaitu masjid kawasan yang berdekatan kelahirannya.

Sebagai seorang guru agama di masjid, di surau dan di rumah, Abang Mursyidi nampaknya belum begitu puas, lalu dalam tahun 1917 Masihi dilanjutkannya dengan mendirikan sebuah madrasah yang dinamakan dengan Al-Madrasatul Mursyidiyah.

Madrasah yang diasaskan oleh Abang Mursyidi tersebut merupakan madrasah pertama di Kuching, bahkan yang pertama di negeri Sarawak. Nama Mursyidiyah diberikan adalah sempena nama Abang Mursyidi, namun beliau adalah seorang warak yang tidak suka menonjolkan diri, senantiasanya mengelakkan diri daripada riyak, barangkali kerana itulah tindakan beliau selanjutnya menukar nama madrasah tersebut daripada Al-Madrasatul Mursyidiyah menjadi Al-Madrasatul Islamiyah.

Untuk lebih memperkemas pendidikan Islam bagi kaum perempuan, Abang Mursyidi bersama dua orang sahabatnya, Datuk Petinggi Abang Haji Abdullah dan Abang Haji Bolhasan telah berhasil mendirikan tempat pendidikan itu. Tempat pendidikan perempuan dalam bidang al-Quran, akidah, fikah dan lain-lain pengetahuan Islam asasi yang mereka dirikan itu dikenali dengan nama Sekolah Kajang.

Aktiviti Abang Mursyidi sebagai seorang Datuk Hakim, dirikan bermula pada 23 Februari 1925. Dalam masa yang sama dilantik juga sebagai Supreme Council dan Council Negeri. Kemudian diangkat pula dengan gelar Datuk Imam pada 1 Julai 1932. Dilantik menjadi pengadil darjah yang keempat pada 1 Ogos 1933.

Beliau menjadi ahli jawatan Lembaga Peperiksaan bagi pegawai-pegawai tinggi kerajaan pada 26 September 1936. Memperhatikan maklumat tersebut bererti Abang Mursyidi adalah seorang ulama yang sangat aktif dalam seluruh sektor aktiviti kepentingan pentadbiran dan kemajuan kerajaan negeri Sarawak pada zamannya.

Selain aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas, Abang Mursyidi bersama beberapa orang ulama di Sarawak menubuhkan Majlis Syuyukhil Islami. Kemudian pada 1 Mei 1955 nama itu bertukar menjadi Majlis Agama Islam Sarawak. Mereka yang dianggap sebagai pengasas pertubuhan tersebut ialah Datuk Hakim Imam Haji Mursyidi sebagai pencetus idea dan sebagai ketua pertubuhan. Sebagai anggota ialah Mufti

Abang Haji Nawawi, Tuan Haji Burhan, Abang Haji Julaihi, dan Tuan Haji Muhammad Saleh.

Langkah Abang Mursyidi dalam memperjuangkan pendidikan Islam dan lain-lain kepentingan Islam dan suku kaum Melayu di Sarawak dalam zaman penjajah Inggeris ketika itu adalah dipandang sangat bijak yang tidak akan ditemui pada peribadi yang tidak bertanggungjawab terhadap agama Islam yang dianutnya, negeri kelahiran dan bangsanya.

Walaupun Abang Mursyidi adalah Datuk Imam dan Datuk Hakim, kemungkinan kedudukan yang tertinggi untuk orang Islam dan Melayu di bumi Sarawak yang sedang dijajah oleh Inggeris ketika itu, namun beliau tidak mengabaikan dan melalaikan tanggungjawabnya sebagai ulama penyebar ilmu mengajar di masjid dan madrasah yang diasaskannya.

MURID-MURIDNYA

Ramai murid Datuk Hakim Imam Mursyidi yang menjadi ulama dan tokoh di Sarawak. Mereka adalah generasi penerus penyebaran Islam. Sama ada murid-murid Datuk Hakim Imam Haji Mursyidi sendiri atau pun murid-murid Al-Madrasatul Islamiyah yang beliau asaskan menurunkan murid yang ramai pula, sambung bersambung sampai sekarang ini.

Bererti pahala amal jariyah untuk Datuk Hakim Imam Haji Mursyidi berjalan terus kerana ilmu bermanfaat yang disebarkan dan madrasah tempat belajar ilmu yang diwakafkan.

Antara murid Datuk Hakim Imam Mursyidi yang sempat penulis temui berulang kali (tahun 1976 di Johor Bahru, terakhir di Kuching, tahun 2003) ialah Haji Atailah bin Syeikh Zainuddin as-Sarawaqi.

Beliau adalah cucu Syeikh Usman Sarawak yang sangat terkenal itu. Daripada Tuan Haji Atailah, penulis banyak memperoleh maklumat tentang ulama Sarawak terutama datuknya Syeikh Usman Sarawak dan Haji Mursyidi yang diriwayatkan ini.

Ada hal menarik yang masih dalam penelitian penulis, bahawa antara orang yang terdekat hubungan dengan Datuk Hakim Imam Haji Mursyidi adalah seorang ulama yang berasal dari Sarawak bernama Haji Muhammad Saleh Sarawak. Penulis belum dapat memastikan apakah pada zaman yang sama terdapat beberapa orang ulama Sarawak yang bernama Haji Muhammad Saleh atau hanya seorang.

Diriwayatkan bahawa Haji Muhammad Saleh (belum diketahui nama orang tuanya) turut bersama Datuk Hakim Imam Haji Mursyidi mengasaskan Majlis Syuyukhil Islami atau yang kemudian dinamakan Majlis Islam Sarawak. Haji Muhammad Saleh ini belum diketahui secara jelas apakah murid beliau atau pun sahabatnya.

Ada lagi yang bernama Haji Muhammad Saleh Arif, beliau benar-benar murid Datuk Hakim Imam Haji Mursyidi. Haji Muhammad Saleh Arif diriwayatkan adalah seorang ulama yang suka merantau dan pernah sampai ke Sambas, Kalimantan Barat.

Dengan maklumat di atas, penulis masih tertanya-tanya, kerana adalagi se-orang ulama Sarawak bernama Haji Muhammad Saleh yang hidup sezaman dengan Datuk Hakim Imam Haji Mursyidi yang menyebarkan Islam di Kalimantan Barat. Haji Muhammad Saleh ini sangat terkenal, merantau dan menguasai penyebaran Islam di beberapa tempat yang berjauhan, dan meninggalkan keturunan pula. Tempat-tempat Haji Muhammad Saleh Sarawak pernah mengajar yang pernah penulis jejak ialah Pontianak, Ketapang, Sintang, Semitau dan Sungai Bundung (Mempawah).

Oleh kerana terkenalnya ulama Sarawak itu, maka penulis pernah berjalan kaki mulai Sambas, Seluas, memasuki Jagoi Babang ke Serikin seterusnya sampai Kuching awal tahun 1970. Maklumat yang diperoleh di Kuching tentang beliau tidak seimbang dengan jerih payah merentas sungai dan jalan kaki yang demikian jauh.

KEKELUARGAANNYA

Datuk Hakim Imam Haji Mursyidi mempunyai 8 orang adik beradik; Abang Ikram, Abang Saad, Abang Asnawi, Abang Haji Azhari, Abang Juwaini, Datuk Hakim Imam Abang Haji Mursyidi, Dayang Jinu dan Dayang Atut.

Beliau mendirikan rumah tangga beberapa kali dan meninggalkan anak dan zuriat. Perkahwinan yang pertama dengan Dayang Yong binti Abang Haji Matusin bin Patinggi Gapur, memperoleh seorang anak, Abang Fadail. Setelah isteri yang pertama meninggal dunia, Abang Mursyidi berkahwin lagi dengan Dayang Hafidah dan memperoleh 8 orang anak; Abang Zainurin, Abang Muhammad Zain, Abang Syafi'ie, Abang Usman, Dayang Munah, Abang `Abdul Malik, Dayang Minah dan Dayang Diyun. Setelah Dayang Hafidah (isteri kedua) meninggal dunia, Abang Mursyidi berkahwin pula dengan Dayang Siah tetapi tiada memperoleh anak.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Umar Cik Ahmad - Tuan Guru Besut Terengganu

Umar Cik Ahmad - Tuan Guru Besut Terengganu

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah
 Nama lengkapnya Haji Umar bin Cik Ahmad bin Cik Wan Abdul Lathif bin Cik Wan Cik bin Cik Wan Jat bin Cik Wan Abdul Lathif bin Cik Jenal bin Cik Hamat bin Cik Wan. Beliau berasal dari Patani dan dilahirkan di Besut pada tahun 1295

Hijrah/1878 Masihi, lebih muda sedikit daripada Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, Syeikh al-Islam Selangor (1293 Hijrah/1876 Masihi - 1375 Hijrah/1956 Masihi), yang telah dikisahkan dalam Ruangan agama, Utusan Malaysia sebelum ini. Beliau meninggal dunia di Kampung Raja, Besut, pada hari Selasa pukul 2.30 petang, 5 Zulhijjah 1360 Hijrah/23 Disember 1941 Masihi.

Pada namanya terdapat istilah `Cik Wan' atau dulunya ditulis dengan `Che' Wan' yang merupakan satu istilah keturunan bangsawan Patani yang berhak memerintah negeri. Istilah `Cik Wan' adalah berbeza dengan istilah `Wan' sahaja, walau pun sebenarnya masih termasuk dalam lingkungan satu kekeluargaan. `Wan' adalah lupus haknya untuk menjadi raja dalam Patani. Jadi ulama yang diceritakan ini merupakan keturunan raja Patani yang mempunyai hak untuk memerintah dalam Patani.

Daripada datuk nenek ulama inilah yang mencetuskan nama `Besut', yang sekarang berada dalam kerajaan Terengganu. Bermula ceritanya bahawa Cik Wan melarikan diri belayar menuju ke sebelah Timur melintasi beberapa kuala. Akhirnya beliau berhenti di sebuah Pulau Ru yang berhadapan sebuah kuala, iaitu paling penghabisan dalam bahasa Patani disebut `sut', ertinya tidak ada lagi sesudahnya, maka dinamakanlah kuala itu dengan Kuala Sut, lama kelamaan berubah menjadi Kuala Besut.

Cik Wan yang berasal dari Patani meninggal dunia dalam peperangan. Kuburnya dijumpai di Pengkalan Kubor, Kuala Besut. Kubur tersebut merupakan kubur yang tertua di Kuala Besut. Demikianlah riwayat ringkas datuk nenek Tuan Guru Haji Umar yang sekali gus merupakan gambaran awal kerajaan Besut dan ulama-ulama yang berada di dalamnya.

PENDIDIKAN

Umar memperoleh pendidikan asas dari lingkungan keluarga sendiri. Pendidikan al-Quran dan ilmu-ilmu asas yang lain beliau pelajari daripada ayah saudaranya Haji Ibrahim, adik beradik ayahnya. Ayahnya Haji Ahmad mempunyai sembilan adik beradik. Haji Ibrahim adalah yang paling alim dalam keluarga mereka, beliau pula sempat belajar kepada ulama besar Besut yang terkenal iaitu Syeikh Wan Hasan Besut bin Wan Ishaq al-Fathani. Syeikh Wan Hasan Besut adalah murid Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Dari sini mempunyai silsilah dan sanad pelbagai ilmu Islam yang bersambung hingga yang lebih atas.

Sebelum Umar melanjutkan pelajaran di Mekah, beliau terlebih dulu memasuki salah sebuah pengajian pondok di Kelantan. Ketika di Mekah beliau di bawah bimbingan Tok Kenali, Tok Bacuk dan Tok Kemuning yang membolehkan beliau mengikuti pelajaran kepada Syeikh Ahmad al-Fathani.

Oleh sebab Syeikh Ahmad al-Fathani mengajar orang-orang yang telah memperoleh ilmu yang banyak, maka Umar belajar kepada guru-guru yang lebih muda atau peringkat murid Syeikh Ahmad al-Fathani. Oleh itu Umar lebih banyak belajar kepada Syeikh Daud bin Mustafa al-Fathani (Tok Cik Wan Daud), Syeikh Umar Sumbawa, Syeikh Muhammad Mukhtar bin `Atharid Bogor, dan ramai lagi.

AKTIVITI

Setelah Umar memperoleh pelbagai bidang ilmu di Mekah, beliau pulang ke Besut. Dalam tahun 1326 Hijrah/1908 Masihi, beliau membuka pondok pengajian di Kampung Palembang, iaitu sebuah kampung yang ramai dikunjungi orang pada zaman itu kerana tempat itu merupakan pelabuhan.

Sistem pengajian pondok Umar adalah seragam dengan pengajian-pengajian pondok lainnya, sama ada di Patani mahu pun dengan tempat-tempat lain di seluruh Semenanjung. Pengetahuan Islam sama ada yang berbahasa Melayu/Jawi mahu pun bahasa Arab adalah sangat ditekankan dalam pondok beliau.

Ada pun kitab-kitab Melayu/Jawi yang diajarkan terutama karangan guru-guru beliau atau karangan guru daripada guru beliau, di antaranya dalam bidang akidah ialah Faridatul Faraid karya Syeikh Ahmad al-Fathani, ad-Durruts Tsamin karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan lain-lain. Mengenai fikah pula ialah Wusyahul Afrah, Mathla'ul Badrain, kedua-duanya karya Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani dan lain-lain. Ilmu tasawuf ialah Hidayatus Salikin karya Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani.

Pengajian kitab-kitab Melayu/Jawi selain diajarkan kepada pelajar-pelajar pondok juga diikuti oleh masyarakat kampung. Walau bagaimanapun untuk pelajar-pelajar pondok lebih diutamakan kitab-kitab bahasa Arab. Kitab-kitab bahasa Arab yang beliau ajar di pondoknya mulai daripada yang paling rendah hinggalah yang besar-besar, di antaranya ialah: Fathul Qarib, Fathul Mu'in, I' anatuth Thalibin. Ketiga-tiganya adalah mengenai fikah. I' anatuth Thalibin adalah karya Syeikh Abu Bakar Syatha, kitab tersebut ditashhih oleh Syeikh Ahmad al-Fathani. Kedua-dua ulama itu adalah guru beliau. Kitab-kitab fikah dalam Mazhab Syafie peringkat tinggi juga diajarkan oleh Umar, kitab-kitab itu ialah Minhajut Thalibin, Fathul Waahhab dan Mahalli.

Kitab-kitab mengenai bahasa Arab, nahwu dan sharaf merupakan mata pelajaran yang dianggap wajib. Di antara yang diajarkan ialah: Matan `Awamil al-Jurjani, Matan al-Ajrumiyah, Mukhtashar Jiddan, Qathrun Nada, Kaukabud Durriyah dan Tashilu Nailil Amani. Tashilu Nailil Amani adalah karangan gurunya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Daripada kitab-kitab asas ilmu nahwu yang tersebut akan membolehkan kepada kitab-kitab yang besar-besar yang juga diajarkan oleh Tuan Guru Haji Umar di pondok pengajiannya.

Umar Besut selain berkemampuan mengajar kitab-kitab akidah, fikah, nahwu, sharaf dan lain-lain, beliau juga mengajar kitab-kitab tasawuf. Di antara kitab tasawuf yang pernah diajarnya ialah Minhajul `Abidin karangan Imam al-Ghazali. Selain mengajar Minhajul `Abidin yang berbahasa Arab, beliau juga mengajar Minhajul `Abidin bahasa Melayu terjemahan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Walaupun ada orang menafikan Tuan Guru Haji Umar Besut mengamalkan sesuatu Thariqat Shufiyah, namun menurut keterangan Ustaz Muhammad bin Abdur Rahman (Kampung Raja Besut), beliau telah menemukan catatan bahawa Tuan Guru Haji Umar Besut pernah mentalqinkan Thariqat Sammaniyah. Yang ditalqinkan Thariqat Sammaniyah itu ialah Haji Cik Man Banggul (Imam Tua Banggul) dan Haji Sulaiman bin Haji Ibrahim. Haji Sulaiman adalah salah seorang murid Tok Kenali. Haji Sulaiman adalah ayah saudara kepada Ustaz Muhammad bin Abdur Rahman yang tersebut. Selain Thariqat Sammaniyah ternyata Tuan Guru Haji Umar Besut juga mengamalkan Shalawat Dalail al-Khairat. Kitab Shalawat Dalail al-Khairat pernah diamal oleh tuan guru itu yang tercatat ijazah daripada gurunya juga ada dalam simpanan Ustaz Muhammad bin Abdur Rahman. Dalam catatan pula bahawa setiap malam Jumaat Tuan Guru Haji Umar Besut mengadakan halaqah zikir yang dimulakan dengan bacaan Al-Asma' Al-Husna. Daripada keterangan yang tersebut, tidak diragui bahawa Tuan Guru Haji Umar Besut adalah juga mengamalkan sesuatu Thariqah Shufiyah seperti ulama-ulama yang lain juga.

Selain yang tersebut di atas dalam peristiwa khilafiyah yang dibangkitkan oleh Mufti Haji Wan Musa Kelantan, ulama Besut bernama Tuan Guru Haji Muhammad bin Husein Besut dan Tuan Guru Haji Umar Besut termasuk dalam barisan ulama yang tidak sependapat dengan Mufti Haji Wan Musa Kelantan itu. Tuan Guru Haji Muhammad bin Husein Besut telah menyanggah pendapat Mufti Haji Wan Musa Kelantan itu dalam sebuah tulisannya bertarih malam Isnin, 29 Syawal 1334 Hijrah. Sebelum sanggahan itu dikirim kepada Mufti Haji Wan Musa Kelantan, ulama Besut itu telah bermuzakarah dengan Tuan Guru Haji Umar Besut yang diriwayatkan ini.

KETURUNAN DAN MURID-MURID

Umar Besut berkahwin sebanyak dua kali. Perkahwinan yang pertama dengan saudara sepupunya bernama Hajah Khadijah, memperoleh tiga orang anak. Perkahwinan kedua dengan Hajah Wan Sa'idah binti Haji Wan Muhammad. Haji Wan Muhammad ini adalah Mufti Perak Darul Redzuan yang pertama. Usia Hajah Wan Sa'idah sekarang sudah hampir seratus tahun. Beliau menetap di Kampung Raja, Besut. Penulis sempat menemubual beliau (8 Mac 2004). Banyak cerita menarik diperoleh daripadanya. Di antaranya sewaktu beliau ke Mekah yang pertama bersama ayahnya, beliau mengenali Syeikh Ahmad al-Fathani dan Syeikh Nur al-Fathani. Kedua-dua ulama itu menurutnya sangat banyak keistimewaannya.

Perkahwinan Umar Besut dengan Hajah Wan Sa'idah binti Haji Wan Muhammad memperoleh anak enam orang. Di antaranya ialah Ustaz Haji Abdul Aziz. Beliau ini pernah berkahwin dengan anak Nik Mustafa Fadhil bin Datuk Nik Mahmud, Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan (tokoh yang pernah diceritakan dalam Ruangan Agama Utusan Malaysia sebelum ini). Ustaz Haji Abdul Aziz adalah seorang penulis buku-buku untuk sekolah menengah kerajaan dan sekolah menengah agama di Kelantan.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Haji Muhammad Nur - Kadi Kerajaan Langkat

Haji Muhammad Nur - Kadi Kerajaan Langkat

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DALAM Persidangan Antarabangsa Melayu Kedua, 15 - 20 Ogos 1989, saya diberikan kepercayaan oleh Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia, menulis nota biografi beberapa orang ulama dunia Melayu untuk dipamerkan dalam persidangan itu. Dari sekian ramai pengunjung pameran salah seorang di antaranya ialah seorang pemuda, cucu ulama yang dibicarakan ini. Pemuda ini telah menyerahkan kepada saya riwayat hidup ulama ini serta beberapa buah gambar yang dianggap penting.

Paparan riwayat ulama yang dibicarakan ini adalah merupakan gabungan catatan tahun 1989 dan karangan yang diserahkan kepada saya bulan Julai 2004. Pemuda tersebut bernama Shahrir bin Mohd Kamil bin Haji Muhammad Nur Ismail. kepadanya diucapkan ribuan terima kasih.

Apabila kita membicarakan ulama Langkat maka terlebih dulu perlu dicatat bahawa pada zaman yang sama ada dua orang ulama bernama Muhammad Nur Langkat. Yang seorang sebagai Mufti Kerajaan Langkat dan yang seorang menjadi Kadi Kerajaan Langkat. Kedua-duanya adalah ulama besar dan seperguruan di Mekah. Yang diriwayatkan dalam artikel ini ialah yang menjadi kadi.

Nama lengkapnya ialah Haji Muhammad Nur bin Haji Ismail. Ayah dan ibunya berasal dari Minangkabau, Sumatera Barat. Haji Muhammad Nur juga lahir di Minangkabau dalam tahun 1296 H/1879 M. Beliau meninggal dunia di Kampung Baru, Kuala Lumpur, pada hari Rabu, 18 Zulhijjah 1362 H/15 Disember 1943 M, dalam usia 65 tahun. Dikebumikan di Perkuburan Islam Ampang, Kuala Lumpur.

Haji Muhammad Nur mendapat pendidikan awal dari ayahnya sendiri Ismail al-Minangkabawi. Ayahnya itu adalah termasuk salah seorang pembesar di Kerajaan Langkat. Setelah banyak memperoleh ilmu dari ayah dan ulama-ulama di Langkat, Haji Muhammad Nur dihantar ke Mekah untuk lebih mendalami pelbagai bidang ilmu.

Haji Muhammad Nur belajar di Mekah sekitar 10 tahun. Walau pun, para ulama yang menjadi gurunya telah banyak kali saya sebut dalam tulisan-tulisan yang terdahulu. Di sini, saya kekalkan kerana ditulis oleh Shahrir bin Mohd Kamil, cucu Haji Muhammad Nur dari hasil penyelidikannya. Ulama-ulama yang disebut oleh Shahrir bin Mohd Kamil guru kepada datuknya itu ialah Syeikh Wan Ahmad al-Fathani, Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi, Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, Syeikh Wan Ali Kutan, Syeikh Mukhtar bin `Atharid Bogor, dan Syeikh Usman Sarawak.

Setelah menyebut barisan ulama yang berasal dari dunia Melayu, Shahrir bin Mohd Kamil menyebut pula para ulama Arab yang pernah menjadi guru kepada Haji Muhammad Nur Langkat, mereka ialah Syeikh Muhammad Said Babshail (Mufti Mazhab Syafie), Syeikh Muhammad bin Yusuf Khaiyath, Syeikh `Umar Bajunid dan Syeikh Muhammad Sa'id al-Yamani.

Amalan

Haji Muhammad Nur Langkat ketika di Mekah juga menerima amalan Tarekat Naqshabandiah. Diriwatkan juga bahawa sejak berada di Mekah hingga ke akhir hayatnya, Haji Muhammad Nur Langkat berkekalan mengamalkan selawat dan seluruh wirid yang termaktub dalam Lum'atul Aurad karya Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan al-Kalantani.

Shahrir bin Mohd Kamil juga menyebut nama para sahabat Syeikh Muhammad Nur bin Ismail Langkat ketika di Mekah ialah; Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Hasan Maksom Deli, Syeikh Sulaiman ar-Rasuli Bukit Tinggi, Dr. Abdul Karim Amrullah (ayah Prof. Hamka), Kiyai Haji Hasyim Asy'ari (datuk kepada Gus Dur, bekas Presiden Indonesia), Tok Kenali, Tok Kelaba, Syeikh Abdullah Fahim (datuk kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia sekarang), Syeikh Wan Sulaiman (Syeikhul Islam Kedah) dan sekalian ulama Melayu yang menuntut di Masjidil Haram pada akhir kurun ke 19 dan awal kurun ke 20.

Aktiviti

Setelah 10 tahun di Mekah, Haji Muhammad Nur pulang ke Sumatera. Kepulangannya telah diketahui oleh Sultan Langkat, iaitu Sultan Abdul Aziz ibni Sultan Musa. Sultan Abdul Aziz tersebut adalah termasuk salah seorang murid Syeikh Ahmad al-Fathani. Oleh itu merupakan sahabat seperguruan dengan Haji Muhammad Nur. Sultan Abdul Aziz, Sultan Langkat melantik Haji Muhammad Nur menjadi Kadi Kerajaan Langkat Bahagian Hulu. Ketika itu Mufti Kerajaan Langkat adalah dipegang oleh sahabat beliau bernama Syeikh Muhammad Nur, serupa nama dan sama-sama mengaji di Mekah.

Sewaktu Haji Muhammad Nur menjadi Kadi Kerajaan Langkat mulai muncul istilah Kaum Tua dan Kaum Muda. Haji Muhammad Nur bin Ismail (Kadi), Syeikh Muhammad Nur

(Mufti), dan ulama-ulama Langkat lainnya, masih tetap bertahan dengan pegangan Kaum Tua.

Sebaliknya, beberapa orang sahabatnya seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Abdul Karim Amrullah, dan lain-lainnya adalah penyebar dan tokoh Kaum Muda. Seperti di negeri-negeri lain, di Kerajaan Langkat juga terjadi beberapa siri perdebatan antara Kaum Tua dan Kaum Muda. Haji Muhammad Nur bin Ismail sebagai seorang kadi sekali gus adalah merupakan benteng yang kukuh mempertahankan mazhab Syafie dan Akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah dari semua jurusan serangan Kaum Muda.

Di samping tugasnya sebagai kadi, Haji Muhammad Nur bin Ismail juga aktif mengajar putera dan puteri dalam Kerajaan Langkat. Dalam pengajaran yang disampaikan Haji Muhammad Nur mengutamakan ilmu-ilmu asas; tauhid, fikh, tasawuf, nahu, saraf dan pelbagai ilmu Islam yang lainnya.

Selain mengajar di Langkat, setelah beliau pindah ke Kuala Lumpur, sahabatnya Tengku Mahmud Zuhdi yang ketika itu sebagai Syeikh al-Islam Selangor, memberi tugas kepada beliau mengajar di beberapa tempat di Kuala Lumpur di antaranya di Masjid Jamik, di Kampung Baru, dan tempat-tempat lainnya.

Muridnya

Murid Haji Muhammad Nur bin Ismail boleh dikatakan ramai juga. Di antara sekian ramai muridnya yang sangat terkenal termasuk tokoh besar Indonesia dan Malaya (sekarang Malaysia).

1. Haji Zainal Ariffin Abbas, beliau adalah pengarang buku-buku agama termasuk dalam jumlah yang banyak. Di antara karangannya Peri Hidup Rasulullah s. a. w, yang merupakan sirah Nabi Muhammad s. a. w. yang paling lengkap dan ilmiah dalam bahasa Indonesia. Kemunculannya bersama-sama dengan tokoh-tokoh terkenal seperti Hamka, Mahmud Yunus, Haji Abu Bakar Aceh, Kiyai Haji Sirajuddin Abbas dan lain-lain.
2. Al-Ustaz Haji Abdul Halim Hasan
3. Haji Abdul Rahim Haitami
4. Syeikh Abdullah Afifuddin, ulama terkenal di Langkat.
5. Tengku Amir Hamzah, ialah seorang pujangga, penyair Melayu yang sangat terkenal pada awal abad ke 20.
6. Tengku Fakhrudin, 1885 - 1937, beliau ini adalah Ketua Majlis Syar'ie Kerajaan Serdang pada awal abad ke 20. Merujuk tulisan T. Jafizham SH, bahawa Tengku Fakhrudin belajar kepada Haji Muhammad Nur mulai awal sekali, ialah ilmu-ilmu nahu, sharaf, tauhid, fikh, ushul fiqh, balaghah, tafsir, hadis, dan sebagainya.
7. Ulama-ulama di Sumatera Timur.

Haji Zainal Ariffin Abbas, Ustaz Haji Abdul Halim Hasan dan Haji Abdul Rahim Haitami pernah mengarang bersama dan menghasilkan terjemahan dan tafsir al-Quran pada tahun 1355 H/1936 M.

Karya-Karyanya

Haji Muhammad Nur juga menghasilkan beberapa buah karangan yang ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab. Walau bagaimanapun karya yang baru dijumpai hanya dua buah, iaitu;

1. Ilmoe Tashauwoef, diselesaikan di Medan, Sumatera Utara, pada pagi Isnin 15 Syawal 1357 H/7 Disember 1938 M. Kandungan merupakan petikan dari dua buah kitab Ihya' `Ulumiddin karya Imam al-Ghazali dan Mau' izhatul Mu'min karya Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi ad-Dimasyqi. Diterbitkan oleh Boekhandel Islamyah, Medan, dicetak dalam tulisan Rumi/ Latin, ejaan lama.
2. Puasa, diselesaikan di Kampung Baru, Kuala Lumpur pada Jumaat, 9 Rejab 1360 H/1 Ogos 1941 M. Kandungan membicarakan puasa dan zakat. Diterbitkan dalam tulisan Melayu/Jawi, tanpa menyebut nama pencetak dan cetakan.

Selain mengarang, Haji Muhammad Nur bin Ismail juga ahli membuat minyak dan jamu. Sebelum tahun 1927 sudah terkenal dengan nama Jamu Cap Payung di Sumatera Timur dan Tanah Melayu. Sekarang masih berada di pasaran dengan nama Minyak Mirat.

Keturunan

Haji Muhammad Nur mengalami dua kali perkahwinan.

Perkahwinan yang pertama dengan Juriah binti Muhammad berasal dari Kota Tinggi, Johor, tidak mempunyai anak. Manakala, perkahwinan kedua dengan Hajah Nafiah binti Haji Abdur Rauf bin Tok Engku Syeikh Haji Muhammad Yusuf Minangkabau dikurniakan seramai 8 orang anak:

1. Muhammad Kamil, salah seorang pejuang kemerdekaan Indonesia dan Malaya. Beliau pernah menjadi Ketua Umum Persatuan Indonesia Merdeka di Malaya (1946 - 1948). Meninggal dunia di Kampung Baru, Kuala Lumpur, pada 3 Safar 1396 H/3 Februari 1976 M.
2. Hajah Halimah Nur, Pengasas Sekolah Taman Pendidikan Islam (TAPIS) di Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Tokoh ini terkenal sekitar tahun 1950 an hingga 1960 an. Meninggal dunia di Jakarta pada hari Isnin, 26 Safar 1424 H/28 April 2003 M.
3. Abdullah Kamil, beliau ini juga seorang pejuang kemerdekaan. Beliau bersama-sama dengan Ibrahim Ya'qub, Ishak Haji Muhammad, Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ahmad Boestamam dan Raja Haji Muhammad Yunus Ahmad pernah mengasaskan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Selain itu, Abdullah Kamil juga

melibatkan diri dalam kewartawanan. Di antara akhbar yang pernah ditanganinya ialah Pengarang Akhbar Perwata Deli, Majlis Berita Malaya dan Semangat Asia. Beliau juga pernah menjadi Duta Republik Indonesia ke PBB. Meninggal dunia di Jakarta pada 11 Julai 1991.

4. Ahmad Imran, meninggal dunia di Kuala Lumpur pada 16 Disember 1991.
5. Abdul Hadi Nur, juga seorang pejuang kemerdekaan. Beliau pernah menjadi Setiausaha Agung Persatuan Indonesia Merdeka (1945 - 1949), wartawan Mimbar Umum (1947 - 1948) dan Times of Indonesia (1953-1959). Meninggal dunia di Jakarta.
6. Haji Usman Nur
7. Hajah Rahmah
8. Ahmad Ismet Nur

Keturunan daripada lapan orang anaknya itu dipercayai bahawa Haji Muhammad Nur mempunyai keturunan yang ramai dan bertebaran sekurang-kurangnya di Indonesia dan Malaysia.

Sebagai penutup inilah suatu pesan, bahawa ``orang-orang yang berpegang kepada Islam sentiasa berusaha berhubungan silaturahmi terutama terhadap sanak saudara keluarga dekatnya.’’

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Haji Rasul Amrullah tokoh tajdid Nusantara

Haji Ra sul A mru llah tok oh t ajdi d Nu sant ara

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

PADA bulan Januari 2006 genap dua tahun tulisan saya tentang ulama dunia Melayu disiarkan dalam ruangan agama Utusan Malaysia. Artikel pertama disiarkan pada Khamis 19 Februari 2004. Sehingga hari ini jumlah ulama yang telah diperkenalkan ialah seramai 95 orang. Hingga terbitan hari ini hanya tiga orang ulama Kaum Muda atau Tajdid diperkenalkan.

Dua tokoh tajdid (pembaharuan) yang diperkenalkan sebelum ini ialah Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syed Syeikh al-Hadi. Tujuan saya memperkenalkan tokoh-tokoh Kaum Tua dan Kaum Muda bukan bererti memperlihatkan diri berpihak, tetapi lebih kepada memaparkan sejarah.

Ulama yang diperkenalkan kali ini nama asalnya ialah Muhammad Rasul. Namanya nama yang terkenal ialah Dr. Syeikh Abdul Karim bin Amrullah. Beliau lahir pada hari Ahad, 17 Safar 1296 H/10 Februari 1879 M di Kepala Kebun, Betung Panjang, Negeri Sungai Batang, Manjinjau, Dalam Luhak Agam, Minangkabau, Sumatera Barat.

Pendidikan

Sejak berumur tujuh tahun, ayah dan ibunya telah memerintahkan beliau mendirikan sembahyang dan puasa pada bulan Ramadan. Selanjutnya pada usia 10 tahun, ayah saudaranya, Haji Abdus Samad membawanya ke Sibalantai, Tarusan, Painan belajar al-Quran daripada Tuanku Haji Hud dan Tuanku Pakih Samnun. Buya Hamka menyebut bahawa setahun kemudian beliau pulang ke Sungai Batang, lalu diajarkannya menulis Arab (maksudnya tulisan Melayu/Jawi, pen:) daripada Adam anak Tuanku Said.

Pada usia 13 tahun beliau mulai belajar ilmu nahu dan saraf daripada ayahnya, Syeikh Amrullah. Ayahnya menghantarnya belajar ke Sungai Rotan, Pariaman, menuntut ilmu daripada Tuanku Sutan Muhammad Yusuf. Kemudian Syeikh Amrullah sendiri membawa anaknya Muhammad Rasul itu ke Mekah untuk mendalami pengetahuannya dengan ulama-ulama Mekah pada zaman itu. Ketika belajar di sana, usia Muhammad Rasul sekitar lingkungan 16 ke 17 tahun iaitu pada tahun 1312 H/1894 Masihi.

Buya Hamka dalam buku Ayahku menyebut nama guru-guru Haji Rasul ialah Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau, Syeikh Abdullah Jamidin, Syeikh Utsman Sarawak, Syeikh Umar Ba Junaid, Syeikh Saleh Ba Fadhal, Syeikh Hamid Jeddah dan Syeikh Sa'id Yaman.

Tulis Buya Hamka selanjutnya, "Dan pernah juga belajar kepada Syeikh Yusuf Nabhani, pengarang kitab Al-Anwarul Muhammadiyah. Syeikh ini jadi terkenal kerana dia benci kepada Syeikh Muhammad Abduh! (Karangan-karangannya itu besar pengaruhnya di kalangan ulama-ulama tua di Indonesia, sehingga payah menghapuskannya)." (Lihat Ayahku, hlm. 59.)

Daripada sumber Buya Hamka di atas, hanya dua orang ulama yang berasal dari dunia Melayu menajdi guru ayah beliau Haji Rasul Amrullah di Mekah iaitu Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau dan Syeikh Utsman Sarawak. Tetapi yang saya kumpulkan daripada pelbagai sumber, Haji Rasul Amrullah Minangkabau juga belajar daripada ulama-ulama Melayu yang terkenal di Mekah ketika itu, di antara mereka ialah Syeikh Muhammad Ismail al-Fathani, Syeikh Wan Ali al-Kalantani dan Syeikh Ahmad al-Fathani.

Tulisan Buya Hamka yang menyebut bahawa ayah beliau "pernah juga belajar daripada Syeikh Yusuf Nabhani", bagi saya, masih belum jelas kerana Syeikh Yusuf Nabhani itu adalah ulama di Beirut. Saya belum menemui riwayat bahawa Syeikh Yusuf Nabhani pernah mengajar di Mekah. Kemungkinan juga Haji Rasul Amrullah pernah mendatangi dan belajar daripada Syeikh Yusuf Nabhani di Beirut. Tidak terdapat keterangan lanjut baik daripada Buya Hamka mahupun dalam tulisan orang lainnya.

Memperhatikan tahun kelahiran Haji Rasul Amrullah (1296 H/1879 M), tahun beliau belajar di Mekah ialah antara tahun 1312 H/1894 M hingga musim haji tahun 1323 H/Januari/Februari 1906 M dan beliau pulang ke Minangkabau pada Muharam 1324 H/Februari/Mac 1906 M. Daripada tarikh itu maka dapatlah kita bandingkan dengan beberapa orang ulama yang berasal dari dunia Melayu yang agak berdekatan tahun kelahiran dan sempat belajar dengan guru-guru yang sama di Mekah. Mereka ialah Syeikh Muhammad Sa'id Linggi (lahir 1292 H/1875 M), Kadi Haji Abu Bakar Hasan Muar, Johor (lahir 1292 H/1875), Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani (lahir 1293 H/1876 M), Syeikh Abdul Hamid Mahmud Talu, Minangkabau (lahir 1298 H/1880 M) dan masih ramai lagi.

Mereka adalah golongan Kaum Tua, kecuali Haji Rasul Amrullah yang diriwayatkan ini saja dalam golongan Kaum Muda. Sebenarnya jika disimpulkan, kitab-kitab yang dipelajari Haji Rasul Amrullah daripada semua gurunya adalah kitab-kitab Kaum Tua juga, seperti kitab Fat-h al-Mu'in, Tafsir Jalalain dan lain-lain. Saya belum menjumpai riwayat bahawa beliau pernah belajar kepada tokoh Kaum Muda, kecuali beliau hanya belajar daripada Syeikh Tahir Jalaluddin. Lain halnya dengan Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani, dan Syeikh Basiyuni Imran (Maharaja Imam Sambas) yang ketiga-tiganya adalah murid Syeikh Muhammad Abduh dan Saiyid Rasyid Ridha di Mesir.

Jadi pengetahuan Haji Rasul Amrullah adalah berdasarkan pembacaan kitab-kitab karangan Ibnu Taimiyah, Ibnu Qaiyim, Syeikh Muhammad Abdul Wahhah dan terakhir sekali ialah karangan Syeikh Muhammad Abduh dan karangan Saiyid Rasyid Ridha terutama Tafsir al-Manar. Riwayatnya menunjukkan beliau tidak belajar daripada ulama Kaum Muda, tetapi kepada ulama Kaum Tua, belajar kitab-kitab Kaum Tua, namun akhirnya hanya melalui pembacaan menjadi tokoh Kaum Muda yang dapat kita bandingkan dengan Mufti Haji Wan Musa Kelantan.

Mengenai sambutan kepulangan Haji Rasul ke negerinya, Buya Hamka menulis, "Belum lama di rumah, orang dalam negeri, termasuk Laras sendiri mengadakan peralatan melantik Syeikh Amrullah bergelar "Tuanku Nan Tuo" dan Haji Rasul diberi gelar "Tuanku Nan Mudo". Meraikannya disembelih beberapa ekor kerbau dan dipanggil tuanku-tuanku dari keliling danau untuk turut menyaksikan." (Lihat Ayahku, hlm. 61.)

Kegembiraan Tuan Kisa-i (Syeikh Amrullah) atas kepulangan anak beliau Haji Rasul yang membawa ilmu tiada dapat kita bayangkan, tetapi kegembiraan itu rupanya bertukar menjadi sebaliknya kerana jalan pemikiran dalam pegangan Islam antara ayah dengan anak sangat jauh berbeza.

Dari segi ini Buya Hamka mencerminkan kejujuran beliau menulis tentang ayah dan datuknya itu. Kata beliau, "Kedatangan di kampung disambut dengan gembira oleh ayahnya dan orang kampung, baik kalangan lebai-lebai atau kalangan ninik-mamak. Tetapi kegembiraan itu akhirnya akan kecewa juga ... Syeikh Ahmad Khatib juga

seorang sufi, tetapi beliau tidak menyetujui cara tarekat yang memakai kaifiat-kaifiat yang bidaah-bidaah itu. Padahal Syeikh Amrullah sendiri adalah Syeikh Thariqat Naqsyabandi." (lihat Ayahku, hlm. 61.)

Kita tidak dapat menggambarkan bagaimana pergolakan dalaman antara ayah dengan anak yang terjadi sebenarnya, kerana belum terdapat tulisan orang lain yang membicarakan perkara itu. Saya kagum terhadap Buya Hamka. Dia seorang yang sangat bijaksana, beliau cukup faham ada perkara yang perlu diketahui oleh umum untuk dijadikan iktibar dan ada pula yang tidak perlu disebarkan kepada umum.

Buya Hamka cukup beradab dan berbudi bahasa untuk menceritakan sesuatu yang menyentuh darah dan daging beliau sendiri. Tentang Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau menganggap "memakai kaifiat-kaifiat yang bidaah-bidaah" adalah bidaah yang disebut oleh Buya Hamka itu. Ia sebenarnya telah ditentang oleh beberapa orang ulama yang berasal dari Minangkabau sendiri. Di antara yang dipandang paling hebat ialah Syeikh Muhammad Sa`ad Mungka.

Bahkan sangat ramai murid Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau tetap istiqamah mengamalkan tarekat di antaranya ialah Syeikh Khathib Ali bin Abdul Muthalib al-Khalidi an-Naqsyabandi, penyusun kitab Miftah ad-Din, termasuk Syeikh Sulaiman ar-Rasuli, murid Syeikh Ahmad Khatib juga mengamalkan tarekat.

Buya Hamka membahagikan karangan ayahnya kepada beberapa jenis. Yang ditulis pada peringkat awal mulai tahun 1908 M hingga tahun 1923 M, jumlahnya ada 15 judul. Yang dikarang setelah beliau mengikut Kongres Islam di Mesir ditulis mulai tahun 1928 M hingga tahun 1943 M, ada 11 judul. Namun ada dua judul terakhir tidak terdapat tahun penulisan. Buya Hamka menulis, "Karangan-karangannya itulah yang menjadi "soal besar" dan "membuat ribut" dalam zamannya."

Pada waktu itulah keluar kefahamannya yang ganjil-ganjil dan "moden" sehingga beliau dicap Kaum Muda dan menggoncangkan masyarakat Minang 30 tahun yang lalu." (30 tahun yang lalu dihitung ketika Buya Hamka menulis buku tersebut, iaitu tahun 1950. Tetapi hingga sekarang bererti sudah lebih 80 tahun, pen:). Buya Hamka menulis selanjutnya, "Sehingga buku-buku itu dilarang dibaca dalam kerajaan Melayu: Johor, Pahang, Perak, Kelantan, Terengganu, Perlis, Selangor, dan Negeri Sembilan. Sebab menyebarkan bibit Kaum Muda!" (Lihat Ayahku, hlm. 222.) Saya belum mengetahui sampai di mana benarnya tulisan Buya Hamka itu kerana beliau masukkan Perlis juga melarang karangan-karangan ayah beliau, sedangkan negeri Perlis sendiri dikatakan orang adalah satu-satunya negeri Kaum Muda di Semenanjung Melayu.

Kemungkinan di Minangkabau telah hangat pertikaian antara Kaum Tua dan Kaum Muda tetapi di Perlis ketika itu para ulamanya masih berpegang dengan fahaman Kaum Tua.

Dalam simpanan saya terdapat beberapa bukti bahawa Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau marah kepada muridnya Haji Rasul Amrullah. Sewaktu terjadi polemik antara Haji Rasul Amrullah dengan Syeikh Hasan Maksum, Medan, tentang "Ushalli", Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau menulis sepucuk surat berpihak kepada muridnya Syeikh Hasan Maksum (Kaum Tua) dan menolak fahaman Haji Rasul Amrullah.

Sewaktu Syeikh Saad Mungka dalam perkara yang sama (Ushalli) menyalahkan Haji Rasul Amrullah, ada orang melaporkan kepada Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau di Mekah. Ternyata Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau tidak menyokong Haji Rasul Amrullah. Pada konteks ini Buya Hamka menulis, "Maka datanglah balasan dari Mekah! Syeikh Ahmad Khatib rupanya agak marah kepada ayahku, mengapa soal itu dibuka. Lalu beliau menguatkan lebih baik juga Ushalli dipakai. Demi menerima serangan daripada Syeikh Saad Mungka dan penyesalan daripada gurunya yang sangat dihormatinya, bertambah tersinggunglah perasaannya."

Serangan Syeikh Saad Mungka tambah mendorongnya buat mempersiapkan diri, dan penyesalan gurunya menambahkan ragunya, mengapa maka gurunya yang mendidiknya selama ini bebas berfikir telah menghambat kebebasan berfikir itu. Jawabnya kepada gurunya sangat hormat." (Lihat Ayahku, hlm. 280.)

Kebebasan

Mengenai kebebasan berfikir perlulah dibimbing daripada wahyu Allah, hadis Nabi s.a.w. ijmak, dan kias serta etika dalam menyebarkannya. Tidak semestinya kita berpendapat bahawa pemikiran kita saja yang benar, kerana sangat ramai orang selain kita juga berfikir. Apabila terjadi pertikaian pendapat yang bertentangan antara dua golongan, saya berpendapat, terdapat tiga rumusan.

Pertama: masih dalam kemungkinan yang satu adalah betul dan yang satu lagi adalah salah. Kedua: yang sudah pasti, tidak mungkin kedua-duanya adalah betul. Ketiga: masih ada kemungkinan kedua-duanya adalah salah.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Fakhruddin al-Falimbani - Ulama Kesultanan Palembang Darus Salam

Fak hru d in al -Fal imba ni - Ula ma Kes ulta nan Pa lemb ang Da rus Sal am

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

FAKTA untuk menjejaki ulama yang berasal dari Palembang ini ialah sebuah manuskrip karya beliau yang selesai ditulis pada 16 Syaaban 1297 H/24 Julai 1880 M, selanjutnya disebut MS 1731 (PMM-PNM). Tarikh tersebut saya jadikan bukti bahawa saya tidak sependapat dengan beberapa pendapat yang menyebut bahawa usia Kemas Fakhruddin lebih tua daripada Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani.

Menurut penyelidikan saya, Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani lebih dulu menghasilkan karya, iaitu, Zahrah al-Murid tahun 1178 H/1764 M dan Risalah Nikah tahun 1179 H/1764 M. Pada hari Ahad, 8 Rabiulawal 1421 H/11 Jun 2000 M, sewaktu saya ke Ranai, Pulau Natuna/Bunguran Timur saya peroleh sebuah karya besar Kemas Fakhruddin berjudul Futuh asy-Syam, jilid pertama.

Kitab Futuh asy-Syam tersebut dicetak dengan huruf batu (litografi) milik Datuk Kaya Wan Husein, Datuk Kaya Bunguran/Natuna di Ranai. Kitab tersebut diserahkan kepada saya oleh cucunya, Urai Nurseha binti Urai Utsman di rumahnya di Ranai pada hari dan tarikh seperti tersebut di atas. Oleh sebab kitab tersebut hanya dijumpai jilid pertama, maka belum diketahui tahun selesai penulisan dan nama tempat mencetak juga tidak jelas.

PERBANDINGAN TAHUN

Berdasarkan informasi, manuskrip Futuh asy-Syam yang lengkap dapat dikesan tersimpan di School of Oriental and African Studies (Universiti London) dengan nombor kelas MS 11505. Sebagaimana telah saya sebutkan bahawa Futuh asy-Syam cetakan huruf batu (litografi) yang dijumpai di Pulau Natuna belum diketahui tarikhnya. Namun, kerana dapat dikesan manuskripnya yang bernombor kelas MS 11505 ada dinyatakan tarikh, iaitu diselesaikan pada hari Jumaat, bulan Safar 1183 H/Jun 1769 M, maka dirasakan perlu membuat analisis perbandingan.

Di atas telah saya sebutkan sebuah naskhah MS 1731 (PMM-PNM) karya Syeikh Kemas Fakhruddin yang diselesaikan pada 16 Syaaban 1297 H/24 Julai 1880 M. Memperhatikan jarak tahun pengkaryaan antara tahun 1183 H dengan 1297 H yang bererti sekitar 114 tahun, bererti ulama yang berasal dari Palembang tersebut berusia sangat panjang. Atau kemungkinan terjadi kekeliruan penulisan tahun yang diberikan. Atau kemungkinan terdapat dua orang ulama bernama Kemas Fakhruddin di Palembang.

Jika kita dapat menerima tahun yang diberikan oleh Dr. Aryumardi Azra bahawa Syeikh Fakhruddin hidup antara tahun 1133 H/1719 M - 1177 H/1763 M, ini bererti Syeikh Fakhruddin hanya berusia 44 tahun. Dengan perbandingan ini bererti bertambah sukar mencari data yang tepat tentang Syeikh Kemas Fakhruddin. Dengan diperoleh tahun penulisan Futuh asy-Syam, 1183 H/1769 M, ternyata juga ia tidak lebih dahulu daripada kedua-dua karya Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, Zahrah al-Murid tahun 1178 H/1764 M dan Risalah Nikah tahun 1179 H/1764 M. Daripada pelbagai informasi ada diriwayatkan bahawa karya-karya Syeikh Kemas Fakhruddin dihasilkan atas permintaan Sultan Susuhunan Ahmad Najamuddin Adi Kesumo (1171 H/1758 M-1190 H/1776 M).

Penulisan

Jika kita perhatikan tahun penulisan Futuh asy-Syam, 1183 H/1769 M, bererti memang dalam masa pemerintahan Sultan Susuhunan Ahmad Najamuddin Adi Kesumo, tetapi di Futuh asy-Syam MS 11505 terdapat catatan bahawa ``atas kehendak Pangeran Ratu ibni Paduka Seri Sultan Ahmad Najamuddin Kerajaan Palembang Darul Ihsan''. Ini sangat meragukan kerana dalam pemerintahan Palembang terdapat lagi nama Sultan Ahmad Najamuddin Pangeran Ratu yang memerintah tahun 1234 H/1819 M-1236 H/1821 M dan Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom yang memerintah 1236 H/1821 M-1238 H/1823 M.

Ada pun penulisan MS 1731 (PMM-PNM), 1297 H/1880 M, adalah bukan pada zaman pemerintahan Sultan Susuhunan Ahmad Najamuddin Adi Kesumo (1171 H/1758 M - 1190 H/1776 M), tetapi tahun yang berdekatan ialah pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Najamuddin Pangeran Ratu (1234 H/1819 M-1236 H/1821 M) dan Sultan Ahmad Najamuddin Prabu Anom (1236 H/1821 M-1238 H/1823 M). Penulisan MS 1731 (PMM-PNM), 1297 H/1880 M bererti terjadi pada tahun kesultanan Palembang telah dimansuhkan oleh Belanda (pemansuhan terjadi tahun 1825 M). Daripada hal-hal yang tersebut di atas saya berkesimpulan bahawa masih sukar menentukan tahun-tahun kehidupan Syeikh Kemas Fakhrudin yang sedang dibicarakan ini, walau pun beliau telah menghasilkan karangan yang cukup memadai.

SENARAI KARYA DAN KETERANGAN

Informasi karya-karya Syeikh Kemas Fakhrudin berdasarkan tulisan Salman Aly setakat ini baru diketahui empat buah. Sungguh pun demikian bagi saya dua buah di antaranya masih belum jelas sebagai karyanya, yang akan dijelaskan sebagai berikut di bawah ini:

1. Tuhfah az-Zaman fi Zharfi Ahli al-Yaman. Kitab ini dikatakan karya Syeikh Kemas Fakhrudin disebut oleh Salman Aly. Walau bagaimana pun manuskrip judul ini yang tersimpan di Perpustakaan Bodleian Universiti Oxford MS. Malay ternyata nama penterjemah tidak terdapat. Oleh itu masih diragukan sebagai karya Syeikh Kemas Fakhrudin.

Mengenai tahun selesai penulisan ada catatan dinyatakan di Palembang tahun 1175 H/1761 M. Karya ini bererti mendahului karya Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani berjudul Zahrah al-Murid (1178 H/1764 M) sekitar tiga tahun. Manuskrip setebal 324 halaman di atas kandungan keseluruhannya ialah mengenai ilmu falakiah / astronomi. Pada mukadimah digubah puisi dalam bahasa Melayu, adalah sebagai berikut: ``Bahawa ini kitab ramal namanya, karangan Syeikh Syaddadiyah namanya Negeri Yaman tempat kediamannya, telah masyhurlah di dalam zamannya Tersurat ia pada hari Jumaat, pada bulan Safar ketika Zuhrah. Seribu seratus diperhijrah, tujuh puluh lima tarikh Nubuwah. Adalah yang menyurat kitab ini, faqir yang hina dalam negeri. Daripada surat ibni as-Sulthani, Pangeran Ratu negeri Falimban. Hai sekalian orang `arif yang ikhwan, jika dikau lihat maknanya bersalahan. Perbaiki olehmu supaya bayan, kepada yang thalib berteman kesukaan. Kerana

Pangeran sangat bebalnya, belum tahu pada bahasa Arabnya. Melayu pun lagi belum didapatnya, daripada sangat berkehendak padanya.’’

2. Khawash al-Quranil `Azhim. Salman Aly menulis, ``... sebuah kitab yang penuh kutipan-kutipan al-Quran terutama yang berkenaan dengan nilai-nilai luhur. Kitab yang ditulis pada tahun 1769 ini dianggap oleh van Ronkel sebagai sebuah karya terjemahan dari Tamimi’’. Saya memiliki sebuah manuskrip yang tersebut ini yang diperoleh di Pontianak pada 17 Ramadan 1420 H/20 Disember 1999 M. melalui Rahmatillah dan Muhammad Safar yang diperoleh di persekitaran istana kesultanan Pontianak.

Benar

Pendapat Salman Aly di atas masih belum dapat diterima sepenuhnya kerana pada manuskrip tersebut tidak terdapat nama Syeikh Kemas Fakhruddin sebagai penterjemahnya. Yang dapat disepakati ialah kandungannya memang benar membicarakan fadhilat-fadhilat ayat-ayat dalam al-Quran. Mulai penulisan 1183 H/1769 M. Bererti dalam tahun yang sama dengan penulisan Futuh asy-Syam. Pada mukadimah dinyatakan bahawa kitab ini diterjemahkan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu adalah disuruh oleh Paduka Seri Ratu Ahmad Najamuddin. Karya asal disusun oleh asy-Syeikh al-Imam al-’Alim al-Hakim al-Fadhil Ahmad bin Muhammad at-Tamimi Radhiyallahu `anhu.

3. Futuh asy-Syam, 1183 H/1780 M, kandungannya merupakan hikayat lengkap peperangan yang dilakukan oleh para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. sehingga berhasil menakluk negeri Syam. Keseluruhan kandungannya merupakan petikan daripada karangan Syeikh Abu Abdullah Muhammad bin Umar al-Waqidi (lahir 130 H/747 M, wafat 207 H/823 M). Halaman akhir jilid pertama ditutup dengan kalimat, ``Syahdan kemudian daripada perang Hamash ini, maka iaitu menyambutkanlah waqi’ah perang tempat yang bernama Yarmuk. Maka di dalam perang itu, iaitu terlalu besar. Dan perang Yarmuk apabila tampaklah beberapa kelebihan dan ketinggian agama Islam dan tampaklah beberapa mukjizat Rasulullah Shallallahu alaihi kemudian daripada wafatnya di dalam perang. Inilah nyata shadaqal Quran al-’Azhim ... Dan perang inilah hampir-hampir habis kekuatan ahli Rum adanya’’. Kalimat terakhir daripada keseluruhan judul ini ditulis dalam bentuk puisi:

``Selesai kitab Futuh asy-Syam tersebut, pada bulan Safar, pada malam Jumaat.

Seribu seratus daripada hijrat, delapan puluh tiga tarikh Nubuwat

Dan adalah yang menyurat kitab ini, yang bernama Kemas Fakhruddini.

Dengan disuruh Pangeran Ratu ibni Paduka Seri Sulthan Ahmad Najamuddini.

Yang duduk di atas Kerajaan Negeri Palembang Jawi Darul Ihsan’’.

4. Mukhtashar Fat-hir Rahman, 16 Syaaban 1297 H/1879 M.

KEKELUARGAAN KEMAS

Sekian banyak tulisan yang telah saya baca mengenai Syeikh Kemas Fakhruddin maka tidak seorang pun menyebut nama orang tua ulama Palembang tersebut, demikian juga keturunannya. Yang pasti istilah `Kemas' barangkali digunakan untuk golongan kaum bangsawan yang berasal dari Palembang.

Beberapa orang ulama Palembang yang menggunakan istilah `Kemas' untuk namanya, di antaranya ialah: Kiyai Haji Kemas Muhammad Azhari (Kiyai Pedatukan), Kiyai Haji Kemas Abdur Rahman (Kiyai Delamat), Kemas Muhammad bin Ahmad dan ramai lagi. H. Rusdhy Cosim dalam Sejarah Kerajaan Palembang dan Perkembangan Hukum Islam menulis nama Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani juga meletakkan istilah `Kemas' pada awal nama. Saya berkesimpulan kemungkinan Syeikh Kemas Fakhruddin memang ada pertalian dekat dengan semua ulama Palembang yang layak diletakkan istilah `Kemas' pada awal namanya itu.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Uthman Jalaluddin Penanti menguasai pelbagai bidang ilmu

Syeikh Uthman Jalaluddin Penanti menguasai pelbagai bidang ilmu

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

MURID Tok Kenali Kelantan yang menjadi ulama besar yang terkenal memang ramai. Syeikh Utsman Jalaluddin Penanti al-Kalantani termasuk salah seorang di antara mereka. Perjuangan jihad keilmuan Syeikh Utsman Jalaluddin Penanti, sama ada dalam penerapan di ruangan mengajar mahu pun menyebarkan pengkaryaan tulisan mempunyai sistem yang tersendiri. Jika kita menoleh ke belakang sewaktu mencari ilmu itu sendiri Utsman Jalaluddin mempunyai pengalaman yang berbeza dari orang lain.

Nama lengkap beliau ialah Syeikh Utsman Jalaluddin Penanti bin Muhammad bin Abdus Shamad al-Kalantani, lahir di Kampung Panjang, Daerah Sering, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1297 H/1880 M. Ada riwayat lain menyebut bahawa beliau lahir tahun 1300 H/1882 M dan wafat di Mekah, hari Jumaat, 30 Zulhijjah 1371 H/19 September 1952 M. Saya berpendapat, kelahiran tahun 1300 H/1882 M adalah yang dapat dipegang kerana menurut riwayat, Utsman Jalaluddin sama tua dengan sahabatnya, Syeikh Ismail bin Abdul Qadir al-Fathani atau Pak De `El, yang lahir tahun 1300 H/1882 M.

Sewaktu masih berada di Kelantan, Utsman Jalaluddin belajar kepada Haji Jamal di Perupok. Selanjutnya belajar kepada Mufti Haji Wan Muhammad bin Tuan Tabal. Utsman Jalaluddin melanjutkan pelajarannya di Mekah dan bermukim di sana mulai tahun 1319 H/1901 M. Pada tahun tersebutlah Utsman Jalaluddin bersahabat dengan Pak De `El al-Fathani.

Kedua-duanya termasuk golongan murid termuda Syeikh Ahmad al-Fathani. Walau bagaimana pun, kedua-duanya duduk dalam majlis pengajian dengan orang-orang yang lebih tua, di antara mereka ialah Tok Kenali.

Syeikh Utsman Jalaluddin al-Kalantani dan Pak De `El al-Fathani, sempat belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani hanya sekitar tujuh tahun sahaja, kerana Syeikh Ahmad al-Fathani meninggal dunia pada tahun 1325 H/1908 M. Walau pun masih ramai guru beliau di Mekah selain, Syeikh Ahmad al-Fathani, namun Syeikh Utsman Jalaluddin akhirnya pulang ke Kelantan dan belajar kepada Tok Kenali.

Syeikh Utsman Jalaluddin kahwin dengan Hajah Sara binti Haji Muhammad Saleh bin Syeikh Jalaluddin al-Kalantani. Mengenai datuk pada Hajah Sara, iaitu Syeikh Jalaluddin bin Muhammad Yusya' bin Abdul Ghafur al-Kalantani. (Rujuk Bahagian Agama, Utusan Malaysia, terbitan hari Isnin, 13 September 2004, Seksyen 3, halaman 9.)

Hendaklah diperhatikan bahawa Hajah Sara (isteri Syeikh Utsman Jalaluddin) neneknya juga bernama Hajah Sara (isteri Syeikh Jalaluddin bin Muhammad Yusya' bin Abdul Ghafur al-Kalantani). Hajah Sara binti Haji Muhammad Tahir al-Fathani adalah adik-beradik dengan Haji Ibrahim (Pak Him). Haji Ibrahim (Pak Him) ini ialah ayah kepada Mufti Haji Abdullah Fahim (Mufti Pulau Pinang), iaitu datuk kepada Datuk Seri Abdullah Badawi Perdana Menteri Malaysia).

Salah seorang anak Syeikh Utsman Jalaluddin ialah Tuan Guru Haji Saleh. Pertama kali saya berjumpa Tuan Guru Haji Saleh, iaitu pada tahun 1976 dan baru-baru ini pada malam Ahad, 30 Rejab 1426 H/4 September 2005 M, beliau datang ke majlis tempat saya mengajar. Pada tarikh tersebut banyak maklumat baru saya dengar daripada Tuan Guru Haji Saleh di antaranya; ada yang dimuat dalam artikel ini. Tuan Guru Haji Saleh menceritakan bahawa beliau belajar kitab Tashil Nail al-Amani (nahu) dari ayahnya Syeikh Utsman Jalaluddin.

Syeikh Utsman Jalaluddin secara langsung bersama-sama Pak De `El al-Fathani belajar kepada penyusun kitab itu, iaitu Syeikh Ahmad al-Fathani.

Tuan Guru Haji Saleh menceritakan pula, bahawa ayahnya Syeikh Utsman Jalaluddin menceritakan Syeikh Ahmad al-Fathani adalah seorang yang sangat bijak menggubah syair dan sangat besar pengaruhnya di Mekah. Kata beliau, pernah terjadi seorang yang telah dijatuhi hukuman mati oleh Mahkamah Mekah. Keluarga yang dihukum, mengadu halnya kepada Syeikh Ahmad al-Fathani. Syeikh Ahmad menggubah syair,

dikirim kepada Sultan Turki dan Mahkamah Mekah. Akhirnya, orang yang telah jatuh hukuman mati itu tidak jadi dijatuhi hukuman mati.

Syeikh Utsman Jalaluddin Penanti al-Kalantani termasuk ulama dunia Melayu yang menghasilkan karya yang banyak ditulis dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Di antaranya ialah:

1. Tathrif al-'Arfi fi Tashrif ash-Sharf, ditulis dalam dwi bahasa, Arab dan Melayu. Diselesaikan pada 23 Zulhijjah 1354 H/1935 M. Kandungan membahas ilmu saraf. Di antara maklumat pada mukadimah Syeikh Utsman Jalaluddin mencatatkan, ``Padahal sesungguhnya telah hamba pungut akan dia daripada mutiara tashrif yang amat elok bagi guru hamba yang alim lagi yang amat dalam ilmunya, lagi menghimpun bagi beberapa fan ilmu yang bangsa kepada agama, iaitu Muhammad Yusuf yang dimasyhurkan gelarannya di seluruh tanah-tanah Melayu dengan Tok Kenali di negeri Kelantan. Yang telah diwafatkan dia pada hari Ahad, 2 Syaaban 1352 Hijrah.

Mudah-mudahan diliputi kiranya akan dia oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan rahmat-Nya yang diredhai. Dan demikian tashrif itu, ialah daripada seelok-elok peraturan pada permulaan pengajaran ilmu Arab. Dan sesungguhnya tiada hampir didapatkan seumpamanya pada masa yang kemudian, dan pada masa yang dahulu-dahulu...'' Cetakan yang pertama Mathba'ah Persama, 83 Achen Street, Penang, 1354 H. Cetakan yang kedua oleh percetakan yang sama tahun 1358 H dijadikan tiga juzuk, ialah juzuk yang pertama dan kedua dalam satu jilid, sedang juzuk yang ketiga dalam jilid yang lain.

2. Asy-Syarh al-Kabir, ditulis dalam bahasa Arab. Diselesaikan pada 16 Syaaban 1358 H/30 September 1939 M. Kandungan membahas ilmu saraf. Di halaman kulit belakang diiklankan nama-nama karya Syeikh Utsman Jalaluddin ialah: Fath al-Mu'in Arab-Melayu, jilid 1 sampai jilid 4, Tafsir Jalalain Arab-Melayu, jilid 1 dan jilid 2, Mathali' al-Anwar wa Majali' al-Azhar, jilid 1 dan jilid 2, Qiladah al-'Iqyan fi Sya'bi al-Iman, jilid 1, Mir-ah al-Iman, Miftah al-Jinan (tasawuf), Siraj al-Islam Hadits Nur Nabi, Nujum al-Muhtadin Perbahasan Kaum Muda, dan Ta'rif al-'Urfi fi `Ilmi at-Tashrif (Arab-Melayu). Dicitak oleh Mathba'ah Persama, 83 Achen Street, Penang, Ramadhan 1358 H/Oktober 1939 M

3. Ad-Durrah an-Nafi'ah fi Asyrath as-Sa'ah), kitab ini terdiri beberapa penggal. Kandungan membahas tentang tanda-tanda hari kiamat, berdasarkan al-Quran, hadis dan tafsiran para ulama yang muktabar. Cetakan yang pertama, The United Press, Pulau Pinang, tanpa dinyatakan tarikh. Pada cetakan terdapat kata pujian dari Haji Abdullah Pak Him, Mufti Pulau Pinang dan Seberang Perai, Haji Ahmad Sa'ad al-Mashri dan Haji Ahmad Tuan Husein, tarikh 2 Safar 1371 H.

Keseluruhan karya Syeikh Utsman Jalaluddin belum dapat disenaraikan semuanya dalam artikel ini, kerana saya berasa perlu mengambil data dan memperkenalkan

sebuah karya beliau yang berjudul *Anwar al-Huda wa Amthar an-Nada*. Kitab ini adalah merupakan syarah Tafsir al-Jalalain yang mengkombinasikan bahasa Arab dan bahasa Melayu. Tafsir ini disebarikan secara berjilid untuk khairat Madrasah Manabi' al-'Ulum yang diasaskan oleh pengarangnya di Penanti, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Pada halaman depan tafsir ini tertulis Syarhu Tafsir al-Jalalain. Di bawahnya dinyatakan Arab, Melayu yang dinamakan *Anwar al-Huda wa Amthar an-Nada* yang diterjemahkan di bawahnya kepada bahasa Melayu dengan ``Beberapa Cahaya Bagi Penunjuk Dan Beberapa Hujan Bagi Embun''. Sesudah itu, penyusunnya menggubah tujuh bait syair (puisi) bahasa Arab yang beliau terjemahkan kepada bahasa Melayu klasik.

Pada halaman 2 dan 3 beliau menggubah syair Arab yang panjang terdiri 29 bait, juga beliau terjemah ke dalam bahasa Melayu klasik. Syeikh Utsman Jalaluddin pada mukadimahya, memberi komentar yang panjang mengenai ilmu tafsir. Menurut beliau tentang pentafsiran al-Quran, ``Mulai daripada masa Nabi s.a.w. hingga kepada zaman yang kemudian daripada sahabat-sahabat, dan tabi'in, dan tabi'it tabi'in hingga kepada zaman `ulama' yang kemudian atas qaul yang tahqiq, yang berhubung segala sanad mereka itu kepada Nabi s.a.w. Sesungguhnya awal-awal yang menghimpunkan segala huruf tafsir itu ialah sekelian sahabat Nabi s.a.w. di dalam Mekah, dan `Atha' bin Abi Rabah dan Mujahid daripada tabi'in, dan lain-lainnya yang memindah oleh sekelian mereka itu daripada Saiyidina Abdullah bin Abbas. Yang ia memindah daripada Nabi s.a.w.'`.

Daripada kenyataan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa, ``sanad' yang bersambung sampai kepada Rasulullah s.a.w. adalah sangat penting dalam ilmu-ilmu Islam termasuk juga ilmu tafsir. Golongan yang bukan daripada golongan ulama, jika mereka mentafsirkan al-Quran adalah sukar untuk dapat diterima, kerana para ulama memberikan persyaratan yang ketat mengenai itu.

Disiplin

Syeikh Utsman Jalaluddin dalam *Anwar al-Huda* dengan memetik dari Syarh Ihya' `Ulumid Din bahawa seseorang yang akan mentafsir al-Quran mestilah menguasai sekurang-kurangnya lima belas disiplin ilmu. Ilmu-ilmu itu ialah:

1. Ilmu Lughah, 2. Ilmu Nahwu, 3. Ilmu Tashrif, 4. Ilmu Isytiqaq, 5. Ilmu Ma'ani, 6. Ilmu Bayan, 7. Ilmu Badi', 8. Ilmu Qiraat, 9. Ilmu Ushulid Din, 10. Ilmu Usul Fiqh, 11. Ilmu Asbab an-Nuzul, 12. Ilmu Fiqh, 13. Ilmu Nasikh dan Mansukh, 14. Ilmu Hadis, 15. Ilmu Ludunni.

Pada bahagian ini juga, Syeikh Utsman Jalaluddin menceritakan pandangan gurunya Tok Kenali, kata beliau, ``Syahdan adalah guru hamba al-'Alim al-'Allamah Syeikh Muhammad Yusuf Kenali, Kelantan, yang diwafatkan dia pada 2 Sya'aban, hari Ahad,

pada tahun 1352 H, beberapa kali disuruh akan dia di hadapan hamba supaya ia mentafsir akan Quran sahaja dengan ketiadaan syarah, maka ia menolak akan dia. Dan ia berkata, ``Kita bukan ahli bagi mentafsir akan Quran dengan ketiadaan syarah karena kita tiada hafaz akan huruf-huruf tafsir dan kalimahnyanya yang menerangkan maksud ... ``.

Riwayat di atas bukanlah mencerminkan Tok Kenali tidak berkemampuan dalam ilmu tafsir, tetapi adalah memperlihatkan sifat tawadhu' beliau. Sebaliknya ada orang yang tidak mendalami ilmu-ilmu Islam, tetapi terlalu ceroboh dan berani untuk mentafsirkan al-Quran hanya berdasarkan pemikiran akal semata-mata tanpa memedulikan yang telah digariskan oleh para ulama yang muktabar.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Berguru di Mekah - Syeikh Abdul Hamid tentang golongan tajdid

Ber guru di M e k a h - S y e i k h A b d u l H a m i d t e n t a n g g o l o n g a n t a j d i d

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

PADA zaman raja-raja Melayu masih berkuasa, di sekitar Sumatera Utara yang terdiri daripada beberapa kerajaan, seperti Deli, Serdang, Asahan, Binjai, Langkat dan lain-lain, sangat ramai melahirkan para ulama besar yang keilmuan dan kemasyhuran namanya menjangkau ke seluruh dunia Melayu, kerana di antara mereka juga menghasilkan kitab yang sempat beredar dengan luasnya. Di antara ulama-ulama yang berasal dari daerah tersebut seumpama Syeikh Hasanuddin bin Ma'shum @ Syeikh Hasan Ma'shum, Mufti Syeikh Muhammad Isa, Syeikh Abdul Wahhab Rokan, Syeikh Muhammad Zain Nuruddin bin Syeikh Imam Abbas al-Khalidi Batu Bahara Pasir Dahari Inderapura, Mufti Haji Muhammad Nur Langkat, Kadi Haji Muhammad Nur bin Ismail Langkat dan masih ramai lagi.

Di antara sekian ramai ulama yang berasal dari kerajaan-kerajaan tersebut termasuk juga ulama yang diriwayatkan dalam artikel ini. Nama lengkapnya ialah Syeikh Abdul Hamid bin Mahmud. Ayah dan datuk neneknya berasal dari Talu, Minangkabau. Abdul Hamid dilahirkan di Tanjung Balai Asahan tahun 1298 H/1880 M. Wafat pada hari Khamis, petang Jumaat pada 10 Rabiulakhir 1370 H/18 Februari 1951 M.

Murid-murid para ulama yang tersebutlah yang mengasaskan Jam'iyatul Washliyah, iaitu sebuah organisasi Islam yang ditubuhkan di Sumatera Utara. Jam'iyatul Washliyah berfahaman mengikut Ahlus Sunnah wal Jamaah pada pegangan akidah, Mazhab Syafie dalam fikah. Jam'iyatul Washliyah dalam pegangannya banyak persamaan dengan Persatuan Tarbiyah Islamiyah (PERTI) yang diasaskan oleh para

ulama Sumatera Barat (Minangkabau). Para ulama pengasas PERTI bersahabat dengan para ulama Sumatera Utara yang tersebut di atas kerana seperguruan di Mekah, termasuk juga Syeikh Abdul Hamid bin Mahmud Asahan.

Perlu juga saya sentuh di sini, bahawa para ulama Sumatera Utara termasuk juga Syeikh Abdul Hamid bin Mahmud Asahan dan para ulama yang bergabung dalam PERTI sangat menentang golongan tajdid/reformis, fahaman yang tidak mengikut mazhab itu dibawa ke dunia Melayu terutama di Minangkabau oleh sahabat-sahabat mereka juga. Di antara tokoh tajdid di Minangkabau ialah Dr. Haji Abdul Karim Amrullah (ayah Prof. Dr. Hamka). Beliau mendapat tentangan hebat daripada sahabatnya, Syeikh Hasan Ma'shum sahabat Syeikh Abdul Hamid bin Mahmud Asahan. Guru mereka, Syeikh Ahmad al-Fathani ketika itu telah meninggal dunia, tetapi Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi ketika itu masih hidup. Dalam peristiwa polemik antara Dr. Haji Abdul Karim Amrullah dengan Syeikh Hasan Ma'shum, ternyata Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi membenarkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Syeikh Hasan Ma'shum. Dalam satu tulisan Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi mengakui bahawa kedua-dua ulama yang seorang berasal dari Minangkabau dan yang seorang lagi berasal dari Deli itu adalah sama-sama murid beliau. Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi dalam tulisannya menyatakan juga bahawa anak beliau Haji Abdul Karim Amrullah beranggapan bahawa orang lain tidak pernah faham dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ibnu Taimiyah, padahal menurut Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi, para ulama telah meneliti beberapa karangan Ibnu Taimiyah, ternyata terdapat kelemahan-kelemahan, maka ramai golongan ulama Syafi'iyah dan ulama-ulama lainnya menolak hujah-hujah Ibnu Taimiyah itu.

PENDIDIKAN

Sejak kecil beliau belajar kepada saudara iparnya bernama Haji Zainuddin, Kadi Asahan. Sesudah itu beliau memperdalam pelbagai ilmu kepada Syeikh Hasyim Tua dan selanjutnya belajar kepada seorang ulama yang paling terkenal di Asahan ketika itu, beliau ialah Syeikh Muhammad Isa, Mufti Kerajaan Asahan di Tanjung Balai Asahan. Setelah beberapa tahun belajar kepada Syeikh Muhammad Isa, beliau menganjurkan supaya Abdul Hamid melanjutkan pelajarannya ke Mekah kerana pada firasatnya Abdul Hamid merupakan bumi yang subur untuk persemaian ilmu-ilmu yang ada pada para ulama. Ketika sampai di Mekah, beliau terus diterima belajar dalam halaqah Syeikh Ahmad al-Fathani, tetapi hanya sekitar dua tahun saja kerana Syeikh Ahmad al-Fathani meninggal dunia (1325 H/1908 M). Suasana sedih menyelubungi sekujur tubuh, zahir dan batinnya, kerana walaupun bergaul hanya sekitar dua tahun, namun rasa kasih sayang terhadap Syeikh Ahmad al-Fathani adalah sehati dan mesra ke jiwa rohaninya.

Walaupun perasaan sedih sangat sukar dihilangkan, namun Abdul Hamid tiada kehilangan pedoman. Beliau terus memasuki halaqah pengajian beberapa ulama, di antaranya ialah Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Lathif Minangkabau, Syeikh Muhammad bin Ismail @ Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani, Syeikh Wan Ali Kutan al-

Kalantani, Syeikh Daud bin Mustafa al-Fathani @ Tok Cik Wan Daud al-Fathani, dan ulama-ulama yang berasal dari dunia Melayu lainnya. Abdul Hamid juga belajar kepada beberapa ulama Arab, di antaranya ialah Sayid Abdullah az-Zawawi. Pembelajarannya terganggu disebabkan terjadi perang dunia pertama (1914 M - 1918 M). Abdul Hamid terpaksa pulang ke tanah kelahirannya Tanjung Balai Asahan.

Kemungkinan Abdul Hamid Asahan turun dari Mekah bersama gurunya Sayid Abdullah az-Zawawi dalam peristiwa diburu oleh pihak yang mengikut pegangan Muhammad bin Abdul Wahhab, bahawa Mufti Mekah Sayid Abdullah az-Zawawi bersama muridnya Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani. Sayid Abdullah az-Zawawi seterusnya ke Riau dan terakhir sekali dilantik menjadi Mufti Kerajaan Pontianak. Di antara ulama yang seangkatan dengan Abdul Hamid Asahan (lahir 1298 H/1880 M) ketika belajar di Mekah ialah Haji Muhammad Nur bin Ismail (lahir 1296 H/1879 M), Kadi Langkat yang lebih tua sekitar lebih setahun saja daripada beliau. Syeikh Muhammad Zain Nuruddin bin Syeikh Abbas al-Khalidi Batu Bahara Pasir Dahari Inderapura juga seangkatan dengan Abdul Hamid Asahan tetapi Syeikh Muhammad Zain Nuruddin tidak sempat belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani, kerana sewaktu beliau sampai ke Mekah Syeikh Ahmad al-Fathani telah meninggal dunia.

Selain seangkatan dengan kedua-dua orang ulama tersebut, Abdul Hamid Asahan juga seangkatan dengan beberapa ulama dunia Melayu yang berperanan di negeri-negeri kelahiran mereka atau di tempat-tempat lain yang ditujunya. Mereka ialah; Abu Bakar bin Hasan al-Muari (lahir 1292 H/1875 M), Syeikh Muhammad Said bin Syeikh Jamaluddin Linggi (lahir 1292 H/1875 M), Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdur Rahman al-Fathani (lahir 1293 H/1876 M), Ismail bin Abdul Majid (lahir 1293 H/1876 M), Umar bin Cik Ahmad Besut, Terengganu (lahir 1295 H/1878 M) dan masih ramai lagi.

AKTIVITI DI ASAHAN

Sekitar dua tahun selepas perang dunia pertama, tepatnya pada tahun 1916 M, Syeikh Abdul Hamid dan kawan-kawan mengasaskan Madrasah 'Ulumul 'Arabiyah, sekali gus beliau adalah sebagai mudirnya yang pertama.

Dari sehari ke sehari nama Abdul Hamid tambah masyhur dalam kerajaan Asahan, bahkan seluruh Sumatera Timur. Dalam tahun 1930 M Abdul Hamid dikirim oleh kerajaan Asahan mengunjungi Mekah dan Mesir. Di Mekah, Abdul Hamid mendapat kehormatan sebagai anggota pemeriksa Ma'ahad Su'udiyah, sebuah sekolah tinggi di kerajaan Saudi pada zaman itu.

Madrasah Ulumul Arabiyah adalah termasuk pusat pendidikan Islam penting di Asahan, bahkan termasuk di antara madrasah yang terkenal di Sumatera Utara yang seganding dengan Madrasah Islam Stabat, Langkat, Madrasah Islam Binjai, Madrasah al-Hasaniyah Medan dan lain-lain. Sangat ramai ulama besar Sumatera Utara yang belajar di madrasah-madrasah tersebut, di antara mereka yang sangat terkenal

seperti Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis (lahir Ramadan 1326 H/Oktober 1908 M, wafat 25 Jamadilawal 1392 H/6 Julai 1972 M). Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis melibatkan diri dalam banyak aktiviti, di antaranya sebagai seorang pendidik mulai daripada golongan rendah sampai yang tertinggi, menghasilkan banyak karangan dalam pelbagai bidang ilmu, tokoh yang mampu berdialog/berdebat dengan pihak Kristian dan banyak lagi. Ulama besar dan tokoh ini belajar di Madrasah Ulumul Arabiyah yang diasaskan oleh Abdul Hamid Asahan tersebut dalam tahun 1923 M - 1924 M. Dipercayai beberapa orang ulama Sumatera Utara terkenal yang seangkatan dengan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga pernah belajar kepada Abdul Hamid Asahan. Di antara mereka seperti; Zainal Arifin Abbas, Al-Ustaz Abdul Halim Hasan, Abdul Rahim Haitami dan lain-lain.

PENULISAN

Menjelang perang dunia kedua, sekitar tahun 1930an, Abdul Hamid menyelesaikan beberapa buah karangan, yang dapat diketahui ialah:

1. Ad-Durusul Khulasyiah, pernah dicetak di Mekah.
2. Al-Mathalibul Jamaliyah, pernah dicetak di Mekah.
3. Al-Mamlakul `Arabiyah.
4. Nujumul Ihtiba.
5. Tamyizut Taqlidi minal Ittiba.
6. Al-Ittiba.
7. Al-Mufradat.
8. Mi'rajun Nabi.

Oleh sebab semua karangan beliau yang tersebut di atas belum saya miliki, maka data lengkap belum dapat diperkenalkan dalam artikel ini. Selain mengarang kitab, Abdul Hamid juga pernah menerbitkan majalah bahasa Arab dan Melayu yang diberi judul Majallah `Ulumul Islamiyah. Majalah ini tidak berumur panjang, hanya dua kali terbitan dalam tahun 1939 M. Di dalamnya terdapat tulisan-tulisan Syeikh Mustafa al-Maghari, Syeikhul Azhar, Mesir, Syeikh Abdul Quddus, guru Madrasah Ulumis Syar'iyah Madinah.

Saya berkesimpulan bahawa Abdul Hamid Asahan termasuk salah seorang ulama besar Sumatera Utara, walaupun ilmu beliau dalam pelbagai bidang namun tetap bertahan dalam golongan Ahlus Sunnah wal Jama'ah aliran Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi dalam pegangan akidah, pengikut yang setia kepada Mazhab Syafie dalam fikah dan dalam ajaran tasawuf berpegang dengan imam-imamnya yang muktabar seperti Syeikh Junaid al-Baghdadi, Imam al-Ghazali dan lain-lain. Pemikiran tokoh tajdid/ reformis dalam karya-karya mereka sebagai perbandingan bukan menjadi satu pegangan asas akidah dan amalan.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Hasan Ma`shum Mufti Kerajaan Deli

Syeikh Hasan Ma`shum Mufti Kerajaan Deli

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DALAM empat siri berturut-turut, ruangan ini menceritakan tentang ulama yang berasal dari Minangkabau. Dalam terbitan ini, kita akan memperkatakan mengenai ulama yang berasal dari kerajaan Melayu Deli. Pada masa dulu, sebelum Indonesia moden wujud, Deli adalah sebuah kerajaan Melayu. Bahasa dan budayanya sama dengan kerajaan-kerajaan Melayu di sekitarnya. Deli sangat erat hubungan kekeluargaannya dengan kerajaan Riau-Lingga, kerajaan Johor, kerajaan Selangor dan lain-lain. Dari Deli juga banyak lahir cerdik pandai termasuk ulama.

Yang diriwayatkan ini adalah seorang tokoh dan ulama besar yang dilahirkan di Deli, Sumatera Utara. Seluruh lapisan masyarakat Sumatera Utara khususnya dan kerajaan-kerajaan Melayu di Nusantara umumnya cukup mengenali nama beliau.

Nama lengkapnya ialah Al-Fadhil Al-Alim Syeikh Hasanuddin bin Muhammad Ma`shum bin Abi Bakar ad-Dali (Deli). Nama yang popular ialah Syeikh Hasan Ma`shum saja. Beliau lahir di Labuhan Deli, Sumatera Utara pada tahun 1300H/1882M dan wafat di Medan pada 24 Syawal 1355H/7 Januari 1937. Daripada ayah dan datuk Syeikh Hasan hingga beberapa lapis ke atas semuanya adalah ulama. Mereka berasal dari Aceh sebelum berpindah ke Deli.

Artikel ini masih ada hubung kait dengan artikel yang lalu kerana ulama yang berasal dari Deli ini adalah tokoh ulama Kaum Tua yang membantah keras pendapat sahabatnya, Dr. Syeikh Abdul Karim Amrullah (tokoh Kaum Muda). Polemik bertulis antara mereka berdua melibatkan guru kedua-duanya, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau, yang memihak kepada Syeikh Hasan Ma`shum.

Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau dengan tegas menulis bahawa Ibnu Taimiyah, Ibnu Qaiyim dan Wahabiyah yang diikuti oleh anak murid beliau, Syeikh Abdul Karim Amrullah, adalah sesat. Menurut Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau, golongan tersebut sesat kerana keluar daripada fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah dan menyalahi pegangan mazhab yang empat. Sungguh berat bagi saya untuk mengungkapkan medan perbalahan tersebut, tetapi setelah saya renung dengan cermat kerana telah ramai orang yang membicarakannya, maka berat-berat pun ditulis juga. Anggap saja tulisan ini merupakan bahan kajian ilmiah. Tidak perlu kita menyalahkan pihak mana pun tanpa ilmu yang padu dan memadai.

Ayah beliau, Syeikh Muhammad Ma`shum bin Abi Bakar, adalah seorang ulama besar. Oleh itu Hasanuddin mendapat pendidikan secara langsung daripada ayahnya. Setelah berumur 10 tahun, ayahnya menghantarnya belajar ke Mekah. Guru-gurunya

ialah Syeikh Abdus Salam Kamar, Syeikh Ahmad Khaiyath dan Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau. Hasan Ma`shum sempat belajar daripada Syeikh Ahmad al-Fathani sekitar tiga tahun, mulai tahun 1320H/1902 hingga awal tahun 1325H/1907. Setelah pulang dari Mekah, beliau dilantik sebagai Mufti kerajaan Deli oleh Sultan Ma`mud ar-Rasyid, Sultan Deli ketika itu.

Polemik

Dalam karyanya yang berjudul *al-Quthufat as-Saniyah fi Raddi Ba`dhi Kalam al-Fawaid al-`Aliyah*, beliau menyebut bahawa pada akhir bulan Syaaban 1332 H/ Jun 1914 beliau menerima risalah berjudul *al-Fawaid al-`Aliyah fi Ikhtilaf al-`Ulama' fi Hukmi fi talaffuzh an-Niyah*. Yang dimaksudkan dengan risalah judul ini ialah karya Dr. Syeikh Abdul Karim Amrullah (ayah Prof. Dr. Hamka), iaitu sebuah risalah yang membantah *talaffuzh an-niyah* atau melafazkan niat, yang kemudian terkenal dengan istilah mengucap "Usalli" sewaktu mula-mula memasuki sembahyang. Syeikh Hasan Ma`shum menulis, "Maka hamba dapati sungguh betul muallif (pengarang, pen:) risalah itu, ia menyatakan akan khilaf ulama pada masalah itu daripada hukum-hukum syarak. Tetapi pada faham hamba daripada perkataan muallif di beberapa tempat, bahawa adalah ia menguatkan orang yang mengatakan melafaz dengan yang diniatkan itu bidaah yang diketengahkan. Dan ia menolak akan orang yang mengatakan sunat atau wajib. Nampaknya bukan hanya sekadar demikian, bahkan tuduhan lebih berat dan hebat daripada yang tersebut itu, sebagaimana dinyatakan pada sambungan kalimat di atas. Katanya, "Hingga dibangsakannya pula akan perbuatan itu kepada Mazhab asy-Syaithan." (Lihat *al-Quthufat*, hlm. 2.)

Oleh sebab Dr. Syeikh Abdul Karim Amrullah terpengaruh dengan Ibnu Taimiyah dan Ibnu al-Qaiyim, maka Syeikh Hasan Ma`shum pada mukadimah mengemukakan bahawa kedua-dua ulama itu telah dibantah oleh Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau. Risalah ulama Minangkabau yang menolak Ibnu Taimiyah, Ibnu al-Qaiyim dan orang-orang yang sealiran dengannya diberi judul *al-Khiththah al-Mardhiyah fi Raddi fi Syubhati man qala Bid`ah at-Talaffuzh bian-Niyah*.

Menurut Syeikh Hasan Ma`shum, karangan Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau adalah lebih dulu daripada karangan muridnya, Dr. Syeikh Abdul Karim Amrullah. Kontroversi pegangan dalam karangan antara guru (Syeikh Ahmad) dengan muridnya sendiri (Dr. Syeikh Abdul Karim) menjadi perdebatan. Syeikh Hasan Ma`shum yang juga murid Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau tentu saja rasa tercabar. Pada satu pihak beliau membela gurunya, pada pihak yang lain beliau terpaksa membantah pendapat sahabatnya sendiri.

Pertikaian pendapat kedua-dua tokoh tersebut ditanggapi oleh Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau. Tanggapan beliau ada dilampirkan dalam *al-Quthufat as-Saniyah*. Antara petikan kalimat beliau, "Maka saya telah melihat akan risalah anak saya pada ilmu, al-Haji Hasan Ma`shum ad-Dali yang berjudul *al-Quthufat as-Saniyah*

dan al-Fawaid al-`Aliyah yang telah mengarang akan dia anak saya juga pada ilmu, iaitu Haji Abdul Karim asy-Syeikh Muhammad Amrullah. Maka saya banding antara dua risalah itu. Maka saya lihat batal segala yang pada Fawaid al-`Aliyah daripada dalil-dalil yang dinyatakannya padanya dengan yang dinyatakan pada al-Quthufat as-Saniyah."

Membela

Daripada petikan ini dan kalimat-kalimat berikutnya sangat jelas bahawa Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau membela Syeikh Hasan Ma`shum. Tentang kandungan al-Quthufat as-Saniyah, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau menyatakan, "Dan pada hal yang telah dinyatakannya itu, setengah daripada dalil-dalil yang teringat pada faham saya, tetapi akan saya nyatakan sendiri demikian itu rupanya tiada munasabah berlawanan dengan anak."

Yang dimaksudkan oleh Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau dengan "berlawanan dengan anak" pada akhir kalimat ialah Syeikh Abdul Karim Amrullah. Dengan nada yang agak marah Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau meluahkan rasa yang terpendam dalam hatinya. Kata beliau, "Tetapi saya lihat akan dia telah melampaui makamnya dan ia mendakwa akan dakwa yang mendustakan akan dia fahamnya dan taulannya kerana ia telah menyalahkan segala ulama Mazhab Syafie yang besar-besar, yang ikutan ulama-ulama Syafi`eyah seperti Nawawi, Rafie, Ibnu Hajar dan Ramli dan lain-lain...."

Menyambung lanjut kalimat di atas, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau menegaskan, "Dan tiadalah engkau memperoleh pada alam al-Islami melainkan segala mereka itu melafazkan dengan niat. Bersamaan daripada Syafi`eyah, Hanafiyah, Malikiyah, atau Hanabilah. Maka Haji Abdul Karim hendak menyalahkan akan segala mereka itu dengan sebab taklid kepada Ibnu al-Qaiyim."

Selanjutnya Syeikh Ahmad Khatib menjelaskan, "Seolah-olahnya segala ulama yang tersebut itu belum melihat akan perkataan Ibnu al-Qaiyim itu, dan Haji Abdul Karim pada akhir zaman melihat akan dia. Dan sebab itu ia menyalahkan akan segala mereka itu. Padahal mereka itu telah melihat akan dia dan tiadalah mereka itu memakai akan cakupnya kerana menyalahi ijtihad mereka itu akan ijtihadnya." (Lihat al-Quthufat, hlm. 27.)

Pada bahagian akhir suratnya, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau mengatakan, "Maka betapakah akan batal dengan fikiran orang yang muqallid yang semata-mata dengan faham yang salah dengan taqlid kepada Ibnu al-Qaiyim yang tiada terpakai qaulnya pada Mazhab Syafie."

Ketika menutup suratnya, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau menasihatkan, "Maka wajiblah atas orang yang hendak selamat pada agamanya bahawa ia berpegang dengan

segala hukum yang telah tetap pada mazhab kita. Dan janganlah ia membenarkan akan yang menyalahi demikian itu daripada fatwa yang palsu.”

Kata penutup beliau, “Dan Haji Hasan Ma’shum telah menyatakan pada risalah ini akan tempat-tempat kesalahan Haji Abdul Karim pada risalahnya itu. Dan nyatalah kesalahan bagi orang yang ada berfaham pada ilmu yang membezakan yang sah dan yang batal.”

Penulisan

Menurut riwayat, Syeikh Hasan Ma’shum banyak menghasilkan penulisan, tetapi karyanya yang ada dalam koleksi saya hanya dua buah. Karya yang pertama ialah al-Quthufat as-Saniyah yang telah dibicarakan di atas. Risalah ini dicetak pertama kali oleh Al-Mathba’ah Al-Miriyah Al-Kainah, Mekah pada 1333 H. Selain mendapat pujian daripada Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau, risalah itu juga dipuji oleh gurunya, Syeikh Abdul Qadir Shabir al-Mandaili.

Karya Syeikh Hasan Ma’shum yang kedua ialah risalah yang diberi judul Beberapa Masail, cetakan yang kedua oleh Mathba’ah Al-Ahmadiyah, 82, Jalan Sultan Singapura, pada 16 Muharram 1348 H/24 Jun 1929. Kandungannya menangkis 19 perkara yang dilemparkan oleh Kaum Muda yang dianggap bidaah oleh mereka.

Ringkasan 19 perkara yang dimaksudkan ialah:

1. Tentang Usalli
2. Membaca talkin
3. Mengaji di kubur
4. Berdiri ketika marhaban
5. Mempercayai ulama
6. Lafaz Saidina dalam selawat
7. Qada sembahyang
8. Mengangkat tangan ketika qunut
9. Ziarah makam Nabi s. a. w.
10. Membaca al-Quran untuk orang mati
11. Fidyah sembahyang
12. Ziarah kubur

Pandangan

Ada orang jadi masyhur namanya kerana mempertahankan sesuatu pegangan yang diamalkan oleh orang ramai. Tidak dinafikan juga bahawa seseorang jadi masyhur kerana membantah amalan orang lain. Seseorang yang mempertahankan pegangan, sama ada yang betul ataupun yang salah, ada yang terikat dengan adab-adab yang tertentu, tetapi tidak sedikit yang tiada beradab.

Hanya orang yang takut kepada seksaan Allah akan mengaku dirinya salah apabila pegangannya memang benar-benar salah. Orang yang angkuh tetap mempertahankan pegangannya yang salah walaupun dia tahu dirinya salah. Orang yang benar-benar ikhlas perlulah sedar, apa pun permasalahan yang terjadi, sama ada akur atas sesuatu ataupun pertikaian pendapat, yang paling perlu hanyalah yang diredai Allah.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Abdul Mubin Al-Jarimi Al-Fatani - Guru Sultan Pahang

Syeikh Abdul Mubin Al-Jarimi Al-Fatani - Guru Sultan Pahang

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Beliau dilahirkan di Kampung Jerim, Patani pada 15 Rabiulawal 1303 Hijrah/1885 Masihi. Dan meninggal dunia pada waktu Subuh hari Jumaat tanggal 14 Syaaban 1367 Hijrah/20 Ogos 1948 Masihi di Kuantan, Pahang. Dikebumikan pada pukul 12.00 tengah malam di Perkuburan Beserah, Kuantan, Pahang, dekat dengan Maqam Tuan Wok.

Syeikh Muhammad Arifin Syah, iaitu datuk neneknya adalah di antara ulama peringkat awal yang datang ke Patani Darus Salam. Beliau digelar juga dengan Tok Kelupang. Selain itu sebagai seorang ulama dan ketua pemerintahan di Cabang Empat, Patani.

PERHUBUNGAN KELUARGA

Dalam perhubungan silsilah ulama yang diceritakan ini, terdapat empat nama ulama yang bernama Abdul Mubin. Pertama, Syeikh Abdul Mubin bin Abdul Jabbar Syah bin Muhammad Arifin Syah al-Jarimi al-Fathani. Syeikh Abdul Mubin yang pertama ini memperoleh anak bernama Syeikh Hamzah. Syeikh Hamzah memperoleh anak bernama Syeikh Masari. Syeikh Masari memperoleh anak tiga orang iaitu, 1. Syeikh Abdul Mubin, 2. Syeikh Abdur Rahman, dan 3. Syeikh Muhammad Jailani.

Ada pun Syeikh Muhammad Jailani (anak ketiga) memperoleh lima orang anak, iaitu 1. Syeikh Abdul Mubin, 2. Syeikh Muhammad Shalih, 3. Syeikh Abbas, 4. Muhammad Yunus, dan 5. Syeikh Maula. Syeikh Abdul Mubin (anak pertama) memperoleh 11 orang anak, di antaranya Syeikh Abdur Rahman Pauh Bok, Syeikh Abdullah (penyusun kitab Tanbihul Ghafilin dalam bahasa Melayu, selengkapnya buku Manhalush Shafi). Syeikh Abdur Rahman Pauh Bok adalah guru kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, ulama dunia Melayu yang sangat terkenal. Syeikh Abbas (anak ketiga) memperoleh anak bernama Syeikh Muhammad Thaiyib. Syeikh Muhammad Thaiyib

memperoleh anak bernama Syeikh Abdul Mubin al-Jarimi al-Fathani, guru kepada Sultan Ahmad al-Mu'azzam Syah, Sultan Pahang, iaitu ulama yang sedang dibincangkan ini.

PENDIDIKANNYA

Pendidikan asasnya diperoleh dari lingkungan keluarga sendiri yang secara bersambung mulai dari pihak ayah dan ibunya hingga ke atas adalah orang-orang yang alim dalam ilmu-ilmu keIslaman. Syeikh Abdul Mubin al-Jarimi al-Fathani mengikuti pengajian sistem pondok di Pondok Tok Raja Haji, Jambu, Patani dalam tempoh yang lama. Setelah memperoleh ilmu yang banyak menurut pengajian sistem pondok Patani, beliau melanjutkan pelajarannya ke Mekah dan berguru kepada Syeikh Ahmad al-Fathani kerana Syeikh Ahmad al-Fathani tetapi hanya sekejap kerana ulama yang terkenal itu meninggal dunia (1325 Hijrah/1908 Masihi).

Selepas itu Syeikh Abdul Mubin mencari guru-guru yang lain sehingga akhirnya belajar kepada Syeikh Mukhtar bin `Atharid Bogor. Setelah pulang dari Mekah beliau memperdalam ilmu pula kepada Tok Kenali dan Tok Kelaba, kedua-duanya adalah peringkat abang kepadanya sewaktu sama-sama belajar kepada Syeikh Ahmad al-Fathani. Sebelum Syeikh Abdul Mubin pindah ke Kampung Beserah, Pahang, beliau pernah merantau ke beberapa tempat selain memperdalam ilmu pengetahuan, sekali gus menyebarkan ilmu-ilmu keIslaman yang telah dikuasainya.

AKTIVITI, KARYA DAN PEMIKIRAN

Minat Syeikh Abdul Mubin untuk menyebarkan ilmu pengetahuan melalui media cetak yang ditanamkan oleh gurunya Syeikh Ahmad al-Fathani kepadanya sangat berkesan. Syeikh Abdul Mubin tahu benar peristiwa pelantikan yang dilakukan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani kepada Raja Ali Kelana dan Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani untuk mengelolakan media cetak itu; masing-masing di Riau dan Singapura ditugaskan pada Raja Ali Kelana dan di Kota Bharu, Kelantan ditugaskan pada Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani.

Beliau sendiri walaupun tidak melalui pelantikan rasmi oleh gurunya, namun berusaha bergerak mendirikan Mathba'ah al-'Ubudiyah al-Fathaniyah di Patani. Akan tetapi oleh sebab pengetahuan khusus beliau mengenainya kurang memadai, maka usahanya di Patani itu telah gagal. Beliau kemudiannya terpaksa berpindah ke Singapura mendekati sahabat-sahabatnya keturunan Diraja Riau, yang juga bekas murid Syeikh Ahmad al-Fathani, yang telah berhasil mendirikan Mathba'ah Al-Ahmadiyah Singapura cawangan Syarkah Ahmadi & Co. Midai. Oleh kerana itulah beberapa buah karya beliau pada peringkat awal dicetak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah Singapura. Selepas beliau merasa pengetahuannya dalam dunia percetakan dan dunia perniagaan sudah cukup, beliau mengorak langkah berhijrah ke Pahang.

Di Pahang beliau mulai mengajar ilmu-ilmu Islam kepada masyarakat dengan cara berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Oleh kerana pengetahuan Islamnya yang luas, Sultan Pahang sendiri berhasrat melantiknya sebagai mufti tetapi beliau menolaknya. Beliau hanya bersedia menjadi guru kepada keluarga Sultan Pahang. Selain mengajar masyarakat sekeliling dan keluarga istana Sultan Pahang, beliau juga menyusun beberapa buah risalah dan kitab. Karya-karyanya ada yang disusun di atas kehendaknya sendiri dan ada pula di atas kehendak Sultan Pahang. Dalam masa yang sama beliau meneruskan cita-cita membangun media cetak yang pernah diusahakannya tetapi gagal sewaktu berada di Patani dulu. Percetakannya di Pahang dinamakan sebagai Mathba'ah al-'Ubudiyah al-Fathaniyah al-Kainah, Beserah, Pahang.

Di antara karya beliau yang berada di dalam simpanan penulis adalah sebagaimana tersenarai di bawah ini:

1. Najatul Ikhwan fima Yahshulu bihil Islam wal Iman, diselesaikan ada 12 Syaaban 1337 Hijrah/12 Mei 1919 Masihi di Pahang Darul Amani (istilah beliau, padahal yang umum dipakai sekarang ialah Pahang Darul Makmur). Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah al-Kainah Singapura, 50 Minto Road, 1343 Hijrah/1924 Masihi. Halaman muka dinyatakan, `Diterjemahkan ini kitab dengan titah yang maha mulia al-Mu'tasim Billah as-Sultan `Abdullah al-Muzaffar Syah ibni al-Marhum as-Sultan Ahmad al-Mu'azzam Syah Pahang'.
2. Fat-hul Majid fi `Ilmit Tauhid, diselesaikan pada 20 Safar 1342 Hijrah/1923 Masihi. Cetakan kedua oleh Mathba'ah al-'Ubudiyah al-Fathaniyah, Beserah, Kuantan, Pahang, 1356 Hijrah/ 1937 Masihi.
3. Tabshiratul Ikhwan fi Tajwidil Quran, diselesaikan 22 Zulhijah 1342 Hijrah/1923 Masihi di Pahang Darul Amani. Cetakan kedua oleh Mathba'ah al-'Ubudiyah al-Fathaniyah al-Kainah bin Firdaus al-Fahamiyah, 1356 Hijrah/1937 Masihi. Kitab ini pernah dicetak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah Singapura tahun 1346 Hijrah/1927 Masihi.
4. `Umdatul Hukkam li Ta'dilil Ahkam, diselesaikan pada tahun 1358 Hijrah/1939 Masihi. Juzuk pertama cetakan pertama oleh Mathba'ah al-'Ubudiyah al-Fathaniyah al-Kainah bil Bashrah al-Fahamiyah al-Mahmiyah, 1359 Hijrah/1940 Masihi. Kata pengantar Sultan Pahang, katanya, ``Adalah kitab `Umdatul Hukkam li Ta'dilil Ahkam ini dengan kehendak beta menanggungkan atas orang yang beta percayai akan dia, iaitu al-Labibun Najib Tuan Haji Wan Abdul Mubin bin Muhammad Thaiyib Fathani, pada menterjemahkan dia ke bahasa Melayu daripada kitab Fiqh asy-Syafi'iyah yang masyhur.''
5. Hadis Suluk lil Umara' wal Muluk, diselesaikan pada 19 Zulhijah 1359 Hijrah/1940 Masihi. Cetakan pertama oleh Mathba'ah al-'Ubudiyah al-Fathaniyah al-Kainah bil Bashrah al-Fahamiyah al-Mahmiyah, 1359 Hijrah/ 1940 Masihi.

6. Safinatun Najah fima Yajibu `alal `Abdi li Maulah, juzuk yang pertama, tanpa disebut tahun selesai penulisan. Cetakan pertama oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura, tanpa kenyataan tahun cetakan.
7. As`adur Rafiq, tersebut pada iklan Natijah Al-Ahmadiyah bagi tahun 1345 Hijrah atau tahun 1926-1927 Masihi, halaman 53. Dengan terdapatnya kata pengantar Maulana al-Watsiq Billah as-Sultan Abu Bakar Ri`ayatuddin Mu'azzam Syah ibni al-Marhum Maulana al-Mu'tasim Billah as-Sultan `Abdullah bin as-Sultan Ahmad al-Mu'azzam Syah, Sultan Pahang, pada karya-karya Syeikh `Abdul Mubin al-Jarimi al-Fathani adalah sebagai bukti bahawa beliau adalah seorang ulama yang sangat besar peranan dan pengaruhnya di Kerajaan Pahang.

KETURUNAN

Syeikh Abdul Mubin sepanjang hidupnya pernah berkahwin sebanyak tujuh kali dan meninggalkan 11 orang anak. Perkahwinan pertamanya dengan Hajah Aisyah binti Syeikh, berasal dari Pahang. Beliau memperoleh anak-anak; 1. Ahmad 2. Haji Mahmud, menetap di Betong, Patani. Daripada beliau ini penulis memperoleh pelbagai dokumen mengenai ulama yang diceritakan ini, 3. Hamidah, 4. Salamah, dan 5. Rahmah. Anak-anak beliau daripada isteri yang lain penulis tinggalkan. Ia dapat dirujuk di dalam buku yang telah penulis terjemahkan berjudul Dhiyaul Murid Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fathani.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Wan Ismail Al-Jambui Al-Fathani -- Kadi Jambu, Patani

Wan Ismail Al-Jambui Al-Fathani -- Kadi Jambu, Patani

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH HAMPPIR semua ulama yang disiarkan di dalam ruangan Agama, Utusan Malaysia yang terdahulu adalah murid Syeikh Ahmad al-Fathani. Maka terbitan kali ni memperkenalkan anak beliau. Sebelum riwayatnya dibicarakan pada pendahuluan ini perlu penulis nyatakan bahawa Syeikh Ahmad al-Fathani berkahwin dua kali. Perkahwinan pertamanya dengan Hajah Wan Kaltsum (digelar Nik Jong) binti Haji Wan Ismail al-Fathani yang berasal dari Kerisik, Patani. Isteri pertama beliau meninggal dunia di Mekah pada hari Sabtu, 17 Rabiulawal 1318 Hijrah/14 Jun 1900 Masihi. Perkahwinan pertamanya dikurniakan dua orang anak, Kadi Haji Wan Ismail al-Fathani dan Hajah Wan Fatimah.

Syeikh Ahmad al-Fathani mencatat tahun kelahiran anaknya seperti berikut, ``Diperanakan Ismail anak kita pada hari Rubu' di dalam pukul dua atau tiga, dua hari bulan Jamadil ula dari tahun hijrah 1304 tahun kekura bersamaan 27 Januari 1887 Masihi.'' Wafat di Jala, 1378 Hijrah/1958 Masihi, dikebumikan di belakang Masjid Jami' Jala.

Wan Ismail mendapat pendidikan asas di Mekah, juga mendapat pendidikan langsung daripada beberapa orang di lingkungan keluarga sendiri, iaitu ayahnya, Syeikh Ahmad al-Fathani, datuknya Syeikh Wan Muhammad Zain al-Fathani, datuk saudaranya Syeikh Wan Abdul Qadir bin Mushthafa al-Fathani dan Syeikh Wan Daud bin Mushthafa al-Fathani. Beliau fasih berbahasa Arab seperti orang Arab jati, kerana beliau bergaul dengan orang-orang Arab sejak masih kecil lagi. Bahasa lain yang dikuasai ialah bahasa Melayu, Siam, Cina dan Inggeris. Wan Ismail al-Fathani melanjutkan pelajaran di beberapa buah sekolah menengah di Mesir dan pernah memasuki al-Azhar pada tahun 1322 Hijrah/ 1904 Masihi. Usianya ketika itu sekitar 18 atau 19 tahun.

Sahabat paling rapat Wan Ismail al-Fathani ketika di Mesir ialah Muhammad bin Ahmad Kelantan dan Nik Mahmud bin Ismail Kelantan. Selain itu beliau juga bersahabat dengan golongan putera Raja Riau-Lingga, mereka ialah Tengku Utsman, Tengku Hasan, Tengku Adam dan Tengku Muhammad Sa'id. Yang dimaksudkan dengan Tengku Utsman kemungkinan putera Sultan Abdur Rahman Muazzam Syah (Sultan Riau Lingga yang terakhir). Yang dimaksudkan Tengku Muhammad Sa'id kemungkinan putera Raja Haji Muhammad Thahir, Hakim kerajaan Riau Lingga. Ada pun Tengku Hasan, dan Tengku Adam masih belum dapat dikesan. Yang lebih tua daripada mereka ialah Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi dan Syeikh Ismail bin Abdul Muthallib Aceh.

Ketika belajar di Mesir, Wan Ismail al-Fathani mencari pengalaman lain seperti bekerja di sebuah restoran, memasuki latihan tentera, dan mengembara di beberapa tempat di bahagian pedalaman bahagian utara benua Afrika. Kerana kelakuannya yang suka mengembara, maka pelajarannya terabai, lalu Syeikh Ahmad al-Fathani mencela perbuatan demikian dalam beberapa suratnya. Haji Wan Ismail melarikan diri, sehingga tersesat di suatu kawasan pedalaman Mesir atau di benua Afrika. Setelah beliau ditangkap oleh penjaga satu kawasan di tempat ulama yang terkenal di pedalaman itu, beliau diserahkan kepada ulama itu. Ulama tersebut menghujannya dengan pelbagai pertanyaan. Setelah Haji Wan Ismail menyebut bahawa dia adalah anak Syeikh Ahmad al-Fathani, lalu ulama di pedalaman Mesir itu mengeluarkan sebuah kitab, iaitu Tashil Nail Amani, dan sebuah gambar Syeikh Ahmad al-Fathani. Ulama itu langsung melayani Haji Wan Ismail dengan hormat kerana berdasarkan pengakuannya bahawa Syeikh Ahmad al-Fathani adalah gurunya. Bahawa beliau sangat bangga kerana belajar langsung kitab Tashil Nail Amani kepada Syeikh Ahmad al-Fathani, pengarang kitab itu sewaktu beliau berada di Mekah. Ulama Mesir itu juga mengajar kitab tersebut di institusi pendidikan yang dibinanya Ismail al-Fathani pulang ke Mekah pada bulan Zulhijjah 1325 Hijrah/

Disember 1907 Masihi, beberapa hari sebelum ayahnya meninggal dunia. Haji Wan Ismail sempat menerima wasiat daripada ayahnya, Syeikh Ahmad al-Fathani.

Karya-karya Syeikh Ahmad al-Fathani masih tetap diurus penerbitannya oleh Haji Wan Ismail. Beliau menghubungi sahabat-sahabat orang tuanya terutama Syeikh Mushthafa al-Baby al-Halaby di Mesir. Kemudian Haji Wan Ismail al-Fathani pulang ke negerinya, Jambu, membuka sebuah madrasah untuk menerapkan sistem pendidikan persekolahan cara Mesir, bukan sistem pondok tradisi Patani. Usaha penerbitan karya-karya orang tuanya diteruskan juga. Beberapa buah karangan ayahnya yang belum pernah diterbitkan di Asia Barat berhasil diterbitkannya. Haji Wan Ismail al-Fathani juga berusaha menyusun beberapa buah kitab, juga berhasil berkali-kali diterbitkan.

Pada mulanya Haji Wan Ismail bergerak dalam bidang perniagaan hasil bumi, sekali gus penerbitan kitab tetapi oleh kerana dipandang sebagai fardu kifayah beliau menerima jabatan menjadi kadi di Jambu, Patani, kemudian kadi tertinggi untuk sebuah propinsi yang membawa gelaran Datuk Kadi Datuk Yutitam I Cangwat Pattani dan terakhir sekali menjadi Ketua Islam Kerajaan Thailand.

Karya-karya yang sempat diterbitkan oleh Kadi Haji Wan Ismail ialah:

1. At-Tuhfatul Fathniyah fil Lughatil `Arabiyah, jilid pertama, diselesaikan pada 20 Zulhijjah 1332 Hijrah. Kandungannya mengenai pelajaran percakapan bahasa Arab untuk kanak-kanak. Kitab ini terdiri daripada empat jilid, tetapi yang telah ditemui hanya jilid pertama. Cetakan pertama Mathba'ah Al-Ahmadiyah, No. 50, Minto Road, Singapura pada 13 Ramadan 1342 Hijrah.
2. Al-'Aqdul Farid fi' Ilmit Tauhid, diselesaikan pada 15 Syaaban 1341 Hijrah. Kandungannya membicarakan ilmu tauhid dalam bentuk soal jawab, untuk kanak-kanak. Cetakan yang pertama Mathba'ah Al-Ahmadiyah, No. 50, Minto Road, Singapura, hari Khamis, Muharam 1342 Hijrah, diusahakan oleh Raja Haji Umar bin Raja Haji Hasan Riau. Cetakan kedua oleh percetakan yang sama, pada hari Isnin, 13 Rejab 1342 Hijrah. Cetakan ketiga dicetak oleh percetakan yang sama tahun 1344 Hijrah. Terdapat edisi cetakan The United Press, Pulau Pinang dalam bentuk buku kecil (tanpa tahun). Taqriz/ Pujian oleh Tuan Guru Haji Muhammad Burmin, Tuan Guru Haji Hasan Mukgul, Mayo, Tuan Guru Nik Abdullah Ahmad al-Jambui al-Fathani, dan Qadi Haji Wan Ismail Datuk Yutitam, Jala. Dicatatkan oleh Raja Haji Umar bin Raja Haji Hasan Riau, Mudir Mathba'ah Al-Ahmadiyah, pada cetakan yang kedua, katanya, ``... Maka inilah setengah daripada kitab yang amat dicita-cita bagi mengajar kanak-kanak atau orang yang baru berlajar kerana mudah fahamnya dan terang maksudnya ...'' Penyusunnya Kadi Haji Wan Ismail al-Fathani mencatatnya pada cetakan yang kedua juga, ``... Maka apakala telah habis sekalian naskhah cetak yang pertama, dan banyak tuntutan daripada saudara-saudara yang gemar kepadanya perhamba cetak kali yang kedua ini dengan sedikit tambahan bagi manfaat umumiyah ...''

3. Tadribul Banin wal Banat bi Umurid Din al-Wajibat, diselesaikan pada 26 Ramadan 1351 Hijrah/23 Januari 1933 Masihi. Kandungan membicarakan ilmu fikah dalam bentuk soal-jawab, untuk kanak-kanak. Cetakan yang kedua Patani Press, 7.7.1981. Taqriz/Pujian oleh Haji Wan Harun bin Haji Wan Hasan Kadi Patani, Tuan Guru Haji Muhammad bin almarhum Haji Wan Idris Burmin, dan Ahmad bin Yusuf al-Falawani al-Jambui al-Fathani.
4. Ghayatul Afrah liman Yatawallal Ankah, diselesaikan pada Rejab 1373 Hijrah/5 Mac 1954 Masihi. Kandungannya membicarakan hukum perkahwinan. Cetakan yang pertama Mathba'ah Patani Press, Patani, 20.3.1375 Hijrah. Cetakan yang ketiga Teman Pustaka Press, Patani (tanpa tahun). Taqriz/Pujian oleh Tuan Guru Haji Muhammad Burmin, Tuan Guru Haji Hasan Mukgul, Mayo, Tuan Guru Nik Abdullah Ahmad al-Jambui al-Fathani dan Qadi Haji Wan Ismail Datuk Yutitam, Jala.

Adik Haji Wan Ismail al-Fathani seayah dan seibu, kelahirannya dicatat oleh Syeikh Ahmad al-Fathani, ``Diperanakan anak kita Fathimah daripada Wan Kaltsum binti Haji Wan Ismail Jambu pada hari Sabtu, pukul 3.48, 20 Syawal 1310 Hijrah, iaitu tahun ular sening.'' Fathimah mendapat pendidikan asas juga daripada ayahnya Syeikh Ahmad al-Fathani dan daripada datuknya Syeikh Wan Muhammad Zain al-Fathani. Dia berkahwin dengan Haji Wan Muhammad Zain bin Syeikh Abdul Lathif al-Fathani. Daripada perkahwinan tersebut mereka memperoleh seorang anak perempuan yang bernama Hajah Nik Wan Nafisah. Setelah berpindah dari Mekah ke Bangkok, Hajah Wan Fathimah binti Syeikh Ahmad al-Fathani giat mengajar ilmu-ilmu fardu ain di lingkungan kaum kerabatnya di kota Bangkok. Hajah Nik Wan Nafisah pula berkahwin dengan seorang guru pondok yang bernama Haji Wan Muhammad bin Tok Seridik al-Fathani. Keturunan Hajah Nik Wan Fathimah, melalui anaknya Hajah Nik Wan Nafisah itu sebahagian besar bergerak dalam bidang pendidikan dan dakwah Islam.

Isteri Syeikh Ahmad al-Fathani yang kedua bernama Hajah Wan Siti Saudah binti Syeikh Wan Abdullah al-Fathani juga berasal dari Kerisik, Patani. Hajah Wan Siti Saudah al-Fathani tersebut adalah anak saudara kepada Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani, seorang ulama besar, pengarang kitab Mathla'ul Badrain yang terkenal. Daripada perkahwinan beliau yang kedua, memperoleh empat orang anak, iaitu Hajah Wan Zainab, Wan Nafisah, Wan Muhammad Shalih dan Wan Muhammad Nur (wafat 9 Safar 1326 Hijrah/12 Mac 1909 Masihi). Hajah Wan Zainab saja di antara empat beradik itu yang berumur panjang, kerana tiga orang adiknya meninggal dunia sewaktu masih kecil. Setelah Syeikh Ahmad al-Fathani meninggal dunia pada 11 Zulhijjah 1325 Hijrah/14 Januari 1908 Masihi dalam tempoh seminggu saja dua orang anak beliau, dengan isteri yang kedua tersebut, meninggal dunia satu demi satu dan diakhiri oleh ayah beliau sendiri, Syeikh Wan Muhammad Zain al-Fathani, yang meninggal dunia pada 18 Zulhijjah 1325 Hijrah/21 Januari 1908 Masihi.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Yusuf Saigon al-Banjari - Ulama hartawan

Yusuf Saigon al-Banjari - Ulama hartawan

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

SALAH seorang anak Mufti Jamaluddin bin Muhammad Arsyad al-Banjari, ialah Muhammad Thasin al-Banjari. Beliau mengembara ke beberapa buah negeri kerana menyebarkan agama Islam terutama sekali dalam bidang ilmu tajwid. Sewaktu beliau merantau ke Brunei, berkahwin di sana, memperoleh anak bernama Ramli. Dirikan ramai keturunannya di Brunei dan Sabah. Muhammad Thasin al-Banjari meneruskan perantauannya ke Pontianak, Kalimantan Barat memperoleh tiga orang anak lelaki, iaitu Muhammad Yusuf, Muhammad Arsyad dan Abdur Rahman.

Dirikan, bahawa Muhammad Yusuf bin Haji Thasin setelah belajar ilmu-ilmu keislaman secara mendalam, beliau meneruskan usaha akhirnya menjadi saudagar intan. Muhammad Yusuf juga merantau ke seluruh tanah Kalimantan. Selanjutnya Muhammad Yusuf merantau ke Sumatera, hingga beliau meneruskan perantauannya ke luar negeri, iaitu ke Saigon dan Kemboja. Di Kampung Melayu, Kemboja, Muhammad Yusuf berkahwin lagi. Beliau seorang yang berpengalaman dalam perkahwinan. Dirikan, sepanjang hidupnya Muhammad Yusuf pernah berkahwin sebanyak empat puluh kali. Isterinya ke empat puluh yang berasal dari Kemboja itulah yang dibawanya pulang ke Kalimantan Barat. Di Pontianak, Muhammad Yusuf membuka tanah perkebunan getah yang sangat luas. Setelah usahanya menjadi, diberinya nama kampung itu sebagai ``Kampung Saigon''. Akhirnya beliau sendiri terkenal dengan panggilan Yusuf Saigon dan hilanglah nama Banjarnya. Oleh itu ramai orang menyangka Muhammad Yusuf adalah orang Saigon bukan orang Banjar.

INSTITUSI PENDIDIKAN

Kedua-dua anak Muhammad Thasin al-Banjari yang tersebut di atas, iaitu Muhammad Yusuf dan Muhammad Arsyad Pontianak, setelah mereka melihat kesuburan pohon-pohon getah hasil usaha gigih dan susah payah mereka sendiri, bangkitlah kembali cita-cita untuk meneruskan perjuangan moyang mereka, iaitu Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari yang sangat masyhur itu. Mereka berdua beriktikad, bahawa tiada satu perjuangan pun yang lebih mulia, dapat menyelamatkan seseorang sama ada di dunia mahu pun akhirat, melainkan perjuangan menyebarkan ilmu-ilmu yang diajarkan oleh para nabi dan rasul Allah. Bahawa Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s. a. w., nabi dan rasul akhir zaman, tidak syak lagi adalah satu-satunya agama yang wajib diperjuangkan oleh setiap insan Muslim. Urusan mencari dana untuk kepentingan umat Islam ditangani oleh Muhammad Yusuf, sedangkan untuk propaganda dan dakwah dilakukan oleh saudaranya, Muhammad Arsyad.

Cita-cita kedua-dua adik beradik itu dikabulkan oleh Allah, kerana dalam tahun 1925 M. datanglah seorang pemuda yang alim dari Ketapang bernama Abdus Shamad yang mendapat pendidikan di Madrasah Shaulatiyah, Mekah. Salah seorang guru beliau di Madrasah Shaulatiyah, Mekah ialah Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman, yang kemudian dikenali sebagai Syeikhul Islam di Kerajaan Selangor. Abdus Shamad ditampung oleh Muhammad Yusuf Saigon, lalu didirikanlah pondok-pondok tempat tinggal para pelajar, ketika itu berdirilah Pondok Pesantren Saigoniayah yang dianggap sebagai pondok pesantren yang pertama di Kalimantan Barat. Sungguhpun demikian, sebenarnya sistem pendidikannya bukan sistem pondok, kerana ia juga mempunyai bangku-bangku tempat duduk para pelajar. Dikatakan sebagai pondok pesantren yang pertama di Kalimantan Barat hanyalah kerana di Pondok Pesantren Saigoniayah yang pertama sekali terdapat pondok-pondok tempat tinggal para pelajar yang dimodali oleh Muhammad Yusuf Saigon. Ada pun pengajian pondok selain itu ialah Dar al-'Ulum yang diasaskan oleh Abdur Rahman bin Husein al-Kalantani, murid Tok Kenali. Pengajian pondok beliau terletak di Kampung Terusan, Mempawah. Hanya pondok pengajian inilah satu-satunya pondok pengajian tanpa kelas dan tanpa bangku, sistem pendidikannya sama dengan di Patani, Kelantan, Kedah dan Pulau Jawa. Dalam tahun 1975, beberapa orang kader Pondok Pesantren Saigoniayah dan Dar al-'Ulum bergabung, sama-sama mengajar di Pondok Pesantren Al-Fathaanaah di Kuala Mempawah. Oleh itu bererti kelanjutan daripada kedua-dua institusi yang tersebut, masih berjalan terus sampai sekarang.

Kader-kader

Pondok Pesantren Saigoniayah banyak mengeluarkan kader-kader yang mengajar di beberapa tempat di Kalimantan Barat tetapi sekarang hampir semuanya telah meninggal dunia. Pondok Pesantren Saigoniayah hilang atau tenggelam namanya akibat perang dunia yang kedua, tentera Jepun sangat ganas di Kalimantan Barat. Setelah Jepun kalah, nama itu tidak muncul lagi, nama baru yang muncul dalam tahun 1977 ialah Madrasah Al-Irsyad. Nama baru ini diberikan bertujuan mengabadikan nama Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dan nama keturunan beliau, iaitu Muhammad Arsyad. Beliau adalah satu-satunya ulama yang dihormati di Kampung Saigon ketika itu.

Memandangkan institusi-institusi pendidikan pondok di beberapa tempat di Pulau Jawa mencapai kemajuan, sebaliknya di tempat-tempat yang lain termasuk di Malaysia mengalami kemerosotan, bahkan ada yang hanya dikenang namanya saja, rasanya perlulah insan-insan yang sedar dan insaf berjuang menghidupkannya kembali. Ini kerana sistem pengajian pondok satu ketika dulu diakui oleh ramai pihak sebagai institusi yang mencerdaskan umat Melayu sejagat. Dengan perkembangan dunia yang serba canggih dan moden, institusi pondok perlu canggih dan moden juga. Pondok Pesantren Saigoniayah yang satu ketika dulu pernah terkenal di Kalimantan Barat, bahkan menjadi dipuji oleh masyarakat Banjar di mana saja mereka berada, sekarang telah tiada. Kita mengharapkan pejuang-pejuang

pendidikan sistem pondok dunia Melayu tetap berfikir dan berusaha ke arah sesuatu yang hilang akan ada gantinya.

Sebagaimana kita ketahui, Muhammad Yusuf Saigon, yang berperanan dalam pembinaan Pondok Pesantren Saigoniyah, adalah salah seorang keturunan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Perlu juga kita ketahui, dalam zaman yang sama keluarga ini juga menjalankan aktiviti serupa di tempat-tempat lainnya di dunia Melayu, bahkan termasuk juga Mekah. Sebagai contoh Mufti Abdur Rahman Shiddiq al-Banjari mengasaskan pengajian pondok di Parit Hidayat, Sapat, Inderagiri Hilir, Sumatera. Tuan Husein Kedah al-Banjari mengasaskan beberapa tempat pendidikan sistem pondok di Malaysia. Beliau memulakan aktivitinya di Titi Gajah, Kedah, selanjutnya di Pokok Sena, Seberang Perai, Pulau Pinang yang dikenali dengan Yayasan Pengajian Islam Madrasah Al-Khairiah.

Selain institusi pendidikan di Pontianak, Kalimantan Barat, Sapat, Inderagiri dan Malaysia sebagaimana yang disebutkan di atas, masih banyak lagi institusi pendidikan keluarga ulama Banjar tersebut di tempat-tempat lain, sama ada di Banjar mahu pun di Pulau Jawa. Di Bangil, Jawa Timur ada pondok pesantren yang diasaskan keluarga ini, seperti Pesantren Datuk Kelampayan. Pondok

tersebut diasaskan oleh al-`Alim

al-Fadhil Kiyai Haji Muhammad Syarwani Abdan al-Banjari. Datuk Kelampayan adalah gelaran untuk Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari kerana beliau dimakamkan di Kelampayan. Di Dalampagar (Banjar) sekurang-kurangnya terdapat dua buah institusi pendidikan yang diasaskan oleh keluarga ini, demikian pula di Teluk Selong, Kampung Melayu dan lain-lain. Dua buah madrasah di Dalampagar diberi nama Madrasah Sullam Al-'Ulum dan Madrasah Mir'ah ash-Shibyan. Yang di Teluk Selong diberi nama Madrasah Sabil Ar-Rasyad. Yang di Sungai Tuan diberi nama Madrasah Al-Irsyad.

Yayasan yang diasaskan oleh keluarga ulama Banjar tersebut juga terdapat di beberapa tempat, seumpama Yayasan Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari. Yayasan terbentuk dalam rangka haul ulama tersebut yang ke 160 kali oleh panitia (jawatan kuasa) pada 30 November 1967, hari kewafatan beliau yang jatuh pada 7 Syawal 1387 H/7 Januari 1968 M, diadakan di Kompleks Kubah Kelampayan, Kalimantan Selatan. Guru agama dalam keluarga ulama Banjar ini bernama Kiyai Haji Muhammad Saman bin Muhammad Saleh (lahir 3 November 1919) yang telah berhasil mengasaskan Yayasan Pendidikan dan Pengembangan Ilmu Makrifatullah wa Makrifatur Rasul Nurul Islam di Banjar dan sejak tahun 1972 telah berhasil mengajar dan berdakwah di negeri Sabah. Ada beberapa orang besar dan tokoh terkemuka di Sabah yang merupakan murid beliau, di antaranya ialah Datuk Mohd Ainal bin Haji Abdul Fattah, PGDK, LLB, MBA (UMS), penyusun buku Dokumentasi Pilihan Raya Ke-11, cetakan pertama tahun 2005 yang lengkap dengan pelbagai gambar. Buku tersebut telah dilancarkan oleh Datuk Seri Abdullah Badawi, Perdana

Menteri Malaysia pada hari Jumaat 22 Julai 2005 di Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC).

PENULISAN

Muhammad Arsyad bin Haji Muhammad Thasin al-Banjari adalah seorang ulama. Beliau juga menyebarkan Islam dengan cara berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Sungguh pun beliau merantau namun sempat juga menghasilkan beberapa buah karangan. Di antaranya yang diberi judul Tajwid Fatihah. Karya beliau pula ialah Tajwid al-Quran, diselesaikan di Pontianak, hari Isnin, 8 Ramadan 1347 H. Cetakan pertama kedua-dua karya tersebut dicetak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan, Singapura, 29 Jamadilawal 1348 H. Menurut keterangan anak beliau, Fauzi Arsyad masih ada beberapa buah karangan Muhammad Arsyad, ayahnya itu, di antaranya ialah Ilmu Ushul Fiqh. Dengan sangat disesali saya hanya memperoleh dua judul yang tersebut di atas saja, ketika saya menyusun buku Syeikh Muhd. Arsyad Al-Banjari Matahari Islam (1402 H/1982 M) beliau berjanji akan membongkar kitab-kitab yang ada dalam simpanan untuk mendapatkan semua karangan ayahnya, namun hingga beliau meninggal dunia karangan-karangan yang dimaksudkan gagal diperoleh.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Abdul Rahman Al-Kalantani - Mufti terakhir kerajaan Mempawah

Abd ul R ahma n Al -Kal anta ni - Muf ti t erak hir k era jaan Mem paw a h

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Ulama-ulama yang dikisahkan dalam Ruangan Agama, Utusan Malaysia sebelum ini, sebahagian besarnya adalah ulama-ulama pendatang ke Malaysia, terutama yang berasal dari Patani. Berlainan dengan ulama yang diceritakan ini, beliau adalah ulama yang berasal dari Kelantan, Malaysia yang menyebarkan Islam di Kalimantan Barat, Indonesia. Beliau ialah Tuan Guru Haji Abdur Rahman bin Husein al-Kalantani. Tahun kelahirannya tidak diketahui. Beliau meninggal dunia pada tahun 1391 Hijrah/1971 Masihi dalam usia melebihi 80 tahun. Kuburnya terletak di Kampung Pulau Pedalaman, Mempawah.

Terdapat beberapa ulama yang berasal dari Malaysia dan datang ke Kalimantan Barat sebelum Abdur Rahman, antara mereka ialah Tuan Guru Haji Muhammad Yasin yang berasal dari Kedah. Makamnya terletak di Kuala Secapah, Mempawah. Haji Ismail bin Abdul Majid berasal dari Kelantan dan pernah menjadi Mufti di Kerajaan Pontianak. Beliau meninggal di Kelantan.

Pendidikan

Abdur Rahman adalah murid peringkat awal Tok Kenali. Menurut keterangannya sendiri bahawa beliau sempat menadah kitab sewaktu Tok Kenali mengajar di bawah pohon getah, kerana pada waktu itu beliau belum memiliki bangunan surau atau madrasah. Perkara yang sangat ditekankan dalam pendidikan tersebut ialah ilmu nahu dan sharaf. Abdur Rahman sempat mempelajari kedua-dua ilmu itu daripada Tok Kenali mulai peringkat yang paling asas hingga peringkat tertinggi. Sampai hari tuanya, beliau masih tetap menghafal Matan Alfiah Ibnu Malik yang terdiri daripada 1000 bait dan sangat terkenal. Selain Matan Alfiah, beliau juga menghafal matan-matan lainnya.

Antara murid Tok Kenali yang menjadi ulama besar terkenal dan sama-sama belajar dengan Abdur Rahman, bahkan tinggal sepondok, ialah Syeikh Idris al-Marbawi, penyusun Kamus al-Marbawi, tokoh Maal Hijrah peringkat kebangsaan Malaysia pertama.

Selanjutnya setelah memperoleh ilmu yang sangat banyak di pondok pengajian Tok Kenali, Abdur Rahman melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau tinggal di Mekah selama belasan tahun.

Perantauan

Begitu lama Abdur Rahman belajar sambil merantau di Mekah dan sekitarnya, sehingga ketika pulang ke Kelantan beliau tidak begitu mesra tinggal di Kelantan, negerinya sendiri. Menurutnyanya, pada mulanya beliau akan merantau ke Banjar, kerana di sana sangat terdapat ramai ulama. Perancangan awalnya, dari Banjar beliau akan ke pulau Jawa kerana sewaktu berada di Mekah beliau sempat belajar kepada beberapa orang ulama yang berasal dari Jawa, antaranya, Syeikh Mukhtar bin Atharid Bogor.

Dari Kelantan Abdur Rahman menuju ke Singapura dan selanjutnya belayar menuju Sambas. Pada zaman itu Sambas juga terkenal dengan ulamanya yang ramai. Di Sambas beliau tinggal di rumah Syeikh Muhammad Basiyuni Imran, Maharaja Imam Sambas yang sangat terkenal.

Syeikh Muhammad Basiyuni Imran menyarankan supaya Abdur Rahman tinggal di Kerajaan Sambas dan tidak perlu merantau ke Banjar atau ke Jawa kerana Kerajaan Sambas masih memerlukan para ulama. Atas kehendak Syeikh Muhammad Basiyuni, beliau diberikan seorang isteri di Kampung Semperiuk, Sambas. Sekali gus diberi tugas mengajar di daerah tersebut dan beberapa daerah yang berdekatan dengannya.

Mufti dan guru penembahan Mempawah

Setelah beberapa tahun Abdur Rahman menetap di Sambas, beliau diminta pula oleh Pangeran Muhammad Taufiq Aqamuddin, Penembahan Mempawah untuk berpindah ke

Mempawah bagi mengajar di Istana Mempawah dan sekali gus mengajar di masjid-masjid dan surau-surau dalam pemerintahan Mempawah.

Sebelum tawaran itu diterima, terlebih dulu Abdur Rahman mengadakan perundingan dan persetujuan daripada Syeikh Muhammad Basiyuni Imran.

Semua yang dijanjikan oleh Pangeran Muhammad Taufiq Aqamuddin kepada Abdur Rahman dipenuhi. Pangeran Muhammad Taufiq membahagikan dua jalur penyebaran Islam dalam Kerajaan Mempawah, iaitu sebelah utara ditugaskan kepada Abdur Rahman Kelantan dan sebelah selatan kepada Tuan Guru Haji Abdul Qadir bin Ahmad yang berasal dari Banjar. Kedua-dua ulama tersebutlah yang paling terkenal dalam Kerajaan Mempawah sebelum perang dunia kedua.

Selain sebagai Mufti, mengajar kerabat istana, mengajar di masjid-masjid dan surau-surau, Abdur Rahman juga mendirikan pondok pengajian menurut sistem pondok Patani dan Kelantan yang diberi nama Darul `Ulum.

Catatan peribadi

Pertama kali sampai di Mempawah pada tahun 1969, penulis tinggal di rumah Tuan Guru Haji Abdur Rahman Kelantan. Di sini penulis sempat bergaul dan belajar kepada beliau, maka dirasakan perlu merakamkan beberapa catatan penting mengenai beliau. Sewaktu perang dunia kedua, ramai pemimpin dan ulama di Kalimantan Barat dibunuh oleh Jepun tetapi Abdur Rahman terlepas daripada tangkapan Jepun.

Menurut ceritanya bahawa pada suatu hari sesudah sembahyang Subuh, tiba-tiba ada seorang yang tidak dikenali datang ke rumahnya. Orang itu menyuruh beliau segera meninggalkan rumah. Abdur Rahman segera mengikut arahan tersebut. Beliau kemudiannya pergi ke Sungai Bundung, kira-kira 30 km dari Mempawah, iaitu sebuah kampung yang ramai muridnya. Tidak lama kemudian tentera Jepun sampai ke rumahnya tetapi Abdur Rahman tidak berada di rumah. Oleh kerana itu, tentera Jepun langsung menuju Istana Mempawah dan menangkap Penembahan Pangeran Muhammad Taufiq Aqamuddin dan pembesar-pembesar lainnya.

Sekiranya beliau berada di rumah, sesudah Maghrib biasanya beliau mengamalkan wirid hingga masuk waktu Isyak. Sesudah makan malam beliau akan berjalan mundar-mandir sekurang-kurangnya seratus langkah. Menurutnya amalan sedemikian untuk penghadaman makanan yang tujuannya menjadikan badan sentiasa segar dan sihat. Sambil melakukan riadah tersebut, kedengaran beliau membaca surah-surah al-Waqi`ah, al-Mulk dan lain-lainnya secara hafalan.

Beliau akan berhenti mengajar kira-kira pukul 11.00 malam. Pukul 3.00 pagi akan terdengar suaranya mengucapkan zikir dan surah al-Ikhlâs sehingga kedengaran azan Subuh.

Peristiwa ini diketahui penulis kerana penulis tidur di bilik yang disediakan, iaitu bersebelahan dengan bilik tempat beliau tidur dan beramal.

Jika beliau berada di kediaman muridnya, mengajar di kampung yang berjauhan dari rumahnya, beberapa amalan di atas tetap dikerjakan, ditambah lagi mengajar hingga pukul 12.00 malam. Sesudah mengajar beliau terus mengerjakan beberapa jenis sembahyang sunat dan berwirid kira-kira satu jam lamanya. Sekitar

pukul 1.00 pagi barulah beliau merebahkan badannya di atas tempat tidur. Kira-kira pukul 3.00 pagi, beliau bangun lagi untuk berwirid selama satu jam.

Lebih kurang satu jam sebelum Subuh beliau mandi. Biasanya, air mandinya disediakan oleh murid-muridnya. Cara mandinya juga mempunyai cara tersendiri, Setiap gayung air yang disiramnya, diiringi dengan bacaan doa. Siraman air sekurang-kurangnya 40 gayung.

Selain hal-hal yang tersebut, biasanya murid-muridnya menyediakan kopi yang asli, telur ayam kampung dan madu asli. Semuanya beliau adun dalam air panas. Menurut beliau, amalan tersebut diamalkannya sejak muda lagi dan khasiatnya supaya badan tidak lemah.

Menurut keterangan anaknya Drs. Haji Abdul Malik, sepanjang pergaulannya dengan beberapa orang ulama di Banjar, Kalimantan Selatan, beliau tidak berjumpa cara-cara melakukan amalan-amalan dengan rutin atau istiqamah seperti yang dikerjakan oleh orang tuanya itu, bahkan tidaklah berlebihan jika dikatakan bahawa bidang penguasaan ilmu Islamnya juga sangat sukar untuk dicari gantinya.

Segala yang penulis sebutkan di atas mungkin ada benarnya, kerana umur beliau ketika itu telah mencecah lebih 70 tahun. Penulis pernah mengikutnya berjalan kaki sejauh 8 km ke tempatnya mengajar. Beliau berjalan dengan laju tanpa berhenti walaupun sekejap.

Karya dan keturunan

Karya yang sempat dihasilkannya hanya sebuah, iaitu Qawaninul Muftadi fil Fiqh yang diselesaikan pada 22 Zulhijjah 1353 Hijrah/27 April 1935 Masihi. Kandungannya membicarakan tentang fikah dalam bentuk soal jawab. Ia dicetak oleh Mathba'ah al-Masawi, 14 Ulu Palembang.

Abdur Rahman Kelantan berkahwin dua kali. Perkahwinan pertamanya di Kampung Semperiuk, Sambas, memperoleh seorang anak bernama Haji Aziqqi. Beliau memperoleh pendidikan Universiti Al-Azhar, Mesir dan selanjutnya menjadi pensyarah di sebuah universiti di Banjar. Haji Aziqqi meninggal dunia di Banjar. Semua anaknya berada di Banjar, Kalimantan Selatan. Perkahwinan kedua di Mempawah, memperoleh dua orang anak lelaki dan tiga perempuan. Antara anak-anaknya dengan isteri di Mempawah ialah Drs. Abdul Malik yang telah meninggal

dunia. Jawatan yang pernah disandangnya ketika hidupnya ialah Kepala Kantor Urusan Wilayah Propinsi Kalimantan Barat di Pontianak. Anak perempuan Abdur Rahman yang bernama Mahfuzah berkahwin dengan Ustaz Hasan Basri, yang aktif memimpin Thariqat Naqsyabandiyah Muzhharayah.

Antara murid-murid Abdur Rahman yang masih aktif hingga sekarang ialah Ustaz Haji Zainal Arifin bin Ahmad, Ketua Majelis Ulama Daerah Tingkat II Kabupaten Pontianak di Mempawah. Murid beliau pula ialah Drs. Haji Bujang Rasni, Kepala Pondok Pesantren Usuluddin di Singkawang.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Imam Muhammad Dahlan - Ulama Jawa termasyhur di Selangor

Imam Muhammad Dahlan - Ulama Jawa termasyhur di Selangor

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

![] [40]

IMAM Muhammad Dahlan sewaktu menunaikan haji pada 1978.

• * *

SEWAKTU Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani sebagai Syeikhul Islam Selangor, pada zaman pemerintahan Sultan Sulaiman, terdapat ramai ulama yang datang dari pelbagai pelosok dunia Melayu di kerajaan Selangor. Di antara mereka ada yang sengaja diajak oleh Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, dan ada juga yang datang dengan kemahuan sendiri. Sebagaimana beberapa siri yang lalu telah diperkenalkan ulama yang berasal dari Jawa yang terkenal di peringkat antarabangsa, kali ini diperkenalkan pula ulama yang berasal dari Jawa yang berperanan di Kerajaan Selangor dan sekitarnya. Beliau aktif dalam penerjemahan kitab-kitab bahasa Arab, menterjemah beberapa kitab yang dipandang penting ke bahasa Jawa, menulis karangan sendiri dalam bahasa Jawa dan hanya sedikit jumlahnya yang ditulis dalam bahasa Melayu.

Sebelum membicarakan ulama yang dimaksudkan lebih terperinci di bawah ini, saya petik tulisan beliau sendiri yang ditulis dalam bahasa Arab dan di bawahnya diberi gantungan bahasa Jawa, terjemahan maksudnya sebagai berikut, ``... Haji Muhammad Dahlan bin Kiyahi Hasan al-Minhaj Perumpung, Kebumen, Jawa. Orang tua lelaki berasal dari Banjarnegara. Kemudian berpindah ke Kampung Perumpung, Kebumen. Kemudian berpindah ke Negeri Singapura. Kemudian berpindah ke Klang. Kemudian beliau meninggal dunia, dikuburkan di Simpang Lima, Klang, Selangor.'`

Haji Muhammad Dahlan lahir pada 26 Rejab 1313 H/12 Januari 1894 M dan wafat di Madinah, Zulhijjah 1398 H/November 1978 M

Imam Muhammad Dahlan mempunyai ramai keturunan yang belum sempat saya ungkapkan, tetapi yang dapat disentuh adalah seorang cucunya Ahmad Shukri bin Haji Ghazali, iaitu Imam Masjid Bandar Baru Sungai Buloh. Bahawa ibu Ahmad Shukri bernama Hajah Badariah, iaitu anak kepada Imam Haji Muhammad Dahlan yang dibicarakan ini. Haji Ghazali bin Haji Siraj, ayah Ustaz Haji Ahmad Shukri, adalah salah seorang murid Imam Haji Muhammad Dahlan. Haji Ghazali bin Haji Siraj dalam tahun 2005 ini memperoleh Tokoh Keluarga Mithali Negeri Selangor 2005.

KARYA-KARYANYA BERBAHASA ARAB

1. Kitabul Faraidh, diselesaikan malam Sabtu, Rabiulawal 1341 H/November 1921 M. dalam bentuk manuskrip asli. Kandungannya membicarakan kaedah membahagi pusaka
2. Mukhtasharut Tarkibil Jurumiyah, mulai menulis pada 14 Zulhijjah 1347 H di Kapar Road Klang, Selangor. Dalam bentuk manuskrip asli. Kandungannya membicarakan ilmu nahu untuk peringkat kanak-kanak.
3. Khutbah Jumaat, diselesaikan pada hari Isnin, akhir Syawal 1350 H. Kandungan khutbah Jumaat yang pertama dan kedua yang ditulis dalam bahasa Arab untuk Kerajaan Selangor dalam masa pemerintahan Sultan Sulaiman bin Sultan Musa bin Sultan Abdus Samad. Dalam bentuk manuskrip asli.

Karya salinan dalam bahasa Arab pula adalah sebagai berikut:

1. Qazhun Niyam fima yata'allaqu bish Shiyam, tanpa dinyatakan tarikh selesai penulisan. Manuskrip salinan daripada cetakan awal bulan Syaaban 1321 H, tanpa menyebut nama percetakan. Karangan Saiyid Utsman Betawi. Nama penyalin yang pertama Ahmad Dahlan bin Abdullah, disalin pada 2 Rejab 1324 H. di Darat Semarang. Disalin yang kedua daripada salinan yang pertama oleh Muhammad Dahlan bin Muhammad Minhaj berasal dari Kampung Perumpung, Kebumen, pada 25 Rabiulawal 1340 H. Kandungannya membicarakan tentang ilmu falak.
2. Shiaghu Shalawati `alan Nabiyyi Shallallahu alaihi wa Sallam, tanpa tarikh. Nama pengarang asal Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan. Salinan di-

selesaikan pada malam Selasa, awal Safar 1350 H. Salinan ini ialah daripada naskhah yang pernah dicetak oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1316 H. Kandungannya membicarakan pelbagai selawat atas Nabi s.a.w. terutama Shalawat Saiyidi Syeikh Ahmad al-Badawi dan Shalawat Saiyidi Syeikh Abdul Qadir al-Jilani. Kandungan tambahan ialah mengenai tasawuf.

3. Syarhu `Uqudil Lujjain fi Bayani Huquqiz Zaujain oleh Syeikh Nawawi al-Bantani. Diselesaikan waktu Dhuha, hari Ahad 27 Muharam 1294 H. Salinan

diselesaikan di Sungai Pinang, Klang, Selangor pada hari Khamis, waktu Dhuha, 25 Zulkaedah 1351 H. Kandungannya membicarakan hak-hak dan adab orang yang bersuami dan beristeri

4. Sulukul Jadah wa zalatuz Zulumah wal Mu'anadah liman Raghaba fi Iqamatil Jum'ati ma'al I'adah, tanpa tarikh. Salinan diselesaikan pada malam Ahad, 24 Syaaban 1362 H. Kandungannya membicarakan sembahyang Jumaat, perbahasan yang terpenting mengulangi sembahyang Zuhur sesudah Jumaat (i'adah). Merupakan syarah karya Syeikh Salim bin Samir al-Hadhrami (wafat di Betawi) yang berjudul Lum'atul Mafadah fi Bayanil Jum'ati wal Mu'adah.

5. Al-Khal'atul Fikriyah fi Syarhil Minhatil Khairiyah, tanpa tarikh. Kitab ini adalah karya Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah at-Tarmasi. Manuskrip salinan daripada yang pernah dicetak oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1315 H. Keadaan manuskrip sangat uzur. Kandungannya merupakan Syarh Hadits Arba'in (Hadis Empat Puluh) berdasarkan yang disyairkan oleh Syeikh Syihabuddin Ahmad al-Qasthallani dalam Hadis Bukhari yang berasal daripada perkataan al-Hafizh Abi Bakr al-Burqaini .

6. Tuhfatul Murid `ala Jauharatit Tauhid, tanpa tarikh. Salinan oleh Haji Muhammad Dahlan bin Kiyahi Hasan Minhaj, juga tanpa tarikh. Kandungannya membicarakan akidah Ahlis Sunnah wal Jama'ah

7. Bab Hawasyi minar Rumuz `ala Jauharatit Tauhid, tanpa tarikh. Salinan oleh Haji Muhammad Dahlan bin Kiyahi Hasan Minhaj, juga tanpa tarikh. Kandungannya membicarakan rumuz nama beberapa orang ulama yang terkenal, cukup menyebut beberapa huruf saja, tanpa menggunakan nama yang panjang. Kegunaannya adalah untuk memudahkan membaca kitab-kitab syarah dan hasyiyah yang hanya menggunakan huruf-huruf Abjad.

Setelah kita mengetahui karya Imam Muhammad Dahlan bin Hasan Minhaj dalam bahasa Arab dan karya salinan, terdapat lagi karya yang beliau tulis dalam bahasa Jawa. Hasil karya beliau yang ditulis dalam bahasa Jawa lebih banyak. Nampaknya tentang bahasa Melayu kurang beliau kuasai jika dibandingkan dengan bahasa Arab, apatah lagi jika dibandingkan dengan bahasa Jawa. Sewaktu saya menulis artikel ini, saya belum menemui kitab karya beliau dalam bahasa Melayu.

Yang ada beliau tulis dalam bahasa Melayu hanyalah berupa catatan yang pendek-pendek. Sungguh pun karya-karya Imam Muhammad Dahlan bin Hasan Minhaj dalam bahasa Jawa banyak yang penting-penting, namun saya tinggalkan saja kerana kekurangan ruangan untuk membicarakannya. Insyallah mengenainya akan dibicarakan dalam sejarah hidup beliau yang lebih lengkap pada waktu-waktu yang akan datang.

Daripada semua karya Imam Muhammad Dahlan bin Hasan Minhaj, terdapat nama-nama penting para ulama yang berasal dari dunia Melayu atau ulama dunia luar yang ada hubungannya dengan dunia Melayu.

Daripada informasi ini dapat dihubungkan untuk menjejaki sanad atau salasilah dengan keilmuan Imam Muhammad Dahlan bin Hasan Minhaj. Nama-nama yang dimaksudkan ialah seumpama Sayid Utsman Betawi, Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Ahmad al-Fathani dan Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah at-Tarmasi. Ulama Arab pula di antaranya ialah Saiyid Abi Bakri Syatha, Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Utsman ad-Dimyathi dan lain-lain.

Dapat dipastikan semua ulama yang tersebut mempunyai hubungan sanad atau salasilah pelbagai bidang keilmuan Islam. Imam Muhammad Dahlan bin Hasan Minhaj mempu-

nyai pertalian sanad/salasilah de-

ngan Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah at-Tarmasi. Kemungkinan Imam Muhammad Dahlan bin Hasan Minhaj adalah murid kepada adik ulama ini, ialah Kiyai Haji Muhammad Dimyathi bin Abdullah at-Tarmasi (wafat 1934 M) kerana nama ini ada beliau sebut dalam tulisannya.

Sahabat

Oleh itu sekurang-kurangnya sebuah karya Syeikh Muhammad Mahfuz at-Tarmasi, mengenai hadis yang berjudul Al-Khal'atul Fikriyah telah beliau salin. Syeikh Muhammad Mahfuz at-Tarmasi adalah sahabat Tok Kenali Kelantan, Mufti Haji Abdullah Fahim dan lain-lain. Semua mereka adalah murid Syeikh Ahmad al-Fathani. Syeikh Ahmad al-Fathani adalah murid Sayid Abi Bakri Syatha.

Sekali gus beberapa orang murid Syeikh Ahmad al-Fathani termasuk ulama-ulama yang tersebut juga sempat belajar kepada Sayid Abi Bakri Syatha. Dari sini bermula sanad pelbagai keilmuan Islam yang naik kepada Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Mufti Mekah pada zaman itu. Syeikh Ahmad al-Fathani dan gurunya Sayid Abi Bakri Syatha sebagai murid kepada Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan. Syeikh Nawawi al-Bantani juga murid Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan walau pun kedua-duanya sebaya umur. Daripada Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan naik kepada Syeikh Utsman ad-Dimyathi dan seterusnya hingga akhir sanad.

Ada persamaan jenis tarekat yang diamalkan Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, Syeikhul Islam, Selangor dan Imam Muhammad Dahlan bin Hasan Minhaj. Kedua-duanya mengamalkan Thariqat Syathariyah. Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani mendapat tawajjuh dan bai`ah Thariqat Syathariyah daripada Syeikh Wan Ali Abdur Rahman Kutan al-Kalantani, tetapi Imam Muhammad Dahlan bin Hasan Minhaj mendapat tawajjuh dan bai`ah Thariqat Syathariyah daripada Syeikh Haji Muhammad Ali Sejangkang.

Penyelidikan

Bagaimanakah biografi Syeikh Haji Muhammad Ali Sejangkang masih memerlukan penyelidikan. Sejangkang berada di dalam Selangor, sedangkan ulama yang tersebut masih di dalam `selubung' yang masih belum `terselakkan'. Kedua-dua salasilah di atas bertemu pada Syeikh Muhammad As'ad. Daripada Syeikh Muhammad As'ad melalui muridnya, ulama yang sa-

ngat terkenal, iaitu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani turun ke bawah termasuklah Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani. Daripada Syeikh Muhammad As'ad melalui muridnya Syeikh Haji Asy'ari, yang juga masih belum terungkap, turun ke bawah termasuklah Imam Muhammad Dahlan bin Hasan Minhaj.

Untuk lebih jelas tentang Silsilah Thariqat Syathariyah Imam Muhammad Dahlan dapat dibaca dalam kertas kerja yang berjudul Sanad Keilmuan Syeikh Ahmad Al-Fathani dan Ulama Selangor, yang dibahas (dibentangkan) pada hari Ahad, 20 Rabiulakhir 1426 H/29 Mei 2005 M. di Masjid Bandar Baru Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan.

Selain mengamalkan Thariqat Syathariyah, Imam Muhammad Dahlan bin Muhammad Minhaj juga mengamalkan dua tarekat yang lain, iaitu Thariqat Khalwatiyah dan Thariqat `Ulwiyah /Thariqat `Alawiyah. Keterangan lanjut kedua-dua tarekat ini terpaksa ditangguhkan kerana kekurangan ruangan.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Tengku Muhammad al-Fathani - Ulama besar Jambi

Tengku Muhammad al-Fathani - Ulama besar Jambi

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DI DALAM Ruangan Agama, Akhbar Utusan Malaysia, terbitan hari Isnin, 22 Mac 2004, Seksyen 3 halaman 9, disiarkan tentang Tengku Mahmud Zuhdi, Syaikhul Islam Selangor. Hari ini diperkenalkan pula anaknya yang juga seorang ulama besar dan sangat terkenal di Jambi, Sumatera. Apabila bercerita mengenai ulama ini, sekurang-kurangnya akan menyentuh hubungannya dengan Jambu di Patani, Mekah, Selangor dan Jambi. Terutama dua nama yang hampir serupa, iaitu Jambu dan Jambi. Hubungan kedua-dua Kerajaan Jambu dan Kerajaan Jambi telah wujud sejak lama tetapi belum pernah diungkapkan oleh para penulis. Sampai penghujung abad ke-19, banyak berlangsung perkahwinan antara orang Jambu dengan orang Jambi.

Nama lengkapnya ialah Kiyai Haji Tengku Muhammad bin Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdur Rahman bin Tuanku Nur bin Raja Belat Ibnu Raja Datu al-Fathani al-Jawi. Beliau dilahirkan di Mekah pada tahun 1323 H/1905 M. dan meninggal dunia di Jakarta pada hari Ahad, 5 Muharam 1397 H/26 Disember 1976 M. Jenazahnya diterbangkan ke Jambi dan dikebumikan di Jambi.

PENDIDIKAN

Tengku Muhammad al-Fathani al-Jambi mendapat pendidikan Islam tiga sistem, iaitu pendidikan Islam tradisional Patani, pendidikan Islam tradisional mengikut tatacara orang Arab Mekah, dan pendidikan Islam persekolahan. Pendidikan Islam tradisional sistem hafalan cara Patani dibimbing oleh ayahnya, Tengku Mahmud Zuhdi sendiri dan beberapa orang ulama Patani yang berada di Mekah pada zaman itu.

Sistem pendidikan Islam tradisional Patani adalah secara hafalan matan dan sekali gus menghuraikan setiap perkataan dan baris kalimat dalam matan dengan cermat dan terperinci. Setiap perkataan ditimbang dengan timbangan sharaf, sedang kalimat dirujuk kepada nahwu. Sistem pendidikan Islam tradisional Arab Mekah ialah penekanan hafalan al-Quran dan hadis tanpa huraian yang mendalam. Selain itu mendengar guru membaca kitab, terutama kitab-kitab hadis dengan bacaan cepat, tanpa terikat dengan tanda baca, seperti koma atau pun titik. Sistem ini lebih mementingkan banyak jumlah kitab yang ditamatkan dan mengambil berkat daripada seseorang ulama.

Oleh sebab Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani adalah salah seorang guru di Madrasah Shaulatiyah, maka anaknya Tengku Muhammad dimasukkan ke madrasah tersebut. Madrasah Shaulatiyah adalah sebuah sekolah agama Islam di Mekah yang didirikan oleh orang India, dan pada zaman itu ia merupakan sekolah paling popular. Sistem pendidikannya adalah gabungan persekolahan cara moden dan sistem pendidikan Islam tradisional India. Daripada semua yang telah diungkapkan di atas, dapatlah dipastikan bahawa pada diri Tengku Muhammad tergabung pelbagai sistem pendidikan Islam. Oleh itu cara beliau mengajar dan berdakwah mempunyai gaya tersendiri.

AKTIVITI

Pada tahun 1929 beliau berpindah dari Jambi ke Selangor bersama anaknya, Tengku Muhammad. Selain membantu kerja-kerja ayahnya berkhidmat kepada Sultan Sulaiman, Sultan Selangor, Tengku Muhammad mendapat pendidikan khusus dalam segala bidang, sama ada kepentingan ukhrawi mahu pun duniawi. Oleh itu Tengku Muhammad adalah seorang ulama yang memahami liku-liku pentadbiran.

Untuk menjejaki riwayat Tengku Muhammad, penulis telah mewawancara ramai personaliti, dimulai dari Kelang, Selangor menemui Tengku Abdul Hamid, saudara kandungnya (1972), ke Jambu menemui Imam Tengku Haji Ahmad, juga saudaranya dan

ramai lagi. Bulan Disember 1985 penulis mula menjelajah dari Tanjung Pinang ke Tembilahan dan ke Kuala Enok. Mulai Tembilahan ke Kuala Enok dan seterusnya ke Jambi, penulis hampir maut dipukul ribut kerana menumpang sebuah bot laju. Di sini penulis sempat berjumpa salah seorang rakan seperjuangan Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, Haji Juneid Kasang (tahun 1985, berusia 124 tahun) yang berasal dari Ngabang, Kalimantan Barat. Daripada beliau banyak diperoleh pelbagai maklumat.

Sebab-sebab Tengku Muhammad bin Tengku Mahmud Zuhdi berpindah dari Kelang, Selangor ke Jambi ialah kerana masyarakat Islam Jambi memohon kepada Tengku Mahmud Zuhdi, Syeikh al-Islam dan Sultan Sulaiman, Sultan Selangor, agar Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani kembali ke Jambi. Sultan Sulaiman tetap mempertahankan Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani tinggal di kerajaan Selangor, namun baginda tidak mahu mengecewakan kehendak rakyat Jambi, maka sebagai gantinya baginda bersetuju agar Tengku Muhammad, anak Tengku Mahmud Zuhdi sahaja yang berangkat ke Jambi.

Di Jambi beliau dikenali dengan nama Kiyai Haji Muhammad Mahmud Zuhdi dan digelar dengan Ulama Jubah Hitam. Beliau diberi gelaran demikian kerana mempunyai disiplin tersendiri, iaitu dalam urusan-urusan tertentu dengan pakaian yang rapi dan mencerminkan seorang ulama yang berwibawa dan hebat. Beliau memakai serban dan jubah hitam yang khusus. Dalam upacara biasa atau sewaktu mengajar dan berdakwah, beliau juga memakai jubah hitam tetapi agak berbeza dengan upacara-upacara besar, rasmi dan tertentu.

Sekitar tahun 1930, Tengku Muhammad mulai memimpin Madrasah Sa'adatud Darain, Kampung Tahtul Yaman, iaitu sebuah sekolah agama Islam yang diasaskan oleh Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani sebelum beliau pindah ke Kelang, Selangor. Sekolah tersebut terpaksa ditutup pada tahun 1941 kerana darurat perang dunia yang kedua (1939 - 1945).

Tengku Muhammad pernah mengasaskan satu pertubuhan yang dinamakan Azzuhdiyah di Tanjung Pinang, Jambi (bukan Tanjung Pinang, di Kepulauan Riau). Pertubuhan tersebut ditangani beliau sampai akhir hayatnya. Memperhatikan pada nama Azzuhdiyah, dapat dipastikan bahawa ada hubungan dengan Tengku Mahmud Zuhdi, Syeikh al-Islam Selangor.

Menurut banyak sumber, Tengku Muhammad adalah seorang ulama besar bukan dalam lingkungan Jambi sahaja tetapi termasuk tempat rujukan ulama Sumatera, bahkan ulama Indonesia. Dalam perkara-perkara penting yang melibatkan keIslaman, beberapa ulama dan pemimpin Indonesia datang menemui beliau di Jambi atau beliau diterbangkan ke Jakarta. Bukan setakat itu, beliau juga ada hubungan dengan ulama-ulama peringkat antarabangsa terutama ulama Mekah. Oleh itu beliau sering ke Mekah, terutama pada musim haji. Tengku Muhammad seorang yang sangat aktif menyampaikan ceramah dalam kota Jambi, Jakarta dan beberapa tempat lain, termasuk di Mekah. Jika beliau memberikan ceramah di Mekah atau di Asia Barat di

kalangan para cendekiawan, beliau menggunakan bahasa Arab. Beliau lebih fasih berbahasa Arab jika dibandingkan dengan bahasa Melayu.

PENULISAN

Walaupun hasil karya Tengku Muhammad tidak sebanyak karya ayahnya, Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, namun dapat dicatatkan bahawa beliau termasuk golongan ulama yang sempat menghasilkan karya yang menjadi tatapan dan mempengaruhi pemikiran para muridnya. Antara risalah untuk amalan dan pegangan peminat-peminat beliau yang disebarikan ketika beliau berceramah ialah: Munajat Sebelum Fajar (14 Mei 1966), I'tiqad Ahlis Sunnah wal Jamaah (10 Julai 1968), Al-Wasilah (Mekah al-Mukarramah, 16 Muharam 1389 H/3 April 1969 M) dan lain-lain. Selain berupa risalah yang tersebut, terdapat beberapa buah kitab yang diterbitkan oleh Al-Ahmadiyah, Singapura, tahun 1930an. Kitab yang dapat dikesan ialah Badi'uz Zhuhur.

Antara pesanan Tengku Muhammad yang ringkas tetapi mantap, katanya, ``Ingin selamat, bersihkan diri daripada maksiat. Ingin berjiwa luhur, munajatlh waktu sahur.'`

KETURUNAN

Penulis datang ke Jambi menemui keluarga ini dua kali, iaitu pada Disember 1985 dan tahun 1986. Penulis dilayan dengan baik oleh mereka. Beberapa malam penulis tidur di rumah Tengku Muhammad di Kampung Tahtul Yaman. Rumah tersebut dihuni oleh anaknya yang bernama Zakaria bin Tengku Muhammad. Kedatangan penulis yang kedua di Jambi, Zakaria memperoleh seorang cucu daripada anak perempuannya. Menantunya bernama Mirza. Ketika pasangan itu mendapat anak, Mirza dan ayah mentuanya, Zakaria meminta supaya anak yang dilahirkannya itu diberikan kepadanya. Selain Zakaria ada lagi seorang anak Tengku Muhammad yang sempat penulis jumpa.

Salah seorang anak perempuan Tengku Muhammad berkahwin dengan seorang pegawai bank kerajaan di Aceh. Sungguhpun penulis banyak mencatat pelbagai sejarah, namun tidak terlepas daripada kelalaian, kerana sibuk mencatat hal-hal lain sehingga nama anak-anak Tengku Muhammad bin Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani tidak terdapat dalam catatan penulis. Nama Zakaria dan Mirza tersebut itu pun hanya ada dalam ingatan, mohon maaf sekiranya terjadi kekeliruan ingatan.

MENINGGAL DUNIA

Di dalam akhbar Ampera No. 129, Tahun ke-VIII, Selasa 28 Disember 1976 tertulis, ``Seorang Tokoh Agama Islam yang terkenal di Jambi Guru Zuhdy, hari Minggu 26 Disember tutup usia di Jakarta. Almarhum singgah di Jakarta dalam perjalanan kembali ke Jambi dari Tanah Suci Mekah. Jenazah Tokoh Islam Jambi itu, Senin

kemaren tiba di lapangan Palmerah dengan pesawat terbang milik National Air Charter. Ribuan masyarakat termasuk sejumlah besar pegawai pemerintah di sini menyambut di lapangan terbang. Dari Palmerah jenazah dibawa ke Mesjid Raya Jambi untuk disembahyangkan ...

Beliau meninggal dunia tanpa menghidap sebarang penyakit. Pada malam dan Subuh hari meninggalnya, beliau masih sempat memberi nasihat.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Ismail Al-Asyi - Ketua Mahasiswa Melayu pertama di Mesir

Syeikh Ismail Al-Asyi - Ketua Mahasiswa Melayu pertama di Mesir

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

PENYELIDIKAN pertama terhadap ulama yang berasal dari Aceh ini dimulai dengan pengesanan artikel-artikel karya beberapa orang ulama yang beliau kumpulkan dalam satu kitab yang cukup terkenal di dunia Melayu yang diberi judul olehnya ``Jam'u Jawami'il Mushannafat''. Selain itu juga kitab yang diberi judul oleh beliau dengan ``Tajul Muluk''. Setelah itu dijumpai pelbagai judul karya beliau sendiri dan beberapa buah kitab yang ditashhahnya.

Galakkan

Dalam fail surat Syeikh Ahmad al-Fathani 1323 Hijrah - 1325 Hijrah dijumpai beberapa lembar surat Syeikh Ahmad al-Fathani, di Mekah, kepada Syeikh Ismail bin `Abdul Muthallib al-Asyi di Kaherah, Mesir. Dari surat-surat itu dapat diambil kesimpulan bahawa Syeikh Ismail bin `Abdul Muthallib al-Asyi itu adalah termasuk murid Syeikh Ahmad al-Fathani. Beliau dilantik oleh Syeikh Ahmad al-Fathani menjadi Ketua Pelajar-Pelajar Melayu di Kaherah, sedang Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dilantiknya sebagai Ketua Pelajar Putera Diraja Riau di Kaherah juga. Dipercayai bahawa Syeikh Ismail bin `Abdul Muthallib al-Asyi adalah sebagai Ketua Pelajar Melayu di Kaherah yang pertama sekali. Ada pun perintis jalan orang Melayu yang pertama belajar di Masjid Al-Azhar ialah Syeikh Ahmad al-Fathani (tahun 1292 Hijrah sampai 1299 Hijrah). Setelah Syeikh Ahmad al-Fathani kembali ke Mekah beliau menggalakkan murid-muridnya belajar di Mesir terutama sekali di Al-Azhar. Maka sangat ramai pelajar kita yang berasal dari dunia Melayu pergi ke Mesir itu. Selain Syeikh Ismail al-Asyi dan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Minangkabau termasuk peringkat awal ke Mesir juga di antaranya ialah: Syeikh Ahmad Tahir Khathib Kerue (Lampung), Syeikh `Abdur

Razzaq bin Muhammad Rais Lampung, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani, dan ramai lagi.

PENDIDIKAN

Pendidikan asas di Aceh tidak dapat diketahui secara pasti. Dari tulisannya sendiri yang termaktub dalam cetakan Zahratul Murid karya Syeikh `Abdus Shamad al-Falimbani, beliau menyebut, ``Adapun silsilah haqir Ismail bin `Abdul Muthallib al-Asyi, maka telah mengambil talqin zikir dan bai'ah daripada Syeikh Muhammad `Ali. Ia mengambil daripada Syeikh Muhammad As'ad. Ia mengambil daripada Syeikh Sa'id...''', dan seterusnya sama dengan silsilah Thariqat Syathariyah versi Syeikh Daud bin `Abdullah al-Fathani. Tidak jelas ``Syeikh `Ali'' yang disebutkannya dalam silsilah itu, apakah berasal dari Aceh atau tempat lainnya. Yang menjadi kemusykilan ialah bahawa apabila kita semak bererti ``Syeikh `Ali'' itu seperguruan dengan Syeikh Daud bin `Abdullah al-Fathani, kerana Syeikh Daud bin `Abdullah al-Fathani juga menerima Thariqat Syathariyah daripada Syeikh Muhammad As'ad itu.

Syeikh `Ali al-Asyi adalah ulama Aceh yang seperguruan dengan Syeikh Daud bin `Abdullah al-Fathani. Syeikh `Ali al-Asyi lebih muda dari Syeikh Daud bin `Abdullah al-Fathani, kemungkinan beliau berumur panjang sehingga Syeikh Ismail al-Asyi sempat menerima thariqat daripadanya. Sebaliknya Syeikh Ahmad al-Fathani tidak sempat bertemu dengan Syeikh Daud bin `Abdullah al-Fathani, yang menjadi murid ulama Patani itu ialah Syeikh Muhammad Zain al-Fathani (ayah beliau).

PENTASHHIIH KARYA ACHEH

Sumbangan yang besar Syeikh Ismail al-Asyi ialah mentashhiih kitab-kitab karya ulama Aceh. Beliau adalah orang yang pertama memberi catatan nota beberapa kosa kata dari bahasa Aceh diberikan maknanya ke bahasa Melayu yang umum digunakan pada masa itu. Jadi bererti aktiviti tashhiih kitab Melayu/Jawi yang diasaskan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani di Mekah itu, bahagian penelitian bahasa Aceh ditangani oleh Syeikh Ismail al-Asyi. Syeikh Ismail al-Asyi mulai melibatkan diri dalam usaha Syeikh Ahmad al-Fathani itu sejak permulaan lagi, bersama-sama dengan Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani, Syeikh Idris bin Husein al-Kalantani, Syeikh Abdur Rahman Gudang al-Fathani, ketiga-tiganya merupakan orang kepercayaan Syeikh Ahmad al-Fathani dalam semua permasalahan tashhiih. Kitab-kitab yang ditashhiih oleh Syeikh Ismail al-Asyi pada peringkat awal dikumpulkan dalam Jam'u Jawami'il Mushannafat ialah:

1. Hidayatul `Awam karya Syeikh Jalaluddin bin Kamaluddin Aceh.
2. Faraidh al-Quran, tanpa nama pengarang.
3. Kasyful Kiram karya Syeikh Muhammad Zain al-Asyi.
4. Talkhishul Falah karya Syeikh Muhammad Zain
5. Syifaul Qulub karya `Arif Billah Syeikh `Abdullah Aceh.

6. Mawaizhul Badi'ah karya Syeikh `Abdur Rauf Fansuri
7. Dawaul Qulub karya Syeikh Muhammad bin Syeikh Khathib Langien.
8. I'lamul Muttaqin karya Syeikh Jamaluddin bin Syeikh `Abdullah.

Cetakan awal kitab di atas diusahakan oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah. Halaman terakhir cetakan ke lapan, 1320 H/1902 M disebutkan bahawa pada cetakan itu ditambah dua naskhah lagi iaitu, Fathul `Arifin, Paal Kamalullah dan Paal Nabi S.A.W. Syeikh Ismail al-Asyi mencatatkan, ``... dan ditashhihkan dengan cermat dan ditaruhkan pula pada tepinya hasyiah yakni tafsir kalam yang payah jadi mudah''. Maksudnya bahawa beliau memberi nota bahasa Aceh disesuaikan dengan maknanya dengan bahasa Melayu, dan memberikan huraian pada kalimat yang tidak jelas. Pada cetakan yang kemudian dari cetakan tersebut terdapat puisi Syeikh Ismail al-Asyi 18 bait yang terdiri dari dua rangkap-dua rangkap. Kitab yang diusahakan oleh Syeikh Ismail al-Asyi itu mendapat sambutan masyarakat luas di dunia Melayu, sampai sekarang masih banyak diajar dan masih mudah mendapatkannya di kedai-kedai kitab.

Dalam kitab yang berjudul Tajul Muluk terkumpul pula beberapa buah karangan, juga diusahakan oleh Syeikh Ismail al-Asyi. Cetakan awal yang telah ditemui ialah yang diusahakan oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1311 Hijrah/1893 Masehi. Pada mukadimah Tajul Muluk terdapat 34 bait puisi Syeikh Ismail al-Asyi yang terdiri dua rangkap-dua rangkap. Syeikh Ismail al-Asyi memulakan kumpulan Tajul Muluk dengan karya Syeikh `Abbas al-Asyi yang berjudul Sirajuz Zhalam, yang membicarakan ilmu hisab dan falakiah. Pada akhir kitab Sirajuz Zhalam karya Syeikh `Abbas al-Asyi, Syeikh Ismail al-Asyi mencatat, ``Maka telah selesai hamba salin kitab ini dalam negeri Mekah yang Musyarrafah pada masa hijrah Nabi S.A.W 1306 tahun, pada hari Sabtu, pada 28 hari bulan Rabiulawal ... `` Kitab terakhir dalam Tajul Muluk ialah yang berjudul Hidayatul Mukhtar karya Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fathani.

Manuskrip

Sebuah karya Syeikh `Abdus Shamad bin `Abdur Rahman al-Falimbani yang berjudul Zahratul Murid fi Bayani Kalimatit Tauhid yang sebelumnya hanya ditemui manuskripnya saja, dalam bulan April 1993 saya temui cetakannya, pada halaman terakhir terdapat silsilah Syeikh Ismail bin `Abdul Muthallib al-Asyi dan beliau juga menyalin silsilah Thariqat Qadiriyyah dan Thariqat Syathariyyah Syeikh `Abdur Rauf al-Fansuri, ditashhihkan oleh Syeikh Idris bin Husein al-Kalantani. Saya berkesimpulan bahawa kitab Zahratul Murid karya Syeikh `Abdus Shamad al-Falimbani itu diusahakan bersama-sama Syeikh Ismail al-Asyi dan Syeikh Idris bin Husein al-Kalantani, dicetak oleh Mathba'ah at-Taraqqil Majidiyyah al-'Utsmaniyah Makkah, 1331 Hijrah/1912 Masehi.

KARYA DAN PEMIKIRAN

Selain karya yang bercorak tashhah seperti tersebut di atas, Syaikh Ismail al-Asy'i juga menghasilkan karya sendiri, di antaranya yang telah ditemui ialah:

1. Muqaddimatul Mu'tadi-in, diselesaikan pada hari Rabu, 30 Safar, di Mekah, tanpa menyebut tahun. Dicitak oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah, 1307 Hijrah/1889 Masehi. Pada halaman tercantum 19 bait puisi beliau yang terdiri dua rangkap-dua rangkap.
2. Tuhfatul Ikhwan fi Tajwidil Quran, diselesaikan pada waktu Dhuha hari Jumaat dua likur Jamadilawal 1311 Hijrah/1893 Masehi. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1311 Hijrah/1893 Masehi. Terdapat lagi cetakan Mathba'ah al-Miriyah, Mekah, 1324 Hijrah/1906 Masehi.
3. Fat-hul Mannan fi Bayani Ma'na Asma-illahil Mannan, diselesaikan tahun 1311 Hijrah/1893 Masehi. Cetakan kedua oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Makkah, 1311 Hijrah/1893 Masehi.
4. Fat-hul Mannan fi Hadits Afdhal Waladi `Adnan, diselesaikan tahun 1311 Hijrah/1893 Masehi. Hanya diketemukan cetakan Mathba'ah al-Kamaliyah, Kota Bharu, Kelantan, 1379 Hijrah/1960 Masehi yang diusahakan oleh Haji Muhammad bin Ahmad, Kampung Gong, Kelantan, dengan catatan, ``Dengan izin waris pengarangnya dan anak muridnya yang di Mekah al-Mukarramah pada tahun hijrah 1377.''

Kesimpulan bahawa karya Syaikh Ismail al-Asy'i meliputi beberapa disiplin ilmu, ialah `aqidah (Muqaddimatul Mu'tadi-in), tajwid (Tuhfatul Ikhwan), hikmah dan fadhail (Fat-hul Mannan, nombor 3), hadis (Fat-hul Mannan, nombor 4), bahasa (pada kitab-kitab yang ditashhahinya) dan sastera (puisi), yang berbentuk syair dua rangkap-dua rangkap. Syair yang digubahnya dalam bahasa Melayu memang indah susunan bahasanya, tetapi sayang kadang-kadang bercampur dengan bahasa Aceh yang sukar dimengerti oleh masyarakat dunia Melayu umumnya.

Contoh beberapa bait syair Syaikh Ismail al-Asy'i, ialah:

``Wahai ikhwan yang Muslimin,
orang yang yakin akan Rabbana,
Karangan ini intan ku karang,
segala maknikam himpun di sana.''

(Jam'u Jawami'il Mushannafat)

``Barangsiapa tiada makrifat,
segala ibadat tiada guna.

Kitab ini baik sekali,

makrifat Rabbi di sini nyata.’’

(Muqaddimatul Muftadi-in)

KETURUNAN

Keturunan Syeikh Ismail al-Asyi ramai di Mekah, mengenai ini dapat diketahui di antaranya tercatat dalam kitab Durrul Faraid karya Syeikh Nuruddin ar-Raniri cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Makkah, 1311 H/1893 M, tertulis, ``Maka orang yang empunya kitab ini Tuan Haji Ahmad anak Tuan Syeikh Ismail anak Tuan `Abdul Muthallib al-Asyi ... Dia duduk di muka pintu, di dalam Maq'ad, di sanalah empunya kitab ini.’’ Syeikh Ismail bin `Abdul Muthallib al-Asyi meninggal dunia di Kaherah, Mesir, demikian tersebut dalam buku Student Indonesia di Mesir.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Abu Bakar Palakka - Penyambung aktiviti Syeikh Yusuf Makasar

Syeikh Abu Bakar Palakka - Penyambung aktiviti Syeikh Yusuf Makasar

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

AKHIR-akhir ini mulai ramai intelektual kita membicarakan seorang ulama yang berasal dari negeri Bugis. Beliau ialah Syeikh Yusuf Tajul Khalwati al-Mankatsi (al-Maqassari). Dalam tahun 1980 sewaktu buku saya berjudul Perkembangan Tasawuf dan Tokoh-Tokohnya di Nusantara, yang juga memuatkan ulama tersebut diterbitkan, dalam tahun tersebut masih sangat langka orang membicarakan ulama itu.

Beberapa orang sarjana telah memetik tentang Syeikh Yusuf daripada buku saya itu, di antara mereka ialah, Martin van Bruinessen (Belanda) ketika menyusun buku Tarekat Naqsyabandiyah di Indonesia (cetakan pertama, Mizan, 1413/1992), Dr. Azyumardi Azra ketika menyusun Jaringan Ulama (cetakan pertama, Mizan, 1415/1994) dan ramai lagi.

Penyelidikan saya dalam tahun 1980 itu boleh dikatakan masih sangat dangkal, kerana setelah tahun yang tersebut itu, bahan-bahan baru banyak saya temui. Orang lain menulis di hujung nama Syeikh Yusuf dengan ``al-Maqassari'' tetapi dalam penyelidikan yang terakhir ini, saya menggunakan perkataan ``al-Mankatsi''. Ini adalah berdasarkan sebuah manuskrip yang ada pada saya. Sebagaimana pernah saya tegaskan, bahawa saya tidak menggunakan istilah ``al-Sinkili'' sesudah nama Syeikh Abdur Rauf tetapi menggunakan istilah ``al-Fanshuri'' atau ``al-Fansuri''. Demikian juga saya tidak memakai istilah as-

Sumatrani'' atau ``as-Samatrani'' di hujung nama Syeikh Syamsuddin tetapi menggunakan istilah ``as-Sumathra-i'' atau ``as-Sumatra-i''.

Bagi saya, sesuatu penyelidikan bukanlah perkara untuk diperniagakan dengan harga murahan dan mengikut kata-kata orang semata-mata, tetapi perlu merujuk kepada bahan-bahan yang bercorak asli terutama sekali, manuskrip yang disusun sendiri oleh siapa sahaja yang akan kita riwayatkan.

Di bawah ini adalah, riwayat salah seorang keturunan Syeikh Yusuf Tajul Khalwati al-Mankatsi yang menyambung aktiviti ulama besar yang berasal dari Bugis-Makasar yang sangat terkenal itu. Dalam tahun 1976, saya telah memperoleh beberapa buah manuskrip salinan keturunan Syeikh Yusuf al-Mankasti yang tinggal di Punggur, Kalimantan Barat. Manakala manuskrip-manuskrip itu saya teliti, sejak saya miliknya pada tahun 1976, berulang kali hingga sekarang (1426 H/2005 M), banyak informasi yang diperoleh daripadanya. Beberapa buah di antaranya, adalah karya Syeikh Yusuf al-Mankatsi, sebuah karya murid beliau. Yang berperanan sebagai penyalin pula beberapa orang ulama Bugis termasuk keturunan beliau.

Aktiviti penyalinan dilaksanakan di beberapa tempat iaitu: Mekah, Bone, Palakka dan Pontianak. Ada beberapa orang penyalin manuskrip, berdasarkan catatan tahun pada manuskrip adalah hidup se zaman dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, Syeikh Abdul Wahhab Sadenreng Daeng Bunga Wardiyah, Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari dan ramai lagi.

Nama, gelar dan pendidikan

Nama yang sebenar penyalin yang pertama ialah Haji Abu Bakar. Nama gelarannya ialah ``Al-Khathib Bone''. Namanya yang lain, dikenali dengan Haji Abu Bakar Wajo (Wajok). Ayahnya bernama Khathib al-Bathualaq Ibrahim al-Buni. Salah seorang saudaranya bernama Ahmad bin al-Bathualaq Ibrahim al-Buni, juga terdapat salinan manuskrip.

Beliau mendapat pendidikan di Mekah, pada salah sebuah salinan manuskrip ada dicatatkan bahawa beliau memiliki sebuah rumah di Mekah, kemudian rumah itu dijadikan rumah wakaf. Rumah tersebut terletak di al-Qararah, di Zuqaqul Arab. Setelah beliau turun ke negeri Bugis, rumah wakaf itu dinaziri oleh Syeikh Muhammad ibnu al-Marhum Syeikh Yahya Bugis. Di rumah itulah salah seorang kerabat mereka bernama Haji Muhammad Mustahyi ibnu Qasim al-Buqisi al-Buni menyambung aktiviti Haji Abu Bakar itu menyalin berbagai-bagai judul manuskrip yang dikarang oleh ulama-ulama terkenal di antaranya, Syarh Tuhfatul Mursalah karya Syeikh Abdul Ghani an-Nablusi yang terkenal itu. Semua kitab yang disalinnya adalah mengenai tasawuf dan beliau adalah seorang pengamal berbagai-bagai tarekat, yang dipegang dengan kuat ialah Thariqat Syathariyah. Menurut keterangan Haji Muhammad Nur Punggur (penyimpan manuskrip ulama yang diriwayatkan), silsilah tarekat beliau (Haji Muhammad Nur) bersambung kepada

Haji Abu Bakar Bugis itu, bersambung terus hingga kepada datuk nenek mereka, Syeikh Yusuf Tajul Khalwati al-Mankatsi yang terkenal dan meninggal dunia di Afrika Selatan itu.

Oleh sebab di Mekah Haji Abu Bakar Wajo al-Buqisi seperguruan dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan Syeikh Muhammad Ali al-Asyi (Aceh) yang membai'ah dan mentawajjukkan mereka zikrullah kaedah Thariqat Syathariyah itu ialah Syeikh Muhammad As'ad, silsilah selanjutnya sama dengan silsilah Thariqat Syathariyah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

Salinan manuskrip

Kitab-kitab yang pernah disalin oleh Haji Abu Bakar Bugis, dalam bahasa Arab dan semuanya mengenai ilmu tasawuf. Selain itu, terdapat juga naskhah-naskhah dalam bahasa Bugis. Naskhah dalam bahasa Bugis tidak dibicarakan dalam artikel ini. Salinan-salinan tersebut disenaraikan di bawah ini, iaitu;

1. Risalatul Wudhu karya Tajuddin yang digelar dengan Tajul bin Arifin ibnu Sultan Utsman an-Naqsyabandi, yang nasabnya sampai kepada Saiyidina Utsman ibnu Affan R. A. Haji Abu Bakar Bugis mencatat pada akhir salinannya bahawa diselesaikan pada hari Sabtu, waktu Asar, 26 Jamadilawal di rumah negeri Palakka, tanpa menyebut tahun.
2. Ar-Risalah an-Naqsyabandiyah karya Syeikh Yusuf Tajul al-Khalwati Mankatsi. Dicatat pada halaman akhir, selesai penyalinan pada, hari Sabtu, bulan Muharam, tanpa menyebut tahun. Pada salinan menggunakan nama ``al-Faqir Khathib Bone'', tanpa menyebut nama asli Haji Abu Bakar Wajo Bugis.
3. Jam'ul Fawaid as-Sunbuliyah al-Muwashshalah ila Maratibh al-'Aliyah karya gurunya, al-'Alim al-'Allamah al-'Arif ar-Rabbani Syeikh Muhammad As'ad bin Syeikh Muhammad Thahir as-Sunbul bin al-'Allamah Syeikh Muhammad Sa'id al-Makki.
4. Daqaiq al-Asrar fi Tahqiqi Qawa'id as-Sirriyah wa Bayani Ahlillahil Arifin karya Syeikh Abul Fattah Abu Yahya Abdul Bashir ad-Dhariri iaitu seorang murid Syeikh Yusuf Tajul Khalwati al-Mankatsi. Di akhir salinan dicatatkan, ``...Khathib Bone di rumah di negeri Palakka, selesai menyalin pada waktu Dhuha, hari Rabu, 9 Zulkaedah 1233 H'.
5. Zubdah al-Asrar fi Tahqiqi Ba'dhi Masyarib al-Akhyar karya Syeikh Yusuf at-Tajul Khalwati al-Mankatsi. Dicatat selesai menyalinnya pada 9 Ramadan 1235 H oleh Khatib Bone namanya Abu Bakar.

Kesinambungan aktiviti

Apabila diteliti manuskrip-manuskrip yang berasal dari Haji Abu Bakar Bugis yang telah dijumpai, dapat diambil kesimpulan bahawa, aktiviti penyalinan manuskrip dimulai dari di Mekah dan Thaif. Aktiviti di Mekah dilakukan di sebuah rumah wakaf keluarga Wajo.

Manakala Haji Abu Bakar Bugis pulang ke negerinya, tempat bekerja dijalankan di sebuah rumah di negeri Palakka. Di rumah yang di Bone milik Haji Abu Bakar pula, aktivitiya diteruskan oleh adiknya, Haji Ahmad ibnu Khathib al-Bathuwalag Ibrahim. Sebuah salinan karya Syeikh Yusuf Tajul Khalwati al-Mankatsi, judul *Asrar ash-Shalah fi Tabyin Muqaranah an-Niyah bi Takbirah al-Ihram fi al-Fiqh wa at-Tashawuf `ala I'tiqad Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah wa Mazhab as-Syafi'i*, adalah dilakukan oleh adiknya itu. Tarikh selesai penyalinan waktu Asar, tahun Jim, 25 bulan Haji, 1237 H.

Jika kita bandingkan tahun terakhir Haji Abu Bakar Bugis melakukan penyalinan (1235 H/1819 M) dengan dijumpai salinan adiknya tahun 1237 H/1821 M, dapat diambil kesimpulan bahawa aktiviti beliau disambung oleh adiknya. Kesimpulan yang lain pula mungkin sesudah tahun 1235 H/1819 M, Haji Abu Bakar Bugis itu telah meninggal dunia atau pun kembali ke Mekah atau pun pindah ke Pontianak. Ini semua belum jelas, masih memerlukan penyelidikan lanjut.

Dalam hal yang sama nampaknya aktiviti Haji Abu Bakar Bugis dilanjutkan juga oleh Muhammad Mustahyi ibnu Qasim al-Buqisi al-Buni yang menyelesaikan beberapa salinan manuskrip sebagai yang berikut di bawah ini;

1. Syarh Tuhfatul Mursalah karya Syeikh Abdul Ghani an-Nablusi di rumah wakaf Haji Abu Bakar Wajo di Qararah, di Zuqaqul Arab, Mekah. Rumah wakaf tersebut nazirnya ialah Syeikh Muhammad ibnu al-Marhum Syeikh Yahya Bugis. Muhammad Mustahyi al-Buqisi al-Buni selesai melakukan penyalinan kitab tersebut pada waktu Dhuha, tahun 1245 H, tanpa menyebut tanggal dan bulan. Sesudah itu Haji Muhammad Mustahyi al-Buqisi al-Buni pergi ke Pontianak, Kalimantan Barat.
2. Bidayah al-Hidayah karya Hujjatul Islam Imam al-Ghazali yang diselesaikan pada hari Ahad, waktu Asar 27 Rabiulawal, waktu Jim tahun 1253 H. Secara kebetulan pula dalam tahun yang sama (1253 H) terdapat sebuah salinan Bidayah Hidayah itu oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani yang dilakukan di Mekah. Kedua-dua manuskrip salinan tersebut ada dalam simpanan saya.
3. Anis al-Muttaqin karya Syeikh Abdus Shamad ibnu Faqih al-Husein bin Faqih Abdullah. Penyalinan diselesaikan pada waktu Asar, hari Sabtu, 6 Jamadilawal 1254 H di Pontianak.
4. Tanbih ath-Tullab karya Syeikh Syamsuddin bin Abdullah as-Sumatra-i. Penyalinan diselesaikan pada waktu Asar, hari Isnin, 15 Jamadilawal 1254 H di Pontianak. Apabila kita semak tarikh penyalinan nombor tiga dengan nombor empat, ini bererti ketika selesai menyalin nombor tiga langsung disambung dengan nombor empat. Ini adalah mencerminkan satu kesungguhan, kerajinan dan bertanggungjawabnya Haji Muhammad Mustahyi Bugis yang tersebut.

Ternyata Haji Muhammad Mustahyi al-Buqisi al-Buni menyelesaikan salinan manuskrip yang banyak di Pontianak. Tiada dapat dinafikan bahawa keturunan ulama-ulama Bugis yang tersebut sangat ramai di Pontianak khususnya, dan Kalimantan Barat, umumnya.

Di antara mereka ialah, Haji Muhammad Nur yang menyerahkan beberapa buah manuskrip dalam bahasa Arab tersebut kepada saya pada tahun 1976. Masih banyak manuskrip dalam simpanan beliau, terutama sekali yang ditulis oleh Syeikh Yusuf Tajul Khalwati al-Mankatsi dengan huruf Bugis, dalam bahasa Bugis yang beliau sangat menyayanginya, dipelihara dengan baik dibungkus dengan kain kuning.

Setelah Haji Muhammad Nur tersebut meninggal dunia, saya tidak mengetahui khazanah tersebut diserahkan kepada siapa. Selain Haji Muhammad Nur, keturunan ulama-ulama Bugis yang tersebut ialah Tuan Guru Haji Ismail al-Buqisi, beliau ini adalah Mufti Kerajaan Kubu, Kalimantan Barat. Tuan Guru Haji Ismail al-Buqisi pada satu ketika, bersama Mufti Haji Ismail bin Abdul Majid yang berasal dari Kelantan berperanan penting di kerajaan Pontianak.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Ja'afar Encik Abu Bakar Lingga - Gembala Khazanah Kerajaan Riau-Lingga

Ja'afar Encik Abu Bakar Lingga - Gembala Khazanah Kerajaan Riau-Lingga

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

NAMA Haji Ja'afar hampir-hampir tidak disentuh oleh sebahagian besar sarjana penyelidik tentang ketokohan yang berasal dari Riau. Sebagai contoh Abu Hassan Sham dalam Puisi-Puisi Raja Ali Haji, hanya ringkas sekali, menyebut, ``Dia adalah pengarang Ringkasan Hukum Faraid. Tebalnya 60 halaman. Besar kemungkinan dia juga salah seorang anggota Rusydiah Kelab.'' Oleh itu penulis telah menyusuri riwayat ulama dan tokoh penting kerajaan Riau-Lingga tersebut mulai Pulau Penyengat hingga ke Pulau Singkep dan Pulau Lingga, akhirnya penulis memperoleh seberkas dokumen Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar Lingga yang tidak kalah pentingnya dengan ulama dan tokoh Nusantara lainnya.

Dalam dokumen yang ada sekurang-kurangnya ada tiga perkara untuk menempatkan ulama tersebut sebagai tokoh bijaksana Nusantara, iaitu pernah menjadi Sekretari Rusydiah Kelab, pernah menjadi pentadbir dalam Gembala Khazanah Kerajaan Riau-Lingga, pernah berkhidmat sebagai pentadbir kepada sultan dan kerajaan Terengganu.

Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar mendapat pendidikan terakhir di Mekah, seangkatan dengan ulama-ulama Nusantara yang terkenal seperti Tok Kenali, Mufti Haji Abdullah Fahim, Kiyai Haji Hasyim Asy'ari, dan lain-lain. Walau pun Haji Ja'afar tidak termasuk keturunan Kerabat Diraja Riau-Lingga, namun kerana kecerdasannya beliau mendapat pendidikan khusus tentang pentadbiran dan siasah (politik) bersama-sama Kerabat Diraja Riau-Lingga di Istana Pulau Penyengat. Selanjutnya tugas-tugas penting kerajaan Riau-Lingga banyak diberikan kepercayaan oleh sultan mahu pun Yang Dipertuan Muda kepada beliau. Sampai artikel ini ditulis, penulis belum mengetahui ada tokoh lain yang bukan golongan kerabat diraja berperanan di Kerajaan Riau-Lingga seperti Haji Ja'afar.

ARKIB SURAT-SURAT

Penulis sangat berterima kasih kepada anak perempuan Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar dan menantunya Haji Abdul Ghani yang bermurah hati menyerahkan seberkas dokumen orang tuanya kepada penulis sewaktu penulis menjejaki Pulau Lingga. Menurutnya, kitab-kitab Haji Ja'afar yang sangat banyak semuanya telah musnah, yang dapat diselamatkannya hanyalah yang diserahkan kepada penulis. Lembaran dan jenis surat yang diserahkan kepada penulis pun cukup banyak, hanya segelintir saja yang dapat dibicarakan di bawah ini iaitu:

1. Surat Rusydiyah (Kelab), No. 23 yang ditandatangani oleh Tengku Abdul Qadir ibnu Almarhum as-Saiyid Syaikh al-Qudsi selaku Presiden Rusydiyah (Kelab), tarikh ``Termaktub di Rusydiyah (Kelab) pada 18 hari bulan Zulhijjah, hari Arba' sanah 1317 (Hijrah)'' . Surat ini dengan jelas menyebut bahawa Tuan Haji Ja'afar bin Yarhamullah Encik Abu Bakar ``... dan kami angkat menjadi Sekretaris di Rusydiyah (Kelab) ...''
2. Surat Rusydiyah (Kelab), Angka 6 yang ditandatangani oleh Tengku Abdul Qadir ibnu Almarhum as-Saiyid Syaikh al-Qudsi selaku Presiden Rusydiyah (Kelab), tarikh ``Termaktub di Rusydiyah (Kelab) pada 7 hari bulan Rabiulakhir, hari Isnin sanah pada 1322 (Hijrah)'' . Surat ini dengan jelas tertulis, ``Telah mengangkat akan Tuan Haji Ja'afar bin Yarhamullah Encik Abu Bakar menjabat pekerjaan menjadi Timbalan Rusydiyah (Kelab) kerana telah ittifaq timbangan lid-lid Rusydiyah (Kelab) mematutkan dia berpangkat demikian itu ...'' Daripada kedua-dua surat di atas jelaslah sebagai jawapan tulisan Abu Hassan Sham yang masih bersifat tertanya-tanya bahawa Haji Ja'afar ``besar kemungkinan dia juga salah seorang anggota Rusydiah Kelab'' . Daripada kedua-dua surat itu sangat jelas peranannya, surat pertama melantiknya sebagai menjadi Sekretaris di Rusydiyah (Kelab) sedang surat yang kedua pula melantiknya sebagai menjadi Timbalan Rusydiyah (Kelab).
3. Surat Pengakuan D. Breedveldt Boer Controleur Tandjong Pinang, tarikh Tandjong Pinang, den 27 Jun 1902. Lengkap dengan cap. Surat terdiri daripada tulisan Melayu/Jawi dan di sebelahnya tulisan Latin/ Rumi. Kedua-keduanya menggunakan bahasa Melayu. Yang dengan Melayu/Jawi adalah tulisan

- tangan sedang dengan Latin/Rumi menggunakan mesin taip huruf condong. Di antara kandungannya bahawa Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar ketika bekerja di Khazanah Kerajaan Riau-Lingga adalah seorang yang boleh dipercayai dan pandai sekali memegang dan menjaga khazanah dan daftar-daftar tentang itu. Yang dimaksudkan dengan Khazanah Kerajaan Riau-Lingga ialah merupakan sebuah lembaga kewangan tertinggi Kerajaan Riau-Lingga, jabatan tersebut pernah diketuai oleh Haji Ja'afar. Untuk menentukan bahawa kewangan tidak disalahgunakan sekurang-kurangnya diadakan pemeriksaan kewangan yang juga dilakukan oleh pihak pembesar penjajah Belanda.
4. Surat Raja Khalid Hitam bin Raja Hasan al-Haj dan Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar Mengadap Raja Ali ibnu Almarhum Ahmadi, tarikh 27 Rejab 1320 H. Kandungannya bahawa mereka berdua bermohon keluar dari Penyengat selama satu bulan untuk pemeriksaan kebun-kebun milik Kerajaan Riau-Lingga demi untuk menambah penghasilan kerajaan. Sehubungan dengan surat ini ada sepucuk surat daripada Raja Khalid Hitam bin Raja Hasan al-Haj kepada Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar, tanpa tarikh. Kandungannya kemarahan Raja Khalid Hitam kepada Belanda. Ada tiga perkara yang dibicarakan dalam surat itu, pada angka 2 tertulis, ``Khabarkan dengan Pak Cik apa hal saya ini dibiarkan seorang saya mengadapkan pekerjaan watan ini ? Dan ia sudah senang-senang merantau di segenap negeri yang besar-besar diam sahaja, tiadakah hendak berikhtiar semacam saya ini padahal kita ini ramai''. Yang dimaksudkan dengan Raja Khalid Hitam iaitu seorang pejuang Riau-Lingga yang meninggal dunia di Jepun (1913) kerana minta bantuan untuk melawan penjajah kolonial Belanda. Daripada surat ini dapat dipastikan bahwa Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar adalah termasuk pejuang Riau-Lingga yang anti Belanda.
 5. Surat Gembala Khazanah Kerajaan Riau-Lingga, Angka 1, tarikh Riau Penyengat pada 2 Safar 1322 dan 17 April tahun 1904, Surat Perintah Kepada Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar, kandungannya merupakan perintah kepada Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar pergi ke Sungai Setaman dengan menggunakan kapal kerajaan bernama ``Penyengat 2'' ada lima macam yang ditugaskan kepada Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar terutama ialah pemungutan hasil Kerajaan Riau-Lingga.
 6. Surat Perintah Kepada Haji Ja'afar, tanggal Penyengat pada 19 Syaaban 1322, kandungannya merupakan perintah kepada Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar pergi ke Singkep dengan menggunakan kapal kerajaan bernama ``Penyengat' untuk menjemput beberapa orang pemuka masyarakat kerana akan dilantik menjabat beberapa jabatan kerajaan.
 7. Salinan Surat Sumpah Setia Pegawai-Pegawai Kerajaan Yang Berpangkat Lain Daripada Menteri Dan Amir-Amir Pada Masa As-Sulthan `Abdur Rahman Mu'azhzhah Syah Kerajaan Lingga-Riau, surat asli ditulis malam Selasa, tarikh 7 Rabiulakhir tahun 1327 (Hijrah) bersamaan 26 April tahun 1909 (Masihi). Surat ini telah disalin oleh Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar sendiri. Surat asli ditandatangani oleh 18 orang, mereka ialah: Raja Haji Muhammad Sa'id ibnu Raja Muhammad Tahir, Engku Ambi Saiyid Idris, Tengku

Hasan ibnu Tengku `Utsman (Embung), Engku Syaikh ibnu Saiyid `Utsman Qudsi, Tengku Haji Mahmud ibnu Tengku Nong Kelana, Raja Abu Bakar Selidik Jiwa, Raja Ahmad, Raja `Ali ibnu Raja Hasan, Raja Haji Ahmad ibnu Raja Haji Hasan, Raja Endut, Raja Muhammad Nukman, Haji Husein, Raja Haji `Umar ibnu Raja Haji Hasan, Raja Muhammad Sa'id, Haji Ja'afar ibnu Encik Abu Bakar, Tengku `Ishmatuhum, Raja Idris ibnu Raja Ja'afar dan Tengku Simbob ibnu Tengku `Abdul Qadir.

8. Ringkasan Hukum Faraid, yang disentuh ringkas oleh Abu Hassan Sham di atas. Kitab tersebut diselesaikan di Kampung Baru, Daik, Lingga pada 11 Safar 1334 H dibantu oleh sahabatnya Haji Abdul Hamid ibnu Isa Lingga. Kandungannya merupakan keringkasan cara-cara membahagi pusaka yang diringkaskan daripada kitab Ghayatut Taqrib karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan Al-Manhajul Masyru' karya Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Lathif al-Minankabawi. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 101 Jalan Sultan, Singapura.
9. Catatan Hal Ehwal. Masih dalam bentuk manuskrip asli. Kandungannya merupakan catatan peristiwa beliau mulai berada di Terengganu dan bekerja sebagai Sekretari Sultan Terengganu. Catatan dimulai 1 Muharam 1337 H sampai 1 Rabiulawal 1341 H. Dalam catatan ini dapat kita ketahui hubungan yang sangat erat antara Haji Ja'afar dengan Sultan Terengganu dan para golongan istana Terengganu selain baginda sultan.

Selain itu sangat banyak perkara penting yang terjadi dalam jarak waktu yang tersebut itu, sebagai contoh di antaranya terdapat tentang kewafatan Raja Haji Muhammad Sa'id bin Raja Haji Muhammad Tahir ulama dan pengarang Riau yang terkenal. Haji Ja'afar Lingga menulis, ``11 Safar 1338 H, malam Selasa, jam 9, sampai di pelabuhan Singapura.

Dan mendapat khabar Raja Haji Muhammad Sa'id bin Engku Engah (Engku Engah ialah gelaran untuk Raja Haji Muhammad Tahir bin Marhum Mursyid, pen:) kembali ke rahmatullah pada malam Selasa itu, jam pukul 7. Dan hamba dapat khabar terus hamba naik ke darat di Geylang di rumah Raja Haji Muhammad Tahir itu. Dan petangnya dikuburkan di Bukit Wakab. Dan berjumpalah hamba dengan Raja Haji Ali waktu itu'. Yang dimaksudkan dengan Raja Haji Ali, di sini ialah Tengku Ali atau Tengku Selat, tokoh yang dimuat dalam Utusan Malaysia, Ruangan Agama, minggu lalu. 10. Ada tiga lembar surat Pejabat Setia Usaha Kerajaan Terengganu mengenai Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar masing-masing pada tarikh Terengganu, pada 11 Ramadan 1335 (Hijrah), Terengganu, pada 21 Ramadan 1337 (Hijrah) dan surat S. 1 bilangan 31/38 Di Dalam Jabatan Setia Usaha Kerajaan Terengganu, pada 6 Safar 1338 (Hijrah). Surat yang terakhir ini menyatakan bahawa Haji Ja'afar bin Encik Abu Bakar bekerja di Pejabat Setia Usaha Kerajaan Terengganu mulai 20 Muharam 1335 (Hijrah) sampai 30 Muharam 1338 (Hijrah), tertulis selanjutnya, ``Maka ia minta berhenti kerana hendak balik ke Lingga (Daik). Maka di dalam pekerjaan tiada cacat suatu apa-apanya di dalam pekerjaan itu. Maka telah mengakulah kita Haji Ja'afar itu seorang yang baik di dalam pekerjaannya lagi

taat bagi kerajaan ... `` Walau pun masih banyak dokumen penting mengenai Haji Ja'afar Lingga yang akan dibicarakan namun terpaksa penulis tinggalkan, insya-Allah kelanjutannya akan dibicarakan pada waktu-waktu yang lain.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Jalaluddin al-Kalatani - Perintis pengajian pondok Seberang Perai

Syeikh Jalaluddin al-Kalatani - Perintis pengajian pondok Seberang Perai

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

MAKLUMAT sebelum ini dirwayatkan bahawa dua orang ulama telah membuka pondok pengajian di Sungai Dua, Seberang Perai. Kedua dua ulama itu ialah Syeikh Abdus Shamad bin Abdul Malik Kelombong berasal dari Jeringa, Patani dan Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathani, atau digelar dengan Tuan Minal. Penyelidikan terkini didapati bahawa sebelum kedatangan kedua-dua ulama itu yang membuka pondok pengajian di Sungai Dua, Seberang Perai itu ialah seorang ulama berasal dari Kelantan. Beliau ialah Syeikh Jalaluddin bin Muhammad Yusya' bin Abdul Ghafur al-Jawi al-Kalantani.

Selanjutnya sama ada pertalian nasab ke atas mahu pun keturunan ke bawah Syeikh Jalaluddin al-Kalantani menyentuh kekeluargaan besar para ulama terkenal. Di antara ulama yang ada hubungan kekeluargaan itu ialah Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman bin Abdul Ghafur al-Kalantani, Syeikh Abdus Shamad Kelombong, Tuan Minal al-Fathani, Syeikh Ahmad al-Fathani, Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani, Haji Abdullah Fahim, Syeikh Usman Jalaluddin Penanti, Tuan Guru Haji Zakaria, Kampung Rambai, Tokai, Kedah dan ramai lagi. Artikel ini menyentuh perhubungan kekeluargaan para ulama tersebut, yang merupakan satu penyelidikan dan pengenalan ringkas peringkat awal.

Riwayat Penyelidikan

Sejak tahun 1962 penulis mendapat informasi bahawa Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan al-Kalantani, Pengarang kitab al-Jauhar al-Mauhub dan Lum'atul Aurad mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kebanyakan ulama di Pulau Pinang. Tahun 1970 penulis cuba melakukan penyelidikan di Pondok Syeikh Usman Jalaluddin Penanti, menemui anak beliau bernama Haji Saleh. Tahun 1989 di pondok yang sama, penulis dua kali menemui menantu ulama tersebut, beliau ialah Tuan Guru Haji Abdul Wahhab. Beliau adalah murid kepada Tuan Guru Haji Wan Ibrahim bin Abdul Qadir al-Fathani (Pak Cu Him), Gajah Mati, Kedah. Penyelidikan di pondok tersebut tidak banyak memperoleh maklumat.

Maklumat terbanyak diperoleh ialah pukul 10.00 malam Sabtu, 5 Rejab 1425 Hijrah/21 Ogos 2004 Masihi hingga pukul 11.35 malam Ahad, tarikh 6 Rejab 1425 Hijrah/22 Ogos 2004 Masihi. Selain wawancara terhadap beberapa orang, yang berupa bahan bertulis ialah;

1. Salinan surat jual beli rumah di Mekah milik Syeikh Jalaluddin bin Muhammad Yusya' bin Abdul Gha-fur al-Jawi al-Kalantani, bertarikh 23 Safar 1281 Hijrah.
2. Salasilah Zuriat Allahyarham Hj. Muhammad Yusya' dan Allahyarham Hj. Tahir susunan Yahaya bin Haji Awang
3. Salasilah Awang Kecik Setol susunan Haji Ismail, penulis peroleh melalui Cikgu Mustafa bin Hj. Hasein bin Hj. Tahir, Balik Pulau, Pulau Pinang.

Nama lengkap ulama yang diriwayatkan ini ialah Syeikh Jalaluddin bin Muhammad Yusya' bin Abdul Ghafur al-Jawi al-Kalantani. Syeikh Jalaluddin al-Kalantani kemungkinan adalah saudara sepupu Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman bin Abdul Ghafur al-Kalantani. Mengenai ini berdasarkan nama datuk kedua-keduanya adalah Abdul Ghafur al-Kalantani yang termaktub dalam surat jual beli rumah di Mekah seperti tersebut di atas. Selanjutnya berdasarkan cerita yang mutawatir dapat dipastikan bahawa antara Syeikh Jalaluddin al-Jawi al-Kalantani dan Syeikh Wan Ali al-Kalantani memang ada pertalian keluarga yang sangat dekat. Oleh itu, boleh dipastikan kedua-duanya adalah saudara sepupu.

Daripada surat jual beli rumah di Mekah di atas dapat diketahui beberapa orang ulama yang sezaman dengan Syeikh Jalaluddin al-Kalantani. Sebagai wakil Syeikh Jalaluddin al-Kalantani dalam urusan jual beli rumah di Mekah itu, seorang ulama besar yang sangat terkenal, iaitu Sayid Umar asy-Syami al-Baq'a'ie bin Sayid Muhammad Barakat al-Baq'a'ie. Belum jelas hubungan antara Syeikh Jalaluddin al-Kalantani dengan Sayid Umar asy-Syami al-Baq'a'ie itu, apakah kedua-duanya bersahabat atau Syeikh Jalaluddin al-Kalantani sebagai murid ulama yang sangat masyhur itu. Yang sudah pasti Sayid Umar asy-Syami al-Baq'a'ie yang hidup antara dalam lingkungan tarikh lahir 1245 Hijrah/1829 Masihi dan wafat di Mekah, 18 Syawal 1313 Hijrah/2 April 1896 Masihi adalah guru kepada ramai ulama, di antaranya ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani.

Surat jual beli di atas ditandatangani oleh ramai orang, hanya seorang ulama dunia Melayu yang turut menandatangani sebagai saksi, iaitu Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani (Pengarang kitab Mathla' al-Badrain, yang terkenal), ketika menandatangani surat itu disebut sebagai al-Hakim Syari'ie. Syeikh Jalaluddin al-Kalantani umurnya diperkirakan lebih tua sedikit daripada Syeikh Wan Ali al-Kalantani dan Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani.

Syeikh Jalaluddin al-Kalantani pada mulanya tinggal di Mekah, memperoleh kewarganegaraan Turki Usmaniyah pada 10 Jamadilawal 1299 Hijrah. Selanjutnya pulang ke tanah Jawi menyebarkan agama Islam di beberapa kampung di Pendang, di

antaranya Kampung Tobiak, Guar Kepayang dan lain-lain. Setelah itu Syeikh Jalaluddin al-Kalantani pergi ke Sungai Dua, Seberang Perai. Sewaktu beliau berangkat ke Mekah untuk melanjutkan pelajaran tiga orang anaknya, pada waktu itulah beliau menyerahkan pusat pendidikan pondok itu kepada Haji Abdus Shamad bin Abdul Malik Kelombong al-Fathani. Haji Abdus Shamad mengajak sahabatnya, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad (Tuan Minal) al-Fathani membina pengajian itu, selanjutnya berkembang dengan sangat pesat. Tuan Minal al-Fathani termasuk ulama besar yang sangat terkenal di dunia Melayu kerana beberapa buah karangannya, di antaranya ialah Kasyful Litsam, `Aqidatun Najin dan lain-lain.

Tiga orang anak Syeikh Jalaluddin al-Kalantani setelah ketiga-tiganya menjadi ulama, membuka perkampungan baru dan institusi pengajian pondok yang baru pula. Mereka ialah Haji Zakaria tatap di Pondok Pematang Sungai Dua, Haji Muhammad Saleh membuka Pondok Kampung Setol dan Haji Abdullah membuka Pondok Pematang Buluh. Jarak ketiga-tiga pondok pengajian berdekatan, semuanya dalam kawasan Serang Perai.

Kekeluargaan

Abdul Ghafur al-Kalantani mempunyai beberapa orang anak, di antaranya ialah Muhammad Yusya' dan Abdur Rahman. Syeikh Muhammad Yusya' memperoleh tiga orang anak, ialah Haji Mustafa, Hajah Sarahi dan Syeikh Jalaluddin al-Kalantani.

Haji Mustafa bin Muhammad Yusya' al-Kalantani menurut riwayat beliau adalah salah seorang yang membuka perkampungan Sabak Bernam. Beliau memperoleh tiga orang anak iaitu; Haji Abdur Rahman, Hajah Fatimah dan Hajah Zubaidah. Hajah Sarahi binti Muhammad Yusya' al-Kalantani kahwin dengan Haji Muhammad Arsyad memperoleh tiga orang anak. Salah seorang di antaranya bernama Hajah Khatijah (Tok Itam) berkahwin dengan Haji Abdus Shamad bin Abdul Malik. Beliau memperoleh anak di antaranya Syeikh Abdullah Shamad al-Filfulani (ulama di Mekah) dan Haji Syahabuddin (Tok Ayah). Salah seorang anak Haji Syahabuddin yang perempuan bernama Hajah Habibah yang berkahwin dengan Tuan Guru Haji Ahmad, Sungai Petai, Perak. Memperoleh anak Datuk Haji Hasan Haji Ahmad (Mufti Pulau Pinang sekarang), Prof. Madya Saleh Haji Ahmad (Pensyarah di Universiti Malaya), dan lain-lain.

Syeikh Jalaluddin bin Muhammad Yusya' al-Kalantani kahwin dengan Hajah Sara binti Haji Muhammad Tahir al-Fathani. Hajah Sara adalah adik-beradik dengan Haji Ibrahim (Pak Him). Haji Ibrahim (Pak Him) ini ialah ayah kepada Mufti Haji Abdullah Fahim (Mufti Pulau Pinang, iaitu datuk kepada Datuk Seri Abdullah Badawi Perdana Menteri Malaysia) dan Haji Tahir (Kadi Pulau Pinang, di Balik Pulau).

Perkahwinan Syeikh Jalaluddin al-Kalantani dengan Hajah Sara binti Haji Muhammad Tahir al-Fathani memperoleh tiga orang anak, ketiga-tiganya adalah ulama. Mereka

ialah Haji Zakaria, Haji Muhammad Saleh, Haji Abdullah. Haji Zakaria bin Jalaluddin al-Kalantani kahwin dengan Rabi'ah binti Lebai Din, memperoleh tujuh orang anak, di antaranya Arsyad, Arsyad memperoleh anak bernama Haji Ja'afar, tok guru di Pondok Padang Lalang. Anaknya yang kedua ialah Hajah Asma kahwin dengan Haji Awang, anaknya bernama Haji Yahaya (dari beliau saya peroleh silsilah keluarga ini, pada malam Sabtu, 5 Rejab 1425 Hijrah/21 Ogos 2004 Masihi, sebagai pelengkap maklumat yang telah saya miliki sejak tahun 1962 dari Hajah Wan Zainab binti Syeikh Ahmad al-Fathani, dll).

Haji Muhammad Saleh bin Syeikh Jalaluddin al-Kalantani, memperoleh tujuh orang anak, enam orang di antaranya tinggal di Mekah. Anaknya bernama Hajah Sara kahwin dengan Syeikh Usman Jalaluddin Penanti, seorang ulama besar yang terkenal serta pengasas pusat Pondok Pengajian Manabi'ul `Ulum, Penanti, Bukit Mertajam.

Haji Abdullah bin Syeikh Jalaluddin al-Kalantani berkahwin dengan Wan Maimunah binti Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani (ulama ini adalah Kader Syeikh Ahmad al-Fathani, khusus dalam bidang pentashhihan kitab). Beliau juga memperoleh tujuh orang anak, salah seorang di antaranya bernama Hajah Sa'diyah. Hajah Sa'diyah berkahwin pertama kali dengan Haji Abdul Hamid, anaknya bernama Nik Abdul Rasyid. Perkahwinan kedua dengan salah seorang keluarga ulama yang berasal dari Pontianak, Kalimantan Barat, iaitu Haji Ali bin Muhammad Nur. Perkahwinan tersebut memperoleh empat orang anak, salah seorang di antaranya ialah Aisyah. Beliau inilah yang memandikan dan mengkapankan Hajah Kailan binti Haji Hasan, ibu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Perdana Menteri Malaysia), ketika meninggal dunia.

Penutup

Untuk mengakhiri artikel ini, di bawah ini penulis petik tulisan Haji Yahaya bin Haji Awang, pada bahagian bawah silsilah keluarga ini, katanya, ``Saya berharap semua zuriat Allahyarham Haji Muhammad Yusya' dan Allahyarham Haji Tahir merendangkan susur galur zuriat masing-masing dengan berpandukan asas salasilah yang tercatat dalam buku ini. Saya yakin Allahyarham Haji Muhammad Yusya' dan Allahyarham Haji Tahir mempunyai hubungan darah keluarga selain daripada menjadi besan. Adalah menjadi amalan generasi zaman dahulu mengambil sanak saudara untuk menjadi menantu mereka.'' Sebagai tambahan, penulis berpendapat bahawa setiap keluarga yang besar adalah terdiri daripada golongan ulama, yang berpangkat, yang kaya, yang miskin dan sebagainya. Tugas ulama adalah yang paling berat kerana mereka wajib memberi pengenalan Islam, agamanya kepada semua golongan keluarga besarnya. Golongan berpangkat dan kaya perlulah menyelamatkan keluarga besarnya daripada kemiskinan dan kehinaan supaya sampai pada tahap mudah melakukan ibadah yang diredhai Allah s. w. t.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Muhammad Said Linggi Mursyid Thariqat Ahmadiyah

Syeikh Muhammad Said Linggi Mursyid Thariqat Ahmadiyah

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

ASAL USUL Selain nasab ke atas sebelah lelaki yang berasal dari Hadhralmaut, dapat dipecahkan lagi bahawa datuknya, Haji Idris itu berkahwin dengan Hajah Rahimah binti Khatib Musa bin Amaluddin bin Awaluddin. Dalam Kanzul Mu'id tertulis bahawa Awaluddin dimasyhurkan dengan Dato' Awal anak Faqih yang dimasyhurkan dengan Daeng Abdul Malik. Bahawa keturunan ini ada hubungan dengan Daeng Kemboja, yang dimasyhurkan dengan Marhum Janggut Yamtuan Muda Riau. Marhum Janggut pula adalah putera Upu Daeng Perani.

Hajah Rahimah (nenek Syeikh Muhammad Said) tersebut ibunya bernama Zulaikha binti Dato' Karkung berasal dari Minangkabau, termasuk kerabat ulama besar bernama Syeikh Ismail bin Abdullah al-Khalidi al-Minankabawi, penyusun kitab Kifayatul Ghulam.

Ibunya bernama Hajah Shafiyah binti Haji Muhammad Shalih al-Fathani (meninggal dunia pada 12 Rabiulakhir 1352 Hijrah). Ayah kepada ibunya ini adalah seorang ulama Patani yang mempunyai murid yang ramai. Neneknya (ibu kepada ibunya) bernama Hajah Maryam, beliau adalah keturunan Syeikh Abdur Rasyid al-Fathani, satu-satunya ulama Melayu yang pernah mengajar di Masjidil Aqsa.

PENDIDIKAN

Ketika mengikuti pengajian sistem pondok di Patani, Muhammad Said berguru kepada ulama terkenal, iaitu Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathani (Tuan Minal), pengarang pelbagai kitab Melayu/Jawi. Guru-gurunya yang lain ialah Tok Nahu, Syeikh Muhammad Nuh Kedah, Tok Semela dan lain-lain. Semua ulama yang tersebut adalah murid pula kepada datuknya, Syeikh Abdur Rasyid.

Sewaktu berusia 17 tahun, beliau berangkat ke Mekah untuk melanjutkan pelajarannya. Guru-gurunya di Mekah yang tersebut dalam Kanzul Mu'id sangat ramai, di antaranya yang berasal dari dunia Melayu ialah: Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi, Syeikh Zainuddin as-Sumbawi, Syeikh Wan Ali al-Kalantani dan Syeikh Ahmad al-Fathani.

Di Madinah, Muhammad Said pernah belajar kepada Sayid Jaafar al-Barzanji, Mufti Mazhab Syafie di Madinah al-Munawwarah. Beliau pernah pula mengembara memperdalam ilmu ke Mesir. Di sana beliau sempat belajar kepada Syeikh

Syamsuddin al-Anbasy, Syeikh al-Azhar pada zaman itu. Juga beliau belajar kepada Syeikh Ahmad ar-Rifa'ie, ulama besar Mazhab Maliki di al-Azhar.

Di dalam bidang yang khusus, beliau menerima Thariqat Ahmadiyah ar-Rasyidiyah ad-Dandarawiyah daripada Sayid Muhammad bin Ahmad ad-Dandarawi. Dengan Thariqat Ahmadiyah inilah beliau mencapai kemuncaknya sebagai Syeikh Mursyid Thariqat Ahmadiyah yang terbesar di dunia Melayu. Murid-muridnya dalam bidang Thariqat Ahmadiyah meliputi Cam di Kemboja, Patani, Malaysia (termasuk Sabah dan Sarawak), Singapura dan Brunei Darussalam.

PENYEBARAN THARIQAT AHMADIYAH

Di dalam ulama dunia Melayu terdapat beberapa orang guru Muhammad Said, mereka ialah Syeikh Wan Ali Kutan, Tuan Tabal, Syeikh Ahmad al-Fathani dan lain-lain juga menerima Thariqat Ahmadiyah daripada Sayid Ibrahim ar-Rasyidi (meninggal dunia 1291 Hijrah/1874 Masihi). Beliau adalah guru pada Sayid Muhammad bin Ahmad ad-Dandarawi (meninggal dunia 1327 Hijrah/ 1909 Masihi). Walau bagaimanapun pada peringkat awal Thariqat Ahmadiyah di dunia Melayu tidak berapa jelas perkembangannya.

Dengan kegigihan Muhammad Said, Thariqat Ahmadiyah berkembang dan tersebar dengan sangat lajunya. Thariqat Ahmadiyah mula mendapat sambutan yang luar biasa di Kota Bharu, Kelantan dan menimbulkan kontroversi antara murid-murid beliau dengan golongan yang tidak menyetujuinya. Untuk menenangkan suasana keresahan masyarakat, Raja Kelantan menulis tiga lembar surat pertanyaan yang ditujukan kepada Syeikh Ahmad al-Fathani di Mekah.

Di antara kandungan surat Raja Kelantan yang bertarikh Ramadan 1323 Hijrah (kira-kira 1905 Masihi) itu ialah, ``Iaitu daripada sahaya Raja Kelantan Ibnu al-Marhum as-Sultan Muhammad, mudah-mudahan dipersampaikan kepada orang tua sahaya Wan Ahmad bin Wan Din Fathani yang mujawwir di dalam negeri Makkah al-Musyarrifah ... `` Kalimat selanjutnya, ``Maka adalah sahaya nyatakan kepada orang tua sahaya, bahawasanya telah jatuh di dalam negeri sahaya satu pekerjaan yang pelik, tiada pernah jatuh lagi dahulunya. Iaitu datang seorang nama Haji Encik `Ied bin Haji Jamaluddin Linggi ke Kelantan mengajarkan ilmu Thariqat Ahmadiyah, yang dipanggil orang Thariqat Rasyidi ... ``

Selanjutnya, ``Maka yang mengajar itu kepada sekalian bagi Muslimin, daripada laki-laki dan perempuan, besar dan kecil, yang mempunyai ilmu atawa yang jahil. Bahkan kebanyakan mereka itu daripada juhhalun nas, yang tiada sembahyang, dan tiada mengetahui furudhul `ain, `aqidatul iman, dan lainnya. Dan setengah daripada mereka itu bangsa raja-raja dan anak menteri ... ``

Syeikh Ahmad al-Fathani telah menjawab pertanyaan Raja Kelantan itu dalam tiga bentuk karangan. Yang pertama diberi judul Mir-atul A'ajib fi Jawabi Su-alil

Majazib. Yang kedua ditulis dalam bentuk syair bahasa Melayu, diberi judul Syair Thariqah Shufiyah. Yang ketiga ditulis dalam bentuk syair bahasa Arab, diberi judul Syair Man Li Ya Sa'id. Kesimpulan kandungan keseluruhannya ialah merupakan ilmiah yang berdiri pada pelbagai kaedah keilmuan Islam.

PENULISAN

Syeikh Muhammad Said Linggi juga menghasilkan beberapa buah karangan, di antaranya yang disebut dalam Kanzul Mu'id, ialah: Risalah al-Fawaid, Kasyful Ghiba'an Haqiqatir Riba, Sullamut Ta'rif ila Ilmit Tashrif, Risalah al-Fath, Nazham Kesesatan Kaum Wahabi, Al-Kasyfu wat Tanfis `an Saiyidi Ahmad bin Idris, Syarh Kunuzil Jawahirin Nuraniyah dan Kaifiyat Mengerjakan Tarawih.

Semua judul yang tersebut di atas belum saya jumpai, namun ada dua buah karangan Syeikh Muhammad Said Linggi yang tidak disebut dalam Kanzul Mu'id ada dalam simpanan saya, ialah: Rasail Jawiyah, diselesaikan pada pertengahan Rabiulakhir 1323 Hijrah di Bandar Singapura. Cetakan huruf batu atau litografi tetapi tidak terdapat nama dan tempat di mana dicetak. Kandungannya merupakan kumpulan pelbagai hizib yang diamalkan para Auliya. Perbicaraan dimulai daripada Thariqat Syaziliyah dan diikuti dengan Thariqat Ahmadiyah yang dilengkapi dengan riwayat, silsilah dan berbagai-bagai wirid, amalan-amalan dan lain-lain yang ada kaitan dengannya.

Karangan Muhammad Said Linggi yang masih dalam bentuk manuskrip berjudul Silsilah Thariqah An-Naqsyabandiyah. Naskhah ini saya peroleh pada satu kampung di Negeri Sembilan daripada salah seorang murid Muhammad Said Linggi. Pada awal naskhah dinyatakan bahawa beliau menerima Thariqat Naqsyabandiyah di Mekah kepada Syeikh Usman Rais. Dinyatakan bahawa Muhammad Said bin Jamaluddin al-Linqi ar-Rasyidiyah selesai menulis pada bulan Rejab (tanpa dinyatakan tahun). Naskhah yang dibicarakan ini adalah salinan, tanpa nama penyalin, yang diselesaikan pada 27 Safar 1360 Hijrah, iaitu kira-kira 15 tahun setelah Syeikh Muhammad Sa'id meninggal dunia.

KETURUNAN

Ketika Syeikh Muhammad Said meninggal dunia, beliau meninggalkan 16 orang anak. Sebagai pengganti menjadi Khalifah Thariqat Ahmadiyah adalah anaknya yang bernama Syeikh Haji Abdullah. Anak beliau yang banyak menghasilkan karangan ialah Haji Ahmad yang ketika hidupnya pernah menjadi Mufti Negeri Sembilan. Di antara anak Syeikh Muhammad Said yang sempat saya jumpai ada dua orang iaitu Haji Mansur (1970) dan Haji Tahir (1990). Pertemuan saya dengan kedua-dua anak beliau yang tersebut mempunyai kesan tersendiri.

Daripada Haji Mansur saya menerima sebuah buku manaqib yang berjudul Kanzul Mu'id. Beliau pula membaca secara hafal di hadapan saya syair bahasa Arab yang

panjang karya Syeikh Ahmad al-Fathani yang termaktub pada akhir I'alah at-Thalibin karya Saiyid Abu Bakar Syatha.

Daripada Haji Tahir saya peroleh syair bahasa Arab juga karya Syeikh Ahmad al-Fathani yang pernah diserahkan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani kepada muridnya Syeikh Muhammad Said Linggi. Syair tersebut diberi judul Man Li Ya Sa'id.

Selain itu saya juga sentiasa berhubungan mesra dengan beberapa orang cucu Syeikh Muhammad Said Linggi, di antaranya Datuk Haji Murtadza bin Haji Ahmad, sekarang Mufti Negeri Sembilan.

Pada tarikh 11 Mac 2004, malam Jumaat, saya bersama-sama Datuk Murtadza dan Ustaz Haji Nuruddin al-Banjari diberi kepercayaan menyampaikan ceramah dalam Forum Bicara Ad-Din di Masjid Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Sekudai, Johor.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Datuk Nik Mahmud - Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan

Dat uk N ik M ahmu d - P erd ana M ent eri P adu ka R aja K ela ntan

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

GURU-GURUNYA

Ayahnya, Haji Nik Wan Ismail Qadhi bin Haji Nik Wan Mahmud adalah sahabat Syeikh Ahmad al-Fathani. Kedua-duanya adalah ulama besar. Oleh itu Nik Mahmud mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri di Kelantan.

Setelah ayahnya wafat pada 1315 Hijrah/1898 Masihi, dalam tahun itu juga ibunya Wan Aisyah membawa Nik Mahmud dan tiga orang anaknya yang lain ke Mekah. Nik Mahmud diserahkan pengurusannya kepada Syeikh Ahmad al-Fathani.

Oleh sebab ilmu-ilmu dalam bidang keislaman yang dipelajari oleh Nik Mahmud daripada ayahnya dipandang sudah memadai, maka al-Fathani hanya mendidik Nik Mahmud dalam bidang-bidang ilmu khusus, terutama ilmu pentadbiran dan siasah, serta diperlengkapkan lagi dengan ilmu pertahanan diri.

Sepanjang pendidikan pengkaderan putera-putera Melayu di Mekah yang dilakukan oleh al-Fathani, tidak ramai yang berbakat dalam ilmu pentadbiran dan siasah. Tetapi yang pasti, tercatat dua orang dari kerajaan Riau-Lingga, iaitu Raja Ali Kelana dan Raja Khalid Haitami (cucu Raja Ali Haji). Mereka yang berasal dari

Kelantan pula ialah Nik Mahmud dan Haji Muhammad bin Muhammad Sa'id yang kemudian dikenali memperoleh gelaran Datuk Laksamana.

Hubungan antara Nik Mahmud dengan Muhammad bin Muhammad Sa'id selanjutnya adalah saudara ipar, kerana Nik Mahmud berkahwin dengan Che Aisyah, adik kepada Haji Muhammad bin Muhammad Sa'id.

Walaupun pendidikan di Mekah yang diperoleh Nik Mahmud tidak begitu lama, namun semua guru kepada ulama-ulama yang saya tulis dalam artikel terdahulu juga menjadi guru kepada Nik Mahmud. Selanjut al-Fathani mengirim Nik Mahmud ke Mesir.

Pendidikan khusus untuk Nik Mahmud diberikan oleh al-Fathani di Bukit Jabal Suaidan, Mekah. Pendidikan siasah diberikan dengan menggunakan permainan catur. Sedangkan pendidikan pertahanan diri diberikan di tanah lapang, di tempat yang sama dengan menggunakan pedang, keris dan lainnya.

Untuk memahirkan ilmu pertahanan diri, Nik Mahmud sentiasa membuat latihan di Bukit Jabal Suaidan yang disaksikan sendiri oleh al-Fathani.

Sebelum menceritakan pendidikan Nik Mahmud di Mesir, di sini saya petik satu peristiwa mengenai Nik Mahmud, Tok Kenali dan lain-lainnya bersama guru mereka, al-Fathani dalam perjalanan ke Beirut dan Mesir.

Sewaktu al-Fathani mendapat mandat daripada ulama Mekah ke Beirut dan Mesir untuk menyelesaikan peristiwa khilafiyah antara Sayid Yusuf bin Ismail an-Nabhani (Beirut) dengan Syeikh Muhammad Abduh (Mesir), al-Fathani telah mengajak beberapa orang muridnya menemui kedua-dua ulama tersebut.

Telah menjadi tradisi al-Fathani dan ulama-ulama lainnya, jika akan menyelesaikan masalah-masalah besar, mereka sentiasa bermunajat di tempat-tempat yang makbul. Oleh itu ketika sampai di Tursina, beliau berdoa secara berjamaah. Untuk Nik Mahmud, al-Fathani berdoa, ``minta supaya Allah memberinya kedudukan orang besar di kerajaan Kelantan ... ``

Doa di Tursina ternyata dikabulkan Allah, kerana setelah Nik Mahmud kembali ke Kelantan, akhirnya beliau digelar sebagai Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan.

Beberapa pucuk surat al-Fathani di Mekah kepada Nik Mahmud ketika belajar di Mesir sebagai bukti kesungguhan al-Fathani memberikan pendidikan untuk mengangkat martabat bangsa Melayu, sebagaimana pesannya kepada Nik Mahmud, ``Dan mudah-mudahan anakanda meninggikan hemah pada mendapatkan barang yang sayugia mendapatkan dia, bagi seumpama diri anakanda di dalam ini masa, supaya terangkat dengan yang demikian itu oleh nama jenis Melayu, berat dan terhebat dengan dia oleh kerajaannya pada segala hati ajanib (orang asing, pen:). Dan tertamadun

dengan dia oleh siasah mereka itu sebagai tamadun yang muafakat dengan syara.’’
(Surat bertarikh 19 Rabiulakhir 1324 Hijrah/11 Jun 1906 Masihi).

Surat yang sama maksudnya dengan bahagian yang saya petik ini juga pernah dikirim kepada Sultan Zainal Abidin III, Sultan Terengganu, dan sultan-sultan dalam negeri Melayu lainnya.

Bukti kesungguhan dan penuh rasa tanggungjawab al-Fathani terhadap Nik Mahmud dapat kita pelajari daripada kalimat beliau, ``Dan tatkala sampai surat anakanda kepada bonda anakanda, daripada kenyataan minta tambah lima junaih itu, maka ia beri kepada Abang Awan Kenali dua junaih sahaja. Maka Abang Awan Kenali pun terima hendak pergi kirim kepada anakanda atas tangan Syeikh Abdul Hamid Kudus. Maka sampai khabar itu kepada ayahanda. Maka ayahanda hentikan dia dahulu. Dan ayahanda suruh akan dia minta tambah biar cukup lima junaih. Kemudian datang bonda anakanda ke rumah ayahanda bermusyawarat pada demikian itu, lalu ayahanda minta daripadanya kirim cukup juga kerana takut kepayahan hendak mengirim ...’’
(Surat bertarikh 19 Rabiulakhir 1324 Hijrah/11 Jun 1906 Masihi).

AKTIVITI DI KELANTAN

Nik Mahmud sewaktu bergelar Dato’ Bentara Setia, bersama-sama Tok Kenali dan Haji Muhammad bin Haji Muhammad Sa’id, berhasil menubuhkan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Perisytiharan oleh Sultan Muhammad IV di Istana Balai Besar pada 24 Disember 1915.

Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan berhasil menerbitkan majalah Pengasuh, Tok Kenali sebagai Ketua Pengarang yang pertama. Terbitan pertama 11 Julai 1918. Majalah Pengasuh masih terbit sampai sekarang, bererti majalah inilah majalah Islam di dunia Melayu yang paling lama dapat bertahan.

Nik Mahmud secara rasmi sebagai pentadbir dan diplomat tertinggi Kelantan mulai 29 April 1921, dengan gelar Dato’ Perdana Menteri Paduka Raja. Beliau menggantikan Che Hassan bin Mohd. Salleh yang memegang jawatan Dato’ Menteri Kelantan yang meninggal dunia pada 22 Januari 1921. Datuk Nik Mahmud meletak jawatan pada 27 Disember 1945, diganti oleh anaknya Nik Ahmad Kamil hingga tahun 1953. Istilah yang digunakan setelah terbentuk Persekutuan Tanah Melayu tidak lagi memakai Perdana Menteri, diganti dengan Menteri Besar.

Sangat banyak aktiviti Datuk Nik Mahmud sewaktu memegang jawatan Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan saya tinggalkan saja, saya berkesimpulan bahawa beliau adalah Perdana Menteri Kelantan/Menteri Besar yang paling terkenal dalam sejarah Kelantan sama ada sebelum atau pun sesudahnya.

KARYA-KARYA

Walau pun Datuk Nik Mahmud merupakan tokoh dan ulama sebagai pentadbir tertinggi di dalam pemerintahan kerajaan negeri Kelantan pada zamannya, namun beliau sempat juga menghasilkan beberapa buah karya. Di antaranya yang sempat diterbitkan ialah:

- Cahaya Purnama Bagi Menerangkan Jalan Ugama. Ia diselesaikan di Kota Bharu, Kelantan pada 1 Syaaban 1336 Hijrah/12 Mei 1918 Masihi. Dicetak oleh Mathba'ah Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Kandungannya membicarakan perkara-perkara fardu ain, dimulai perbicaraan ilmu tauhid dan disudahi mengenai mengerjakan haji.
- Tajuk Kemuliaan. Diselesaikan pada 21 Syaaban 1350 Hijrah/31 Disember 1931 Masihi. Dicetak oleh Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan dan Mathba'ah Asasiyah, Kelantan, 1350 Hijrah/1932 Masihi. Kandungannya membicarakan akhlak.
- Ringkasan Cetera Kelantan Mengandungi Silsilah Raja-raja Dan Tarikhnya. Diselesaikan pada 8 Ramadan 1351 Hijrah/4 Januari 1933 Masihi. Dicetak oleh Mathba'ah al-Asasiyah Company Kelantan, tanpa dinyatakan tarikh. Kandungannya menceritakan asal usul keturunan raja-raja Kelantan, Patani, raja-raja yang memerintah dari peringkat awal hingga ke zaman pengarangnya (Datuk Nik Mahmud Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan) dan lain-lain. Pada kata Pendahuluan/dinyatakan bahawa sejarah ini disalin daripada tulisan Pak Wan Mahmud, Menteri Besar yang ditulis dalam tahun 1197 Hijrah, diambil daripada perkataan Pak Bedulah (Abdullah). Dinyatakan oleh pengarang bahawa beliau telah membandingkan dengan naskah yang lain dengan cermat, maka yang diatur ini adalah yang lebih sahnya.
- Perbendaharaan Mustika. Diselesaikan hari Isnin, 2 Jamadilawal 1363 Hijrah. Cetakan pertama Ismailiyah Press, Kota Bharu, Kelantan (tanpa tahun cetak). Dicetak atas kebenaran Nik Mustafa Fadhil (Datuk Seri Amar Diraja) bin Nik Mahmud. Ditandatangani oleh Raja Muda, Yang Dipertua Majlis Ugama Islam, Pejabat Majlis Ugama Islam Kelantan pada tarikh 21 Julai 1946 Masihi. Kandungannya mengupas Al-Asmaul Husna, menghuraikan ilmu hikmah yang diamalkan oleh golongan khas.
- Pati Rahsia. Diselesaikan pada 1 Rejab 1363 Hijrah. Cetakan yang ketiga Haji Daud bin Haji Abu Bakar al-Ahmadi, 3296-B, Jalan Tengku Petra Semerak, Kota Bharu, Kelantan, 1389 Hijrah/1969 Masihi. Dicetak atas perbelanjaan Nik Ahmad Kamil (Datuk Seri Setia Raja) bin Nik Mahmud, dan dicetak atas kebenarannya. Ditandatangani oleh Raja Muda, Yang Dipertua Majlis Ugama Islam, Pejabat Majlis Ugama Islam Kelantan pada tarikh 15 Jun 1946 Masihi, bilangan (3) 136/46. Kandungannya mengupas ilmu hikmah menggunakan berbagai-bagai, isim, wirid, doa, dan lain-lain.

KETURUNANNYA

Di antara anak Datuk Nik Mahmud yang menjadi tokoh atau pembesar sama ada di Malaysia mahupun peringkat antarabangsa ialah Tan Sri Datuk Nik Ahmad Kamil

(meninggal dunia 20 Disember 1977). Di antara anak Tan Sri Datuk Nik Ahmad Kamil pula ialah Tan Sri Datuk Nik Ibrahim Kamil, sekarang Pengerusi Southern Investment Bank Berhad, Kuala Lumpur.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Raja Haji Abdullah - Yamtuan Muda Riau Ke IX

Raja Haji Abdullah - Yamtuan Muda Riau Ke IX

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

RAJA Haji Abdullah adalah putera Raja Ja'afar Yamtuan Muda Riau VI. Raja Haji Abdullah termasuk seorang ulama sufi, seorang mursyid dalam Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah. Mula-mula beliau belajar kepada saudara sepupunya Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad. Setelah itu ke Mekah belajar kepada Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minankabawi, Syeikh Syihabuddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Ahmad al-Jabarti, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan lain-lain.

Sewaktu beliau pulang ke Riau, dialah yang membawa Syeikh Syihabuddin al-Banjari dan Syeikh Ahmad al-Jabarti datang ke Riau untuk dijadikan guru. Kemudian setelah dia menetap di Riau, Syeikh Ismail Minangkabau datang ke Riau. Raja Haji Abdullah sungguh pun seorang raja, namun menyediakan dirinya sebagai khadam Syeikh Ismail al-Minankabawi, ulama besar yang sudah terkenal di Mekah itu.

Sewaktu Syeikh Ismail al-Minankabawi berangkat ke Singapura, dan mungkin ke mana saja Syeikh Ismail pergi, termasuk ke Kedah, Raja Haji Abdullah ikut serta kerana mengharapkan limpah barakah pancaran ilmu sufi yang demikian tinggi yang ada pada peribadi Syeikh Ismail al-Minankabawi itu. Raja Haji Abdullah digelar juga dengan Haji Muda. Selain itu sebagai gelar tertinggi bagi penganut thariqat beliau disebut sebagai Marhum Mursyid. Gelar ini setelah baginda mangkat. Sebenarnya gelar itu memang sesuai untuknya kerana baginda adalah putera Riau yang diakui oleh gurunya Syeikh Ismail Minangkabau sebagai Khalifah Mursyid yang boleh mentawajjuh dan membai'ah para ikhwan Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah itu, apabila Syeikh Ismail Minangkabau tidak berada di Riau.

Setelah saudaranya Raja Ali bin Raja Ja'afar mangkat, Raja Haji Abdullah menggantikan saudaranya sebagai Yamtuan Muda Riau-Lingga ke IX. Walaupun Raja Haji Abdullah sebagai penguasa tertinggi kerajaan Riau-Lingga, namun baginda

tetap sebagai seorang tokoh ahli sufi yang melakukan ibadah dengan rutin sebagaimana disebut oleh Raja Ali Haji, ``Maka di dalam hal itu, maka ia pun duduk di dalam berbuat ibadah juga dengan segala sanak-sanak saudaranya serta menjalankan ibadah Thariqat Naqsyabandiyah itu. Maka tiadalah berhenti khatam dan tawajjuhnya pada tiap-tiap malam Selasa dan hari Jumaat serta menderas ilmu di balainya, iaitu Raja Haji Ali mengajar-ngajar serta membaca kitab-kitab akan segala sanak-sanak saudaranya serta pegawai-pegawai negeri. Ada pun kitab yang dibacanya itu kitab fikah: sah, batal, halal, haram ...''

Berambisi

Raja Haji Abdullah bukanlah seorang yang berambisi atau hubbud dun-ya atau hubbul jah, bahawa baginda berkehendak jadi Yamtuan Muda Riau-Lingga itu, tetapi adalah sebaliknya, pangkat yang disandangnya hanyalah berupa anugerah Allah jua adanya. Ini dapat dibuktikan daripada kata-katanya, ``Saya ini, apabila setahun di dalam pekerjaan raja ini, saya hendak berhenti, jika dikehendaki oleh government, adalah ganti saya anak saya Muhammad Yusuf.'' Perkataan tersebut seakan-akan sindiran bahawa seolah-olah baginda tahu daripada pandangan kasyaf, umurnya tidak akan berapa lama lagi, baginda akan meninggalkan dunia yang fana ini. Selanjutnya baginda mengatakan, ``Ada pun anak-anak sulbi saya tiadalah yang kebetulan kepada hati saya, yang saya hendak pindah ke Bentan, atau mana-mana tempat yang sunyi membuat ibadah.'' Adapun Raja Muhammad Yusuf di atas bukan puteranya tetapi adalah anak saudaranya. Puteranya ketika itu sedang belajar di Mekah namanya Raja Haji Muhammad atau digelar juga dengan Tengku Nong. Raja Haji Muhammad/Tengku Nong itu merupakan orang ketiga mengadakan konteks dengan alim-ulama di Mekah sesudah Raja Haji Ahmad bin Raja Haji dan Raja Haji Abdullah.

Raja Haji Abdullah Yamtuan Muda Riau ke IX jatuh sakit tumbuh bisul di belakangnya. Penyakit itu mengakibatkan ajalnya. Sebagaimana saudaranya Raja Ali ketika akan mangkat dulu sempat berwasiat dan wafat dalam kalimah zikrullah, maka Raja Haji Abdullah yang tinggi pengetahuan sufiyahnya tentu lebih daripada itu adanya. Baginda juga memanggil sanak saudaranya terutama Raja Ali Haji. Baginda juga sempat meninggalkan wasiat. Raja Ali Haji menulis, ``Maka hampirlah wafatnya, maka ia pun memanggil kekandanya Raja Ali Haji dekat-dekat dia, ia minta riba (pangku, pen:) kepalanya. Maka ia pun bercakap perlahan-lahan pada pekerjaan barzakh, iaitu ba'dal maut, serta beringat-ingatan ilmu, fatwa segala Masyaikh Ahli Thariqat...'' Kemudian ia pun minta tasbihnya diunjukkan isterinya sambil menangis, kemudian bertanya pula ia kepada Raja Ali, ``Pukul berapa ini?''.

Kata Raja Ali, ``Hampir pukul sebelas!''

Katanya, ``Uzurkah tuan hari ini? Tiada usahlah sembahyang Jumaat dahulu, ditinggalkan saja!''.

Jawab Raja Ali, ``Baiklah !''

Seketika lagi ia pun berkata, ``Sesak dada!''

Sekira-kira sampai pukul dua setengah istighfarlah ia di dalam zikir nafi itsbat zal Haq, zikir ismuz Zat. Seketika, rohnya pun berpindah dari negeri fana' ke negeri yang baqa'. Surat wasiatnya diserahkan kepada Raja Ali Haji sementara menunggu puteranya Raja Muhammad/Tengku Nong pulang dari Mekah. Ada pun wasiat itu tulisan tangan dengan huruf Melayu/ Jawi atas kertas lebar dengan khat indah sebagai yang berikut, ``Tarikh as-Sanah 1276, kepada 26 hari bulan Zulhijjah, hari Sabtu, bahawasanya kita Raja al-Haji Abdullah Yang Di Pertuan Muda membuat suatu surat wasiat ini bagi anak-anaknya. Dan pada ketika tarikh ini juga yang aku telah memberikan kepada anakku Maimunah, dan Puteri, dan Muhammad bin Abdullah dan Muhammad Thahir, daripada segala harta bendaku, yang aku tiada mempunyai sesuatu jua, tetapi selagi aku hidup ini seperti orang meminjam jua kepada anakku yang empat orang itu. Dan tiadalah boleh seseorang saudaranya mendakwakan dia adanya.

Fasal Yang Pertama: Adapun rumah dengan sampah sarapnya hak bagi Maimunah dan si Puteri. Adapun segala senjata besar-kecil hak bagi Muhammad. Syahdan dari kebun seperti Pulau Soreh pulang kepada Muhammad bin Abdullah. Dan perahu, sampan, jongkong mana-mana yang ada itu pulang kepada Muhammad bin Abdullah juga. Sebermula jika aku pulang ke rahmatullah Ta'ala, Muhammad bin Abdullah itulah jadi kuasa, dan memerintah, dan memelihara segala saudaranya tiada boleh anak-anakku yang lainnya, melainkan dia yang terlebih kuasa daripadanya.

Fasal Yang Kedua: Apabila sudah sampai ajalku, segala hutang aku Muhammad bin Abdullah membayarnya serta mufakat ia dengan ibunya Raja Hawi. Maka jika sudah sampai akil baligh Muhammad Thahir, jika tiada ibunya hendaklah ia mufakat dengan dia pada menyelesaikan hutang-hutang aku itu. Jikalau aku tiada terikhtiarkan yang demikian itu mufakatlh engkau kepada siapa yang menggantikan aku adanya.

Fasal Yang Ketiga: Mana-mana hutangku yang kena kepada pekerjaan kerajaan, maka iaitu Raja Mudalah yang membayarnya, seperti hutang perang atau kerana sesuatu yang lain yang hendak membaiki negeri dan belanja ``mashalihul muslimin''. Jika dengan sebab itu lazimlah Raja Muda itu membayarnya. Demikianlah adatnya selama-lamanya pusaka kita Upu Bugis.

Sathar

Fasal Yang Keempat: Jangan aku ditanam seperti raja-raja, tanamlah aku seperti menanam seorang fakir. Dan jangan aku dimandikan ramai-ramai. Taruh aku di dalam satu sathar dengan dua tiga orang yang saleh. Hawilah memandikan aku, dan janganlah aku diriba. Letakkan sahaja aku di atas suatu tempat yang suci atau di

atas sarir yang terus airnya. Mandikanlah aku seperti barang yang telah disebutkan kaifatnya di dalam kitab fikah. Dan lagi jangan engkau semua yang hidup sepeninggalan aku bersusah-susah belanja tajhiz aku. Jikalau hendak juga engkau semua mentahlilkan aku suruhlah tahlilkan dengan khalifah syeikh kita. Dan boleh engkau beri sedekah ala kadar kifayahnya. Dan jangan sekali-kali menyakit diri yang di luar syariat Rasulullah s.a.w. Hendak engkau semua turut akan jalan yang sebenarnya. Dan haji dan umrah semua selesai tiada lagi menyusahkan adanya. Adapun senjata besar kecil pulang kepada Muhammad Thahir semuanya.

Fasal Yang Kelima: Sesiapa yang menggantikan aku hendaklah engkau semua turut perintahnya. Dan jangan engkau dengki hasad kepadanya, tiada selamat. Dan engkau semua kerjakanlah dia dengan cuci putih hati kepadanya, inilah jalan orang yang baik-baik. Apa yang ada sampah sarap yang aku tinggalkan kepada kamu, jikalau Raja Muda itu berkehendak jangan sekali-kali ditahan adanya.

Fasal Yang Keenam: Engkau semua adik beradik jangan sekali menaruh hasad dan dengki sesama sendiri. Dan jangan bercerai engkau semua dari jalan mufakat dengan saudara-saudaramu yang lain seperti anak Marhum Abdur Rahman, dan anak marhum Raja Ali kerana adalah Marhum kedua itu saudara syaqqah, yakni saudaraku seibu sebapa adanya.

Fasal Yang Ketujuh: Jangan engkau semua tiada mendengar nasihat ajaran ulama dan shulaha' jika engkau tiada kuasa menuntut kepadanya. Maka jika engkau kuasa menuntut, maka inilah yang sangat gemar dan tuntutan. Kerana tersebut di dalam hadis Nabi s.a.w. Ertinya: ``Menuntut ilmu fardu atas tiap-tiap Islam laki-laki dan Islam perempuan''. Tiada aku panjangkan pada fadilat menuntut ilmu itu melainkan jikalau Allah bukakan hatimu pada menuntut itu ialah yang sebaik-baik jalan dan nikmat yang tiada dapat dibagaikan fid dun-ya wal akhirah.

Fasal Yang Kelapan: Sayugianya engkau merendahkan diri kepada pangkat saudara tua atau pangkat bapa kepadamu. Hendaklah engkau ber''patik'' jikalau serupa gara sekalipun umpamanya. Dan engkau dengar juga akan nasihatnya dan segala ajarannya yang patut pada syarak dan adat.

Fasal Yang Kesembilan: Pesanku kepada kamu sekalian, hendaklah kamu memuliakan anak cucu Rasulullah s.a.w. apa lagi yang sudah jadi kaum kerabat kita; jangan sekali-kali hasad dengki akan dia, seperti abang ``Embong'' dan abang ``Syeikh Engku'' hendaklah engkau jadikan ia seperti saudaramu yang betul adanya.

Fasal yang kesepuluh: Jangan membangsat dan serta rapik pinta meminta kepada segala rakyat raja, inilah pesan datuk nenek moyangku, pantang yang tiada boleh dilalui juga, tiada selamat dunia akhirat kerana banyak daripada beberapa kebinasaan mendatangkan murka Allah Taala Yang Maha Besar.

Inilah wasiat yang aku tahshishkan kepada Muhammad Abdullah al-Khalidi. Bermula hendaklah kiranya engkau ingatkan baik-baik sepeninggal aku mati’.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Raja Ali Kelana - Ulama pejuang Riau dan Johor

Raja Al i Ke lana - Ulama pejuang Ria u da n Jo hor

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Nama lengkapnya Raja Ali Kelana bin Sultan Muhammad Yusuf al-Ahmadi (Yamtuan Muda ke-10, 1858 Masihi - 1899 Masihi) bin Raja Ali (Yamtuan Muda ke-8, 1844 Masihi - 1857 Masihi) bin Raja Jaafar (Yamtuan Muda ke-6, 1808 Masihi - 1832 Masihi) bin Raja Haji asy-Syahidu fi Sabilillah (Yamtuan Muda ke-4, 1777 Masihi - 1784 Masihi) bin Upu Daeng Celak (Yamtuan Muda ke-2, 1729 Masihi - 1746 Masihi). Daripada nama-nama tersebut dapat disimpulkan bahawa lima orang Yamtuan Muda mulai ayah hingga ke atas adalah pertalian lurus pada Raja Ali Kelana. Raja Ali Kelana tidak sempat menjadi Yamtuan Muda kerana kerajaan Riau-Lingga dimansukhkan oleh penjajah Belanda dan sultan terakhir Sultan Abdur Rahman Muazzam Syah, adik beradik dengan Raja Ali Kelana hijrah ke Singapura (1911 Masihi).

Perlu dicatatkan di sini bahawa mulai Yamtuan Muda yang pertama (Upu Daeng Merewah) tahun 1722 Masihi sampai tahun 1825 Masihi (masa pemerintahan Raja Jaafar Yamtuan Muda ke-6) bernama Kerajaan Riau-Lingga-Johor dan Pahang dan takluknya. Mulai tahun 1844 Masihi sampai tahun 1911 Masihi bernama Kerajaan Riau-Lingga dan takluknya.

Pangkat

Barangkali di dalam kerajaan Melayu yang memperoleh pangkat atau gelar 'Kelana' hanya disandang oleh keturunan raja Bugis di dalam kerajaan Riau-Lingga, sekurang-kurangnya yang paling terkenal dengan gelar itu ialah Raja Haji asy-Syahidu fi Sabilillah. Yang dimaksudkan dengan 'Kelana' ialah sebagai petanda calon untuk menjadi Yang Dipertuan Muda atau Yamtuan Muda. Raja Ali Kelana wafat pada hari Ahad, pukul 8.00 pagi di rumahnya di Jalan Teberau, Johor Bahru pada 10 Jamadilakhir 1346 Hijrah/4 Disember 1927 Masihi

PENDIDIKAN

Pendidikan asas Raja Ali Kelana dalam bidang Islam, bahasa Melayu, bahasa Arab, adat istiadat kebangsawanan Melayu dan undang-undang pemerintahan adalah

diperoleh di Riau. Di Riau pada zaman kanak-kanaknya sangat ramai ulama dan cendekiawan, sama ada yang berasal dari Riau seperti Raja Ali Haji yang sangat terkenal, mahu pun yang datang dari luar. Sewaktu Raja Ali Kelana akan ke Mesir, beliau singgah di Mekah dan sempat memperdalam pelbagai pengetahuan daripada Syeikh Ahmad al-Fathani, Sayid Abdullah az-Zawawi dan lain-lain.

Setelah selesai mengerjakan haji pada tahun 1322 Hijrah/Februari atau Mac 1905 Masihi, Raja Ali Kelana menerima baiah Thariqat Naqsyabandiyah Mujaddadiyah Ahmadiyah Muzhharayah daripada keluarga az-Zawawi, sekali gus beliau jugasebelum itu beramal dengan Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah daripada Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minankabawi. Dengan baiah atau tawajjuh, Raja Ali Kelana juga diberi gelar dihujung namanya dengan `al-Ahmadi' sebagaimana gelar yang pernah diberikan kepada ayahnya, Sultan Muhammad Yusuf al-Ahmadi. Yang dimaksudkan dengan `al-Ahmadi' pada gelaran tersebut ialah dibangsakan kepada mujaddid (penemu sesuatu yang baru) Thariqat Naqsyabandiyah bernama Sayid Ahmad al-Muzhhar. Jika bergelar `al-Khalidi' adalah dibangsakan kepada mujaddidnya yang bernama Syeikh Khalid al-Kurdi.

AKTIVITI

Organisasi yang pertama didirikan oleh orang Melayu ialah Jamiyatul Fathaniyah oleh Syeikh Ahmad al-Fathani di Mekah (1290 Hijrah/1873 Masihi) yang diikuti oleh murid-murid beliau dengan mendirikan pelbagai organisasi. Murid-murid Syeikh Ahmad al-Fathani di Riau termasuk Raja Ali Kelana mendirikan Jamiyatul Rusydiyah atau Rusydiyah Klab, 1298 Hijrah/1880 Masihi. Oleh orang-orang yang sama di Riau juga diasaskan Jamiyatul Khairiyah.

Raja Ali Kelana pernah menerima perlantikan daripada Syeikh Ahmad al-Fathani supaya bergerak dalam bidang percetakan untuk kawasan Singapura dan Riau yang berpusat di tempat pemerintah Riau-Lingga dijalankan, sedang Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani untuk kawasan Kelantan dan Patani yang berpusat di Kota Bharu Kelantan.

Dalam catatan didapati bahawa Raja Ali Kelana beberapa kali mengikut Syeikh Ahmad al-Fathani ke Istanbul, Turki-Usmaniyah kerana urusan diplomatik politik dalam rangka membebaskan dunia Melayu daripada segala macam bentuk penjajahan. Kepergiannya ke Turki yang dapat dicatat, antaranya pada tahun 1301 Hijrah/1883 Masihi, 1312 Hijrah/1895 Masihi dan setelah selesai mengerjakan haji pada akhir tahun 1322 Hijrah/Februari atau Mac 1905 Masihi atau Muharam 1323 Hijrah/Februari atau Mac 1905 Masihi.

Setelah Syeikh Ahmad al-Fathani meninggal dunia, Raja Ali Kelana pergi ke Turki lagi pada tahun 1913 Masihi. Keberangkatan ke Turki itu dengan persetujuan antara Raja Ali Kelana dan Raja Khalid Hitam (cucu Raja Ali Haji), seorang ke Turki dan seorang lagi ke Jepun. Raja Khalid Hitam dalam tahun itu juga (1913

Masihi) berangkat ke Jepun untuk yang kedua kalinya. Pertama kali ke Jepun pada tahun 1911 Masihi. Sama ada ke Turki atau ke Jepun, tujuannya adalah mencari sokongan untuk mengembalikan kesultanan Riau-Lingga yang telah dimansuhkan oleh penjajah Belanda.

Pada tahun 1324 Hijrah/1906 Masihi, Syarikat Al-Ahmadi didirikan oleh Raja Haji Ahmad bin Raja Haji Umar dan kerabat kerajaan Riau di Pulau Midai, Pulau Tujuh, yang direstui oleh Sultan Abdur Rahman Muazzam Syah, Sultan Riau-Lingga. Tidak berapa lama setelah syarikat itu diasaskan atas titah Sultan Riau-Lingga supaya Raja Ali Kelana (saudara Sultan) mengeluarkan modal bersama membeli sebuah kapal yang dinamakan 'Kapal Karang'. Kapal tersebut beroperasi mengangkut kelapa kering, hasil bumi lainnya dan hasil laut dari Pulau Tujuh ke Singapura dan sebaliknya dari Singapura ke Pulau Tujuh membawa semua barangan keperluan harian, terutama makanan dan pakaian. Tentang ini disebut oleh Raja Haji Ahmad di Singapura dalam surat kepada saudara sepupunya, Haji Abdullah bin Haji Wan Abdur Rahman (ayah penulis), Kuasa Ahmadi & Co. Midai di Pulau Midai.

Cawangan

Selain bergerak dalam perkapalan dan pengangkutan, Raja Ali Kelana adalah pemilik Syarikat Batam Bricks Works Limited yang bergerak dalam pemrosesan batu-bata di Pulau Batam, Riau. Syarikat itu mempunyai cawangan dan berpejabat di Singapura. Gerakan niaga Raja Ali Kelana mengalami kerugian besar dan berakhir pada tahun 1329 Hijrah/1911 Masihi. Kejatuhan perniagaan dan termasuk tekanan pihak penjajah Belanda terhadap Raja Ali Kelana merupakan sebab beliau pindah ke Johor. Di Johor beliau dilantik sebagai Syaikhul Islam Kerajaan Johor.

PENULISAN

1. Pohon Perhimpunan Pada Menyatakan Peri Perjalanan, diselesaikan pada hari Sabtu, 23 Ramadan 1313 Hijrah/6 Mac 1896 Masihi. Kandungannya merupakan laporan perjalanan Raja Ali Kelana bersama conteleur Belanda ke Pulau Tujuh. Dimulai catatan ketika berangkat dari pelabuhan Tanjungpinang, hari Rabu 6 Ramadan 1313 Hijrah/19 Februari 1896 Masihi dan diakhiri dengan tiba kembali di pelabuhan yang sama pada hari Sabtu pukul 5.00 petang, 23 Ramadan 1313 Hijrah/6 Mac 1896 Masihi. Dicitak oleh Maktabah wa Mathba'ah ar-Riyauwiyah, Pulau Penyengat, 1315 Hijrah/1897 Masihi.
2. Perhimpunan Pelakat, diselesaikan pada tahun 1316 Hijrah/1899 Masihi. Kandungannya mengenai peraturan yang telah dimasyarakatkan antara Kerajaan Riau-Lingga dengan Gubernemen Hindia-Nederland dari tahun 1286 Hijrah hingga tahun 1307 Hijrah. Dicitak oleh Mathba'ah ar-Riyauwiyah, Pulau Penyengat, 1317 Hijrah. Karya pertama dan kedua ini telah ditransliterasi daripada Melayu/Jawi ke Latin/Rumi oleh Hasan Junus dimuat dalam karyanya berjudul Pendokumentasian Naskah Kuno Melayu dan Kajian Khusus,

- diterbitkan oleh Pemerintah Daerah Tingkat I Propinsi Riau, Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Daerah Riau Pekan Baru, 1993.
3. Bughyatul Ani fi Hurufil Maani, diselesaikan tidak diketahui tarikh. Kandungannya membicarakan tatabahasa. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura, 1341 Hijrah/1922 Masihi
 4. Rencana Mudah Pada Mengenal Diri Yang Indah, diselesaikan di Johor Bahru, pada 3 Rejab 1344 Hijrah/17 Januari 1926 Masihi. Kandungannya adalah pelajaran tasawuf yang ditulis dalam bentuk soal jawab. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura, 1344 Hijrah yang dibenarkan mencetak kepada Sahal bin Ahmad.
 5. Kesempurnaan Yang Lima Bagi Islam Menerima, diselesaikan di Bukit Kenangan, Negeri Johor Bahru pada 3 Jamadilakhir 1345 Hijrah/8 Disember 1926 Masihi. Kandungannya, pelajaran fardu ain. Dicitak oleh Maktabah wa Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan Singapura, 27 Ramadan 1345 Hijrah.
 6. Kumpulan Ringkas atau judul yang lebih lengkap diungkapkan dalam bentuk bersajak Kumpulan Ringkas * Berbetulan Lekas Pada Orang Yang Pantas * Dengan Fikiran Yang Lintas, tanpa dinyatakan tarikh selesai penulisan. Kandungannya, terkumpul di dalamnya 31 keringkasan yang terdiri daripada 160 perbicaraan. Sub judul yang penting yang jarang dibicarakan tetapi termaktub dalam karya ini antaranya ialah Pada Menyatakan Kelebihan Akal, Jadi Bekal, Pada Menyatakan Berhimpun Bersatu Dengan Pengetahuan, Berpegang Kukuh Oleh Bangsawan, Pada Menyatakan Tawarikh Segala Raja-Raja Dahulu Kala, Pada Menyatakan Sultan Yang Ada Sekarang, Daripada Ayah-Bundanya Terang, Pada Menyatakan Asal Melayu Diambil Dalil, Daripada Al-Marhum Abdul Jalil, Pada Menyatakan Sebab Gelar Upu Kelana Dengan Shahihah, Yang Dipertuan Muda Sultan Alauddin Syah, Pada Menyatakan Hikayat Yang Keempat Ditanya Orang, Akan Aristoteles Dijawab Terang, Pada Menyatakan Hikayat Yang Keenam, Cetera Iskandar Muda Elok Ditanam, Pada Menyatakan Hikayat Yang Kesembilan, Yang Dikehendaki Bagi Sultan, Pada Menyatakan Hikayat Yang Kesepuluh Pada Perjalanan, Menteri Yang Elok Diperkenan, Pada Menyatakan Hikayat Yang Kesebelas Menteri Terpuji, Sunyi Mendapat Nama Yang Keji, Pada Menyatakan Hikayat Yang Kedua belasnya, Peri Berubah Niat Rajanya, Pada Menyatakan Hikayat Yang Ketiga belas, Menter Khianat Lagi Pemulas. Ringkasan Yang Ke-30 dan Ringkasan Yang Ke-31 diungkapkan dalam bentuk puisi/syair.

Intelektual

Cetakan pertama Mathba'ah Al-Imam, No. 26 Robinson Road, Singapura, 1328 Hijrah. Cetakan yang kedua diusahakan oleh Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur 1420 Hijrah/1999 Masihi.

Artikel ini penulis tutup dengan pandangan bahawa walaupun Raja Ali Kelana seorang tokoh intelektual Islam pada zamannya, namun beliau tetap berada di dalam lingkungan `Kaum Tua', berbeza dengan Sayid Syeikh al-Hadi dan Syeikh

Tahir Jalaluddin, kedua-duanya terkenal sebagai pelopor 'Kaum Muda'. Sama ada Sayid Syeikh al-Hadi mahu pun Syeikh Tahir Jalaluddin adalah tokoh yang sangat erat hubungannya dengan Raja Ali Kelana, berbeza dalam pemikiran keIslaman tetapi bersatu untuk kepentingan umum dan kemaslahatan.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Raja Badariyah - Cendekiawan Istana Riau

Raja Badariyah - Cendekiawan Istana Riau

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

RAJA Badariyah binti Raja Muhammad Tahir bin Tengku Abdullah, Yang Dipertuan Muda Riau ke IX adalah seorang pengarang, yang menulis karya berjudul Adab al-Fatah, tahun selesai penulisannya tidak dinyatakan. Cetakan pertama Mathba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura 1344 H/1925 M. Raja Badariyah adalah adik dan murid Raja Muhammad Sa'id bin Raja Muhammad Tahir. Beliau berkahwin dengan saudara sepupunya, Raja Ali/Tengku Selat. Daripada perkahwinan itu beliau dikurniakan anak, Raja Fatimah. Keturunannya ramai di Singapura dan Malaysia. Mengenai Raja Ali/Tengku Selat dapat dirujuk dalam Ruangan Agama, Utusan Malaysia, terbitan Isnin, 29 November 2004, Seksyen 3 halaman 9. Mengenai orang tuanya, Raja Muhammad Tahir dapat dirujuk dalam Ruangan Agama, Utusan Malaysia, terbitan Isnin, 25 Oktober 2004, Seksyen 3, halaman 10.

Sumber asli

Raja Badariyah adalah seorang 'alimah, termasuk tokoh perempuan Riau-Lingga yang penting. Ketika beliau akan meninggal dunia, Raja 'Umar bin Raja Hasan, saudara sepupunya dari sebelah ibunya, mencatat dengan lengkap riwayatnya, yang dimuatnya dalam satu jurnal. Kemudian jurnal tersebut disalin oleh Raja Ali/Tengku Selat. Di bawah ini saya transliterasikan daripada salinan Raja Ali/Tengku Selat itu, sebagai berikut:

"Disalin daripada jurnal almarhum Raja Umar, dengan khatnya sendiri. Pada 10 Rabiulawal, malam Ahad 71/2 (7.30, pen:) 1347 (Hijrah) bersamaan 26 Ogos 1928 (Masihi), datang Husein bin Raja Abdullah disuruh Tengku Ali memberi khabar kepada hamba menyatakan Raja Badariyah uzur benar. "Jika hendak berjumpa segeralah datang!". Padahal alhaqir di dalam sakit dada dan belikat, belum dapat bangun.

Maka telah dijawab, "Baiklah!". Sejurus hamba pun berkhobar kepada ahli hamba Raja Khazanah, "Baik kita naik ke darat bawa sekali anak-anak, dan tidur di sana sekali kerana Encik Badariyah itu berat sakitnya." Jawabnya, "Baiklah!" Terus

mencari motokar. Pukul 8 datang lagi Husein berkhobar bertambah uzur Raja Badariyah. Maka hamba pun turun ke motokar serta anak-anak isteri. Kami ke rumah besar Batu Lima. Hamba lihat Raja Badariyah terlantar sakit di sebelah luar majlis rumah itu dihadapi oleh suaminya Tengku Ali, dan bondanya, Raja Maimunah, dan bonda saudaranya, Raja Putri, dan kerabat-kerabat lelaki dan perempuan, dan isi rumah hadir semuanya. Iaitu hal keadaan ingat dan kenal akan hamba datang dan yang datang kemudian daripada hamba daripada kerabat dan lain-lainnya, dan di dalam berkata memberi nasihat kepada sekalian yang hadir. "Kalau ia mati janganlah ia ditangiskan kerana semua yang bernafas merasai mati."

Hutang

Dan mana-mana hutangnya terutama hutang beras disuruhnya Tengku Ali membayarnya. Dan berulang-ulang meminta ampunkan segala dosanya kepada suaminya, Tengku Ali dan ibunya, Raja Maimunah, dan ibu saudaranya, Raja Putri dan Raja Umar, Raja Andi, Raja Manshur dan kepada sekalian yang hadir. Maka semuanya mengaku memaafkan. Dan hamba berkhobar kepadanya, "Ingat-ingatlah, kita di dalam sihat dilebihkan takut daripada harap. Tetapi di dalam sakit lebihkan harap kepada Allah dan taubat daripada sekalian dosa." Jawabnya, "Patik turutlah dan harap tempat patik di dalam jannah. Doakan patik!"

Dan dibacakan Yasin oleh suaminya, Tengku Ali dengan hafaz, maka diikutinya. Dan mana tersalah baca oleh Tengku Ali diperbetulkannya hingga akhirnya. Kemudian berulang-ulang mengucap ia berpuluh-puluh kali "Asyhadu an la ilaha illallah wa asyhadu anna Muhammadar Rasulullah" dengan maknanya. Dan bertanya pula, "Betul(kah) tidak?"

Apabila sudah dijawab betulnya, berulanglah ia mengucap pula. Kemudian meminta ampunkan segala dosanya dan beberapa kali pula. Ingat sangat ia akan kerabat-kerabat hampir, jauh. Dipintanya Tengku Ali memeliharakan baginya yang telah lalu jua, jangan berubah-ubah apa lagi ibunya dan ibu saudaranya, Raja Putri, dan isi rumah semuanya. Jawab Tengku Ali, "Insya-Allah Taala, mana-mana sekuasanya. Dan tolonglah awak doakan, mohonkan kepada Allah Taala akan keselamatan sekalian kerabat-kerabat kita semuanya!"

Maka ia pun mengangkatkan kedua-dua belah tangannya dengan membaca doa yang panjang dengan bahasa Arab memohonkan keselamatan dirinya dan segala kerabatnya semuanya. Kemudian ia memberi selamat tinggal kepada yang hadir, istimewa kepada Tengku Ali, Raja Andi, Raja Umar, ketiga-tiganya diakui sahabat padanya. Dan mengingatkan, "Masa kita semua di dalam senang, sentosa semuanya di Riau, kemudian ditakdirkan (oleh) Allah Taala keluar kita semua ke Singapura ini di dalam faqir dan dagang. Sekarang alhamdulillah dengan sebab sabar kita, dapat kita semua keluasan."

Demikianlah, semalam-malaman ia tidur-tidur sebentar-sebentar kemudian mengucap pula dan bercakap pula, "Janganlah susah-susah!" Nampak-nampaknya sahaja dia sakit, tetapi tidak ada sakit apa-apa hanyalah pada pandangan ramai sahaja. Kemudian tidur sebentar, bangun mengucap dan bercakap-cakap dan berpesan dengan suaminya, (bahawa) apabila ia telah mati bila cukup setahun-setahun hendaklah ingat akan dia dan mintakan ampun sekalian dosanya. Dan jangan memberat-beratkan diri menjamu orang ramai atau memanggil orang-orang ramai bertahlil. "Memadailah dengan abang Ali sahaja."

Kemudian mengucap dia dengan berulang-ulang. Akhirnya sehingga pukul 4.30, terlena ia dengan tersenyum, maka diajar oleh Tengku Ali dengan talkin. Maka diturutnya dengan fashahatnya tiada telur-telor, (ialah) "La ilaha illallah" sambil ia memalingkan badannya dan mukanya ke sebelah kiblat dengan meletakkan tangannya ke atas paha Tengku Ali. Maka inilah akhir ucapannya tiada ia berkata-kata lagi. Lebih kurang lima minit kemudian, tersenyum mukanya, melayanglah rohnya mengadap hadrat Tuhan Yang Maha Tinggi dengan nyatanya 'husnul khatimah'nya, insya-Allah Taala."

Raja 'Ali/Tengku Selat menutup catatannya dengan katanya, "Dan pada 27 Rabiulawal 1347 berbetulan 12 September 1928 siang Arba' (Rabu, pen:) pukul 12¹/₄ waktu itulah berlaku kudrat Allah Taala atas Raja 'Umar bin al-Marhum Raja Hasan Riau kembali ke rahmatullah Taala. Dikuburkan berhampiran dengan kubur Marhumah Raja Badariyah, Perkuburan Qasim Keling, Batu Enam Sigelap."

Petikan pemikiran

Raja Badariyah termasuk pemikir dalam usaha menerbitkan penulisan-penulisan Kerabat Diraja Riau-Lingga, sewaktu mula-mula diasaskan Mathba'ah al-Usrah dan Mathba'ah Al-Ahmadiyah yang kedua-duanya di Singapura. Raja Badariyah bersama-sama Raja Ali/Tengku Selat (suaminya) dan Raja 'Umar bin Raja Hasan (saudara sepupu kedua-duanya) dengan mengambil tempat berfikir dan bekerja keras di nombor 50 Minto Road, Singapura, iaitulah Mathba'ah Al-Ahmadiyah.

Pada mukadimah Adab al-Fatah mengawali tulisannya, "Manakala telah menterjemahkan oleh guruku dan saudaraku, yang aku kasihi akan kitab Adab al-Fatah, dan dithaba' akan dia akan thaba' yang pertama di dalam Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura, maka tergeraklah pula khatirku pada menterjemah Adab al-Fatah dan menthaba' akan dia di dalam mathba'ah yang tersebut jua." Yang dimaksudkan dengan perkataannya "guruku dan saudaraku" ialah Raja Muhammad Sa'id. Dari sini dapat diketahui pendidikannya bahawa Raja Badariyah mendapat pendidikan sama dengan golongan para putera dan puteri Diraja Riau-Lingga lainnya. Dirikan bahawa Raja Badariyah juga mendapat pendidikan langsung daripada ayahnya Raja Muhammad Tahir bin al-Marhum Mursyid yang terkenal itu.

Kalimat Raja Badariyah dalam Adab al-Fatah sebahagian bertujuan ke arah pendidikan akhlak, pada mukadimah beliau tulis “.Kehendakku menterjemahkan kitab ini kerana anak-anak bangsaku yang dikasihi, dan tanah airku yang disayangi, istimewa pula memelihara, dan mengajar, dan melatih, dan membiasakan kanak-kanak pada semula jadinya dengan perangai yang elok dan tingkah laku yang baik. Itu adalah wajib dipersungguhkan lebih daripada mengajar ilmu pengetahuan. ”

Memperhatikan perkembangan zaman kita sekarang, bahawa sangat ramai orang berilmu pengetahuan, tetapi tidak sedikit ilmu pengetahuan itu tidak bermanfaat pada dirinya dan masyarakat disebabkan akhlaknya bejat atau tidak senonoh. Jalan pemikiran Raja Badariyah mengenai yang tersebut patut diambil iktibar, oleh itu salinan kalimat beliau selanjutnya perlu diperkenalkan.

Kata beliau, “Maka ilmu pengetahuan dengan tiada beserta perangai kepujian itu tiadalah boleh diharap mendapat kejayaan di dalam tubuh perhimpunan manusia ini kerana selalu kedapatan orang yang berilmu yang tiada baginya adab dan perangai yang baik. Terkadang dengan ilmu yang semata-mata itulah yang menolong ia berbuat kejahatan.”

Pandangan

Selanjutnya Raja Badariyah mengemukakan pandangan untuk saudara-saudara, dan secara umum ditujukan kepada putera dan puteri bangsa Melayu, katanya, “Wahai segala saudara-saudaraku dan segala anak bangsaku, belajarliah kamu dengan bersungguh-sungguh, supaya tertanamlah perangai yang baik itu di dalam hati kita. Maka pengajaran perangai itu atasnyalah peredaran ketuhanan dan manfaat yang sebenar.”

Ketepatan pandangan Raja Badariyah yang beliau tulis tahun 1344 H/1925 M, dapat kita saksikan pada masa kini (1426 H/ 2005 M), yang mana pada zaman kita orang berlumba-lumba dengan pelbagai kepandaian dan diakui banyak keberhasilannya. Walau bagaimanapun ramai orang yang sedar akan kegagalan memperbaiki akhlak generasi muda yang terlibat dalam banyak hal yang merosakkan diri sendiri dan masyarakat, apatah lagi ditinjau dari sudut hukum syarak boleh dikatakan mengalami kegagalan.

Persoalan kecanduan atau ketagihan dadah, pergaulan remaja lelaki dan perempuan secara bebas tanpa batas termasuk yang masih sukar dibendung. Apa yang disebut di atas adalah sebagai cemeti untuk kita belajar, berfikir dan melaksanakan ajaran agama Islam yang sangat menekankan supaya pelajaran akhlak atau berperangai elok didahulukan sejak kanak-kanak masih kecil lagi. Kita belum terlambat, oleh itu marilah berjuang ke arah berperangai yang baik demi menyelamatkan Islam yang dianut, bangsa dan negara yang dicintai.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Raja Muhammad Tahir Riau - Hakim Riau-Lingga dan ulama falakiah

Raja Muhammad Tahir Riau - Hakim Riau-Lingga dan ulama falakiah

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

ILMU Hisab dan Falakiah berkembang dalam kerajaan Riau-Lingga dimulai oleh Raja Ali Haji yang belajar daripada Saiyid Abdul Rahman bin Ahmad al-Mashri di Betawi. Apabila pujangga Riau itu ke Mekah mengikut orang tuanya, Raja Haji Ahmad pada tahun 1243 H/1817 M, Raja Ali Haji dan ayahnya mentahqiqkan pelbagai ilmu kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, termasuk Ilmu Hisab dan Falakiah. Raja Ali Haji selain seorang pengarang, juga mengajar ilmu-ilmu keIslaman kepada kerabat-kerabatnya, di antara mereka yang menjadi ulama besar dan Hakim ialah Raja Haji Muhammad Tahir bin Raja Haji Abdullah (al-Marhum Mursyid).

Raja Haji Muhammad Tahir merupakan orang pertama di Riau yang menulis dalam bidang Ilmu Hisab dan Falakiah sebagai dokumentasi. Kemunculannya boleh disenaraikan dalam golongan di antara orang-orang pertama melakukan penulisan ilmu itu di dunia Melayu. Hal tersebut diakui, kerana pada peringkat awal memang tidak ramai ulama dunia Melayu melakukan penulisan ilmu tersebut, bahkan termasuk sampai ke zaman kita sekarang ini (1425 H/2004 M) sangat sedikit sekali yang menulis perkara itu. Walau bagaimanapun Syeikh Abbas Kuta Karang Aceh dan lain-lain telah mendahului Raja Haji Muhammad Tahir Riau. Naskhah hisab dan falak karya beliau hanyalah dapat diketahui dan dipelajari melalui salinan yang dibuat oleh putera beliau sendiri, iaitu Raja Haji Muhammad Sa'id, seorang ulama Riau-Lingga yang banyak menghasilkan karya. Oleh sebab asas Ilmu Hisab dan Falak telah dirintis oleh kedua-dua orang kerabat Diraja Riau-Lingga itu, ia memberi laluan mudah kepada Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhari memperkembangkan ilmu itu. Kerabat Diraja Riau-Lingga merupakan orang pertama memperkenalkan dan memperkembangkan karya-karya hisab dan falak Syeikh Tahir Jalaluddin itu melalui natijah-natijah yang mereka terbitkan di Singapura. Yang memperkenalkan karya Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhari itu masih keluarga dekat dengan ulama ini, di antara mereka ialah Raja Haji Umar bin Raja Haji Hasan dan Raja Haji Muhammad Arif bin Raja Haji Mahmud.

Ketokohan

Raja Haji Muhammad Tahir telah dikenali sebagai tokoh Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah melalui beberapa jalur, ayahnya Raja Haji Abdullah Yang Dipertuan

Muda Riau-Lingga ke-9 adalah seorang ulama pengamal thariqat, bahkan beliau digelar dengan Marhum Mursyid. Ketokohan beliau ini diakui oleh gurunya, Syeikh Ismail Minangkabau sebagai seorang Mursyid dalam Thariqat Naqsyabandiah al-Khalidiyah yang diamalkannya.

PENDIDIKAN

Sewaktu ayahnya, Raja Haji Abdullah membuat surat wasiat, 26 Zulhijjah 1276 H/1859 M, Raja Muhammad Tahir belum akil baligh lagi, sedangkan anaknya yang tua, Raja Haji Muhammad/ Tengku Nong berada di Mekah. Saudara tuanya, ialah Raja Haji Muhammad/ Tengku Nong yang telah diberi kepercayaan oleh ayahnya untuk mendidik Raja Muhammad Tahir. Raja Haji Muhammad/Tengku Nong sendiri sebelum ke Mekah telah mendapat pendidikan daripada ayahnya. Juga sewaktu di Riau-Lingga beliau diasuh oleh Syeikh Ismail Minangkabau hinggalah beliau berangkat ke Mekah mengikut ulama yang berasal dari Minangkabau itu. Raja Muhammad Tahir mendapat pelbagai ilmu daripada abangnya termasuklah Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah. Beliau juga sempat belajar kepada Raja Ali Haji. Di antara pengetahuan yang dipelajarinya daripada Raja Ali Haji ialah Ilmu Bahasa Melayu, termasuk karang mengarang, Ilmu Sosiologi, Sejarah, Ilmu Hisab/Falak dan lain-lain lagi. Selepas itu Raja Haji Muhammad Tahir melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Selama berada di Mekah beliau dalam pemeliharaan Syeikh Ismail Minangkabau dan keluarganya. Di antara guru-gurunya di Mekah ialah: Syeikh Ismail Minangkabau, Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki dan ramai lagi.

Kejayaan

Raja Haji Muhammad Tahir adalah seorang ulama besar kerajaan Riau-Lingga dalam masa transisi kejayaan kerajaan itu kepada masa kerajaan itu dimusnahkan oleh pihak penjajah Belanda. Walaupun keadaan pada ketika itu sangat mencabar, namun beliau masih sempat mendidik kaum kerabatnya mengenai ilmu-ilmu keIslaman. Dua orang anak beliau yang berilmu pengetahuan, Raja Haji Muhammad Sa'id dan Tengku Badariyah. Beliau jugalah sebagai pendidik anak saudaranya iaitu Raja Ali/Tengku Selat bin Raja Haji Muhammad/Tengku Nong. Raja Ali/Tengku Selat digelar masyarakat dengan ``Bapak Gembala Perniagaan Melayu''. Raja Haji Muhammad Tahir juga dikenali sebagai tokoh ``murabbir ruh'' (pendidik kerohanian). Beliau adalah Mursyid Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah seperti orang tuanya, Raja Haji Abdullah/Marhum Mursyid. Ramai kerabat Diraja Riau-Lingga ditawajuh atau dibaiah oleh beliau sendiri, di antaranya termasuk putera beliau, Raja Haji Muhammad Sa'id, anak saudara beliau, Raja Ali/Tengku Selat, dan ramai lagi. Perkara ini jelas dalam sepucuk surat wasiat Raja Haji Muhammad Tahir kepada Raja Ali/ Tengku Selat itu. Kata beliau, ``Sesungguhnya Raja Ali yang tersebut itu sebagai munassibku sebagaimana yang telah diijazahkan oleh saudaraku Raja Haji Muhammad yang tersebut itu atasku .''

PENULISAN DAN PEMIKIRAN

Raja Haji Muhammad Tahir tidak menghasilkan karangan, jika dibandingkan penulisan Raja Haji Muhammad Sa'id, putera beliau, ternyata puteranya itu lebih produktif. Yang dapat dikesan setakat ini ialah: 1. Naskhah Hisab. 2. Syair Pintu Hantu. Pada Naskhah Hisab beliau menggunakan nama lengkap Raja Haji Muhammad Tahir bin Almarhum Mursyid al-Khalidi. Pada penulis ada sebuah manuskrip yang merupakan salinan puteranya Raja Haji Muhammad Sa'id, tarikh 1 September 1910 M. Naskhah Hisab juga pernah dimuat dalam Natijah Al-Usrah, terbitan Mathba'ah Al-Usrah, 5-2 Palembang Road, Singapura, tahun 1336H/ 1917 M-1918 M. Dimuat lagi salinan Raja Haji Muhammad Sa'id yang tersebut.

Menyalin

Untuk menyemak pemikiran dan gaya bahasa Raja Haji Muhammad Tahir itu, dirasakan perlu menyalin mukadimah Naskhah Hisab itu, ialah, katanya, ``Kemudian daripada itu maka inilah natijah bagi tahun hijrah nabawiyah 1336 yang masuk ke dalamnya tahun milad 1917 dan 1918 melengkapikan akan segala waktu sembahyang, dan menyatakan segala musim-musim, dan hari-hari besar dan lainnya sebagaimana yang dilihat di dalamnya.

Ada pun takwim sehari bulan yang di dalam natijah ini ialah atas hisab qamari yang hakiki, iaitu dihubungkan sehari bulannya apabila pada ketika masuk matahari maka bulan masih tertinggal di atas ufuk, padahal telah berhimpun bulan itu dengan matahari pada ketika siang. Syahdan segala auqat (waktu-waktu, pen:) ini atas hisab zaman wusta urufi, iaitu jam yang dipakai oleh orang putih. Permulaannya dari pukul 12 tengah malam. Adalah segala auqat ini bagi negeri-negeri yang hampir khatulistiwa dan bagi negeri-negeri yang aradnya 1 dan 2 darjat ke Utara, iaitu seperti: Riau, Singapura, Johor, Batu Pahat, Muar, Melaka, Kampar, Siak, Pontianak, Sambas, Mempawah, Sarawak, Siugu, Padang Sidempuan, Rawa, Ternate, Sintang, dan negeri-negeri yang bersamaan dan berhampiran aradnya dengan dia. Maka bolehlah beramal dengan dia pada negeri-negeri arad satu darjat dan dua darjat ke Selatan. Dan negeri-negeri yang aradnya tiga, empat dan lima darjat ke Utara dan ke Selatan dengan syarat berihthyathlah masing-masing ahli negeri itu sekadar lima minit hingga lapan minit. Ada pun negeri-negeri yang memakai jam negeri asing itu, maka sayugianya memakai tafawut di antara dua taul. Pada tiap-tiap satu darjat tafawutnya empat minit. Jika negeri yang diikuti jamnya itu sebelah Barat, yang negerinya sebelah Timur, maka ditambah. Dan jika negeri yang diikuti jamnya itu di sebelah Timur dan negerinya di sebelah Barat maka dikurangkan. Seperti: Melaka mengikut jam Singapura (sebelah Timur Melaka). Singapura taulnya 108.51 darjat, Melaka taulnya 102.15 darjat tafawut taulnya 1.36. 1.36 darjat kali empat minit sama dengan 6.24 minit (iaitu pukul 12 Singapura sama dengan 12.06 Melaka). Tersalin daripada: Naskhah Hisab Raja Haji Muhammad Tahir bin Almarhum Mursyid. Oleh Muhammad Sa'id bin Muhammad Tahir Riau Singapura, 14 Mei 1917 M.''

Demikianlah transliterasi mukadimah Naskhah Hisab karya Raja Haji Muhammad Tahir pada Natijah Mathba'ah Al-Usrah, 1336 H/1917-1918 M. Kandungannya pula banyak perkara-perkara yang menarik sebagai contoh pada halaman 32 pengarangnya mencatatkan bahawa sampai Muharam 1336 H bersamaan Oktober 1917 M, ``... telah lalu dari masa turun Nabi adam a. s. daripadanya syurga 8195 tahun.''

Naskhah Hisab karya Raja Haji Muhammad Tahir yang disalin oleh Mudir Mathba'ah Ahmadi, 50 Minto Road, Singapura, 15 Ogos 1920, lain pula kandungannya dengan salinan di atas sesudah mukadimah lalu membicarakan judul Gerhana Bulan Gelap selanjutnya tertulis, ``Berlaku hikmah al-Ilahiyah, dan harakat falakiyah, dan qawaid hisabiyah dengan bahawasanya menengahi bumi antara jirim bulan dan matahari pada 15 Safar, malam Khamis, sanah 1338 berbetulan 27 Oktober tahun 1920, gerhana bulan gelap. Permulaan gerhana pukul 7.46. Permulaan gelap pukul 9.02. Pertengahan gelap pukul 9.37. Permulaan terang pukul 10.12. Kesudahan gerhana pukul 11.27.''

Memperkenalkan

Transliterasi yang bersumber daripada kedua-dua salinan karya Raja Haji Muhammad Tahir Riau di atas adalah bertujuan memperkenalkan jalan ilmiah dan gaya bahasa ulama silam kita mengenai ilmu yang kurang diminati orang. Jika membicarakan kandungan kedua-dua sumber tersebut, maka ruangan yang diperuntukkan tidak cukup memadai. Oleh itu memperkenalkan ini lebih lengkap perlu difikirkan.

Selain karya Raja Haji Muhammad Tahir Riau yang disebutkan di atas barangkali masih ada karya beliau belum diketahui. Saya mempunyai sebuah surat wasiat beliau kepada saudaranya Raja Ali/Tengku Selat juga boleh dianggap sebagai satu karya tulisannya.

KETURUNAN

Putera Raja Haji Muhammad Tahir yang menjadi ulama besar ialah Raja Haji Muhammad Sa'id (wafat di Singapura, 11 Safar 1338 H/4 November 1919 M) dan Tengku Badariyah (wafat di Singapura, 10 Rabiulawal 1347 H/26 Ogos 1928 M). Raja Haji Muhammad Sa'id adalah seorang ulama besar Riau-Lingga mendapat pendidikan di Mekah dan Tengku Badariyah adalah seorang tokoh perempuan Riau-Lingga yang mahir berbahasa Arab, baik percakapan mahupun penterjemahan. Kedua-dua mereka akan dibicarakan dalam artikel yang tersendiri.

Raja Umar Hasan – Mudir Mathba' ah Al-Ahmadiyah pertama

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

BIOGRAFI Raja Ali Haji cukup banyak ditulis orang, yang diriwayatkan ini adalah salah seorang cucu ulama, pujangga, sejarawan Melayu yang sangat terkenal itu. Nama lengkap beliau ialah Raja Haji Umar bin Raja Haji Hasan bin Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad bin Raja Haji asy-Syahid fi Sabilillah bin Upu Daeng Celak. Beliau adalah orang pertama yang berusaha menerbitkan karya-karya datuknya, Raja Ali Haji itu. Salah sebuah karangan Raja Ali Haji yang penting berjudul Kitab Pengetahuan Bahasa terbitan pertama oleh Mathba' ah Al- Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan Singapura, juga atas usaha Raja Haji Umar.

Oleh sebab kekeluargaan ini termasuk penting dalam perkembangan kepelbagaian dunia Melayu sejagat, maka sebelum menceritakan riwayat ringkas Raja Haji Umar bin Raja Hasan bin Raja Ali Haji yang tersebut, dirasakan perlu terlebih dulu memperkenalkan adik beradik Raja Ali Haji dan putera/puteri beliau. Adik beradik Raja Ali Haji yang telah diketahui ada 16 orang, ialah 1. Raja Abdul Majid, 2. Raja Abdul Wadud, 3. Raja Haji Umar/Tengku Endut, 4. Raja Haji Ali, 5. Raja Abdullah (Amir Karimun), 6. Raja Utsman, 7. Raja Abdul Hamid, 8. Raja Muhammad Sa'id, 9. Raja Kecil, 10. Raja Shaliha, 11. Raja Fatimah, 12. Raja Aisyah, 13. Raja Shafiyah, 14. Raja Maimunah, 15. Raja Hawi, dan 16. Raja Maryam. Perkembangan keturunan nama-nama yang tersebut di atas belum dibicarakan di sini dan akan dibicarakan secara terperinci pada tempat dan waktu-waktu mendatang.

Putera/puteri Raja Ali Haji ada 17 orang, ialah: 1. Raja Haji Hasan (ayah kepada personaliti yang sedang diriwayatkan), 2. Raja Mala', 3. Raja Abdur Rahman, 4. Raja Abdul Majid, 5. Raja Salamah, 6. Raja Kaltsum, 7. Raja Ibrahim Kerumung, 8. Raja Hamidah, 9. Raja Engku Awan (ibu kepada Raja Kaluk), 10. Raja Khadijah, 11. Raja Mai, 12. Raja Cik, 13. Raja Muhammad Daeng Menambon, 14. Raja Aminah, 15. Raja Haji Salman Engku Bih, 16. Raja Siah, 17. Raja Engku Amdah. Perkembangan keturunan nama-nama yang tersebut di atas juga belum dibicarakan di sini, kecuali yang sedang diriwayatkan iaitu anak Raja Haji Hasan saja.

Selanjutnya adik beradik Raja Haji Umar bin Raja Haji Hasan bin Raja Ali Haji, ada 12 orang, mereka, ialah: 1. Raja Haji Abdullah Hakim 2. Raja Khalid Hitam, meninggal dunia di Jepun, 3. Raja Haji Abdul Muthallib, 4. Raja Mariyah, 5. Raja Manshur, 6. Raja Qamariyah, 7. Raja Haji Umar (yang sedang diriwayatkan), 8. Raja Haji Andi, 9. Raja Abdur Rasyid, 10. Raja Kaltsum, 11. Raja Rahah, 12. Raja Amimah.

Raja Haji Umar yang dibicarakan dalam artikel ini adalah pada nombor 7 dalam senarai yang tersebut di atas. Raja Haji Umar dari sebelah ayahnya adalah cucu Raja Ali Haji, sedangkan dari sebelah ibunya adalah cucu Marhum Mursyid, iaitu Raja Haji Abdullah Yang Dipertuan Muda Riau Lingga ke-9. Raja Haji Hasan,

ayahnya, adalah putera Raja Ali Haji. Ibunya pula ialah Raja Maimunah binti Marhum Mursyid. Raja Maimunah adalah adik beradik dengan Raja Haji Muhammad Tahir, Hakim Kerajaan Riau-Lingga yang telah diperkenalkan dalam Utusan Malaysia, Isnin yang baru lalu.

Riwayat pendidikannya ketika masih berada di Riau-Lingga, beliau mendapat pendidikan daripada golongan intelektual istana bersama adik beradiknya, di antaranya Raja Haji Abdullah yang kemudian menjadi hakim terakhir Kerajaan Riau-Lingga, Raja Khalid Hitam, pejuang Riau-Lingga, yang meninggal dunia di Jepun pada tahun 1912 M. Pelajarannya dilanjutkan ke Mekah. Sewaktu berada di Mekah sangat rapat hubungannya dengan dua orang anak Syeikh Ismail an-Naqsyabandi al-Khalidi Minangkabau, iaitu Syeikh Muhammad al-Minankabawi (wafat 1303 H) dan Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Ismail al-Minankabawi (wafat 1313 H). Oleh sebab pelajar-pelajar golongan Kerabat Diraja Riau-Lingga di Mekah, termasuk Raja Haji Umar, adalah dalam pengurusan keluarga Syeikh Ismail Minangkabau pada waktu itulah mereka berhubung erat dengan Syeikh Tahir Jalaluddin, kerana Syeikh Tahir Jalaluddin adalah menantu Syeikh Muhammad bin Syeikh Ismail Minangkabau itu.

Raja Haji Umar tidak sempat belajar kepada Syeikh Muhammad bin Syeikh Ismail Minangkabau, tetapi sempat belajar kepada Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Ismail al-Minankabawi. Walau bagaimana pun diriwayatkan Raja Haji Umar dan saudara-saudaranya selama berada di Mekah lebih banyak belajar kepada dua orang ulama yang berasal dari Patani, iaitu Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani dan Syeikh Ahmad al-Fathani. Selanjutnya Syeikh Ahmad al-Fathani mengirim Raja Haji Umar belajar ke Mesir.

Di antara sahabat Raja Haji Umar bin Raja Haji Hasan sewaktu belajar di Mekah ialah Haji Wan Ismail bin Syeikh Abdullah al-Fathani, iaitu anak saudara Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani. Kedua-dua ulama Riau dan Patani itu akhirnya berbiras, kerana kedua-dua isteri mereka adalah adik beradik. Kedua-duanya berjuang menyebarkan ilmu melalui Mathbaah Al-Ahmadiyah Singapura.

Aktiviti dimulai dengan perlantikannya sebagai Mudir atau istilah lain digunakan juga Manager Mathba'ah Al-Ahmadiyah Singapura yang pertama. Syarikat tersebut diasaskan oleh beberapa orang Kerabat Diraja Riau, syarikat induknya berpusat di Pulau Midai, Pulau Tujuh, Kepulauan Riau dengan nama Syarkah Al-Ahmadi & Co. Midai (1324 H/1906 M). Raja Haji Umar dilantik dalam syarikat itu adalah atas kehendak saudara sepupunya Raja Ali (Tengku Selat) bin Raja Muhammad Tengku Nong dan pengasas syarikat itu Raja Haji Ahmad bin Raja Haji Umar/Tengku Endut.

Sebelum melanjutkan aktiviti Raja Haji Umar yang lain, di sini perlu juga disentuh status kepimpinan Ahmadiyah ketika itu ialah di pusatnya di Pulau Midai digunakan istilah Wakil Kuasa Ahmadi & Co. Midai ialah Raja Kaluk. Beliau juga cucu Raja Ali Haji, ibunya bernama Engku Awan adalah anak perempuan Raja Ali Haji. Dalam masa yang sama terdapat dua orang Wakil Kuasa, yang seorang lagi

ialah Raja Hasnan. Setelah kedua-duanya meninggal dunia digunakan istilah Kuasa Al-Ahmadi & Co. Midai, dipegang oleh Haji Abdullah bin Haji Wan Abdur Rahman. Untuk di Cawangan Singapura digunakan istilah Mudir atau Manager. Mudir atau Manager yang pertama Mathba'ah Al-Ahmadiyah Cawangan Singapura ialah Raja Haji Umar bin Raja Haji Hasan. Untuk pengurusan di Mekah al-Mukarramah digunakan istilah Wakil Al-Ahmadiyah di Mekah ditangani oleh Syeikh Abdullah Shamad al-Filfulani (berasal dari Pulau Pinang). Raja Ali/Tengku Selat adalah Ketua Syarkah Al-Ahmadi & Co. Midai dan Mathba'ah Al-Ahmadiyah Cawangan Singapura, merupakan pimpinan yang tertinggi daripada Keluarga Diraja Riau itu, dalam bidang usaha niaga mulai Pulau Tujuh hingga Singapura ketika itu.

Atas usaha Raja Haji Umar itulah maka karangan-karangan yang berasal daripada keluarga Diraja Riau-Lingga dikumpulkan dan diterbitkan oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah yang mendapat restu daripada Raja Ali (Tengku Selat) dan Raja Haji Ahmad. Daripada semua yang telah dipaparkan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa Raja Haji Umar bin Raja Haji Hasan adalah seorang ulama yang mahir dalam penyusunan pentadbiran kewiraswastaan usaha niaga yang bercorak Islam. Sekali gus beliau seorang tokoh yang pandai menilai sesuatu penulisan, pemikiran, sejarah dan khazanah yang dipandang perlu diselamatkan.

Selain aktif mengumpul dan menyelamatkan khazanah pemikiran kekeluargaan Riau-Lingga, Raja Haji Umar juga melibatkan diri dalam penulisan, di antaranya Jurnal Keluarga Riau (tidak sempat diterbitkan) yang mengandungi di antaranya perjalanan kewafatan Raja Badariyah binti Raja Haji Muhammad Tahir saudara sepupunya. Karyanya yang lain ialah Ibu Di dalam Rumah Tangganya. Dalam Natijah Al-Ahmadiyah terbitan 1341 H/1922-1923 M Raja Haji Umar telah memuat salinan ilmu falakiah karangan sahabatnya Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin.

Raja Haji Umar meninggal dunia berdasarkan catatan Raja Ali (Tengku Selat) tertulis, ``Dan pada 27 Rabiulawal 1347 bertepatan 12 September 1928 siang Arba' (Rabu, pen) pukul dua, lewat lima belas minit, waktu itulah berlaku kudrat Allah Taala atas Raja Haji Umar bin al-Marhum Raja Haji Hasan Riau kembali ke rahmatullah. Dikuburkan berhampiran dengan kubur Marhumah Raja Badariyah, Perkuburan Qasim Keling, Batu Enam Sigelap ...''

Raja Haji Umar bin Raja Hasan meninggalkan lima orang anak, ialah: Raja Muhammad Saleh, Raja Muhammad Shafik, Raja Muhsin, Raja Salamah (semuanya daripada satu ibu). Daripada isterinya yang bernama Raja Hajah Malihah binti Raja Haji Muhammad memperoleh seorang anak, ialah Raja Abdul Aziz al-Mursyidi.

Raja Muhammad Saleh adalah anak beliau yang tua yang bekerja di Al-Ahmadiyah Press sejak masa jayanya hingga ke masa menurunnya perusahaan itu. Penulis mempunyai hubungan dekat dengan keluarga ini, oleh itu pertama kali sampai di Singapura pada tahun 1967 penulis menginap di rumahnya, di Lorong Engku Kadir, Kaki Bukit, Singapura. Pada waktu itu Al-Ahmadiyah Press masih berjalan dengan

lancar. Raja Muhammad Shafik bin Raja Haji Umar pernah berkhidmat kepada Pustaka Nasional Singapura.

Darah pengarang Raja Ali Haji turun kepada cucunya Raja Haji Umar bin Raja Haji Hasan dilanjutkan oleh Raja Abdul Aziz al-Mursyidi. Aziz al-Mursyidi mendapat pendidikan jurusan sastera Arab di Universiti al-Azhar. Artikel-artikelnya banyak dimuat dalam beberapa majalah terutama majalah Qalam. Sewaktu pertama sampai

di Kuala Lumpur (1970) penulis menginap di rumahnya, di Jalan Intan, Gombak, penulis menggunakan kesempatan menanyakan beberapa kalimat sastera Arab kepada beliau, bererti penulis sebagai murid beliau. Pada waktu itu beliau jugaselaku penterjemah daripada bahasa Arab ke Melayu dan sebaliknya di radio dan televisyen Malaysia. Pertemuan terakhir antara beliau dengan penulis tahun 1978, dalam keadaan sakit dan selanjutnya meninggal dunia di Singapura, tanpa meninggalkan keturunan.

Sebagai penutup, ``Kukhayalkan secebis kisah Aziz Mursyidi kelahiran Singapura, pernah tinggal di pulau kecil, terpencil, Pulau Midai. Menumpang tongkang berangkat ke Terengganu, ke Singapura terus ke Mekah dan Mesir mencari ilmu. Raja Ali Haji adalah moyangnya, dia adalah pewaris pujangga, dia dilupakan orang, namun padaku ada catatan.'`

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Tuan Minal al-Fathani - Karangannya rujukan ulama Melayu

Tuan Minal al-Fathani - Karangannya rujukan ulama Melayu

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

MERUJUK kepada judul di atas, ulama yang menjalankan aktiviti terakhirnya di Sungai Dua, Seberang Perai ini terkenal di seluruh dunia Melayu sekurang-kurangnya kerana dua buah karyanya, ialah Kasyaful Litsam dan Aqidatun Najin. Terdahulu daripada ini, mengenai beliau pernah saya tulis dalam Jurnal Dewan Bahasa, Februari 1991 dan majalah Dakwah. Kerana banyak penemuan terkini maka dirasakan perlu ditulis kembali. Tuan Minal adalah gelarannya. Nama lengkapnya ialah Syeikh Wan Zainal Abidin bin Wan Muhammad al-Fathani bin Wan Muhammad Dahan bin Wan Syamsuddin bin Wan Ja'far bin Wan Husein bin Ali. Pertikaian pendapat, salasilah yang lain menyebut Wan Muhammad Dahan Syeikh Wan Muhammad Muhyiddin bin Syeikh Yahya bin Syeikh Ibrahim Hadhrami.

PENDIDIKAN

Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathani diceritakan asal usulnya dari Kampung Anak Ru Patani, mendapat pendidikan dimulai daripada orang tuanya di kampung halaman

sendiri. Pernah memasuki Pondok Bendang Daya Patani dan sempat berguru kepada pengasas pertamanya, iaitu Syeikh Haji Wan Mustafa bin Muhammad al-Fathani. Sahabat-sahabatnya di antaranya Syeikh Wan Muhammad Zain al-Fathani (ayah Syeikh Ahmad al-Fathani), Syeikh Abdul Qadir al-Fathani (Tok Bendang Daya ke-2), Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani, Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani, Syeikh Jamaluddin Negeri Sembilan, Haji Abdus Samad Kelumbung dan ramai lagi.

Belajar

Guru beliau yang lain ialah Syeikh Abdur Rasyid al-Fathani, iaitu Abdur Rasyid Keramat Pulau Bidan. Di dalam kitab Miftah ash-Shibyan oleh Syeikh Muhammad Nuruddin bin Syeikh Abbas al-Khalidi, Batu Bahara, Pasir Dahari, Inderapura, diriwayatkan bahawa Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathani belajar ilmu usuluddin kepada Syeikh Muhammad Thaiyib bin Mas'ud al-Banjari al-Qad-hi (Kedah). Syeikh Muhammad Thaiyib al-Banjari al-Qad-hi mempelajari ilmu yang sama daripada Syeikh Ali al-Qad-hi (Kedah). Sanad beliau sampai kepada dua imam besar Ahlus Sunnah wal Jama'ah, iaitu Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.

Untuk membolehkan Syeikh Zainal Abidin al-Fathani diakui sebagai seorang ulama besar dan digelar dengan Al-'Alim al-Allamah al-Mudaqqiq al-Fahamah Sirajuddin adalah beliau mendapat pendidikan terakhir ialah di Mekah. Di antara gurunya di Mekah termasuk Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

KEPERIBADIAN

Gelaran keilmuan yang diperolehnya ialah Al-'Alim al-'Allamah al-Mudaqqiq al-Fahamah Sirajuddin. Sirajuddin yang bererti 'Lampu Agama' adalah tidak diragukan. Kalau Kasyful Litsam merupakan karya beliau yang terbesar bahkan merupakan kitab fikah yang membicarakan furuk-furuk fikah yang paling lengkap dalam bahasa Melayu, maka daripada bidang usuluddin pula karya beliau, 'Aqidatun Najin merupakan yang kedua besar sesudah Warduz Zawahir karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Selain digelar dengan Sirajuddin, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathani digelar juga dengan al-Alim atau lebih tinggi daripada sebutan itu ditambah lagi dengan gelar al-'Allamah. Ditambah lagi dengan 'al-Mudaqqiq', yang bermaksud seorang yang sangat teliti. Ditambah lagi dengan 'al-Fahamah', yang bermaksud mempunyai kefahaman tentang keIslaman terutama dalam fikah.

Digelar pula dengan Tuan Minal. Ada sebab maka beliau digelar Tuan Minal, ada beberapa orang penulis menyebut ia berasal daripada singkatan nama beliau Zainal. Pendapat ini jauh daripada kesahihan, kerana hampir semua Tok Guru pondok di Patani yang pernah penulis temui di sekitar tahun 1970an meriwayatkan lain. Tuan Minal berasal daripada serangkaian peristiwa yang pernah berlaku kepada beliau iaitu apabila beliau merasa marah dan gusar kepada murid-muridnya,

beliau sering membaca surah An-Nas. Apabila sampai kepada ayat ‘‘Minal jinnati wan nas’’ beliau mengeraskan tekanan suaranya. Semakin kuat perasaan marah menyerang perasaannya beliau lebih keras menekan suaranya apabila sampai kepada ayat itu. Walau bagaimanapun marahnya hanyalah diketahui dengan kelakuan demikian, sedangkan air mukanya tetap menampilkan kelembutan dan ramah tamah seolah-olah beliau tidak marah.

Beliau adalah seorang ulama yang tidak pernah bermasam muka atau memperlihatkan gejala emosi tinggi yang tidak terkawal. Hal ini adalah suatu corak yang mencerminkan bahawa Syeikh Zainal Abidin al-Fathani seorang ulama yang mendalami pengetahuan tasawuf serta mempraktikkannya sekali.

AKTIVITI

Setelah pulang dari Mekah, Syeikh Zainal Abidin al-Fathani terus mengasaskan sebuah pusat pengajian sistem pondok di suatu kampung dalam negeri Patani. Ada orang meriwayatkan pondok pengajian yang diasaskannya terletak di Bendang Badang, Patani. Setelah pondok yang diasaskannya kukuh, beliau berhijrah ke Sungai Dua, Seberang Perai dan menangani pondok pengajian yang diasaskan oleh Syeikh Jalaluddin bin Muhammad Yusya’ al-Kalantani.

Berhijrah

Ada orang meriwayatkan bahawa beliau mulai membuka pondok pengajian di Sungai Dua, Seberang Perai pada tahun 1292 H/1875 M. Penulis ragu dengan tahun 1292 H/1875 M tersebut kerana tahun 1304 H/1887 M Syeikh Zainal Abidin al-Fathani masih berada di Patani dan belum berhijrah ke Sungai Dua, Seberang Perai.

Walaupun bagaimanapun penulis yakin bahawa beliau berhijrah ke Sungai Dua, Seberang Perai sebelum tahun 1900 M lagi. Ataupun barangkali kedua-dua pengajian pondok di Patani dan di Sungai Dua, Seberang Perai itu dibuka secara serentak dalam tahun yang sama. Kemungkinan Syeikh Zainal Abidin al-Fathani berulang alik mengajar di kedua-dua pengajian itu. Atau pun kemungkinan sewaktu beliau kembali ke Patani pengajian pondok yang terletak di Sungai Dua, Seberang Perai itu ditangani oleh sahabatnya, Haji Abdus Samad Kelumbang al-Fathani. Beliau ini berasal dari Paya Bemban Jeringo, Teluk Manuk, dalam Wilayah Menara. Syeikh Zainal Abidin al-Fathani dan Haji Abdus Samad Kelumbang kedua-duanya meninggal dunia di Sungai Dua, Seberang Perai. Tahun wafat kedua-duanya masih belum diketahui dengan pasti.

PENULISAN

Jika kita teliti semua karya Tuan Minal memang banyak terdapat perkara-perkara yang penting sama ada bersumber dari al-Quran, hadis, ijmak ulama dan qias dengan penafsiran-penafsiran dan perbandingan-perbandingan mahu pun berupa

pendapat beliau yang disimpulkan daripada pengetahuan beliau yang luas dan pembacaannya yang banyak. Karya-karya Tuan Minal ialah:

1. Kasyful Ghaibiyah fi Ahwali Yaumil Qiyamah, 1301 H/1883M. Kandungannya membicarakan mulai kejadian alam seluruhnya, tanda-tanda kiamat dan peristiwa dahsyat kejadian Hari Kiamat. Cetakan pertama Matba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1302 H. Ditashhah dan diusahakan penerbitannya oleh Syeikh Ahmad al-Fathani. Cetakan Matba'ah at-Taraqil Majidiyah `Utsmaniyah, Mekah, 1332 H/1913 M, diusahakan oleh anak beliau, Syeikh Muhammad Saleh al-Fathani dengan tashhah Syeikh Idris bin Husein al-Kalantani.
2. Kasyful Litsam `an As-ilatil Anam, diselesaikan pada tahun 1307 H/1889 M. Kitab ini dijadikan penonjolan nama Tuan Minal seperti tersebut pada judul artikel ini. Tentangnya sudah cukup jelas dimuat dalam Jurnal Dewan Bahasa, Februari 1991.
3. `Aqidatun Najin fi `Ilmi Ushuliddin diselesaikan pada hari Sabtu, Jamadilakhir tahun 1308 H/1890 M. Kitab ini bukan hanya setakat untuk rujukan tetapi masih banyak diajar di surau-surau dan di masjid-masjid bahkan di beberapa pondok di seluruh dunia Melayu. Sebagaimana telah tersebut bahawa kitab ini yang kedua besar tentang akidah dalam bahasa Melayu sesudah Warduz Zawahir karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani tetapi adalah yang pertama besar yang masih beredar di pasaran dan yang diajarkan. Cetakan pertama oleh Matba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1319 H/1901 M, ditashhah oleh Syeikh Ahmad al-Fathani.
4. Irsyadul `Ibad ila Sabilil Rasyad, tanpa tarikh. Pernah dicetak dalam beberapa edisi, iaitu Matba'ah al-Miriyah, Mekah, Mathba'ah Dar Ihya' al-Kutubal `Arabiyah, Mesir, Matba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura, Persama Press, Pulau Pinang dan lain-lain.
5. Tabassumusy Syaribin, dicetak oleh Al-Ahmadiyah Press, Singapura yang dikombinasikan dengan cetakan Irsyadul `Ibad.
6. Miftahul Murid fi `Ilmit Tauhid, tanpa tarikh, cetakan pertama Mathba'ah at-Taraqil Majidiyah, Makkah 1330 H. Cetakan pertama Pulau Pinang, 1373H/1954M. Kitab ini dicetak kombinasi dengan karya anak beliau, Syeikh Umar, judulnya Risalah Pada Menyatak-kan Sebab Jadi Murtad.
7. Sembahyang Jumaat, nombor kelas MS 111, Koleksi Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia. Naskhah tidak lengkap, hanya enam muka surat. Belum pernah diterbitkan.
8. Tahqiqul Kalam fi Bayani Ibtidais Shiyam, nombor kelas MS 112, Koleksi Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia. Naskhah tidak lengkap, hanya enam muka surat. Belum pernah diterbitkan.

PENYAMBUNG AKTIVITI

Semua anak Tuan Minal sempat menerima pendidikan langsung daripada Tuan Minal sendiri, sama ada menetap di Pondok Patani mahupun di Pondok Sungai Dua,

Seberang Perai. Mereka merupakan ka-der-kader pendidik dan pendakwah langsung daripada ayahnya sendiri. Ada pun anak-anak Tuan Minal adalah sebagai yang berikut di bawah:

1. Al-'Alim al-'Allamah Haji Daud.
2. Al-'Alim al-'Allamah Haji `Abdul Qadir.
3. Al-'Alim al-'Allamah Haji Muhammad Saleh.
4. Al-'Alim al-'Allamah Haji Umar.
5. Al-'Alim al-'Allamah Haji Hasan.
6. Hajah Fatmah.

Empat orang anak Tuan Minal yang tersebut di atas adalah ulama, tiga orang di antara mereka menghasilkan karangan. Syeikh Muhammad Saleh karyanya berjudul Risalah Yang Kecil Pada Bicarakan Ilmu Tajwid Al-Quran dan Sirajul Qari. Haji Umar, karya beliau ialah Risalah Pada Menyatakan Sebab Jadi Murtad. Karya Haji Hasan bin Tuan Minal yang telah diketahui ialah Pungutan Kanak-Kanak.

Keturunan Tuan Minal ramai di Malaysia, Patani dan Mekah. Haji Abdul Qadir pernah berkahwin dengan anak seorang hartawan Muar yang bernama Shafiyah @ Mik Muar. Memperoleh tujuh orang anak. Ramai keturunannya di Patani dan Kelantan, walau bagaimana pun keluarga di Muar terputus kerana tidak terdapat alamat yang jelas. Haji Abdul Qadir adalah ayah Haji Sulung, ulama dan pejuang Patani yang sangat terkenal, tetapi ibunya bukan Mik Muar. Shafiyah @ Mik Muar itu adalah ibu tiri kepada Haji Sulung.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Wan Fatimah al-Kalantani - Wanita Melayu alim di Mekah

Wan Fatimah al-Kalantani - Wanita Melayu alim di Mekah

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

DALAM Ruangan Agama, Utusan Malaysia bertarikh 27 September 2004, diperkenalkan nama orang tuanya, iaitu Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani. Ruangan Agama, Utusan Malaysia bertarikh 11 Oktober 2004 pula memperkenalkan riwayat suaminya, Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani atau Tok Daud Katib al-Kalantani.

Artikel ini secara langsung memperkenalkan seorang alimah, yang nama lengkapnya ialah Wan Fatimah binti Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan al-Kalantani bin Abdul Ghafur bin Syeikh Izzuddin. Syeikh Izzuddin juga bernama Syeikh Taqiyuddin. Wan Fatimah adalah di antara wanita teralim dan kuat beramal,

seperti tilawah al-Quran, wirid, zikir, dan selawat dalam keluarga besar ulama Patani dan Kelantan pada zamannya.

Selain itu beliau aktif mengajar di rumahnya di Mekah. Sebahagian besar wirid ayahnya, Syeikh Wan Ali Kutan, terutama amalan-amalan yang termaktub dalam Lum'atul Aurad yang bersambung sampai sekarang adalah diijazahkan oleh Wan Fatimah. Wan Fatimah tidak menghasilkan penulisan tetapi bertanggungjawab atas penerbitan karya-karya ayahnya, Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan. Selanjutnya Wan Fatimah pindah ke Kota Bharu, Kelantan mengikut suaminya, Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani (Tok Daud Katib).

Mereka tinggal di Kampung Atas Paloh. Perpindahan mereka ke Kelantan adalah kerana menjalankan tugas daripada Syeikh Ahmad al-Fathani yang mendirikan Mathba'ah al-Miriyah al-Kalantaniyah dalam rangka mencetak dan menerbitkan pelbagai jenis kitab untuk disebarluaskan ke seluruh dunia Melayu.

KEKELUARGAAN

Wan Fatimah mempunyai tiga orang saudara; seorang lelaki, iaitu Wan Abdur Rahman adalah sahabat karib kepada Datuk Nik Mahmud, Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan.

Dua orang saudaranya yang lain ialah Wan Maryam binti Syeikh Wan Ali Kutan, yang berkahwin dengan Syeikh Abdullah bin Syeikh Nik Mat Kecil al-Fathani. Seorang lagi Wan Shafiyah binti Syeikh Wan Ali Kutan, berkahwin dengan Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Nik Mat Kecil al-Fathani.

Syeikh Abdullah dan Syeikh Muhammad Nur tergolong dalam kumpulan ulama. Mereka adalah anak-anak kepada ulama yang terkenal, iaitu Syeikh Nik Mat Kecil atau Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani, satu-satunya ulama Melayu yang menjadi Hakim Mahkamah Syarie di Mekah pada zamannya (ulama yang pernah diperkenalkan dalam ruangan ini pada 25 April 2005). Wan Fatimah sendiri berkahwin dengan sepupunya, Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani atau Tok Daud Katib Kelantan (telah diperkenalkan dalam Utusan Malaysia pada 11 Oktober 2004).

Kekeluargaan

Mereka semua dalam lingkungan kekeluargaan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Dari segi lain Wan Fatimah juga adalah sepupu kepada Syeikh Ahmad al-Fathani kerana ibu Syeikh Ahmad al-Fathani bernama Wan Cik binti Haji Wan Muhammad Shalih al-Fathani adalah adik beradik dengan ibu Wan Fatimah, yang bernama Wan Aisyah binti Haji Wan Muhammad Shalih al-Fathani. Datuk nenek dari pihak ibunya adalah keturunan Syeikh Shafiyuddin al-Abbasi, keturunan Bani Abbas melalui Khalifah Mu'tasim Billah. Keturunan tersebut telah lama tinggal di Aceh dan selanjutnya Syeikh Shafiyuddin al-Abbasi berpindah ke Patani. Beliau bersama

sahabatnya, Syeikh Muhammad Sa'id telah berhasil mengislamkan Raja Antira, Raja Patani.

AKTIVITI KELUARGA

Sebagaimana disebutkan bahawa saudara lelaki Wan Fatimah binti Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani hanya seorang, iaitu Wan Abdur Rahman. Sebenarnya Wan Abdur Rahman adalah seorang ulama dan cendekiawan tetapi beliau tidak mahu ditonjolkan. Pemikiran beliau banyak dimanfaatkan oleh Datuk Nik Mahmud, Perdana Menteri Paduka Kelantan itu. Wan Abdur Rahman menghasilkan tiga buah karangan, iaitu:

1. Seribu satu Malam. Karya ini atas permintaan Datuk Nik Mahmud, Perdana Menteri Paduka Kelantan.
2. Syair Sifat Dua Puluh, iaitu digubah dalam 50 bait syair dalam bahasa Melayu.
3. Syair Nasihat, digubah dalam 40 bait, juga dalam bahasa Melayu. Ketiga-tiga karya Wan Abdur Rahman bin Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani itu masih dalam bentuk manuskrip, asli tulisan tangan beliau, dan belum ditemukan yang berupa salinan. Saya sendiri pernah membaca karya-karya tersebut semalam suntuk di rumah cucu beliau di Kampung Kutan tahun 1995.

Perkahwinan antara Wan Fatimah dengan Tok Daud Katib dianugerahkan anak-anak; Wan Abdul Qadir (pernah menjadi Penggawa di Pasir Mas) dan Tuan Guru Haji Mahmud yang menjadi ulama. Adapun Wan Abdul Qadir diberkati oleh Allah dapat mengerjakan haji setiap tahun sejak berumur tujuh tahun hinggalah tahun terakhir beliau meninggal dunia. Cara hidupnya juga berlainan daripada kebanyakan orang. Setelah beliau tidak menjadi penggawa lagi, beliau hanya tinggal di rumahnya Atas Paluh selama enam bulan dan enam bulan lagi mengembara ke mana saja yang disukainya.

Pekerjaan

Wan Abdul Qadir tidak mempunyai pekerjaan yang tetap, beliau sangat kuat mengamalkan wirid. Setiap hari sesudah Subuh hingga selesai solat Dhuha, barulah beliau beredar dari tempat wiridnya. Yang diamalkannya hanya wirid-wirid yang termaktub dalam Lum'atul Aurad yang disusun oleh datuknya, Syeikh Wan Ali Kutan yang mana amalan-amalan itu diterima ijazah daripada ibunya sendiri, iaitu Wan Fatimah binti Syeikh Wan Ali Kutan. Wan Abdul Qadir pula telah mengijazahkan amalan tersebut kepada ramai orang di Malaysia, Patani, Sumatera dan Mekah. Pada zamannya, masyarakat Islam di Malaysia menunaikan haji ke Mekah masih menggunakan kapal laut. Pada kesempatan itu ramai yang berada dalam kapal yang dinaikinya untuk menerima ijazah amalan Lum'atul Aurad itu. Sungguhpun masanya lebih banyak digunakan untuk melakukan wirid, zikir, selawat dan sejenisnya jika dibandingkan dengan waktu yang digunakan untuk bekerja mencari nafkah, namun

perbelanjaan hariannya sama juga dengan orang-orang lain yang berada di persekitarannya. Beliau tidak pernah mengalami kesempitan perbelanjaan, walaupun beliau juga mempunyai tujuh orang anak. Semua anaknya memperoleh pendidikan. Beberapa orang di antaranya menjadi guru dan aktif bergerak dalam bidang kemasyarakatan.

Penulis

Anak Wan Fatimah yang menjadi ulama ialah Tuan Guru Haji Mahmud. Beliau termasuk anggota Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, guru di Ma'ahad Al-Muhammadi, menjadi penulis dalam majalah Pengasuh dan menulis beberapa buah buku. Dalam koleksi saya terdapat dua buah buku karangan beliau, iaitu Kerana Kemerdehekaan atau Dasar Setia Merusakkan Kerajaan, diselesaikan di Kota Bharu, Kelantan pada 13 Rabiulakhir 1358 H/1 Jun 1939 M. Kandungannya membicarakan sebab-sebab kejatuhan pemerintahan Turki-'Utsmaniyah pada tahun 1914 M-1918 M. Mengenai buku ini diberi komentar oleh pihak penerbitnya, ``Ialah suatu riwayat dan tarikh yang belum ada seumpamanya di dalam bahasa Melayu, iaitu berlaku di negeri Turki pada masa as-Sultan Abdul Hamid. Mengandungi perihal punca-punca kejatuhan kerajaan Turki, perlawanan siasat, perasaan cinta berahi, keberanian dan perasaan kewatanan, peperangan Balkan, dan ringkasan tarikh peperangan besar 1914 - 1918''. Dicitak oleh Mustafa Press, Kelantan, 1939 M.

Sebuah lagi karangan Wan Mahmud ialah Siasat Perniagaan atau Kaedah dan Peraturan Berjual Beli, yang tarikh penulisannya belum diketahui kerana beberapa halamannya tidak ditemui. Kandungannya membicarakan pelbagai aspek, etika dan tatacara melaksanakan perniagaan. Dinyatakan pada halaman depan, ``... iaitu menunjukkan bagaimana memajukan perniagaan runcit-runcit mengikut ilmu jiwa, falsafah perangai, dan ijtima' ...'' Kandungannya juga terdapat petikan perkataan hikmah daripada Saidina Umar bin Khattab, ``Jangan kamu dikalahkan oleh bangsa lain dalam bab perniagaan kerana sesungguhnya dialah sepertiga kekuasaan dan pemerintahan.'' Cetakan kedua, Mustafa Press, Kelantan, 1952 M. Pandangan dan taqriz diberi oleh Datuk Nik Mahmud bin Ismail, Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan, ditulis di Kota Bharu, Kelantan pada 4 Januari 1941 M.

Saya mendapat maklumat, sewaktu saya menulis artikel ini terdapat 20 orang keturunan Wan Fatimah binti Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani yang menghafaz al-Quran tiga puluh juzuk (hafiz dan hafizah). Salah seorang cucu beliau, iaitu Wan Khadijah binti Haji Wan Abdul Qadir bersama suaminya Abdul Rahman bin Abdul Samad yang sekarang sedang giat membina tempat pendidikan tahfiz yang dinamakan Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Hilmiah di Taman Kenangan, Kota Bharu, Kelantan. Selain itu juga beliau membina satu pertubuhan yang dinamakan Kelab Balkis.

Ceramah

Pada tarikh 18 Jamadilawal 1426 H/25 Jun 2005 M dalam rangka Memperingati 100 Tahun Kewafatan Syeikh Ahmad Al-Fathani, Pemikir Agung Melayu dan Islam yang ke-5, Kelab Balkis dan Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara (Pengkaji) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, dan lain-lain telah menganjurkan satu cera-mah di Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan. Dua kertas kerja telah dibentangkan. Kertas kerja pertama banyak menyentuh tentang Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani, anak beliau Wan Fatimah dan ulama-ulama Kelantan lainnya terutama Tok Kenali. Kertas kerja kedua dibentangkan oleh Prof. Madya Dr. Ismail Bakar, pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Secara kebetulan pula Prof. Madya Dr. Ismail Bakar mempunyai pertalian keluarga melalui perkahwinan dengan keturunan Wan Fatimah binti Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani.

Sebagai penutup artikel ini saya berkesimpulan bahawa 71 orang ulama yang telah diperkenalkan dalam Ruangan Agama, Utusan Malaysia ini semuanya adalah kaum lelaki. Wan Fatimah yang diriwayatkan di atas merupakan tokoh ke-72. Ini bererti beliau merupakan tokoh wanita pertama yang diperkenalkan dalam ruangan ini. Jika kita semak dengan teliti bererti dari kalangan keluarga ulama dunia Melayu sejak lama, telah melahirkan golongan anak dan cucu mereka daripada golongan wanita yang berminat terhadap ilmu pengetahuan. Mereka berjaya mempelajari dan mengajar ilmu pengetahuan sekali gus menyepadukan ilmu dan amal. Sangatlah hampa, kosong tiada bermanfaat, jika seseorang itu mempunyai ilmu yang banyak tetapi tiada mengamalkan ilmu pengetahuan yang ada padanya. Orang-orang berilmu yang paling bijak ialah yang dapat memanfaatkan ilmunya untuk kebahagiaan diri, keluarga dan masyarakat dalam erti kata yang luas kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Wan Sulaiman - Syeikhul Islam Kedah Darul Aman

Sye ikh W an S ula iman - Syeik hul I slam Ke dah D arul Am an

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Ibu kepada Wan Sulaiman bernama Wan Jamilah atau digelar dengan Wan Tam Kecil. Wan Jamilah adalah adik beradik dengan Datuk Kerani Muhammad Arsyad, Kerani Rahsia Kerajaan Kedah. Ayah mereka berdua bernama Haji Abu Bakar (Kadi Daerah Yan, Kedah) bin Wan Nurdiman bin Datuk Seri Paduka Raja Laksamana.

Wan Jamilah adalah anak saudara dan sepupu kepada Wan Hajar (Mak Wan Besar) binti Wan Ismail bin Datuk Seri Paduka Raja Laksamana, iaitu ibu kandung kepada Sultan Abdul Hamid, Raja Muda Tengku Abdul Aziz dan Tengku Mahmud, Presiden Majlis Negeri yang pernah menjadi Pemangku Sultan. Bererti pula Wan Jamilah

adalah anak saudara sepupu kepada Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail yang pernah menjadi Perdana Menteri Kedah. Ini kerana Wan Hajar adalah adik beradik dengan Wan Muhammad Saman.

PENDIDIKANNYA

Dalam usia 9 tahun, Wan Sulaiman mendapat pendidikan bahasa Melayu di sekolah yang dibuka oleh Haji Din. Pendidikan tersebut ditempuh lebih kurang tiga tahun, iaitu sekitar tahun 1882 - 1885. Dalam masa yang sama beliau juga mengaji al-Quran kepada Haji Ismail al-Kalantani. Wan Sulaiman juga mempelajari bahasa Inggeris kepada Dr. Gromez. Wan Sulaiman berhasil mengIslamkan gurunya ini setelah beliau pulang dari Mekah.

Ketika berusia 19 tahun pada tahun 1889, beliau melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Sewaktu di Mekah beliau belajar kepada ramai ulama, seperti juga ulama-ulama dunia Melayu yang telah disiarkan dalam ruangan ini sebelumnya.

Senarai ulama dunia Melayu di Mekah yang pernah menjadi guru kepada Wan Sulaiman ialah Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani, Syeikh Wan Ali al-Kalantani, Syeikh Ahmad al-Fathani, Syeikh Daud bin Mustafa al-Fathani, Syeikh Ahmad Lingga, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau, Syeikh Muhammad Zainuddin Sumbawa dan ramai lagi.

Di antara sahabat beliau yang sebaya umur dengannya ialah Syeikh Muhammad Said Linggi (lahir 1292 Hijrah/1875 Masihi, meninggal dunia 1345 Hijrah/1926 Masihi). Walau bagaimanapun Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Siddiq menerima Thariqat Naqsyabandiyah daripada Syeikh Faqir Muhammad Andakhuri al-Bukhari (meninggal dunia di Taif pada 19 Rabiulawal 1321 Hijrah/14 Jun 1903 Masihi). Sedangkan Syeikh Muhammad Said Linggi adalah pengamal Thariqat Ahmadiyah Idrisiyah yang diterima daripada Syeikh Muhammad ad-Dandarawi.

AKTIVITI

Wan Sulaiman pulang ke Kedah pada hari Isnin 9 Rabiulakhir 1324 Hijrah/30 Julai 1906 Masihi. Sungguh pun demikian ada pendapat yang menyebut bahawa beliau pulang pada tahun 1329 Hijrah/1910 Masihi.

Pendapat saya bahawa beliau pulang ke Kedah pada 9 Rabiulakhir 1324 Hijrah/ 30 Julai 1906 Masihi dikuatkan pula sebuah karya beliau berjudul `Umdatul Aulad, diselesaikan di Kedah pada 8 Muharam 1326 Hijrah bersamaan 10 Februari 1908 Masihi. Oleh sebab karya ini diselesaikan di Kedah lebih kurang 2 tahun sebelum tahun 1329 Hijrah/1910 Masihi, dengan demikian pendapat yang menyebut Wan Sulaiman pulang ke Kedah pada tahun 1329 Hijrah/1910 Masihi adalah sangat diragui.

Tidak berapa lama dari tarikh kepulangannya, Wan Sulaiman dilantik dengan beberapa jawatan; dimulai dengan kadi, kemudian Kadi Besar dan terakhir sekali

Syeikhul Islam Kedah. Selain sebagai Syeikhul Islam, beliau juga giat mengajar di beberapa surau. Kemuncak aktivitinya ialah mengajar yang dipusatkan di Masjid Zahir. Masjid Zahir Kedah tersebut masih terkenal sehingga sekarang.

THARIQAT NAQSYABANDIYAH

Selain mengajar perkara-perkara yang tertakluk dengan fardu ain, fikah, usuluddin, tasawuf, al-Quran dan tajwidnya, Wan Sulaiman juga mentawajjukkan zikrullah menurut metode Thariqat Naqsyabandiyah Ahmadiyah Mujaddidiyah.

Ada yang berpandangan bahawa me-masuki thariqat akan mengakibatkan kemunduran pembangunan duniawi, namun jika kita membaca karya-karya mengenai ilmu tersebut yang dikarang oleh ahlinya, termasuk karangan-karangan Syeikh Wan Sulaiman, tuduhan seperti itu adalah tidak benar. Sebagai contoh Wan Sulaiman adalah seorang ulama yang bergerak aktif sama ada untuk kepentingan duniawi dan ukhrawi. Wan Sulaiman juga telah mengeluarkan fatwa-fatwa mengenai Islam yang merupakan fatwa rasmi kerajaan Kedah pada zamannya.

Wan Sulaiman berpandangan bahawa selain aktiviti duniawi, urusan kehidupan (ma'isyiah) mestilah disegandingkan dengan aktiviti secara berjamaah antara guru (mursyid) dengan murid-muridnya.

Katanya lagi, pertemuan shuhbah (istilah dalam tasawuf, maksudnya murid yang terdekat) dengan mursyid sekurang-kurangnya setiap hari tiga kali, iaitu pada waktu sembahyang Subuh, Zuhur dan Asar. Setiap pertemuan sentiasa membahaskan pelbagai bidang ilmu, bahkan juga tiada sunyi daripada membahaskan permasalahan dan kepentingan duniawi. Walau bagaimanapun urusan duniawi mestilah ditimbang menurut yang dibenarkan oleh syarak Islam atau sebaliknya.

JASANYA

Beliau adalah pemikir dan pengasas pertama Madrasah al-Hamidiah pada tahun 1916 di Limbong Kapal Kedah. Beliau melantik sahabatnya Haji Abdullah Fahim menjadi mudir madrasah tersebut. Madrasah al-Hamidiah. Masyarakat menyebutnya Madrasah Pak Wan Sulaiman, juga Sekolah Arab Limbong Kapal. Ia merupakan tempat pendidikan Islam mengikut sistem persekolahan moden kedua terawal di Semenanjung Tanah Melayu, kerana yang paling awal ialah Madrasah Al-Attas di Johor Bahru, 132 Hijrah/1914 Masihi.

Setelah memperhatikan kemajuan pendidikan tersebut, Wan Sulaiman bersama Tengku Mahmud akhirnya memikirkan pula untuk menubuhkan sekolah menengah Islam. Walau bagaimanapun Wan Sulaiman tidak sempat melihat sekolah yang dicadangnya itu, kerana sekolah tersebut berfungsi setahun setelah beliau meninggal dunia. Sekolah itu ialah Al-Ma'ahad Mahmud yang kemudian lebih dikenali dengan nama Maktab

Mahmud di Simpang Kuala Alor Setar yang mulai bergerak pada 29 Rabiulawal 1355 Hijrah/16 Jun 1936 Masihi.

Maktab Mahmud termasuk di antara sekolah menengah Islam yang terkenal di Malaysia sampai sekarang. Ramai pelajar lepasan madrasah itu yang menjadi tokoh pelbagai bidang, bukan hanya dalam urusan Islam tetapi juga bidang-bidang lainnya. Ini merupakan jasa besar dan amal jariah Syeikh Wan Sulaiman.

KARYA-KARYANYA

Wan Sulaiman juga menghasilkan beberapa buah karangan, di antaranya ialah:

1. `Umdatul Aulad fi Bayani fi `Ibadatihim ila Rabbil `Ibad, diselesaikan pada 8 Muharam 1326 Hijrah di Kedah Darul Aman. Kandungannya merupakan pelajaran darjah pertama bicara ibadat. Cetakan Keriterian Press Limited, Pulau Pinang.
2. Nihayatul Mathlub fi Tashfiyatil Qulub, diselesaikan pada 30 Jamadilawal 1337 Hijrah di Kedah yang berbentuk manuskrip. Disalin oleh Muhammad Tahir al-Juhuri (Johor) 16 Syaaban 1376 Hijrah/Mac 1957 Masihi. Kandungannya merupakan pelajaran Thariqat Naqsyabandiyah.
3. Futuhat Qad-hiyah, diselesaikan pada 17 Rabiulawal 1343 Hijrah di Kampung Limbong Kapal, Kedah. Kandungannya membahas mengenai Thariqat Naqsyabandiyah-Mujaddidiyah Ahmadiyah. Cetakan kedua, oleh Haji Hasyim bin Abdullah, di Percetakan Siaran, Alor Setar.
4. Qashidah Menyanyi Lagu Abyari, diselesaikan pada 3 Muharam 1344 Hijrah/1925 Masihi di Kampung Limbong Kapal, Kedah. Kandungannya tentang akidah untuk kanak-kanak. Terdiri daripada 114 bait syair. Diceritakan bahawa ia disusun ketika dalam perjalanan menaiki kereta api ke Bangkok sewaktu mengiringi Tengku Mahmud. Cetakan The Kedah Government Press, tanpa disebutkan tahunnya.
5. Tanwirul Bashirah ..., diselesaikan pada 20 Rejab 1347 Hijrah/1928 Masihi. Dicatatkan pada halaman belakang oleh Al-Haji Wan Ismail Daud, Setiausaha Hal Ehwal Jabatan Agama Negeri Kedah, katanya, ``Di atas jasa-jasa baik al-Marhum asy-Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Siddiq dan perjuangannya untuk menegakkan agama, bangsa dan nusa, janganlah hendaknya kita sebagai kata pepatah, ``Kacang lupakan kulit, hadiah Fatimah kepadanya.`` Cetakan Persama Press, Pulau Pinang.
6. Nazham Syair Bicara Sirah An-Nabawiyah dan Dualul Islamil Kubra Kerajaan Islam Yang Besar-Besar, diselesaikan pada 3 Muharam 1348 Hijrah/1929 Masihi. Kandungannya merupakan syair yang terdiri daripada 198 bait. Selanjutnya menceritakan kelahiran Nabi Muhammad s.a.w., sirah dan akhlak Nabi s.a.w. Disinggung juga mulai berdirinya Khalifah Usman bin Artoghrrol pada tahun 699 Hijrah hingga pemerintahan Sultan Abdul Hamid Tsani tahun 1293 Hijrah. Cetakan Kerajaan Kedah, tanpa tahun.

7. Mizanul 'Uqala' wal Udaba', diselesaikan pada 16 Disember 1950 Hijrah. Kandungannya tentang pengertian syariat, thariqat, haqiqat dan ma'rifat. Cetakan keenam oleh Haji Hasyim bin Abdullah. Kesimpulannya bahawa keseluruhan karangan yang diketahui ada 17 judul, penulisan pertama tahun 1326 Hijrah/1908 Masihi dan berakhir pada tahun 1350 Hijrah/1931 Masihi.

KETURUNANNYA

Daripada perkahwinan Wan Sulaiman dengan Wan Kalsum binti Wan Abdul Hamid memperoleh 11 orang anak. Di antaranya yang sempat berkahwin ialah: 1. Wan Noor berkahwin dengan Syed Muhammad Al-Jufri. 2. Wan Mardhiyah berkahwin dengan Datuk Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh. 3. Wan Rahimah berkahwin dengan Ismail Kasim. 4. Wan Zakhiuddin berkahwin dengan Zainab binti Abdullah.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Abdul Wahid al-Juhuri - Mengislamkan Sultan Buton

Syeikh Abdul Wahid al-Juhuri - Mengislamkan Sultan Buton

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

![] [40]

MAIA Papara Putra (kiri) yang menulis tentang keislaman di Buton bersama penulis pada Simposium di Pekan Baru Riau. [Gambar tidak disiarkan -- waqaf.net]

PULAU BUTON yang terletak di sebelah tenggara tanah besar Pulau Celebes atau namanya sekarang, Sulawesi, pada zaman dahulu pernah mempunyai kerajaan sendiri. Nama Pulau Buton dikenal sejak zaman pemerintahan Majapahit lagi. Patih Gajah Mada dalam Sumpah Palapa, menyebut nama Pulau Buton.

Empu Prapanca juga menyebut nama Pulau Buton di dalam bukunya, Negara Kartagama. Sejarah yang umum diketahui orang, bahawa Kerajaan Bone di tanah besar Sulawesi lebih dulu menerima agama Islam yang dibawa oleh Datuk Ri Bandang yang berasal dari Minangkabau sekitar tahun 1605 M. Sebenarnya Sayid Jamaluddin al-Kubra lebih dulu sampai di Pulau Buton, iaitu pada tahun 815 H/1412 M. Ulama tersebut diundang oleh Raja Mulae Sangia i-Gola dan baginda langsung memeluk agama Islam. Lebih kurang seratus tahun kemudian, dilanjutkan oleh Syeikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman al-Fathani yang dikatakan datang dari Johor. Beliau berhasil mengislamkan Raja Buton yang ke-6 sekitar tahun 948 H/ 1538 M.

Riwayat lain mengatakan tahun 1564 M. Walau bagaimana pun masih banyak pertikaian pendapat mengenai tahun kedatangan Syeikh Abdul Wahid di Buton. Oleh itu dalam artikel ini dirasakan perlu dikemukakan beberapa perbandingan. Dalam masa yang sama dengan kedatangan Syeikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman al-Fathani, diriwayatkan bahawa di Callasusung (Kalensusu), salah sebuah daerah kekuasaan Kerajaan Buton, didapati semua penduduknya beragama Islam.

Selain pendapat yang menyebut bahawa Islam datang di Buton berasal dari Johor, ada pula pendapat yang menyebut bahawa Islam datang di Buton berasal dari Ternate. Dipercayai orang-orang Melayu dari pelbagai daerah telah lama sampai di Pulau Buton. Mengenainya dapat dibuktikan bahawa walau pun bahasa yang digunakan dalam Kerajaan Buton ialah bahasa Wolio, namun dalam masa yang sama digunakan bahasa Melayu, terutama bahasa Melayu yang dipakai di Melaka, Johor dan Patani. Orang-orang Melayu tinggal di Pulau Buton, sebaliknya orang-orang Buton pula termasuk kaum yang pandai belayar seperti orang Bugis juga.

Orang-orang Buton sejak lama merantau ke seluruh pelosok dunia Melayu dengan menggunakan perahu berukuran kecil yang hanya boleh menampung lima orang, sehingga perahu besar yang boleh memuat barang sekitar 150 tan.

Raja Buton masuk Islam

Kerajaan Buton secara rasminya menjadi sebuah kerajaan Islam pada masa pemerintahan Raja Buton ke-6, iaitu Timbang Timbangan atau Lakilapotan atau Halu Oleo. Bagindalah yang diislamkan oleh Syeikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman al-Fathani yang datang dari Johor. Menurut beberapa riwayat bahawa Syeikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman al-Fathani sebelum sampai di Buton pernah tinggal di Johor. Selanjutnya bersama isterinya pindah ke Adonara (Nusa Tenggara Timur). Kemudian beliau sekeluarga berhijrah pula ke Pulau Batu Gatas yang termasuk dalam pemerintahan Buton.

Di Pulau Batu Gatas, Buton, Syeikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman al-Fathani bertemu Imam Pasai yang kembali dari Maluku menuju Pasai (Aceh). Imam Pasai menganjurkan Syeikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman al-Fathani pergi ke Pulau Buton, menghadap Raja Buton. Syeikh Abdul Wahid setuju dengan anjuran yang baik itu. Setelah Raja Buton memeluk Islam, Baginda langsung ditabalkan menjadi Sultan Buton oleh Syeikh Abdul Wahid pada tahun 948 H/1538 M.

Walaupun bagaimanapun. Mengenai tahun tersebut, masih dipertikaikan kerana daripada sumber yang lain disebutkan bahawa Syeikh Abdul Wahid merantau dari Patani-Johor ke Buton pada tahun 1564 M. Sultan Halu Oleo dianggap sebagai Sultan Kerajaan Islam Buton pertama, bergelar Sultan atau Ulil Amri dan menggunakan gelar yang khusus iaitu Sultan Qaimuddin. Maksud perkataan ini ialah Kuasa Pendiri Agama Islam.

Dalam riwayat yang lain menyebut bahawa yang melantik Sultan Buton yang pertama memeluk Islam, bukan Syeikh Abdul Wahid tetapi guru beliau yang sengaja didatangkan dari Patani. Raja Halu Oleo setelah ditabalkan sebagai Sultan Kerajaan Islam Buton pertama, dinamakan Sultan Murhum.

Ketika diadakan Simposium Pernikahan Nusantara Internasional IV, 18 - 20 Julai 2000 di Pekan Baru, Riau, salah satu kertas kerja membicarakan beberapa aspek tentang Buton, yang dibentang oleh La Niampe, yang berasal dari Buton. Hasil wawancara saya kepadanya adalah sebagai berikut:

1. Syeikh Abdul Wahid pertama kali sampai di Buton pada tahun 933 H/1526 M.
2. Syeikh Abdul Wahid sampai ke Buton kali kedua pada tahun 948 H/1541 M.
3. Kedatangan Syeikh Abdul Wahid yang kedua di Buton pada tahun 948 H/1541 M bersama guru beliau yang bergelar Imam Fathani. Ketika itulah terjadi pengislaman beramai-ramai dalam lingkungan Istana Kesultanan Buton dan sekali gus melantik Sultan Murhum sebagai Sultan Buton pertama.

Maklumat lain, kertas kerja Susanto Zuhdi berjudul Kabanti Kanturuna Mohelana Sebagai Sumber Sejarah Buton, menyebut bahawa Sultan Murhum, Sultan Buton yang pertama memerintah dalam lingkungan tahun 1491 M - 1537 M. Menurut Maia Papara Putra dalam bukunya, Membangun dan Menghidupkan Kembali Falsafah Islam Hakiki Dalam Lembaga Kitabullah, bahawa ``Kesultanan Buton menegakkan syariat Islam ialah tahun 1538 Miladiyah.

Jika kita bandingkan tahun yang saya sebutkan (1564 M), dengan tahun yang disebutkan oleh La Niampe (948 H/1541 M) dan tahun yang disebutkan oleh Susanto Zuhdi (1537 M), bererti dalam tahun 948 H/1541 M dan tahun 1564 M, Sultan Murhum tidak menjadi Sultan Buton lagi kerana masa beliau telah berakhir pada tahun 1537 M. Setelah meninjau pelbagai aspek, nampaknya kedatangan Syeikh Abdul Wahid di Buton dua kali (tahun 933 H/1526 M dan tahun 948 H/1541 M) yang diberikan oleh La Niampe adalah lebih meyakinkan.

Yang menarik pula untuk dibahas ialah keterangan La Niampe yang menyebut bahawa ``Kedatangan Syeikh Abdul Wahid yang kedua kali di Buton pada tahun 948 H/1541 M itu bersama Imam Fathani mengislamkan lingkungan Istana Buton, sekali gus melantik Sultan Murhum sebagai Sultan Buton yang pertama''. Apa sebab Sultan Buton yang pertama itu dilantik/dinobatkan oleh Imam Fathani? Dan apa pula sebabnya sehingga Sultan Buton yang pertama itu bernama Sultan Murhum, sedangkan di Patani terdapat satu kampung bernama Kampung Parit Murhum.

Kampung Parit Murhum berdekatan dengan Kerisik, iaitu pusat seluruh aktiviti Kesultanan Fathani Darus Salam pada zaman dahulu. Semua yang tersebut itu sukar untuk dijawab. Apakah semuanya ini secara kebetulan saja atau pun memang telah terjalin sejarah antara Patani dan Buton sejak lama, yang memang belum diketahui oleh para penyelidik.

Namun walau bagaimanapun jauh sebelum ini telah ada orang yang menulis bahawa ada hubungan antara Patani dengan Ternate. Dan cukup terkenal legenda bahawa orang Buton sembahyang Jumaat di Ternate.

Jika kita bandingkan dengan semua sistem pemerintahan, sama ada yang bercorak Islam mahu pun sekular, terdapat perbezaan yang sangat ketara dengan pemerintahan Islam Buton. Kerajaan Islam Buton berdasarkan Martabat Tujuh. Daripada kenyataan ini dapat diambil kesimpulan bahawa kerajaan Islam Buton lebih mengutamakan ajaran tasawuf daripada ajaran yang bercorak zahiri. Walau bagaimanapun ajaran syariat tidak diabaikan.

Semua perundangan ditulis dalam bahasa Walio menggunakan huruf Arab, yang dinamakan Buru Wolio seperti kerajaan-kerajaan Melayu menggunakan bahasa Melayu tulisan Melayu/Jawi. Huruf dan bahasa tersebut selain digunakan untuk perundangan, juga digunakan dalam penulisan salasilah kesultanan, naskhah-naskhah dan lain-lain. Tulisan tersebut mulai tidak berfungsi lagi menjelang kemerdekaan Indonesia 1945.

Peninggalan sejarah

Beberapa orang peneliti sejarah yang berasal dari Buton menyebut bahawa sampai sekarang masih terdapat beberapa peninggalan Syeikh Abdul Wahid di kerajaan Buton, di antaranya yang dinamakan Benteng Kraton, iaitu benteng pertahanan yang mengelilingi istana sultan dengan pelbagai alat kelengkapannya. Terdapat juga dua buah masjid tua. Satu terletak di Walio, iaitu asal pusat kerajaan Islam Buton.

Menurut riwayat yang mutawatir, bahawa Masjid di Walio itu didirikan oleh Syeikh Abdul Wahid ketika beliau mula-mula menginjakkan kakinya di Pulau Buton. Walau bagaimanapun menurut riwayat, masjid tersebut telah mengalami tiga kali pemugaran (perubahan reka bentuk). Pemugaran terakhir pada zaman pemerintahan Sultan La Ode Abdul Hamid, iaitu Sultan Buton ke-37, yang memerintah tahun 1927 M sampai tahun 1935 M.

Masjid kedua terletak di Desa Liatogo, Pulau Wangi-Wangi sebelah tenggara Pulau Buton yang didirikan pada masa sultan pertama. Di masjid ini terdapat sebuah batu yang dinamakan Batupoaro. Menurut riwayat di atas batu itulah tempat Syeikh Abdul Wahid berkhawat melakukan ibadah, dan di sanalah beliau menghilangkan diri, tiada diketahui ke mana perginya selepas itu.

Batupoaro sampai sekarang dianggap tempat keramat bagi sebahagian masyarakat Buton, mereka datang ke batu tersebut untuk membayar nazar, berdoa agar mendapat berkat melalui keramat Syeikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman al-Fathani, yang telah berhasil mengislamkan sultan dan rakyat Buton.

Syeikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman al-Fathani selain meninggalkan kesan sejarah dalam bentuk fizikal (masjid), juga mencetuskan pemikiran (mental) yang termaktub dalam beberapa manuskrip. Hasil pemikiran Wali Allah yang berasal dari Johor-Patani itu, menjadi pegangan dalam kesultanan Islam Buton.

Di antara pemikiran itu ialah: ``Biarlah harta musnah asalkan keselamatan diri. Biarlah diri musnah asalkan keselamatan negeri. Biarlah negeri musnah asalkan keselamatan agama Islam.'' Untuk mengabadikan nama Halu Oleo, sekarang terdapat sebuah perguruan tinggi negeri di Kendari, Sulawesi Tenggara yang menggunakan nama tersebut. mengabadikan nama Halu Oleo bererti juga mengabadikan nama Syeikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman al-Fathani kerana kedua-dua nama itu tidak akan terpisahkan dalam pengetahuan sejarah.

Penulisan

Syeikh Abdul Wahid disebut juga Haji Abdul Wahid, dipercayai menghasilkan sebuah karya berjudul Bayanut Tauhid yang merupakan akidah menurut pemahaman secara sufi Islami. Dalam pengembaraannya bermula dari Patani singgah di Kepulauan Siantan, menetap di Johor dan selanjutnya ke Pulau Buton, dipercayai karya judul yang tersebut beliau tulis sewaktu beliau berada di Pulau Siantan, Kepulauan Riau. Selanjutnya Bayanut Tauhid disyarahkan oleh ulama Siantan yang diberi judul Bayanusy Syirik. Sama ada matan mahu pun syarah termasuk karya yang mendalam dalam bidang tauhid dan tasawuf.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Abdul Ghani al-Mandaili

Ulama besar Mandailing – Wasiat pedoman ahli ke luar ga

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

MANDAILING adalah satu istilah salah satu suku kaum yang tinggal di Tapanuli Selatan, Sumatera Utara. Marga Mandailing termasuk dalam bahagian Marga Batak. Istilah Marga Batak adalah tidak asing bagi masyarakat Indonesia, tetapi bagi masyarakat Malaysia ramai orang beranggapan istilah ``Batak'' itu adalah kurang sopan.

Perlu kita ketahui bahawa ``Marga Batak'' majoriti adalah beragama Kristian. Berbeza dengan ``Marga Mandailing'' majoriti adalah beragama Islam.

Sejarah mencatat bahawa sangat ramai orang Mandailing yang menjadi ulama besar dan pengarang kitab. Tuan Haji Abdullah Abbas Nasution, yang satu ketika dulu pernah terkenal adalah termasuk salah seorang dari Marga Mandailing. Beliau ini

sangat gigih mempertahankan bahawa Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri ulama yang sangat terkenal adalah orang Mandailing, bukan orang Aceh.

Antara ulama Mandailing yang dapat dicatat ialah: Ulama Mandailing yang bernama Syeikh Abdul Qadir al-Mandaili yang mengajar di Mekah ada tiga orang. Mereka ialah: Syeikh Abdul Qadir bin Shabir al-Mandaili, mengajar di Masjid al-Haram, Mekah, beliau ini menghasilkan beberapa buah karangan. Syeikh Abdul Qadir bin Abdullah al-Mandaili, salah sebuah hasil karyanya ialah Tarjamah Matil Ajrumiyah. Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Muthallib al-Mandaili, beliau ini memulai pendidikannya daripada Syeikh Wan Ibrahim (Pak Cu Him), Pondok Gajah Mati, Kedah. Beliau inilah yang terbanyak menghasilkan karangan di antara ulama yang berasal dari Mandailing. Ulama Mandailing yang lain pula ialah Syeikh Ja'far, termasuk salah seorang murid Syeikh Ahmad al-Fathani yang ditugaskan belajar di al-Azhar Mesir.

Riwayat semua mereka ditangguhkan, yang diambil data untuk artikel ini hanyalah Syeikh Abdul Ghani bin Abdul Hamid al-Mandaili al-Khalidi an-Naqsyabandi berasal dari Kampung Cu Badak, Mandailing, Sumatera Utara kemudian pindah ke Selangor. Kedatangan Syeikh Abdul Ghani bin Abdul Hamid al-Mandaili ke Selangor barangkali serentak dengan kedatangan sekian ramai orang-orang yang berasal dari Minangkabau dan Mandailing terutama sekali sewaktu bandar Kuala Lumpur mula diteroka. Di antara orang-orang yang datang dari Minangkabau dan Mandailing itu terdapat beberapa orang ulama. Ulama yang berasal dari Minangkabau ialah Haji Utsman bin Abdullah al-Minankabawi, Kadi, Imam dan Khatib Kuala Lumpur yang pertama. Ulama yang berasal dari Mandailing ialah Syeikh Abdul Ghani bin Abdul Hamid al-Mandaili yang dibicarakan dalam artikel ini.

PEMBANGUNAN MASJID

Dari selebaran surat yang pernah disebar dan sebuah buku catatan tulisan tangan beliau sendiri ternyata Syeikh Abdul Ghani bin Abdul Hamid al-Mandaili berhasil membangun sebuah masjid di Kampung Selayang dalam tahun 1917 M. Surat sebaran ditandatangani bersama oleh beliau dan Raja Ali, Penghulu Mukim Batu, Kuala Lumpur ketika itu. Masjid yang beliau bangun bersama murid-murid dan masyarakat tersebut masih wujud sampai sekarang.

Dalam selebaran surat Syeikh Abdul Ghani bin Abdul Hamid al-Mandaili menyatakan, ``Iaitu adalah hamba hendak membangunkan sebuah masjid di Kampung Selayang akan mengganti masjid yang telah sedia lama di tempat itu. Oleh kerana masjid yang sedia lama itu tersangat sudah uzurnya, dan sekalian pekaknya sudah buruk belaka, bertambah pula itu masjid tersangatlah kecilnya. Dan adalah selalu pada tiap-tiap Jumaat tiada muat orang-orang yang datang sembahyang Jumaat. Dan oleh hal yang demikian inilah hamba hendak bangunkan sebuah masjid baru dan bangunnya dengan 3 tingkat. Dan lantai, tiang, serta dindingnya daripada batu dan atapnya daripada genting. Dan lain-lain pekaknya daripada

kayu yang keras. Dan tinggi temboknya daripada tanah 3 kaki. Dan panjang serta lebarnya 50 kaki persegi. Dari hal belanjanya itu telah ditaksirkan dengan kasar sahaja dengan \$ 3,000.00 (tiga ribu ringgit Inggeris).’’

PENULISAN

1. Aqidatul Iman, diselesaikan di Kampung Pinang Baik, Negeri Kelang, Kuala Lumpur, hari Isnin, jam 4.00, 17 Rabiulawal 1323 H. Kandungan membicarakan akidah, fiqh yang fardu ain dan tasawuf secara ringkas. Dicantumkan juga Ratib al-Haddad dan selawat atas Nabi s.a.w. Dicitak dengan huruf batu (litografi). Nama pencetak dan tarikh tidak dinyatakan. Catatan: Pengarang memberikan iklan, ``... Dan barangsiapa berhajat akan ini kitab boleh datang di rumah kita di Pinang Baik atau di rumah Haji Muhammad Thaiyib di Batu adanya’’. Sesudah ditutup pada halaman 23 di atas terdapat lagi lima halaman sebagai tambahan membicarakan ilmu pelangkahan dan beberapa qasidah. Pada halaman tambahan pengarang menyebut nama lengkapnya dengan tambahan ``al-Khalidi an-Naqsyabandi’’ berasal dari Cu Badak Mandailing.
2. Kitab Syair Nashihat, diselesaikan di Kampung Pinang Baik, Selayang, Mukim Batu, Kuala Lumpur, Selangor, pada 17 Rejab 1342 H. Kandungan untaian syair dalam bahasa Melayu merupakan nasihat pengarang supaya berpegang teguh kepada agama Islam. Cetakan yang pertama Mathba’ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura, 1342 H.
3. Terjemah Nazam Akidah Awam dan Syair Nasihat, diselesaikan di Kampung Pinang Baik, Selayang, Mukim Batu, Kuala Lumpur, Selangor, pada 17 Rejab 1342 H. Kandungan terjemahan Akidah Awam yang diberi gantungan maknanya dalam bahasa Melayu dan disertakan dengan syair Melayu yang terdiri banyak bait dan ilmu raksi. Dicitak oleh Haji Abdullah bin Muhammad Nuruddin ar-Rawi/Rawa, 59 Achen Street, Penang, 13 Jumadilawal 1345 H.
4. Risalah Nasihat dan Jaga-jaga Hati, diselesaikan: 25 Rabi’uts Tsani 1346 H. Kandungan nasihat-nasihat pengarang supaya mengamalkan perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya. Dicitak oleh Malayan Press, 183 Batu Road, Kuala Lumpur tanpa dinyatakan tarikh. Cetakan yang kedua Mathba’ah Al-Zainiyah, 185 Main Road Taiping, Perak, 1347 H. Cetakan yang kedua dengan ukuran lebar dan tercantum selebar surat wasiat pengarangnya.
5. Risalah Pohon Peringatan dan Jaga-jaga Hati Bagi Agama diselesaikan di Kampung Pinang Baik, Selayang, Mukim Batu, Kuala Lumpur, Selangor, pada 14 Rejab 1348 H bersamaan 15 Disember 1929 M. Kandungan nasihat-nasihat pengarang supaya mengamalkan perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya. Cetakan yang pertama Selangor Press, Kuala Lumpur, 1348 H.
6. Kaifiyat Thariqatin Naqsyabandiyah, masih dalam bentuk manuskrip. Kandungan membicarakan cara-cara mengamalkan Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah.

WASIAT

Memang terdapat hadis Nabi s.a.w. supaya kita berwasiat sebelum meninggal dunia, namun tidak semua orang dapat melaksanakannya. Orang-orang sufi sangat memandang penting perkara wasiat, oleh itu Syeikh Abdul Ghani bin Abdul Hamid al-Mandaili yang termasuk salah seorang khalifah dalam Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah juga menulis wasiat yang beliau sebarkan dalam salah sebuah karangannya. Di antara kandungan wasiat itu ialah, ``Wasiat sahaya, nama Syeikh Abdul Ghani, Kampung Selayang, Mukim Batu Kuala Lumpur, pada 26 haribulan Januari 1928 bersamaan 3 haribulan Syaaban 1346. Pada masa inilah sahaya Syeikh Abdul Ghani ibnu al-Marhum Haji Abdul Hamid memperbuat satu Surat Wasiat beri pegang kepada waris sahaya dan wakil sahaya. Bahasa sahaya nama yang tersebut di atas ini ditakdir-Nya jikalau sahaya mati. Fasal harta benda sahaya beberapa yang ada lebih daripada pembayar hutang sahaya takdir-Nya jikalau ada sahaya berhutang. Maka itu harta dibahagi atas tiga bahagi. Maka satu bahagi: Minta dijalankan apa-apa yang membagi faedah di atas diri sahaya kemudian daripada mati. Seperti fidiyah sembahyang, dan fidiyah puasa, dan upah haji, dan Quran, dan korban, dan membaca tahlil, dan lainnya. Dan yang dua bahagi lagi itu: Minta dibagikan kepada waris sahaya yang ahli pusaka beberapa yang ada ahli pusaka mengikut sepanjang hukum syarak. Minta dibahagi dengan hukum faraid seperti yang tersebut di dalam Quran. Hal inilah dimaklumkan kepada sekalian ahli waris sahaya atau kepada siapa-siapa yang melihat ini surat. Dan sahaya, waktu memperbuat ini wasiat waktu badan sahaya lagi sihat dan akal sahaya lagi sempurna. Sah dengan nyatanya, tidak boleh didakwa dan dakwi pada kemudian hari kerana sudah turun tanda tangan sahaya di bawah ini surat ...''

Dari wasiat di atas dapat diketahui bahawa Syeikh Abdul Ghani bin Abdul Hamid al-Mandaili adalah termasuk ulama ``Kaum Tua'' kerana beberapa perkara yang dianggap bid'ah oleh ``Kaum Muda'' tetap beliau pertahankan dalam wasiat tersebut di atas. Fidiyah sembahyang adalah berasal dari Mazhab Hanafi, beberapa orang ulama besar dalam Mazhab Syafi'ie di antaranya Imam as-Subki membolehkan bertaqlid mengerjakan fidiyah sembahyang yang tersebut. Di dunia Melayu semua ulama Syafi'iyah silam menganjurkan amalan fidiyah sembahyang itu, maka dalam masa yang relatif lama telah diamalkan oleh umat Islam di seluruh pelosok dunia Melayu.

Selain fidiyah yang dibidaahkan oleh Kaum Muda pula termasuklah tahlil untuk orang yang meninggal dunia. Sama ada fidiyah sembahyang, tahlil mahu pun amalan-amalan lain yang pernah ditulis dan dikerjakan oleh para ulama silam tidaklah dapat dituduh sebagai bid'ah kerana ada dalil-dalil atau hujah-hujah yang kukuh untuk beramal dengannya. Sesuatu amalan yang betul berdasarkan dalil tetapi ada pihak lain menolaknya itulah yang diistilahkan dengan ``khilafiyah''. Selagi sesuatu bernama ``khilafiyah'' maka tiadalah patut seseorang itu berbangga diri menuduh orang lain salah lalu beranggapan dirinya sendiri saja yang benar. Yang terpenting bagi kita bukanlah menyalahkan amalan orang lain tetapi adalah kita sendiri mestilah banyak beramal untuk kepentingan umat yang kita tinggalkan setelah mati. Lebih penting pula, ketika kita berada dalam kubur dan selanjutnya

bahawa ada amalan kita tiada berkeputusan, itulah yang dinamakan amal jariah. Jika perkara tersebut ini dapat kita laksanakan, jadilah kita seorang yang benar-benar bijak kerana dapat selamat kita hidup di dunia dan kehidupan yang abadi di akhirat

Dalam Surat Wasiat Syeikh Abdul Ghani bin Abdul Hamid al-Mandaili juga dapat kita ketahui bahawa beliau sangat bertanggungjawab terhadap pembayaran hutang, kerana mengenai itu adalah merupakan perkara yang diwajibkan. Mengenai pusaka yang ditinggalkan pula mestilah dibagi berda sarkan faraid iaitu benar-benar menurut ajaran Islam, bukan ajaran selainnya. Daripada huraian ini dapat disimpulkan bahawa yang termaktub dalam ``Surat Wasiat Syeikh `Abdul Ghani bin `Abdul Hamid al-Mandaili'' adalah menepati ajaran Islam dan patut menjadi teladan. Setiap insan Muslim sebelum meninggal dunia memang perlu memperkemas wasiat untuk pedoman para ahli keluarga yang ditinggalkan.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Nik Mat

Sye ikh N ik M at - H a k i m M a h k a m a h S y a r i e d i M e k a h

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

KEBANYAKAN orang yang mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan akan mengenali judul sesuatu kitab atau sesuatu buku. Jarang sekali yang memperhatikan nama pengarangnya untuk diingati. Orang ramai lebih mudah mengingat judul kitab atau buku berbanding sejarah pengarangnya. Demikianlah yang berlaku kepada orang awam, pencinta ilmu biasa selain sejarawan atau pakar biografi.

Kadang-kadang juga berlaku terhadap seseorang yang berpendidikan tinggi, bahkan tidak mustahil berlaku terhadap seseorang pensyarah universiti atau pun seorang profesor. Pandangan tersebut saya luahkan di dalam riwayat ulama ini kerana sebuah nama kitab beliau sangat terkenal di seluruh dunia Melayu, iaitu `sebuah kitab yang paling banyak diajarkan orang'. Nama kitabnya menjadi sebutan, tetapi jarang orang menyebut nama pengarangnya. Sejarah lengkap beliau berupa buku yang belum pernah ditulis. Saya cuba memperkenalkan ulama yang berasal dari Patani, kelahiran Pulau Duyung Kecil Terengganu ini melalui petikan buku tulisan saya berjudul, Pengarang Dua Purnama Kitab Mathla' Al-Badrain.

Buku biografi beliau saya beri judul demikian sebagai lambang nama karya beliau yang sangat terkenal, iaitu Mathla`ul Badrain wa Majma`ul Bahrain atau Tempat Terbit Dua Bulan Purnama Dan Tempat Berhimpun Dua Laut.

Lahir dan pendidikan

Beliau lahir daripada keluarga besar ulama Patani yang berhijrah pada masa peperangan dahsyat gabungan Patani-Terengganu-Kedah dan Kelantan daripada pencerobohan Siam ketika itu, diberi nama oleh datuk saudaranya, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani sebagai Muhammad Shaghir.

Di kalangan keluarga menyebut namanya Syeikh Nik Mat Kecil sahaja. Pada semua kitab karyanya, beliau menulis namanya Syeikh Muhammad bin Ismail Daudy al-Fathani. `Daudy' pada nama tersebut bukanlah bererti beliau adalah cucu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani yang sangat terkenal itu, Syeikh Daud al-Fathani bin Abdullah al-Fathani sebenarnya tidak memperoleh keturunan. Tetapi datuk beliau merupakan adik beradik dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Tahun kelahirannya terdapat dua catatan keluarga yang berbeza. Ada keluarga yang mencatat tahun 1245 H/ 1829 M dan ada pula yang mencatat tahun 1260 H/1844 M. Kedua-dua catatan sama-sama kuat kerana ada di dalam simpanan keluarga yang terdekat sebagai pewaris beliau. Beliau wafat di Mekah pada tahun 1333 H/1914 M. Ketika kecilnya Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani masih sempat menemui Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, tetapi beliau lebih banyak mendapat pendidikan daripada saudara sepupunya, Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani.

Setelah Syeikh Muhammad Shaghir/Nik Mat Kecil al-Fathani memperoleh ilmu yang sangat mendalam dalam berbagai-bagai bidang, beliau mengajar di rumah dan di Masjid al-Haram. Beliau adalah penerus dua orang ulama Patani yang terkenal, iaitu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani. Kediamannya pernah menjadi tempat kegiatan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Ilmunya memang benar-benar padu dan diakui sehingga Syeikh Muhammad Shaghir/Nik Mat Kecil al-Fathani adalah satu-satunya Hakim Mahkamah Syarie Makkah al-Mukarramah, yang berasal dari dunia Melayu pada zamannya. Selain itu beliau juga adalah merupakan `Syeikh Haji' yang terbesar pada zamannya. Beliau adalah ulama besar paling ramai muridnya yang datang dari seluruh alam Melayu hingga Mekah pada zaman itu. Menurut cerita yang mutawatir, beliau banyak keramatnya. Jika beliau mengajar, walau pun tidak menggunakan pembesar suara, dapat didengar dengan jelas oleh pelajarnya yang duduk berjauhan dari tempat beliau mengajar. Selain itu, jika anggota jemaahnya mendapat gangguan di dalam perjalanan antara Mekah dan Madinah, yang pada zaman itu sering terjadi rompakan, sebutkan saja, ``Kami jemaah Syeikh Muhammad Shaghir'', maka perompak-perompak tidak berani mengganggu. Syeikh Muhammad Shaghir/Nik Mat Kecil mempunyai sifat yang sangat pemurah, hampir semua pelajar yang datang dari dunia Melayu yang terlantar di Mekah, beliau tampung sebagai anak angkat dalam pemeliharaannya, dan diberinya pendidikan keagamaan yang mendalam. Sebahagian besar adalah sebagai kadernya. Hampir semua anak angkatnya menjadi ulama. Mereka pulang ke tanah air menjadi tokoh penting yang bergerak dalam pelbagai bidang kemasyarakatan. Jumlah anak angkat beliau bukan sedikit. Mereka kemudiannya tersebar di Indonesia, Malaysia, Patani, Thailand dan Kemboja.

Karya dan pemikiran

Syeikh Muhammad Shaghir/Nik Mat Kecil al-Fathani sebagai seorang pengarang kitab-kitab, hasil karyanya tidaklah sebanyak karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani atau pun Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, walau bagaimanapun, beliau termasuk dalam senarai ulama dunia Melayu yang banyak menghasilkan karya. Jumlah karyanya dapat disejajarkan dengan Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathani (Tuan Minal al-Fathani). Di bawah ini disenaraikan sepuluh buah karya beliau yang sebahagian besarnya pernah diterbitkan dan di antaranya masih beredar di pasaran hingga sekarang ini (1426 H/2005 M, ialah:

1. Al-Bahjatul Mardhiyah fi Fawaidil Ukharawiyah, tarikh selesai 20 Syaaban 1296 H/1878 M di Makkatul Musyarrafah. Banyak kali diterbitkan oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah, di antaranya terbitan tahun 1319 H/1901 M. Kandungannya pelbagai wirid dan amalan. Pada zaman dulu doa-doa, selawat dan lain-lain dalam kitab ini banyak diamalkan oleh masyarakat dunia Melayu. Sebagai bukti dalam tahun 1987 M, mengenai hari Rabu akhir Safar diterjemahkan ke dalam bahasa Sunda yang disebut Rebo Wekasan.
2. Mathla'ul Badrain wa Majma'ul Bahrain, tarikh selesai 12 Syaaban 1303 H/1885 M. Kitab cetakan ketiga dan keempat ditashih oleh Syeikh Ahmad al-Fathani. Cetakan pertama dan kedua ternyata banyak kesalahan susunan kalimatnya yang dilakukan oleh pihak pencetak. Kitab inilah di antara kitab fikah yang paling banyak diajarkan dan masih diterbitkan. Kerana kitab ini terlalu banyak dipergunakan, maka kerajaan Johor menganjurkan penyusunan sebuah kamus yang khusus mengenai kitab ini. Maka tersusunlah sebuah kamus dengan judul Suluh Mathla'ul Badrain oleh Haji Abdul Ghani Yahya. Di tulis di Johor Baharu pada 1 Oktober 1941 M. Banyak kali diterbitkan dan di antara terbitan mutakhir 1988 M oleh Pustaka Hussein No. 9, Jalan Sisi, 84000, Muar, Johor. Kitab Mathla'ul Badrain patut mendapat penjelasan yang panjang, insya-Allah pada kesempatan yang lain.
3. Al-Kaukabud Durriy fin Nuril Muhammadiy, tarikh selesai 13 Syaaban 1304 H/1886 M di Mekah. Cetakan pertama pada akhir Zulhijjah 1308 H/1890 M. Kitab ini juga ditashih dan diusahakan penerbitannya oleh Syeikh Ahmad al-Fathani
4. Ad-Durrul Basim fi Ashhabil Kahfi war Raqim, tarikh selesai 19 Rejab 1310 H/1892 M di Mekah. Cetakan pertama tahun 1310 H/1892 M oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah. Kitab ini juga ditashih oleh Syeikh Ahmad al-Fathani.
5. Kitabul Farqadain wa Jawahirul `Iqdain, tarikh selesai 13 Syawal 1311 H/1893 M di Mekah. Cetakan pertama pada Zulkaedah 1311 H/1893 M. Kitab ini juga ditashih oleh Syeikh Ahmad al-Fathani.

6. Wusyahul Afrah wa Ashabul Falah, tarikh selesai pada Zulkaedah 1312 H/I894 M. Kitab ini juga banyak diterbitkan. Pada cetakan keempat oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah, bentuk reka cetaknya berbeza dengan cetakan-cetakan yang terdapat dalam pasaran sekarang ini. Cetakan keempat tersebut jauh lebih tebal, di bahagian tepi kiri dan kanan serta atas dan bawah dipenuhi dengan nota-nota atau penjelasan beberapa perkara yang penting. Ini merupakan suatu pemikiran pengarangnya. Bererti pencetak-pencetak yang tidak bertanggungjawab di belakang adalah tidak amanah, menyeleweng, pengkhianat kepada pengarang, yang fikrah / pemikirannya itu seharusnya akan disampaikan kepada umat Islam yang memerlukannya. Cetakan keempat tersebut dalam tahun 1331 H/1912 M yang diusahakan oleh anak pengarangnya bernama Syeikh Muhammad Nur al-Fathani. Ada cetakan pertama oleh Al-Imam Singapura tahun 1325 H/1907-1908 M. Ada yang dicetak di Surabaya, Pulau Pinang dan lain-lain, semuanya menghilangkan sebahagian besar kandungan yang di bahagian tepinya. Kitab Wusyahul Afrah ini juga masih banyak diajarkan di banyak tempat di seluruh dunia Melayu.

7. Sawathi'ul Barqi wal Luma'i fi Ahkamit Tayammum wal Jama'i, tarikh selesai pada hari Jumaat, 25 Jamadilawal 1323 H/1905 M di Mekah. Cukup lama saya mencari kitab ini, akhirnya ditemukan juga pada bekas reruntuhan rumah anak beliau, Syeikh Abdullah di Kerisik, Patani. Kitab ini selesai saya transliterasi daripada tulisan Melayu/Jawi kepada tulisan Latin/Rumi pada 5 Zulhijjah 1413 H/27 April 1993 M di Kampung Pik Bong, Menara, iaitu pada masa melakukan perjalanan penyelidikan di bekas Kerajaan Melayu Islam Cahaya (sekarang ditukar nama oleh orang Thai menjadi Caiya).

8. Al-Bahrul Wafi wan Nahrush Shafi, tarikh selesai 18 Rejab 1331 H/1912 M. Kandungannya fikah bahagian ibadah, termasuk di antara lima besar kitab fikah bahagian ibadat dalam Mazhab Syafie dalam bahasa Melayu. Cetakan pertama 1349 H/1930 M oleh Mathba'ah asy-Syarqiyah kepunyaan Muhammad Ramzi, Jeddah. Atas usaha dan tashih anak pengarangnya, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani. Barangkali kitab ini adalah karya Syeikh Muhammad bin Ismail (Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani) yang terakhir sekali.

9. Faedah Bagi Kelebihan Bertanam Dan Berhuma. Artikel ini pernah dimuat dalam majalah Pengasuh, bilangan 23 pada bulan Ramadan 1337 H/30 Mei 1919 M, hlm. 4. Redaksi majalah itu mencatatkan bahawa Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani menulis perkara di atas sewaktu beliau melawat Tanah Jawi tahun 1328 H/1910 M.

10. Ad-Durrul Mashnun wa Jawahirui Maknun. Belum dapat datanya.

11. Surat (Kepada) Paduka Adinda Tuan Haji Husein Bin Al-Marhum Lathif Kelaba Beris, surat bertarikh Jumaat, bulan Zulhijjah 1324 H. Arkib surat ini ada di dalam simpanan saya. Surat ini juga penting kerana di dalamnya terdapat beberapa fatwa beliau menjawab beberapa kemusykilan Tok Kelaba muridnya itu.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani

Kiy ai M uham mad S hal ih a l-Fa than i - A hli fal ak N usan tara

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

BARANGKALI ramai yang menyangka bahawa hanya sedikit sekali ulama dunia Melayu yang ahli atau pakar dalam disiplin ilmu falak. Akhir-akhir ini sebahagian besar seminar mengenai falak di Malaysia yang sangat ditonjolkan ialah Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syeikh Abdullah Fahim. Oleh itu melalui Ruangan Agama, Utusan Malaysia, terbitan yang lalu saya cuba memperkenalkan Raja Muhammad Sa'id bin Raja Muhammad Tahir Riau, sebagai intelektual dan ulama yang ahli dalam bidang falak, yang mendahului kedua-dua ulama yang berasal dari Minangkabau (Syeikh Tahir Jalaluddin) dan Patani (Syeikh Abdullah Fahim) itu. Artikel ini pula memperkenalkan intelektual dan ulama yang ahli dalam bidang falak, yang sezaman dengan Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syeikh Abdullah Fahim.

Ulama ahli falak dunia Melayu yang diriwayatkan ini, nama lengkapnya ialah Kiyai Muhammad Shalih bin Syeikh Abdur Rahman Gudang bin Muhammad Ali bin Ismail al-Fathani. Menurut riwayat, beliau dilahirkan di atas kapal di Sabang, di bahagian utara Aceh. Tarikh tepat kelahiran belum diketahui. Nasab dari sebelah lelaki yang dapat dijejaki ialah berasal dari Patani. Berdasarkan tulisan Kiyai Muhammad Shalih bahawa beliau berasal dari Kampung Cabang Tiga Patani. Diriwayatkan pula nasab yang lebih ke atas adalah berasal daripada salah seorang keturunan raja di Aceh. Berdasarkan tulisan Kiyai Muhammad Shalih juga bahawa beliau tinggal di beberapa tempat, iaitu di Mekah, Johor, Kampung Sawah, Tanjung Karang (Sumatera Selatan), Bengkalis (Riau), Ranai, Bunguran Timur, Tanjung Pinang (Riau) dan terakhir sekali di Palembang (Sumatera Selatan).

PENDIDIKAN

Dalam bidang khusus tentang falak, ada persamaan riwayat Kiyai Muhammad Shalih jika kita bandingkan dengan riwayat Raja Muhammad Sa'id. Ayah Raja Muhammad Sa'id, bernama Raja Muhammad Tahir Riau adalah seorang ahli falak yang menghasilkan penulisan mengenai ilmu itu, demikian halnya dengan Kiyai Muhammad Shalih. Ayahnya Syeikh 'Abdur Rahman Gudang al -Fathani, juga seorang ahli falak yang menghasilkan penulisan tentang falak.

Kiyai Muhammad Shalih selain mendapat pendidikan ilmu falak daripada ayahnya, beliau juga mendapat pendidikan ilmu-ilmu keislaman yang mendalam daripada ayahnya di Mekah. Oleh itu Kiyai Muhammad Shalih dalam bidang-bidang tertentu juga dianggap sebagai seorang ulama yang pakar. Ilmu-ilmu yang dianggap Kiyai

Muhammad Shalih sangat pakar ialah ilmu-ilmu bahasa Arab, seperti nahu, sharaf, balaghah, dan lain-lain. Kerana Kiyai Muhammad Shalih dipandang sangat ahli dalam bidang ilmu-ilmu Arabiah, sebab itulah beliau diminta menjadi guru oleh pihak Kuliyah Al-Attas Johor Bahru, Bahagian Arab mengajar di sekolah Arab yang sangat terkenal di Johor pada zaman itu.

Mengenai Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani mengajar di Kuliyah Al-Attas Johor Bahru, Bahagian Arab pernah dimuat dalam majalah Pengasuh, bilangan 454, 5 Safar 1353 H/17 Mei 1934 M. Setelah Indonesia merdeka (1945), Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani dilantik sebagai pegawai tinggi di Departemen Agama Republik Indonesia, mulai bertugas di Palembang tahun 1948, selanjutnya di beberapa tempat di Riau. Selanjutnya di Palembang lagi, sehingga beliau meninggal dunia di sana.

PENULISAN

Dalam tahun 1980an saya memiliki dan mendapat maklumat beberapa buah karangan Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani, ialah Risalah Sullam at-Tarsyid fi Ahkam at-Tajwid, cetakan pertama Anglo Asiatic Press, Singapura, 1932, Almanak Arabi Dan Masehi Buat Selama-Lamanya. Karya ini diselesaikan di Kampung Sawah, Tanjung Karang, Sumatera Selatan pada 18 Safar 1368 H/19 Disember 1948 M. Diterbitkan sendiri oleh penyusunnya ketika tinggal di Bengkalis, Riau pada 17 Julai 1952 M. Dalam karya ini Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani menulis pandangan dan pesan untuk bangsanya, kata beliau, "Hargailah usaha daripada bangsa sendiri". Tulisan beliau pula, "Hargailah tenaga pengetahuan bangsa sendiri."

Sebuah karangan Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani yang belum dijumpai, yang pernah diiklan dalam sebuah karya beliau ialah tentang ilmu balaghah. Karya tersebut diberi judul Mabadi al-Balaghah li al-Madrasah al-'Arabiyah. Berdasarkan iklan yang dikeluarkan dapat diketahui bahawa juzuk yang pertama mengandungi ilmu al-ma'ani. Juzuk yang kedua tentang ilmu al-bayan. Juzuk yang ketiga tentang ilmu al-badi.

Ketika diadakan Seminar Ilmu Falak Sheikh Tahir Jalaluddin dan Sheikh Abdullah Fahim: Perintis Ilmu Falak Moden, beberapa karya Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani, koleksi saya telah dipamerkan. Koleksi mengenai ilmu falak mendapat sambutan yang menggalakkan terutama bagi para pengkaji ilmu falak. Dalam seminar anjuran Jabatan Mufti Pulau Pinang, Unit Penyelidikan Ilmu Falak & Sains Atmosfera, USM dan Pusat Islam USM, 1 Syaaban 1426 H/5 September 2005 M, di Hotel Gurney, Pulau Pinang itu saya perolehi sebuah karya Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani mengenai falak yang selama ini belum saya miliki. Karya tentang falak yang saya anggap sangat penting itu saya terima daripada salah seorang pemakalah, Baharruddin bin Zainal (Institut Penyelidikan Matematik (INSPM) Universiti Putra Malaysia). Kepada beliau saya ucapkan terima kasih kerana di samping kajian moden beliau ambil peduli terhadap khazanah yang bercorak klasik

yang pernah ditulis oleh ulama kita dunia Melayu. Karya Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani yang dimaksudkan ialah Risalah Durar al-Azman Pada Mengirakan Pangkal Tiap-Tiap Tahun Dan Bulan. Mengenai karya yang tersebut perlu dibahas agak panjang, seperti yang diulas di bawah ini.

Pada halaman pertama setelah judul beliau menggunakan nama Abi 'Abdir Rahman Muhammad Shalih 'Abdur Rahman al-Fathani. Di bawah nama diberi keterangan bahawa beliau adalah Guru Bahagian Bahasa Arab di Sekolah Tinggi atau Kolej Islam Johor Baharu Darul Ta'zim. Pada halaman berikutnya, pada bahagian atas dinyatakan, "Berbahagialah risalah ini dapat dikarang pada masa yang sangat berbahagia Maulana as-Sultan Ibrahim bin al-Marhum as-Sultan Abu Bakar Sultan Johor". Diiringi dengan doa, "Dikekalkan oleh Allah akan kerajaannya selama ada bulan dan bintang, Amin, Amin, Amin". Di bawah kalimat di atas terdapat gambar beliau. Diberi keterangan "Dikemukakan gambar ini supaya kita berkenal-kenalan".

Pada mukadimah Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani, bahawa yang menggalakkan beliau menyusun risalah tersebut ialah al-Mu'allim Ismail 'Umar, Batu Pahat, Sekreteri Kulliah al-'Attas, pada masa Johor diperintah oleh Sultan Ibrahim. Sesudah mukadimah disebut beberapa nama kitab hisab dan falak yang dirujuk, ialah Minhaj al-Qawim Pada Menyatakan Hisab dan Taqwim, al-Fawaid al-Fikriyah, Miftah at-Ta'lim Berkenaan Dengan Hisab Dan Taqwim, Karangan Yang Mulia Raja Muhammad Thahir Bin al-Marhum Raja 'Abdullah al-Falaki, Kitab Syams al-Ma'arif al-Kubra dan Syams al-Fathiyah Berkenaan Dengan A'mal Jaibiyah.

Ada pun rujukan yang berjudul Minhajul Qawim adalah karangan orang tua beliau, iaitu Syeikh 'Abdur Rahman Gudang al-Fathani. Risalah tersebut selesai ditulis pada 14 Ramadan 1310 H/1892 M, ditemui cetakan yang kedua oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah 1314 H/1896 M. Rujukan yang berjudul Miftah at-Ta'lim adalah karangan Tuan Guru 'Umar brangan Tuan Guru 'Umar bin Ismail Nuruddin Sungai Keladi yang selesai penulisannya di Sungai Keladi, Kota Bharu, Kelantan pada waktu Zuhur, hari Khamis, 18 Zulhijjah 1343 H/9 Jun 1925 M. Cetakan yang pertama Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, 6 Rejab 1344 H/19 Januari 1926 M. Syeikh Tahir Jalaluddin walau pun dikatakan sangat terkenal, namun tidak disentuh oleh Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani. Mengenai ini barangkali kemunculan karangan dalam bentuk buku Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani lebih dulu daripada Syeikh Tahir Jalaluddin. Risalah Durar al-Azman Pada Mengirakan Pangkal Tiap-Tiap Tahun Dan Bulan, karangan Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani yang dibicarakan ini diselesaikan pada pagi hari Isnin, 1 Muharam 1353 H/16 April 1934 M bererti mendahului karangan Syeikh Tahir Jalaluddin yang berjudul Natijatul 'Umur, selesai penulisan tahun 1355 H/1936 M. Tetapi jika dibandingkan dengan tulisan Syeikh Tahir Jalaluddin yang mulai dimuat dalam Natijah terbitan Mathba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura, tahun 1346 H/1927-1928 M bererti karangan falak Syeikh Tahir Jalaluddin telah mendahului karangan falak Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani.

KETURUNAN

Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani berkahwin pertama kali dengan anak pembesar Kerajaan Siak Seri Inderapura, iaitu anak Datuk Hamzah bin Endut, Bentara Kiri Kerajaan Siak Seri Inderapura. Daripada perkahwinan itu beliau memperoleh empat orang anak; 1. 'Abdur Rahman Shalih al-Fathani. Beliau ini saya jumpa di rumahnya di Jakarta Barat, pada 18 Februari 1986. Selanjutnya adik-adiknya yang dicatatkan di bawah ini adalah berdasarkan yang saya peroleh daripada beliau pada tarikh tersebut di atas. 2. Siti Aisyah Shalih, di Pekanbaru, Riau. 3. Ahmad Bustami Shalih di Bandung. 4. Faridah Kartini Shalih, di Pekanbaru, Riau. Perkahwinan dengan isteri yang berasal dari Palembang, Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani memperoleh anak sebagai yang berikut: 5. Drs. M. Hatta, di Jakarta. 6. Jamal. 7. Farid. 8. Faishal. 9. Hamidah dan 10. Jamilah.

Memperhatikan Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani memperoleh anak sepuluh orang, bererti ramai keturunan beliau di Indonesia. Sedangkan keturunan adik beradik Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani ramai pula di Patani, Malaysia dan Mekah. Hingga artikel ini saya tulis usaha-usaha keluarga ini mencatat nama-nama, tempat tinggal dan pelbagai aktiviti mereka sedang dijalankan. Pada pandangan saya usaha yang demikian adalah termasuk dalam rangka menghubungkan silaturrahim yang dianjurkan oleh agama Islam, apatah lagi terhadap seseorang yang bersejarah. Berdasarkan hadis Nabi Muhammad s.a.w. bahawa menghubungkan silaturrahim termasuk salah satu sebab yang boleh memanjangkan umur seperti juga memperbanyak sedekah dan doa. Demikianlah riwayat Kiyai Muhammad Shalih al-Fathani, ulama besar Nusantara, yang wafat di Palembang, Sumatera Selatan, tarikh kewafatannya belum diketahui.

(10/10/2005)

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Muhammad Saleh Kedah - Penerus pengajian pondok tertua di Kedah

Muhamm ad Sa leh Keda h - Pene rus pengajia n pondok ter tua di Keda h

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Sama ada datuk nenek dari sebelah ayah mahu pun dari sebelah ibunya, adalah golongan ulama yang berasal dari Patani. Hendaklah diperhatikan bahawa pada silsilah dari sebelah ayah mahu pun sebelah ibu terdapat nama 'Ishaq'. Nama ini adalah orang yang berlainan, bererti bukanlah nasab sebelah ayah dan ibu bertemu pada nama 'Ishaq'. 'Ishaq al-Fathani' dari sebelah ayah belum diketahui nama

yang lebih ke atasnya, sedangkan nama `Ishaq' dari sebelah ibu dapat disambung naik kepada Muhammad Hasyim bin Abdul Baqi.

Haji Ishaq bin Muhammad Hasyim (lahir 1184 Hijrah/1771 Masihi dan meninggal dunia pada 1287 Hijrah/1871 Masihi) adalah datuk dari sebelah ibunya. Beliau seorang ulama, murid Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, ulama-ulama yang sangat terkenal. Muhammad Hasyim bin Haji Abdul Baqi, ayah Haji Ishaq inilah yang datang ke Kedah dan beliau berasal dari Kampung Cerang, Patani. Haji Ishaq bin Muhammad Hasyim, datuknya dari sebelah ibu inilah yang dikatakan mendirikan institusi pengajian pondok di Kampung Pulau Pisang, Mukim Tunjang pada zaman pemerintahan Tengku Anom di Kubang Pasu Darul Qiyam, Kedah.

Ada pun ibunya, Fatimah binti Haji Ishaq, lima orang adik beradiknya ialah: Aisyah, Khadijah, Fatimah, Ya'qub dan Ismail. Ismail memperoleh anak bernama Aroff, iaitu ayah kepada Osman Aroff yang pernah menjadi Menteri Besar Kedah pada satu ketika dulu. Jadi bererti Osman Aroff adalah anak saudara sepupu kepada Tuan Guru Haji Muhammad Saleh bin Haji Muhammad Hasyim dari pihak sebelah ibunya.

Pendidikan

Pada zaman dahulu, sekiranya ayah atau pun datuk/nenek adalah seorang ulama, maka anak atau pun cucunya akan mendapat pendidikan langsung daripada mereka. Pada zaman sekarang, terutama sekali di kota atau bandar, boleh dikatakan sangat jarang pendidikan dari kalangan keluarga, kerana sejak kecil telah diserahkan kepada pihak lain menjaga, memelihara dan mendidiknya. Barangkali kerana demikianlah keberkesanan dalam budi dan akhlak orang-orang yang mendapat pendidikan daripada mereka yang mempunyai hubungan darah adalah lebih mantap. Muhammad Saleh bin Haji Muhammad Hasyim seperti juga ulama-ulama sebelum ini, beliau mendapat pendidikan asas keIslaman daripada keluarganya sendiri, dalam lingkungan pondok pengajian termasuk di surau dan di masjid.

Sebenarnya selain pendidikan asas, Muhammad Saleh telah `alim sejak di Pondok Pulau Pisang lagi kerana beliau sempat mempelajari kitab-kitab besar daripada datuknya, Haji Ishaq, ulama besar Kedah murid Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Namun sudah menjadi tradisi pada zaman itu untuk mengesahkan seseorang itu diakui keilmuannya, hendaklah belajar lagi kepada ulama-ulama besar yang berada di Mekah dan Madinah.

Antara tahun 1295 Hijrah/1879 Masihi hingga tahun 1312 Hijrah/1894 Masihi, Muhammad Saleh melanjutkan pendidikan di Mekah. Ulama yang paling banyak mengajarnya ialah Syeikh `Abdul Qadir bin `Abdur Rahman al-Fathani, cucu saudara dan Khalifah Syeikh Daud bin `Abdullah al-Fathani. Pengetahuan yang bercorak pengkaderan dan pelbagai bidang duniawi dan ukhrawi pula beliau adalah diasuh

oleh Syeikh Ahmad al-Fathani. Selain itu Muhammad Saleh juga belajar kepada ulama-ulama bangsa Arab seperti ulama-ulama yang telah diriwayatkan sebelum ini.

TUAN GURU PONDOK PULAU PISANG

Ketika Haji Muhammad Saleh bin Haji Muhammad Hasyim pulang dari Mekah, beliau langsung menguruskan Pondok Pulau Pisang yang diasaskan oleh datuknya, Haji Ishaq. Perlu juga dicatatkan di sini bahawa sewaktu Haji Ishaq mengasaskan pondok di Pulau Pisang itu, bolehlah dianggap pengajian pondok tersebut satu-satunya yang sangat terkenal dalam kerajaan Kedah. Walau bagaimanapun setelah Haji Ishaq meninggal dunia, suasana pengajian di pondok itu dalam kelesuan. Pondok Pulau Pisang kembali memancarkan nur ilmu pengetahuan dan menjulang kecemerlangan kewibawaan setelah Haji Muhammad Saleh pulang dari Mekah dan langsung memimpin pondok tersebut.

Pandangan Haji Muhammad Saleh tentang pengetahuan diletakkannya pada halaman depan karyanya, Sirajul Huda. Katanya, ``Hai saudaraku, tiada mencapai seseorang akan ilmu melainkan dengan enam syarat ... cerdik, dan sejahtera, dan ijtihad, dan bersungguh-sungguh mencapainya (nya), dan cerdik gurunya, dan panjang masanya.'` Pandangan yang berasal daripada Imam Syafie tersebut adalah sangat ditekankannya di institusi Pondok Pulau Pisang yang beliau pimpin.

Institusi Pondok Pulau Pisang sama ada di bawah pimpinan Haji Ishaq, datuknya, mahu pun dalam pimpinan Haji Saleh sendiri telah ramai melahirkan ulama, cerdik cendekiawan, pemimpin dan lain-lain, bukan hanya di Malaysia saja, tetapi juga Indonesia, Patani, Myanmar, Kemboja, dan Brunei Darussalam. Diriwayatkan bahawa Pondok Pulau Pisang dalam masa pimpinan Haji Muhammad Saleh bin Haji Hasyim pelajarannya pernah mencapai 2,000 orang. Jumlah pelajar pondok ribuan orang di Semenanjung pada zaman itu merupakan satu jumlah yang besar dan luar biasa, yang tidak terjangkau oleh pengajian pondok lainnya, kecuali pada zaman yang sama di Patani dan Jawa ada yang lebih ramai daripadanya.

Antara ulama dan tokoh intelektual Malaysia yang pernah menetap di Institusi Pondok Pulau Pisang ialah: Haji Abdullah Abbas Nasution. Beliau adalah ulama, pendidik, pendakwah, tokoh politik dan pengarang beberapa buah kitab. Murid Haji Muhammad Saleh pula ialah Dr. Burhanuddin Helmi, doktor perubatan, tokoh politik dan pengarang. Dan masih ramai lagi yang belum dapat dibicarakan dalam ruangan ini.

KITAB-KITAB YANG DIAJARKAN

Kitab-kitab turas Islam, bahasa Melayu yang diajarkan di Pondok Pulau Pisang ialah Faridatul Faraid, Bidayatul Hidayah oleh Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh, Ad-Durruts Tsamin, ketiga-tiganya mengenai akidah. Hidayatus Salikin dan Siyarus Salikin, Ad-Durrun Nafis oleh Syeikh Muhammad Nafis al-

Banjari, ketiga-tiganya mengenai tasawuf. Mengenai terjemahan dan tafsir al-Quran diajarkan Turjumanul Mustafid (Tafsir Baidhawi Melayu) oleh Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri.

Kitab-kitab turas Islam, bahasa Arab yang diajarkan ialah Fathul Mu'in dan syarahnya I' anatut Thalibin, kedua-duanya tentang fikah. Jawahir al-Bukhari, Shahih Bukhari dan kitab-kitab hadis selain kedua-duanya menurut kurikulum yang telah ditentukan. Mengenai ilmu tafsir, yang diajarkan ialah Tafsir Jalalain dan Tafsir Baidhawi dan lain-lain. Ilmu tasawuf dalam bahasa Arab yang diajarkan ialah Minhajul `Abidin dan Ihya' `Ulumid Din, kedua-duanya adalah karangan Imam al-Ghazali.

Selain kitab-kitab bahasa Arab karangan orang luar juga diajarkan kitab-kitab bahasa Arab karangan orang Melayu, seperti Matnur Risalatil Fathaniyah, Tashilu Nailil Amani, kedua-duanya karangan Syeikh Ahmad al-Fathani mengenai ilmu nahwu. Kitab-kitab bahasa Arab karangan Syeikh Nawawi al-Bantani (berasal dari Banten, Jawa Barat) juga banyak diajarkan di Pondok Pulau Pisang.

PENULISAN

Pada penghujung tahun 1988 di sebuah rumah di Patani, penulis memperoleh sebuah kitab berjudul Sirajul Huda wa Mishbahud Duja yang tertulis dengan lengkap nama penyusunnya Muhammad Saleh bin Muhammad Hasyim `Abdul Hamid Ishaq Fathani. Sejak penemuan kitab tersebut penulis mulai menyemak data penyusunnya, maka hanya sedikit dapat dikesan di Patani dan selebihnya diperoleh cerita di Kedah. Kitab berjudul Sirajul Huda yang disusun oleh ulama Kedah keturunan Patani tersebut buat pertama kali dicetak oleh Mathba'ah Muhammad `Ali Shabih dekat Al-Azhar, Mesir tahun 1344 Hijrah.

Selain Sirajul Huda, karya beliau yang lain pula ialah Tanbihul `Awam li Istiqazil Manam, juga dicetak di Mesir tahun 1950. Kemungkinan masih banyak karangan Haji Muhammad Saleh bin Haji Hasyim namun sekarang sukar memperolehnya.

GENERASI PENERUS/KETURUNAN

Sewaktu Tuan Guru Haji Muhammad Saleh bin Haji Muhammad Hasyim meninggal dunia, beliau meninggalkan isteri bernama Saerah binti Abbas, seorang anak perempuan bernama Hajah Jamilah dan tiga orang lelaki, ialah Syeikh Ismail, Haji Qasim dan Syeikh Ramli. Kelima-lima anaknya mendapat pendidikan dan akhirnya mendapat kedudukan yang layak dalam masyarakat. Selain mendidik sendiri di Pondok Pulau Pisang, mereka juga melanjutkan pelajarannya ke Mekah dan Mesir.

Zakariya Ahmad dalam satu artikel yang dimuat dalam Biografi Ulama Kedah Darul Aman, menulis bahawa Syeikh Ismail pernah memegang jawatan Pengerusi Majmak

Ulama Negeri Kedah, Syeikh Ramli pernah dilantik menjadi Pendaftar Sekolah-sekolah Agama Negeri Kedah dan Haji Qasim seorang tokoh agama yang banyak berjasa.

Penulis berkesimpulan, bahawa tiada siapa dapat menafikan keberkesanan dan jasa-jasa institusi pengajian pondok yang merupakan institusi pendidikan yang tertua di dunia Melayu dalam membina umat Islam dan etnik rumpun Melayu pada zaman dulu dalam tempoh masa yang sangat panjang. Pada zaman kita sekarang institusi pengajian pondok ada beberapa jenis, antaranya masih seperti sediakala, ada yang menggabungkan antara pendidikan pondok dan sistem persekolahan dan ada juga yang dinamakan pondok moden. Walau apa pun jenisnya, bagi kita mestilah mempertahankan kesinambungan khazanah dan warisan Melayu yang pernah wujud, berpotensi, atau bermanfaat bagi umat Islam dan bangsa Melayu. Institusi pengajian pondok tiada perlu dimusnahkan, tetapi sebaik-baiknya ialah mempertahankan keasliannya dengan mempertingkatkan dan menyesuaikan dengan perkembangan zaman, yang dinamakan zaman sains dan teknologi seperti sekarang ini.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Muhammad al-Fathani - Ulama pembesar Turki

Syeikh Muhammad al-Fathani - Ulama pembesar Turki

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

SALAH seorang anak Syeikh 'Abdul Qadir bin 'Abdur Rahman al-Fathani yang menjadi ulama besar di Mekah sekali gus adalah seorang pembesar Mekah pada zaman pemerintahan Turki 'Utsmaniyah, ialah Syeikh Muhammad al-Fathani. Syeikh Muhammad al-Fathani termasuk dalam lingkungan keluarga besar ulama-ulama Patani yang terkenal, mulai ayah hingga beberapa lapis ke atas, sama ada dari pihak ayah mahu pun dari pihak ibu semuanya ulama belaka. Ayahnya Syeikh 'Abdul Qadir bin 'Abdur Rahman bin 'Utsman al-Fathani adalah saudara sepupu Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani (penulis Mathla' al-Badrain). Kedua-duanya adalah ulama besar yang cukup besar pengaruhnya di Mekah mahu pun di seluruh dunia Melayu. Kedua-duanya pula adalah cucu saudara Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fathani.

Syeikh Muhammad bin Syeikh 'Abdul Qadir al-Fathani mempunyai beberapa orang adik beradik, di antaranya Syeikh Daud bin Syeikh 'Abdul Qadir al-Fathani. Syeikh Daud bin Syeikh 'Abdul Qadir al-Fathani memperoleh seorang anak bernama Syeikh Ibrahim bin Syeikh Daud al-Fathani, beliau ini banyak disebut oleh Syeikh Yasin bin 'Isa al-Fadani dalam karangan-karangannya yang membicarakan sanad-sanad hadis. Syeikh Ibrahim bin Syeikh Daud al-Fathani selain anak saudara Syeikh

Muhammad al-Fathani, sekali gus adalah anak angkat, anak didik, bahkan hampir keseluruhan ilmu yang dikuasai oleh Syeikh Ibrahim bin Syeikh Daud al-Fathani adalah diperoleh daripada ayah saudaranya itu. Syeikh Muhammad al-Fathani mengajar anak saudara itu dan beberapa orang yang berasal dari dunia Melayu mulai kitab yang paling asas hinggalah kitab yang tinggi-tinggi, di antara kitab yang tinggi-tinggi itu tidak semua orang berkemampuan mengajarkannya.

SANAD ILMU

Apabila kita jejak pendidikan yang dialami Syeikh Muhammad al-Fathani dapat diambil kesimpulan sekurang-kurangnya melalui dua jalur yang besar. Jalur pertama melalui lingkungan keluarga sendiri atau keluarga Patani di Mekah. Dan jalur yang kedua melalui ulama-ulama bangsa Arab yang berada di Mekah. Jalur daripada keluarga sendiri sekurang-kurangnya belajar kepada tiga orang. Yang pertama, kepada ayah beliau sendiri, iaitu Syeikh 'Abdul Qadir bin 'Abdur Rahman al-Fathani, Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani dan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Jalur yang melalui ulama-ulama Mekah sangat panjang untuk diceritakan. Di bawah ini saya salin satu sanad yang beliau berikan kepada muridnya yang bernama Muhammad Sa'id bin Ahmad yang berasal dari Melaka. Sungguh pun sanad tersebut hanya membicarakan Hizib an-Nawawi dibaca setiap selesai sembahyang Subuh dan Maghrib, namun sanad ini juga ada kaitan dengan pelbagai disiplin ilmu. Salinan selengkapnya adalah sebagai berikut: 1. Syeikh Muhammad bin Syeikh 'Abdul Qadir al-Fathani, belajar kepada, 2. Saiyid 'Umar bin Saiyid Muhammad Syatha, belajar kepada, 3. Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan, belajar kepada, 4. Syeikh 'Utsman bin Hasan ad-Dimyathi, belajar kepada, 5. Syeikh Abi Muhammad Muhammad bin Muhammad al-Amir al-Kabir, belajar kepada, 6. Syeikh asy-Syamsu Muhammad bin Salim al-Hifni, belajar kepada, 7. Syeikh Muhammad bin 'Ali al-'Alawi, belajar kepada, 8. Saiyidi Muhammad ibnu Sa'aduddin, belajar kepada, 9. Saiyidi Muhammad ibnu at-Turjuman, belajar kepada, 10. Saiyidi Syeikh 'Abdul Wahhab asy-Sya'rani, belajar kepada, 11. Al-Burhan ibnu Abi Syarif al-Qudsi, belajar kepada, 12. Al-Badru al-Qubban, belajar kepada, 13. Saiyidi Muhammad ibnu al-Khabbaz, belajar kepada, 14. Al-Imam Muhyuddin Abi Zakaria bin Syarfun Nawawi (wafat tahun 670 H/1271 M).

Berdasarkan sanad di atas, dapat diketahui Syeikh Muhammad al-Fathani belajar kepada Saiyid 'Umar bin Saiyid Muhammad Syatha. Beliau adalah adik beradik dengan Saiyid Abi Bakri Syatha (pengarang kitab I'anah ath-Thalibin yang terkenal), dipercayai Syeikh Muhammad al-Fathani juga belajar kepada ulama ini yang sanadnya sama dengan yang di atas. Sebahagian besar ulama dunia Melayu mengaku mereka adalah murid kepada Saiyid Abi Bakri Syatha, hampir-hampir tidak ada yang menyebut mereka belajar kepada Saiyid 'Umar bin Saiyid Muhammad Syatha. Setakat ini ulama dunia Melayu daripada catatannya sendiri, yang menyebut dirinya murid Saiyid 'Umar bin Saiyid Muhammad Syatha hanya dua orang. Selain Syeikh Muhammad al-Fathani ialah Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi. Bahkan, Syeikh Tahir Jalaluddin berkahwin yang pertama di Mekah yang mengangkatkan

nikahnya ialah Saiyid 'Umar bin Saiyid Muhammad Syatha. Dari sini dapat diambil kesimpulan bahawa Syeikh Muhammad al-Fathani adalah bersahabat dengan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi ahli falak yang terkenal itu.

Syeikh Muhammad al-Fathani juga bersahabat dan seperguruan dengan Saiyid Muhammad 'Ali bin Husein al-Maliki al-Makki. Kedua-duanya sama-sama belajar kepada Saiyid Abi Bakri Syatha yang bersanadkan kepada Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan dan seterusnya. Ramai ulama dunia Melayu yang datang kemudian tercatat sebagai murid Saiyid Muhammad 'Ali bin Husein al-Maliki al-Makki itu, tetapi hanya sebahagian saja yang sempat belajar kepada Syeikh Muhammad al-Fathani. Mengenainya disebabkan Syeikh Muhammad al-Fathani meninggal dunia jauh lebih awal daripada Saiyid Muhammad 'Ali bin Husein al-Maliki al-Makki. Walau bagaimana pun dalam masa-masa kemasyhuran ulama Arab itu dari Patani muncul dua nama, ialah Syeikh Daud bin Mustafa al-Fathani (Tok Cik Wan Daud) dan anak saudaranya, ialah Ismail bin Abdul Qadir al-Fathani (Pak De 'El).

KITAB-KITAB YANG DIAJARKAN

Syeikh Muhammad al-Fathani sangat mengambil perhatian kepada murid-muridnya dalam penekanan ilmu-ilmu Arabiah yang terdiri daripada kitab-kitab ilmu nahu, mulai Matn al-Ajrummyah dan syarahnya Mukhtashar Jiddan oleh guru daripada gurunya, iaitu Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan. Dalam rangkaian ilmu nahu dimestikannya pula belajar kitab-kitab al-Kafrawi, al-Kawakib, al-Qathar, asy-Syuzur, Ibnu 'Aqil dan syarahnya, Asymuni dan lain-lain. Dilanjutkan dengan ilmu Bayan dengan kitab-kitab seperti Risalah ad-Dardir, Jauhar al-Maknun, Hasyiyah ash-Shabban, Jamul Jawami', dan lain-lain. Kitab-kitab fiqh Syafi'iyah yang diajarkan oleh Syeikh Muhammad al-Fathani ialah al-Minhaj, al-Bahjah, at-Tuhfah, an-Nihayah, dan lain-lain. Semua yang tersebut adalah dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun dalam lingkungan keluarga ini termasuk Syeikh Muhammad al-Fathani tidak mengabaikan pengajaran kitab-kitab Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fathani. Mengenai tafsir al-Quran juga beliau ajar, di antaranya ialah Tafsir al-Jalalain. Sebagaimana penekanan dalam ilmu-ilmu yang tersebut, demikianlah penekanan ilmu-ilmu hadis. Kitab as-Sittah yang sangat terkenal di kalangan ahlus sunah itu tidak ketinggalan dalam senarai yang mesti diajarkan.

AKTIVITI

Selain mengajar dan menjadi pembesar Mekah zaman pemerintahan Syarif Husein di Mekah, di bawah naungan kerajaan Turki 'Utsmaniyah, Syeikh Muhammad al-Fathani duduk pula sebagai ahli jawatankuasa menangani karangan-karangan Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fathani. Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab mulai penyalinan semula untuk diperbanyak, penyemakan salinan, mengenalpasti kitab Arab yang dirujuk, memberi keterangan pada perkataan-perkataan yang nadir dan lain-lain. Pekerjaan demikian dikelola oleh ayah beliau, Syeikh Abdul Qadir bin 'Abdur

Rahman al-Fathani, Syeikh Muhammad Ismail al-Fathani/Syeikh Nik Mat Kecil al-Fathani, kedua-duanya adalah cucu saudara Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fathani.

Pekerjaan kedua-dua ulama itu adalah menanggapi dan menyetujui inisiatif dan program kerja Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani.

Mereka mengumpulkan koleksi secara keseluruhan dan dibuat perencanaan bahawa karya-karya Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fathani yang paling utama dan didahulukan untuk diterbitkan daripada karya-karya selain beliau. Walau bagaimanapun karya-karya ulama dunia Melayu lainnya tidak diabaikan. Kitab-kitab Syeikh Daud al-Fathani mulai ditash-hih, kitab-kitab fikanya dimulai dengan tash-hih Syeikh 'Abdul Qadir bin 'Abdur Rahman al-Fathani dan Syeikh Muhammad al-Fathani membantu kerja-kerja ayahnya itu.

Kitab

Di antara kitab karangan Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fathani yang ditangani oleh Syeikh 'Abdul Qadir bin 'Abdur Rahman al-Fathani yang sekali gus melibatkan anak beliau, Syeikh Muhammad al-Fathani dalam perkara kerja-kerja yang telah disebutkan di atas, ialah kitab Hidayah al-Muta'allim, Bughyah ath-Thullab dan Furu' al-Masail Dalam Furu' al-Masail lebih 70 perkara fiqhiyah diberi keterangan atau dikomentari oleh Syeikh 'Abdul Qadir al-Fathani, dan di antara yang 70 perkara itu ada yang menyebut nama anak beliau, Syeikh Muhammad al-Fathani yang diriwayatkan ini. Di antara perkara yang menyebut nama Syeikh Muhammad bin 'Abdul Qadir al-Fathani dalam Furu' al-Masail ialah salah sebuah edisi cetakan Furu' al-Masail ada catatan, "Dan pada tepinya beberapa taqrirat bagi asy-Syeikh 'Abdul Qadir al-Fathani dan bagi asy-Syeikh Muhammad bin 'Abdul Qadir al-Fathani, dan fawaid, dan lainnya".

Furu' al-Masail halaman 212, "Orang yang kedatangan haid dahulu daripada tawaf rukun dan tiada kuasa tinggal di Mekah sebab ketiadaan nafkah ... " Jawabnya, "Harus ia kembali ke negerinya. Kemudian apabila sampai pada tempat, yang ketiadaan boleh dengan kemudahan kembali ke Mekah hendaklah ia tahallul ... Dan tinggallah tawaf pada zimmahnya, maka datanglah hukumnya seperti orang yang dahulu ... " Kalimat ini telah dibahas oleh Syeikh 'Abdul Qadir al-Fathani, dan kalimat beliau itu kemudian dibahas lagi oleh anak beliau, Syeikh Muhammad al-Fathani, tulisnya, "Dan bahawasanya yang terlebih memeliharakan...hingga akhir, ibaratnya (susunan kalimat), kata Syeikh 'Abdul Qadir al-Fathani, "Adalah perkataan Tuan Syeikh Daud itu tiada ada maujud pada asal, dan tidak munasabah perkataannya bagi tawaf rukun. Hanya ada munasabah bagi perempuan yang tiada haid, maka masalah ini, masalah haid. Maka perempuan yang haid ketika ia hendak musafir itu gugur wajib tawaf wida'nya." Syeikh Muhammad al-Fathani, menjelaskan perkataan ayahnya itu, tulis beliau, " kata walid (ayahku, maksudnya Syeikh 'Abdul Qadir al-Fathani, pen:), "Perkataan ini tiada ada pada asalnya", maka hamba dapat akan dia pada Hasyiah Jamal atas Fath al-Wahab ... " Daripada

kalimatnya yang terakhir, iaitu, "... , maka hamba dapat akan dia pada Hasyiah Jamal atas Fath al-Wahab ... " adalah sebagai bukti bahawa Syeikh Muhammad al-Fathani seorang ulama yang rajin dalam penelitian, rajin membaca dan bukan taklid. Saya berkesimpulan walaupun Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fathani dan ayahnya ulama besar, namun apa yang ditulis tetap diteliti dan dicari di mana sumber rujukan. Mengenai ini bukan bererti menyalahkan ulama terdahulu, tetapi adalah untuk lebih memperjelas dan mengukuhkan kedudukan sesuatu hukum Islam yang akan diamalkan oleh masyarakat Islam yang luas tanpa ragu.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani - Penyambung aktiviti ulama Palembang

Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani - Penyambung aktiviti ulama Palembang

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

PENYELIDIKAN awal yang saya lakukan terhadap ulama besar ahli sufi yang berasal dari Palembang, Sumatera Selatan ini dimulai dengan terdapat sebuah kitab berjudul Badi'uz Zaman, karyanya yang disebut oleh Syeikh Ahmad al-Fathani dalam karyanya Al-Fatawal Fathaniyah. Ada satu permasalahan Syeikh Ahmad al-Fathani tidak sependapat dengan Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani itu, iaitu mengenai perbahasan sifat ``harus bagi Allah''. Menurut Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani ``harus bagi Allah ada empat perkara'', sedangkan menurut Syeikh Ahmad al-Fathani dan pendapat ulama ahli tauhid ``harus bagi Allah itu hanya satu sahaja'', iaitu ``memperbuat sekalian mungkin atau meninggalkannya ``.

Bertahun-tahun saya mencari kitab Badi'uz Zaman karya Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani itu akhirnya diperoleh juga, bahkan banyak lagi karangan beliau selain itu dapat saya kumpulkan. Pada mulanya ada beberapa perkara yang saya ragukan terhadap ulama ini, di antaranya sebuah karyanya yang diselesaikan pada tahun 1259 Hijrah/ 1843 Masehi dan karya beliau yang terakhir disebutkan bahawa diselesaikan dalam tahun 1324 Hijrah/ 1906 Masehi. Memperhatikan tahun yang tersebut itu bererti beliau telah hidup pada zaman Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan masih hidup pula pada zaman Syeikh Ahmad al-Fathani. Bererti daripada penulisan pertama hingga yang terakhir memakan masa sekitar 65 tahun. Mengenai nama beliau pula ada yang ditulis dengan menggunakan Muhammad bin Abdullah al-Azhari al-Falimbani dan yang lain dengan Muhammad Azhari bin Abdullah al-Falimbani. Dalam buku Masuk dan Berkembangnya Islam di Sumatera Selatan, tercatat nama yang lain pula, iaitu Kiyai Haji Kemas Muhammad Azhari atau dikenal juga dengan sebutan Kiyai Syeikh dan Kiyai Pedatukan. Disebutkan juga riwayat yang sangat ringkas mengenainya, ``Beliau sangat mendalami ajaran Islam, dan mungkin merupakan orang Indonesia pertama menuntut ilmu serta melakukan pengembaraan ke negeri-negeri Arab, Mesir, Syria, dan India serta

negeri-negeri lainnya. Beliau diikuti oleh puteranya yaitu Haji Kemas Abdullah Azhary' (2).

Terakhir sekali biografi yang agak lengkap mengenai anaknya ditulis oleh Syeikh Yasin Padang dalam beberapa buah bukunya banyak dapat menolong ke arah jawaban kemusykilan-kemusykilan penyelidikan terhadap ulama ini.

PENDIDIKAN

Nama lengkapnya As-Shufi as-Syeikh Muhammad Azhari bin Abdullah bin Muhammad Asyiquddin bin Shafiyuddin Abdullah al-'Alawi al-Husaini. Mengenai guru-guru beliau dalam beberapa tempat karyanya ada beliau catatkan di antaranya, ``Maka inilah salasilah Thariqat al-Khalwatiyah as-Samaniyah, turun-turun tempat mengambil zikir dan kaifiyatnya bagi Wali Allah yang terlebih takut akan Allah Taala, yaitu Quthbur Rabbani dan arif yang shamadani, guru kita dan penghulu kita, yaitu asy-Syeikh Muhammad bin asy-Syeikh Abdul Karim as-Samani yang telah masyhur. Dan sesungguhnya telah mengambil talqin zikir ini oleh faqir Muhammad Azhari ibnu Abdullah al-Falimbani. Ia mengambil daripada asy-Syeikh Muhammad Aqib bin Hasanuddin al-Falimbani. Ia mengambil daripada asy-Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani. Ia mengambil daripada Quthbul Akwan Saiyidinasy Syeikh Muhammad Saman al-Madani...''

Pada tempat yang lain Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani menyebut Syeikh Ma'ruf bin Abdullah (belum jelas apakah sama dengan Syeikh Abdullah bin Ma'ruf seperti yang tersebut di atas). Selain itu beliau menyebut bahawa menerima Thariqat Qadiriyah kepada Syeikh Muhammad Zainuddin as-Sumbawi. Ia mengambil daripada Syeikh Muhammad Mukrim, Mufti Hamad di Syam. Menurut Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani lagi bahawa Syeikh Muhammad Zainuddin as-Sumbawi itu adalah penyusun kitab Tuhfatul Qudsiyah.

Pada bacaan hadiah al-Fatihah pula disebut beberapa orang ulama, yaitu Syeikh Abdul Lathif Musyarri', Syeikh Abdur Rahman Musyarri', Syeikh Abdullah Amin al-Haji Bastam. Kemungkinan yang beliau sebutkan ini adalah guru-guru beliau, yang beliau sebut sebagai Syaikhuna.

Belajar

Selain sumber asli Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani sendiri seperti yang telah dinukil di atas, daripada sumber Syeikh Yasin Padang pula beliau menyebut nama-nama guru Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani itu. Bahawa beliau belajar kepada ayahnya Syeikh Abdullah. Syeikh Abdullah belajar kepada ayahnya Syeikh Asyiquddin. Syeikh Asyiquddin belajar kepada beberapa orang ulama yaitu Muhammad Murad as-Sandi, Muhammad bin Sulaiman al-Kurdi al-Madani, Muhammad bin Abdul Karim Saman, Abdul Wahhab at-Tantawi, Sa'id bin Hilal al-Makki. Semua ulama tersebut adalah murid kepada Ahmad bin Muhammad an-Nakhali, Abdullah bin Salim

al-Basri dan Sayid Muhammad bin Abi Bakar asy-Syibli. Ketiga-tiga ulama ini adalah murid asy-Syamsu Muhammad bin al-'Ala al-Babili. Kemudian Syeikh Yasin Padang menyebut pula daripada salasilah yang lain, bahawa Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani adalah murid kepada Syeikhah Fatimah binti Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani. Syeikhah Fatimah ini adalah murid ayahnya sendiri, iaitu Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, sanad/salasilah beliau ini ada beberapa jalur, tetapi tidak disebutkan di sini. Daripada salasilah lain Syeikh Yasin Padang menyebut pula bahawa Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani murid kepada Sayid Ahmad bin Muhammad al-Hadhrawi. Beliau adalah murid kepada ayah dan datuknya asy-Syihab Ahmad bin Ahmad al-Mansuri. Beliau murid kepada Sayid Muhammad Murtadha az-Zabidi, Muhammad al-Amir al-Kabir, Abi Abdillah Muhammad bin `Aqilah al-Makki al-Ahdal dan Abdul Ghafur as-Sandi.

Kesimpulan daripada salasilah/sanad di atas dan hasil kajian daripada karya-karya Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani sendiri yang menyebut nama beberapa orang ulama yang berasal dari Palembang, terutama yang menjadi rujukan utama dan pegangan kukuh bagi beliau ialah Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, bahkan Syeikh Muhammad Azhari adalah murid Fatimah anak Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, maka dapat dipastikan bahawa beliau sebagai ulama penyambung aktiviti-aktiviti penulisan ulama Palembang. Pada pandangan dan pendapat saya sesudah Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, Palembang, Sumatera Selatan nampaknya dalam kekeringan ulama yang terjun ke dunia penulisan kitab. Dengan kemunculan Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani yang pertalian keilmuannya mempunyai hubungan dengan ulama-ulama Palembang secara asli, maka dapatlah kita anggap bahawa beliau adalah tokoh terbesar ulama Palembang sesudah Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani yang sangat terkenal itu.

KARYA-KARYA DAN PEMIKIRAN

Setakat ini karya-karya Syeikh Muhammad Azhari bin Abdullah al-Falimbani yang telah ditemui ialah:

1. `Atihyatur Rahman fi Bayani Qawa'idil Iman, ditulis pada tahun 1259 H/1843 M. Kitab ini banyak kali dicetak bersama karya gurunya Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badawi Sumbawi berjudul Sirajul Huda. `Athiyatur Rahman sentiasa dicetak di bahagian tepi Sirajul Huda
2. `Aqaidul Iman li Ma'rifatil Ilahir Rahman, diselesaikan di Mekah, 18 Safar 1309 Hijrah/1891 Masehi. Dicitak dengan huruf batu di Singapura pada 8 Syawal 1319 Hijrah/1901 Masehi, iaitu naskhah yang disalin oleh `Alwi bin Idrus al-'Aidrus.
3. Badi'uz Zaman fi Bayani `Aqaidil Iman, diselesaikan di Mekah, 21 Rabiulakhir 1310 Hijrah/1892 Masehi, cetakan pertama dan ketiga oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Mekah (pertama 1310 Hijrah dan ketiga 1329 Hijrah).

4. Bidayatur Rahman, 1324 Hijrah/1906 Masehi. Pernah dicetak oleh Mathba'ah al-Miriyah, Mekah, 1330 Hijrah/1911 Masehi.
5. Amalan Doa `Ukasyah Bergantung Makna Serta Dengan Syarahnya, tanpa disebutkan tarikh penulisan. Dicitak di tempat Haji Muhammad Sa'id bin Haji Arsyad, Singapura. Cetakan ini diusahakan oleh seorang muridnya Hasan bin Abdusy Syukur.

Tasawuf

Apabila kita mengkaji pemikiran Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani, maka sebahagian besar jalan pemikirannya menjurus kepada pemikiran tasawuf dan sedikit pemikirannya mengenai tauhid. Selain itu dari sudut sastera Melayu beliau juga menggubah beberapa untaian syair. Menurut Syeikh Muhammad Azhari bahawa jalan tetap iman itu ada kalanya mengambil dalil daripada ayat al-Quran, hadis dan pandangan yang membawa kepada `ilmul yaqin', dan adakalanya dengan `musyahadah' akan `Kamal Sifat-Nya'. Syeikh Muhammad Azhari, memetik pendapat Syeikh Tusi, mengenai martabat orang `ahli syuhud', yang dihuraikan dengan agak panjang.

KETURUNAN DAN MURID

Mengenai anak Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani yang menjadi ulama terdapat dua sumber dalam karya bahasa Arab. Kedua-duanya ialah tulisan Syeikh Abdullah Mirdad Abul Khair judul *Nasyrun Naur waz Zahar*. Sumber yang kedua ialah karya Syeikh Yasin Padang dalam *Tasyniful Asma' Syuyuhil Ijazah was Sama'*, juga dalam *Bulughul Amani*. Syeikh Muhammad Azhari telah mendidik anaknya itu, kemudian menyerahkannya belajar kepada beberapa orang ulama terkenal di Mekah. Anak beliau yang tersebut bernama Syeikh Abdullah Azhari, lahir di Mekah, menurut Syeikh Abdullah Mirdad Abul Khair. Tetapi menurut Syeikh Yasin Padang, bahawa beliau lahir di Palembang, malam Khamis, 18 Syaaban 1279 Hijrah/1862 Masehi. Wafat pada hari Ahad, 16 Zulkaedah 1357 Hijrah/1938 Masehi, dalam usia lebih kurang 78 tahun. Pada masa hidupnya bergiat dalam mengajar di Mekah dan usaha penanganan Syeikh Haji. Keturunan beliau selanjutnya tidak disebut dalam karya kedua-dua penulis yang tersebut, namun sampai pada masa berakhirnya sistem Syeikh Haji di Mekah masih terdapat tanda nama Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani. Ini bererti keturunan beliau masih aktif dalam pengurusan Syeikh Haji di Mekah pada masa itu.

Selain Syeikh Abdullah Azhari sebagai anak, sekali gus adalah muridnya, barangkali ramai murid Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani itu, di antaranya ialah Haji Hasan bin Abdusy Syukur yang berusaha menerbitkan karya beliau. Syeikh Muhammad Azhari al-Falimbani telah menyebarkan Thariqat Sammaniyah-Khalwatiyah di tempat-tempat pengembaraannya terutama sekali di dunia Melayu. Dalam dunia tarbiyah thariqah shufiyah yang dijalankannya, beliau adalah seorang tokoh yang melanjutkan tatacara yang dilakukan oleh Syeikh Abdus Shamad al-

Falimbani. Mengenai Thariqat Qadiriyyah nampaknya nama beliau tidak begitu ditonjolkan kerana tenggelam dalam kebesaran kemursyidan Syeikh Ahmad Khathib Sambas.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Muhammad Yasin - Ulama Kedah berhijrah ke Mempawah

Muhamm ad Ya sin - Ul ama K eda h be rhij rah k e M empa wah

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

MAKLUMAT bertulis berupa tulisan tangan dan kitab-kitab peninggalan Syeikh Muhammad Yasin yang berasal dari Kedah ini telah ditemui di Kampung Kuala Secapah, Mempawah, Kalimantan Barat tahun 1998 Masihi. Selain itu jauh sebelum ini, sumber-sumber sahih yang dapat dipercayai diperolehi daripada Tuan Guru Haji Abdur Razzaq. Ulama yang berasal dari Daik, Kepulauan Riau ini wafat di Mempawah, 1978 dalam usia hampir 100 tahun, adalah murid yang terakhir Haji Muhammad Yasin Kedah, saya sempat bergaul dengan beliau sejak tahun 1968 hingga 1978. Daripada beliau banyak diperolehi informasi tentang ulama yang berhijrah dari Kedah ke Mempawah yang diriwayatkan ini. Diriwayatkan bahawa ulama yang berasal dari Kedah itu belajar di Mekah lebih dua puluh tahun. Untuk memenuhi sara hidupnya selama belajar di Mekah, beliau mengambil upah menyalin pelbagai kitab Melayu/Jawi. Yang paling banyak disalinnya ialah kitab Siyarus Salikin karya Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani. Salah satunya ada dalam simpanan saya.

Kepercayaan

Mengenai guru Haji Muhammad Yasin Kedah ketika belajar di Mekah, Haji Abdur Razzaq meriwayatkan, ``Sewaktu saya akan pergi ke Mekah dalam tahun 1889, waktu itu saya masih kecil, saya dibawa oleh ayah saya menziarah Tok Haji Mat Yasin. Ayah saya adalah murid yang setia dan kepercayaannya. Tok Haji Mat Yasin mengamanahkan berupa kiriman duit yang banyak kepada gurunya di Mekah, iaitu Syeikh Nik Mat Kecil Fathani, pengarang Mathla'ul Badrain.'' Kata Haji Abdur Razzaq, ``Tok Haji Mat Yasin adalah termasuk khalifah dan mursyid Thariqat Qadiriyyah di bawah jagaan Syeikh Ahmad Khathib Sambas. Saya kurang pasti apakah beliau menerima langsung daripada Syeikh Ahmad Khatib Sambas itu ataupun beliau telah dibaiah oleh murid-murid Syeikh Ahmad Khathib Sambas, di antaranya Syeikh Abdul Karim Bantan ataupun Syeikh Abdul Qadir al-Fathani ataupun Syeih Nik Mat Kecil al-Fathani sendiri.''

Memperlihatkan hal-hal yang tersebut saya berkesimpulan bahawa walaupun Haji Muhammad Yasin dikatakan murid kepada Syeikh Nik Mat Kecil al-Fathani, namun

umur beliau barangkali tidak berjauhan. Atau sekurang-kurangnya beliau ini adalah murid peringkat terawal ulama yang berasal dari Patani kelahiran Pulau Duyung, Terengganu yang terkenal itu. Kedatangan Haji Muhammad Yasin ke Mempawah, Kalimantan Barat juga adalah ditugaskan oleh Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani, bukan kehendaknya sendiri.

MEMBUKA PONDOK

Diriwayatkan bahawa dakwah yang berantai yang dilakukan dari Semenanjung Melayu dan Patani ke Kalimantan Barat yang melibatkan setiap orang yang pergi haji ataupun orang yang sengaja semata-mata untuk belajar ke Mekah memang tahu pasti mengenai Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani yang berlanjutan sampai ke zaman Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani. Di kalangan sultan ataupun penembahan terutama Sultan/Penembahan Pontianak, Mempawah dan Sambas setiap tahun mengirim surat, barang-barang dan wang kepada ulama-ulama Patani, terutama kepada Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani.

Oleh kerana banyak surat yang diterima daripada tiga kerajaan tersebut maka Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani telah mengutus beberapa orang muridnya berdakwah dan mengajar di Kalimantan Barat. Sedangkan yang telah menunggu di Mempawah ialah Tuan Guru Haji Wan Nik al-Fathani, yang sebelumnya telah dirintis oleh Syeikh Ali bin Faqih al-Fathani. Adapun Haji Muhammad Yasin Kedah adalah di antara sekian ramai mubaligh dan ulama yang ditugaskan di Kalimantan Barat itu. Manakala Haji Muhammad Yasin sampai ke Pontianak, beliau ditampung oleh Sultan Pontianak yang memerintah ketika itu iaitu Sultan Syarif Yusuf bin Syarif Abdul Hamid al-Qadri (1873 Masihi - 1895 Masihi). Sultan meminta beliau mengajar di istana dan masyarakat Pontianak. Permintaan itu beliau persetujui, namun mengajar di Pontianak tersebut hanya beberapa bulan, kerana pada pandangan beliau mengajar dengan cara menerima gaji adalah mencerminkan kurang tawakalnya terhadap Allah. Haji Muhammad Yasin Kedah lebih suka berdikari daripada diarahkan oleh orang lain. Beliau bermohon kepada Sultan Pontianak untuk melakukan pengembaraan ke utara, maksudnya adalah Mempawah dan Sambas. Pada khayalannya apabila berjalan menuju ke utara adalah bersifat mendaki atau naik ke atas, maka segala cita-cita akan tercapai. Sebaliknya apabila menuju ke selatan adalah bersifat menurun, maka akan menempuh gangguan dan cubaan, kejayaan sukar dicapai.

Tujuan pengembaraan ini ialah mencari lokasi untuk membuka satu institusi pengajian pondok. Beliau berkenan sebuah lokasi yang mempunyai sebuah sungai yang mengalir dan letaknya di tepi laut. Apabila tempat yang demikian ada penduduknya, maka akan lekas berkembang kerana dari pihak laut orang akan datang ke daratan. Tabiat air pula mengalir dari hulu menuju pantai, maka orang akan datang menuju pondok itu mengikut jalan dan tabiat air tersebut.

Hanya dengan berjalan kaki sejauh lebih kurang enam puluh kilometer, Haji Muhammad Yasin Kedah tidak jadi meneruskan perjalanannya ke utara kerana tempat yang sesuai menurut beliau membuka pondok pengajian itu telah ditemuinya. Tempat tersebut ialah Kampung Kuala Secapah yang merupakan muara sungai Mempawah. Di Sungai Mempawah itulah dahulunya tempat pahlawan Bugis bernama Upu Daeng Menambon mulai melabuhkan perahunya yang kemudian mudik ke hulu kira-kira empat kilometer, lalu membentuk sebuah kerajaan Islam yang dinamakan Kerajaan Mempawah.

Kedatangan Haji Muhammad Yasin disambut gembira oleh penduduk kerana sebelum kedatangan beliau ke situ namanya memang sudah sangat terkenal sama ada di kalangan elit kerajaan mahupun masyarakat yang memang fitrahnya mengasihi para ulama. Dipercayai kedatangan beliau ke Mempawah ialah pada zaman pemerintahan Gusti Ibrahim yang bergelar Penembahan Ibrahim Shafiuddin (kira-kira tahun 1872 Masihi - 1887 Masihi). Menurut riwayat, Haji Muhammad Yasin membina sebuah rumah yang besar di Kampung Kuala Secapah tersebut, orang pun datang berbondong-bondong kerana menimba ilmu dan berkat kekeramatannya. Dalam waktu yang relatif singkat ada pula yang membuat pondok di sekeliling rumah beliau. Haji Muhammad Yasin Kedah menarik minat masyarakat dengan pelbagai kepandaiannya. Dari sudut kesenian yang bercorak Islam beliau adalah seorang ulama yang pandai bermain Hadhrah. Sampai sekarang masih ada golongan masyarakat Kuala Secapah khususnya dan Kalimantan Barat umumnya pandai bermain Hadhrah yang bersumber daripada Haji Muhammad Yasin Kedah.

Menurut keterangan masyarakat permainan Hadhrah bahawa sanad kesenian itu berasal daripada Syeikh Abu Bakar al-Adani. Selain kesenian shufi berupa Hadhrah Haji Muhammad Yasin juga mengajar pelbagai lagu Barzanji, Nazham dan Burdah. Semua kesenian yang tersebut itu masih belum pupus di Mempawah, Kalimantan Barat terutama sekali Barzanji hampir setiap malam ada saja orang-orang yang mengadakan upacara itu. Bagi murid-murid yang memahami ilmu tauhid, fikah dan tasawuf, beliau tawajuhkan zikir Thariqat Qadiriyyah yang dinisbahkan kepada Syeikh Abdul Qadir al-Jilani yang sangat terkenal diajarkan oleh Syeikh Ahmad Khathib Sambas di Mekah pada abad ke 19 itu. Semua yang tersebut di atas merupakan pelajaran tambahan sebagai alat penyeru masyarakat yang berminat pada seni. Mata pelajaran pokok yang diajarkan di pondok Haji Muhammad Yasin Kedah tersebut sama seperti pondok-pondok di Patani. Pondok yang beliau asaskan di Kampung Kuala Secapah, Mempawah tersebut merupakan pondok pengajian mengikut sistem pondok Patani yang pertama sekali di Kalimantan Barat.

DIANGGAP KERAMAT

Oleh kerana Haji Muhammad Yasin Kedah memang seorang yang hebat dalam bidang keilmuan dan banyak pula perkara-perkara menyalahi adat yang dapat disaksikan oleh masyarakat luas dengan mata sendiri pada zamannya, maka beliau dianggap seorang yang keramat oleh masyarakat. Bukti-bukti kekeramatan dan keberkatannya

sangat banyak. Menurut cerita masyarakat, sebelum kedatangan beliau, silang sengketa sesama masyarakat sering terjadi, namun setelah beliau datang semua masyarakat tiba-tiba rukun dan damai. Semenjak beliau datang rezeki melimpah ruah, hasil tanaman padi berlipat ganda yang sebelumnya selalu diserang oleh hama, tikus dan air masin menghentam tanaman padi. Demikian halnya juga dengan perkebunan kelapa, selain berbuah lebat harganya juga dijual dengan baik dan memuaskan. Salah satu keistimewaan ulama ini ialah beliau tidak mahu membunuh binatang walau sekecil nyamuk sekalipun. Di kampung tempat beliau membuka pondok itu jika musim angin barat nyamuk sangat banyak. Jenis nyamuknya pula apabila menyengat bisanya sangat berkesan sakit dan gatal-gatal. Bagi orang biasa seekor nyamuk menggigit saja sudah tidak sanggup menahan bisa, tetapi bagi beliau beribu-ribu nyamuk hinggap ke atas tubuhnya beliau biarkan saja, jangankan membunuhnya menghalauapun tidak.

Ketaqwaan

Keramatnya pula, bahawa semua murid yang datang belajar di pondoknya tanpa dikenakan bayaran berupa apapun dan semuanya beliau beri makan dengan belanja kewangan beliau sendiri. Hal ini sangat menghairankan masyarakat kerana tidak diketahui dari mana beliau memperoleh kewangan untuk keperluan perbelanjaan yang tidak sedikit itu. Haji Muhammad Yasin Kedah dengan penuh yakin menyatakan bahawa rahsianya terletak pada ketaqwaan masyarakat dengan memperbanyak ibadat yang pelbagai corak ragamnya. Tetapi di antara amal yang paling penting ialah memperbanyakkan zikrullah dan selawat serta salam ke atas Nabi s.a.w. Apabila dua amalan tersebut telah menjadi darah dan daging, maka pertolongan Allah akan datang di luar dugaan akal manusia, semuanya boleh terjadi. Yang demikian itu mudah bagi Allah, apabila Allah telah meredhainya. Berdasarkan penyaksian masyarakat, Haji Muhammad Yasin Kedah sememangnya banyak melakukan ibadat. Beliau mempunyai bilik khas untuk melakukan ibadat bersendirian selain tempat yang digunakan untuk berjamaah. Di dalam tempat khas itulah beliau banyak mengkhadam zikir nafi dan isbat tujuh puluh ribu kali. Sedangkan zikir dalam berjamaah dilaksanakan sesudah sembahyang lima kali sehari semalam hanya seratus enam puluh kali. Selawat yang beliau amalkan ialah 'Salawat Dalail al-Khairat' yang dibaca setiap hari dan dikhatamkan setiap hari Isnin. Selain selawat tersebut, beliau juga mengamalkan 'Salawat Quraniyah' dan 'Salawat Seratus Empat Puluh Sembilan' yang terdapat dalam Lum'atul Aurad karya Syeikh Wan Ali Kutan, al-Kalantani.

waqaf.net >> [Siri Ulama Nusantara](#) >> Datuk Haji Ahmad Ulama Brunei Darussalam

Dat uk H aji A hma d Ul ama B run ei D arus sala m

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

[WAN Mohd. Shaghir semasa membentangkan kertas kerja pada Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara di Brunei pada Ogos 2001. --- gambar tidak disiarkan --- waqaf.net]

SETELAH genap 100 ulama diperkenalkan dalam ruangan Agama Utusan Malaysia, ulama yang ke-101 ditampilkan dalam artikel ini. Beliau berasal dari Banjarmasin, Indonesia tetapi menjalankan aktivitinya di Brunei Darussalam. Sangat sedikit penyelidikan yang dapat saya lakukan di Brunei, namun dalam dua kali saya mengikuti seminar sebagai pembentang kertas kerja iaitu pada 20-23 November 1995 dan 20-23 Ogos 2001, saya berhasil mengumpulkan riwayat beberapa orang ulama Brunei.

Kebanyakan riwayat adalah hasil wawancara bersama beberapa orang. Secara langsung saya juga berkesempatan pergi ke tempat-tempat yang bersejarah dan tidak dapat diketepikan melalui kajian beberapa buah buku yang diterbitkan di Brunei Darussalam. Kepada semua pihak di Brunei Darussalam yang telah menyumbang bahan-bahan yang sangat berharga, melalui mukadimah artikel ini dan artikel-artikel mengenai ulama Brunei Darussalam berikutnya, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Sebelum memperkatakan ulama yang disebut dalam judul artikel ini, saya telah memperkenalkan beberapa ulama Brunei peringkat awal yang dimuatkan dalam buku Penyebaran Islam dan Salasilah Ulama Sejagat Dunia Melayu jilid ke-4. Mereka yang telah didokumenkan ialah Syarif Ali, Syarif Mufaqiqh al-Muqaddam, Syeikh Adam, Sulaiman Abdur Rahman dan Saiyid Abu Bakar.

Saiyid Abu Bakar adalah datuk kepada Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Dipercayai ulama Banjar yang sedang diriwayatkan ini ada hubungan dengan Saiyid Abu Bakar yang disebut itu.

Mengenai ulama yang berasal dari Banjar yang berhijrah ke Brunei, secara sepintas lalu pernah saya sentuh dan muatkan dalam buku berjudul Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari, cetakan Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur pada 1990.

Beberapa penulis yang berasal dari Brunei menyebut nama ulama yang berasal dari Banjar ini ialah Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdul Lathif. Nama popularnya di Brunei Datuk Haji Ahmad Banjar saja. Beliau dilahirkan di Banjarmasin, Kalimantan, selatan Indonesia.

Tarikh lahirnya belum diketahui tetapi beliau dilahirkan dalam keadaan menyalahi adat kebiasaan. Ketika ibunya, Dayang Seri Banun (sebutan di Banjar) atau Dayang Serbanun (sebutan di Brunei) meninggal dunia, anaknya masih dalam kandungan. Lazimnya manakala ibu meninggal dunia bererti anak dalam kandungan turut

meninggal dunia, tetapi keajaiban telah berlaku. Beberapa bulan kemudian kedengaran suara menangis dari kubur ibu tersebut. Setelah kubur digali ternyata didapati bayi masih hidup.

Seluruh tubuhnya dalam keadaan utuh kecuali hanya sebelah tangannya dimakan ulat bersama-sama mayat ibunya. Semua yang berlaku demikian adalah dengan **قدر** kudrat, iradat dan ilmu Allah **قدر** semata-mata, dan di luar daripada kemampuan manusia memikirkannya. Sesuatu yang menyalahi kejadian, menurut lazimnya dalam ilmu akidah, dinamakan **قدر** khariqul adah **قدر**. Sebaliknya jika seperti biasa saja dinamakan **قدر** sunnatullah **قدر**.

Asal usul

Pada zaman dulu hampir-hampir tidak ada ulama besar yang berasal dari Banjar yang terlepas daripada kaitan dengan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, penyusun Sabil al-Muhtadin, yang sangat masyhur itu. Kaitan yang saya maksudkan di sini adakalanya perhubungan nasab dan adakalanya perhubungan keilmuan. Bahkan sebahagian besar kedua-duanya sekali.

Berdasarkan perjalanan sejarah dan cerita daripada pelbagai sumber, Datuk Haji Ahmad Banjar yang berhijrah ke Brunei sebagai penyebar Islam juga tidak terlepas daripada perhubungan itu. Sebelum datang ke Brunei beliau terlebih dulu telah memperoleh aliran ilmu Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari yang turun kepada beberapa orang anak beliau. Datuk Haji Ahmad Banjar hanyalah sezaman dengan cucu-cucu ulama besar Banjar itu. Kemantapan dilanjutkan di Mekah. Beliau berguru dengan ramai ulama, antaranya Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar as-Sambasi.

Oleh kerana Datuk Haji Ahmad Banjar adalah salah seorang murid Syeikh Ahmad Khathib Sambas, bererti kita dapat menulis sejarah yang agak panjang, lengkap, dan tahun-tahun aktiviti ulama Banjar itu berdasarkan banyak perbandingan. Barangkali sebelum ke Brunei, beliau telah diakui sebagai ulama besar di Banjar. Berdasarkan Syeikh Abdur Rahman Shiddiq al-Banjari, Mufti Kerajaan Inderagiri, tulisannya menyebut nama lengkapnya diawali dengan "Al-Alim Al-Allamah".

Jika kita membicarakan murid Syeikh Ahmad Khathib Sambas yang paling terkenal ia cukup ramai. Antaranya Syeikh Nawawi al-Bantani (lahir 1230H/1814M, wafat 1314H/1896M), tetapi dalam artikel ini hanyalah dipilih yang ada hubungannya dalam persekitaran Borneo/Kalimantan. Salah seorang murid Syeikh Ahmad Khathib Sambas yang berasal dari Sarawak bernama Haji Abdul Lathif bin Haji Abdul Qadir Sarawak. Nama ini serupa nama dengan ayah Datuk Haji Ahmad Banjar, kemungkinan juga ayah beliau. Tetapi tidak dapat dipastikan kerana nama datuk pada Datuk Haji Ahmad Banjar belum diketahui. Haji Abdul Lathif pernah merantau ke Pontianak dan Banjar kerana menyebarkan Islam melalui ajaran Tarekat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah Syeikh Ahmad Khathib as-Sambasi.

Oleh sebab kedua-duanya sama-sama belajar dengan Syeikh Ahmad Khathib Sambas, riwayat yang pasti bererti kedua-duanya adalah bersahabat. Murid Syeikh Ahmad Khathib Sambas yang berasal dari Borneo/Kalimantan pula ialah Syeikh Nuruddin Tekarang. Ulama ini berasal dari selatan Filipina. Selepas belajar di Mekah dia pulang ke Sambas. Kuburnya terletak di Kampung Tekarang, Kecamatan Tebas, Kabupaten Sambas.

Muridnya Syeikh Muhammad Sa`ad daripada keturunan Sambas asli, kuburnya terletak di Kecamatan Selakau, Kabupaten Sambas. Semua ulama yang berasal dari Borneo/Kalimantan tersebut adalah ikhwan (persaudaraan) Datuk Haji Ahmad Banjar dalam Tarekat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah Syeikh Ahmad Khathib as-Sambasi. Riwayat yang diperoleh dari Brunei pula menyatakan Datuk Haji Ahmad Banjar bersahabat dengan ulama Brunei, Pangiran Abdul Momin bin Pangiran Sabtu (wafat 1298H/1880M). Beliau ini berasal dari Kampung Bakut Siraja Muda.

Sebagaimana pernah saya riwayatkan dalam beberapa tulisan sebelum ini, Syeikh Ahmad Khathib Sambas adalah termasuk murid Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dalam pelbagai bidang ilmu kecuali Tarekat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah. Tarekat itu diterima oleh Syeikh Ahmad Khathib Sambas daripada Syeikh Syamsuddin.

Daripada kenyataan ini bererti sanad atau salasilah keilmuan pelbagai bidang ilmu Datuk Haji Ahmad Banjar melalui Syeikh Ahmad Khathib Sambas naik kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani hingga naik kepada yang lebih atas daripadanya. Sanad atau salasilah ini pula dalam beberapa disiplin ilmu adalah sama dengan sanad atau salasilah Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari.

Selain dipastikan bahawa Datuk Haji Ahmad Banjar adalah murid Syeikh Ahmad Khathib Sambas, diriwayatkan pula ketika di Mekah beliau telah belajar daripada beberapa ulama Arab yang terkenal pada zaman itu, antaranya Syeikh Utsman ad-Dimyathi, Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki dan lain-lain.

Daripada riwayat ini dapat diambil kesimpulan bahawa sama ada ilmu-ilmu yang melalui Syeikh Ahmad Khathib Sambas mahupun ilmu-ilmu yang melalui ulama-ulama Arab, semuanya adalah dalam ilmu yang dianggap selamat dari kaca mata penilaian ulama tradisional. Yang saya maksudkan di sini ialah bahawa dalam akidah tetap berpegang kepada Ahli Sunah Wal Jamaah menurut metod Imam Abu Hasan al-Asy`ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi. Tentang fikah tetap mengikut satu mazhab saja, iaitu Mazhab Syafie. Tentang tasawuf tetap berpedoman dan berpegang teguh dengan kitab-kitab turas tasawuf seperti karangan-karangan Imam al-Ghazali. Demikian juga pegangan tentang amalan, secara rutin tiada sekali-kali ditinggalkan amalan Tarekat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah yang beliau terima langsung daripada gurunya Syeikh Ahmad Khathib Sambas yang sangat terkenal itu.

Pemerintahan

Tahun kedatangan Datuk Haji Ahmad Banjar di Brunei belum diketahui dengan pasti. Diriwayatkan bahawa beliau berhijrah ke Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Brunei yang ke-24, ialah Sultan Abdul Momin yang memerintah dari tahun 1852-1885. Datuk Haji Ahmad Banjar tinggal di Kampung Burung Pingai Ayer dan di sanalah beliau menjalankan aktiviti penyebaran Islam melalui pendidikan dan dakwah.

Murid-murid beliau datang dari beberapa kampung dalam Brunei, kebanyakannya datang dari Kampung Burung Pingai, Kampung Burung Tekuruk, Kampung Lorong Dalam dan lain-lain.

Dipercayai ilmu-ilmu yang diajarkan ialah penekanan tentang fardu ain, terutama akidah, fikah Mazhab Syafie, dan tasawuf. Ilmu fardu ain yang terpenting pula ialah praktik tajwid terutama dalam bacaan al-Fatihah yang wajib dibaca dalam sembahyang. Oleh sebab Datuk Haji Ahmad Banjar termasuk salah seorang ڤڤڤڤ Khalifah Mursyid Tarekat Qadiriyyah-Naqsyabandiyah ڤڤڤڤ, sekali gus beliau juga telah membaiah dan mentawajjuhkan tarekat tersebut kepada beberapa muridnya. Antara mereka yang menerima tarekat itu ialah Pehin Datu Imam Haji Mokti bin Haji Nasar.

Selain kegiatan penyebaran ilmu-ilmu Islam, Datuk Haji Ahmad Banjar juga dilantik sebagai Pengawas Perkembangan Agama Islam di Brunei Darussalam. Selain itu, beliau juga pernah menjadi Kadi. Sungguhpun demikian, kemungkinan kerana waraknya, Datuk Haji Ahmad Banjar pernah menolak penganugerahan gelaran Datuk Seri Maharaja.

Oleh sebab ada hubungan pertalian kekeluargaan dengan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, salah seorang cucu ulama Banjari ini ialah Haji Thasin bin Mufti Jamaluddin al-Banjari yang pergi ke Brunei dan berkahwin dengan anak Datuk Haji Ahmad Banjar yang bernama Aminah.

Hasil perkahwinan itu, mereka memperoleh anak bernama Haji Ramli. Haji Thasin bin Mufti Jamaluddin al-Banjari selain berkahwin di Brunei juga pernah bernikah di Pontianak, memperoleh beberapa orang anak. Antaranya Haji Yusuf Saigon dan Haji Muhammad Arsyad. Kedua-dua anak Haji Thasin yang di Pontianak ini adalah adik-beradik satu ayah dengan Haji Ramli di Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, saya masih belum dapat mengesan keturunan Haji Ramli bin Haji Thasin di Brunei.

